

**AI-MUROJA'AT (DIALOG SUNNAH-SYI'AH)**  
(Terjemahan bebas daripada buku al-Muruja'at (Dialog Sunnah-Syi'ah)  
antara Sayyid Abdul-Husayn Sharafuddin Al-Musawi  
dengan As-Sheikh Salim al-Busyra, Rektor al-Azhar)

**SURAT 1**

UCAP SELAMAT KEPADA PEMBINCANG  
MEMINTA KEBENARAN UNTUK BERBINCANG

**Thul Qi`da 6, 1329 H.**

1] Keamanan dan kesejahteraan, serta rahmat Allah kepada yang mulia lagi dihormati Sayyid Abdul-Husayn Sharafuddin Al-Musawi.

Saya tidak tahu dengan tata susila kaum shia, tidak juga dengan budi bicara mereka, kerana saya belum pernah bergaul dengan mana-mana mereka dan saya juga tidak tahu adat resam keturunan mereka; tetapi saya amat berminat untuk berbincang dengan ulama terkemuka mereka, serta bergaul rapat dengan orang-orang awamnya, supaya dapatlah mengalihkan arah haluan serta cuba memahami hala kecenderungan mereka, sehinggalah, dengan pertolongan Allah saya telah dapat berdiri dipantai lautan pengetahuan kamu yang luas, dan kamu telah mengizinkan saya mengecapi secawan penuh darinya; dan dengannya Allah telah menghilangkan kedahagaan itu. Saya bersumpah dengan \*kota Ilmu Allah, Datuk mu yang pilihan dan dengan pintunya, keturunan kamu yang disanjung, bahawa saya tidak pernah merasakan kepuasan yang sebegini terhadap kehausan, dan juga begitu mujarab sekali terhadap penyakit, seperti limpahan air yang mengalir. Saya biasa mendengar bahawa kamu, kaum shia, lebih suka mengelakkan diri dari saudara kamu, sunni, dan menjauhkan diri dari mereka, dan bahawa kamu merasakan ketenangan dengan berseorangan, sepi menyendiri dan begitulah seterusnya. Tetapi saya dapati diri kamu begitu menyenangkan, bersungguh-sungguh di dalam perdebatan, sopan santun, bernas dalam penghujahan, mudah mesra, jujur di dalam pertelingkahan, menghargai yang tersalah pemahaman, mulia dalam pencabaran, dari itu saya dapati adalah amat menyenangkan untuk duduk-duduk bersama mereka yang shia, dan begitulah yang dicari-cari oleh mereka dari golongan terpelajar.

2] Sedang saya berdiri dipantai lautan ilmu kamu yang luas, saya meminta izin untuk berenang dan menyelam kedalamnya pada mencari mutiara yang ada padanya. Jika kamu mengizinkan, kita akan menggali sedalam mungkin, hingga keakar umbi pada mencari penyebab-penyebab dan juga halangan-halangan yang tertentu, sehingga sekian lama telah menjadi tanda tanya pada diri saya, jika tidak, maka terpulang segalanya kepada kamu. Di dalam menimbulkan persoalan ini, saya bukannya hendak mencari kesalahan atau kekurangan, tidak juga saya mahu menentang atau menghalang; bahkan saya hanya mempunyai satu tujuan: mencari kebenaran. Apabila kebenaran menjadi nyata, maka ianya berhak untuk diikuti; jika tidak, saya samalah seperti seorang penyair yang berkata:

*Kami pada apa yang kami ada, dan kamu pada apa yang kamu tawarkan [ajukan],  
Adakah semuanya [merasa] puas, walaupun apabila pandangan kita berlainan.*

Saya akan, jika kamu izinkan, menghadkan perbincangan saya dengan kamu pada dua tajuk: Satu berkenaan dengan golongan Imami, pada prinsip dan cabang-cabangnya, [1] dan satu lagi mengenai Imami secara umum, iaitu penggantian terhadap Pesuruh Allah [sawas]. Tandatangan saya pada penutup setiap perbincangan adalah 'S', dan biarlah kamu memakai 'Sh'

Terlebih dahulu saya meminta ampun dan maaf diatas segala kesalahan, dan kesejahteraan kepada kamu.

Ikhlās dari,  
'S'

[1] Setelah meminta kebenaran untuk berbincang, dia mula menerangkan perkara-perkara yang perlu diperbincangkan, dengan itu dia telah menunjukkan ketinggian moral dan kecemerlangan dirinya di dalam norma-norma perbincangan. Penggunaan singkatan 'S' dan 'Sh' adalah amat sesuai bagi meneruskan perbincangan yang sedemikian oleh kerana 'S' singkatan untuk 'Salim' dan dia adalah sunni, sedangkan 'Sh' menunjukkan nama keluarga pengarang 'Sharafud-Din,' dan beliau adalah shia.

\* Merujuk kepada sebuah hadith yang diriwayatkan oleh al-Hakim dan Ath-Thabarani dari Abdullah bin Abbas dan Jabir bin Abdullah al-Anshari, sebagai berikut, 'Aku adalah kota ilmu dan Ali adalah pintunya.'

## SURAT 2

BALASAN UCAP SELAMAT.  
KEBENARAN UNTUK PERBINCANGAN DIBERIKAN.

**Thul Qi'da 6, 1329 H.**

1] Keamanan Allah untuk Maulana Shaykh al-Islam, Kesejahteraan dan RahmatNya.

Surat kamu yang sungguh mulia telah memberi dan menganugerahkan keatas kami dengan banyaknya limpahan kehormatan yang mana telah menjadikan lidah kami amat sukar untuk mengatakan terima kasih dengan secukupnya, dan tidak juga dapat memenuhi bahagian tugasnya disepanjang hayat ini.

Kamu telah meletakkan harapan kamu pada diri kami, dan juga membawa kepada kami permintaan kamu, sedangkan diri kamu adalah harapan bagi setiap orang yang mencari, tempat berteduh bagi mereka yang mencari perlindungan. Saya sendiri telah datang kepada kamu dari Syria untuk menikmati kelazatan ilmu dan mencari kesenangan dari diri kamu, dan saya amat pasti, saya akan mendapati kamu penuh dengan kebajikan, melainkan jika Allah menghendaki yang sebaliknya.

2] Kamu telah meminta kebenaran untuk menyatakan sesuatu. Sedangkan kamu mempunyai kuasa pada membolehkan dan melarang. Katakan apa sahaja yang kamu hajati: kamu mempunyai penghormatan itu; hukuman kamu muktamad, penilaian kamu adil; dan keamanan bagi diri kamu.

Ikhlās dari,  
'Sh'

## SURAT 3

1] MENGAPA SHIA TIDAK BERPEGANG KEPADA MADHAB MAJORITI [RAMAI]??

2] PERLUNYA PADA PERPADUAN

3] PERPADUAN DICAPAI HANYA DENGAN MENGIKUTI MADHAB MAJORITI

**Thul Qi'da 7, 1329 H..**

1] Saya tanyakan kepada kamu sekarang, apakah sebabnya kamu [shia] tidak mengikuti madhab majoriti kaum Muslim, maksud saya golongan al-Ash'ari, di dalam menentukan prinsip-prinsip keagamaan dan madhab yang empat di dalam cabang-cabangnya. Ummah Muslim semua bersetuju untuk patuh kepadanya di setiap masa dan ketika, manusia sebulat suara menyatakan betapa adilnya pengasas-pengasas tersebut dan juga ijhtihad mereka, beramanah, wara', zuhud, benar, bermoral yang baik, dan berkedudukan tinggi di dalam pengetahuan dan juga amalan.

2] Betapa besarnya keperluan kita hari ini kepada perpaduan dan persamaan! Ini boleh dicapai melalui kamu, dengan mengikuti golongan-golongan ini sebagaimana yang dipersetujui oleh Muslim secara umum, terutama apabila musuh agama kita telah membuat keputusan untuk menghancurkan kita dengan segala daya yang mungkin. Mereka telah memusatkan fikiran dan hati mereka terhadap matlamat tersebut, sedangkan Muslim masih lagi lena, seolah-olah Muslim masih terus dibuai mimpi, membantu musuh supaya dapat menghancurkan diri mereka sendiri, dengan membiarkan diri dipecah belahkan kedalam kumpulan-kumpulan serta mengoncangkan perpaduan kepada berpuak-puak di dalam kefanatikan, meninggalkan diri mereka terbahagi, berpecah, yang membawa setiap orang kepada kesesatan, tidak berkomunikasi sesama sendiri; makanya, kita semua menjadi mangsa serigala, sedang anjing terus memamah daging kita.

3] Adakah kamu melihat yang lain dari apa yang kami telah katakan disini, semoga Allah membimbing langkah kamu pada menyatukan barisan kita? Katakanlah kepada saya, kerana kamu akan di dengari apabila berkata-kata dan dipatuhi apabila memerintah, dan keamanan kepada kamu.

Yang ikhlās,  
'S'

## SURAT 4

- 1] PERUNDANGAN AGAMA MEMBUKTIKAN WAJIB MENGIKUTI GOLONGAN AHLUL BAYT.
- 2] TIDAK TERDAPAT BUKTI YANG MEWAJIBKAN MENGIKUTI GOLONGAN MAJORITI
- 3] GENERASI DARI TIGA ABAD PERTAMA TIDAK PERNAH MENGETAHUI GOLONGAN INI
- 4] KEMUNGKINAN PADA IJTIHAD
- 5] PERPADUAN BOLEH DICAPAI DENGAN MENGHORMATI GOLONGAN AHLUL BAYT

### **Thul Qi'da 8, 1329 H.**

1] Kami mengikuti, di dalam prinsip keagamaan, pada golongan yang lain dari al-Ash'ari, dan ikutan kami di dalam cabang-cabang Islam, pada yang lain dari madhab yang empat tersebut, bukanlah disebabkan oleh perkauman mahu pun kefanatikan, dan tidak juga disebabkan dari keraguan terhadap ijtihaad oleh para-para Imam madhab tersebut, atau terhadap kepintaran mereka, kejujuran, berkepercayaan atau tingginya pengetahuan dan juga amalan mereka.

Bahkan dari pembuktian agama telah mewajibkan keatas kita pada mengikuti golongan para Imam dari Ahli keluarga Nabi; tempat turunnya penghabaran, tempat dimana para Malaikat berkumpul, tempat sampainya wahyu dan ilham. Maka kami senantiasa merujuk kepada mereka di dalam semua perkara untuk memahami cabang-cabang agama dan juga doktorinnya, di dalam segala asas dan dasar fiqh, di dalam pengetahuan etnik, tata susila, dan juga kesopanan. Kami telah melakukan semua ini dengan menuruti penilaian maklumat dan bukti, yang menyuruh mengikuti Sunnah ketua para Nabi dan Rasul [sawas].

Jika bukti-bukti itu membolehkan kami berbeza dengan Para-para Imam keturunan Muhammad [as], atau jika kita boleh mencapai kedekatan dengan Allah awj dengan mengikuti golongan yang lain, maka kami telah mengikuti jejak langkah manusia umum; demi memperkukuhkan persahabatan dan memperkuat ikatan persaudaraan. Tetapi sebaliknya bukti yang nyata melarang mukmin dari condong pada mengikuti pilihan mereka sendiri

2] Bahkan pihak majoriti tidak dapat membuktikan bahawa golongan mereka lebih utama dari yang lainnya, jauh sekali dari menjadikan ianya wajib untuk diikuti. Kami telah melihat kedalam isi kandungan buku-buku Islam secara teliti dengan mata yang tajam menghalusi, tetapi kami tidak menemui sebarang pembuktian terhadap hujah kamu melainkan dari apa yang kamu telah sebutkan terhadap ijtihaad, berkepercayaan, adil dan tingginya kedudukan mereka.

Walau bagaimanapun kamu tentu sedia maklum bahawa berijtihaad, berkepercayaan, adil dan tingginya kedudukan bukanlah hak monopoli untuk mereka-mereka sahaja; dari itu, jika kedudukan perkara itu adalah yang sedemikian rupa, bolehkah madhab mereka menjadi wajib, hanya dengan kamu yang mengatakannya?

Saya tidak fikir ada sesiapa yang berani mengatakan bahawa pengetahuan dan amalan mereka melebihi dari para-para Imam kami, iaitu keturunan yang disucikan, bahtera penyelamat ummah, pintu pengampunan, keselamatan dari kesesatan di dalam beragama, lambang bagi petunjuk, itulah dia keturunan Rasul Allah [as] dan peninggalan Baginda [sawas] untuk ummahnya. Baginda [sawas] berkata: 'Janganlah mendahului mereka pasti kamu akan binasa dan janganlah kamu ketinggalan kerana pasti kamu akan binasa. Janganlah mengajari mereka, kerana mereka lebih mengetahui dari kamu.' Tetapi inilah hasilnya dari akibat kekuasaan politik pada permulaan Islam

Saya sungguh hairan dengan tuntutan kamu yang mengatakan bahawa generasi terdahulu mengikuti madhab tersebut, setelah mendapatinya yang paling adil dan madhab yang terbaik, dan manusia bersetuju untuk mengikutinya pada setiap masa dan ketika. Kamu katakan begitu seolah-olah kamu tidak mengetahui bahawa mereka yang terdahulu, generasi awal yang terbaik adalah pengikut keturunan Muhammad, dan secara lisan boleh dikatakan separuh dari jumlah penduduk Islam, dan mereka adalah pengikut para Imam dari keturunan Muhammad [sawas]. Mereka tidak mengadakan untuknya sebarang pengganti, dan begitulah semenjak dari hidupnya Ali dan Fatimah [as], sedangkan al-Ash'ari dan para Imam dari keempat madhab dan bahkan bapa-bapa mereka belumpun wujud lagi, sebagaimana yang kamu telah sedia mengetahui.

3] Generasi dari tiga abad pertama tidak pernah mengikuti golongan tersebut sama sekali. Dimanakah madhab-madhab tersebut semasa tiga generasi itu, iaitu generasi yang terbaik pernah wujud? Al-Ash'ari dilahirkan pada 270 H dan mati dalam tahun 320 H. Ibn Hanbal dilahirkan pada 164 H dan mati pada 241 H. Al-Shafi'i dilahirkan pada 150 H dan mati pada 204 H. Malik dilahirkan pada 95 H [1] dan mati pada 179 H. Abu Hanifah dilahirkan pada 80 H dan mati pada 150 H. Shii mengikuti golongan para Imam dari Ahlul Bayt Nabi, dan ahli rumah lebih mengetahui apa yang ada di dalam rumah mereka. Yang bukan shii [diketika itu] mengikuti para sahabat dan tabi'in yang terpelajar, dari itu apa yang membuatkan 'WAJIB' diatas semua Muslim, setelah tiga abad berlalu, untuk mengikuti madhab-madhab ini, selain daripada mengikuti salah satu dari yang diikuti oleh mereka yang terdahulu?

Apakah yang membuat manusia mengalihkan tumpuannya dari ahli-ahli yang tiada taranya pada kitab Allah dan dari para sahabatnya, keturunan Rasul Allah dan orang kepercayaannya, bahtera keselamatan ummah, pemimpin, penyelamat dan pintu keampunan?

4] Apakah yang menyebabkan pintu ijtihad ditutup dimuka kaum Muslim, setelah ianya terbuka luas semasa dipermulaan tiga abad; selain dari untuk beralih kepada keengganan, bersenang-senang, bermalas-malas, begitu juga pada penerimaan terhadap rampasan hak dan merasa puas dengan kejahilan?

Siapa yang boleh membuatkan dirinya, secara sedar atau tidak sedar, mengatakan bahawa Allah awj, tidak pernah mengiriskan Nabi atau RasulNya yang terbaik, dengan agama dan kod etika yang terbaik, dan tidak juga Dia mewahyukan kepadanya Kitab dan Peringatan yang terbaik, perundangan dan doktorin, dan tidak juga Dia mencukupkan agama ini untuknya dan menyempurnakan Rahmat keatasnya, dan tidak juga Dia mengajarkannya dengan pengetahuan yang dahulu dan sekarang, melainkan untuk satu tujuan iaitu semua perkara ini akan berkesudahan pada para Imam dari madhab-madhab tersebut supaya dapat dimonopoli untuk diri mereka sendiri? Kemudian mereka akan melarang orang lain semuanya dari mendapatkan dari punca yang lain, seolah-olah agama Islam, di dalam kitab dan sunnahnya, dan di dalam semua tanda-tanda dan pembuktian, adalah harta milik mereka sendiri, dan bahawa mereka melarang penggunaannya dalam apa bentuk juga pun yang bertentangan dengan pendirian mereka .... Adakah mereka itu pewaris Nabi atau adakah Allah telah menamatkan melalui mereka para pengganti dan para-para Imam; atau telah mengajarkan kepada mereka pengetahuan yang dahulu dan sekarang, dan bahawa Dia telah menganugerahkan keatas diri mereka dengan apa yang tidak pernah dianugerahkan keatas diri makhluk lainnya?

Tidak!!! Mereka samalah seperti ramai yang lain, tunggak dan penjaga ilmu pengetahuan, pemelihara dan penyeru. Mereka yang menyeru kepada pengetahuan adalah jauh dari menutup pintu untuk yang lain atau melarang yang lain dari mencapainya. Mereka tidak pernah mengekang fikiran, tidak juga menghadkan pandangan umum supaya tertumpu kepada diri mereka sahaja, tidak juga mereka dapat menutup hati manusia atau menjadikan yang lain pekak, buta, dunggu, terikat atau dibelenggu. Ini tidak boleh dikatakan perbuatan mereka melainkan ianya adalah suatu tuduhan yang palsu, dan kenyataan dari mereka telah menjadi saksi bagi kami.

5] Marilah kita sekarang menumpukan pada perkara yang mana kamu telah menarik perhatian kami: Perpaduan Muslim. Apa yang saya lihat adalah, perkara ini tidak bergantung pada Shia meninggalkan madhab mereka, tidak juga sunni meninggalkan madhab mereka. Meminta Shia untuk melakukan itu tanpa meminta madhab Sunni yang lain melakukan yang sama adalah sama seperti membuat pilihan yang berat sebelah, atau bahkan memilih pada yang kurang utama. Ianya umpama meminta sesuatu yang diluar kemampuan sesaorang [mustahil bagi shia] sebagaimana yang telah diketahui dari pembukaan kata-kata kami terdahulu.

Ya, perpaduan dan persamaan boleh dicapai, jika kamu boleh membebaskan madhab Ahlul Bayt dan melihat padanya sebagaimana kamu melihat kepada mana-mana madhab yang lain dari kamu, supaya yang Shafi'i, Hanafi, Maliki dan Hanbali boleh menganggap pengikut Ahlul Bayt sama seperti golongan mereka sendiri. Maka barulah perpaduan Muslim akan tercapai, dan mereka dapat bersatu dalam satu lipatan. Perbezaan diantara madhab-madhab sunni tidaklah kurangnya dari perbezaan yang terdapat diantara Sunni dan Shia di dalam aliran pemikiran sebagaimana ribuan buku pada dasar dan cabang agama dari kedua kumpulan telah dedahkan, dari itu, mengapa sebilangan diantara kamu mengutuk Shia kerana berbeza dari Sunni? Mengapa mereka tidak, pada pokok perkara yang sama, mengutuk sunni kerana berbeza dari shia, atau kerana berbeza sesama sunni.

Kalau madhab boleh ada empat, mengapa tidak lima? Bagaimana boleh terjadi, tidak ada masalah pada empat madhab, tetapi tidak pada lima? Bagaimana boleh terjadi apabila empat madhab dikatakan sebagai 'menyatukan' Muslim, dan apabila ditambah kepada lima, perpaduan itu hancur dan Muslim berpecah belah sesama sendiri?

Saya harap apabila kamu mempelawa kami kepada 'satu penyatuan', kamu hendaklah juga mempelawa pengikut empat madhab yang lain kepada tujuan yang sama. Yang terkemudian itu [empat madhab] akan menjadikan lebih mudah untuk kamu dan juga pada mereka. Tetapi mengapa kamu memilih kami sahaja secara khusus pada ajakan ini? Adakah kamu dapati pengikut Ahlul Bayt yang memecahkan perpaduan sedangkan pengikut yang lain menyatu-padukan hati dan keazaman, walaupun terdapat madhab dan aliran pemikiran mereka berbeza, cita rasa dan kecenderungan mereka amat banyak berlainan? Kami fikir bahawa kamu terlebih baik dari ini, kerana kami tahu akan kecintaan kamu terhadap saudara-saudara kamu, dan keamanan bersama kamu.

Yang ikhlas,  
'Sh'

[1] Di dalam Riwayat Hidup Malik, Ibn Khallikan mengatakan di dalam bukunya Al-a'yan bahawa dia telah berlama-lama di dalam rahim ibunya hingga hampir tiga tahun. Perkara yang sama dinyatakan juga oleh Ibn Qutaybah yang menjumlahkan Malik diantara mereka yang bijak, pada muka surat 170 dari bukunya Al-Ma'arif, telah menyebutkan dirinya pada muka surat 198 diantara orang yang mana ibunya mengandung melebihi dari waktu yang biasa.

## SURAT 5

- 1] PENERIMAAN HUJAH-HUJAH KAMI
- 2] MEMINTA PEMBUKTIAN YANG KHUSUS

**Thul-Qi`da 9, 1329 H.**

1] Surat kamu amat nyata, tersusun rapi, lagi berharga. Ianya amat lancar, kuat menuju matlamat dan bernas dalam penghujahan. Ia tidak meninggalkan sebarang usaha pada membuktikan bahawa tidaklah wajib untuk mengikuti madhab mereka yang majoriti di dalam prinsip dan cabang keagamaan, tidak ketinggalan juga pada mengesahkan bahawa pintu ijtihad hendaklah tinggal terus terbuka.

Dari itu, surat kamu adalah kukuh pada dua perkara itu, benar di dalam membuktikan setiap satu darinya, dan kami tidak menafikan penelitian kajian kamu dalam perkara itu, penjelasan kamu terhadap kekaburannya, walaupun kami sebenarnya tidak begitu mahir dalam perkara tersebut namun pandangan kami dalam perkara itu adalah sama seperti kamu.

2] Kami telah tanyakan kepada kamu mengenai apakah alasan kamu untuk tidak menerima madhab yang diikuti oleh majoriti Muslim, dan jawapan kamu adalah kerana 'pembuktian perundangan agama', sedangkan kamu diharapkan supaya dapat menerangkannya dengan lebih khusus. Bolehkah kamu memberikan penjelasan mengenaiinya dengan pembuktian yang positif dari kitab al-Quran atau Sunnah yang mana seperti kamu telah katakan, menghalang Mukmin dari mengikuti kecenderongan dirinya sendiri? Terima kasih, keamanan keatas kamu.

Yang ikhlas,  
'S'

## SURAT 6

- 1] RUJUKAN PADA PEMBUKTIAN WAJIBNYA MENGIKUTI 'ITRA
- 2] AMIRUL-MUKMININ [AS] MENGAJAK KEPADA MENGIKUTI AHLUL BAYT
- 3] KENYATAAN YANG SAMA DARI IMAM ZAIN-UL-ABIDIN

**Thul-Qi`da 12, 1329 H.**

Kamu, bersyukur kepada Allah, boleh diyakinkan dengan sedikit bayangan, tanpa perlu kepada penerangan, dan kamu pastinya tidak meragui pada fakta bahawa keturunan yang disucikan ['itra] adalah lebih cemerlang dari yang lainnya. Kedudukan mereka ini amat jelas: mereka ['itra] adalah lebih utama dari orang yang berkelayakan dan yang telah dapat menonjolkan diri pada kedudukan yang kelihatan seakan sama. Mereka telah membawa dari Rasul Allah [sawas] pengetahuan para Anbia, dan dari Baginda Rasul, mereka telah memahami perundangan agama dan juga sekular.

1] Dari itu, Nabi telah menjadikan mereka sama, hanya kepada Kitab yang Suci, dan menjadikan mereka model untuk orang yang berfikir, dan bahtera keselamatan, apabila ribut taufan kemunafikan [hipokrit] melanda keselamatan ummah, melindungi manusia dari kesesatan jika badai perpecahan menyerang, pintu keampunan: sesiapa yang memasukkinya akan diampunkan, dan tali Allah yang kuat, yang tidak akan putus.

2] Amirul-Mukminin telah menyebutkan di dalam syarahan 86 Nahjul-Balagha sebagai berkata: 'Kemana kamu hendak pergi? [81:26]' dan 'Kemana kamu hendak berpaling? [6:95; 10:34; 35:3; 40:62],' oleh kerana bendera telah dikibarkan tinggi, petunjuknya adalah jelas, dan rumah api telah didirikan? [untuk keselamatan kapal-kapal yang belayar]. Maka kemanakah kamu hendak berpaling?

Pasti tidak!!! Bagaimana mata kamu boleh ditutupkan, sedangkan ada bersama diantara kamu ahli rumah Nabi ['itra]??? Mereka adalah penegak keadilan, panji-panji agama, lidah kebenaran; dari itu yakinilah mereka sebagaimana kamu meyakini al-Quran dan datangilah mereka sebagaimana unta kehausan menuju ketempat air. Wahai manusia! Ambilah ini [1] dari Nabi yang akhir [sawas]: Siapa sahaja dari diantara kami yang wafat, sesungguhnya dia tidak wafat, dan siapa sahaja yang hancur [sesudah wafat] dari diantara kami sesungguhnya dia tidak hancur; dari itu janganlah mengatakan sesuatu yang kamu tidak tahu, kerana terdapat kebenaran yang sebenar pada apa yang kamu nafikan. Terimalah penghujahan dari mereka yang kamu tidak punya sebarang hujah untuknya, dan itu adalah: 'Tidakkah aku telah berurusan dengan kamu dengan 'Perkara Terberat' [2] al-Quran? Tidakkah saya telah tinggalkan diantara kamu 'Perkara yang kurang Berat' [Ahlul Bayt] dan pembentangan panji-panji agama yang kukuh diantara kamu ?'

Dia [as] di dalam syarahan 96 Nahjul-Balagha, 'Berpeganglah kepada Ahlul Bayt Nabi, contohilah mereka dan ikutilah jejak langkah mereka, kerana mereka tidak akan mengeluarkan kamu dari petunjuk, tidak juga mereka membawa kamu kepada kebinasaan; berhenti ketika mereka berhenti, dan bangun ketika mereka bangun, dan janganlah mendahului mereka kerana kamu akan binasa, dan janganlah kamu ketinggalan dari mereka kerana kamu akan binasa.' Dia [as] telah menyebutkan mengenai mereka [ahlul bayt] satu ketika di dalam syarahan

237 dari Nahjul-Balagha, katanya: 'Mereka adalah kehidupan bagi pengetahuan dan matinya kejahilan; kesabaran mereka menunjukkan pengetahuan mereka dan yang dzahir pada diri mereka menyatakan apa yang bathin. Diamnya mereka menunjukkan kebijaksanaan dari berkata-kata. Mereka tidak pernah berbeza dengan kebenaran dan tidak juga berbeza sesama mereka mengenai sesuatu. Mereka adalah tunggak Islam dan jalan kepada keselamatan. Melalui mereka keadilan dapat dicapai dan salah laku dibuang serta lidahnya dicabut. Mereka memahami agama dengan penuh kesedaran dan pengertian, tidaklah seperti manusia yang mendengar dan menyampaikan, kerana 'penyampai' pengetahuan adalah ramai, tetapi mereka yang memeliharanya amatlah sedikit. 'Dia [as], mengatakan di dalam syarahan 153 Nahjul-Balagha, kata-katanya: 'Keturunannya ['itra] adalah yang terbaik, dan keluarga mereka adalah yang terbaik. Pokok mereka adalah pokok yang terbaik: Ianya telah ditanam ditempat yang suci, dan tumbuh menjalar, ianya mempunyai dahan yang panjang dan hasil buahnya tidaklah tidak boleh diperolehi.'

Dia [as] telah disebut di dalam syarahan 153 Nahjul-Balagha sebagai berkata: 'Kami adalah lambang, sahabat, yang diamanahkan dan pintu-pintu. Rumah tidak seharusnya di masuki melainkan melalui pintunya: Sesiapa yang memasuki dengan cara yang lain akan dikatakan pencuri,' sehingga dia berkata, pada menerangkan keturunan yang suci ['itra], ' Mereka adalah bahagian yang terpenting al-Quran, dan mereka adalah mutiara yang Maha Penyayang. Mereka mengatakan yang benar apabila berkata-kata; atau apabila mereka berdiam diri, tiada siapa yang boleh berkata-kata mendahului mereka. Dari itu, biarkanlah utusan yang hak berkata-kata yang sebenar kepada ummahnya [sawas], serta mengekalkan penghujahannya.'

Dia [as] mengatakan di dalam syarahan 146 Nahjul-Balagha: 'Kamu seharusnya mengetahui bahawa kamu tidak akan mengenali petunjuk kecuali kamu mengenali siapa yang meninggalkannya, tidak juga kamu mematuhi al-Kitab [al-Quran] kecuali kami mengetahui siapa yang menyalahinya, dan kamu tidak akan berpegang teguh kepadanya kecuali kamu tahu siapa yang membuangnya, dari itu carilah dia [al-Quran] dari mereka yang memilikinya, kerana mereka adalah kehidupan kepada pengetahuan dan kematian kepada kejahilan. Merekalah orangnya, yang mana penilaiannya menunjukkan kepada kamu pengetahuannya, diamnya mereka menunjukkan kekuasanya berkata-kata, dzahirnya menunjukkan bathin mereka; mereka tidak melanggar agama, tidak juga mereka berbeza diantara sesama mereka menggenainya, sedangkan diantara merekalah saksi yang benar dan yang berkata-kata tanpa suara.' [al-Quran]

Terdapat banyak lagi kenyataan-kenyataan menyakinkan yang sama dari dia [as] di dalam perkara itu, pertimbanglah yang ini yang dipetik dari syarahan 4 Nahjul-Balagha: 'Melalui kami, kamu menerima petunjuk di dalam kegelapan, menaiki kekemuncak kemuliaan, dan melalui kami kamu mencapai cahaya dan menerangi malam yang gelap. Semoga telinga yang tidak mahu mendengar kepada seruan dipekakkan.' [3]

Dia telah disebutkan di dalam syarahan 104 dari Nahjul-Balagha sebagai berkata: 'Wahai manusia! Dapatkanlah cahaya mu dari api lampu penyampai yang mengamalkan apa yang disampaikan, dan minumlah dari mata air yang suci dari segala kekotoran.'

Dia juga berkata yang berikut di dalam syarahan 108: 'Kami adalah pohon Nubuwwah, tempat bagi pengkhabaran, dan kepada merekalah yang mana para malaikat datang berziarah, mutiara pengetahuan, mata air kebijaksanaan. Penyokong dan pencinta kami menunggu rahmat, sedang musuh atau yang menentang kami menunggu kemurkaan.' [4]

Diantara apa yang dia telah katakan dalam perkara itu adalah syarahan 143 dari Nahjul-Balagha dimana dia berkata: 'Dimanakah mereka yang mengatakan mempunyai dalamnya ilmu pengetahuan selain dari diri kami sendiri? [lihat juga al-Quran, 3:7 dan 4:162] Itu adalah satu penipuan dan pencabulan terhadap kami, kerana Allah telah meninggikan kami sedang mereka dihinakan; Dia menganugerahkan keatas kami sedang mereka dijauhkan, dan Dia mengizinkan kami untuk memasuki [kedalam kota ilmu] sedangkan mereka diusir. Melalui kami petunjuk dicapai dan kebutaan [kegelapan] dihapuskan. Pasti para Imam dari Quraysh telah ditanamkan di dalam tempat peranakan Hashim. Imami tidak akan sesuai untuk orang lain, begitulah juga dengan pemerintahan.' Kemudian dia mengatakan: 'Tetapi mereka mengutamakan keuntungan yang sekarang dari yang kemudian, meninggalkan telaga yang suci untuk minum dari telaga yang kotor,' sehinggalah kepada akhir kenyataannya. Dia juga mengatakan pada penutup syarahan 189 dari Nahjul-Balagha: 'Sesiapa dari kamu yang mati pada ranjangnya dengan mengetahui akan hak Tuhannya dan mengetahui akan hak Rasul dan keluarganya [Ahlul Bayt] telah mati sebagai syuhadah, dan balasannya terpulanglah kepada Allah, dan dia berhak ganjaran diatas segala amal baik yang dia bermaksud pada melakukannya: Niatnya telah menjadikan terlaksananya ganjaran pada penggunaan pedang [di dalam jihad]

Juga dia [as] telah berkata: 'Kami adalah yang dimuliakan, keturunan kami adalah keturunan Nabi; parti kami adalah parti Allah awj, sedangkan parti yang menentang kami adalah syaitan, sesiapa yang menyamakan kami dengan musuh-musuh kami pastinya bukan dari pihak kami.' [5]

Imam al-Mujtaba Abu Muhammad al-Hasan, yang penyabar, ketua remaja disyurga [as], telah berkata yang berikut di dalam satu dari syarahannya: 'Takutlah kepada Allah mengenai kami, kerana kami adalah pemerintah kamu.' [6]

3] Setiap kali Imam Abu Muhammad, 'Ali anak al-Husayn Zainul-Abidin, ketua bagi mereka-mereka yang sujud dalam sholat, membaca ayat suci yang Maha Perkasa: 'Wahai kamu yang beriman! Takutlah kepada Allah dan bersamalah dengan mereka yang benar,' [9:119] dia akan membaca doa yang panjang yang mengandungi rayuannya untuk dijumlahkan diantara 'yang benar' demi mendapatkan kedudukan yang tinggi. Dia kemudian akan menyatakan bencana-bencana dan bid'ah-bid'ah dari kumpulan yang berpisah dari Imam yang beriman dan dari pohon Nubuwwah. Kemudian dia akan berkata: 'Sebahagian manusia telah tersesat jauh sehingga telah merendahkan kami, membuat alasan pada ayat-ayat al-Quran yang kelihatan sama sahaja kepada mereka,

memberikan padanya dengan interpretasi mereka sendiri, dan mengadakan keraguan mengenai ayat yang disampaikan pada memuliakan kami,' sehinggalah dia akan berkata: 'Dengan siapakah manusia dari ummah ini hendak berlandung, oleh kerana tunggak dari agama ini telah dilupakan dan ummah telah berpecah sesama sendiri dengan persengketaan, setiap parti menuduh yang lain dengan kekufuran, sedangkan Allah telah berkata: 'Janganlah menjadi seperti mereka yang berpecah dan bertelingkah [sesama sendiri] walaupun setelah mereka menerima keterangan yang nyata [3:104]? Siapakah yang boleh dipercayai pada menyampaikan pembuktian Ilahi dan menerangkan hukum-hukum, selain dari mereka yang arif al-Quran dan dari keturunan Imam Petunjuk, cahaya di dalam kegelapan, mereka yang Allah menjadikan hujahNya terhadap segala hambaNya? Dia tidak pernah meninggalkan kejadianNya begitu sahaja tanpa sebarang Pembuktian. Kenalkah kamu kepada mereka atau telah menjumpai mereka, dari cabang pohon yang dirahmati, peninggalan dari yang elit yang mana Allah telah menghapuskan segala kekotoran, mensucikan mereka dengan sesucinya, bersih dari segala dosa dan noda serta memerintahkan kecintaan kepada mereka di dalam kitabNya.' Itu adalah kata-katanya [as][7] Selidiklah dan lihatlah kepada sebutan dari kata-kata Amirul-Mukminin, kamu akan dapati keduanya mewakili golongan pemikiran kaum Shia dalam perkara ini dengan jelas. Pertimbangkanlah kata-kata mereka yang sebanyak ini, sebagai spesimen untuk semua kata-kata yang sedemikian dari para Imam dari Ahlul Bayt. Mereka semua sebulat suara pada perkara ini, dan buku sahih kami adalah mutawattir pada menyebutkan dari mereka [turutan sampaian], dan keamanan untuk kamu.

Yang ikhlas'  
'Sh'

[1] Dia bermaksud untuk mengatakan: 'Pelajarilah ini dari Rasul Allah [sawas]: 'Apabila ahli dari Ahlul Bayt Rasul wafat, dia sebenarnya tidak wafat,' iaitu ruhnya tinggal bersinar di bumi nyata. Ini juga telah diperkatakan oleh Shaykh Muhammad `Abdoh dan lainnya.

[2] Amirul-Mukminin [as] bertindak mengkuti 'Perkara Yang Berat' iaitu al-Quran, mewariskan perkara 'Yang Kurang Berat' iaitu kedua anaknya. Telah dikatakan bahawa keturunan dia adalah model keperibadian untuk yang lain sebagaimana yang dikatakan oleh Shaykh Muhammad `Abdoh dan pengulas Nahjul-Balagha yang lain.

[3] Di dalam ulasannya, Shaykh Muhammad `Abdoh berkata: 'Sara', disebut seakan 'sahab' dan 'kitab', adalah malam terakhir bagi sesuatu bulan mengikut kalender lunar yang mana bulan akan lenyap. Maka maksudnya adalah: 'Kamu memasuki kepada fajar,' bererti 'Kamu dahulunya hidup di dalam kegelapan, kegelapan jahiliyah dan kesesatan, sehinggalah kamu keluar di dalam cahaya melalui petunjuk dan arahan dari kami, ' rujukan itu menunjukkan kepada Muhammad [sawas] dan keturunannya, dan juga sepupunya Imam [as], dia yang menyokong misi baginda.

[4] Lihat kepada penutup syarahan 105, ms 214, jilid 1, Nahjul-Balagha. Ibn Abbas telah berkata: 'Kami adalah ahli dari Ahlul Bayt Rasul yang mana rumah mereka adalah tempat ziarah para malaikat, iaitu Ahlul Bayt Rasul, dan ahli Ahlul Bayt bagi rahmat dan pengetahuan.' Dia telah disebutkan sebagai berkata yang sedemikian oleh sekumpulan ahli hadis sunni yang dipercayai dan sebagaimana dikatakan pada penutup pada bab itu pada ciri-ciri kerektur Ahlul Bayt [as] pada ms 142 oleh Ibn Hajar bukunya *Al-Sawa`iq al-Muhriqa*.

[5] Kenyataan ini disebutkan oleh ramai pengarang, termasuk Ibn Hajar pada penutup bab pada ciri-ciri kerektur Ahlul Bayt [as] pada penghujung ms 142 dari buku *Al-Sawa`iq al-Muhriqa* dimana dia membuat sedikit penipuan mengenai mereka, sungguh besar ketidakadilan yang dilakukan terhadap mereka.

[6] Rujuk kepadanya pada penutup dari bab wasiat Nabi [sawas] di dalam perkara itu pada ms 137 oleh Ibn Hajar' bukunya *Al-Sawa`iq al-Muhriqa*.

[7] Rujuk padanya dimuka surat 90 *Al-Sawa`iq al-Muhriqa* dimana Ibn Hajar menerangkan pengertian ayat [3:103]: 'Dan berpeganglah kepada tali Allah kesemua kamu semua' sebagaimana satu dari banyak yang lain yang dia terangkan di dalam seksen 1, bab 11.

## SURAT 7

1] MEMINTA BUKTI DARI KENYATAAN ALLAH DAN RASULNYA

2] PEMBUKTIAN DARI AHLUL BAYT TIDAK BOLEH DITERIMA

**Thul-Qi`da 13, 1329 H.**

1] Bawakan bukti dari kenyataan Allah dan Rasulnya yang menjadi saksi pada wajibnya mengikuti para Imam diantara Ahlul Bayt secara mutlak, dan tinggalkan kata-kata sesiapa sahaja dalam konteks ini melainkan kenyataan dari Allah dan Rasulnya.

2] Kenyataan para Imam kamu tidak boleh diberikan sebagai hujah terhadap para penentang mereka, kerana hujah yang sedemikian akan menghasilkan putaran hujah logikal sebaliknya, [hujah dari penentang] sebagaimana kamu sedia tahu, dan keamanan keatas kamu.

Yang ikhlas,  
'S'

## SURAT 8

1] TIADA TUMPUAN DIBERIKAN TERHADAP KENYATAAN KAMI TERDAHULU

- 2] KESILAPAN PADA PERLUNYA PUTARAN HUKUM LOGIKAL
- 3] HADITH DUA PERKARA BERAT
- 4] KESINAMBUNGANNYA [TAWATUR] [URUTAN PENYAMPAI HADIS TERSEBUT]
- 5] TIDAK BERPEGANG KEPADA 'ITRA AKAN SESAT
- 6] PERSAMAAN MEREKA KEPADA BAHTERA NUH, PINTU KEAMPUNAN, DAN TERSELAMAT DARI PERSELISIHAN AGAMA
- 7] APA YANG DIMAKSUDKAN DENGAN AHLUL BAYT DALAM KONTEKS INI
- 8] HUKUM PADA PERSAMAAN BAHTERA NUH DAN PINTU KEAMPUNAN

**Thul-Qi`da 15, 1329 H.**

1] Kami tidak mengabaikan pada menyatakan pembuktian kami dari hadits Rasul [sawas]. Yang sebenar, kami telah merujuk kepadanya dipermulaan surat kami, yang dengan jelas menyatakan bahawa mengikuti para Imam dari Ahlul Bayt adalah wajib mutlak. Kami katakan begitu, apabila kami menyatakan bahawa dia [sawas] telah membandingkan mereka [as] dengan Kitab Suci, menjadikan mereka sebagai model untuk orang yang diberikan fikiran, menyamakan mereka dengan bahtera keselamatan, penyelamat ummah, pintu keampunan – kesemuanya adalah rujukan yang disebutkan dari buku-buku sahih yang teksnya jelas dan diketahui umum. Kami juga telah mengatakan bahawa kamu akan berpuas hati hanya dengan pembayang, tidak secara khusus, tanpa memerlukan kepada penerangan yang selanjutnya.

2] Maka kenyataan dari Imam kami, sebagaimana kami telah terangkan, adalah sesuai untuk digunakan sebagai hujah terhadap penentang mereka, dan digunakan dengan cara yang tidak boleh dianggap sebagai membalas hujah dengan cara yang keji, sebagaimana kamu telah sedia tahu.

3] Ambillah sebagai contoh, kenyataan Rasul [sawas] yang mana kami telah rujuk, yang dengannya baginda telah menyentuh kedalam hati mereka yang jahil dengan perasaan takjub, dan menjadi seruan kepada mereka yang lalai, sebagaimana disebutkan oleh al-Tirmithi dan al-Nisa'i dari Jabir, dan mereka seterusnya telah disebutkan oleh al-Muttaqi al-Hindi dipermulaan bab, mengenai orang yang berpegang kepada Kitab dan Sunnah di dalam bukunya Kanzul-Ummal, jilid 1, ms 44, sebagai berkata:

'Wahai manusia! Saya meninggalkan bersama kamu Kitab Allah dan Ahlul Bayt ku ['itra]. Selagi kamu berpegang teguh kepadanya, kamu tidak akan sesat.'

Dia [sawas] juga telah berkata:

'Saya telah meninggalkan bersama kamu, yang selagi kamu berpegang kepadanya, kamu tidak akan sesat selepas saya: Kitab Allah, tali yang merentang dari langit sampai ke bumi, dan 'itra saya, Ahlul Bayt saya. Keduanya tidak akan berpisah sehinggalah mereka sampai kepada saya di Tasik, dari itu, lihatlah bagaimana kamu menggantikan saya di dalam memperlakukan terhadap mereka.' [1]

Dia [sawas] juga telah berkata:

'Saya meninggalkan diantara kamu dua pengganti: Kitab Allah, tali yang merentang dari langit sampai kebumi – atau diantara langit dan bumi - dan Ahlul Bayt saya ['itra], mereka tidak akan berpisah diantaranya sehingga mereka sampai kepada saya di Tasik.' [2]

'Saya meninggalkan diantara kamu 'Dua Perkara Berat': Kitab Allah dan Ahlul Bayt saya, mereka tidak akan berpisah diantaranya sehingga mereka sampai kepada saya di Tasik.' [3]

Dia [sawas] telah berkata: 'Saya fikir, saya akan dipanggil dan akan menyahut panggilan itu, dan saya akan meninggalkan diantara kamu Dua Perkara Berat, Kitab Allah dan keturunan saya, Ahlul Bayt saya. Yang Maha Suci dan Maha Agung telah mengatakan kepada saya bahawa mereka tidak akan berpisah diantaranya sehingga mereka sampai kepada saya di Tasik; maka lihatlah bagaimana kamu menggantikan saya di dalam memperlakukan terhadap mereka.' [4]

Setelah pulang dari Haji Selamt Tinggal [Wida'], dia [sawas], berkhemah di Ghadir Khumm dan meminta supaya kawasan dibawah beberapa pohon yang rendah dibersihkan, kemudian baginda berkata di dalam syarahannya:

'lanya kelihatan seolah-olah saya akan dipanggil dan akan menyahut panggilan itu, dan saya akan meninggalkan bersama kamu Dua Perkara Berat, satu darinya lebih berat dari yang lain: Kitab Allah, dan Ahlul Bayt saya; maka lihatlah bagaimana kamu menggantikan saya pada memperlakukan terhadap mereka, kerana mereka tidak akan berpisah diantaranya sehingga mereka sampai kepada saya di Tasik.'

Kemudian dia [sawas] menambah:

'Allah awj adalah Pemimpin saya, dan saya adalah pemimpin terhadap setiap mukmin.' Setelah mengatakan itu, dia mengambil tangan Ali dan berkata: 'Kepada sesiapa yang saya adalah pemimpinnya, ini Ali adalah pemimpinnya. Wahai Allah! berbaiklah kepada sesiapa yang berbaik dengan Ali, dan jadilah musuh kepada sesiapa yang menentang dia, dst.' [5]

Abdullah ibn Hantab telah berkata: 'Rasul Allah [sawas] menyampaikan syarahannya kepada kami di al-Juhfa dimana dia bertanya kepada kami: 'Tidakkah saya mempunyai kuasa [hak] yang lebih diatas diri kamu dari diri kamu sendiri?' Yang hadir disana menjawab: 'Ya sebenarnya, Wahai Rasul Allah!' Kemudian dia berkata: 'Maka saya akan mempersoalkan kamu mengenai yang dua ini: al-Quran dan 'itra saya.' [6]

4] Buku-buku sahih yang mengatakan wajib pada mengikuti Dua Perkara Berat adalah berturutan melalui lebih dari 20 sahabah, yang mana kesemuanya sepakat dalam perkara ini. Rasul Allah [sawas] telah menekankan perkara ini di beberapa kejadian: pada hari Ghadir Khumm, pada hari Arafat diwaktu Haji Wida', selepas



meninggalkan Taif, dari atas mimbar di Madina, dan di dalam biliknya yang suci ketika dia sakit, apabila biliknya dipenuhi oleh para sahabat. Dia berkata di dalam insiden yang terakhir: 'Wahai ummah! Saya rasa saya akan mati tidak lama lagi, dan terhadap tugas saya, saya telah memberitahu kepada kamu dahulu, dan untuk tidak meninggalkan sebarang alasan bagi kamu, maka: Saya akan meninggalkan bersama kamu Kitab Allah awj dan 'itra saya, Ahlul Bayt saya.' Setelah selesai, dia mengambil tangan Ali dan mengangkatnya sambil berkata: 'Ini Ali adalah bersama al-Quran, dan al-Quran bersama dengan Ali: mereka tidak akan berpisah diantaranya sehingga mereka sampai kepada saya di Tasik.' [7]

Kumpulan majoriti yang terpelajar telah mengesahkan yang diatas. Bahkan Ibn Hajar, pada menyebutkan tradisi Dua Perkara Berat, telah berkata, 'Maka ketahuilah, bahawa tradisi yang menyuruh berpegang kepada keduanya datang melalui banyak cara dan telah disebutkan oleh lebih dari 20 sahabat.' Dia berkata lagi, 'Disini keraguan timbul mengenai bilakah dia mengatakannya. Sebahagian ahli tradisional mengatakan dia berkata di Arafat semasa Haji perpisahan dan yang lain mengatakan dia berkata di Madina ketika dia sedang sakit, dan biliknya dipenuhi oleh para sahabat. Sekumpulan yang lain mengatakan bahawa dia membuat kenyataan itu di kawasan paya Khumm, dan terdapat yang lain lagi yang mengatakan bahawa dia berkata secara berdakwah setelah meninggalkan Taif seperti mana yang disebutkan diatas.' Ibn Hajar berkata selanjutnya, 'Tidak terdapat sebarang pertentangan disini, kerana tidak ada sebarang bantahan terhadap dia mengulanginya pada tempat-tempat tersebut dan yang lainnya, itu hanya sekadar untuk menunjukkan betapa besarnya perhatian yang baginda berikan terhadap al-Quran dan 'itranya yang suci,' sehinggalah kepenghujung kenyataannya. [8]

Mencukupi bagi para Imam dari 'itra yang disucikan, kepada fakta yang menunjukkan bahawa kedudukan mereka adalah sama seperti Kitab Allah yang mana kepalsuan tidak dapat sampai kepada mereka dari hadapan mahupun dari belakang. Ini semestinya testimoni [keterangan] yang lengkap, yang boleh menarik manusia dengan tengkoknya dan mewajibkan mereka untuk mematuhi golongan ini. Muslim sebenar tidak akan menerima sebarang gantian [substitusi] terhadap Kitab Allah; dari itu bagaimana manusia boleh menyimpang dari jalan mereka [as] yang hanya setara dengan al-kitab?

5) Inti pati dari kata-katanya [sawab]: 'Saya meninggalkan keatas kamu yang mana, selagi kamu berpegang teguh kepadanya, ianya tidak akan membiarkan kamu sesat: Kitab Allah dan 'itra saya; sesungguhnya sesiapa yang tidak berpegang teguh kepada keduanya serentak maka akhirnya akan tersesat juga. Ini telah disokong oleh kata-katanya [sawab] di dalam tradisi 'Dua Perkara Berat', sebagaimana Tabrani menyebutkannya, 'Janganlah mendahului mereka, kelak kamu akan binasa dan jangan ajari mereka, kerana mereka lebih mengetahui [berilmu] dari kamu.' Ibn Hajar telah berkata: 'Di dalam kenyataannya [sawab], 'Janganlah mendahului mereka, kelak kamu akan binasa, dan jangan ajari mereka kerana mereka lebih mengetahui dari kamu,' terdapat bukti bahawa sesiapa diantara mereka yang telah ditinggikan kedudukannya dengan keistimewaan pengetahuan agamanya, maka dia mestilah diutamakan dari semua yang lain,' sehingga kepenghujung kenyataannya. [9]

6) Apa yang membuatnya wajib mengikuti dan merujuk kepada Ahlul Bayt adalah hadith Rasul Allah [sawab]: 'Persamaan Ahlul Bayt saya yang berada diantara kamu adalah seumpama Bahtera Nuh: Sesiapa yang menaikinya akan terselamat, dan sesiapa yang tertinggal akan karam,' [10] dan kenyataannya [sawab]: 'Dan persamaan Ahlul Bayt saya yang berada diantara kamu adalah umpama 'Pintu Keampunan Bani Israel: Sesiapa yang memasukkannya akan diampunkan.' [11] Juga pertimbangkanlah kenyataannya [sawab], 'Bintang-bintang dilangit menyelamatkan penghuni bumi dari karam, dan Ahlul Bayt saya menyelamatkan ummah ini dari persengketaan [di dalam perkara agama]. Jika satu kaum dari suku Arab berbeza [mengenai perundangan Allah awj] dari mereka [Ahlul Bayt], maka kesemuanya kemudian akan berbeza dan menjadi parti syaitan.' [12] Kenyataan ini benar-benar telah mencukupi untuk mewajibkan ummah pada mengikuti mereka dan untuk memeliharanya dari berbeza dengan mereka. Saya tidak fikir bahawa terdapat mana-mana bahasa manusia yang lebih jelas dari hadith ini pada menyokong hujah saya.

7) Apa yang dimaksudkan oleh perkataannya [sawab], 'Ahl al-Bayt' [i.e. ahli rumah] disini adalah kesempurnaan, kesaksamaan mereka, sebagai para Imam, ini bukan sekadar kesempurnaan pada diri sahaja, kerana status ini tidak mempunyai erti jika hanya setakat testimoni [keterangan] untuk pembuktian Allah – terutama terhadap mereka yang berdiri menegakkan perundanganNya – sebagaimana hujah dan pengetahuan akan memerintahkannya.

Sekumpulan majoriti yang terpelajar telah sama mengakuinya, seperti Ibn Hajar di dalam bukunya *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*. Sebahagian dari mereka telah berkata bahawa apa yang mungkin dimaksudkan dengan 'Ahl al-Bayt' adalah penyelamat, dari kumpulan mereka yang terpelajar, kerana mereka adalah seumpama bintang petunjuk; apabila tersesat, penghuni bumi akan dapat keselamatan dari apa yang mereka telah diperingatkan dari bencana. Ibn Hajar berkata: 'Itu akan terjadi semasa al-Mehdi [as] akan muncul, dan tradisi menunjukkan bahawa Isa akan sholat dibelakangnya, dan anti-Isa akan dibunuh pada masa itu; selepas itu, kejadian yang luar biasa akan berlaku satu demi satu,' sehinggalah kepenghujung kenyataannya yang disebutkan di dalam penghuraian pada ayat 7, di dalam bab 11, ms 91, dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*. Ditempat yang lain dia menunjukkan bahawa Rasul Allah [sawab] telah ditanya: 'Bagaimana manusia hidup selepas mereka?' dan dia menjawab: 'Mereka akan hidup seperti keldai yang tulang belakangnya patah.' [13]

8) Kamu tahu bahawa menyamakan mereka dengan Bahtera Nuh menunjukkan bahawa sesiapa mengikuti mereka di dalam perkara berkaitan dengan agama, mendapatkan cabang-cabang dan asas agama dari para Imam [as] yang mulia, sudah pastinya akan terselamat dari api neraka, dan sesiapa yang tertinggal dibelakang

adalah umpama mereka yang mencari perlindungan semasa banjir besar dengan gunung-gunung supaya ianya dapat menyelamatkan mereka dari ketentuan Allah, tetapi dia akhirnya akan tenggelam di dalam air bah selepas itu dia menjadi orang yang pertama dicampakkan kedalam api, semoga Allah menyelamatkan kita darinya.

Sebab mengapa mereka [as] telah dibandingkan kepada Pintu Keampunan adalah bahawa Allah telah menjadikan Pintu itu simbol [lambang] kehinaan dihadapan kebesaranNya dan penyerahan diri kepada PengadilanNya, dari itu ianya menjadi sebab kepada pengampunan. Inilah hujah pada persamaannya. Ibn Hajar, di dalam penghuraian pada bab 7 al-Quran, di dalam bab 11, ms 91, dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*, telah menerimanya dengan berkata, selepas menyebutkan yang ini dan tradisi sama yang lain, 'Sebab bagi persamaan mereka kepada Bahtera adalah bahawa sesiapa yang mencintai dan menghormati mereka seumpama bermaksud mengucapkan terima kasih kepada Dia yang memberikan mereka penghormatan, mengikuti petunjuk dari golongan mereka [as] yang terpelajar, akan terselamat dari kegelapan persengketaan, dan sesiapa yang tertinggal dibelakang akan lemas di dalam lautan yang tidak berterima kasih dan akan lenyap dilaluan manusia yang zalim.' Kemudian dia menambah yang berikut: 'Sebagai Pintu Keselamatan [bermaksud persamaan mereka kepadanya], Allah telah menjadikan memasuki kepada pintu, yang mungkin adalah pintu Shittim atau Jerusalem, dengan rasa hina diri, meminta keampunan, suatu sebab untuk keselamatan, dan Dia [juga] telah menjadikan kecintaan kepada Ahlul Bayt suatu sebab untuk keselamatan bagi ummah ini.' [14] Buku-buku sahih berturut-turut menyatakan bahawa mengikuti Ahlul Bayt adalah wajib terutama pada menyebutkan kesucian 'itra. Jika saya tidak menahan pena saya dari membosankan kamu, saya pasti akan menerangkan dengan lebih mendalam lagi, tetapi apa yang saya katakan disini pastinya telah mencukupi untuk tujuan ini. Wassalam.

Yang ikhlas,  
'Sh'

[1] Al-Tirmithi menyebutnya dari Zayd ibn Arqam. Ini adalah hadith 874 dari ahadith yang disebutkan di dalam ms 44, Vol. 1, dari *Kanz al-'Ummal*.

[2] Imam Ahmed memasukkannya diantara ahadith yang disampaikan oleh Zayd ibn Thabit dari 2 punca, satu darinya disebutkan pada permulaan ms 182, dan yang satu lagi pada penutup ms 189, Vol. 5, dan juga oleh Ibn Abu Shaybah, Abu Ya'li, dan Ibn Sa'd, dari Abu Sa'id. Ianya hadith 945 pada ms 47, Vol. 1, dari *Kanz al-'Ummal*.

[3] Ianya dimuatkan oleh al-Hakim pada ms 148, Vol. 3, dari *Al-Mustadrak*. Komen pengarangnya adalah: "Ini adalah satu hadith yang mana penyampainya adalah dipercayai menurut kedua Shaykh, walaupun yang kemudian [para shaykh tersebut] tidak menyampaikannya." Al-Thahbi memuatkannya di dalam jilid yang ringkas dari *Al-Mustadrak*, mengesahkan kesahihannya, kerana telah disahkan oleh kedua Shaykhs.

[4] Telah dimuatkan oleh Imam Ahmed di dalam hadith yang disampaikan oleh Abu Sa'id al-Khudri dari 2 punca, satu darinya disebutkan pada ms 17, dan yang lain pada penghujung ms 26, Vol. 3, dari *Al-Musnad*. Ianya juga disebutkan oleh Ibn Abu Shaybah, Abu Ya'li, dan Ibn Sa'd dari Abu Sa'id. Ianya adalah hadith 945 sebagaimana dinyatakan di dalam ms 47, Vol. 1, dari *Kanz al-'Ummal*.

[5] Ianya disebutkan secara berturutan oleh al-Hakim dari Zayd ibn Arqam pada ms 109, Vol. 3, dari buku *Al-Mustadrak*. Pengarangnya menambah: "Hadith ini sahih menurut dari kedua Shaykhs yang tidak menyampaikannya sama sekali." Dia menyebutkannya dari punca yang lain dari Zayd ibn Arqam pada ms 533, Vol. 3, dari bukunya *Al-Mustadrak*, dengan menambah: "Hadith ini disampaikan oleh penyampai yang berkepercayaan, malahan mereka berdua (kedua Shaykhs) tidak menerbitkannya sendiri." Al-Thahbi telah memuatkannya di dalam bukunya *Talkhis*, mengesahkan ianya sahih.

[6] Al-Tabrani telah memasukkannya, seperti yang dirujuk di dalam buku Nabhani', *Al-Arba'in*, dan di dalam buku Sayyiti, *Ihya'ul Mayyit*. Kamu tahu yang sebenarnya *khutba dia [sawas]*, tidak terhad kepada sebanyak ini, kerana tiada siapa yang menyampaikan sebanyak ini boleh mengatakan bahawa dia mendengarnya sendiri. Tetapi politik telah mengikat kebanyakan lidah ahli tradisional [hadith] dan merantai pena kebanyakan penulis. Walaupun dengan semua ini, setitik yang sedemikian dari lautan telah mencukupi; segala puji bagi Allah.

[7] Merujuk kepadanya pada penutup seksen 2, Bab 9, dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa* oleh Ibn Hajar, selepas 40 ahadith yang dirujuk pada seksen itu di muka surat 57.

[8] Merujuk kepadanya di dalam penghuraian bab keempat: "Dan tahan mereka, kerana mereka akan ditanya [37:24]," yang disebutkan di dalam seksen satu, Bab 11, dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*, pada penghujung ms 89.

[9] Merujuk kepadanya di dalam bab yang memperkatakan wasiat Nabi pada ms 135 dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*, kemudian tanyakan kepada dia mengapa dia mengutamakan mengikuti al-Ash'ari di dalam asas agama, dan kepada empat madhab di dalam cabang-cabangnya, dan bagaimana dia boleh menganggap manusia lain lebih utama dari Ahlul Bayt di dalam penyampaian hadith, manusia seperti 'Umr ibn Hattan dan yang sama dengannya diantara yang Kharijites, mengutamakan yang lain dari mereka Ahlul Bayt di dalam penghuraian Kitab, seperti Muqatil ibn Sulayman, seorang Murji'ite yang mempercayai bahawa Allah mempunyai bentuk fizikal, dan mengutamakan orang-orang ini di dalam sains etika, akhlak, kesopanan dan psikologi Ma'ruf dan yang sama dengannya, dan bagaimana dia mengenepikan adik Rasul Allah dan juga walinya, yang telah melaksanakan segala wasiatnya, untuk kedudukan khalifa secara umum dan juga perwakilan bagi Rasul [sawas]. Kemudian tanyakan kepadanya bagaimana dia memilih keturunan Rasul Allah [sawas], keturunan penakut. Apakah yang akan dilakukan oleh manusia yang berpaling dari keturunan suci

Muhammad [sawas]; yang berkedudukan mulia dan patuh kepada agama; dan mengikuti jejak langkah orang yang menentang mereka terhadap hadith sahih: Dua Perkara Berat dan yang sama sepertinya? Dan bagaimana dia boleh mengatakan dia berpegang teguh kepada 'itra dan menaikki Bahtera dan juga memasuki Pintu Keampunan?

[10] Al-Hakim menyebutnya dari Abu Tharr pada ms 151, Vol. 3, dari bukunya *Sahih Al-Mustadrak*.

[11] Al-Tabrani menyebutnya di dalam buku *Al-Awsat* dari Abu Sa'id. Ianya adalah 18 dari yang 25 *Al-Arba'in* (40) ahadith dari Nabhani, *Al-Arba'in Al-Arba'in* (1600 ahadith), ms. 216.

[12] Ini disebutkan oleh al-Hakim pada ms 149, Vol. 3, dari *Al-Mustadrak* dari Ibn 'Abbas. Al-Hakim menambah: "Ini adalah hadith yang sahih, walaupun (kedua Shaykhs, i.e. Bukhari and Muslim) tidak menulis di dalam buku mereka.

[13] Rujuk kepada penutup bab ramalan Rasul [sawas] akan waktu-waktu yang sukar sebelum wafatnya, pada penghujung ms 143 dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*. Kami tanyakan Ibn Hajar: "Jika inilah status yang dinikmati oleh ulama Ahlul Bayt [as], maka mengapa kamu berpaling dari mereka?"

[14] Pertimbangkan kenyataan ini darinya, kemudian katakan kepada saya mengapa dia tidak mengikuti petunjuk para Imamnya di dalam cabang dan asas bagi keagamaan, atau pada prinsip dan asas perundangan atau di dalam sains hadith dan juga al-Kitab, atau apa sahaja yang berkaitan dengan etika, akhlak dan kesopanan, dan mengapa dia tertinggal dibelakang; dari itu dia telah lemas di dalam lautan bersama mereka yang menolak pertolongan Allah, melarikan diri di dalam tempat-tempat orang yang zalim. Semoga Allah mengampunkan dia terhadap penipuannya terhadap kami dan secara zalim menyerang kepercayaan kami.

## SURAT 9

### 1] MINTA TAMBAHAN TEKS YANG BERKAITAN

#### Thul Qi'da 17, 1329 H.

Janganlah berhenti pena kamu, dan janganlah risau pada membosankan saya. Saya semuanya telinga pada mendengarkan hujah-hujah kamu, dada saya terbuka di dalam mempelajari dari kamu, hati saya menjadi tenteram dan jiwa saya aman dan damai.

Segala pembuktian dan hujah-hujah yang kamu nyatakan telah menjadikan saya lebih berminat lagi untuk mengetahui, dengannya telah hilanglah kebosanan dari saya. Kirimkanlah kepada saya lebih banyak lagi kata-kata kamu yang menambat hati dan dari pengakuan-pengakuan mereka yang genius. Saya dapati dari kata-kata kamu suatu pencarian oleh mereka yang bijak, dan ianya lebih mententeramkan hati saya dari air laut biru yang jernih, maka berilah kepada saya lebih banyak lagi, semoga Allah merahmati orang tua mu, dan keamanan bagi kamu.

Yang ikhlas,  
'S'

## SURAT 10

### 1] SEPINTAS LALU PADA TEKS PELENGKAP

#### Thul-Qi'da 19, 1329 H.

Jika kamu merasa senang menerima surat saya, dan jika kamu telah menatapinya dengan penuh kepuasan, maka dapatlah saya meletakkan harapan untuk kemenangan saya kepada kamu dan juga mengakhiri usaha saya ini dengan kejayaan. Sesiapa yang berniat jujur, mempunyai atitiut yang baik sedang dia merendahkan diri, peramah, mulia, dimahkotakan dengan pengetahuan, sopan santun dengan kesabaran, sudah pasti kebenaran terdapat di dalam apa yang dia perkatakan dan tuliskan, sedang kesaksamaan dan kejujuran berada ditangan dan dilidahnya.

Kepada kamulah saya seharusnya mengucapkan terima kasih, apabila kamu meminta untuk ditambahkan, kerana siapakah lagi yang lebih mulia, berbudi dan rendah hati? Demi untuk menyampaikan permintaan dan menyejukan mata kamu, saya suka untuk menyatakan yang berikut:

Kedua mereka al-Tabrani di dalam *Al-Mujma' al-Kabir* dan Rafi'i di dalam *Musnad*, menyebutkan Ibn 'Abbas, sebagai berkata bahawa 'Rasul Allah [sawas] telah berkata: 'Biarlah sesiapa yang suka hidup seperti saya dan mati seperti saya dan tinggal di syurga Eden yang telah disediakan oleh Tuhanku, mengambil Ali sebagai ketuanya selepas saya, dan hendaklah dia patuh kepada sesiapa saja yang dilantik olehnya sebagai pengganti dirinya, dan hendaklah dia mencontohi Ahlul Bayt saya selepas saya, kerana mereka adalah keturunan saya: mereka telah dijadikan dari acuan saya dan dirahmati dengan kebijaksanaan dan pengetahuan saya. Malang bagi orang yang menolak mereka dan memisahkan saya dari mereka! Semoga Allah tidak mengizinkan mereka menikmati syafaat saya.' [1]

Al-Matir, al-Barudi, Ibn Jarir, Ibn Shahin, dan Ibn Mundah kesemuanya telah menyebutkan dari Ishaq yang mengatakan dari Ziyad ibn Matraf sebagai berkata: 'Saya telah mendengar Rasul Allah berkata: 'Sesiapa yang berhasrat untuk hidup seperti saya dan mati seperti saya dan memasuki Taman yang telah dijanjikan oleh Tuhanku, Taman yang abadi, maka hendaklah dia mengambil Ali dan keturunannya selepas saya sebagai ketua, kerana mereka tidak akan membiarkan kamu tanpa pertunjuk, tidak juga membiarkan kamu sesat.' [2]

Begitu juga Zayd ibn Arqam telah disebutkan dalam satu hadith sebagai berkata: 'Rasul Allah [saw] telah berkata: 'Sesiapa yang berhasrat untuk hidup seperti saya dan mati seperti saya dan tinggal di Taman yang abadi yang dijanjikan kepada saya oleh Tuhanku, hendaklah dia mengambil Ali sebagai ketua, kerana dia tidak akan membiarkan kamu tanpa pertunjuk, tidak juga membiarkan kamu sesat.' [3]

Juga, pertimbangkanlah hadith ini yang disampaikan oleh Ammar ibn Yasir: 'Rasul Allah [saw] telah berkata: Saya menasihati sesiapa yang percaya kepada saya dan yakin terhadap kebenaran saya untuk menerima pemerintahan Ali ibn Abu Talib, barang siapa yang menerima dia sebagai pemerintah telah menerima saya seperti itu juga, dan sesiapa yang mencintai dia telah mencintai saya juga, dan sesiapa yang mencintai saya telah mencintai Allah. Sesiapa yang membenci dia telah membenci saya, dan sesiapa yang membenci saya telah membenci Allah awj.' [4]

Ammar menyebutkan dari yang lain dengan mengatakan hadith ini: 'Wahai Tuhan! Sesiapa yang percaya kepada ku dan yakin kepada kebenaran ku, hendaklah dia mengambil Ali sebagai ketuanya, kerana kerajaannya adalah yang saya juga, dan kerajaan saya adalah kerajaan yang Maha Berkuasa Allah juga.' [5]

Dia [saw] suatu ketika menyampaikan syarahan dimana dia berkata: 'Wahai manusia! Penghormatan, kemuliaan, keutamaan dan pemerintahan adalah untuk Rasul Allah dan keturunannya, dari itu janganlah membiarkan kepalsuan memesongkan kamu.' [6]

Dia [saw] berkata: 'Di dalam setiap generasi ummah saya terdapat ahli dari keturunan saya, yang hanya sama kedudukan dengan diri saya, dan yang memelihara agama ini dari diubah oleh mereka yang keji dan diinterpretasikan oleh mereka yang jahil. Ketahuilah bahawa para Imam kamu adalah wakil kamu kepada Allah; maka, lihatlah siapa yang kamu kirimkan kepada Dia sebagai wakil kamu.' [7]

Dia [saw] telah juga berkata: 'Janganlah mendahului mereka, kelak kamu akan binasa, tidak juga kamu tertinggal jauh dibelakang kerana kamu juga akan binasa. Janganlah mengajari mereka, kerana mereka lebih berpengetahuan dari kamu.' [8]

Dia [saw] telah berkata: 'Anggaplah Ahlul Bayt saya yang berada diantara kamu sebagaimana kamu menganggap kepala kepada tubuh badan; dan mata pada kepala, kerana kepala dipandu oleh mata.' [9]

Dia [saw] berkata: 'Kekalkan kecintaan kepada kami, Ahlul Bayt, kerana sesiapa mengadap Allah dengan mencintai kami akan masuk kesyurga melalui syafaat kami. Saya bersumpah dengan Dia yang memiliki jiwa saya bahawa amalan baik bagi semua yang beriman tidak bermanfaat bagi dirinya melainkan melalui pengiktirafan akan hak-hak kami.' [10]

Dan dia [saw] juga telah berkata: 'Pengetahuan dari keturunan Muhammad membawa keselamatan dari api neraka, dan mencintai Ahlul Bayt adalah berjalan pada jalan yang lurus. Bersekutu dengan keturunan Muhammad terselamat dari siksaan.' [11]

Dia [saw] telah berkata: 'Kaki mana-mana hamba Allah tidak akan dapat bergerak pada hari pengadilan melainkan dia akan ditanya empat perkara: Bagaimana dia menghabiskan usianya, untuk apa dia menghabiskan tenaganya, bagaimana dia mendapatkan dan membelanjakan hartanya, dan mengenai kecintaan terhadap kami, Ahlul Bayt.' [12]

Dia [saw] telah berkata: 'Jika seseorang berdiri di dalam sholat diantara Rukn dan Maqam [suatu tempat diantara penjuru Kabah dan Maqam Ibrahim], membenci keturunan Muhammad, dia pasti akan memasuki api neraka.' [13]

Dia [saw] telah juga berkata: 'Sesiapa yang mati kerana cintanya kepada 'itra Muhammad, mati sebagai syahid. Sesiapa yang mati kerana kecintaannya kepada 'itra Muhammad, mati sebagai mukmin yang sempurna imannya. Sesiapa yang mati kerana mencintai anak-anak Muhammad akan diberikan khabar gembira tentang memasuki syurga oleh malaikat maut, kemudian oleh Munkir dan Nakir. Sesiapa yang mati kerana mencintai keturunan Muhammad akan dibawa kesyurga seperti pengantin lelaki dibawa kerumah pengganti perempuan. Sesiapa yang mati mencintai 'itra Muhammad akan mempunyai dua pintu yang melihat kesyurga di dalam kuburnya. Allah akan menjadikan kuburan sesiapa yang mati pada mencintai anak-anak Muhammad tempat ziarah para Malaikat Rahmat. Sesiapa yang mati pada mencintai 'itra Muhammad mati dalam mematuhi Sunnah dan ijmak

Sesiapa yang mati dengan membenci 'itra Muhammad akan datang pada hari pengadilan dengan tertulis diantara matanya: 'Dia akan keciwa dengan Rahmat Allah,' sehingga keakhir syarahannya yang tidak ada bandingan, [14] dengan syarahan ini dia, [saw] bermaksud untuk memperbetulkan kecondongan dan keinginan nafsu manusia.

Implikasinya adalah bahawa semua tradisi ini dipersetujui sebulat suara, terutama yang disampaikan melalui pengesahan dari 'itra yang suci. Status mereka tentu tidak akan disahkan jika mereka tidak menjadi pembuktian terhadap Allah dan pengasas bagi perundanganNya, merekalah yang mewakili Rasul Allah di dalam menyuruh atau menegah, pengganti baginda didalam maksud bahasa yang lebih mudah. Sesiapa yang mencintai mereka, telah mencintai Allah dan RasulNya juga, dan sesiapa yang membenci mereka adalah musuh Allah dan RasulNya.

Dia [saw] telah berkata: 'Tiada yang mencintai mereka melainkan yang takut kepada Allah dan mukmin yang ikhlas, dan tiada yang membenci mereka melainkan si hipokrit durjana.' [15] Dengan sebab ini al-Farazdaq, seorang penyair, telah mengatakan rangkap ini di dalam sanjungannya terhadap mereka:

Kamu; kecintaan seseorang yang berarti keimanan, membenci tanda kekufuran;  
Hampir kepada kamu adalah terselamat dan juga keselamatan.  
Jika yang wara' semua dihitungkan, kepada mereka kamulah Imam;  
dan itulah yang sebenar.  
Jika seorang ditanya: 'Siapakah manusia terbaik?'  
Kamulah jawabannya

Amirul-Mukminin [as] pernah berkata:

'Sayalah yang paling mulia diantara keturunan ku, yang paling bersopan ketika muda, dan yang paling bijak ketika tua. Melalui kami Allah menghapuskan dusta, dan melalui kami Dia menjadikan gigi musang yang liar tidak berfungsi. Melalui kami Allah mengobati kegersangan kamu, dan melalui kami Dia membebaskan kamu. Melalui kamilah Allah memulakan dan mengakhirkan.' [16]

Mencukupilah kepada kami untuk mengutamakan mereka dari yang lain, dengan fakta yang sesungguhnya bahawa Allah awj sendiri telah mengutamakan mereka dari yang lain, dengan menjadikan pengucapkn selawat keatas mereka sebagai sebahagian yang wajib di dalam sholat fardu, tidak kira jika orang yang mengucapkan selawat itu adalah yang Siddiq [Abu Bakar] atau Faruq [Umar], yang mempunyai satu cahaya, atau dua cahaya [Uthman], atau yang banyak cahaya. Tidak! Setiap orang yang menyembah Allah dengan melakukan apa yang telah diwajibkanNya pada menyembah Dia, ketika melakukan itu manusia telah mengirimkan kesejahteraan keatas mereka, sebagaimana manusia menyembah Dia ketika menjadi saksi melalui dua bahagian sahadah. Ini yang sebenarnya adalah satu status yang mana semua ummah telah menundukkan kepala kepada mereka, dan dihadapan mata siapa sahaja yang kamu sebut sebagai imam telah menyerah kepada mereka. Imam al-Shafi'i, semoga Allah merestui dia, telah berkata: [17]

Wahai ahli rumah Rasul! Mencintai kamu adalah fardu  
Yang Allah wajibkan di dalam wahyuNya yang suci  
Memberi kamu kehormatan yang besar terpuji,  
Jika siapa tidak mengirimkan kesejahteraan keatas kamu semua  
lanya seakan dia tidak melakukan sholat sama sekali

Marilah kita merasa puas dengan sebanyak ini dari sunnah yang suci pada menerangkan fakta bahawa mengikuti sunnah mereka adalah wajib; begitu juga pada mencontohi mereka. Di dalam Kitab Allah awj terdapat ayat-ayat yang jelas yang mengatakan itu juga adalah wajib. Kepada ayat-ayat tersebutlah kami berhasrat untuk menarik kesedaran serta penghujahan yang sesitif kepada kamu. Kamu boleh dipuaskan dengan hanya bayangan petunjuk, dan mencukupi dengan isyarat untuk menarik perhatian kamu; segala puji tertentu bagi Allah; Tuhan sekalian alam.

Yang ikhlas,  
'Sh'

[1] Hadith ini, seperti yang dituliskan, adalah hadith 3819 yang telah dimuatkan pada ms 217, Vol. 6 dari *Kanz al-'Ummal*. Dia juga menyebutnya di dalam *Muntakhab al-Kanz*; maka, rujuklah pada teks yang terkemudian pada permulaan notakaki di muka surat 94 dari Vol. 5 di dalam Ahmed buku *Musnad*, walaupun pengarangnya mengatakan: "Mereka telah dianugerahkan dengan kefahaman saya," sepatutnya "kefahaman dan pengetahuan." Penyalinnya mungkin telah melakukan kesalahan. Al-hafiz Abu Na'im, di dalam bukunya *Hilyat al-Awliya'*, juga telah menyebutkannya, dan dia kemudiannya telah disebutkan oleh ulama Mu'tazilite pada ms 450, Vol. 2, dari ulasannya pada *Nahjul Balaghah*, edisi Egypt. Dia juga menyebutkan sesuatu yang sama pada ms 449 dari Abu 'Abdullah Ahmed ibn Hanbal di dalam kedua-dua *Musnadnya* dan dalam bukunya berjudul *Manaqib 'Ali ibn Abu Talib* (as).

[2] Hadith ini no 2578 yang disebutkan di dalam *Kanz al-'Ummal*, Vol. 6, ms 155. Ianya juga disebutkan oleh *Muntakhab al-Kanz*; maka, rujuklah pada yang kemudian dan baca ayat yang akhir pada notakaki di muka surat 32, Vol. 5, yang menyebutkan dari Ahmed *Musnad*. Ianya juga disebutkan oleh Ibn Hajar al-'Asqalani secara ringkas di dalam biography Ziyad ibn Mutraf di dalam bahagian satu dari bukunya *Isaba*, kemudian dia menambah: "Hadith ini disebutkan oleh Yahya ibn Ya'li al-Muharbi, tradisional yang lemah." Ini adalah pelik datangnya dari al-'Asqalani, kerana Yahya ibn Ya'li, menurut dari ulama ijmak dari golongan ulama hadith, dia boleh dipercayai. Di dalam *Sahihnya*, al-Bukhari menyebut hadith dari dia yang berkenaan dengan perjanjian Hdaybiya. Dia juga mengajarkan hadith kepada Muslim Ghaylan ibn Jami'. Lebih-lebih lagi, al-Thahbi, di dalam bukunya *Mizan*, mengambil dia sebagai yang boleh dipercayai, dan juga ramai pengesahan yang lain yang dipercayai oleh kedua shaykh dan juga yang lainnya.

[3] Ini telah disebutkan oleh al-Hakim pada penghujung ms 128, Vol. 3, dari buku sahihnya *Al-Mustadrak*. Dia menambah yang berikut: "Semua penyampai hadith ini adalah berkepercayaan, dan mereka (kedua Shaykhs) tidak menyebutnya" Ianya telah disebutkan oleh al-Tabrani di dalam bukunya *Al-Jami' al-Kabir*, dan oleh Abu Na'im di dalam bukunya berkenaan dengan cemerlangnya para sahabah. Ianya adalah hadith 2577 yang dimuatkan di dalam *Kanz al-'Ummal* pada ms 155, Vol. 6. Pengarang juga menyebut di dalam bukunya *Muntakhab al-Kanz*; maka rujuklah pada notakaki di muka surat 32, Vol. 5, dari *Musnad*.

[4] Al-Tabrani telah menyebutnya di dalam *Al-Jami' al-Kabir*, dan begitu juga Ibn 'Asakir di dalam buku sejarahnya, dan ia adalah hadith 2571 yang dimuatkan di dalam *Kanz al-'Ummal* pada penghujung ms 154, Vol. 6.

[5] Al-Tabrani telah menyebutnya di dalam *Al-Jami' al-Kabir* seperti yang disampaikan oleh Muhammad ibn Abu 'Ubaydah ibn Muhammad ibn 'Umayr ibn Yasir yang menyebut dari bapanya dan dari datuknya 'Ammar. Ianya adalah hadith 2576 yang dimuatkan di dalam *Kanz al-'Ummal*, ms 155, Vol. 6. Ianya juga disebutkan di dalam *Muntakhab al-Kanz*.

[6] Ianya disebutkan oleh Abul Shaykh di dalam hadith yang panjang dan disampaikan oleh Ibn Hajar pada penghujung *maqsad* 4 dari *Maqasid* ketika menerangkan, pada ms 105 dari bukunya *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*, ayat mengarahkan berkasihi sayang kepada kerabat Rasul setelah penelitiannya, dan di dalam *maqsad* utama dari bukunya *Ghayat Al-Maram*. Jangan mengabaikan kenyataannya: "Janganlah bersama mereka yang zalim."

[7] Ini disebutkan oleh al-Malla di dalam *Sirat*, seperti juga penghuraian ibn Hajar's pada ayat "Dan ikutlah jejak langkah mereka, kerana mereka akan dipersoalkan" di dalam *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*, ms90, mencadangkan.

[8] Ini disebutkan oleh al-Tabrani yang membicarakan hadith Dua Perkara Berat, dan dia disebutkan oleh Ibn Hajar apabila yang terkemudian menerangkan maksud ayat bab 4 ""Dan ikutlah jejak langkah mereka, kerana mereka akan dipersoalkan" ayat yang dia bincangkan di dalam bab 11 dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*, ms 89.

[9] Ini disebutkan oleh sekumpulan pengarang buku tradisi dari Abu Tharr, dan ianya disampaikan oleh Imam al-Sabban ketika memuji kecemerlangan Ahl al-Bayt (as) di dalam kerjanya *Is'af al-Raghibin*, dan oleh Shaykh Yusuf al-Nabhani pada ms 31 dari *Al-Sharaf al-Mu'abbad*, dan oleh ramai penyampai yang lain. Ini adalah teks yang menekankan terhadap kepimpinan mereka dan menunjukkan bahawa petunjuk kepada kebenaran boleh dicapai hanya melalui mereka.

[10] Ini disebutkan oleh al-Tabrani di dalam *Al-Awsat* sebagaimana yang disampaikan oleh al-Sayyuti di dalam *Ihya'ul Mayyit*; oleh al-Nabhani di dalam 40 [ahadith]; oleh Ibn Hajar di dalam bab perbincangan pada arahan kecintaan kepada mereka di dalam *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*, sebagai tambahan kepada banyak lagi dari penyampai yang terkemuka; maka, pertimbangkan kenyataannya: 'Tidak ada amalan baik yang memberi manfaat kepada dirinya melainkan dia mengetahui akan hak kami.' Katakanlah kepada saya apakah hak-hak itu, yang dijadikan oleh Allah sebagai pra syarat pada penerimaan amal yang baik. Tidakkah ianya pada mentaati mereka dan mendapatkan keridhaan Allah melalui mengikuti JALAN MEREKA YANG LURUS? Apakah dia arahan yang mana keduanya, kerasulan dan khalifa mempunyai pengertian yang sebegitu besar? Tetapi kita telah dinodai oleh manusia yang tidak mahu memikirkan; maka, 'Kita adalah kepunyaan Allah, dan kepadaNya lah kita akan kembali.'

[11] Ini disebutkan oleh kadhi 'Iyaz di dalam bab menerangkan fakta bahawa untuk memuliakan Rasul [sawas] dan pada menyenangkan dia adalah pada menyenangkan 'itra dan keturunan dia, sebagaimana ditunjukkan pada permulaan ms 40, Bahgian 2, dari buku *Al-Shifa* yang telah dicetak di Istanbul pada 1328 H. Kamu mengerti bahawa 'mengenal' mereka di dalam teks ini tidak bererti hanya mengenali nama dan orangnya, dan bahawa mereka adalah kerabat Rasul Allah, bahkan Abu Jahal dan Abu Lahab mengenali semua mereka, tetapi ianya bermaksud mengiktiraf pada fakta bahawa mereka adalah penguasa selepas Rasul [sawas], seperti mana dia sendiri telah mengatakan: 'Sesiapa mati dengan tidak mengetahui Imam semasanya telah mati sebagai seorang jahiliah,' dan pengertian mencintai mereka dan wilayahnya adalah kecintaan dan wilayah yang diwajibkan keatas manusia 'mereka yang mengikuti kebenaran,' i.e. Para Imams sebenar, faktanya adalah nyata.

[12] Fakta ini adalah disebabkan bahawa Allah telah menganugerahkan kepada mereka status khas yang memerlukan ketaatan kepada mereka. Mencintai mereka sedemikian mendapat ganjaran. Hadith ini disampaikan oleh al-Tabrani dari Ibn 'Abbas, dan ianya disampaikan oleh al-Sayyuti di dalam *Ihya'ul Mayyit*, dan oleh al-Nabhani di dalam *Al-Arba'in*, selain dari banyak lagi pengarang yang terkenal.

[13] Ini telah disebutkan oleh al-Tabrani dan al-Hakim, dan terdapat juga di dalam Nabhani, *Al-Arba'in*, di dalam Sayyuti *Ihya'ul Mayyit* dan di dalam yang lain. Hadith ini adalah sama kepada katanya [sawas], seperti satu hadith yang kamu telah dengar, "Demi Dia yang memiliki jiwa saya, tidak ada amalan baik yang bermanfaat tanpa pengiktirafan akan hak kami.' Jika membenci mereka tidaklah bererti membenci kepada Allah dan RasulNya, tentulah amalan baik orang yang membenci mereka tidak dibatalkan walaupun jika orang itu menghabiskan usianya diantara Rukn dan Maqam [bagi Ibrahim [as] bersholat dan berdoa, jika begitu; mereka masih belum dapat menikmati status yang sedemikian. Al-Hakim dan Ibn Hayyan, di dalam *sahih*, seperti yang dikatakan di dalam Nabhani, *Al-Arba'in Arba'in* dan Sayyuti, *Ihya'ul Mayyit*, dari Imam al-Hasan, cucu Rasul, yang berkata kepada Mu'awiyah ibn Khadij suatu ketika: "Berwaspada pada membenci kami, kami Ahl al-Bayt (as), kerana Rasul Allah telah berkata: 'Sesiapa membenci atau dengki kepada kami akan diusir pergi dari Tasik [Kawthar] dengan cabuk api neraka.'" Rasul Allah [sawas] memberikan syarahan dan berkata: "Wahai manusia! sesiapa yang membenci kami, kami Ahl al-Bayt (as), akan dibangkitkan pada hari pengadilan sebagai yahudi.' Hadith ini disebutkan oleh al-Tabrani di dalam *Al-Awsat* seperti dinyatakan di dalam al-Sayyuti, *Ihya'ul Mayyit* dan Nabhani, *Al-Arba'in Arba'in* dan di dalam buku-buku yang lain.

[14] Ini disebutkan oleh Imam al-Tha'labi di dalam penerangannya pada ayat perintah, cinta kepada Ahl al-Bayt (as) di dalam *Al-Tafsir al-Kabir* dari Jarir ibn 'Abdullah al-Bijli dari Rasul Allah [sawas]. Al-Zamakhshari mengambilnya sebagai sahih di dalam penghuraian ayat yang sama di dalam bukunya *Al-Kashshaf*, maka rujuklah kepadanya.

[15] Al-Malla telah merakamkan ini di dalam *maqsad* yang kedua pada bab 14 dari al-Quran yang suci di dalam babnya sendiri iaitu bab 11 dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*.

[16] Ini telah disebut oleh `Abdul-Ghani ibn Sa`d di dalam bukunya *Eizah al-Ishkal*. Ini adalah hadits 6050 yang telah dimuatkan di dalam *Kanz al-`Ummal* pada penghujung ms 396, Vol. 6.

[17] Dua syair ini dari al-Shafi'i telah diketahui umum dan tersebar luas. Ramai pengesah yang dipercayai telah mengakui fakta ini, dan menunjukkan bahawa al-Shafi'i sendiri yang mengubahnya. Diantara mereka ialah: Ibn Hajar, yang menyebutnya ketika menerangkan ayat "Allah dan Para Malaikat berselawat keatas Nabi [sawas]," pada ms 88 pada bukunya *Al-Sawa`iq al-Muhriqa*; al-Nabhani pada ms 99 dari bukunya *Al-Sharaf al-Mu'abbad*, Imam Abu Bakr ibn Shihabud-Din di dalam bukunya *Rashfatul Sadi*, dan oleh ramai yang lain.

## SURAT 11

- 1] MEMUJI TEKS KAMI YANG JELAS
  - 2] MEMIKIRKAN BAGAIMANA BERKOMPROMIKAN MEREKA DENGAN KEPERCAYAAN MAJORITI
  - 3] MEMINTA PETUNJUK YANG JELAS DARI AL-KITAB
- SEPINTAS LALU PADA TEKS PELENGKAP

**Thul-Qi`da 20, 1329 H.**

1] Saya telah diberikan penghormatan untuk menerima surat kamu yang mulia yang mana saya dapati ianya sah pada tajuk utama. Limpahan banjir dari kefasihan kamu telah menenggelamkan puncak yang tinggi. Saya telah meneliti surat kamu dengan teliti, dan saya dapati kamu berpandangan jauh, tegas, bernas di dalam penghujahan, dan berani bersuara.

2] Setelah menimbangkan hujah kamu secara mendalam dan menggali kepada setiap pembuktian kamu, saya dapati diri saya didalam situasi yang amat merbahaya: Apabila saya melihat kedalam bukti-bukti kamu, saya dapati ianya menyakinkan. Apabila saya mempertimbangkan penjelasan kamu, saya dapati ianya memberi petunjuk. Apabila saya melihat kepada Para Imam dari 'itra yang disucikan, saya dapati Allah dan RasulNya telah menyanjung status mereka, memaparkan ketinggian dan kemuliaan mereka. Kemudian apabila saya melihat kepada majoriti Muslim, yang mewakili jumlah yang besar dari ummah ini, saya dapati mereka berbeza dengan Ahlul Bayt, bertentangan dengan kewajipan yang dibuktikan. Sekarang saya dapati diri ini akan terbahagi kepada dua bahagian: satu bahagian dari saya condong kepada pembuktian, sedang yang lain mencari perlindungan bersama majoriti kaum Muslim. Saya telah serahkan yang pertama kepada kamu untuk dibimbing, sedangkan yang satu lagi dengan keras menolak kamu.

3] Dari itu, bolehkah kamu tolong kawalkan kedegilan yang kemudian itu dengan bukti yang meyakinkan dari al-Kitab yang mana dengannya boleh mengawal dan mengalihkan dari mengikuti kepercayaan umum? Keamanan keatas kamu.

Yang Ikhlas,  
'S'

## SURAT 12

PEMBUKTIAN AL-QURAN

**Thul-Qida 22, 1329 H.**

Kepujian bagi Allah, kamu telah mempelajari al-Kitab sepenuhnya, telah memahami pengertian keduanya, yang terang dan yang tersembunyi. Adakah sesiapa yang disanjung di dalamnya seperti 'itra yang disucikan? Adakah ayatnya yang jelas, menerangkan sesiapa sebagai 'bersih dari segala kekotoran' [1] selain dari mereka? Adakah ayat 'pembersihan' telah diwahyukan atas penghormatan pada sesiapa yang lain? [2] Adakah wahyu yang terang yang telah mengarahkan pada mencintai yang lain? [3] Adakah Jibril membawa ayat Mubahala pada memuji yang lain? [4]

Adakah 'Hal Ata' telah diwahyukan pada memuji yang lain? Tidak! Saya berani bersumpah dengan Tuhan yang telah menggunakannya dengan tepat untuk mereka; Dialah yang benar lagi adil. [5]

Tidakkah mereka itu 'Tali Allah' mengenai mereka, Dia telah berkata: 'Pegang bersama kepada Tali Allah dan janganlah berpecah [3:103] [6]?

Dan 'yang benar' mengenai mereka, Dia telah berkata: 'Hendaklah kamu semua bersama yang benar.' [9:119] [7]

'Jalan Allah' mengenainya, Dia telah berkata: 'Janganlah mengikuti jalan yang berbeza kelak mereka akan memesonkan kamu dari jalan Allah [6:153] [8] merekalah yang 'dijamin dengan penguasaan diantara kamu [4:59] [9] 'Penjagaan wahyu' mengenainya, Dia berkata: 'Tanyalah Penjaga wahyu apabila kamu tidak tahu,' [21:7] [10] 'Yang Mukmin' mengenainya Dia berkata: 'Sesiapa yang berbeza dengan Rasul, setelah petunjuk menjadi jelas kepada mereka, dan mengikuti jalan lain dari yang mukmin, Kami akan tinggalkan dia di jalan yang dipilihnya dan meletakkan dia kedalam neraka, tempat tinggal yang buruk,' [4:115] [11] dan bagi

'petunjuk' mengenainya Dia berkata: 'Kamu adalah yang memberi peringatan, dan bagi setiap ummah terdapat seorang petunjuk,'? [12] Tidakkah diantara merekalah yang Allah telah hujani dengan rahmat dan kepada merekalah Dia telah rujuk di dalam Fatiha dan al-Quran, katanya: 'Bimbinglah kami kejalan yang lurus, jalan bagi 'mereka' yang Kamu telah rahmati,' [13] dan Dia juga telah berkata: 'Yang ini adalah bersama dengan yang itu dimana Allah telah rahmati bersama diantara para Rasul, mereka-mereka yang benar, para syuhada dan yang adil,' [4:69]? [14]

Tidakkah Dia telah memberikan kepada mereka penguasaan umum? Tidakkah Dia telah mengkhususkannya hanya kepada mereka selepas Rasul? Bacalah: 'Pemimpin kamu adalah Allah dan RasulNya dan Mukmin yang mendirikan sholat dan membayar zakat ketika sedang rukuk, sesiapa yang mengambil Allah dan RasulNya dan Mukmin sebagai pemimpin, maka sesungguhnya parti Allahlah yang berjaya,' [5:58] [15] Tidakkah Dia telah menjadikan keselamatan bagi orang yang bertaubat dan melakukan amal yang baik, semuanya bergantung kepada penerimaan orang itu terhadap bimbingan mereka [ahlul Bayt], kataNya: 'Aku sesungguhnya Maha Pengampun kepada mereka yang bertaubat, beriman, beramal baik, dan yang menerima petunjuk,' [20:82] [16]? Tidakkah wilayah mereka sebahagian dari yang 'dijamin'; mengenainya Allah awj telah berkata: 'Kami tawarkan amanah itu kepada langit, bumi dan juga gunung, tetapi mereka semua menolak untuk menanggongnya disebabkan dari rasa takut yang amat sangat, kemudian manusia menerimanya: dia amat zalim, lagi amat jahil,' [33:72]? [17]

Tidakkah mereka yang menjadi 'kesejahteraan'; dimana Allah telah mengarahkan setiap orang untuk memasukkinya, kataNya: 'Wahai kamu yang beriman! masuklah kamu semua dengan kesejahteraan, dan janganlah mengikuti langkah syaitan,' [2:208] [18]. Tidakkah mereka itu 'rahmat' mengenainya Allah awj telah berkata: 'Kamu akan ditanya pada Hari itu mengenai RahmatNya,' [102:8] [19]? Tidakkah Rasul Allah [sawas] telah diarahkan untuk menyampaikan semua ini? Tidakkah Allah telah menekankan mengenai penyampaian itu di dalam bahasa yang bunyinya seakan mengancam, kataNya: 'Wahai Rasul! Sampaikan apa yang telah diwahyukan kepada kamu, jika kamu tidak melaksanakannya, maka kamu yang sebenarnya telah tidak menyampaikan pengkhabaranNya sama sekali, dan Allah akan memelihara kamu dari manusia (khianat) [5:70]? [21] Tidakkah Rasul Allah [sawas] telah menyampaikannya pada hari Ghadir, setelah sampai didataran Ghadir dan selesai menyampaikan pengkhabaran tersebut, maka kemudiannya Allah telah mewahyukan ayat tahniah ini: 'Pada hari ini Aku telah cukupkan agamamu, sempurnakan rahmatKu keatas kamu dan menerima Islam sebagai agama kamu,' [5:4]? [21]

Tidakkah kamu lihat apa yang Tuhan kamu telah lakukan terhadap orang yang dengan cara terbuka menafikan kata-kata penguasaan mereka, 'Wahai Allah! Jika pengkhabaran ini yang sebenarnya dari Kamu, maka jatuhkanlah batu keatas kami [22] seperti hujan dari langit, atau jadikan bencana menimpa keatas kami,'? Allah telah lemparkan sebiju batu 'Sijil' kepadanya sebagaimana Dia telah lakukan kepada tentera bergajah. Dia telah mewahyukan ayat ini pada kejadian itu. 'Sesaorang meminta ditimpakan siksaan yang akan menimpa pada yang kafir - yang tidak dapat dielakkan - . [Siksaan] dari Allah awj, Tuhan pada cara untuk naik' [70:1-2]

Manusia pastinya akan ditanya mengenai 'penguasaan' yang sedemikian apabila mereka dibangkitkan semula; sebagaimana yang telah ditunjukkan di dalam penjelasan pada ayat yang berbunyi: 'Dan ikutlah jejak mereka, kerana mereka mempunyai penguasaan,' [37:24] [23] Dari itu tidak ada ruang lagi untuk kehairanan, terutama apabila kita dapat membezakan dengan fakta bahawa penguasaan mereka telah dianugerahkan oleh Allah keatas manusia melalui RasulNya, dengan memberikan bukti dan hujah-hujah untuknya, sebagaimana yang ditunjukkan oleh keterangan dari kata-kataNya: "Dan tanyakan kepada Rasul siapa yang telah Kami kirirkan sebelum kamu," [43:45] [24] Tidak! Bahawasanya Allah telah mengambil janji-janji itu pada hari 'Alasto' dari jiwa-jiwa makhluk kejadianNya, bahkan sebelum dijadikan rupa bentuk fizikal mereka lagi, seperti rujukan pada ayat ini: 'Apabila Tuhan kamu mengeluarkan dari anak-anak Adam - dari pinggul [sulbi] mereka - keturunan-keturunan mereka, telah minta mereka berjanji, bertanya kepada mereka: Tidakkah Aku Tuhan kamu? Mereka berkata: Ya kami mengaku!' Dikhuatiri kalau-kalau kamu mengatakan pada hari pengadilan: 'Sesungguhnya kami tidak pernah tahu mengenainya,' [7:172] Melalui syafaat merekalah Allah telah berikan keampunan kepada Adam yang telah mempelajari ayat-ayat taubat, rujuk kepada bab 2, ayat 37 dari al-Quran [26]

'Allah tidak mendedahkan mereka kepada azab,' [27] kerana mereka adalah keselamatan bagi penduduk dunia dan juga suatu cara untuk manusia berdampingan dengan Dia awj. Kepada merekalah manusia merasa dengki dan mengenai itu Allah telah berkata: 'Haruskan manusia merasa dengki kepada mereka kerana Allah telah mengurniakan kepada mereka keutamaanNya,' [4:54]? [28] Merekalah yang 'mempunyai pengetahuan yang mendalam' mengenai mereka Allah berkata: 'Mereka yang mempunyai pengetahuan yang mendalam berkata: Kami beriman.' [3:7]! [29] Merekalah yang akan berada ditempat kedudukan yang tertinggi dan kepada mereka Allah merujuk apabila Dia berkata: 'Ditempat yang tinggi adalah mereka yang mengenali semua melalui tanda-tanda yang ada padanya,' [7:48] [30]

Mereka adalah yang benar, mengenai mereka Dia berkata: 'Diantara yang beriman ada orang yang memenuhi janjinya kepada Allah, sebahagian dari mereka telah wafat, sedang yang lain sedang menunggu, dan mereka tidak berubah walau sedikit pun,' [33:23] [31] Merekalah yang berterusan memuji Allah. Mengenai mereka Dia telah berkata: 'Dia telah dipuji diawal pagi dan di ketika malam oleh orang yang tidak condong, oleh perniagaan atau berjual beli, dari menyebut Allah, dan bersholat, atau mengeluarkan zakat, mereka takut pada hari dimana muka dan hati akan berpaling,' [24:36-37] [32]

Rumah-rumah mereka adalah yang disebutkan di dalam ayat-ayat Allah yang berbunyi: 'Didalam rumah-rumah yang mana Allah memberikan keizinan untuk ditinggikan dan namaNya disebutkan di dalamnya,' [33] Allah telah jadikan ruang di dinding, di dalam surah An-Nur [24:35] [34] sebagai contoh kepada cahayaNya



Allah adalah Cahaya bagi langit dan bumi. Umpama cahayanya adalah ruang di dinding, di dalamnya terdapat pelita: pelita itu ditutup dengan kaca, kaca itu bersinar seperti pancaran bintang terang yang dinyalakan dari pokok yang dirahmati, pokok zaitun, tidak ketimur dan tidak juga kebarat, yang mana minyaknya hampir penuh bercahaya, walaupun api tidak menyentuhnya. Cahaya diatas cahaya! Allah memimpin siapa yang dihajati kepada cahayaNya: Allah jadikan perumpaan itu untuk manusia, dan Allah mengetahui segala sesuatu.'

Mereka adalah yang mula-mula di dalam menerima agama dan melaksanakannya, dan mereka adalah yang terdekat kepada Allah, sebagaimana Dia menyatakan di dalam bab 56, ayat 10 dan 11 [35] Merekalah yang mengesahkan akan kebenaran Rasul [4:69] [36] Merekalah para syuhada dan yang mulia. Mengenai mereka dan pengikutnya Allah telah berkata: 'Diantara makhluk Kami, terdapat satu ummah memanggil kepada petunjuk sebenar melalui kebenaran, dan merekalah yang amat adil,' [7:181] [37] Juga Allah telah mengatakan yang berikut mengenai parti mereka dan juga mengenai musuh mereka: 'Penghuni neraka tidak sama dengan penghuni syurga. Penghuni syurga adalah yang berjaya,' [38] Mengenai kedua-dua parti Dia juga telah berkata, 'Haruskah Kami layan mereka yang beriman dan melakukan amal baik seperti Kami layan mereka yang melakukan kerosakan di bumi, atau haruskah Kami samakan yang mulia dengan yang zalim,' [38:28]? [39] Dia juga telah mengatakan ayat yang berikut mengenai kedua parti: 'Adakah mereka yang melakukan kerosakan menyangka yang Kami akan layani mereka seperti Kami layan mereka yang beriman dan melakukan amal baik, ketika hidup dan ketika mati? Adalah salah sangkaan mereka,' [40] Mengenai mereka dan penyokong mereka Dia telah berkata: 'Mereka yang beriman dan melakukan amal baik adalah makhluk yang terbaik,' [98:7] [41]

Mengenai mereka dan musuh-musuh mereka Allah telah berkata: 'Ini adalah dua penentang yang berbeza mengenai Tuhan mereka: mereka yang kafir akan dipakaikan pakaian dari api: cecair mendidih akan dituangkan dikepala mereka,' [22:19] [42]

Mengenai mereka dan musuh mereka, Allah telah mewahyukan ayat ini: 'Adakah mereka yang beriman sama seperti mereka yang fasik? Mereka tidak sama. Bagi mereka yang beriman dan beramal baik, tempat tinggal mereka adalah syurga, sebagai balasan terhadap amal baik. Bagi mereka yang fasik, tempat tinggal mereka adalah neraka, setiap kali mereka hendak keluar darinya, mereka akan dikembalikan kedalamnya dan akan dikatakan kepada mereka: Rasakan azab neraka yang kamu telah dustakan,' [32:19-20] [43]

Mengenai mereka dan manusia yang berbangga kerana menyediakan air bagi para jemaah dan memelihara masjidil haram, Allah telah mewahyukan ayat ini: 'Adakah kamu kira menyediakan air bagi para jamaah dan memelihara masjidil-haram itu sama setaraf dengan mereka yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat serta berjihad dijalan Allah? Mereka tidaklah sama pada pandangan Allah, dan Allah tidak membimbing mereka yang zalim,' [9:19] [44]

Mengenai kejayaan mereka di dalam banyak percubaan dan betapa besarnya kesabaran mereka, yang Maha Berkuasa berkata: 'Diantara manusia terdapat orang yang menjual nyawa mereka untuk kesenangan Allah; Allah Maha Pengasih terhadap hambaNya,' [2:207] [45] Mengenai bakti mereka dijalan Allah dan susah payah mereka, Allah telah berkata: 'Allah telah membeli nyawa mereka yang beriman dengan syurga: mereka berperang dijalan Allah dan mereka membunuh atau dibunuh. Itu adalah janji Dia yang sebenar di dalam Taurat, Injil dan al-Quran: Siapakah yang lebih menepati janji dari Allah? Dari itu bergembiralah, dari perniagaan kamu terdapat kejayaan yang besar. Mereka yang berpaling [kepada Allah] bertaubat, menyembah Dia, dan meninggalkan Dia, mengembara di dalam kecintaan berjihad kepada Allah, rukuk dan sujud di dalam sholat, menyuruh kepada kebajikan dan melarang dari kejahatan, dan memelihara dari batas-batas yang telah ditentukan oleh Allah [mereka berbahagia]. Maka sampaikan berita gembira kepada yang beriman,' [9:111-112] 'Mereka yang membelanjakan [sedekah] harta di malam dan disiang hari, secara rahsia dan secara terang, mendapat balasan dari Tuhan mereka: pada mereka tidak ada ketakutan, dan tidak juga mereka bersusah hati,' [2:274] [46]

Mereka hanya mengatakan yang benar. Dia yang Maha Benar sendiri telah menjadi saksi kepadanya, kataNya: 'Mereka yang datang membawa kebenaran, mempercayai kepadanya, adalah sesungguhnya takut kepada Tuhan,' [39:33] [47]

Mereka adalah saudara Rasul [sawas] yang taat, kerabatnya, yang Allah telah pilih untuk dipeliharaNya dengan molek dan pemerhatian yang penuh, katanya: 'Dan beri amaran kaum mu yang terdekat,' [26:214] Mereka adalah kerabatnya dan "Kerabat mempunyai keutamaan menurut Kitab Allah,' [8:75; lihat juga 33:6] Pada hari kiamat, mereka akan naik kepada kedudukannya dan bersama dengannya di dalam taman-taman syurga sebagaimana yang disaksikan oleh ayat Allah: 'Mereka yang beriman dan keluarganya yang mengikuti mereka di dalam beriman – kepada mereka akan Kami satukan kepada keluarganya: Kami tidak akan menyekat mereka dari hasil amal yang mereka lakukan, setiap mereka terikat dengan amalan mereka,' [52:21] [48]

Mereka mempunyai hak untuknya sebagaimana al-Quran telah mengatakan: 'Dan berikan kerabat yang terdekat hak mereka,' [17:26] dan mereka berhak seperlima: tidak ada tanggung jawab sesiapa pun yang akan bersih sehingga dia mengeluarkannya: Ketahuilah kamu ini, apa sahaja yang kamu dapati dari keuntungan, seperlima untuk Allah, Rasul dan kerabatnya,' [8:41] Merekalah yang mana Allah telah utamakan dan telah dianugerahkan seperti yang dimaksudkan di dalam ayat: 'Apa yang Allah telah berikan kepada RasulNya – yang diambil dari mereka – untuk ini janganlah kamu tuntutan sama ada untuk berkuda atau unta, tetapi Allah memberi kuasa kepada RasulNya diatas apa yang Dia suka, dan Allah berkuasa diatas segala sesuatu,' [59:6]

Mereka adalah Ahlul Bayt yang diperkatakan oleh Allah dari itu: 'Allah menghendakki untuk membersihkan segala kekotoran dari kamu, Ahlul Bayt, dan mensucikan kamu dengan kesucian yang sempurna,' [33:33] Mereka adalah keluarga Yasin yang mana Allah telah memberikan ucapan di dalam al-Quran yang suci, dari itu: Kesejahteraan keatas kamu keluarga Yasin,' [37:130] [49] Dan mereka adalah keluarga Muhammad, keatas

mereka ucapan dan selawat telah difardhukan oleh Allah yang berkata: 'Allah dan para Malaikat mengirimkan selawat keatas Rasul: Wahai kamu yang beriman! Ucapkanlah selawat keatas dia dan ucapkanlah salam kepadanya,' [33:56] [50]

Sebahagian manusia bertanya kepada Nabi [sawas], 'Wahai Rasul Allah! Kami tahu bagaimana hendak memberi salam kepada kamu, tetapi bagaimana kami memberikan ucapan kepada kamu dengan berdoa?' Dia [sawas] menjawab, 'Katakan, Wahai Allah, Kirimkanlah rahmatMu keatas Muhammad dan keluarga Muhammad,' menurut daripada hadith. Dari itu dapatlah difahamkan bahawa ucapan kepada mereka adalah sebahagian dari sholat yang difardhukan oleh ayat ini. Itulah makanya para ulama' telah memasukkan ayat yang disebutkan diatas bersama dengan yang lain di dalam ayat yang memuji mereka. Ibn Hajar telah menulisnya di dalam bahagian 11 dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa* diantara ayat-ayat yang memuji mereka [as], [51]. Tempat berehat yang baik untuk mereka, dan ganjaran yang baik, syurga Eden dengan pintu terbuka luas untuk menyambut mereka. [52]

Siapakah yang boleh bertanding dengan mereka? Disisi matahari pengertiannya adalah haba. Membakar, memusnahkan sesiapa yang sanggup untuk bertanding.

Allah telah memilih mereka untuk keutamaanNya, dan merekalah yang paling pantas dari yang lain di dalam mengerjakan amal kebajikan; mereka mewarisi Kitab Allah; mengenai mereka Dia telah berkata di dalamnya: 'Diantara manusia ada yang menganiaya diri mereka sendiri [dengan mengabaikan para Imam], dan ada manusia yang mencari kebenaran [dengan mengikuti para Imam]: Ini sesungguhnya adalah kurniaan Allah yang besar,' [35:32] [53]

Ayat-ayat tersebut yang menunjukkan kemuliaan dan ketinggian para Imam, pastinya telah mencukupi. Ibn Abbas telah berkata: Di dalam memuji Ali sahaja 300 ayat telah diwahyukan,' [54] Yang lain mengatakan bahawa satu perempat dari al-Quran telah diwahyukan pada memuji mereka. Ini tidaklah memeranjatkan jika kita fikirkan kepada fakta bahawa mereka dan al-Quran adalah saudara kembar yang tidak akan berpisah diantara mereka.

Mencukupilah untuk kali ini dengan apa yang telah kami katakan disini dari ayat-ayat al-Quran yang sempurna. Terimalah ianya dengan mudah [tanpa prasangka] ketika mundar-mandir [pergi balik] memikirkan, jadikan ianya seperti kedatangan cahaya pagi yang bersinar, memberikan kesenangan dan keindahan, memaafkan dan mendamaikan, dari sesaorang yang sangat memahaminya, kerana tiada siapa yang dapat memberikan penerangan yang lebih baik dari mereka yang dianugerahkan dengan pengalaman, dan keamanan bersama kamu.

Yang ikhlas,  
'Sh'

[1] Sebagaimana yang telah tersurat di dalam wahyunya, menurut dari kenyataan Allah: 'Allah menghendakki untuk menghapuskan segala kekotoran dari kamu Ahlul Bayt [as] dan mensucikan kamu dengan kesucian yang sempurna [33:33]

[2] Tidak! Tiada siapa yang boleh menuntut itu sama sekali. Mereka telah dipilih untuk itu, maka, tiada siapa yang boleh mencapai kedudukan itu, tidak juga bermimpi untuk mendapat apa yang mereka milikki.

[3] Tidak! Allah telah memilih mereka untuk itu dan mengutamakan mereka dari yang lain, kataNya: 'Katakan [Wahai Muhammad]: Saya tidak meminta dari kamu sebarang ganjaran selain dari berkasih sayang terhadap kerabat ku,' dan sesiapa yang malakukan kebajikan [berkasih sayang kepada mereka], Kami pasti akan menambahkan kebajikannya; sesungguhnya Allah maha Pengampun {kepada orang yang kasih kepada mereka}, berterima kasih [terhadap kasih sayang yang sedemikian] [42:23]

[4] Tidak! Ayat Mubahala telah diwahyukan khusus pada memuji mereka. Allah awj berkata di dalamnya: 'Katakan [Wahai Muhammad]: 'Mari kita bawa anak-anak kami dan anak-anak kamu,... [3:61]

[5] Ini adalah rujukan kepada wahyu Ayat al-'Asr (Bab Masa) mengenai mereka dan musuh mereka, dan sesiapa yang berhasrat untuk memahami perkara ini seperti mana yang diperkatakan di dalam ayat pembersihan, ayat mubahala, ayat menyuruh berkasih sayang kepada kerabat Nabi, dan ayat masa, dia hendaklah merujuk kepada kenyataan kami dalam perkara ini, kerana ianya adalah penawar bagi setiap penyakit. Ia membawa kesedaran pada pihak lawan, dan menjadi pengetahuan bagi mereka yang tidak mengerti, dan pujian kepada Allah.

[6] Di dalam ulasanya pada maksud ayat ini di dalam bukunya *Al-Tafsir al-Kabir*, Imam al-Tha'labi menyebut dari Aban ibn Taghlib yang menyatakan bahawa Imam Ja'fer al-Sadiq (as) telah berkata: "Kami adalah Tali Allah yang mana Dia telah berkata: 'Dan berpeganglah kamu semua kepada Tali Allah bersama, dan janganlah berpecah [3:103]. Ibn Hajar telah memuatkan ayat ini bersama diantara yang lain yang diwahyukan pada memuji mereka, yang menjadi no lima dari urutan ayat yang dia senaraikan di dalam bab 11 dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*. Ketika menerangkan maksudnya pengarang telah menyebutkan dari al-Tha'labi, sepertimana yang kamu telah dengar diatas, menyebut dari Imam Ja'fer al-Sadiq (as). Imam al-Shafi'i telah disebutkan di dalam *Rashfatul Sadi* oleh Imam Abu Bakr ibn Shihabud-Din sebagai telah berkata:

Apabila saya melihat manusia dibawa pergi kepada laut kesesatan dan kejahilan dari golongan mereka, saya menaikki, dengan nama Allah, Bahtera keselamatan, iaitu, Ahli Rumah dia yang pilihan, penutup para Rasul.

Dan saya berpegang teguh kepada Tali Allah, dan itu adalah taat kepada mereka, sabagaimana Dia telah mengarahkan kita untuk berpegang kepada TaliNya.

[7] 'Yang Benar' ianya adalah Rasul Allah dan para Imam dari keturunan dia yang suci, menurut dari sahih kami yang berturutan, dan seperti yang disokong oleh al-Hafiz Abu Na'im dan Muwaffaq ibn Ahmed, dan

disampaikan oleh Ibn Hajar di dalam penerangannya di dalam bab 5 seksen 11 dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*, ms 90, telah menyebutnya dari Imam Zaynul `Abidin (as) di dalam kenyataan yang disebutkan diatas [lihat surat 6] [8] Imams al-Baqir dan al-Sadiq (as) selalu berkata: "JALAN YANG LURUS disini adalah para Imam, dan jangan ikut jalan yang menyimpang [Imam yang sesat] kerana mereka akan menyimpangkan kamu dari JALAN DIA [dan kami adalah JALAN DIA]"

[9] Di dalam buku *sahih*, diatas keterangan yang diakui oleh Muslims, Muhammad ibn Ya`qub al-Kulayni, telah menyebutkan dari Burayd al-`Ajli sebagai berkata: Saya bertanya Abu Ja'fer (Imam Muhammad al-Baqir, as) mengenai ayat yang berbunyi: 'Ta'at kepada Allah dan Ta'at kepada Rasul dan mereka yang diberikan kuasa diantara kamu [4:59]' dan dia menjawab dengan berkata: Tidakkah kamu melihat kepada mereka [kaum Yahudi] yang telah diberikan sebahagian dari [pengetahuan] al-Kitab? Mereka telah dipelawa kepada Kitab Allah supaya dapat dibuat keputusan diantara mereka, kemudian sekumpulan dari mereka berpatah kebelakang darinya, dan mereka terus berpaling' [3:23], 'bagaimana mereka kini telah percaya kepada sihir dan kezaliman, dan bagaimana mereka katakan kepada yang kafir bahawa mereka lebih dekat kepada Jalan Yang Lurus dari orang yang beriman? Mereka berkata kepada para Imam yang sesat dan para penyeru kepada neraka, bahawa petunjuk mereka lebih baik dari yang dibawa oleh keturunan Muhammad; 'Tidakkah kamu lihat kepada mereka yang mana sebahagian kitab telah diberikan? Mereka percaya kepada berhala dan tuhan yang palsu dan berkata kepada yang kafir: Ini adalah petunjuk yang lebih baik di dalam jalan yang lurus dari orang yang beriman. Itu adalah orang yang Allah telah kutuk, dan sesiapa yang Allah kutuk, kamu tidak akan dapat carikan untuk mereka para penolong. Atau adakah bagi mereka sebahagian dari kerajaan? Jika ada, mereka tidak akan memberi manusia walaupun sedikit dari bahagian biji kurma,' [4:51-53] tidak juga mereka akan memperdulikan bidang penguasa Allah, iaitu, Imami dan khalifa, '.... Atau mereka merasa dengki kepada orang yang Allah telah menganugerahkan kepadanya keutamaan [4:54]? Kamilah orangnya yang didengki, kerana Imami yang diberikan Allah keatas kami tidak kepada manusia lainnya; Kami berikan kepada keturunan Ibrahim al-Kitab dan kebijaksanaan, dan Kami berikan mereka kerajaan yang luas [4:54] bermaksud Dia jadikan sebahagian mereka Rasul, Nabi dan Imam; maka, bagaimana mereka boleh memperakui adanya itu semua pada keturunan Ibrahim tetapi menafikannya pada keturunan Muhammad [sawas]?! Diantara mereka terdapat yang beriman padanya, dan terdapat diantara mereka yang berpaling darinya, dan cukuplah neraka untuk tempat penyiksaan [4:55]

[10] Menerangkan bab ini, al-Tha`labi menyebutkan Jabir sebagai berkata yang berikut di dalam bukunya *Al-Tafsir al-Kabir*: "Apabila bab ini diwahyukan, `Ali (as) berkata: 'Kami adalah orang yang mengingati,' dan inilah halnya dengan segala para Imam Petunjuk." Ulama Bahraini telah menyebutkan di dalam bab 35 lebih dari 20 hadith sahih yang mempunyai maksud yang serupa.

[11] Ibn Mardawayh, di dalam penerangannya pada bab ini, telah menunjukkan bahawa "... untuk berhujah dengan Rasul" dalam kontek ini bererti untuk menentang baginda mengenai Ali (as), dan Petunjuk yang dirujuk dalam ayat ini "... setelah Petunjuk diperjelaskan kepada dia..' adalah Petunjuk yang diberikan oleh Ali [as]. Di dalam buku *Tafsir*, al-`Ayyashi menyatakan sesuatu seakan-akan sama dengan yang ini, dan di dalam *sahihs* yang disampaikan berturutan dari punca keturunan yang disucikan, pada menyebut bahawa 'Jalan bagi mereka yang beriman' adalah jalan keturunan mereka [as]

[12] Menerangkan ayat ini di dalam *Al-Tafsir al-Kabir*, al-Tha`labi menyebutkan Ibn `Abbas sebagai berkata: "Apabila ayat ini diwahyukan, Rasul Allah [sawas] meletakkan tangannya di dada dan berkata: 'Saya adalah yang memberi peringatan dan Ali [as] adalah Petunjuk, dan melalui kamu wahai Ali, Petunjuk dicapai.' Ramai ulama tafsir dan pengarang buku tradisi menyebutkan Ibn `Abbas dan Muhammad ibn Muslim sebagai berkata: "Saya bertanya Abu `Abdullah (Imam Ja'fer al-Sadiq (as)) mengenai pengertian ayat ini dan dia menjawab: 'Setiap Imam adalah Petunjuk bagi eranya.' Imam Abu Ja'fer al-Baqir telah mengatakan yang berikut ini mengenai penjelasannya: 'Yang memberi peringatan adalah Rasul Allah, dan yang memberi petunjuk adalah Ali, kemudian dia menambah: Demi Allah, Imami akan berterusan bersama kami sehingga Kiamat tiba.'

[13] Di dalam tafsirannya pada Surat al-Fatiha, al-Tha`labi, di dalam *Al-Tafsir al-Kabir*, menyebut Abu Buraydah berkata bahawa "*al-sirat al-mustaqim* (jalan yang lurus) adalah jalan Muhammad (sawas) dan keturunannya (as)." Mentafsirkan *sura ini*, Waki' ibn al-Jarirah menyebut Sufyan al-Thawri melalui rangkaian penyampai termasuk al-Sadi, Asht, Mujahid, semuanya menyebut Ibn `Abbas berkata: "Bimbinglah kami ke Jalan yang Lurus bererti Bimbinglah kami kepada menyintai Muhammad dan keturunannya.'

[14] Para Imams dari diantara Ahl al-Bayt (as) adalah dengan tidak diragukan lagi ketua bagi *siddiqs*, syuhada dan yang adil.

[15] Ulama tafsir sebulat suara, seperti al-Qawshaji, imam bagi Ash`aris, telah mengaku pada bab mengenai "Sharh al-Tajrid," mengatakan bahawa ayat ini telah diwahyukan pada menghormati `Ali (as) apabila dia memberikan sedekah ketika mengerjakan solat. Di dalam *sahihnya*, al-Nisa'i menyebut `Abdullah ibn Salam mengesahkan yang ianya diwahyukan pada penghormatan `Ali (as). Pandangan ini telah disokong oleh pengarang *Al-Jami` Baynal Sihah al-Sitta* ketika menjelaskan Surat al-Ma'ida. Al-Tha`labi telah menunjukkan ianya diwahyukan pada penghormatan Amirul Mukminin di dalam bukunya *Al-Tafsir al-Kabir*, sebagaimana yang kami akan terangkan apabila kita membincangkannya nanti.

[16] Di dalam bab 11, Bahagian 1, dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*, Ibn Hajar mengatakan: "Petunjuk yang dirujuk di dalam bab 8 yang mengatakan: 'Sesungguhnya Aku maha pengampun kepada mereka yang bertaubat, beriman dan melakukan amal baik, kemudian menerima petunjuk, ' menurut Thabit al-Banni, maksudnya mencari petunjuk dari Ahlul Bayt Nabi [sawas].' Ini disampaikan juga dari Abu Ja'fer al-Baqir. Ibn Hajar telah menyampaikan beberapa ahadith mengesahkan keselamatan kepada orang yang mencari dan beramal diatas petunjuk mereka [as]. Dia juga merujuk kepada apa yang disebutkan dari kenyataan al-Baqir, merujuk kepada

perbualan diantara Imam al-Baqir (as) dan al-Harith ibn Yahya yang mana Imam berkata: "Wahai Harith! Tidakkah kamu melihat bagaimana Allah telah menjadikan ianya jelas bahawa taubat, beriman dan amalan baik tidak mencukupi tanpa mencari petunjuk dari penguasaan kami [as]?" kemudian dia [as] menyebutkan dari datukandanya Amirul Mukminin sebagai berkata: "Demi Allah! Jika seseorang bertaubat, beriman dan beramal baik, tetapi dia tidak mencari petunjuk dari penguasaan kami, dan tidak juga mengiktiraf hak kami, kesemua ini tidak akan ada faedahnya." Abu Na'im *hafiz* menyebutkan Awn ibn Abu Jahufah yang kemudiannya menyebutkan dari bapanya tradisi yang sama dari `Ali (as). Al-Hakim telah menerbitkan hadith yang sama dari Imams al-Baqir dan al-Sadiq (as), dan dari Thabit al-Banni dan Anas ibn Malik.

[17] Rujuk kepada maksud ayat ini di dalam *Al-Safi*, dan di dalam buku `Ali ibn Ibrahim, *Tafsir*, dan kepada tradisi yang disampaikan oleh Sunnis telah menjelaskan maksudnya sebagaimana yang disusun oleh ulama Bahraini di dalam bab 115 dari kerjanya *Ghayat al-Maram*.

[18] Di dalam bab 224 dari *Ghayat al-Maram*, ulama Bahraini menyebutkan 12 tradisi dari *sahihs* mengesahkan kepada fakta bahawa ayat ini telah diwahyukan mengenai kepimpinan Ali dan para Imam dari keturunannya, menolak kepimpinan yang lain. Di dalam bab 223, dia menyebutkan bahawa al-Asfahani al-Amawi menyampaikan yang sama mengenai `Ali (as) tetapi menyebutkan dari punca yang lain.

[19] Di dalam bab 48 dari *Ghayat al-Maram*, ulama Bahraini menyebut 3 ahadith yang disampaikan oleh Sunnis, mengesahkan kepada fakta bahawa 'kebahgiaan' disini adalah rahmat Allah kepada manusia melalui pemerintahan RasulNya, Amirul Mukminin dan Ahl al-Bayt (as). Di dalam bab 49, dia menyebut 12 ahadith dari *sahihs* yang membayangkan maksud yang sama; maka rujuklah kepadanya jika kamu berhajat.

[20] Hanya seorang fiqah Sunni diantara pengarang buku-buku tradisi, iaitu Imam al-Wahidi, ketika mengulas Surat al-Ma'ida di dalam bukunya *Asbab al-Nuzul*, menyebut Abu Sa'id al-Khudri sebagai berkata: "Ayat ini telah diwahyukan pada Hari Ghadir Khumm di dalam menghormati `Ali ibn Abu Talib (as)." Imam al-Tha'labi telah memuatkan di dalam *Tafsirnya* dari 2 punca, dan al-Hamawani al-Shafi'i memuatkan di dalam bukunya *Fara'id* dari beberapa punca dari Abu Hurayrah, dan ianya disampaikan oleh Abu Na'im di dalam bukunya *Nuzul al-Qur'an* dari 2 punca: Abu Rafi' dan al-A'mash, keduanya menyebut `Atiyyah. Di dalam *Ghyat al-Maram*, terdapat 9 ahadith yang disampaikan oleh Sunnis dan 8 sahih oleh Shi'as yang mempunyai maksud yang sama; maka rujuklah padanya di dalam bab 37 dan 38.

[21] Teks ini telah dikatakan oleh Imam Abu Ja'fer al-Baqir (as), kemudian disebutkan oleh Imam Abu `Abdullah al-Sadiq (as). Menurut dari penyampai yang sahih, Sunnis telah memuatkan 6 ahadith di dalam buku-buku tradisi mereka yang pada penghujungnya menyebutkan dari Rasul Allah [sawas], dengan jelas menekankan tema yang sama. Keterangannya ada di dalam bab 39 dan 40 pada buku *Ghayat al-Maram*.

[22] Imam al-Tha'labi mempunyai keterangan yang khusus pada perkara ini di dalam bukunya *Al-Tafsir al-Kabir*, dan ianya telah disampaikan oleh ulama Mesir al-Shiblinji yang mengkhususkan biografi `Ali di dalam bukunya *Nur al-Absar*, ms 171, dimana dia juga menerangkan secara khusus. Al-Halabi menyebutnya pada penghujung bab "Hijjatul Wada' di dalam jilid 3 dari bukunya *Al-Sira al-Halabiyya*. Al-Hakim menyampaikan pada "*Tafsir al-Ma'arij*" di dalam bukunya *Al-Mustadrak*, ms 502, Vol. 2.

[23] Al-Daylami, sama seperti di dalam kes pada penerangan ayat di dalam *Al-Sawa'iq al-Muhriqa* telah menyatakan bahawa Sa'id al-Khudri menyebut Rasul [sawas] sebagai berkata: "Ikutilah jejak langkah mereka, kerana mereka bertanggung jawab mengenai `wilayat Ali." Al-Wahidi, seperti juga kesnya dengan pengarang *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*, menerangkan ayat ini dengan berkata: "Ianya telah disampaikan mengenai kenyataan Allah: 'Ikutilah jejak langkah mereka, kerana mereka bertanggung jawab.....,' bahawa tanggung jawab disini dirujuk kepada pimpinan Ali dan juga Ahl al-Bayt (as),' menambah: "Kerana Allah mengarahkan RasulNya [sawas] untuk menjadikan manusia sedar kepada fakta bahawa dia tidak meminta ganjaran dari mereka kerana menyampaikan pengkhabaran Allah selain dari berkasih sayang kepada kerabatnya...., iaitu, manusia akan ditanya jika mereka benar-benar menyerah kepada *wilayat* ahl bayt sebagaimana Rasul [sawas] telah mengarahkannya, atau jika mereka telah menghilangkan dan membuangnya, maka ianya telah menjadi perkara yang Allah telah tentukan dan akan menanggung akibat kerana mengenepikannya." Ibn Hajar telah memuatkannya di dalam bab 11 dari bukunya *Al-Sawa'iq al-Muhriqa* diantara ayat-ayat yang menyanjung mereka [as], menjadi no 4 di dalam turutan, dan dia menjelaskannya dengan panjang lebar.

[24] Merujuk kepada apa yang Abu Na'im al-Hafiz sebutkan di dalam *Hilyat al-Awliya*, dan kepada apa yang dirakamkan oleh al-Tha'labi, al-Nisaburi dan al-Barqi mengenai maksudnya di dalam buku tafsir mereka, dan kepada apa Ibrahim ibn Muhammad al-Hamawani dan yang lain sunni telah katakan. Juga rujuk kepada Abu Ali al-Tibrisi telah katakan ketika menerangkan maksudnya di dalam bukunya *Mujma'ul Bayan fi Tafsir al-Qur'an*, telah menyebutnya dari Amirul Mukminin [as]. Apa yang bab 44 dan 45 dari *Ghayat al-Maram* menyatakan tentang maksud ayat ini adalah sesuatu yang menghilangkan segala keraguan.

[25] Syarahan kami sendiri mengenai Ahl al-bayt [as], ketika menerangkan ayat ini, mengesahkan kepada fakta ini.

[26] Ibn al-Maghazli al-Shafi'i menyebutkan Ibn `Abbas sebagai berkata: 'Apabila Rasul Allah [sawas] telah ditanya mengenai perkataan yang diterima oleh Adam dari TuhanNya dan ketika taubatnya telah diterima, dia [sawas] berkata: 'Dia [Adam] meminta kepada Tuhan dengan keutamaan yang ada pada Tuhan untuk Muhammad, Ali, al-Hasan dan al-Husayn, dan dari itu Tuhan telah menerima taubatnya dan telah mengampunkannya.' Inilah yang kami fahamkan dari maksud ayat ini.

[27] Rujuk kepada *Al-Sawa'iq al-Muhriqa* oleh Ibn Hajar yang mentafsirkan ayat Allah awj: "Allah tidak akan menyiksa mereka..." seperti ayat 7 yang telah diwahyukan pada penghormatan terhadap mereka seperti dirakamkan di dalam bab 11 dari buku tersebut dimana pengarang menuliskan pandangan kami yang tercatat disini.

[28] Ini telah diakui oleh Ibn Hajar yang mengatakan ayat ini diantara yang diwahyukan pada menghormati mereka, memberikan no. 6 di dalam bab 11 di bukunya *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*. Ibn al-Maghazli al-Shafi'i, seperti ditunjukkan di dalam penerangan ayat ini di dalam *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*, menyebutkan Imam al-Baqir (as) berkata: "Demi Allah, kamilah orangnya yang didengki." Di dalam bab 60 dan 61 dari *Ghayat al-Maram*, sebanyak 30 ahadith yang sahih telah dirakamkan dengan maksud ini.

[29] Ini telah disebutkan oleh Thiqatul-Islam Muhammad ibn Ya'qub al-Kulayni yang menyebutkan hadith yang sahih dari Imam al-Sadiq (as) sebagai berkata: "Kami adalah manusia yang mana ketaatan kepada kami telah dimandatkan oleh Allah awj, kamilah yang mempunyai pengetahuan yang mendalam dan kamilah yang di dengki. Allah awj telah berkata: 'Atau haruskan mereka dengki manusia [tertentu] yang mana Allah telah berikan keutamaan kepadanya?' Ini juga telah disebutkan oleh al-Shaykh di dalam bukunya *Tahthib*, juga menyebut dari Imam al-Sadiq [as].

[30] Sedang dia menerangkan ayat ini di dalam *Tafsirnya*, al-Tha'labi menyebut Ibn 'Abbas berkata: "'A'raf' adalah suatu tempat yang ditinggikan pada *Sirat* dimana al-'Abbas, Hamzah, 'Ali dan Ja'fer yang mempunyai dua sayap mengenali orang yang mencintai mereka dengan tanda putihnya air muka, dan orang yang membenci mereka dengan hitamnya air muka." Al-Hakim, juga telah menyebut 'Ali (as) berkata: "Kami akan berdiri, pada Hari Pengadilan, diantara syurga dan neraka, dan kami akan mengenali orang yang menyokong kami dengan tandanya dan akan membenarkan memasuki syurga, dan kami akan mengenali orang yang membenci kami juga dengan tandanya." Salman al-Farisi telah disebutkan sebagai berkata: "Saya telah mendengar Rasul Allah [sawas] berkata: 'Wahai 'Ali! Kamu dan Para wasi dari keturunan kamu adalah di A'raf.'" Ini telah disokong oleh hadith yang disebutkan oleh Dar Qutni pada penghujung bahagian 2, Bab 9 dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*. Ia menunjukkan bahawa 'Ali (as) memberikan ceramah yang panjang kepada 6 orang yang dilantik oleh Umar yang bertanggung jawab terhadap *shura* yang mana dia mengatakan: "Saya tanya kepada kamu dengan Nama Allah jika sesiapa diantara kamu yang telah dikatakan sama kepada apa yang saya telah diberitahu oleh Rasul Allah [sawas] dan itu adalah: 'Wahai 'Ali! Kamulah orangnya yang akan memilih ketentuan setiap orang pada Hari Pengadilan sama ada kesyurga atau ke Neraka?" Mereka menjawab: "Sebenarnya, tidak." Ibn Hajar mengatakan yang berikut: "Pengertian hadith ini adalah apa yang sampaikan oleh Antarah dari Imam 'Ali al-Rida (as) yang menyebutkan dari Nabi [sawas], yang mengatakan berikut ini kepada 'Ali (as): 'Wahai 'Ali! Kamu adalah orangnya yang akan menentukan manusia sama ada ke Syurga atau ke Neraka pada Hari Pengadilan, memberitahu neraka yang mana kepunyaannya dan yang mana bukan." Ibn Hajar berkata: "Ibn al-Sammak menyampaikan bahawa Abu Bakr telah berkata kepada 'Ali (as), semoga Allah merasa senang kepada keduanya, "Saya telah mendengar Rasul Allah berkata: 'Tiada siapa yang dapat melepasi Sirat melainkan orang yang dibenarkan oleh 'Ali.'"

[31] Di dalam seksen 5, Bab 9, dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*, Ibn Hajar, ketika membincangkan pembunuhan terhadap 'Ali, menunjukkan bahawa apabila 'Ali (as) berada diatas mimbar di Kufa, dia telah disuruh untuk menerangkan ayat yang mana terdapat rangkai kata: "Orang yang terbukti benar pada yang dijanjikan kepada Allah," dan dia menjawab dengan berkata: "Wahai Tuhan! Ampunkan mereka; ayat ini telah diwahyukan pada penghormatan terhadap diri saya, bapa saudara saya Hamzah, dan sepupu saya 'Ubaydah ibn al-Harith ibn al-Muttalib. 'Ubaydah mati sebagai syuhada di Badr; Hamzah mati sebagai syuhada di Uhud; dan diri saya, saya sedang menunggu kematian yang amat pedih, apabila ini akan dibasahi oleh darah dari ini,' menunjukkan dengan tangannya kepada janggut dan kepala kemudiannya; "Ini adalah suatu janji yang benar yang dijanjikan kepada saya oleh bapa al-Qasim yang tercinta [sawas]." Al-Hakim, ketika menterjemahkan ayat ini seperti yang disebut di dalam buku al-Tibrisi *Mujma'ul Bayan fi Tafsir al-Qur'an*, mengatakan 'Umer ibn Thabit menyebutkan dari Abu Ishaq menyebutkan dari 'Ali [as], berkata: "Pada pihak diri kami ayat ini diwahyukan: 'Orang yang terbukti benar pada yang dijanjikan oleh Allah.... Dan saya demi Allah sedang menunggu, dan saya tidak pernah berubah sama sekali.

[32] Mujahid dan Ya'qub ibn Sufyan menyebut Ibn 'Abbas, terjemahan ayat ini dengan mengatakan "Dan apabila mereka melihat perniagaan atau temasya, mereka berlumba padanya, meninggalkan kamu berdiri [solat seorang]," dari itu: "Suatu ketika Dahyah al-Kalbi datang dari Syria pada hari Jumaat dengan aneka barang makanan dan dia sampai kesuatu tempat bernama Ahjar al-Zayt dimana dia memberitahu kehadiranannya dengan memukul gendang untuk mengajak manusia kepadanya. Maka manusia berlumba-lumba kepadanya, meninggalkan Rasul [sawas] diatas mimbar berkhutbah dengan hanya 'Ali, al-Hasan, al-Husayn, Fatima, Salman, Abu Tharr, dan al-Miqdad. Rasul [sawas] kemudian berkata: 'Allah telah melihat kepada masjid ku pada hari Jumaat, dan jika tidaklah kerana mereka-mereka ini, Dia telah membakar kota ini dan membalingkan batu terhadap penduduknya sebagaimana yang Dia lakukan kepada penduduk Lut.' Allah telah mewahyukan pada penghormatan mereka yang kekal dengan Rasul Allah di dalam masjid, ayat yang berbunyi: 'Memuji Dia di dalamnya, diwaktu malam dan dipagi hari, orang yang tidak dialihkan oleh perniagaan mahupun berjual beli

[33] Al-Tha'labi, ketika membincangkan maksud ayat ini di dalam bukunya *Al-Tafsir al-Kabir*, menyebut Anas ibn Malik dan Burayd berkata: "Rasul Allah [sawas] suatu ketika membaca ayat ini berkata '... di dalam rumah-rumah yang Allah menghendakki ianya ditinggikan, dan namaNya disebutkan di dalamnya,' dimana Abu Bakr bangun dan berkata: 'Wahai Rasul Allah! Adakah rumah ini [dia menunjukkan kepada rumah yang dihuni oleh Ali dan Fatima] diantaranya?' Rasul menjawab: 'Ya; satu dari pilihanNya." Di dalam bab 12 dari *Ghayat al-Maram*, terdapat 9 hadith sahih yang mana melaluiNya cahaya pagi bersinar.

[34] Ini adalah rujukan kepada ayat yang berbunyi: "Persamaan CahayaNya adalah seperti lampu..." Ibn al-Maghazli al-Shafi'i telah menyebut 'Ali ibn Ja'fer di dalam *Manaqibnya* berkata: "Saya tanyakan kepada bapa al-Hasan (Imam al-Kazim [as]) mengenai ayat berbunyi '... seperti lubang dinding dimana lampu...', dan dia [as] menjawab: 'Lubang dinding adalah Fatima, lampu simbul bagi al-Hasan dan al-Husayn, dan 'kacanya

adalah seperti bintang bersinar,' menunjukkan bahawa Fatima bersinar seperti bintang diantara semua wanita didunia; menerima bekalannya dari pohon rahmat, pokok keluarga Ibrahim, tidak ketimur tidak juga kebarat, tidak yahudi tidak juga kristian, 'minyaknya seakan bersinar [dengan sendiri]' menunjukkan pengetahuan hampir sahaja mengatakan dengan sendirinya walaupun tiada api yang menyentuhnya, 'cahaya diatas cahaya', di dalamnya terdapat satu Imam selepas yang satu, 'Allah membimbing siapa sahaja yang dihajati kepada cahayaNya,' menerangkan bahawa Allah membimbing kepada *wilayat* kami siapa sahaja yang dihajatiNya.'" Mencukupilah terjemahan yang sedemikian yang datangnya dari ahli rumah yang keatasnya wahyu telah diturunkan.

[35] Al-Daylami, seperti di dalam hadith 29, Bahagian 2, seksen 9, dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa* oleh Ibn Hajar, menyebut `Ayesha, al-Tabrani, Ibn Mardawayh, semuanya mengatakan dari Ibn `Abbas yang mengatakan bahawa Rasul [sawas] berkata: "Yang pertama di dalam mempercayai Nabi adalah 3 orang: Joshua anak lelaki Nun yang pertama percaya kepada Musa (as); yang dirujuk di dalam bab Yasin yang pertama percaya kepada Isa (as), dan yang pertama percaya kepada Muhammad adalah `Ali ibn Abu Talib (as)." Hadith ini disebutkan oleh al-Muwaffaq ibn Ahmed dan seorang faqih Ibn al-Maghazli, keduanya menyebut dari Ibn `Abbas.

[36] Ibn al-Najjar, seperti di dalam hadith 30 rujuk padanya di dalam *Al-Sawa'iq al-Muhriqa* menyebut Ibn `Abbas sebagai berkata bahawa Rasul Allah [sawas] telah berkata: "Yang *siddiqs* adalah tiga: Ezekiel, adalah yang pertama pada beriman [kepada Musa] dari diantara keturunan Firaun; Habib al-Najjar, yang dirujuk di dalam bab Yasin, dan `Ali ibn Abu Talib (as)." Abu Na'im dan Ibn `Asakir, seperti di dalam hadith 31 rujuk padanya di *Al-Sawa'iq al-Muhriqa* menyebut Ibn Abu Layla berkata bahawa Rasul Allah [sawas] telah berkata: "Yang *siddiqs* adalah 3: Habib al-Najjar, yang beriman dirujuk di dalam bab Ahli Yasin seperti yang dikatakan: 'Wahai kaumku, ikutlah pesuruh Allah,' Ezekiel, yang pertama beriman [kepada Musa] dari keturunan Firaun, yang telah berkata: 'Adakah kamu membunuh sesaorang kerana mengatakan bahawa Tuhannya adalah Allah?' dan `Ali ibn Abu Talib (as), yang terbaik diantara mereka.'" *Sahihs* telah disampaikan secara berturutan di dalam mengatakan bahawa dia adalah *siddiq* yang utama dan *faruq* yang terbilang.

[37] Yang paling terkenal diantara Imam Sunni, iaitu Muwaffaq ibn Ahmed, telah menyebut Abu Bakr ibn Mardawayh mengatakan dari `Ali (as) berkata: "Ummah ini akan terbahagi kepada 73 golongan, dengan pengecualian satu, semua yang lain akan masuk ke Neraka; Golongan yang bertuah ini adalah yang mana Allah awj telah berkata: 'Diantara manusia yang Kami telah jadikan terdapat satu golongan yang membimbing kepada keadilan, dan melalui keadilan sahaja mereka akan mencapai persamaan,' dan mereka termasuklah saya dan shia saya.

[38] Di dalam bukunya *Amali*, Shaykh al-Tusi menyebut Amirul Mukminin dengan tepat berkata bahawa Rasul Allah [sawas] suatu ketika membaca ayat yang berikut: "Penghuni neraka tidak sama dengan orang penghuni syurga," dimana dia menjelaskan dengan berkata: "Penghuni syurga adalah orang yang mengikuti saya dan mengiktiraf penguasaan `Ali ibn Abu Talib (as) selepas saya." Dia telah ditanya: "Bagaimana dengan penghuni neraka?" Dia menjawab: "Ini termasuklah orang yang tidak puas hati dengan pemerintahan Ali, orang yang akan melanggar bai'ah dan memerangi dia selepas peninggalan saya." Hadith telah disebutkan oleh al-Saduq dari `Ali [as]. Abul-Mu'ayyad Muwaffaq ibn Ahmed telah menyebut Jabir berkata bahawa Rasul Allah [sawas] telah berkata: "Demi Dia yang jiwa saya berada di dalam tanganNya, ini Ali dan shia dia yang akan berjaya di Hari Pengadilan."

[39] Merujuk kepada ayat ini di dalam *tafsir* `Ali ibn Ibrahim' jika kamu berhajat, atau bab 81 dan 82 dari *Ghayat al-Maram*.

[40] Ayat ini telah diturunkan pada penghormatan al-Hamzah, `Ali (as), dan `Ubaydah yang keluar untuk bertarong dengan `Utbah, Shaybah, dan al-Walid. Yang beriman adalah Hamzah, `Ali (as), dan `Ubaydah, dan mereka yang zalim adalah `Utbah, Shaybah, dan al-Walid. Terdapat banyak ahadith yang sahih yang menyokong hujah ini.

[41] Mencukupi bagi kamu sebagai bukti bahawa Ibn Hajar telah mengakui wahyu ini diturunkan pada penghormatan mereka, menjumlahkannya diantara ayat-ayat yang mengutamakan mereka, memberinya no 11 diantara ayat-ayat yang sedemikian di dalam bukunya *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*; maka rujuklah kepadanya untuk melihat ayat-ayat yang kami telah sebutkan di dalam merujuk kepada ayat ini di dalam bab yang memperkatakan ahli sunni memberikan keutamaan kepada shia seperti di dalam buku kami *Al-Fusul al-Muhimma*.

[42] Al-Bukhari, di dalam keterangannya pada bab al-Quran yang memperkatakan mengenai haji, pada ms 107, jilid 3, dari sahihnya, menyebut `Ali [as] sebagai berkata: "Saya adalah orang pertama yang akan melutut untuk menyampaikan pengaduan kepada Allah pada Hari Pengadilan." Al-Bukhari kemudian menyebut Qays berkata: "Bagi pihak mereka ayat ini diwahyukan: 'Ini adalah dua kumpulan yang telah bawa kes mereka di hadapan Tuhan.' Mereka adalah yang keluar ke Badr untuk menentang `Ali [as] dan dua rakan seperjuangannya, Hamzah dan `Ubaydah, iaitu Shaybah ibn Rabi'ah dan 2 rakannya `Utbah ibn Rabi'ah dan al-Walid ibn `Utbah." Pada muka surat yang sama, dia menyebut Abu Tharr berkata bahawa dia biasa bersumpah dengan ayat merujuk kepada 2 kumpulan bertentangan yang mempertikaikan mengenai Tuhan, yang mana telah diwahyukan pada penghormatan `Ali [as] dan 2 orang rakan seperjuangannya, dan mengenai `Utbah dan kedua rakannya apabila mereka bertarong di Badr.

[43] Ayat ini telah diwahyukan bagi pihak Amirul Mukminin [as] yang menentang al-Walid ibn `Uqbah ibn Abu Ma'it, dengan tanpa sebarang pertikaian padanya. Ini telah dipastikan oleh ahli-ahli tradisionists dan disahkan oleh ulama tafsir. Imam Abul-Hasan `Ali ibn Ahmed al-Wahidi, ketika membincangkan ayat ini di dalam bukunya *Asbab a-Nuzul*, menyebut Sa'id ibn Jubayr menyatakan Ibn `Abbas berkata bahawa al-Walid ibn `Uqbah ibn Abu Ma'it suatu ketika berkata kepada `Ali [as]: "Saya lebih kuat dari kamu; kata-kata saya lebih

lancar, dan saya lebih pantas dari kamu pada mengumpulkan tentera." `Ali (as) berkata: "Janganlah berkata lagi, kerana kamu tidak lebih dari yang fasik," yang mana ayat "Adakah orang yang beriman sama dengan mereka yang fasik? Mereka pastinya tidak sama," telah diwahyukan, menyatakan `Ali [as] sebagai yang beriman dan al-Walid ibn `Uqbah sebagai yang fasik.

[44] Ayat ini telah diwahyukan pada penghormatan `Ali (as), bapa saudaranya al-`Abbas, dan Talhah ibn Shaybah yang mula bercakap besar: "Saya yang menjaga Kabah; Saya mempunyai kuncinya, dan kain penutupnya adalah kepunyaan saya." Al-`Abbas berkata: "Saya yang menjaga penyelenggaraannya [*siqaya*]." `Ali (as) berkata: "Saya tidak tahu apa yang kamu berdua katakan, kerana saya telah mendirikan solat bersama dia [Nabi Muhammad *sawas*] yang memimpin jihad, 6 bulan sebelum sesiapa dari kamu semua," dimana Allah telah mewahyukan ayat tersebut diatas. Ini telah dikatakan oleh Imam al-Wahidi ketika menerangkan maksud ayat ini di dalam bukunya *Asbab al-Nuzul* menyebutnya dari al-Hasan al-Basri, al-Sha`bi, dan al-Qurtubi. Dia juga menyebut Sirin dan Murrah al-Hamadani berkata bahawa `Ali (as) berkata yang berikut kepada `Abbas satu ketika: "Tidakkah kamu mahu pergi berhijrah? Tidakkah kamu mahu bersama Rasul Allah [*sawas*]?" Dia menjawab: "Tidakkah aku mempunyai tanggung jawab yang lebih utama dari berhijrah? Tidakkah aku menyediakan air untuk para jamaah yang berkunjung ke rumah Allah dan menyelenggara rumahNya?" dimana ayat ini telah diwahyukan.

[45] Pada ms 4, Vol. 3, dari *Al-Mustadrak*, al-Hakim menyebut Ibn `Abbas berkata: "'Ali telah menukarkan nyawanya dan telah memakai pakaian Nabi." Al-Hakim mengesahkan akan sahihnya hadith ini menurut yang diakui oleh kedua Shaykhs, walaupun keduanya tidak menyampaikan hadith itu sendiri. Di dalam bukunya *Talkhis al-Mustadrak*, al-Hakim mengakui yang sama pada ms yang dikatakan, menyebutnya dari Imam `Ali ibn al-Husain (as) sebagai berkata: "Yang pertama untuk menukarkan nyawanya untuk keridhaan Allah adalah `Ali ibn Abu Talib (as) yang tidur dikatil Rasul Allah [*sawas*]," kemudian dia menyebutkan beberapa syair yang ditujukan kepada `Ali (as) bermula dengan yang ini:

Saya telah memelihara dengan nyawa dan tenaga ku;  
Dia yang termulia yang berjalan dimuka bumi ini;  
Dan tawaf diRumah Lama [Kabah], walaupun sendirian;  
Dan juga berkeliling pada Batu Hitam.

[46] Tradisionists, ulama tafsir, dan pengarang yang telah menulis mengenai penyebab-penyebab maka turunnya wahyu al-Quran, semuanya telah menyebutkan Ibn `Abbas menerangkan ayat yang berbunyi: "Mereka yang membelanjakan harta mereka pada sedekah di malam hari, di waktu siang, di dalam rahsia dan secara terang-terangan," dengan mengatakan: 'Ayat ini telah diwahyukan pada penghormatan `Ali ibn Abu Talib (as) yang satu ketika mempunyai 4 dirhams; dia membelanjakannya satu darinya pada jalan Allah di malam hari, satu lagi disiang hari, satu secara rahsia, dan pada khalayak ramai yang satu lagi; dari itu ayat ini telah diwahyukan pada menghargai apa yang dia lakukan.'" Imam al-Wahidi, juga, telah menyebutkan hadith ini dari Ibn `Abbas di dalam bukunya *Asbabul-Nuzul*. Dia juga menyebut Mujahid sebagai menyampaikannya, dan dia menyampaikan dari al-Kalbi dengan lebih khusus lagi.

[47] Dia yang telah membawa kebenaran adalah Rasul Allah, dan yang beriman dengannya adalah Amirul Mukminin [as], menurut dari hadith al-Baqir, al-Sadiq, al-Kazim, al-Rida, {as}, begitu juga dari Ibn `Abbas, Ibn al-Hanafiyyah, `Abdullah ibn al-Hasan, yang syuhada Zayd ibn `Ali ibn al-Husayn, dan `Ali ibn Ja`fer al-Sadiq (as). Amirul Mukminin pernah menggunakan ayat ini sebagai testimoni. Ibn al-Maghazli, di dalam *Manaqib*, menyebut dari Mujahid sebagai berkata: "Yang telah membawa kebenaran adalah Muhammad [*sawas*], dan yang telah mempercayai dia [*sawas*] adalah `Ali (as)." Kedua-dua *huffaz*, iaitu, Ibn Mardawayh dan Abu Na'im, telah menyebutnya, dan begitu juga yang lain.

[48] Di dalam tafsirannya pada Surat al-Tur di muka surat 468, Vol. 2, dari sahihnya *Al-Mustadrak*, al-Hakim menyebut Ibn `Abbas menjelaskan ayat yang berbunyi: "Dan mereka yang beriman dan keluarganya mengikuti dia dalam beriman, kepada mereka akan Kami satukan keluarganya: tidak juga Kami mengabaikan mereka dengan ganjaran amal baik mereka sama sekali; bahkan setiap individu akan menikmati apa yang telah mereka lakukan," dengan mengatakan: 'Allah akan meninggikan kedudukan keturunan mereka yang beriman supaya bersama dengannya, mereka akan dapat disatukan di syurga, walaupun jika mereka berada dikedudukan yang rendah sedikit,' kemudian dia membaca ayat yang sama lagi dan berkata: "Allah berkata Dia tidak akan mengurangkan ganjaran mereka sama sekali."

[49] Ini adalah ayat ketiga dari yang diperhitungkan oleh Ibn Hajar di dalam bab 11 dari *Al-Sawa`iq al-Muhriqa*. Pengarang terus mengatakan bahawa sekumpulan ulama tafsir telah menyebutkan Ibn `Abbas berkata: "Implikasi [pengertian] ayat ini adalah untuk mengirinkan selawat keatas keturunan Muhammad (as)." Ibn Hajar berkata bahawa al-Kalbi, juga, telah memberikan maksud yang sama, kemudian dia menambah: "Al-Fakhr al-Razi telah mengatakan bahawa keturunan Nabi mempunyai persamaan dengannya di dalam 5 kedudukan: Allah telah mengucapkan kepadanya dengan mengatakan: keamanan keatas kamu, wahai Rasul, dan keatas keturunan Yasin,' di dalam mengirinkan selawat keatasnya dan mereka di dalam *tashahhud*, *sadaqa*, dan *tahara*, apabila Allah awj berkata: 'Taha,' iaitu, *tahir*, kesucian, dan: '... mensucikan kamu dengan kesucian yang sempurna,' di dalam mencintai mereka, berkata: 'Ikutlah aku supaya Allah akan mencintai kamu,' dan juga: 'Katakan: Saya tidak meminta kamu sebarang ganjaran selain dari berkasih sayang kepada kerabat saya."

[50] Al-Bukhari telah menyebut di dalam *tafsirnya* dari al-Quran, di dalam Vol. 3 dari *Sahihnya*, di dalam bab yang mengatakan pada ayat "Allah dan Para Malaikatnya mengirinkan selawat keatas Muhammad," di dalam tafsirannya Surat al-Ahzab. Ianya juga disebutkan oleh Muslim di dalam bab pada menghantarkan salam

keatas Nabi [sawas] di dalam bukunya mengatakan bab solat di dalam Vol. 1 pada *Sahihnya*, dan ianya telah disebutkan oleh semua tradisionists dari Ka`b ibn `Ajjah.

[51] Rujuk kepada ayat kedua pada ayat ini di muka surat 87.

[52] Al-Tha`labi, ketika membincangkan maksudnya di dalam *Al-Tafsir al-Kabir*, menyebut hadith yang mana Rasul Allah [sawas] berkata: "Tuba adalah pokok di dalam syurga yang mana akarnya adalah di dalam rumah ku dan dahannya menaungi penduduk syurga." Sebahagian manusia bertanya: "Wahai Rasul Allah! Kami telah bertanya kamu dahulu mengenainya, dan kamu mengatakan kepada kami bahawa akarnya ada di dalam rumah `Ali dan dahannya menaungi penduduk syurga," yang mana dia [sawas] berkata: 'Tidakkah rumah saya dan rumah `Ali adalah sama?'"

[53] Thiqatul-Islam al-Kulayni telah menyebut di dalam hadith yang sahih, Salim berkata bahawa dia bertanya Abu Ja`fer (Imam al-Baqir) mengenai maksud ayat: "Kemudian Kami izinkan mereka yang Kami telah pilih dari diantara hamba-hamba Kami untuk mewarisi kitab" Imam [as] menerangkannya seperti berikut: 'Mereka yang bergegas untuk melakukan amal kebajikan adalah para Imam, mereka yang sederhana, adalah orang yang mengetahui nilai para Imam, dan mereka yang melakukan kezaliman terhadap dirinya sendiri adalah orang yang tidak tahu pada perlunya para Imam.' Sesuatu yang sama telah disampaikan dari Imams Abu `Abdullah al-Sadiq (as), Abul-Hasan al-Kazim, dan Abul-Hasan al-Rida [as], yang disebutkan oleh al-Saduq, dan oleh ramai lagi diantara penyampai kami. Ibn Mardawayh menyebutkan `Ali [as] menerangkan ayat ini seperti: 'Mereka yang dimaksudkan oleh ayat ini adalah kami,' dan secara khususnya ada terdapat di dalam buku kami Tanzil al-Ayat, begitu juga di dalam Ghayat al-Maram.

[54] Ini telah disebutkan oleh Ibn `Asakir dari Ibn `Abbas, sebagaimana dinyatakan di dalam seksen 3, bab 9, ms 76, dari *Al-Sawa`iq al-Muhriqa*.

## SURAT 13

HUJAH MENGENAI TRADISI INI ADALAH LEMAH

**Thul-Qi`da 23, 1329 H.**

Semoga Allah merahmati tangan dan pena kamu! Betapa ditinggikan muka suratnya diatas kedudukan mereka yang mencabar dan menentangnya! Betapa mantap pertahanan penulisannya yang bijak terhadap pandangan pengkritik dan penyelidik! Muka suratnya bergelut menuju satu matlamat, berjalan terus menuju laluan yang dihajati, dengan cara yang penuh bererti. Hujah-hujahnya tidak sampai kepada pendengaran yang bijak tanpa memberikan getaran aklamasi [kekaguman] padanya.

Mengenai surat kamu yang terakhir, curahannya telah melimpahi tebing tertinggi, disokong oleh kata-kata yang sempurna dan pembuktian yang baik, dengan segalanya yang datang dari diri kamu berserta tanggung jawab yang diberikan tanpa sebarang kekurangan di dalam apa sahaja yang diamanahkan kepada kamu. Sesiapa yang mencabar kamu amat buruk di dalam penghujahan, degil, berhujah mengenai kepalsuan dan bertindak seperti yang jahil.

Bagaimana pun penentang kamu boleh berhujah, bahawa mereka yang menyampaikan kata-kata tersebut yang menyokong hujah kamu adalah shia, dan ini tidak boleh diterima oleh sunni. Dari itu, apakah jawapan kamu terhadap ini? Sila tolong berikan jawapannya, jika kamu tidak keberatan, dan sudilah kiranya menerima ucapan terima kasih dari saya. Keamanan keatas kamu.

Yang ikhlas,  
'S'

## SURAT 14

1] KESILAPAN HUJAH PENENTANG

2] PENENTANG TIDAK MENGETAHUI SHIA

3] PERBEZAAN PADA PENEKANAN TERHADAP PENGHARAMAN MEMALSUKAN HADITH

**Thul-Qi`da 24, 1329 H.**

1) Jawapan kami adalah bahawa hujah penentang yang sedemikian itu adalah salah. Ianya tidak berasas, kerana kesilapan yang terdapat pada hujah-hujah yang kecil dan juga yang utama.

Terhadap hujah yang kecil, iaitu, tuntutan yang mengatakan 'Mereka yang menyampaikan ayat-ayat mengenai hujah-hujah kamu adalah Shia,' tentunya palsu sebagaimana yang dikatakan oleh penguasa Sunni yang dipercayai, yang juga telah merakamkan kenyataan mereka di dalam pengertian yang sama seperti yang kami telah nyatakan. *Musnad* mereka yang telah mengesahkan kepada fakta sedemikian, bahawa jumlahnya lebih banyak dari Shia, sebagaimana yang kami telah terangkan di dalam buku kami *Tanzilul Ayat al-Bahira*, di dalam bab 'Kemuliaan `Itra yang Disucikan'. Kamu boleh juga merujuk kepada *Ghayatul Maram* yang sudah tersebar meluas dan mudah didapati dimana-mana dunia Islam.

Bagi hujah yang utama, iaitu, tuntutan bahawa Shia tidak dianggap oleh Sunni sebagai yang dipercayai [di dalam menyampaikan hadith], kesalahan ini lebih jelas dari kesilapan hujah yang kecil tadi. Musnad Sunni menjadi saksi terhadap fakta ini, dan penyampai yang mereka bergantung kepada penyampaianannya, adalah



penuh dengan nama-nama Shia. Ambil sebagai contoh, Enam buku Sahih mereka, dan manusia lain yang mengguna pakai buku-buku itu sebagai penyampai, orang terkemudian akan dituduh oleh mereka yang mengatakannya dari penyampai [ahadith] sebagai telah menyimpang dari jalan yang lurus, mengecop mereka dengan cop 'Rafidis' dan 'Sesat'. Kepada orang ini dikata ekstremis, fanatik, dan sesat dari jalan yang lurus. Diantara para penasihat Bukhari adalah orang-orang Shia, yang telah dituduh menjadi 'Rafidi' dan dicop dengan kebencian, biar pun begitu, ini tidak pernah menjadikan Bukhari atau yang lainnya meragui terhadap adiknya cara mereka ini berfikir. Orang-orang ini bergantung kepada mereka walaupun di dalam buku-buku sahih, dan merasa senang pada melakukannya. Dari itu, bolehkah sipenentang yang mengatakan bahawa 'Shia tidak dipercayai oleh Sunni' dapat menjumpai telinga untuk mendengar semua ini? Sudah pasti tidak!

2] Bagaimana pun penentang yang sedemikian adalah yang jahil. Jika mereka tahu perkara yang sebenar, mereka tentu mengetahui fakta bahawa Shia telah mengikuti jejak langkah dan mencontohi 'itra yang disucikan. Dari itu keperibadian mereka menyerupai 'itra, setiap orang yang mereka menaruhkan kepercayaan kepadanya tidak ada yang setanding dengan mereka di dalam kebenaran dan berkepercayaan. Tidak ada tandingan bagi hero-hero mereka yang dipercayai di dalam ketakwaan dan berwaspada [berhati-hati]. Tidak ada perbandingan untuk mereka diantara orang ternama yang dipercayai dengan mereka di dalam kezuhudan, wara', ibadah, berkeperibadian mulia, disiplin diri, penolakan nafs dan mengkritik diri. Tidak ada siapa yang setanding mereka di dalam menentukan fakta dan mencari kepadanya dengan penuh teliti dan kesederhanaan.

Jika para penentang dapat menilai mereka, seperti di dalam keadaan sebenar, pasti sipenentang akan meletak kepercayaan kepada mereka, menyerahkan segala urusannya kepada mereka. Tetapi kejahilan sipenentang terhadap mereka telah menjadikannya tertanya-tanya tanpa haluan mengenai mereka, seumpama orang yang menunggang binatang yang buta dimalam gelap. Dia akan menuduh penjaga bagi Islam seperti Muhammad ibn Ya'qub al-Kulayni, dan yang benar diantara Muslim seperti Muhammad ibn 'Ali ibn Babawayh al-Qummi, dan penasihat bagi ummah seperti Muhammad ibn al-Hasan ibn 'Ali al-Tusi. Orang-orang ini akan memperkecilkan buku-buku mereka yang mulia, yang telah memelihara pengetahuan keluarga Muhammad [sawas], meragui penasihat-penasihat mereka iaitu orang yang menerajui pengetahuan ini dan yang sama setaraf dengan al-Quran serta telah mengadai nyawa mereka [as] untuk mengembangkan ajaran Allah awj, KitabNya, dan RasulNya [sawas] dan para Imam Muslim dan pengikutnya.

3] Kedua-duanya, individu yang baik dan yang jahat telah sama-sama tahu bagaimana orang yang mulia ini menilai kes-kes pemalsuan. Ribuan buku mereka mengutuk pemalsuan, menyatakan pemalsuan terhadap hadith adalah suatu dosa yang dibalas dengan api neraka. Mereka dikenali dengan penilaian mereka terhadap hadith yang sengaja dipalsukan. Mereka menganggapnya seperti membatalkan puasa, yang memerlukan kepada kedua-duanya, penggantian [qadha] dan membayar denda [kaffarah] dari orang yang melakukannya di dalam bulan Ramadan, dan mereka juga dikehendakki melakukan yang sama untuk apa juga yang menyebabkan rosaknya puasa. Fiqah dan hadith mereka amat jelas dalam perkara ini, dari itu, bagaimana sesorang boleh menuduh penyampaian mereka, sedang mereka semua adalah yang terbaik, lagi mulia, orang-orang yang menghabiskan malam mereka dengan ibadah dan siang harinya berpuasa. Semenjak bila orang-orang yang mulia dari pengikut dan penyokong keluarga Muhammad dituduh [menyimpang], sedangkan Khariji, Murji'is dan Qadris tidak?

Apakah ada lain dari kebencian yang nyata dan kejahatan yang hina? Kami berlindung dengan Allah dari mengabaikan kami, dan dariNya kami meminta pertolongan terhadap akibat yang buruk dari kezaliman dan penindasan. Tidak ada daya dan upaya melainkan dengan Allah awj, dan keamanan bersama kamu.

Yang ikhlas,  
'Sh'

## SURAT 15

1] PANCARAN KEBENARAN

2] MEMINTA PENGKHUSUSAN, SUNNI BERGANTUNG KEPADA PENYAMPAI SHIA

**Thul-Qi' da 25, 1329 H.**

1] Surat kamu yang terakhir amatlah sempurna penyusunannya, kenyataannya jelas, menarik, banyak manfaat, mudah difahami, luas jangkauan, berpandangan jauh dan bernas. Saya telah melihat kedalamnya dengan teliti, dan diantara kandongannya, petunjuk terhadap kejayaan kamu telah terpancar, dan tanda-tanda kemenangan kamu telah kelihatan.

2] Apabila kamu mengatakan bahawa Sunni bergantung pada Shia, bagaimanapun penerangan kamu amat ringkas. Kamu tidak menghuraikan kenyataan kamu dalam perkara ini. Adalah amat baik sekiranya kamu telah menyenaraikan orang-orang itu dengan menyatakan namanya dan menyebutkan tek-tek Sunni yang menunjukkan orang-orang itu adalah Shia dan bahawasanya mereka terus juga dipercayai. Bolehkah kamu tolong berikan senarai itu supaya bendera kebenaran dapat dilihat dan cahaya kepastian bersinar? Keamanan bagi kamu.

Yang ikhlas,  
'S'

## SURAT 16

### SERATUS PENYAMPAI SHIA YANG DIPERCAYAI OLEH SUNNI

#### Thull-Hijjah 2, 1329

Ya. Saya akan berikan dengan cara tergesa-gesa apa yang kamu minta, menghadkan diri saya kepada beberapa pesonaliti yang sering dikunjungi oleh manusia dari segala pelusuk, dengan syarat bahawa saya tidak diperlukan untuk menerangkan secara khusus mengenai mereka, oleh kerana tiada ruang untuk itu di dalam penjelasan yang ringkas ini. Disini adalah nama-nama mereka dan nama-nama bapa mereka yang disusun mengikut abjad: [1]

#### 1. Aban ibn Taghlib

Dia orang Kufa, qari al-Quran. Al-Thahbi telah merakamkan biografi dia di dalam bukunya *Mizan* sebagai berkata, 'Aban ibn Taghlib, dari Maw, di Kufa, adalah seorang Shia. Dia bagaimanapun adalah orang yang benar; maka kami mempercayai pada kebenarannya dan biarlah dia dihukum diatas bid'ahnya.' Dia juga berkata bahawa Ahmed ibn Hanbal, Ibn Ma'in dan Abu Hatim telah meletakkan kepercayaan mereka kepadanya. Ibn 'Adi menyebut darinya dan berkata bahawa beliau adalah 'pelampau Shia.' Al-Sa'di menerangkan mengenai beliau, sebagai orang yang 'Dengan jelas telah Menyimpang.' Ibn al-Thahbi meneruskan penerangannya terhadap kredibiliti orang ini; yang dikira sebagai penyampai yang dipercayai oleh Muslim dan juga pengarang empat buku Sunan, iaitu Abu Dawud, al-Tirmithi, al-Nisa'i dan Ibn Majah, nama beliau telah diberikan tanda nama merek-merek yang terkemudian. Rujuk apa yang beliau telah sampaikan di dalam hadith *Sahih* Muslim, di dalam empat buku Sunan melalui al-Hakam dan al-A'mash, sebagai tambahan kepada Fudayl ibn 'Umer. Sufyan ibn 'Ayyinah, Shu'bah, dan Idris al-Awdi telah menyebutkan hadith dari beliau sebagaimana yang dirakamkan di dalam buku Muslim. Dia telah meninggal, semoga Allah merahmati dia, di dalam tahun 141 H.

#### 2. Ibrahim ibn Yazid

Nama dia adalah Ibrahim ibn Yazid ibn 'Umer ibn al-Aswad al-Nakh'i al-Kufi, seorang faqih. Ibunya adalah Malika anak perempuan Yazid ibn Qays al-Nakh'i dan juga adik perempuan kepada al-Aswad, Ibrahim, dan 'Abdel-Rahman, anak lelaki Yazid ibn Qays. Seperti bapa-bapa saudara mereka 'Alqamah dan Ubay, anak lelaki Qays, mereka semuanya diantara penyampai yang amat dipercayai diantara semua Muslim. Pengarang enam buku *Sahih*, begitu juga yang lainnya, semua telah bergantung kepada penyampaian mereka, sedangkan telah diketahui bahawa mereka adalah Shia.

Berkenaan orang kita ini iaitu, Ibrahim ibn Yazid, dia telah dijumlahkan diantara pemuka-pemuka Shi'a oleh Ibn Qutaybah pada muka surat 206 dari hasil kerjanya *Al-Ma'arif* dimana dia menyenaraikan jumlah beberapa orang terkemuka Shia, dan telah mempercayainya dengan tiada keraguan. Rujuklah kepada hadithnya di dalam buku *Sahih* Bukhari dan Muslim seperti yang disebutkan oleh ibu kepada bapa saudaranya 'Alqamah ibn Qays, dan oleh Humam ibn al-Harith, Abu 'Ubaydah ibn 'Abdullah ibn Mas'ud, 'Ubaydah, al-Aswad ibn Yazid, bapa saudaranya. Rujuk juga kepada hadithnya di dalam buku *Sahih* Muslim, melalui bapa saudaranya dipihak ibu, 'Abdul-Rahman ibn Yazid, dan melalui Sahm ibn Munjab, Abu Mu'ammarr, 'Ubayd ibn Nadlah, dan 'Abis. Di dalam kedua *sahih*, dia telah disebutkan oleh Fudayl ibn 'Umer, al-Mughirah, Ziyad ibn Kulayb, Wasil, al-Hasan ibn 'Ubaydullah, Hammad ibn Abu Sulayman, dan oleh Sammak. Ibrahim telah dilahirkan pada tahun 50 H., dan dia meninggal pada umur 95 atau 96, empat bulan selepas al-Hajjaj mati.

#### 3. Ahmed ibn al-Mufdil

Dia adalah Ahmed ibn al-Mufdil ibn al-Kufi al-Hafri. Abu Zar'ah dan Abu Hatim menyebut dari beliau dan mempercayainya, sedang mereka benar-benar sedar akan kedudukan dia diantara Shia. Di dalam biografi Ahmed, seperti yang disebutkan di dalam *Al-Mizan*, Abu Hatim menunjukkan fakta ini dengan mengatakan: "Ahmed ibn al-Mufdil adalah seorang dari ketua Shi'a, dan dia adalah orang yang benar." Al-Thahbi menyebut di dalam bukunya *Al-Mizan*, dan telah meletakkan pada nama beliau tanda Abu Dawud dan al-Nisa'i, ini menunjukkan bahawa mereka menganggap beliau sebagai penyampai hadith. Rujuk kepada hadithnya di dalam *Sahih* mereka melalui al-Thawri. Dia menyampaikan melalui Asbat ibn Nasir dan Isra'i.

#### 7. Isma'il ibn 'Abbad

Nama penuh dia adalah Isma'il ibn 'Abbad ibn al-Abbas al-Taleqani (Abul-Qasim), lebih dikenali sebagai al-Sahib ibn 'Abbad. Al-Thahbi seperti yang disebutkan di dalam bukunya *Al-Mizan*, meletakkan tanda "DT" pada namanya untuk menunjukkan bahawa keduanya; Dawud dan al-Tirmithi bergantung kepadanya di dalam buku *sahih* mereka [2] Kemudian dia terus menerangkan, beliau sebagai "seorang Shia yang berkebolehan, seorang terpelajar.' Dia sebagai seorang Shia adalah suatu perkara yang tidak dapat diragukan. Atas sebab ini, dia dan bapanya mendapat markah dan penghormatan yang tinggi di dalam negeri Buwayhid. Dia adalah orang pertama diantara menteri-menteri kerajaan yang mendapat gelaran "sahib" (sahabat, kawan), semenjak beliau seorang remaja, beliau telah bersahabat dengan Mu'ayyid al-Dawlah ibn Buwayh. Gelaran ini telah mengikuti beliau semenjak itu sehinggalah dewasa dan dikenali dengan gelaran tersebut. Kemudian ianya telah

digunakan untuk sesiapa yang memegang jawatan dan tanggung jawab yang sama di dalam kementerian. Pertama, dia adalah menteri kepada Mu'ayyed al-Dawlah Abu Mansur ibn Rukn al-Dawlah ibn Buwayh. Selepas yang terkemudian meninggal di dalam bulan Sha'ban tahun 373 di Jurjan, Abul-Hasan `Ali, yang lebih dikenali sebagai Fakhr al-Dawlah, adik kepada Mu'ayyed, mendapat kuasa dan mengekalkan kedudukan beliau sebagai Sahib. Fakhr al-Dawlah menyanjung tinggi Sahib dan menyempurnakan hajat beliau dengan cara yang sama seperti bapanya sendiri, Abu `Abbad ibn al-Abbas lakukan ketika dia sedang berkhidmat kepada bapa Fakhr al-Dawlah, Rukn al-Dawlah.

Apabila berusia 59 tahun, as-Sahib meninggal pada khamis malam, 24th Safar, 385, di Rayy. Bandar Rayy telah menutup semua kedainya sebagai tanda berkabung, dan manusia berkumpul dihadapan rumahnya sambil menunggu jenazahnya. Fakhr al-Dawlah, bersama menteri-menteri kerajaan dan ketua turus tentera pergi kesana dengan memakai pakaian berkabung. Apabila jenazahnya dibawa keluar dari rumahnya, manusia melaungkan serentak "Allahu Akbar!", mencium bumi tanda menghormati, dan Fakhr al-Dawlah mengikuti jenazah beliau berjalan kaki bersama manusia ramai dan duduk bersama mereka selama 3 hari semasa berkabung. Penyair membacakan sajak, dan ulama mengadakan majlis memperingati sebagai tanda penghormatan, dan beliau telah disanjung oleh semua yang tidak dapat hadir pada pengkebumian itu. Abu Bakr al-Khawarizmi berkata: "Al-Sahib ibn `Abbad dibesarkan dipangkuan kementerian, belajar merangkak dan berjalan dikawasan persekitarannya, telah dibelai dari dada yang penuh kecemerlangan, dan mewarisinya dari bapanya yang terdahulu." Abu Sa'id al-Rustami mengubah rangkap ini pada memujinya:

Dia mewarisi kementerian: sambungan di dalam rantai,

Orang ternama, adalah dia, keturunan orang ternama,

Mengenai kementerian al-Abbas, Abbad sampaikan,

Sedangkan dari Abbad, Isma'il sampaikan.

Di dalam biografi bagi Sahib, al-Tha'alibi berkata: "Saya tidak dapat mencari perkataan yang sesuai untuk dapat menerangkan kedudukan mulia Sahib di dalam ilmu pengetahuan dan sastera, atau penghormatan yang dia nikmati kerana ramah mesra dan bermurah hati atau kebbaikannya yang unik, serta memiliki beberapa kemuliaan yang lain lagi. Kenyataan yang terbaik yang saya dapat katakan bagi pihak dirinya, tidak sampai pada melakukan keadilan terhadap yang terkecil diantara kemuliaan dan ketinggiannya, dan penerangan saya yang terbaik tidak sampai untuk berlaku adil kepada kemuliaan keperibadiannya." Sahib telah menulis banyak buku yang amat berharga termasuklah *Al-Muhit* buku bahasa di dalam 7 jilid; Bab nya tersusun secara abjad. Dia mengumpul librari yang tiada tandingannya. Nuh ibn al-Mansur, seorang dari Raja Sam'an, menulis kepada beliau, mempelawa beliau untuk menjadi pentadbir menteri-menteri kabinet dan mengurus urusan negara. Beliau meminta maaf kepadanya, dengan berkata dia memerlukan 400 unta untuk memindahkan kandungan librariya. Sebanyak ini mengenai beliau adalah mencukupi.

#### **8. Isma'il ibn `Abdul-Rahman ibn Abu Karimah al-Kufi**

Lebih dikenali sebagai al-Sadi, Dia seorang pentafsir al-Quran yang terkenal. Menyebutkan biografinya, al-Thahbi menerangkan beliau sebagai 'dipenuhi dengan Shia.' Husayn ibn Waqid al-Maruzi membincangkannya, dengan mengatakan bahawa dia pernah mendengar beliau suatu ketika mengutuk Abu Bakr and `Umer. Walaupun terdapat tuduhan yang sebegini, beliau telah disebutkan oleh al-Thawri dan Abu Bakr ibn `Ayyash dan banyak lagi penulis yang setaraf dengannya. Muslim dan penulis empat buku sahih menganggap beliau sebagai penyampai hadith, sedangkan Ahmed memberikan sepenuh kepercayaan kepada beliau. Ibn `Adi berkata bahawa dia adalah benar. Yahya al-Qattan berkata tidak terdapat kesalahan pada ahadith yang disampaikan oleh beliau. Yahya ibn Sa'id berkata: "Saya tidak pernah mendengar sesiapa yang berkata tidak baik mengenai beliau, al-Sadi; tiada siapa yang pernah meninggalkan beliau." Ibrahim al-Nakh'i suatu ketika melepasi al-Sadi sedang beliau mentafsirkan al-Quran. Ibrahim berkata bahawa al-Sadi mentafsirkan al-Quran menurut cara yang digunakan umum. Jika kamu membaca mengenai al-Sadi di dalam *Mizan al-I'tidal*, kamu akan dapati yang lebih khusus mengenai apa yang kami sebutkan diatas. Rujuk kepada hadith al-Sadi di dalam Sahih Muslim dari Anas ibn Malik, Sa'd ibn `Ubaydah, dan Yahya ibn `Abbad. Abu `Awanah, al-Thawri, al-Hasan ibn Salih, Za'idah, dan Isra'il semuanya telah menyebutkan dari beliau, sebagai penasihat mereka, seperti mana yang disebutkan di dalam buku sahih yang empat. Dia meninggal pada tahun 127 H.

#### **9. Isma'il ibn Musa al-Fazari al-Kufi**

Al-Thahbi: *Al-Mizan* menyebutkan Ibn `Uday sebagai berkata, "Manusia benci terhadap pandangan Shia nya yang ekstrim' *Al-Mizan* juga menyebut `Abdan sebagai berkata: "Hammad dan Ibn Abu Shaybah menentang kami menziarahi beliau." Dia bertanya beliau suatu ketika bagaimana perasaannya dengan 'yang tidak bermoral yang mengutuk keturunan kita.' Walaupun terdapat semua ini, keduanya Ibn Khuzaymah dan Abu `Arubah menyebutkan dari beliau, yang juga jurutunjuk di dalam kelas mereka. Dia adalah di dalam kategori yang sama dengan Abu Dawud dan al-Tirmithi yang menyebutkan dari beliau dan bergantung pada penyampaian hadithnya di dalam Sahih mereka. Abu Hatim menyebut beliau dan mengatakan bahawa beliau boleh dipercayai. " Al-Nisa'i berkata "dia adalah benar." Semua ini tertulis di dalam biografi beliau di dalam al-Thahbi: *Al-Mizan*.

Rujuk kepada hadith beliau di dalam sahih al-Tirmithi dan Sunan Abu Dawud seperti yang disampaikan oleh Malik, Sharik, dan `Umar ibn Shakir, seorang sahabat Anas. Dia meninggal pada tahun 245. Dia adalah anak kepada anak perempuan al-Sadi, walaupun dia menafikannya, dan Allah lebih mengetahui.

#### **10. Talid ibn Sulayman al-Kufi, al-A`raj**

Ibn Ma'in menyebut beliau dan berkata: "Dia pernah mengutuk `Uthman. Sebahagian dari pengikut Uthman mendengarnya. Mereka membalung batu kepada beliau, lalu mematahkan kaki beliau, itulah sebabnya maka beliau dapat panggilan "al-A'raj," si tempang. Abu Dawud ada menyebutnya dan berkata beliau adalah Rafidi yang mengutuk Abu Bakr dan `Uthman. Walaupun terdapat semua ini, Ahmed dan Ibn Namir bergantung pada penyampaian hadithnya, walaupun mereka mengetahui beliau adalah Shia. Ahmed telah berkata, "Talid adalah seorang Shi'a, bahkan kami tidak menjumpai apa-apa kesalahan dengan apa yang beliau sampaikan." Al-Thahbi ada menyebut beliau di dalam bukunya *Al-Mizan*, menyebut kenyataan mengenai beliau yang diperkatakan oleh mereka yang terpelajar seperti yang tertulis diatas. Dia meletakkan tanda al-Tirmithi pada nama beliau untuk menunjukkan bahawa al-Tirmithi menganggap beliau sebagai penyampai hadith. Rujuk kepada hadith beliau di dalam Sahih al-Tirmithi melalui `Ata ibn al-Sa'ib dan `Abdel-Malik ibn `Umayr.

#### 11. Thabit ibn Dinar

Thabit lebih dikenali sebagai Abu Hamzah al-Thamali. Beliau seorang Shi'a adalah jelas seperti terangnya matahari. Pengarang *Al-Mizan* menyebut beliau, mengatakan bahawa nama `Uthman telah disebutkan dihadapan beliau. Beliau secara menyindir bertanya: "Siapa dia `Uthman?!" Ianya juga telah dikatakan bahawa al-Sulaymani menjumlahkan Abu Hamzah diantara Rafidis. Al-Thahbi meletakkan tanda al-Tirmithi pada nama Abu Hamzah sebagai petunjuk beliau penyampai hadithnya. Waki' dan Abu Na'im menyebut dari beliau dan menggunakan beliau sebagai penyampai hadith. Rujuk kepada hadith beliau di dalam Sahih al-Tirmithi melalui Anas dan al-Sha'bi dan yang lain dari kalibar yang sama. Dia meninggal, semoga Allah merahmati ruhny, pada tahun 150 H.

#### 12. Thuwayr ibn Abu Fakhita

Dia lebih dikenali sebagai Abu Jahm al-Kufi, hamba Ummu Hani' yang dibebaskan, anak perempuan Abu Talib. Al-Thahbi telah menyebut beliau di dalam *Al-Mizan* dan menyebut tuduhan Yunus ibn Abu Ishaq bahawa beliau adalah Rafidi. Walaupun begitu keduanya, Sufyan dan Shu'bah telah menyebut dari beliau, dan al-Tirmithi telah menghasilkan sebahagian dari hadith beliau di dalam sahihnya melalui penyampaian dari Ibn `Umer dan Zayd ibn Arqam. Di masa Imam al-Baqir (as), beliau telah mengekalkan ketaatannya kepada Imam, dan beliau telah terkenal dengan sedemikian. Dalam hal ini, beliau telah membuat beberapa dialog yang menarik dengan `Amr ibn Tharr, seorang hakim; dan orang sezamannya, Ibn Qays, dan al-Salt ibn Bahram mengesahkan fakta ini.

#### 13. Jabir ibn Yazid ibn al-Harith al-Ju'fi al-Kufi

Al-Thahbi telah menyatakan biografi beliau di dalam bukunya *Al-Mizan*, mengatakan beliau adalah seorang ulama Shi'a. Dia telah menyebut dari Sufyan sebagai berkata bahawa dia mendengar Jabir berkata bahawa pengetahuan Rasul [saw] telah dipindahkan kepada `Ali (as), kemudian kepada al-Hasan (as), dan seterusnya sehingga sampai kepada Imam Ja'fer al-Sadiq (as), yang sezaman dengannya. Muslim telah menyebut beliau di dalam satu dari bab pertamanya dari sahihnya, menyebutkan al-Jarrah yang telah mendengar Jabir berkata bahawa dia mengetahui 70,000 ahadith dari Rasul semuanya disampaikan melalui bapa Imam Ja'fer al-Sadiq (as) (i.e. Imam Muhammad al-Baqir [as]). Dia juga telah menyebutkan dari Zuhayr sebagai berkata "Saya tahu 50,000 hadith, belum satupun yang saya telah sampaikan."

Satu hari, beliau menyebutkan satu hadith dan berkata, "Ini adalah satu dari 50,000 hadith." Menurut dari biografinya di dalam al-Thahbi, *Al-Mizan*, setiap kali Jabir menyampaikan hadith melalui al-Baqir (as), beliau berkata: "Pengganti dari pengganti Rasul telah sampaikan kepada saya bahawa..." Di dalam biografinya di *Al-Mizan*, Ibn `Uday berkata: "Orang awam mengatakan bahawa [Jabir] pernah percaya di dalam perkara kembali semula."

Bergantung kepada penyampaian Za'idah, al-Thahbi telah memasukkan biografinya di dalam *Al-Mizan* dan berkata: "Jabir al-Ju'fi adalah Rafidi yang mengutuk..." Walaupun begitu, keduanya al-Nisa'i dan Abu Dawud bergantung pada penyampaiannya. Rujuk kepada hadith yang disampaikan mengenai sujud dengan tidak disengajakan di dalam kedua Sahih. Shihab, Abu `Awanah, dan banyak lagi yang sama kalibar telah menyebut dari beliau. Al-Thahbi, yang memperkatakannya di dalam *Al-Mizan*, telah meletakkan tanda keduanya Abu Dawud dan al-Tirmithi pada nama beliau untuk menunjukkan pergantungan mereka terhadap penyampaiannya. Dia juga menyebut Sufyan sebagai berkata bahawa Jabir al-Ju'fi adalah orang yang takut kepada Allah ketika menyampaikan hadith, dan bahawa dia telah berkata: "Saya tidak pernah kenal sesiapa yang lebih wara' dari beliau [Jabir]." Dia juga menyebutkan Shu'bah sebagai berkata bahawa Jabir adalah benar, dan "Setiap kali Jabir menyampaikan hadith, kami mendengarnya, kerana beliau amat dipercayai dari semua orang." Waki' pernah berkata, "Jika keraguan bermain difikiran kamu, kamu boleh meragui sesiapa sahaja selain dari Jabir al-Ju'fi," dan bahawa Ibn `Abd al-Hakam mendengar al-Shafi'i berkata bahawa Sufyan al-Thawri berkata kepada Shu'bah: "Jika kamu pernah meragui mengenai Jabir, itu adalah tandanya berakhir persahabatan kita." Jabir meninggal pada tahun 127 atau 128 H, semoga Allah merahmati ruhny.

#### 14. Jarir ibn `Abdel-Hamid al-Dabi al-Kufi

Di dalam hasil kerjanya *Al-Ma'arif*, Ibn Qutaybah menjumlahkan beliau diantara pemuka Shia, sedangkan al-Thahbi menyebut beliau di dalam *Al-Mizan*, menandakan nama beliau untuk menyatakan penerimaannya di dalam Sahih, sebagai penyampai hadith. Dia telah menyanjung beliau dengan berkata: "Beliau adalah ulama dari Rayy yang mana ramai pengarang bergantung pada penyampaiannya," disahkan oleh pendapat ijmak mengenai boleh dipercayai. Rujuk kepada hadith beliau di dalam Sahih Bukhari dan Muslim yang disampaikan

melalui A'mash, Mughirah, Mansur, Isma'il ibn Abu Khalid dan Abu Ishaq al-Shaybani. Qutaybah ibn Sa'id, Yahya ibn Yahya dan 'Uthman ibn Abu Shaybah semuanya telah menyebutkan hadits dari beliau sebagaimana yang dituliskan di dalam kedua Sahih. Dia meninggal, semoga Allah merahmati ruhnyanya, di Rayy pada tahun 187 H. Ketika berumur 77.

#### 15. Ja'fer ibn Ziyad al-Ahmar al-Kufi

Abu Dawud telah menyebut beliau dengan berkata: "Beliau adalah Shia yang jujur." Al-Jawzjani telah berkata: "Beliau telah menyimpang dari laluan," bererti dari laluan al-Jawzjani kepada laluan keturunan Rasul [as]. Ibn 'Adi telah menerangkan beliau sebagai shia yang wara'. Cucu nya al-Husayn ibn 'Ali ibn Ja'fer ibn Ziyad telah berkata: "Datuk saya Ja'fer adalah seorang ketua Shi'a di Khurasan." Abu Ja'fer al-Dawaniqi meminta ikat leher[3] untuk dipasangkan ke leher beliau dan leher sekumpulan Shia yang lain dan ditarik seperti anjing; kemudian dia memenjarakan mereka untuk waktu yang lama. Ibn 'Aynah, Waki', Abu Ghassan al-Mahdi, Yahya ibn Bishr al-Hariri dan Ibn Mahdi semuanya telah menyebutkan hadits dari beliau, dan sebagai penasihat mereka. Ibn Ma'in dan yang lainnya telah menganggap beliau sebagai penyampai hadits Rasul. Ahmed menyatakan hadits beliau sebagai Sahih, dan tepat. Al-Thahbi ada menyebutnya di dalam *Al-Mizan* dan menyampaikan apa yang dikatakan diatas, meletakkan tanda keduanya al-Tirmithi dan al-Nisa'i pada nama beliau sebagai tanda kedua mereka itu bergantung pada beliau. Rujuk kepada hadits beliau seperti yang disebutkan di dalam Sahih mereka melalui orang lain yang sama kalibar. Dia meninggal, semoga Allah merahmati ruhnyanya, pada tahun 167 H.

#### 16. Ja'fer ibn Sulayman al-Dab'i al-Basri (Abu Sulayman)

Pada muka surat 206 dari bukunya *Ma'arif*, Ibn Qutaybah menjumlahkan beliau diantara pemuka Shi'a. Ibn Sa'd telah menyebut beliau dan menekankan bahawa beliau adalah seorang Shi'a dan dipercayai pada menyampaikan hadits. Ahmed ibn al-Miqdam telah menuduh beliau sebagai "Rafidi." Ibn 'Adi telah menyebut beliau dengan berkata: "Beliau adalah Shi'a. Tidak terdapat sebarang kecacatan pada penyampaian, hadits beliau tidak dapat disanggah, dan saya menganggap beliau sebagai seorang yang haditsnya boleh diterima." Abu Talib telah berkata: "Saya telah mendengar Ahmed berkata bahawa tidak ada sebarang kesalahan dengan ahadith yang disampaikan oleh Ja'fer ibn Sulayman al-Dab'i." Ianya telah dikatakan kepada Ahmed, "Tetapi Sulayman ibn Harb berkata bahawa dia tidak menuliskan hadits dari al-Dab'i." Ahmed menjawab dengan berkata bahawa Ibn Harb tidak melarang sesiapa yang hendak menulis hadits dari al-Dab'i, dan bahawa [Ibn Harb perjudis adalah kerana] al-Dab'i seorang Shi'a yang menyampaikan ahadith mengenai 'Ali ibn Abu Talib." Ibn Ma'in telah berkata: "Saya telah mendengar cakap-cakap yang tertentu dari 'Abdul-Razzaq yang mengesahkan kepercayaannya terhadap madhab' Shia. Saya berkata kepada dia: "Penasihat kamu, seperti Mu'ammarr, Ibn Jurayh, al-Awza'i, Malik, dan Sufyan, semuanya adalah Sunnis. Dimana kamu belajar ini [madhab shia]?" Dia menjawab: 'Satu hari, Ja'fer ibn Sulayman al-Dab'i melawat kami, dan saya melihat dia sangat mulia, wara' dan darinya saya belajar madhab ini.' Pada pendapat saya, Muhammad ibn Abu Bakr al-Muqaddami telah melihat yang sebaliknya! Dia dengan secara terbuka pernah berkata bahawa Ja'fer belajar "Rafidism" dari 'Abdul-Razzaq; dari itu, dia pernah mengutuk yang terkemudian dan berkata: "Tiada siapa yang merosakkan kepercayaan Ja'fer selain dari dia [Abdul-Razzaq]."

Menyebut dari Sahl ibn Abu Khadouthah, al-Aqili telah berkata: "Saya berkata kepada Ja'fer ibn Sulayman: 'Saya telah mendengar bahawa kamu mengutuk Abu Bakr dan Umar,' Dia menjawab: 'Mengutuk saya tidak pernah lakukan, tetapi membenci, kamu boleh katakan apa yang kamu suka.'

Bergantung pada Jarir ibn Yazid ibn Harun, Ibn Haban telah berkata di dalam *Thiqat*, "Bapa saya telah menghantar saya kepada Abu Ja'fer al-Dab'i. Saya berkata kepadanya: Saya telah mendengar kamu mengutuk Abu Bakr and 'Umar.' Dia menjawab: 'Saya tidak mengutuk mereka. Tetapi jika kamu hendak mengatakan saya bencikan mereka, ikut suka, dari itu, saya merumuskan bahawa dia adalah Rafidi."

Di dalam biografi Ja'fer di *Al-Mizan*, al-Thahbi telah memuatkan semua yang diatas dan juga menekankan kepada fakta bahawa beliau adalah seorang yang wara' 'alim' walaupun Shia. Muslim bergantung kepada beliau di dalam Sahihnya, dan menyebutkan sebahagian dari haditsnya yang unik yang tidak diterbitkan ditempat lain, sebagaimana al-Thahbi sendiri telah mengesahkan apabila dia menyampaikan biografi Ja'fer. Rujuk kepada haditsnya di dalam Sahih yang disampaikan melalui Thabit al-Banani, al-Ja'd ibn 'Uthman, Abu 'Umr al-Jawni, Yazid ibn al-Rashk dan Sa'id al-Jariri. Qatan ibn Nasir, Yahya ibn Yahya, Qutaybah, Muhammad ibn 'Ubayd ibn Hasab, Ibn Mahdi dan Musaddid kesemua mereka telah menyampaikan hadits darinya. Sebagai contoh, beliau telah berkata: "Rasul Allah [sawas], telah menghantar satu pasukan tentera Muslim di bawah pemerintahan Ali; dsb." Hadith lain yang beliau sampaikan: "Apa yang kamu mahu dari 'Ali? 'Ali adalah dari saya, dan saya adalah dari dia. Dia adalah wali (ketua) selepas saya bagi setiap yang beriman" sebagaimana yang tertulis di dalam Sahih al-Nisa'i's dan disampaikan melalui Ibn 'Adi dari al-Nisa'i. Al-Thahbi telah menyatakan yang diatas ketika membincangkan Ja'fer di dalam bukunya *Al-Mizan*. Dia meninggal di dalam bulan Rajab pada tahun 178 H; semoga Allah merahmatinya.

#### 17. Jami' ibn 'Umayrah ibn Tha'labah al-Kufi al-Taymi (Taymullah)

Abu Hatim telah menyebut biografi beliau di dalam bukunya *Al-Mizan*, pada penghujungnya dia mengatakan: "Al-Kufi adalah seorang ternama Shia, yang mana hadits beliau adalah sahih penyampaian." Ibn Haban telah menyebutkan beliau dan berkata sebagaimana yang tertulis di dalam *Al-Mizan*, bahawa beliau adalah "Rafidi." Saya katakan bahawa al-'Ala' ibn Salih, Sadaqah ibn al-Muthanna, dan Hakim ibn Jubayr kesemua mereka telah mendapatkan ilmu pengetahuan dari beliau, sebagai penasihat mereka.

Buku Sunan menyebutkan dari beliau tiga kali. Al-Tirmithi telah menggunakan hadith beliau sebagaimana buku al-Thahbi *Al-Mizan* mengesahkan. Beliau adalah seorang dari *tabi'in*. Beliau belajar dari Ibn `Umer dan `Ayesha. Satu ahadith yang dipelajarinya dari Ibn `Umer mengatakan bahawa dia [Ibn Umer] telah mendengar Rasul Allah berkata kepada Ali: "Kamu adalah adikku didunia ini dan juga diakhirat."

#### 18. Al-Harith ibn Hasirah Abul Nu`man al-Azdi al-Kufi

Abu Hatim al-Razi menerangkan beliau sebagai seorang terkemuka Shia. Abu Ahmed al-Zubayri telah mengatakan bahawa dari beliaulah kepercayaan boleh kembali semula. Ibn `Adi menyebut beliau dengan berkata: "Hadithnya telah dituliskan walaupun saya telah melihat kelemahan di dalamnya. Beliau adalah seorang Kufi yang akan di bakar di dalam api, kerana kepercayaan Shi'a nya." Thaniy telah berkata: "Saya bertanya kepada Jarir: `Pernakah kamu bertemu al-Harith ibn Hasirah?' Dia menjawab, `Ya, sebenarnya, Saya pernah. Saya berjumpa dengan beliau, seorang tua yang duduk diam dikebanyakan masa, dan dia menekankan kepada sesuatu yang dermawan.'" Yahya ibn Ma'in telah menyebut beliau dan berkata: "Dia boleh dipercayai [walaupun] Khashbi [nama seorang yang menghina dan merendahkan Shi'a, tr.]." Al-Nisa'i, juga, mempercayai beliau. Al-Thawri, Malik ibn Maghul, `Abdullah ibn Namir, dan kumpulan yang mempunyai kalibar yang sama dengan mereka, semuanya telah menyebut dari beliau, oleh kerana beliau adalah penasihat mereka yang mana mereka telah percayai.

Al-Thahbi telah menyampaikan biografi beliau di dalam bukunya *Al-Mizan* dengan mengatakan semua yang diatas. Rujuk kepada hadithnya di dalam Sunan melalui Zayd ibn Wahab, `Ikrimah, dan kumpulan dari kelas mereka. Al-Nisa'i menyebut `Abbad ibn Ya`qub al-Rawajni yang menyebutkan rantaian penyampai termasuk `Abdullah ibn `Abdul-Malik al-Mas`udi bahawa al-Harith ibn Hasirah, menurut Zayd ibn Wahab, telah menyampaikan bahawa `Ali (as) telah didengar sebagai berkata: "Saya adalah hamba Allah dan adik kepada RasulNya, tiada siapa yang boleh mengatakan yang sedemikian melainkan dia seorang pendusta."

Al-Harith ibn Hasirah menyampaikan melalui Abu Dawud al-Subai'i, melalui `Umran ibn Hasin, yang berkata: "Saya sedang duduk di dalam kehadiran Rasul Allah [sawas], dengan Ali duduk disebelahnya. Rasul Allah [sawas] telah membaca: `Atau siapa lagi [selain dari Allah] yang akan menolong kepada orang yang memerlukan pertolongan, menghapuskan kesusahannya, dan menjadikan kamu pemerintah dibumi?' `Ali telah tergerak menggeletar dengannya; dari itu Rasul Allah [sawas] telah menepuk bahu Ali dan berkata: 'Tiada siapa yang mencintai kamu melainkan mereka yang benar-benar beriman, dan tiada siapa yang membenci kamu melainkan yang hipokrit sehinggalah ke hari pengadilan.'"

Tradisionists seperti Muhammad ibn Kuthayyir dan yang lainnya telah menyebutkan hadith yang dibacakan diatas dari Al-Harith ibn Hasirah. Al-Thahbi telah menyampaikannya ketika mengatakan biografi bagi Nafi' ibn al-Harith melalui rantaian penyampai yang sama. Apabila dia sampai kepada Al-Harith ibn Hasirah, dia komen dengan berkata, "Beliau boleh dipercayai; tetapi beliau adalah juga seorang Rafidi."

#### 19. Al-Harith ibn `Abdullah al-Hamadani

Beliau adalah seorang sahabat karib kepada Amirul Mukminin [as] dan seorang *tabi'in* yang terbaik. Beliau seorang Shi'a yang tidak memerlukan kepada sebarang bukti. Beliau adalah yang pertama yang dihitung oleh Ibn Qutaybah di dalam bukunya *Ma'arif* sebagai pemuka Shi'a. Al-Thahbi telah menyebut beliau di dalam bukunya *Al-Mizan*, mengakui bahawa beliau adalah ulama yang terkenal dikalangan *tabi'in*; kemudian dia menyebut kenyataan Ibn Haban sebagai berkata bahawa beliau adalah seorang 'pelampau' di dalam kepercayaan Shi'a. Selepas itu, dengan banyaknya, dia menyebutkan mengenai ramai manusia yang marah kepada beliau kerana kepercayaan Shi'anya. Walaupun terdapat semua ini, dia juga merakamkan ijmak mereka, bahawa beliau berpengetahuan tinggi, wara' dan amat memahami mengenai amalan agama. Dia juga mengaku bahawa ahadith yang disampaikan oleh al-Harith terdapat di dalam empat buku Sunan. Dia menyatakan kepada fakta bahawa Nisa'i, walaupun perjudis, telah bergantung dengan kuat pada penyampaian al-Harith, mengakui bahawa manusia umum walaupun memperkecilkan beliau, tetapi terus juga menyampaikan hadith dari beliau di dalam perkara agama, dan namun begitu al-Sha'bi memanggil beliau pendusta, kemudian dia berpaling dan menyebutkan hadith daripadanya!

Al-Thahbi menyatakan yang berikutnya di dalam bukunya *Al-Mizan*: "Nyata sekali, al-Nisa'i mendustakan beliau apabila sampai kepada percakapan dan cerita; tetapi apabila beliau menyampaikan hadith, dia mempercayai beliau." *Al-Mizan* menyebut Muhammad ibn Sirin sebagai berkata: "Terdapat 5 sahabat Ibn Mas'ud yang terkenal. Saya mengetahui empat dari mereka, tetapi saya tertinggal al-Harith, yang saya tidak pernah jumpa. Dia adalah yang terbaik dari mereka semua."

Terdapat kontroversi yang besar mengenai siapakah yang tiga orang lagi, iaitu Alqamah, Masruq, atau `Ubaydah, yang terbaik. Saya katakan bahawa Allah telah membolehkan tradisionists yang dipercayai untuk melakukan keadilan kepada al-Sha'bi dan membuktikan dia sebagai pendusta. Ini telah ditunjukkan oleh Ibn `Abd al-Birr di dalam bukunya *Jami' Bayanul `Ilm* yang menyebutkan kenyataan jujur yang dibuat oleh Ibrahim al-Nakh'i terhadap pembohongan al-Sha'bi, dia menambah secara lisan: "Saya fikir bahawa al-Sha'bi telah menerima pembalasan yang setimpal kerana mengatakan yang berikut mengenai al-Harith al-Hamadani: `Al-Harith, seorang pendusta, memberitahu saya bahawa ..., etc.'" [4] Ibn `Abd al-Birr telah berkata: "Al-Harith tidak menunjukkan sebarang tanda sebagai seorang pendusta; sebahagian manusia telah merasa sakit hati terhadap beliau kerana cintanya kepada `Ali yang amat mendalam dan telah mengutamakan Ali dari yang lain."

Inilah sebabnya mengapa al-Sha`bi telah mengatakan beliau sebagai pendusta, oleh kerana al-Sha`bi mengutamakan Abu Bakr, dengan mengatakan bahawa Abu Bakar adalah orang yang pertama pada memeluk Islam, dan dia mengutamakan `Umer, juga."

Diantara mereka yang dengki terhadap al-Harith adalah Muhammad Ibn Sa`d yang memuatkan biografi al-Harith di dalam jilid 6 pada bukunya *Tabaqat*, mengatakan bahawa al-Harith berkata 'yang cemar' Dengan mengatakan ini dia tidak dapat melakukan apa-apa kepada al-Harith, tidak juga kepada pemuka-pemuka Shi'a yang lain, apabila tiba pada ilmu pengetahuan atau keberanian. Perkataan cemar yang dirujuk Ibn Sa`d adalah tidak lain dari bersekutu kepada keturunan Muhammad dan mengambil mereka sebagai petunjuk di dalam semua perkara sebagaimana Ibn `Abd al-Birr telah mengesahkan di dalam kenyataannya diatas. Al-Harith meninggal pada tahun 65 H; semoga Allah merahmati ruhnyanya.

## **20. Habib ibn Abu Thabit al-Asadi al-Kahili al-Kufi**

Dia adalah seorang dari *tabi'in*. Qutaybah, di dalam bukunya *Ma'arif*, dan Shahrastani, di dalam bukunya *Al-Milal wal Nihal*, keduanya telah memuatkan beliau diantara pemuka Shi'a. Al-Thahbi telah menyebut beliau di dalam bukunya *Al-Mizan*, memberi tanda pada nama beliau dengan petunjuk bahawa pengarang enam Sahih bergantung kepada penyampaian beliau tanpa ragu-ragu. Yahya Ibn Ma'in dan sekumpulan ulama yang lain telah mempercayai beliau.

Bagaimana pun Al-Dawalibi telah mengatakan yang buruk mengenai beliau dan mengklasifikasinya sebagai 'lemah' hanya kerana beliau seorang Shi'a. Apa yang sebenarnya memeranjatkan saya adalah atituit Ibn `Awn yang tidak dapat mencari sebarang sebab untuk mengadakan keraguan terhadap tradisi Habib, walaupun dia bersungguh-sungguh pada melakukannya; dari itu dia terpaksa memandang rendah kepada beliau dan memanggil beliau 'peperangan' 'bermata-satu'. Kelemahan sebenar seseorang adalah melakukan dosa dan mengatakan perkataan yang buruk terhadap orang lain, tidak pada kehilangan sebelah mata.

Rujuk kepada tradisi Habib di dalam sahih Bukhari dan Muslim seperti yang disampaikan melalui Sa'id ibn Jubayr dan Abu Wa'il. Hadith beliau yang disampaikan melalui Zayd ibn Wahab telah dirakamkan hanya di dalam sahih Bukhari. Di dalam sahih Muslim, hadith beliau telah disampaikan melalui Muhammad ibn `Ali ibn `Abdullah ibn `Abbas, dan melalui Tawus, al-Dahhak al-Mashriqi, Abu `Abbas ibn al-Sha'ir, Abu al-Minhal `Abdul-Rahman, `Ata' ibn Yasin, Ibrahim ibn Sa`d ibn Abu Waqqas, dan melalui Mujahid. Di dalam kedua sahih Misar, al-Thawri, dan Shu`bah telah menyebutkan tradisi beliau. Di dalam sahih Muslim, ahadith beliau telah disebutkan oleh Sulayman al-A'mash, Hasin, `Abdul-`Aziz ibn Sayah dan Abu Ishaq al-Shaybani. Dia meninggal, semoga Allah merahmati ruhnyanya, pada tahun 119 H.

## **21. Al-Hasan ibn Hayy**

Nama penuh Hayy adalah Salih ibn Salih al-Hamadani, adik kepada `Ali ibn Salih. Kedua mereka dilahirkan kembar dan berada di senarai teratas bagi orang kenamaan Shi'a. `Ali telah dilahirkan satu jam lebih awal. Tiada siapa pernah mendengar adiknya memanggil beliau dengan namanya yang pertama, sebaliknya dia selalu merujuk kepada beliau sebagai "Abu Muhammad." Ini telah dinyatakan di dalam jilid 6 dari buku Ibn Sa`d *Tabaqat*, di dalam bab yang mengatakan al-Hasan. Pengarang mengatakan: "Al-Hasan adalah seorang dari kenamaan, tetapi dia telah dijangkiti dengan Shi'ism. Dia telah tidak mengambil bahagian di dalam solat Jum'a, dan dia menyampaikan pada penolakan pemerintah yang zalim." Dia juga menyebut kepada fakta bahawa manusia tidak pernah meminta Allah mensejahterakan `Uthman.

Ibn Sa`d telah menyebutnya di dalam jilid 6 pada bukunya *Tabaqat*, dengan mengatakan, "Dia adalah dipercayai; beliau menyampaikan banyak hadith, dan beliau adalah Shi'a." Imam Ibn Qutaybah telah memuatkan nama beliau diantara nama-nama penyampai hadith yang lainnya di dalam buku *Ma'arif*, menerangkan bahawa beliau adalah Shi'a. Pada penghujung bukunya, dia menuliskan al-Hasan diantara penyampai yang sedemikian. Muslim dan pengarang buku Sunan, semuanya telah bergantung pada penyampaian beliau. Rujuklah kepada hadithnya di dalam Sahih Muslim seperti yang disampaikan oleh Sammak ibn Harb, Isma'il al-Sadi, `Asim al-Ahwal, dan Harun ibn Sa`d. `Ubaydullah ibn Musa al-`Abasi, Yahya ibn Adam, Hamid ibn `Abdul-Rahman al-Rawasi, `Ali ibn al-Ja'd, Ahmed ibn Yunus dan semua mereka yang intelek, berkalibar dan terkenal telah belajar dari beliau.

Di dalam biografinya di dalam *Al-Mizan*, al-Thahbi menunjukkan bahawa Ibn Ma'in dan yang lain telah mempercayai hadith dari beliau. Dia menambah dengan berkata bahawa `Abdullah ibn Ahmed telah menyebutkan dari bapanya sabagai berkata bahawa al-Hasan lebih sahih dari Sharik. Al-Thahbi juga menyatakan bahawa Abu Hatim telah berkata: "Dia dipercayai mempunyai daya ingatan yang baik dan sahih," dan bahawa Abu Zar'ah telah berkata: "Dia mempunyai di dalam dirinya kesempurnaan, fiqh, wara' dan zuhud," dan bahawa Nisa'i telah mempercayai beliau. Dia juga menyebut dari Abu Na'im sebagai berkata: "Saya telah menyebutkan 800 ahli tradisionists; saya tidak menjumpai seorang yang lebih baik dari al-Hasan ibn Salih," dan bahawa dia juga telah berkata: "saya telah dapati tiada siapa yang tidak bersalah selain dari al-Hasan ibn Salih." Dia menyebut `Ubaydah ibn Sulayman berkata: "Allah merasa malu untuk mencederakan al-Hasan ibn Salih." Dia menyebut Yahya ibn `Ali Bakir meminta al-Hasan ibn Salih: "Terangkan kepada kami bagaimana untuk melakukan mandi jenazah;" dia tidak dapat melakukannya kerana telah dikuasai oleh tangisan. Dia menyebut `Ubaydullah ibn Musa berkata: "Saya pernah membaca al-Quran di kehadiran `Ali ibn Salih. Setelah selesai membaca ayat `Amalkan kesabaran [Wahai Muhammad]!; Kami telah memberikan kepada mereka hanya sampai kepada waktu yang ditentukan,' adiknya jatuh dan berbunyi seperti lembu yang luka; maka Ali mengangkat beliau, menyapu dan mencuci mukanya dan memegangnya supaya tidak jatuh lagi," dan bahawa Waki' telah berkata: "Al-Hasan dan `Ali anak kepada Salih dan ibu mereka membahagikan

waktu malam diantara mereka tiga bahagian: setiap mereka bergilir pada bahagian mereka dari itu dapat terus berjaga, menghabiskannya di dalam beribadah dan sanjungan. Apabila ibu mereka meninggal dunia, mereka membahagikan kepada dua. Kemudian Ali meninggal, maka al-Hasan tinggal berjaga sepanjang malam beribadah."

Abu Sulayman al-Darani telah berkata: "Saya tidak pernah melihat sesiapa yang teramat takut dari al-Hasan anak kepada Salih yang berdiri sepanjang malam membaca Bab 78 dari al-Quran dan pengsan bahkan bangun dan terus membaca hingga ke pagi." Dia dilahirkan, semoga Allah merahmatinya, pada tahun 100 H. Dan meninggal pada tahun 169.

## **22. Al-Hakam ibn `Utaybah al-Kufi**

Ibn Qutaybah telah menunjukkan kepada fakta bahawa al-Hakam ibn `Utaybah adalah seorang Shi'a di dalam bukunya *Ma'arif* dan menjumlahkan beliau diantara kenamaan Shi'a. Keduanya Bukhari dan Muslim bergantung kepada penyampaian beliau. Rujuk kepada hadith beliau di dalam Sahih mereka seperti yang disampaikan oleh Abu Jahifah, Ibrahim al-Nakh'i, Mujahid, dan Sa'id ibn Jubayr. Di dalam Sahih Muslim, ianya disampaikan oleh `Abdul-Rahman ibn Abu Layla, al-Qasim ibn Mukhaymarah, Abu Salih, Tharr ibn `Abdullah, Sa'id ibn `Abdul-Rahman ibn `Abzi, Yahya al-Jazzar, Nafi' (hamba Ibn `Umer), `Ata' ibn Abu Rabah, `Imarah ibn `Umayr, `Arrak ibn Malik, al-Sha'bi, Maymun ibn Mahran, al-Hasan al-`Arni, Mus`ab ibn Sa'd dan `Ali ibn al-Husayn.

Di dalam kedua *sahih*s, hadith-hadith beliau telah disebutkan oleh Mansur, Misar dan Shu`bah. Terutama di dalam Sahih Bukhari, hadith-hadith beliau telah disampaikan oleh `Abdul-Malik ibn Abu Ghaniya. Di dalam Sahih Muslim, hadith-hadith beliau telah disampaikan oleh al-A'mash, `Amr ibn Qays, Zayd ibn Abu Anisa, Malik ibn al-Maghul; Aban ibn Taghlib, Hamzah al-Zayyat, Muhammad ibn Jehada, Mutraf dan Abu `Awanah. Beliau meninggal pada tahun 115 H. Pada umur 65 tahun.

## **23. Hammad ibn `Isa al-Jehni**

Dia lemas di Juhfa. Abu `Ali telah menyebut beliau di dalam bukunya *Muntahal Maqal*. Al-Hasan ibn `Ali ibn Dawud meringkaskan artikel tersebut di dalam karangannya *Mukhtasar*, di dalam bab pada mengatakan biografi orang-orang tertentu, sekumpulan ulama Shi'a dan pengarang biografi dan kamus, telah menganggap beliau sebagai boleh dipercayai, dari pengikut-pengikut para Imam petunjuk [as]. Dia belajar dari Imam al-Sadiq [as], 70 hadith oleh Rasul [saw], tetapi beliau tidak menyampaikan lebih dari 20 hadith. Dia telah mengarang beberapa buku yang mana diketahui oleh pengikut kepercayaan kami.

Suatu ketika beliau hadir pada Imam Abul-Hasan al-Kazim [as], dan berkata: "Semoga nyawa saya dipertaruhkan untuk kamu! Tolong doakan kepada Allah untuk merahmati saya dengan sebuah rumah, seorang isteri, seorang anak, seorang orang suruhan dan menunaikan haji setiap tahun." Hammad berkata: "Apabila dia mendoakan untuk saya mengerjakan haji 50 kali, saya telah pasti saya tidak akan hidup lebih dari itu. Saya telah mengerjakan haji tahunan sebanyak 48 kali; ini adalah rumah saya yang dengannya Allah telah merahmati saya; dihujung sana isteri saya disebalik tabir mendengar kepada saya; ini adalah anak saya, dan ini orang suruhan saya; saya telah dirahmati dengan semua ini."

Dua tahun kemudian, dan setelah mengerjakan haji 50 kali, beliau bersama Abul `Abbas al-Nawfali al-Qasir pada menunaikan haji ke 51 kali. Apabila dia sampai ketempat dimana para jamaah memakai pakaian ihram, dia masuk ke sungai Juhfa untuk mandi, tetapi arusnya telah mengatasi beliau, dan dia lemas sebelum dapat mengerjakan hajinya yang ke 51 kali. Kematiannya, semoga Allah merahmati ruhnyanya, berlaku pada tahun 209 Hij. Tempat lahirnya adalah Kufa, tetapi dia tinggal di Basrah. Dia hidup lebih dari 70 tahun. Kami telah jalankan kajian yang mendalam di dalam biograpfi beliau di dalam buku kami *Mukhtasar al-Kalam fi Mu'allifi al-Shi'a min Sadr al-Islam* [Sejarah Ringkas Terhadap Pengarang Shi'a Pada Permulaan Islam].

Al-Thahbi telah menyebutkan beliau dan meletakkan "TQ" pada nama beliau sebagai rujukan kepada mereka diantara pengarang Sunan yang telah menyebutkan hadith dari beliau [Tirmithi] dan Dar Qutni, dan telah menyebutkan kepada fakta bahawa beliau telah lemas dalam tahun 208 Hij., dan bahawa beliau telah menyampaikan hadith melalui Imam al-Sadiq (as). Pengarang telah menunjukkan rasa benci kepada beliau, dan mengatakan hadithnya sebagai 'lemah' dengan tidak ada sebab melainkan bahawa kepercayaannya adalah Shi'a. Aneh sungguh, Dar Qutni mengatakan hadith beliau 'lemah' pada suatu ketika, sedangkan diketika yang lain menggunakannya sebagai penyampai hadith di dalam buku Sunannya sendiri – beginilah caranya sebahagian dari kelakuan manusia!

## **24. Hamran ibn `Aynah**

Beliau adalah adik kepada Zurarah. Keduanya adalah diantara Shi'a yang amat dipercayai, penjaga shari'a, lautan pengetahuan mengenai keturunan Muhammad [as] Mereka adalah pelita di dalam kegelapan dan tungak bagi petunjuk. Mereka selalu bersama Imams al-Baqir dan al-Sadiq (as) dan menikmati status yang mulia pada mata para Imams diantara keturunan Muhammad. Al-Thahbi menyebut Hamran di dalam bukunya *Al-Mizan*, menandakan nama beliau dengan 'Q' untuk menunjukkan siapakah diantara penyusun Sunan yang bergantung kepada penyampaian beliau [i.e. Dar Qutni.] Kemudian al-Thahbi menambah: "Beliau telah menyampaikan hadith dari Abul Tufayl dan lainnya. Hamzah telah membacakan al-Quran kepada beliau, dan beliau sendiri pernah membacanya dengan tepat dan sempurna." Ibn Ma'in menganggap hadith beliau 'boleh diabaikan' sedangkan Abu Hatim menyambutnya sebagai penasihat [mentor]. Sebaliknya Abu Dawud melabel beliau sebagai "Rafidi."



## 25. Khalid ibn Mukhlid al-Qatwani

Juga dikenali sebagai Abul-Haytham al-Kufi, beliau adalah seorang dari mentor [penasihat] Bukhari, seperti mana yang terkemudian menyatakan di dalam Sahihnya. Ibn Sa'd menyebutnya pada muka surat 283, Vol. 6, di bukunya *Tabaqat*, sebagai berkata, "Dia adalah pengikut kuat Shi'a. Dia meninggal di Kufa di dalam pertengahan tahun 213 H. semasa pemerintahan al-Ma'mun. Dia adalah pelampau di dalam kepercayaan Shi'a dan penulis telah merakamkan fakta ini."

Abu Dawud menyebut beliau dengan berkata: "Beliau adalah benar; tetapi beliau adalah pengikut Shi'ism." Al-Jawzjani berkata yang berikut mengenai beliau: "Beliau tidak pernah berhenti menolak orang-orang tertentu, secara umum menerangkan kezaliman golongannya." Al-Thahbi menyampaikan biografi beliau di dalam bukunya *Al-Mizan*, menyebutkan pandangan keduanya Abu Dawud dan Jawzjani seperti yang tertulis diatas. Bahkan keduanya Bukhari dan Muslim telah bergantung kepada penyampaian di dalam beberapa bab di dalam Sahih-sahih mereka. Rujuk kepada hadith beliau di dalam Sahih Bukhari seperti yang disampaikan dari al-Mughirah ibn `Abdul-Rahman, dan di dalam Sahih Muslim oleh Muhammad ibn Ja'fer ibn Abul Kathir, Malik ibn Anas, dan Muhammad ibn Musa. Kedua Sahih menyebutkan di *Al-Mizan* beliau dari Sulayman ibn Bilal dan `Ali ibn Mushir. Al-Bukhari menyebut hadith beliau di dalam beberapa tempat pada Sahihnya, tanpa merujuk kepada mana-mana rantaian penyampaian, menyebutkan dua hadith beliau dari Muhammad ibn `Uthman ibn Karamah. Muslim menyebutkan hadith beliau seperti yang disampaikan oleh Abu Karib, Ahmed ibn `Uthman al-`Awdi, al-Qasim ibn Zakariyyah, `Abd ibn Hamid, Ibn Abu Shaybah, dan Muhammad ibn `Abdullah ibn Namir. Pengarang bagi Sunan semuanya bergantung kepada penyampaian hadith beliau, sedang mereka sedar akan golongannya.

## 26. Dawud ibn Abu `Awf (Abul-Hijab)

Ibn `Adi telah menyebut beliau dengan berkata, "Saya tidak boleh bergantung kepada penyampaiannya disebabkan beliau adalah Shi'a. Kebanyakan dari hadith yang beliau sampaikan adalah berkenaan kemuliaan Ahl al-Bayt."

Pertimbangkanlah keanehan kenyataan yang sedemikian!! Ya tidak ada apa-apa yang menimpa terhadap Dawud dari Nasibis ini, oleh kerana keduanya Sufyans menyebutkan hadith beliau, sebagai tambahan kepada `Ali ibn `Abis dan lainnya yang tergolong di dalam para elit diantara yang terkemuka. Keduanya Abu Dawud dan al-Nisa'i telah bergantung kepada penyampaian beliau, dan begitu juga Ahmed dan Yahya. Al-Nisa'i telah mengatakan yang berikut mengenai beliau: "Tidak ada apa-apa yang salah pada hadith beliau." Abu Hatim telah berkata: "Hadith beliau baik." Al-Thahbi telah menyebutkan testimoni sedemikian di dalam sahihnya. Rujuk kepada hadith beliau di dalam Sunan Abu Dawud, di dalam al-Nisa'i's melalui Abu Hazim al-Ashja'i, `Ikrimah, dan lainnya.

## 27. Zubayd ibn al-Harith ibn `Abdul-Karim al-Yami al-Kufi

Juga dikenali sebagai Abu `Abdul-Rahman, beliau telah disebutkan di dalam *Al-Mizan*, al-Thahbi dimana pengarang telah berkata: "Beliau adalah tabi'l yang dipercayai dan condong kepada Shi'a.' Kemudian dia menyebutkan kenyataan untuk membuktikan bahawa hadith Zubayd telah disahkan oleh al-Qattan, dan bahawa terdapat pengkritik dan penilai terkenal yang menganggap beliau sebagai bekepercayaan. Abu Ishaq al-Jawzjani telah menulis perkataan yang menghina mengenai beliau, itu memang khusus terhadap atitiutnya dan juga Nasibis yang lainnya, telah mengatakan:- "Diantara penduduk Kufa, terdapat sekumpulan yang kepercayaan mereka tidak diterima [oleh Nasibis], malah mereka adalah ahli hadith. Diantara mereka adalah: Abu Ishaq, Mansur, Zubayd al-Yami, al-A'mash dan lainnya. Manusia telah menerimanya dengan tiada sebab selain dari kebenaran mereka di dalam menyampaikan hadith, dan penyampaiannya telah mengesahkan kepada kesahihan hadith dari satu dengan yang lainnya,' sehinggalah kepada penghujung kenyataan yang mana kebenaran telah memaksa dia untuk mendedahkannya. Kerap kali kebenaran telah diperkatakan oleh mereka yang berfikir waras sebagaimana ianya juga diperkatakan oleh mereka yang degil dan keras hati. Bencana apakah yang boleh sampai kepada tunggak pengetahuan yang mulia ini, ahli hadith dalam Islam, jika kritik yang sedemikian tidak menghargai pandangan mereka yang tinggi terhadap kerabat rasul yang suci, yang menjadi pintu keampunan, penyelamat semua makhluk dimuka bumi ini selepas Rasul [sawas] sendiri, bahtera keselamatan ummahnya?

Bencana apa yang dapat menimpa mereka dari kritik yang sedemikian yang tidak mempunyai pilihan melainkan pada meneruskan pencarian, sehinggalah sampai kemuka pintu rumah mereka, dan tanpa pilihan memohon pertolongan mereka?

Jika pemuka-pemuka kaum saya senang dengan saya

Maka biarlah penjenayahnya bergeseran dan meradang

Penyampai yang begini tidak memberikan sebarang perhatian kepada al-Jawzjani atau yang lainnya seperti dia, setelah beliau dianggap berkepercayaan oleh pengarang buku-buku Sahih dan Sunan. Rujuk kepada hadith Zubayd di dalam keduanya iaitu Sahih Bukhari dan Muslim seperti yang disampaikan oleh Abu Wa'il, al-Sha'bi, Ibrahim al-Nakh'i, dan Sa'd ibn `Ubaydullah. Hanya Bukhari menyebut hadith beliau melalui Mujahid. Di dalam Sahih Muslim hadith beliau telah disampaikan oleh Murrâh al-Hamadani, Muharib ibn Dithar, Ammarah ibn `Umayr, dan Ibrahim al-Taymi. Hadith beliau yang disebutkan di dalam kedua Sahih seperti yang disampaikan oleh Shu'bah, al-Thawri, dan Muhammad ibn Talhah. Di dalam Sahih Muslim hadith beliau telah disampaikan oleh Zuhayr ibn Mu'awiyah, Fadil ibn Ghazwan, dan Husayn ibn al-Nakh'i. Dia meninggal, semoga Allah merahmati ruhnyanya, pada tahun 124 H.

## 28. Zayd ibn al-Habab, Abul-Hasan al-Kufi al-Tamimi

Ibn Qutaybah telah memuatkan biografi beliau diantara biografi mereka yang dia telah jumlahkan diantara pemuka Shi'a di dalam hasil kerjanya *Al-Ma'arif*. Al-Thahbi telah menyebut beliau di dalam bukunya *Al-Mizan*, menerangkan beliau sebagai wara', berkepercayaan, dan benar. Dia menunjukkan beliau telah dikatakan sebagai berkepercayaan oleh Ibn Ma'in dan Ibn al-Madini. Dia juga menyebutkan Abu Hatim dan Ahmed, menerangkan beliau sebagai benar, menambah bahawa 'Adi telah berkata: "Beliau adalah seorang tradisionists Kufi yang dipercayai, yang mana kepercayaan kepadanya tidak diragukan." Muslim telah bergantung kepada penyampaiannya. Rujuk kepada Sahih Muslim yang mengandungi hadith beliau seperti yang disampaikan oleh Mu'awiyah ibn Salih, al-Dahhak ibn 'Uthman, Qurrah ibn Khalid, Ibrahim ibn Nafi', Yahya ibn Ayyub, Saif ibn Sulayman, Hasan ibn Waqid, 'Ikrimah ibn 'Ammar, 'Abdul-'Aziz ibn Abu Salma, dan 'Aflah ibn Sa'id. Hadith beliau telah disebutkan oleh Ibn Abu Shaybah, Muhammad ibn Hatim, Hasan al-Hulwani, Ahmed ibn al-Munthir, Ibn Namir, Ibn Karib, Muhammad ibn Rafi', Zuhair ibn Harb, dan Muhammad ibn al-Faraj.

## 29. Salim ibn Abul Ja'd al-Ashja'i al-Kufi

Beliau adalah adik kepada 'Ubayd, Ziyad, 'Umran, dan Muslim, anak lelaki Abul-Ja'd.

Di dalam jilid 6 dari *Al-Tabaqat*, Sa'd menyebut kesemua mereka pada muka surat 2303 dan pada muka surat seterusnya. Apabila dia sampai kepada Muslim, dia berkata, "Abul-Ja'd mempunyai 6 orang anak lelaki. Dua darinya mengikuti Shi'ism. Mereka adalah Salim dan 'Ubayd. Dua yang lain adalah Murji'is, sedang yang selebihnya adalah Kharijites. Bapa mereka pernah berkata: 'Apa kena dengan kamu semua? Saya hairan mengapa Allah menjadikan pandangan kamu berbeza amat sangat.'" Ibn Qutaybah telah membincangkannya pada muka surat 156 dari bukunya *Ma'arif* di dalam bab pada memperkatakan *tabi'in* Shi'a dan penggantian mereka.

Sekumpulan ulama telah mengesahkan pandangan Salim ibn Abul-Ja'd kepada Shi'a. Qutaybah, pada muka surat 206 dari bukunya *Ma'arif*, telah memuatkannya diantara pemuka Shi'a, dan begitu juga al-Shahristani di dalam kerjanya *Al-Milal wal-Nihal* di muka surat 27, Vol. 2, di dalam notakaki pada bab mengenai Ibn Hazm. Al-Thahbi telah menyebut beliau di dalam bukunya *Al-Mizan*, mengatakan beliau sebagai *tabi'i* yang berkepercayaan. Dia juga mengatakan bahawa hadith beliau dari al-Nu'man ibn Bashir dan Jabir telah terjumlah di dalam kedua Sahih. Yang sebenarnya hadith beliau dari Anas ibn Malik dan Karib, telah terjumlah di dalam kedua Sahih sebagaimana ulama hadith telah sedia mengetahui. Al-Thahbi mengatakan bahawa hadith beliau dari 'Abdullah ibn 'Umer, dan dari Ibn 'Umer, terdapat di dalam Sahih Bukhari. Yang terkemudian juga mengandungi hadith beliau dari Ma'dan ibn Abu Talha dan dari bapa yang terkemudian. Hadith beliau telah disebutkan di dalam kedua Sahih oleh al-A'mash, Qatadah, 'Amr ibn Murrah, Mansur, dan Hasin ibn 'Abdul-Rahman. Dia juga mengetahui hadith yang disebutkan oleh al-Nisa'i dan Abu Dawud di dalam Sunan mereka. Dia meninggal; sama ada pada tahun 87 atau 97 H. semasa pemerintahan Sulayman ibn 'Abdul-Malik, atau, sebagaimana sebahagian mereka mengatakan semasa 'Umer ibn 'Abdul-'Aziz, dan Allah Maha Mengetahui.

## 30. Salim ibn Abu Hafsah al-'Ijli al-Kufi

Al-Shahristani memuatkannya di dalam buku *Al-Milal wal-Nihal* diantara pemuka Shi'a. Al-Fallas berkata: "Beliau adalah tradisionist yang 'lemah' yang melampau di dalam kepercayaan Shi'a." Ibn 'Adi berkata: "Manusia mengkritik terhadap ekstremnya, tetapi saya harap tidak ada apa-apa kesalahan pada hadithnya." Muhammad ibn Bashir al-'Abdi berkata: "Saya telah melihat Salim ibn Abu Hafsah seperti orang yang dungu dengan janggut yang panjang – wahh janggutnya! Dia berkata: Saya harap saya adalah rakan Ali di dalam apa sahaja yang dipunyainya."

Al-Husayn ibn 'Ali al-Ju'fi telah berkata: "Saya telah melihat Salim ibn Abu Hafsah seperti orang dungu dengan janggut yang panjang yang selalu akan berkata, 'Kini saya datang, Wahai pembunuh Na'thal, pembasmi Banu Umayyah!'" 'Amr ibn al-Salim ibn Abu Hafsah bertanya kepadanya: "Adakah kamu membunuh 'Uthman?" Dia menjawab: "Adakah saya?!" 'Amr berkata "Ya, kamu lakukan. Kamu tidak mengutuk pembunuhnya." Abu ibn al-Madini telah berkata: "Saya telah mendengar Jarir berkata, 'Saya memutuskan persahabatan saya dengan Salim ibn Abu Hafsah kerana dia selalu mempertahankan Shi'as.'" Al-Thahbi mempunyai biografi beliau yang khusus, menyebutkan semua yang diatas. Pada muka surat 234 dari Vol. 6 pada *Tabaqat*, Ibn Sa'd menyebut beliau dan berkata: "Dia amat kuat berpegang kepada kepercayaan Shi'a. Dia memasuki Mekah semasa pemerintahan 'Abbasid dan melaungkan, 'Ini saya datang, ini saya datang, Wahai pembunuh Omayyads!' Suaranya agak lantang juga, sehinggakan laungannya telah didengari oleh Dawud ibn 'Ali yang bertanya: 'Siapakah orang itu?' Manusia memberitahunya bahawa itu adalah Salim ibn Abu Hafsah, dan mereka menjelaskan cerita dan pandangannya."

Al-Thahbi telah menjumlahkan biografi dia di dalam bukunya *Al-Mizan* memberi komen, "Dia adalah ketua bagi mereka yang memandang rendah kepada Abu Bakr dan 'Umer." Walaupun dengan semua itu, keduanya, Sufyans menyebut hadith darinya dan begitu juga Muhammad ibn Fudayl, sedang al-Tirmithi telah bergantung kepada penyampaiannya dan Ibn Ma'in telah menganggap dia sebagai boleh dipercayai. Dia meninggal pada tahun 137 A.H.

## 31. Sa'd ibn Tarif al-Iskafi al-Hanzali al-Kufi

Al-Thahbi menyebut beliau, menandakan namanya dengan TQ sebagai rujukan kepada pengarang Sunan yang menyebutkan darinya (i.e. al-Tirmithi and Dar Qutni). Al-Thahbi juga menyebut al-Fallas sebagai berkata

bahawa Sa'd adalah "lemah, pelampau di dalam kepercayaan Shi'a." Walaupun beliau adalah 'ekstrimis Shi'a' al-Tirmithi dan yang lainnya menyebut hadith darinya. Rujuk kepada hadith beliau di dalam Sahih al-Tirmithi seperti yang disampaikan oleh `Ikrimah dan Abul-Wa'il. Beliau juga menyampaikan hadith seperti yang disampaikan oleh al-Asbagh ibn Nabatah, `Uman ibn Talhah dan `Umayr ibn Ma'mun. Isra'il, Haban dan Abu Mu'awiyah semuanya menyebut dari beliau.

### 32. Sa'id ibn Ashwa'

Beliau telah disebut di dalam buku al-Thahbi, *Al-Mizan* dimana pengarang telah berkata: "Sa'id ibn Ashwa' adalah kadi Kufa yang jujur dan terkenal. Al-Nisa'i berkata bahawa tidak terdapat kesalahan pada hadith beliau, dan bahawa beliau adalah sahabat al-Sha'bi. Al-Jawzjani menerangkan beliau sebagai pelampau, menyimpang dan fanatik Shi'a."

Keduanya al-Bukhari and Muslim bergantung kepada penyampaiannya di dalam Sahih mereka. Hadithnya dari al-Sha'bi telah dianggap sebagai sahih oleh pengarang kedua buku Sahih. Di dalam kedua buku Sahih Bukhari dan Muslim, hadith beliau telah sebutkan oleh Zakariyyah ibn Abu Za'idah dan Khalid al-Haththa'. Dia meninggal semasa pemerintahan Khalid ibn `Abdullah.

### 33. Sa'id ibn Khaytham al-Hilali

Ibrahim ibn `Abdullah ibn al-Junayd telah ditanya: "Sa'id ibn Khaytham adalah seorang Shi'a. Apa fikiran awak mengenai dia?" Dia menjawab: "Katakanlah bahawa dia adalah Shi'a, tetapi dia juga boleh dipercayai."

Al-Thahbi menyebut beliau di dalam *Al-Mizan*, menyebut dari Ibn Ma'in yang menyampaikan juga percakapan yang telah dicatitkan diatas. Dia juga menandakan nama beliau dengan singkatan nama keduanya al-Tirmithi dan al-Nisa'i untuk menunjukkan bahawa kedua pengarang menyebut hadith beliau di dalam Sahih mereka. Dia juga menyatakan fakta bahawa Sa'id membacakan hadith dari Yazid ibn Abu Ziyad dan Muslim al-Malla'i. Sepupunya, Ahmed ibn Rashid, juga menyampaikan hadith beliau.

### 34. Selamah ibn al-Fudayl al-Abrash

Beliau adalah kadi Rayy dan penyampai tradisi berkaitan kepada peperangan yang mana Rasul [sawas] mengambil bahagian, sebagaimana yang disampaikan oleh Ibn Ishaq. *Kunyat* (surname) beliau Abu `Abdullah. Di dalam biografinya pada *Al-Mizan*, Ibn Ma'in berkata: "Selamah al-Abrash al-Razi adalah berkepercayaan Shi'ism dan seorang yang hadithnya selalu disebutkan, dan tidak terdapat kesalahan pada hadithnya." Abu Zar'ah telah juga berkata di dalam *Al-Mizan* bahawa orang asal Rayy tidak suka kepadanya kerana pandangan agamanya. Yang sebenarnya itu adalah atitiut mereka disebabkan pandangan mereka mengenai semua pengikut keturunan Rasul [sawas]

Al-Thahbi telah menyebut beliau di dalam bukunya *Al-Mizan*, menandakan nama beliau dengan singkatan nama Abu Dawud dan al-Tirmithi dan berkata : "Dia telah diingati kerana ibadah dan doanya." Dia meninggal pada tahun 191.H. Ibn Ma'in mengesahkan fakta bahawa hadith yang berkaitan dengan ekspedisi ketenteraan Rasul sebagaimana yang disampaikan oleh Selamah adalah lebih dipercayai dari yang lainnya. Zanih telah disebutkan sebagai berkata bahawa dia telah mendengar Selamah al-Abrash berkata bahawa beliau telah mendengar hadith mengenai ekspedisi itu dari Ishaq dua kali, dan bahawa dia telah menulis hadithnya seperti yang dia telah lakukan terhadap ekspedisi tersebut.

### 35. Selamah ibn Kahil ibn Hasin ibn Kadih ibn Asad al-Hadrami, Abu Yahya

Sekumpulan ulama yang mengikuti majoriti Muslim, seperti Ibn Qutaybah di dalam bukunya *Ma'arif*, yang menyebut pada muka surat 206 mengenai kecemerlangan beliau, dan al-Shahristani di dalam bukunya *Al-Milal wal-Nihal*, pada muka surat 27, Vol. 2, telah menjumlahkannya diantara kenamaan Shi'a. Pengarang dari Enam Sahih semuanya telah bergantung pada penyampaiannya, dan begitu juga yang lain. Beliau telah mempelajari hadith dari orang seperti Abu Jahifah, Suwayd ibn Ghafalah, al-Sha'bi, `Ata' ibn Abu Rabah, kesemuanya disebut di dalam Bukhari dan Muslim. Di dalam Muslim, beliau menyebut hadith dari Karib, Tharr ibn `Abdullah, Bakir ibn al-Ashaj, Zayd ibn Ka'b, Sa'id ibn Jubayr, Mujahid, `Abdullah ibn `Abdul-Rahman ibn Yazid, Abu Selamah ibn `Abdul-Rahman, Mu'awiyah ibn al-Suwayd, Habib ibn `Abdullah, dan Muslim al-Batin. Al-Thawri dan Shu'bah, keduanya telah menyebutkan hadith beliau di dalam hasil kerja keduanya, sedangkan di dalam Bukhari, hadith beliau telah disebutkan oleh Isma'il ibn Abu Khalid. Di dalam Muslim, beliau disebutkan oleh Sa'id ibn Masruq, Aqil ibn Khalid, `Abdul-Malik ibn Abu Sulayman, `Ali ibn Salih, Zayd ibn `Abu Anisah, Hammad ibn Selamah, dan al-Walid ibn Harb. Selamah ibn Kahil meninggal pada `Ashura tahun 121H.

### 36. Sulayman ibn Sa'id al-Khuza'i al-Kufi

Beliau pernah menjadi ketua tertinggi Shi'a di Iraq, pengantara diantara mereka, penasihat dan penjaga mereka. Mereka semua telah bertemu di dalam rumah beliau apabila mereka memberikan bai'ah kepada Imam Husayn (as). Beliau adalah penyampai bagi *tawwabin* (yang kesal) diantara Shi'as, mereka yang bangun untuk membalas dendam diatas pembunuhan Imam Husayn (as). Mereka terdiri dari 4 000 tentera yang berkhemah di Nakhila pada awal Rabi' al-Thani, 65 H., mereka berarak menuju `Ubaydullah ibn Ziyad dan bertempur dengan tenteranya di Jazira. Mereka bertempur dengan hebatnya sehingga setiap dari mereka semua gugur. Sulayman, juga telah syahid disuatu tempat dipanggil `Ayn al-Warda setelah Hasin memanah beliau dengan anak panah yang membawa maut. Beliau berusia 93 tahun diketika itu. Kepalanya dan juga al-Musayyab ibn Najba telah dibawa sebagai trophi kepada Marwan ibn al-Hakam.

Biografi beliau telah dirakamkan di dalam Vol. 6, Bahagian satu, dari buku Ibn Sa'd, *Tabaqat*, dan di dalam *Isti'ab* oleh Ibn 'Abd al-Birr. Semua mereka yang menulis cerita para keturunan warisan telah merakamkan biografi beliau dan memuji kemuliaannya, keimanan dan taqwa. Dia menikmati kedudukan yang mulia, dihormati dan dimuliakan dikalangan manusia dan perkataannya berat pada timbangan. Beliaulah orangnya yang membunuh Hawshab, musuh terkenal Amirul Mukminin, di dalam pertarungan di peperangan Siffin. Sulayman amat tajam penglihatannya terhadap musuh Ahl al-Bayt yang telah menyimpang. Para tradisionists telah meminta pandangannya. Hadith yang beliau sampaikan mengenai Rasul [sawas] adalah yang disampaikan secara terus atau yang disampaikan oleh Jubayr ibn Mut'im yang bergantung pada penyampaiannya, telah dirakamkan di dalam kedua Sahih Bukhari dan Muslim. Di dalam Muslim beliau telah disebutkan oleh Abu Ishaq al-Subay'i dan 'Adi ibn Thabit. Sulyman telah menyampaikan hadith yang tidak dituliskan di dalam mana-mana Sahih. Ini termasuk hadith dari Amirul Mukminin, anaknya Imam al-Hasan al-Mujtaba (as), dan Abiy. Di dalam kerja-kerja selain dari Sahih ini, hadith beliau telah disampaikan oleh Yahya ibn Ya'mur, 'Abdullah ibn Yasar, dan oleh yang lainnya.

### **37. Sulayman ibn Tarkhan al-Taymi al-Basri**

Seorang hamba Qays, *imam*, dia seorang yang amat dipercayai pada penyampaian hadith. Ibn Qutaybah telah menjumlahkan beliau diantara pemuka Shi'a di dalam bukunya *Al-Ma'arif*. Pengarang dari enam sahih, begitu juga yang lain telah bergantung pada penyampaiannya. Rujuk kepada hadith beliau di dalam kedua Sahih melalui Anas ibn Malik, Abu Majaz, Bakr ibn 'Abdullah, Qatadah, dan Abu 'Uthman al-Nahdi. Di dalam Sahih Muslim, hadith beliau telah disebut melalui yang lain. Di dalam kedua Sahih hadith beliau telah disebutkan oleh anaknya Mu'tamir, dan oleh Shu'bah dan al-Thawri. Parti yang lain menyebutkan hadithnya di dalam sahih Muslim. Dia meninggal pada tahun 143 H.

### **38. Sulayman ibn Qarm ibn Ma'ath**

Dia juga dikenali sebagai Abu Dawud al-Dabi al-Kufi. Ibn Haban menyebut beliau di dalam buku biografi Sulayman, *Al-Mizan*. Ibn Haban telah berkata, "Dia seorang Rafidi – begitulah ianya. "Walaupun begitu, Ahmed ibn Hanbal telah mempercayai beliau. Pada penghujung biografi Sulayman seperti yang dirakamkan di dalam *Al-Mizan*, Ibn 'Adi berkata, "Hadith yang disampaikan oleh Sulayman ibn Qarm adalah sahih. Lebih-lebih lagi, hadith beliau lebih dipercayai dari yang disampaikan oleh Sulayman ibn Arqam."

Muslim, al-Nisa'i, al-Tirmithi, dan Abu Dawud semuanya telah menyatakan hadith beliau. Apabila al-Thahbi menyebut beliau, dia meletakkan tanda singkatan nama tradisionists pada nama beliau. Rujuk kepada Sahih Muslim dimana hadith Abul-Jawab telah disampaikan oleh Sulayman ibn Qarm dari al-A'mash, sampai kepada Rasul [sawas]. Hadith itu menyatakan bahawa Rasul [sawas] telah berkata bahawa seseorang itu akan selalu bersama dengan mereka yang dicinta. Di dalam Sunan, hadith beliau menyabut Thabit melalui Anas berturutan, berkata bahawa Rasul [sawas] telah berkata: "Mencari ilmu adalah wajib keatas setiap Muslim." Dia menyebut al-A'mash dari 'Amr ibn Murrah, dari Abdullah ibn al-Harith, dari Zuhair ibn al-Aqmar, dari 'Abdullah ibn 'Umer yang berkata bahawa al-Hakam ibn Abul 'Yang biasa berada dengan Rasul [sawas] kemudian akan pergi menyampaikan hadith baginda [setelah diputar belitkan] kepada Quraysh; dari itu Rasul [sawas] telah mencela kelakuan dia dan kesemua keturunannya sekali, sehingga kehari pengadilan.

### **39. Sulayman ibn Mahran al-Kahili al-Kufi al-Asla'**

Beliau adalah seorang dari kenamaan Shi'a dan tradisionis yang amat dipercayai. Ramai genius diantara ulama Sunni, seperti Ibn Qutaybah di dalam bukunya *Ma'arif* dan al-Shahristani di dalam bukunya *Al-Milal wal-Nihal*, dan begitu juga yang lain, semuanya telah memuatkan beliau diantara pemuka Shi'a.

Di dalam biografi Zubayd, al-Jawzjani berkata yang berikut di dalam bukunya *Al-Mizan*: "Diantara manusia di Kufa, terdapat beberapa orang yang golongannya tidak diterima, sebaliknya mereka adalah pakar di dalam hadith diantara ahli-ahli hadith di Kufa. Diantara mereka adalah: Abu Ishaq, Mansur, Zubayd al-Yami, al-A'mash, dan yang terkemuka lainnya. Manusia hanya menerima mereka kerana mereka itu jujur pada menyampaikan hadith," sehingga penghujung kenyataannya yang dengan nyata telah menunjukkan kejahilan dan perjudisnya mereka. Keburukan apa yang boleh menimpa pemuka tersebut jika Nasibis tidak menghargai tanggung jawab mereka pada menyampaikan perintah Tuhan dan mencari keridhaanNya dengan terus mentaati kepada kerabat Rasul [sawas]? Yang sebenarnya Nasibis ini menerima orang-orang tersebut bukan kerana mereka adalah jujur pada menyampaikan hadith tetapi kerana mereka diperlukan. Jika mereka telah menolak hadith orang-orang ini, kebanyakan dari hadith-hadith Rasul akan hilang, sebagaimana al-Thahbi sendiri mengakuinya di dalam buku *Al-Mizan* ketika membincangkan biografi Aban ibn Taghlib. Saya fikir ini adalah kenyataan al-Mughirah: "Abu Ishaq dan A'mash kamu telah membawa Kufa kepada kehancuran" ini telah di katakan, disebabkan oleh kepercayaan orang ini mengenai Shi'a. Selain dari itu keduanya, Abu Ishaq dan al-A'mash adalah lautan ilmu pengetahuan dan penjaga warisan Rasul.

Al-A'mash telah meninggalkan kepada kita banyak insiden yang menarik yang mana telah membayangkan kebesarannya. Satu darinya, sebagai contoh, telah dimuatkan oleh Ibn Khallikan di dalam biografi al-A'mash di dalam *Wafiyat al-A'yan* dimana pengarang telah mengatakan:

"Hisham ibn 'Abdul-Malik suatu ketika menulis kepada al-A'mash mengatakan: 'Tuliskan untuk ku kemuliaan 'Uthman dan dosa-dosa 'Ali.' Al-A'mash mengambil surat itu dan membalingkan ke dalam mulut unta betinanya. Kemudian dia berpaling kepada si utusan dan berkata: 'Itulah jawapan saya.' Si utusan bagaimana pun meminta al-A'mash menuliskan jawapan dengan berkata bahawa tuannya telah bersumpah untuk membunuhnya jika dia pulang dengan tidak membawa jawapan. Dia merayu kepada adik al-A'mash supaya

menekankan kepadanya untuk menuliskan sesuatu. Akhirnya beliau menulis: 'Dengan nama Allah yang Maha Pemurah, Maha Pengasih 'Uthman mempunyai segala kemuliaan bagi manusia didunia ini, ianya tidak dapat memberikan kamu apa-apa faedah, dan 'Ali mempunyai di dalam dirinya segala dosa manusia di dunia ini, ianya tidak dapat mencederakan kamu sedikit pun, dari itu, khatirlah mengenai jiwa kamu sendiri, dan keamanan bagi kamu.'

Satu lagi kisah yang disampaikan oleh Ibn 'Abd al-Birr di dalam bab pada kenyataan para ulama menilai kerja masing-masing di dalam bukunya *Jami' Bayanul 'Ilm wa Fada'ilih*.<sup>[5]</sup> Pengarang menyebut dari 'Ali ibn Khashram yang berkata, "Saya mendengar Abul-Fadl ibn Musa berkata, 'Saya memasuki rumah al-A'mash bersama Abu Hanifah untuk menziarahnya ketika beliau sakit. Abu Hanifah berkata: 'Wahai Abu Muhammad! Jika tidaklah kerana saya takut kedatangan saya ini menjadi gangguan kepada kamu, saya pasti akan datang menziarah kepada kamu dengan lebih kerap lagi'. Al-A'mash menjawab, 'Kamu adalah penggacau bagi saya walaupun jika kamu berada dirumah kamu sendiri; dari itu bayangkanlah bagaimana perasaan saya apabila saya terpaksa melihat kepada rupa kamu.'" Abul-Fadl berkata seterusnya, setelah meninggalkan rumah al-A'mash, Abu Hanifah berkata, 'Al-A'mash tidak pernah memerhatikan puasanya di bulan Ramadan.' Ibn al-Khashram kemudian bertanya kepada al-Fadl apakah yang dimaksudkan oleh Abu Hanifah. Al-Fadl menjawab, 'Al-A'mash umumnya akan memerhatikan *suhur* semasa bulan Ramadan menurut pada hadith Rasul seperti yang disampaikan oleh Huthayfah al-Yemani.'" Yang sebenarnya, beliau memerhatikan kepada ayat al-Quran: "Dari itu, makan dan minumlah sehingga kamu dapat membezakan antara benang putih dan benang hitam, dari awal pagi, dan sempurnakanlah puasa kamu sehingga malam tiba."

Pengarang dari *Al-Wajiza* dan *Bihar Al-Anwar* keduanya telah menyebut dari Hasan ibn Sa'id al-Nakh'i yang menyebut dari Sharik ibn 'Abdullah, seorang kadi, berkata, "Saya menziarahi al-A'mash ketika beliau sakit yang membawa kepada kematiannya. Ketika saya berada disana, Ibn Shabramah, Ibn Layla dan Abu Hanifah masuk dan bertanya mengenai kesihatan beliau. Dia memberitahu mereka bahawa dia sedang menderita kesakitan, bahawa dia takut kepada Allah diatas segala dosanya dan hampir sahaja dia akan menangis. Abu Hanifah kemudian berkata kepada beliau: 'Wahai Abu Muhammad! Takutlah akan Allah! Lihatlah sekarang kepada diri kamu. Kamu pernah menyampaikan hadith yang tertentu mengenai 'Ali yang mana, jika kamu menolaknya, adalah lebih baik untuk kamu.' Al-A'mash menjawab: 'Berani kamu kata begitu kepada orang seperti saya?' Bahkan beliau terus mencela dia, dan tidak ada perlunya disini untuk pergi kearah itu. Beliau adalah, semoga Allah merahmati jiwanya, seperti al-Thahbi terangkan di dalam bukunya *Al-Mizan*, Imam yang dipercayai. Beliau adalah tepat seperti apa Ibn Khallikan telah terangkan ketika membincangkan biografi beliau di dalam bukunya *Wafiyat al-A'yan*, seorang yang jujur dan ulama yang mulia. Semua para ulama telah akui kejujurannya beliau, saksama dan taqwa. Pengarang dari buku enam Sahih, begitu juga dengan yang lainnya, semuanya telah bergantung kepada penyampaiannya. Rujuk kepada hadithnya di dalam buku Sahih Bukhari dan Muslim dari Zayd ibn Wahab, Sa'id ibn Jubayr, Muslim al-Batin, al-Sha'bi, Mujahid, Abu Wa'il, Ibrahim al-Nakh'i dan Abu Salih Thakwan. Beliau telah menyampaikan di dalam kerja-kerja ini oleh Shu'bah, al-Thawri, Ibn 'Ainah, Abu Mua'awiyah Muhammad, Abu 'Awanah, Jarir, dan Hafs ibn Ghiyath. Al-A'mash telah dilahirkan pada tahun 61 H. dan meninggal dalam tahun 148 H., semoga Allah merahmati beliau.

#### **40. Sharik ibn 'Abdullah ibn Sinan al-Nakh'i al-Kufi, seorang kadi**

Imam Abu Qutaybah, di dalam bukunya *Ma'arif*, tidak ragu-ragu mengatakan bahawa beliau diantara orang kenamaan Shi'a. Pada penghujung biografi Sharik seperti dirakamkan di dalam *Al-Mizan*, 'Abdullah ibn Idris bersumpah bahawa Sharik adalah seorang Shi'a. Abu Dawud al-Rahawi telah disebutkan di dalam *Al-Mizan*, juga telah mendengar Sharik berkata, "'Ali adalah kejadian yang terbaik; sesiapa yang menafikan fakta ini adalah *kafir*."<sup>[6]</sup> Apa yang beliau maksudkan sudah pastinya bahawa 'Ali adalah manusia yang terbaik selepas Rasul [sawas] seperti mana semua Shi'a percaya Atas sebab ini, al-Jawzjani, telah disebutkan di dalam *Al-Mizan*, pada mengatakan beliau sebagai 'berat sebelah' bererti condong kepada kepercayaan Ahl al-Bayt dan lebih mengutamakan dari golongan Jawzjani. *Al-Mizan* juga menyebut hadith Sharik mengenai Amirul Mukminin. Dia menyebut Abu Rabi'ah dari Ibn Buraydah dari bapanya sehinggalah kepada Rasul [sawas] yang berkata: "Untuk setiap Rasul terdapat wazir dan pewaris."

Beliau amat bergiat pada mengembangkan pengetahuan mengenai kemuliaan Amirul Mukminin, dan menekan Omayyads untuk mengakuinya dan menyebarkan kemuliaannya [as]. Didalam hasil kerja beliau *Durrat al-Ghawwas*, al-Hariri, seperti di dalam biografi Sharik di dalam buku Ibn Khallikan *Wafiyat al-A'yan*, telah berkata, "Sharik mempunyai seorang kawan Omayyad. Satu hari, Sharik menyebutkan sifat-sifat kecemerlangan 'Ali ibn Abu Talib (as). Kawannya yang Omayyad berkata bahawa 'Ali adalah orang baik.' Ini telah menimbulkan kemarahan Sharik yang berkata, 'Adakah itu sahaja yang kamu dapat ucapkan mengenai 'Ali, bahawa dia seorang yang baik, dan tak ada apa-apa lagi?'"<sup>[7]</sup>

Pada penghujung biografi Sharik seperti yang tersebut di dalam *Al-Mizan*, Ibn Abu Shaybah telah menyebut dari 'Ali ibn Hakim ibn Qadim yang menyatakan bahawa 'Ali telah berkata bahawa aduan telah dibawa seorang kepada perhatian Sharik. Orang itu berkata: "Manusia mengatakan bahawa fikiran kamu meragukan." Sharik menjawab: "Kamu jahil! Bagaimana saya boleh merasa ragu?! Saya harap saya ada bersama dengan 'Ali untuk menjadikan pedang saya menitiskan darah musuhny."

Sesiapa yang mempelajari cara hidup Sharik akan menjadi yakin bahawa beliau adalah pengikut yang taat pada jalan Ahl al-Bayt (as). Beliau menyampaikan banyak tradisi yang disampaikan oleh kebanyakan ulama Ahl al-Bayt. Anak lelakinya 'Abdul-Rahman telah berkata, "Bapa saya telah mempelajari banyak dari Ja'fer al-Ju'fi, sebagai tambahan kepada 10 000 tradisi yang unik." 'Abdullah ibn al-Mubarak telah disebutkan di dalam *Al-Mizan* sebagai berkata, "Sharik lebih berpengetahuan mengenai hadith orang Kufa dari Sufyan. Beliau

adalah musuh ketat kepada musuh-musuh `Ali, dan orang yang mengatakan perkara buruk mengenainya [as]." `Abdul-Salam ibn Harb berkata mengenai beliau: "Mengapa kamu tidak menziarah adik kamu yang sakit?" Dia bertanya: "dan siapakah dia?" Orang itu menjawab: "Malik ibn Maghul." Sharik, sebagaimana tersebut di dalam biografi di dalam *Al-Mizan*, kemudian berkata: "Sesiapa yang berkata buruk mengenai `Ali dan Ammar sudah pasti bukan saudara kepada saya."

Satu ketika nama Mu`awiyah telah disebut dihadapan beliau dan telah dikatakan sebagai 'berbudi', seperti yang dirakamkan di dalam biografinya di dalam *Al-Mizan* begitu juga di dalam buku Ibn Khallikan, *Wafiyyat al-A`yan*, beliau berkata: "sesiapa yang mengeneipkan kesaksamaan dan menentang `Ali tidaklah sekali-kali yang berbudi." Beliau menyampaikan satu hadith dari Asim, Tharr, `Abdullah ibn Mas`ud berturutan yang menunjukkan bahawa Rasul [saw] telah berkata: "Jika kamu melihat Muawiyah diatas mimbar ku, bunuhlah dia." Ini telah disebutkan oleh al-Tabari, dan al-Tabari pula menyebutnya dari al-Thahbi ketika dia membincangkan biografi Abbad ibn Ya`qub.

Di dalam buku Ibn Khallikan, *Wafiyyat* termasuk biografi Sharik dimana pengarangnya menyebutkan dialog diantara Sharik dan Mis`ab ibn `Abdullah al-Zubairi, di kehadiran pemerintah `Abbasid al-Mahdi. Mis`ab bertanya kepada Sharik: "Adakah kamu benar-benar memperkecilkan Abu Bakr dan `Umer?" sehinggalah kepada penamat dari insiden itu.

Walaupun terdapat semua itu, al-Thahbi telah menerangkan bahawa beliau sebagai 'orang dipercayai' Dia juga menyebutkan dari Ma`in sebagai berkata bahawa Sharik adalah "jujur dan dipercayai." Pada penghujung biografi nya, pengarang mengatakan: "Sharik mempunyai pengetahuan yang tinggi. Ishaq al-Azraq belajar dari beliau 9 000 hadith." Dia juga menyebut dari Tawbah al-Halabi sebagai berkata, "Kami berada di Ramla suatu ketika, dan setiap orang tertanya-tanya siapakah dia orang bagi ummah. Sebahagian manusia mengatakan ianya adalah Lahi`ah, sedang yang lain mengatakan ianya adalah Malik. Kami tanya `Isa ibn Yunus untuk menyatakan pandangan dia. Dia kata: `Orang untuk ummah adalah Sharik,' yang pada ketika itu masih hidup lagi."

Muslim dan pengarang empat buku Sunan semuanya telah bergantung pada penyampaian Sharik. Rujuk kepada hadith beliau seperti yang disebut dan disampaikan oleh Ziyad ibn Alaqa, `Ammar al-Thihni, Hisham ibn `Urwah, Ya`li ibn `Ata, `Abdul-Malik ibn `Umayr, `Ammarah ibn al-Qa`qa` dan `Abdullah ibn Shabramah. Mereka yang menyampaikan ini telah mengatakan dari Ibn Shaybah, `Ali ibn Hakim, Yunus ibn Muhammad, al-Fadl ibn Musa, Muhammad ibn al-Sabah, dan `Ali ibn Hajar. Dia telah dilahirkan sama ada di Khurasan atau Bukhara dalam tahun 95.H., dan dia meninggal di Kufa pada awal Sabtu dalam bulan Thul-Qi`dah, 177 atau 178.

#### **41. Shu`bah ibn al-Hajjaj Abul-Ward al-`Atki al-Wasiti (Abu Bastam)**

Telah dilahirkan dan tinggal di Basra, Abu Bastam adalah orang pertama di Iraq yang bertanyakan mengenai ahli-ahli tradisionis, dan beliau telah dipuji kerana memberikan pertolongan kepada yang lemah dan diabaikan. Dia dianggap diantara kenamaan Shi'a oleh ramai intelek sunni seperti Qutaybah di dalam bukunya *Al-Ma`arif*, dan al-Shahristani di dalam bukunya *Al-Milal wal-Nihal*. Pengarang enam buku sahih telah bergantung kepada penyampaian beliau. Hadith beliau terdapat di dalam buku sahih Bukhari dan Muslim seperti yang disampaikan oleh Abu Ishaq al-Subai'i, Isma'il ibn Abu Khalid, Mansur, al-A'mash dan yang lainnya. Di dalam buku keduanya Bukhari dan Muslim, hadith beliau telah dibacakan oleh Muhammad ibn Ja'fer, Yahya ibn Sa'id al-Qattan, `Uthman ibn Jabalah dan yang lainnya. Beliau dilahirkan pada tahun 83 dan meninggal pada tahun 160 H., semoga Allah merahmatinya.

#### **42. Sa'sa'ah ibn Sawhan ibn Hajar ibn al-Harith al-`Abdi**

Imam Ibn Qutaybah menerangkan beliau pada muka surat 206 di dalam bukunya *Ma`arif* sebagai seorang pemuka Shi'a yang terkenal. Ibn Sa'd mengatakan pada muka surat 154, Vol. 6, dari bukunya *Tabaqat*: "[Sa'sa'ah] amat terkenal di seluruh Kufa sebagai pemicato dan sahabat `Ali yang bersama beliau telah disaksikan pada peperangan Unta; bersama dengan saudaranya Zayd dan Sihan anak lelaki Sawhan. Sihan telah dikenali sebagai pemicato sebelum Sa'sa'ah, dan dia adalah pembawa panji-panji semasa peperangan unta.[8] Setelah terbunuh, Sihan telah digantikan oleh Sa'sa'ah. Sa'sa'ah telah menyampaikan hadith dari Imam `Ali (as), dan juga dari `Abdullah ibn `Abbas. Beliau seorang tradisionis yang dipercayai walaupun hadith yang disampaikan tidak banyak." Ibn `Abd al-Birr menyebutkan beliau di dalam bukunya *Isti'ab* dengan berkata: "Dia menerima Islam semasa hidupnya Rasul Muhammad (saw) walaupun beliau tidak pernah berjumpa baginda, disebabkan beliau masih kanak-kanak ketika itu."

Beliau adalah ketua bagi puaknya, keturunan `Abd al-Qays. Beliau adalah pemicato yang fasih, manusia bijak yang dapat menguasai bahasa. Beliau adalah seorang yang wara', mulia dan bijaksana. Beliau terjumlah di dalam para sahabat `Ali [as]. Yahya ibn Ma`in telah disebutkan sebagai berkata bahawa Sa'sa'ah, Zayd dan Sihan anak lelaki Sawhan semuanya adalah pemicato, dan bahawa Zayd dan Sihan telah terbunuh semasa peperangan unta. Dia juga menyebutkan masalah kritikal yang khalifa `Umer tidak dapat selesaikan, maka khalifa telah menyampaikan syarahannya, yang mana dia bertanya kepada manusia untuk memberikan pendapat. Sa'sa'ah, ketika itu seorang remaja, berdiri dan memperjelaskan keseluruhan kerumitannya dan kemudian memberikan pendapat yang mana kemudiannya telah diterima sebulat suara. Ini tidak seharusnya memeranjatkan pembaca kerana keturunan Sawhan adalah diantara pemuka utama kaum Arab, tunggal penghormatan dan kemuliaan. Ibn Qutaybah menyebutkan mereka pada muka surat 138 pada Bab Pemuka-pemuka yang Terkenal dan Orang-orang yang Berpengaruh, di dalam bukunya *Ma`arif*. Pengarang berkata: "Keturunan Sawhan adalah Zayd ibn Sawhan, Sa'sa'ah ibn Sawhan, Sihan ibn Sawhan, dari Banu `Abd al-Qays." Dia menambah: "Zayd adalah diantara orang yang terbaik. Dia menyampaikan ini dengan berkata

bahawa Rasul [sawas] telah berkata: 'Sebenarnya Zayd adalah seorang yang baik, dan Jandab – betapa baiknya mereka ini!' Manusia bertanya: 'Mengapa baginda menyebutkan mereka ini sahaja?' Rasul menjawab: 'Tangan seorang dari mereka akan mendahului badannya memasuki syurga 30 tahun lebih awal, sedang yang seorang lagi akan mengenakan tamparan yang hebat supaya yang benar dapat dibezakan dari yang salah.' Yang pertama telah berlaku, ketika dia mengambil bahagian di dalam peperangan Jalawla' dimana tangannya telah terpotong. Beliau juga mengambil bahagian di dalam peperangan unta dipihak 'Ali (as). Dia berkata kepada Imam: 'Wahai Amirul Mukminin! Ianya kelihatan seperti saya akan menemui takdir saya.' Imam (as) bertanya kepada beliau, 'Bagaimana kamu mengetahui itu, wahai bapa Sulayman?' Dia menjawab: 'Saya telah melihat pada penglihatan saya bahawa tangan saya menjangkau dari syurga untuk membawa saya dari dunia ini.' Dia telah dibunuh oleh 'Amr ibn Yathribi, sedangkan saudaranya Sihan telah terbunuh di dalam peperangan unta."

Ianya bukanlah suatu rahsia bahawa ramalan Rasul mengenai tangan Zayd mendahului keseluruhan badannya pada memasuki syurga, bahkan ianya telah dianggap oleh semua Muslim sebagai pengeshan terhadap kerasulannya, satu tanda kebenaran bagi agama Islam dan pengenalan kepada manusia yang benar. Semua penulis biografi Zayd telah menyebutkannya.. Rujuklah kepada biografinya di dalam *Al-Isti'ab*, *Al-Isabah*, dan yang lainnya. Tradisionis telah merakamkan yang diatas, setiap mereka dengan perkataan mereka tersendiri, dengan tambahan bahawa walaupun beliau seorang Shi'a beliau telah dijanjikan dengan syurga; maka segala pujian bagi Tuhan sekalian alam.

Al-'Asqalani menyebut Sa'sa'ah ibn Sawhan di dalam Bahagian 3 dari bukunya *Isaba*, dengan berkata: "Beliau menyampaikan tradisi mengenai 'Uthman dan 'Ali (as). Beliau telah mengambil bahagian di dalam peperangan Siffin dipihak 'Ali's. Beliau seorang pemidato yang fasih yang berdepan dengan Mu'awiyah." Al-Sha'bi telah berkata: "Saya pernah belajar cara-cara untuk menyampaikan syarahan dari beliau." [9] Abu Ishaq al-Suba'i, al-Minhal ibn 'Amr ibn Baridah, dan lainnya telah menyampaikan hadith dari beliau. Al-'Ala'i, menyebutkan pertentangan Ziyad, dengan berkata bahawa al-Mughirah mengusir Sa'sa'ah, menurut dari perintah yang diterima dari Mu'awiyah, dari Kufa ke Jazirah, atau ke Bahrain (sebahagian ahli sejarah mengatakan ke pulau Ibn Fakkan), dimana beliau telah meninggal di dalam buangan sama seperti Abu Tharr al-Ghifari yang telah meninggal sebelum beliau di Gurun Rabbatha (selatan Iraq). Al-Thahbi menyebut Sa'sa'ah dan menerangkan beliau sebagai "tradisionis yang terkenal lagi dipercayai," menyatakan testimoni terhadap kejujurannya dari Ibn Sa'd and Nisa'i, dan memberi tanda nama beliau untuk menunjukkan bahawa al-Nisa'i bergantung kepada penyampaiannya. Sesiapa yang tidak bergantung kepada penyampaiannya, yang sebenarnya tidak menganiaya sesiapa melainkan terhadap dirinya sendiri, seperti mana al-Quran telah mengatakan: 'Kami tidak menganiaya sesiapa; mereka telah menganiaya diri mereka sendiri."

#### **43. Tawus ibn Kisan al-Khawlani al-Hamadani al-Yamani**

Beliau adalah bapa 'Abdul-Rahman. Ibunya seorang Farsi, dan bapanya adalah Ibn Qasit, seorang hamba Namri bagi Bajir ibn Raysan al-Himyari. Intelék Sunni menganggap beliau seorang Shi'a tanpa sebarang soalan. Diantara pemuka-pemuka Shi'a, al-Shahristani menyebut beliau di dalam bukunya *Al-Milal wal-Nihal*, dan Ibn Qutaybah di dalam bukunya *Al-Ma'arif*. Pengarang dari enam buku sahih, begitu juga yang lain, semuanya telah bergantung pada penyampaiannya. Rujuk kepada hadith beliau di dalam kedua sahih dimana beliau menyebutkan dari Ibn 'Abbas, Ibn 'Umer dan Abu Hurayrah, dan di dalam sahih Muslim dimana beliau menyebut dari 'Ayesha, Zayd ibn Thabit, dan 'Abdullah ibn 'Umer. Hadith beliau telah dirakamkan di dalam sahih Bukhari sahaja yang disampaikan oleh al-Zuhri, dan di dalam Muslim oleh ramai tradisionis yang terkenal. Beliau meninggal di Makah semasa hendak menunaikan fardhu haji, satu hari sebelum hari Tarwiyah (i.e.pada 7th Thul-Hijjah), dalam tahun sama ada 104 atau 106 H. Perkebumiannya mendapat perhatian umum. Keranda beliau telah dipikul oleh 'Abdullah anak lelaki al-Hasan anak lelaki Amirul Mukminin (as). Dia sedang berebut-rebut dengan yang lain untuk memikulnya, sehinggakan tutup kepalanya jatuh, dan pakaiannya koyak dibahagian belakang oleh kesesakkan, seperti yang disampaikan oleh Ibn Khallikan di dalam buku biografinya bagi Tawus di dalam *Wafiyat al-A'yan*.

#### **44. Zalim ibn 'Amr ibn Sufyan, Abul-Aswad al-Du'ali**

Beliau seorang Shi'a dan taat mematuhiya semasa *wilayat* Imams 'Ali, al-Hasan dan al-Husayn, begitu juga dengan yang lainnya dari ahli Ahlul al-Bayt, keamanan kepada mereka semua, adalah lebih jelas dari sinaran matahari itu sendiri dan tidak memerlukan kepada pembuktian.[10] Kami telah memperkatakannya dengan mendalam di dalam hasil kerja kami *Mukhtasar al-Kalam fi Muallifi al-Shi'a min Sadr al-Islam*. Beliau adalah seorang Shi'a tiada siapa yang mempertikaikannya. Walaupun terdapat ini semua, pengarang enam buku sahih kesemuanya bergantung kepada penyampaiannya. Rujuk kepada hadith beliau mengenai 'Umer ibn al-Khattab di dalam sahih Bukhari. Di dalam Muslim hadith beliau telah disampaikan oleh Abu Musa dan 'Umar ibn al-Hasan. Di dalam kedua buku sahih, hadith beliau telah disampaikan oleh Yahya ibn Ya'mur. Di dalam Bukhari, 'Abdullah ibn Buraydah telah menyebutkan beliau, dan di dalam Muslim, hadith beliau telah disampaikan oleh anak lelakinya Abu Harb. Dia meninggal, semoga Allah merahmatinya, ketika berumur 85 tahun di Basrah pada tahun 99 H. oleh wabak yang menyerang kota tersebut. Beliau adalah yang meletakkan asas pada nahu arab menurut tata cara yang dipelajarinya dari Amirul Mukminin [as] sebagaimana kami telah terangkan di dalam buku kami *Al-Mukhtasar*.

#### **45. 'Amr ibn Wa'ilah ibn 'Abdullah ibn 'Umer al-Laithi al-Makki**

Juga dikenali sebagai Abul-Tufayl, beliau telah dilahirkan pada tahun yang sama berlakunya peperangan Uhud i.e. 3.H. Beliau selama lapan tahun berada semasa dengan Rasul [sawas]. Ibn Qutaybah telah memuatkan beliau diantara yang dipanggilnya 'pelampau Rafidis,' mengatakan bahawa beliau adalah pembawa panji-panji al-Mukhtar dan para sahabat yang terakhir mati. Ibn `Abd al-Birr telah menyebut beliau di dalam Bab *kunayat* di dalam bukunya Isti'ab dengan berkata, "Beliau tinggal di Kufa dan beliau bersama `Ali (as) di dalam semua peperangan. Apabila `Ali (as) telah dibunuh, beliau pergi ke Makah." Dia mengakhirkannya dengan berkata, "Beliau seorang terhormat dan bijak, pantas pada memberikan jawapan yang betul, fasih. Beliau juga adalah seorang dari Shi'a `Ali [as]" Dia juga menunjukkan bahawa 'Suatu ketika Abul-Tufayl menemui Mu'awiyah dan dia bertanya kepada beliau: 'Untuk berapa lama kamu berkabung diatas kematian sahabat kamu Bapa al-Hasan (as)?' Beliau menjawab: 'Saya bersedih sebanyak mana ibu Musa bersedih ketika berpisah dengan anaknya, dan saya mengadu kepada Allah diatas kekurangan saya.' Mu'awiyah bertanya kepada beliau: 'Adakah kamu diantara mereka yang mengenakan kepongian dirumah `Uthman?' Dia menjawab: 'Tidak; tetapi saya ada menziarahi dia.' Kemudian Mu'awiyah bertanya lagi: 'Apa yang menghalang kamu dari menyelamatkan dia?' Dia membidas: 'Bagaimana pula dengan kamu? Apa yang menghalang kamu dari melakukan itu apabila kematian telah pasti akan berlaku kepada dia, sedang kamu berada di Syria, seorang ketua diantara orang-orang suruhannya?!' Mu'awiyah menjawab: 'Tidakkah kamu lihat bahawa membalas dendam adalah petunjuk terhadap sokongan saya?' `Amir kemudian memberitahu Mu'awiyah bahawa dia bertindak sama seperti apa yang dikatakan di dalam syair yang digubah oleh saudara Ju'f, seorang penyair dimana dia berkata: 'Kamu menanggisi kematian ku, bahkan ketika aku hidup, kamu tidak langsung menghilangkan kelaparan yang aku tanggung.'

Al-Zuhri, Abul-Zubair, al-Jariri, Ibn Abul-Hasin, `Abdul-Malik ibn Abjar, Qatadah, Ma`ruf, al-Walid ibn Jami`, Mansur ibn Hayyan, al-Qasim ibn Abu Bardah, `Amr ibn Dinar, `Ikremah ibn Khalid, Kulthum ibn Habib, Furat al-Qazzaz, dan `Abdul-Aziz ibn Rafi` telah menyampaikan hadith beliau seperti mana terdapat di dalam buku sahih Muslim dan Bukhari. Kerja-kerja Bukhari mengandungi tradisi Rasul [sawas] mengenai haji yang disampaikan oleh Abul-Tufayl. Beliau menerangkan kerekeristik Rasul, dan beliau menyampaikan mengenai ibadah dan tanda-tanda kerasulan dari Ma'ath ibn Jabal, dan beliau menyampaikan mengenai ketentuan dari `Abdullah ibn Mas'ud. Beliau sampaikan dari `Ali (as), Huthayfah ibn al-Yemani, `Abdullah ibn `Abbas dan `Umer ibn al-Khattab, seperti mana yang telah diketahui oleh semua penyelidik hadith Muslim selain daripada pengarang Musnad. Abul-Tufayl, semoga Allah merahmati ruhnya, telah meninggal di Makah pada tahun 100 H. (sebahagian mengatakan pada tahun 102, sedang yang lain mengatakan 120), dan Allah lebih mengetahui.

#### **46. `Abbad ibn Ya`qub al-Asadi al-Ruwajni al-Kufi**

Beliau telah disebutkan oleh Dar Qutni yang mengatakan, "'Abbad ibn Ya`qub adalah Shi'a yang jujur" Ibn Hayyan menyebut beliau dan berkata, "'Abbad ibn Ya`qub pernah mempelawa manusia kepada Rafidism." Ibn Khuzaymah berkata, "'Abbad ibn Ya`qub adalah seorang yang mana tradisinya tidak diragukan, walaupun pegangan kepercayaannya dipersoalkan, etc." `Abbad menyampaikan dari al-Fadl ibn al-Qasim, Sufyan al-Thawri, Zubayd, Murrah, bahawa Ibn Mas'ud pernah menterjemahkan ayat "Allah telah menyelamatkan yang beriman dari berperang" (Qur'an, 25:33) untuk menunjukkan bahawa mereka telah diselamatkan dari memerangi `Ali. Dia menyebut dari Sharik, `Asim, Tharr, dari `Abdullah yang telah mengatakan bahawa Rasul Allah [sawas] telah berkata: "Apabila kamu melihat Mu'awiyah diatas mimbar ku, bunuhlah dia." Hadith ini telah dirakamkan oleh Tabari dan lainnya. `Abbad berkata bahawa sesiapa yang tidak menyebutkan di dalam doa harian mereka bahawa dia melepaskan diri dari musuh keturunan Rasul [as] akan dibangkitkan di dalam golongan mereka. Dia juga mengatakan, "Allah awj adalah terlalu adil untuk membenarkan Talhah dan al-Zubayr memasuki syurga, mereka telah memerangi `Ali setelah memberikan sumpah setia mereka kepadanya." Salih al-Jazrah telah berkata: "'Abbad ibn Ya`qub pernah menolak `Uthman." `Abbad al-Ahwazi menyebutkan dari penyampai yang dipercayainya berkata bahawa `Abbad ibn Ya`qub pernah menolak keturunan 'mereka'. Walaupun terdapt semua ini, para Imams Sunni seperti al-Bukhari, al-Tirmithi, Ibn Majah, Ibn Khuzaymah, dan Ibn Abu Dawud bergantung kepada penyampaiannya, penasihat mereka, kepada beliau mereka telah memberikan sepenuh kepercayaan.

Walaupun dengan perjudis dan penolakkannya, Abu Hatim telah menyebutkan beliau dan berkata bahawa beliau adalah shaykh yang dipercayai. Al-Thahbi menyebut beliau di dalam bukunya *Al-Mizan* dan berkata, "Beliau adalah seorang pelampau Shi'a, ketua pembuat bid'ah; tetapi jujur apabila menyampaikan hadith." Dia terus menyebutkan seperti yang telah diperkatakan diatas mengenai pandangan `Abbad. Al-Bukhari menyebut dari beliau secara terus ketika membincangkan *tawhid* di dalam sahihnya. Dia meninggal, semoga Allah mencucuri rahmat keatasnya, di dalam bulan Shawwal 150 H. Al-Qasim ibn Zakariyyah al-Mutarraz dengan sengaja telah salah sampaikan kenyataan `Abbad mengenai menggali laut dan aliran airnya, dan kami berlindung dengan Allah dari berkata dusta mengenai mereka yang beriman; sesungguhnya Dialah yang menggagalkan rencana mereka.

#### **47. `Abdullah ibn Dawud**

Beliau adalah bapa kepada `Abdul-Rahman al-Hamadani al-Kufi. Beliau tinggal di Al-Harbiyya, di pinggir Basrah. Qutaybah telah menjumlahkan beliau diantara personaliti Shi'a yang terkemua di dalam bukunya *Al-Ma'arif*, dan al-Bukhari telah bergantung kepada penyampaiannya di dalam buku sahihnya. Rujuk kepada hadith beliau dari al-A'mash, Hisham ibn `Urwah dan Ibn Jurayh. Hadith beliau telah disampaikan di dalam sahih Bukhari oleh Musaddid, `Amr ibn `Ali, dan, disebahagian tempat oleh Nasr ibn `Ali. Dia meninggal pada tahun 212.



#### 48. `Abdullah ibn Shaddad ibn al-Had

Nama penuh Al-Had adalah Usamah ibn `Abdullah ibn Jabir ibn al-Bashir ibn `Atwarah ibn `Amir ibn Malik ibn Laith al-Laithi al-Kufi Abul-Walid, seorang sahabat Amirul Mukminin (as). Ibu beliau adalah Salma anak perempuan `Amis al-Khayth`ami, adik kepada Asma'. Dia adalah sepupu dari pihak ibu kepada `Abdullah ibn Ja'fer dan Muhammad ibn Abu Ja'fer, dan abang kepada `Amara anak perempuan Hamzah ibn `Abdul-Muttalib dari pihak ibu. Ibn Sa'd memuatkan beliau diantara penduduk Kufa yang amat terkenal dengan ilmu fiqh dan berpengetahuan dan tergolong di dalam *tabi'in*. Pada penutup biografinya, pengarang mengatakan di muka surat 86 di Vol. 6 dari bukunya *Tabaqat*. "Semasa pemerintahan `Abdul-Rahman ibn Muhammad ibn al-Ash'ath, `Abdullah ibn Shaddad adalah diantara mereka yang membaca al-Quran secara hafalan dan memerangi al-Hajjaj, dan beliau terbunuh semasa peperangan Dujail." Dia juga berkata, "Beliau adalah salah seorang faqih yang jujur yang telah menyampaikan banyak hadith, dan beliau adalah seorang Shi'a." Peperangan yang dirujuk diatas berlaku di dalam tahun 81 H. Semua pengarang buku sahih telah bergantung pada penyampaian `Abdullah ibn Shaddad. Hadith beliau telah disampaikan oleh Ishaq al-Shaybani, Ma'bid ibn Khalid dan Sa'd ibn Ibrahim. Hadith mereka dari `Abdullah ibn Shaddad terdapat di dalam kedua buku sahih dan juga yang lainnya, sebagai tambahan kepada semua Musnad. Al-Bukhari dan Muslim menyebutkan hadith beliau seperti disampaikan dari `Ali (as), Maymuna dan `Ayesha.

#### 49. `Abdullah ibn `Umer ibn Muhammad ibn Aban ibn Salih ibn `Umayr al-Qarashi al-Kufi

Beliau juga dikenali sebagai Mishkadanah, beliau adalah penasihat kepada Muslim, Abu Dawud, al-Baghwi, dan ramai lagi mereka yang terkenal dan semuanya telah mempelajari hadith dari beliau. Abu Hatim telah menyebut beliau dengan mengatakan tentang kejujurannya. Dia menyebutkan hadith dari beliau dan mengatakan bahawa beliau adalah Shi'a. Salih ibn Muhammad ibn Jazrah telah menyebut beliau dan berkata bahawa beliau adalah 'pelampau' Shi'a. Walaupun terdapat semua ini, `Abdullah ibn Ahmed telah menyampaikan hadith bari bapanya. Abu Hatim menyatakan bahawa Mishkadanah seorang yang boleh dipercayai. Al-Thahbi telah menyebut beliau di dalam *Al-Mizan*, menerangkan beliau sebagai "seorang yang jujur yang telah mempelajari banyak hadith dari al-Mubarak, al-Dar Wardi, dan kumpulan ulama dari golongan mereka. Muslim, Abu Dawud, al-Baghwi dan ramai yang lain telah merakamkan banyak hadith dari beliau." Dia telah memberi tanda nama beliau dengan singkatan nama Muslim dan Abu Dawud, menunjukkan dengannya bahawa mereka bergantung kepada hadithnya, dan menyebutkan apa yang ulama diatas telah katakan mengenai beliau. Dia juga telah mengatakan bahawa beliau telah meninggal dalam tahun 239 H. Rujuk kepada hadith beliau di dalam Sahih Muslim seperti yang disampaikan melalui `Abdah ibn Sulayman, `Abdullah ibn al-Mubarak, `Abdul-Rahman ibn Sulayman, `Ali ibn Hashim, Abul-Ahwas, Husayn ibn `Ali al-Ju'fi dan Muhammad ibn Fudayl. Di dalam bab mengenai dengan penyebab-penyebab pada perpecahan, Muslim menyebut hadith dari beliau secara terus. Abul-`Abbas al-Sarraj telah berkata bahawa beliau meninggal dalam tahun 238 atau 237 H.

#### 50. `Abdullah ibn Lahi'ah ibn `Uqbah al-Hadrami, seorang kadi dan ulama Mesir

Di dalam bukunya *Ma'arif*, Ibn Qutaybah telah memuatkan beliau diantara shaykh yang terkenal. Di dalam biografi `Abdullah ibn Lahi'ah, di dalam *Al-Mizan nya*, Ibn `Adi telah menerangkan beliau sebagai 'pelampau Shi'a' Menyebut dari Talhah, Abu Ya'li, mereka telah berkata: "Abu Lahi'ah telah berkata: `Hay ibn `Abdullah al-Ghafari telah menyampaikan melalui penyampaian Abu `Abdullah Rahman al-Hibli dari `Abdullah ibn `Umer bahawa ketika baginda sakit (yang membawa kepada kewafataannya), Rasul Allah [sawas] memberitahu kami untuk memanggil adiknya. Kami bawakan kepada beginda Abu Bakr, tetapi baginda berpaling darinya dan berkata: `Saya telah meminta untuk dibawa adik saya'. Kami kemudian bawakan `Uthman, tetapi sekali lagi Rasul Allah [sawas] berpaling darinya. `Ali (as) kemudiannya telah dibawa kepada baginda. Baginda menutupnya dengan jubah dan miringkan kepada baginda kepada bahu beliau untuk seketika lamanya [seakan baginda membisik sesuatu ketelinga beliau]. Apabila `Ali telah beredar, manusia bertanya kepada beliau: `Apakah yang Rasul [sawas] telah katakan kepada kamu?' Beliau menjawab: `Baginda mengajarkan kepada ku seribu bab dan setiap bab membawa kepada seribu seksen."

Al-Thahbi menyebut beliau di dalam *Al-Mizan nya*, menandakan nama beliau dengan DTQ untuk menunjukkan siapakan diantara pengarang buku sahih yang menyebutkan dari beliau [i.e. Abu Dawud, al-Tirmithi, dan Dar Qutni. Rujuklah kepada hadith beliau di dalam sahih al-Tirmithi, Abu Dawud dan semua *musnads*. Ibn Khallikan sangat menyanjung beliau di dalam *Wafiyat al-A'yan*. Rujuklah kepada hadith beliau di dalam Sahih Muslim seperti yang disampaikan oleh Yazid ibn Abu Habib. Di dalam bukunya *Al-Jam' Bayna Kitabay Abu Nasr al-Kalabathi wa Abu Bakr al-Asbahani* [Penyusunan kedua buah buku dari Abu Nasr al-Kalabathi dan Abul-Faraj al-Asbahani, al-Qaysarani memuatkan beliau diantara penyampai yang dipercayai oleh Bukhari and Muslim. Ibn Lahi'ah meninggal pada hari Ahad pertengahan Rabi'ul Akhir, 174 H.

#### 51. `Abdullah ibn Maymun al-Qaddah al-Makki

Seorang sahabat Imam Ja'fer ibn Muhammad al-Sadiq (as), penyampaian beliau telah digunakan oleh al-Tirmithi. Al-Thahbi menyebut beliau dan menandakan nama beliau dengan singkatan al-Tirmithi sebagai petunjuk bahawa yang kemudian menyebutkan hadith dari beliau. Dia menambah dengan berkata bahawa beliau menyampaikan hadith yang disampaikan oleh Imam Ja'fer ibn Muhammad al-Sadiq (as), dan dari Talhah ibn `Umer.

#### 52. `Abdul-Rahman ibn Salih al-Azdi

Nama beliau adalah Abu Muhammad al-Kufi. Pelajar dan juga sahabat beliau `Abbas al-Duri berkata bahawa beliau seorang Shi'a. Ibn `Adi menyebutnya dan berkata, "Beliau telah terbakar di dalam api Shi'a." Salih Jazrah berkata bahawa `Abdul-Rahman pernah menentang `Uthman. Abu Dawud berkata bahawa `Abdul-Rahman telah menyusun sebuah buku mengandungi kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh sebahagian para sahabat Rasul [sawas], dan bahawa beliau adalah seorang yang keji. Walaupun terdapat ini semua keduanya `Abbas al-Duri dan Imam al-Baghwi menyampaikan hadith beliau. Al-Nisa'i juga menyebut darinya. Al-Thahbi telah merujuk kepada beliau di dalam *Al-Mizan nya* dan menandakan nama beliau dengan singkatan al-Nisa'i sebagai petunjuk bahawa yang kemudian telah bergantung kepada beliau. Dia juga telah menyebutkan apa yang para Imams (diantara para Sunnis) telah katakan mengenai beliau seperti tertulis diatas. Dia menunjukkan bahawa Ma'in mempercayai kepada beliau, dan beliau meninggal pada tahun 235. Rujuklah kepada hadith beliau di dalam buku Sunan seperti yang disampaikan melalui Sharik dan kumpulan terkemuka lainnya.

### 53. `Abdul-Razzaq ibn Humam ibn Nafi` al-Himyari al-San`ani

Seorang dari pemuka Shi'a dan dari keturunan yang dihormati, beliau telah dijumlahkan oleh Ibn Qutaybah diantara yang terkemuka Shi'a di dalam *Ma'arif*. Ibn al-Athir, pada muka surat 137, Vol. 6, dari bukunya *Al-Tarikh Al-Kamil*, menyebutkan kematian `Abdul-Razzaq pada penghujung peristiwa di dalam tahun 211 H. iaitu: "Dalam tahun itu, ahli tradisionis `Abdul-Razzaq ibn Humam al-San`ani, seorang dari penasihat Ahmed, yang Shi'a telah meninggal." Al-Muttaqi al-Hindi menyebut beliau ketika membincangkan hadith no 5994 di dalam bukunya *Kanz al-Ummal*, pada muka surat 391, Vol. 6, mengatakan bahawa beliau adalah Shi'a. Al-Thahbi, di dalam *Al-Mizan*, berkata, "'Abdul-Razzaq ibn Humam ibn Nafi`, penasihat Abu Bakr al-Himyari, adalah seorang Shi'a, seorang pembesar San'a, adalah seorang tradisionis yang amat dipercayai diantara semua ulama." Dia menyampaikan biografi beliau dan menambah: "Beliau mempunyai banyak penulisan, mengarang [khususnya] *Al-Jami` Al-Kabir*. Beliau adalah pemelihara pengetahuan yang dicari oleh ramai manusia, seperti Ahmed, Ishaq, Yahya, al-Thahbi, al-Ramadi, dan `Abd." Dia membincangkan kerekter beliau dan menyebut al-`Abbas ibn `Abdul-Azim, yang menuduh beliau sebagai penipu. Dia menyatakan bahawa al-Thahbi telah menolak tuduhan yang sedemikian. Dia berkata, "Bukan sahaja Muslim, tetapi semua mereka yang telah menghafal hadith telah bersetuju dengan al-`Abbas, sedangkan para Imams yang berpengetahuan bergantung kepada penyampaian beliau." Dia terus menyampaikan biografi beliau, dengan menyebut dari al-Tayalisi sebagai berkata: "Saya telah mendengar Ibn Ma'in mengatakan sesuatu yang darinya saya telah yakin bahawa `Abdul-Razzaq adalah seorang Shi'a. Ibn Ma'in bertanya kepadanya: 'Guru kamu seperti Mu'ammarr, Malik, Ibn Jurayh, Sufyan, al-Awza'i, semuanya adalah Sunnis. Dimana kamu belajar golongan Shi'ism?' Dia menjawab: 'Ja'fer ibn Sulayman al-Zab'i suatu ketika datang melawat, dan saya dapati beliau amat dihormati dan mendapat petunjuk yang benar, dari itu saya mempelajari Shi'ism dari beliau.'"

`Abdul-Razzaq, seperti yang disebutkan diatas, dalam kenyataan dimana beliau berkata bahawa beliau adalah seorang Shi'a menunjukkan bahawa beliau telah mempelajari Shi'ism dari Ja'fer al-Zab'i, tetapi Muhammad ibn Abu Bakr al-Muqaddimi memikirkan bahawa Ja'fer al-Zab'i sendiri yang telah mempelajari Shi'ism dari `Abdul-Razzaq. Bahkan dia menolak `Abdul-Razzaq atas sebab ini. Di dalam *Al-Mizan*, dia telah disebutkan sebagai berkata, "Saya harap saya telah kehilangan `Abdul-Razzaq untuk selamanya. Tiada siapa yang telah merosakkan kepercayaan Ja'fer selain dari dia." Kerosakkan yang dia maksudkan adalah Shi'ism!

Ibn Ma'in sangat bergantung kepada penyampaian `Abdul-Razzaq, walaupun dia telah mengatakan bahawa beliau adalah seorang Shi'a seperti yang dinyatakan diatas. Ahmed ibn Abu Khaythamah, seperti di dalam biografi Abdel-Razzaq di dalam *Al-Mizan*, telah berkata, "Ianya telah dikatakan kepada Ibn Ma'in bahawa Ahmed berkata bahawa `Ubaydullah ibn Musa menolak hadith `Abdul-Razzaq kerana beliau adalah seorang Shi'a. Maka Ibn Ma'in menjawab: 'Saya bersumpah dengan Allah, Tuhan yang Esa, bahawa `Abdul-Razzaq lebih utama 100 kali dari `Ubaydullah, dan saya telah mendengar hadith `Abdul-Razzaq dan mendapatinya lebih banyak berjilid-jilid dari yang dipunyai `Ubaydullah.'" Juga di dalam biografi `Abdel-Razzaq di dalam *Al-Mizan*, Abu Salih Muhammad ibn Isma'il al-Dirari telah disebutkan sebagai berkata, "Ketika kami di San'a, tetamu `Abdul-Razzaq, kami mendengar bahawa Ahmed dan Ibn Ma'in, bersama dengan yang lainnya, telah menolak hadith `Abdul-Razzaq, atau mengatakan tidak suka kepadanya, kerana tradisionis adalah seorang Shi'a. Berita itu amat menyedihkan kami. Pada fikiran kami bahawa kami telah membelanjakan wang yang banyak dan bersusah payah untuk datang kesini, semuanya adalah sia-sia sahaja. Kemudian saya bersama dengan rombongan haji yang hendak menuju ke Makah dimana saya bertemu dengan Yahya dan bertanyakan beliau mengenai isu tersebut. Dia, sebagaimana tersebut di dalam biografi `Abdel-Razzaq di dalam *Al-Mizan*, berkata: 'Wahai Abu Salih! Walaupun jika `Abdul-Razzaq meninggalakan Islam sama sekali, janganlah kita menolak hadith darinya.'"

Ibn `Adi telah menyebut beliau dan berkata: "'Abdul-Razzaq telah menyampaikan hadith mengenai kemuliaan, tetapi tiada siapa yang mengesahkannya.[11] Beliau juga menyenaraikan kesalahan-kesalahan orang tertentu, pandangannya telah ditolak oleh yang lain;[12] lebih-lebih lagi beliau dipercayai adalah seorang Shi'a."

Walaupun terdapat semua ini, Ahmed ibn Hanbal telah ditanyakan suatu ketika, seperti tertulis di dalam biografi `Abdel-Razzaq di dalam *Al-Mizan*, sama ada dia mengetahui mana-mana hadith yang lebih baik dari yang disampaikan oleh `Abdul-Razzaq, dan jawapannya adalah negatif. Ibn al-Qaysarani menyatakan pada penghujung biografi `Abdul-Razzaq di dalam bukunya *Al-Jami` Bayna Rijalul Sahihain*, menyebut dari Imam Ahmed ibn Hanbal sebagai berkata, 'Jika manusia mempertikaikan hadith Mu'ammarr, maka penyelesaiannya yang terakhir adalah `Abdul-Razzaq.' Mukhlid al-Shu'ayri berkata bahawa dia suatu ketika berada di dalam kumpulan `Abdul-Razzaq apabila seseorang menyebut Mu'awiyah. `Abdul-Razzaq, seperti yang disebutkan di

dalam biografinya di dalam *Al-Mizan*, kemudian berkata: "Janganlah merosakkan perjumpaan kita dengan menyebutkan keturunan Abu Sufyan." Zayd ibn al-Mubarak telah berkata: "Kami berada di dalam kumpulan 'Abdul-Razzaq suatu ketika apabila kita memperkatakan hadith ibn al-Hadthan. Iaitu apabila 'Umer's berkata kepada 'Ali dan al-'Abbas: 'Kamu (i.e. 'Abbas) telah datang untuk meminta warisan sepupu kamu [Rasul [sawas] sedangkan orang ini (i.e. 'Ali) telah datang untuk meminta warisan isterinya dari bapanya, telah dibacakan, 'Abdul-Razzaq, sebagaimana yang dinyatakan di dalam biografinya *Al-Mizan*, berkata: 'Hentikanlah yang sungguh memalukan ini, manusia yang biadap sahaja yang menggunakan 'sepupu' dan 'bapa' sepatutnya Rasul Allah [sawas]!"

Walaupun dengan semua ini, kesemua penyusun Hadith telah merakamkan hadith beliau dan bergantung kepada penyampaiannya. Malah telah diperkatakan, sebagaimana yang dikatakan oleh Ibn Khallikan di dalam *Wafiyat al-A'yan*, bahawa manusia tidak pergi kepada sesiapa selepas Rasul [sawas] sebegitu kerap seperti yang mereka lakukan kepada 'Abdul-Razzaq's. Beliau telah disebutkan oleh Imam yang sezaman dengannya seperti Sufyan ibn 'Ayyin, adalah diantara para-para penasihat-penasihat. 'Abdul-Razzaq sendiri adalah seorang darinya, Ahmed ibn Hanbal, Yahya ibn Ma'in, dan lain lagi.

Rujuklah kepada hadith beliau di dalam semua buku Sahih, dan juga Musnad, yang mana mengandungi sebahagian dari hadith beliau. Beliau telah dilahirkan, semoga Allah merahmati ruhnyanya, pada tahun 211 H. Beliau adalah sezaman dengan Abu 'Abdullah Imam al-Sadiq (as) untuk selama 20 tahun.[13] Beliau meninggal semasa permulaan Imamate bagi Imam Abu Ja'fer al-Jawad (as), sembilan tahun sebelum Imam wafat.[14] semoga Allah membangkitkan beliau bersama dengan para Imam ini yang beliau telah berkhidmat kepada mereka [as], adalah untuk mencari keridhaan kepada Allah.

#### 54. 'Abdul-Malik ibn 'Ayan

Beliau adalah adik kepada Zararah, Hamran, Bakir, 'Abdul-Rahman, Malik, Musa, Daris, dan Umm al-Aswad, semuanya keturunan 'Ayan, dan semuanya adalah pemuka Shi'as. Mereka telah memenangi piala kemuliaan pada berkhidmat terhadap sharia' Islam, dan telah menghasilkan keturunan yang mulia lagi dihormati yang patuh kepada golongan dan pandangan agama mereka.

Al-Thahbi menyebut 'Abdul-Malik di dalam *Al-Mizan*, menyebut dari Abu Wa'il dan lainnya yang menyebut Abu Hatim sebagai berkata bahawa beliau telah menyampaikan hadith-hadith yang sahih, dan bahawa Ma'in telah berkata tidak terdapat sebarang kesalahan dengan hadith-hadith beliau, sedangkan penyampai yang lain mengesahkannya: Maka beliau adalah jujur, tetapi Rafidi, juga." Ibn Ayyin telah berkata: "'Abdul-Malik, seorang Rafidi, telah menyampaikan hadith kepada kami." Abu Hatim berkata bahawa beliau adalah dikalangan yang mula-mula untuk mempercayai Islam Shi'a, dan bahawa hadith beliau adalah sahih. Keduanya, Sufyans telah menyampaikan hadith beliau dan penyampai yang lain telah menyampaikan dengan lebih sempurna susunannya.

Di dalam buku *Al-Jami' Bayna Rijalul Sahihain*, Ibn al-Qaysarani, seperti yang disebutkan oleh Sufyan ibn 'Ayyin, mempunyai sesuatu untuk mengatakan mengenai beliau: "'Abdul-Malik ibn 'Ayan, adik kepada Hamran al-Kufi, adalah seorang Shi'a yang mana hadithnya mengenai *tawhid* dirakamkan oleh Bukhari seperti yang disampaikan oleh Abu Wa'il, dan mengenai *iman* seperti yang dirakamkan di dalam Muslim."

Beliau meninggal ketika era Imam al-Sadiq (as) yang mendoakan supaya rahmat Allah dicurci kepadanya. Abu Ja'fer ibn Babawayh telah menyampaikan bahawa Imam al-Sadiq (as), bersama dengan pengikutnya menziarahi pusara beliau di Madina. Semoga beliau dikurniakan ganjaran yang baik dan hidup aman selamanya.

#### 55. 'Ubaydullah ibn Musa al-'Abasi al-Kufi

Beliau adalah penasihat al-Bukhari, seperti yang diakuinya sendiri pada muka surat 177 dari buku Sahihnya. Ibn Qutaybah telah memasukkan beliau diantara ahli tradisionis di dalam hasil kerjanya *Al-Ma'arif*, dengan mengatakan bahawa beliau adalah seorang Shi'a. Apabila dia menyebut semula semua ahli terkemuka Shi'a di dalam bab pada menyebutkan golongan-golongan di muka surat 206 dari bukunya *al-Ma'arif*, dia menjumlahkan 'Ubaydullah diantara mereka. Pada muka surat 279, Vol. 6, dari buku *Tabaqat*, Ibn Sa'd menyatakan biografi 'Ubaydullah dengan tidak lupa untuk menyatakan bahawa beliau adalah Shi'a, dan bahawa beliau menyampaikan hadith pada menyokong Shi'ism, dari itu menurut Ibn Sa'd, telah melemahkan hadithnya pada mata orang ramai. Dia juga menambah bahawa 'Ubaydullah juga amat faham dengan al-Quran yang suci. Dia merakamkan pada muka surat 139, Vol. 6, dari bukunya *Al-Kamil* tarikh beliau meninggal pada penghujung peristiwa yang berlaku dalam tahun 213 H., dengan mengatakan: "'Ubaydullah ibn Musa al-'Abasi, seorang ahli perundangan agama, adalah seorang Shi'a yang telah mengajar al-Bukhari, seperti yang diakui oleh dia sendiri di dalam Sahihnya." Al-Thahbi menyebut beliau di dalam *Al-Mizan* dengan berkata, "Ubaydullah ibn Musa al-'Abasi al-Kufi, adalah penasihat al-Bukhari, adalah tidak dipertikaikan lagi akan kejujuran beliau, tetapi beliau adalah juga seorang Shi'a yang menyeleweng." Bahkan pengarangnya mengakui bahawa keduanya Abu Hatim dan Ma'in telah mempercayai hadith beliau. Dia berkata, "Abu Hatim telah berkata bahawa hadith yang disampaikan oleh Abu Na'im adalah lebih sahih, bahkan 'Ubaydullah adalah lebih sahih dari mereka semua apabila tiba pada hadith yang disampaikan oleh Isra'il."

Ahmed ibn 'Abdullah al-Ajli telah berkata, "'Ubaydullah ibn Musa mempunyai pengetahuan mendalam mengenai al-Quran, telah menyampaikan banyak darinya. Saya tidak pernah melihat beliau sombong atau bangga dan beliau tidak pernah dilihat ketawa terbahak-bahak." Abu Dawud berkata, "'Ubaydullah ibn al-'Abasi adalah seorang pengikut Shi'a yang kuat." Pada penghujung biografi Matar ibn Maymun di dalam *Al-Mizan*, al-Thahbi mengatakan: "'Ubaydullah, seorang Shi'a yang dipercayai." Ibn Ma'in pernah belajar hadith dari

`Ubaydullah ibn Musa dan `Abdul-Razzaq, setelah dia mengetahui bahawa keduanya adalah Shi'a. Di dalam buku al-Thahbi *Al-Mizan*, ketika menuliskan biografi `Abdul-Razzaq, pengarang menyebutkan dari Ahmed ibn `Ali Khaythamah sebagai berkata, "Saya bertanya kepada Ibn Ma'in berkaitan dengan apa yang saya dengar mengenai penolakan Ahmed terhadap hadith `Ubaydullah ibn Musa's kerana beliau adalah seorang Shi'a. Ibn Ma'in menjawab: "Saya bersumpah dengan Allah, yang tiada sekutu bagiNya, bahawa `Abdul-Razzaq lebih utama dari `Ubaydullah seratus kali ganda, dan saya telah mendengar hadith dari `Abdul-Razzaq lebih banyak dari yang saya dengar dari `Ubaydullah."

Sunnis, sama seperti semua yang lain, bergantung pada hadith yang disampaikan oleh `Ubaydullah di dalam buku-buku Sahih mereka. Rujuklah kepada hadith beliau di dalam kedua Sahih yang disampaikan oleh Shayban ibn `Abdul-Rahman. Sahih Bukhari menyebut hadith beliau oleh al-A'mash ibn `Urwah dan Isma'il ibn Abu Khalid. Hadith beliau yang dirakamkan di dalam Sahih Muslim telah dilaporkan dari Isra'il, al-Hasan ibn Salih, dan Usamah ibn Zayd. Al-Bukhari menyebut dari beliau secara terus. Beliau juga disebutkan secara terus oleh Ishaq ibn Ibrahim, Abu Bakr ibn Abu Shaybah, Ahmed ibn Ishaq al-Bukhari, Mahmud ibn Ghaylan, Ahmed ibn Abu Sarij, Muhammad ibn al-Hasan ibn Ashkab, Muhammad ibn Khalid al-Thahbi, dan Yusuf ibn Musa al-Qattan. Muslim menyebutkan hadith beliau seperti yang dilaporkan oleh al-Hajjaj ibn al-Sha'ir, al-Qasim ibn Zakariyyah, `Abdullah al-Darmi, Ishaq ibn al-Mansur, Ibn Abu Shaybah, `Abd ibn Hamid, Ibrahim ibn Dinar, dan Ibn Namir. Al-Thahbi menyatakan di dalam *Al-Mizan* bahawa `Ubaydullah meninggal pada tahun 213 H. dan menambah, "Beliau amat terkenal dengan zuhudnya, dikagumi dan bertakwa." Beliau meninggal pada awal bulan Thul-Qi'da; semoga Allah memuliakan tempat beliau bersemadi.

#### 56. `Uthman ibn `Umayr `Abdul-Yaqzan al-Thaqafi al-Kufi al-Bijli

Beliau juga dikenali sebagai `Uthman ibn Abu Zar'ah, `Uthman ibn Qays, dan `Uthman ibn Abu Hamid. Abu Ahmed al-Zubayri berkata bahawa `Uthman percaya kepada 'kembali semula'. Ahmed ibn Hanbal berkata, "Abu Yaqzan telah terjumlah di dalam yang ditolak oleh Ibrahim ibn `Abdullah ibn Hasan." Ibn `Adi berkata yang berikut ini mengenai beliau: "Beliau telah memeluk golongan yang jahil dan percaya kepada 'kembali semula' walaupun penyampai hadith yang berkepercayaan telah menyebutkan hadith dari beliau, setelah mengetahui bahawa beliau adalah lemah." Perkara yang sebenarnya adalah, bahawa apabila ada seseorang yang hendak memperkecilkan ahli tradisi Shi'a dan memandang rendah kebolehan mereka, mereka menuduh orang-orang itu telah mengajar kepada konsep 'akan kembali semula'. Itulah yang mereka lakukan kepada `Uthman ibn `Umayr, sehinggakan bahawa Ibn Ma'in telah berkata: "Tidak terdapat sebarang kesalahan terhadap hadith `Uthman."

Walaupun terdapat banyak serangan terhadap beliau, al-A'mash, Sufyan, Shu'bah, Sharik dan ahli terkemuka lainnya tidak teragak-agak untuk menyebutkan hadith beliau. Abu Dawud, al-Tirmithi dan yang lainnya telah menyebutkan dari beliau di dalam sunan mereka. Rujuklah kepada hadith beliau seperti yang mereka rakamkan melalui Anas dan lainnya. Al-Thahbi telah mendokumenkan biografi beliau dan menyebutkan kenyataan dari ulama yang terkemuka seperti yang tertulis diatas, dan meletakkan tanda DTQ pada nama beliau untuk menunjukkan siapakah diantara pengarang sunan yang menyebutkan hadith dari beliau.

#### 57. `Adi ibn Thabit al-Kufi

Ibn Ma'in telah menerangkan bahawa beliau sebagai 'pelampau Shi'a', sedangkan Dar Qutni memanggil beliau "Rafidi, pelampau, tetapi boleh dipercayai." Al-Jawzjani berkata bahawa beliau telah 'menyimpang' Al-Mas'udi berkata, "Kami tidak pernah melihat orang yang begitu lantang pada menyampaikan pandangan Shi'a nya dari `Adi ibn Thabit." Di dalam *Al-Mizan nya*, al-Thahbi menerangkan beliau sebagai "Seorang ulama Shi'a, yang paling jujur diantara mereka semua, kadi dan Imam bagi masjid mereka. Jika semua Shi'a adalah seperti beliau, tuduhan terhadap mereka akan berkurangan." Kemudian dia terus menulis biografi beliau dan menyebutkan pandangan dari para ulama yang dituliskan diatas. Dia menyebutkan ulama yang mengatakan beliau jujur adalah seperti Dar Qutni, Ahmed ibn Hanbal, Ahmed al-Ajli, Ahmed al-Nisa'i, dan meletakkan pada nama beliau singkatan nama pengarang dari buku sahih yang menyebutkan hadith dari beliau.

Rujuklah kepada hadith beliau di dalam kedua buku Sahih Bukhari dan Muslim seperti yang disampaikan oleh al-Bara' ibn `Azib, `Abdullah ibn Yazid (datuk sebelah ibunya), `Abdullah ibn Abu Awfah, Sulayman ibn Sard, dan Sa'id ibn Jubayr. Hadithnya yang disampaikan oleh Zarr ibn Habish dan Abu Hazim al-Ashja'i telah dirakamkan di dalam sahih Muslim. Hadith beliau telah disampaikan oleh al-A'mash, Mis'ar, Sa'id, Yahya ibn Sa'id al-Ansari, Zayd ibn Abu Anisa, dan Fudayl ibn Ghazwan.

#### 58. `Atiyyah ibn Sa'd ibn Janadah al-Awfi

Beliau adalah Abul-Hasan al-Kufi, seorang *tabi'i* yang terkenal. Al-Thahbi telah menyebut beliau di dalam *Al-Mizan*, menyebutkan dari Salim al-Muradi sebagai berkata bahawa `Atiyyah pengikut kepada Shi'ism. Imam Ibn Qutaybah telah memuatkan beliau diantara ahli tradisi di dalam *Ma'arif*, cucu yang mengikuti jejaknya, al-Awfi, adalah al-Husayn ibn `Atiyyah, seorang kadi, telah menambah, "Atiyyah, seorang pengikut Shi'a, telah menjadi seorang ahli perundangan agama semenjak pemerintahan al-Hajjaj." Ibn Qutaybah telah menyebut beberapa orang Shi'a yang terkenal di dalam bab mengenai golongan di dalam bukunya *Ma'arif*, menyenaraikan `Atiyyah al-Awfi diantara mereka. Ibn Sa'd menyebut beliau pada muka surat 212, Vol. 6, dari bukunya *Tabaqat* menunjukkan kepercayaan beliau yang kuat kepada Shi'ism. Bapanya, Sa'd ibn Janadah, adalah seorang sahabat `Ali (as). Suatu ketika dia menziarah Imam di Kufa dan berkata: "Wahai Amirul Mukminin! Saya telah direstui dengan seorang anak lelaki, bolehkan Imam memilihkan namanya?" Imam menjawab: "Ini adalah satu hadiah (*`atiyyah*) dari Allah; dari itu, namakan dia `Atiyyah."

Ibn Sa'd telah berkata: "Atiyyah ibn al-Ash'ath keluar bersama pasukan tentera untuk memerangi al-Hajjaj. Apabila tentera al-Ash'ath melarikan diri, Atiyyah lari ke Parsi. Al-Hajjaj menulis arahan kepada Muhammad ibn al-Qasim memerintahkan dia untuk memanggil beliau supaya mengadap kepadanya dan memberikan kepada beliau pilihan sama ada menolak 'Ali atau disebat dengan 400 sebatan, serta janggut dan kepalanya dicukur. Maka dia memanggil beliau dan membacakan surat al-Hajjaj kepada beliau, tetapi Atiyyah enggan untuk mematuhi, dari itu beliau disebat dengan 400 sebatan serta janggut dan kepalanya dicukur. Apabila Qutaybah menjadi gabenor Khurasan, Atiyyah memberontak menentang dia dan terus tinggal disitu sehingga Umer ibn Habirah menjadi pemerintah Iraq. Pada masa itu barulah beliau menulis surat kepada dia meminta izin untuk pergi kesana. Kebenaran diberikan, beliau datang ke Kufa dimana beliau tinggal dan meninggal pada tahun 11 H." Pengarang menambah, "Sebenarnya beliau adalah seorang yang jujur, dan beliau telah menyampaikan banyak hadith yang sahih."

Kesemua keturunan beliau adalah pengikut keturunan Muhammad [as] yang ikhlas. Diantara mereka ada yang terkemuka dengan personaliti yang dikagumi seperti al-Husayn ibn al-Hasan ibn Atiyyah yang telah dilantik sebagai gabenor bagi daerah Al-Sharqiyya menggantikan Hafs ibn Ghiyath, seperti yang tercatat di muka surat 58 pada rujukan yang sama, kemudian dia telah dipindahkan kepada pasukan al-Mahdi. Dia meninggal pada tahun 201 H. Seorang lagi adalah Sa'd ibn Muhammad ibn al-Hasan ibn Atiyyah, juga seorang tradisioni, yang menjadi gabenor Baghdad.[15] Dia pernah menyebut hadith dari bapanya Sa'd dan dari bapa saudaranya al-Husayn ibn al-Hasan ibn Atiyyah.

Kembali semula kepada cerita Atiyyah al-Awfi. Beliau dianggap penyampai yang dipercayai oleh Dawud dan al-Tirmithi. Rujuk kepada hadith beliau di dalam buku sahih mereka dari Ibn Abbas, Abu Sa'id dan Ibn Umer. Beliau juga telah mempelajari hadith dari Abdullah ibn al-Hasan yang menyebutkan dari bapanya yang menyebutkan dari neneknya al-Zahra', ketua wanita disurga. Anaknyanya al-Hasan ibn Atiyyah telah mempelajari hadith dari beliau, begitu juga dengan al-Hajjaj ibn Artah, Mis'ar, al-Hasan ibn Adwan dan lainnya.

### **59. Al'ala' ibn Salih al-Taymi al-Kufi**

Di dalam biografi Al'ala' di dalam *Al-Mizan*, Abu Hatim mengatakan yang berikut mengenai beliau: "Beliau adalah salah seorang seniors Shi'as." Walaupun begitu, Abu Dawud dan al-Tirmithi telah bergantung kepada penyampaian beliau. Ma'in mempercayai beliau. Keduanya Abu Hatim dan Abu Zar'ah berkata bahawa tidak terdapat kesalahan dengan hadith beliau. Rujuk kepada hadith beliau di dalam kedua buku sahih al-Tirmithi dan Abu Dawud dari Yazid ibn Abu Maryam dan al-Hakam ibn Utaybah, sebagai tambahan kepada semua buku musnad sunni. Abu Na'im dan Yahya ibn Bakir menyebut beliau, dan begitu juga dengan ramai mereka yang terkemuka. Beliau hendaklah dibezakan dari Al'ala' ibn Abul-Abbas, seorang penyair Makah. Yang terkemudian adalah seorang shaykh Sufyani.

Hadith beliau telah disampaikan oleh Abul-Tufayl. Dia berkedudukan lebih tinggi dari Abul-ala' ibn Salih; beliau adalah orang Kufa; sedangkan penyair itu orang Makah. Keduanya telah disebutkan di dalam buku al-Thahbi, *Al-Mizan*, dimana pengarangnya telah tersalah sebut pada kenyataan yang mengatakan mereka adalah senior Shi'a. Al'ala' sipenyair telah mengubah syair pada memuji Amirul Mukminin [as] ini telah menjadi bukti yang kuat untuk menunjukkan ketaatan beliau dan pada memaparkan kebenaran mengenai Imam. Dia juga mempunyai rangkap syair yang disanjung oleh Allah, RasulNya dan juga mereka yang beriman.

### **60. Alqamah ibn Qays ibn Abdullah al-Nakh'i, Abu Shibil**

Beliau adalah bapa saudara al-Aswad dan Ibrahim, anak kepada Yazid. Beliau adalah juga pengikut keturunan Muhammad (sawas). Al-Shahristani, di dalam *Al-Milal wal-Nihal*, telah menjumlahkan beliau diantara pemuka Shi'a. beliau adalah ketua diantara tradisionis yang disebutkan oleh Abu Ishaq al-Jawzjani yang dengan bencinya telah berkata, "Disana terdapat sekumpulan manusia diantara penduduk Kufa yang mana golongan mereka, Shi'ism telah tidak diterima umum, mereka adalah ketua diantara tradisionis Kufa." Alqamah dan adiknya Ali telah menjadi sahabat Imam Ali (as). Mereka berdua telah mengambil bahagian di dalam peperangan Siffin dimana Ali telah gugur syahid. Dia biasanya digelar "Abul-Salat" (orang yang selalu solat) disebabkan dia selalu solat. Alqamah telah membasahkan pedangnya dengan darah mereka yang zalim. Kakinya tergelincir, bahkan beliau terus berperang di jalan Allah, kekal menjadi musuh Mu'awiyah sehingga beliau meninggal. Abu Bardah menjumlahkan nama Alqamah diantara agen [emissari] kepada Mu'awiyah semasa pemerintahannya, tetapi Alqamah membantah dan bahkan menulis kepada Abu Bardah dengan berkata: "Tolong buang nama saya (dari senarai); tolong buang." Ini telah dirakamkan oleh Ibn Sa'd di dalam biografi nya untuk Alqamah pada muka surat 57, Vol. 6, dari buku *Tabaqat*.

Cara fikiran Alqamah yang saksama dan dihormati dikalangan Sunnis tidak boleh dipertikaikan, walaupun mereka telah mengetahui bahawa beliau berkepercayaan Shi'a. Pengarang enam buku sahih, dan begitu juga yang lain, semuanya telah bergantung kepada penyampaian beliau. Rujuklah kepada hadith beliau di dalam sahih Muslim dan Bukhari dari Ibn Mas'ud, Abul-Darda'ah dan Ayesha. Hadith beliau mengenai Uthman dan Abu Mas'ud telah dirakamkan di dalam sahih Muslim. Di dalam kedua-dua buku sahih, hadith beliau telah disampaikan oleh sepupunya Ibrahim al-Nakh'i. Di dalam sahih Muslim, hadith beliau telah disampaikan oleh Abdul-Rahman ibn Yazid, Ibrahim ibn Yazid, dan al-Sha'bi. Dia meninggal, semoga Allah merahmati ruhnyanya, dalam tahun 62 H. in Kufa.

### **61. Ali ibn Badimah**

Al-Thahbi menyebut beliau di dalam bukunya *Al-Mizan* menyebut dari Ahmed ibn Hanbal yang berkata, "Beliau telah menyampaikan hadith yang sahih," bahawa beliau adalah yang awal dari pengikut Shi'ism, dan Ibn Ma'in

telah mempercayai beliau, dan beliau telah menyampaikan hadith dari Makrimah dan yang lainnya, dan bahawa keduanya Shu`bah dan Mu`ammar telah mempelajari hadith dari beliau. Dia telah memberi tanda nama beliau untuk menunjukkan pengarang sunan yang telah menyebut hadith dari beliau.

#### **62. `Ali ibn al-Ja`d**

Beliau adalah Abul-Hasan al-Jawhari al-Baghdadi, seorang hamba Banu Hashim. Seorang dari penasihat al-Bukhari, beliau telah dijumlahkan oleh Qutaybah diantara pemuka Shi`as di dalam bukunya *Al-Ma`arif*. Biografi nya di dalam *Al-Mizan* menunjukkan bahawa selama 60 tahun, `Ali biasa berpuasa selang sehari. Al-Qaysarani menyebut beliau di dalam bukunya *Al-Jami` Bayna Rijalul Sahihain*, mengatakan bahawa al-Bukhari sahaja telah menyebutkan 12 000 hadith yang disampaikan oleh `Ali ibn al-Ja`d. Dia meninggal dalam tahun 203 pada umur 96 tahun.

#### **63. `Ali ibn Zaid**

Nama penuh beliau adalah `Ali ibn Zaid ibn `Abdullah ibn Zuhayr ibn Abu Malika ibn Jad`an Abul-Hasan al-Qarashi al-Taymi al-Basri. Ahmed al-Ajli telah menyebut beliau dengan berkata bahawa beliau mengikuti perundangan Islam Shi'a. Yazid ibn Zari telah berkata bahawa `Ali ibn Zaid adalah seorang Rafidi. Walaupun terdapat semua ini, para bijak pandai diantara *tabi'in*, seperti Shu`bah, `Abdul-Warith, dan banyak lagi mereka yang terkenal semuanya telah menyebutkan hadith dari beliau. Beliau adalah seorang dari tiga pakar perundangan agama yang mana dengannya Basrah telah menjadi terkenal, yang lainnya adalah Qatadah dan 'Ash'ath al-Hadani. Mereka semuanya buta. Apabila al-Hasan al-Basri meninggal, mereka mengsyorkan kepada `Ali supaya menggantikan tempatnya disebabkan oleh kelayakkan beliau. Beliau amat dihormati, dan hanya mereka yang ternama sahaja yang menjadi sahabat beliau, sesuatu yang tidak dapat dinikmati oleh kebanyakan Shi'a pada ketika itu.

Al-Thahbi telah menyebut beliau di dalam bukunya *Al-Mizan* dengan menyebutkan fakta yang diatas mengenai beliau. Di dalam buku *Al-Jami` Bayna Rijalul Sahihain*, al-Qaysarani menyebut biografi beliau dan mengatakan bahawa Muslim telah menyebutkan hadith beliau yang disampaikan oleh Thabit al-Banani, dan bahawa dia telah belajar mengenai *jihad* dari Anas ibn Malik. Dia meninggal, semoga Allah merahmatinya, dalam tahun 131 H.

#### **64. `Ali ibn Salih**

Dia adalah adik kepada al-Hasan ibn Salih. Kami telah mengatakan mengenai kemuliaan beliau apabila kami mengatakan biografi saudaranya al-Hasan. Beliau adalah seorang dari ulama Shi'a yang awal, sama seperti saudaranya. Di dalam bab 'penjualan', Muslim bergantung kepada penyampaian beliau.

`Ali ibn Salih telah menyampaikan hadith dari Salameh ibn Kahil, sedang Waki' telah menyebutkan dari beliau, mereka juga keduanya adalah Shi'a. Beliau telah dilahirkan, semoga Allah merahmati ruhnyanya, bersama saudara kembarnya di dalam tahun 100 H., dan meninggal pada tahun 151H.

#### **65. `Ali ibn Ghurab Abu Yahya al-Fazari al-Kufi**

Ibn Hayyan telah menerangkan beliau sebagai 'pelampau Shi'a' Mungkin atas sebab ini al-Jawzjani mengeneipkan beliau sama sekali. Abu Dawud telah berkata bahawa 'hadith Ali telah ditolak, sedangkan keduanya Ibn Ma'in dan Dar Qutni mempercayai beliau. Abu Hatim telah berkata bahawa tiada kesalahan dengan hadith beliau. Abu Zar'ah berkata bahawa dia menganggap beliau sebagai jujur. Ahmed ibn Hanbal berkata, "Saya dapatnya boleh dipercayai." Ibn Ma'in menerangkan beliau sebagai "orang miskin, dari orang yang dipercayai," sedangkan al-Thahbi menyebut beliau di dalam *Al-Mizan* menyatakan yang setuju dan yang bertentangan mengenai hadith beliau seperti yang dikatakan diatas, dan menandakan nama beliau dengan SQ untuk menyatakan pengarang Sunan yang mana bergantung kepada penyampaian beliau. Beliau menyampaikan hadith dari Hisham ibn `Urwah dan `Ubaydullah ibn `Umer.

Pada muka surat 273, Vol. 6, dari buku *Tabaqat*, Ibn Sa'd berkata yang berikut mengenai beliau: "Isma'il ibn Raja' menyebutkan hadith beliau mengenai apa yang al-A'mash telah katakan mengenai `Uthman." Dia meninggal, semoga Allah merahmati ruhnyanya, di Kufa pada awal Rabi'ul-Awwal 184, semasa pemerintahan Harun.

#### **66. `Ali ibn Qadim Abul-Hasan al-Khuza'i al-Kufi**

Beliau adalah penasihat Ahmed ibn al-Furat, Ya'qub al-Faswi dan sekumpulan yang sama setaraf dengan mereka yang telah mempelajari hadith dari beliau. Ibn Sa'd menyebut beliau pada muka surat 282, Vol. 6, dari bukunya *Tabaqat* dan menerangkan bahawa beliau sebagai 'Pelampau Shi'a' Mungkin atas sebab ini sahaja, Yahya menganggap hadith beliau 'lemah' Abu Hatim berkata bahawa beliau adalah jujur. Al-Thahbi menyebut beliau di dalam *Al-Mizan*, seperti pandangan yang diatas mengenai beliau, dan menandakan nama beliau untuk menunjukkan bahawa Abu Dawud dan al-Tirmithi keduanya telah menyebutkan hadith dari beliau. Hadith beliau telah dirakamkan di dalam buku mereka dari Sa'id ibn Abu `Urwah dan Qatar. Dia meninggal, semoga Allah merestui ruhnyanya, di dalam tahun 213 H. semasa pemerintahan al-Ma'mun.

#### **67. `Ali ibn al-Munthir al-Tara'ifi**

Beliau adalah professor kepada al-Tirmithi, al-Nisa'i, Ibn Sa'id, `Abdul-Rahman ibn Abu Hatim, dan yang terkemuka lainnya yang telah mempelajari hadith dari beliau dan bergantung kepada penyampaian beliau. Al-Thahbi menyebut beliau di dalam *Al-Mizan*, menandakan nama beliau dengan TSQ sebagai petanda yang

pengarang sunan tersebut telah menyebutkan hadits dari beliau. Beliau menyebut yang berikut dari al-Nisa'i: "Ali ibn al-Munthir adalah seorang pengikut shi'a yang kuat, dan amat dipercayai." Dia mengatakan bahawa Ibn Hatim telah berkata bahawa beliau amat jujur dan dipercayai, dan bahawa beliau menyampaikan hadits dari Fudayl, Ibn 'Aynah dan al-Walid ibn Muslim. Al-Nisa'i mengesahkan bahawa beliau adalah pengikut Shi'a yang kuat," dan bahawa dia bergantung kepada hadits dari beliau yang mana telah dirakamkan di dalam kedua buku Sahih. Ini yang sebenarnya telah menyediakan juadah untuk difikirkan oleh mereka yang meragui beliau. Al-Munthir, semoga Allah merahmati beliau, meninggal pada 256 H.

#### **68. `Ali ibn al-Hashim ibn al-Barid Abul-Hasan al-Kufi al-Khazzaz al-`Aithi**

Beliau adalah seorang dari penasihat Imam Ahmed. Abu Dawud menyebut beliau dan menerangkannya sebagai seorang Shi'a yang pasti." Ibn Haban berkata bahawa beliau adalah seorang 'Pelampau Shi'a'. Ja'fer ibn Aban berkata, "Saya telah mendengar Ibn Namir berkata bahawa `Ali ibn Hashim adalah seorang pelampau di dalam kepercayaan Shi'a." Al-Bukhari telah berkata bahawa keduanya `Ali ibn Hashim dan bapanya amat kuat pegangannya kepada kepercayaan Shi'a. Mungkin atas sebab itu al-Bukhari telah menolak hadits beliau, tetapi semua lima yang lain dari pengarang Sahih telah bergantung kepada penyampaian beliau. Ibn Ma'in dan yang lainnya telah mempercayai beliau, sedangkan Abu Dawud telah mengatakan beliau sebagai tradisionis yang amat dipercayai. Abu Zar'ah telah mengatakan bahawa beliau adalah jujur, dan al-Nisa'i telah menyatakan bahawa tidak ada apa-apa kesalahan kepada hadits beliau. Al-Thahbi menyebut beliau di dalam *Al-Mizan*, dan menyebutkan apa yang telah disebutkan diatas.

Al-Khatib al-Baghdadi, di dalam bab pada mengatakan kerekter `Ali di dalam bukunya *Tarikh* (history), Vol. 12, muka surat 116, menyebutkan Muhammad ibn Sulayman al-Baghdadi sebagai berkata bahawa `Ali ibn Hashim ibn al-Barid adalah jujur orangnya, seorang yang mengikut kepercayaan Shi'ism. Dia juga menyebut dari Muhammad ibn `Ali al-Ajiri sebagai berkata: "Suatu ketika saya bertanya Abu Dawud mengenai `Ali ibn Hashim ibn al-Barid. Dia mengesyorkan bahawa saya tanya kepada `Isa ibn Yunus. Isa berkata: `Beliau terdiri dari mereka yang memanggil kepada Shi'ism." Semua ini adalah benar. Dia juga menyebutkan dari al-Jawzjani sebagai berkata bahawa Hisham ibn al-Barid dan anaknya `Ali ibn Hashim adalah pelampau di dalam golongan mereka yang rosak."

Walaupun terdapat semua ini, pengarang lima buku sahih bergantung pada `Ali ibn Hashim. Rujuk kepada hadits beliau mengenai perkahwinan di dalam sahih Muslim seperti yang disampaikan oleh Hisham ibn `Urwah, dan di dalam bab yang mengatakan meminta kebenaran seperti yang disampaikan dari Talha ibn Yahya. Hadith beliau di dalam sahih Muslim telah disampaikan oleh Abu Mu'ammarr Isma'il ibn Ibrahim dan `Abdullah ibn Aban. Ahmed ibn Hanbal, juga, telah menyampaikan hadits beliau, sebagai tambahan kepada kedua anak Shaybah, dan dari kumpulan kelas mereka yang menyampaikan hadits yang mana penasihat mereka adalah tidak lain dari `Ali ibn Hashim. Al-Thahbi berkata, "Dia meninggal, semoga Allah merahmati beliau, dalam tahun 181H.," dengan menambah, "Hadith beliau mungkin yang terawal dari hadits penasihat Imam Ahmed."

#### **69. `Ammar ibn Zurayq al-Kufi**

Al-Sulaymani memanggil beliau "Rafidi," seperti al-Thahbi nyatakan ketika membincangkan `Ammar di dalam *Al-Mizan*. Walaupun terdapat tuduhan yang sedemikian, Muslim, Abu Dawud dan al-Nisa'i bergantung pada penyampaian beliau. Rujuk kepada hadits beliau di dalam Sahih Muslim seperti yang disampaikan oleh al-A'mash, Abu Ishaq al-Subai'i, Mansur, dan `Abdullah ibn `Isa. Hadith beliau telah disampaikan di dalam Sahih Muslim oleh Abul-Jawab, Abul-Hawas Salam, Ibn Ahmed al-Zubayri, dan Yahya ibn Adam.

#### **70. `Ammar ibn Mu'awiyah, or Ibn Abu Mu'awiyah**

Beliau juga telah dipanggil Khabab, atau Ibn Salih al-Dihni al-Bijli al-Kufi, Abu Mu'awiyah. Beliau adalah seorang dari wira Shi'a yang mengalami penderitaan yang banyak di dalam mempertahankan keturunan Muhammad [as] sehinggakan bahawa Bishr ibn Marwan melumpuhkan beliau [memotong urat dibelakang lutut] hanya kerana beliau seorang Shi'a. Beliau adalah penasihat kepada kedua Sufyan, sebagai tambahan kepada Shu'bah, Sharik, dan al-'Abar, semuanya telah mempelajari hadits dari beliau dan bergantung kepada penyampaian beliau. Ahmed, Ibn Ma'in, Abu Hatim dan manusia yang lain juga bergantung kepada penyampaian beliau. Muslim dan empat pengarang sunan telah menyebutkan hadits beliau. Al-Thahbi telah menulis biografi beliau di dalam *Al-Mizan* dan menyebutkan pandangan yang ditulis diatas mengenai beliau seorang Shi'a dan tradisionis yang dipercayai, serta menambah bahawa tiada siapa yang mengatakan sesuatu yang buruk mengenai beliau, melainkan al-'Aqili, dan bahawa tiada salah bagi beliau melainkan menjadi seorang Shi'a. Rujuk kepada hadits beliau mengenai Haji di dalam sahih Muslim dari Abul-Zubayr. Dia meninggal dalam tahun 133; semoga Allah merahmati beliau.

#### **71. `Amr ibn `Abdullah Abu Issaq al-Subai'i al-Hamadani al-Kufi**

Beliau adalah seorang Shi'a menurut Ibn Qutaybah di dalam *Ma'arif*, dan di dalam buku Shahrastani *Al-Milal wal Nihal*. Beliau adalah seorang dari ketua tradisionis yang mana golongannya; di dalam cabang dan akar umbinya, tidak disukai oleh Nasibis disebabkan kepada fakta bahawa Shi'a telah mengikuti jejak langkah Ahl al-Bayt, mendapatkan cara-cara ibadah melalui ketua mereka di dalam semua perkara agama. Atas sebab ini al-Jawzjani telah berkata di dalam biografi Zubayd di dalam *Al-Mizan*: "Diantara penduduk Kufa, terdapat satu kumpulan yang mana golongan mereka tidak diterima umum; tetapi mereka adalah ketua kepada tradisionis Kufa, seperti Abu Ishaq, Mansur, Zubayd al-Yami, al-A'mash dan yang lain lagi. Manusia telah menerima mereka kerana kejujuran mereka pada menyampaikan hadits; tanpa sebarang tambahan padanya."

Diantara apa yang Nasibis telah tolak adalah hadith Abu Ishaq yang ini:

'Seperti pengarang *Al-Mizan* telah tunjukkan, Amr ibn Isma'il telah menyebut dari Abu Ishaq yang mengatakan bahawa Rasul Allah [sawas] telah berkata, 'Ali adalah umpama sebatang pokok yang mana akarnya adalah saya, dahannya adalah 'Ali, buahnya adalah al-Hasan dan al-Husayn, dan daunnya adalah Shi'a.' "

Yang sebenarnya, kenyataan al-Mughirah "tiada siapa yang menyebabkan penduduk Kufa untuk mendapat bencana melainkan Abu Ishaq dan al-A'mash" adalah sesuatu yang tidak boleh diterima melainkan hanya kerana yang sebenarnya mereka adalah Shi'a dan mereka taat kepada keturunan Muhammad [as]. Mereka telah menjadi penjaga semua hadith yang menyebutkan sifat-sifat ahlul bayt [as]. Manusia ini adalah lautan ilmu, dan mereka amat patuh kepada perintah Allah. Mereka dipercayai oleh kesemua pengarang enam Sahih dan yang lain juga. Rujuklah kepada hadith Abu Ishaq di dalam kedua buku sahih dari al-Bara' ibn 'Azib, Yazid ibn Arqam, Harithah ibn Wahab, Sulayman ibn Sard, al-Nu'man ibn Bashir, 'Abdullah ibn Yazid al-Khadmi, dan 'Amr ibn Maymun.

Beliau telah disebutkan di dalam kedua buku sahih oleh Shu'bah, al-Thawri, Zuhayr, dan oleh cucunya Yusuf ibn Ishaq ibn Abu Ishaq. Ibn Khallikan berkata di biografi Amr di dalam *Al-Wafiyyat* bahawa 'Amr telah dilahirkan 3 tahun sebelum 'Uthman memegang tampuk pemerintahan ummah Islam, dan bahawa dia meninggal sama ada dalam tahun 127 atau 128, atau 129, sedangkan keduanya Yahya ibn Ma'in dan al-Mada'ini berkata bahawa dia meninggal dalam tahun 132, dan Allah maha mengetahui.

## **72. 'Awf ibn Abu Jamila al-Basri, Abu Sahl**

Beliau amat terkenal dengan "al-A'rabi" [bedouin], walaupun asalnya bukan dari padang pasir. Al-Thahbi menyebut beliau di dalam *Al-Mizan* dan berkata bahawa "Beliau juga digelar 'Awf yang Benar, sedangkan sebahagian mengatakan bahawa beliau mengikuti Shi'ism; walaupun begitu, sekumpulan ulama telah mempercayai beliau." Dia juga menyebut dari Ja'fer ibn Sulayman yang menerangkan beliau sebagai seorang Shi'a dan menyebut dari Bandar yang memanggil beliau "Rafidi." Ibn Qutaybah telah menjumlahkan beliau di dalam bukunya *Al-Ma'arif* diantara pemuka Shi'a. Beliau telah mengajarkan hadith kepada Ruh, Hawdah, Shu'bah, al-Nadr ibn Shamil, 'Uthman ibn al-Haytham dan ramai yang lain lagi dari kaliber yang sama. Pengarang dari enam buku sahih dan juga yang lainnya telah bergantung kepada penyampaiannya. Rujuk kepada hadith beliau di dalam sahih Bukhari dari al-Hasan dan Sa'id, anak kepada al-Hasan al-Basri, Muhammad ibn Sirin dan Siyar ibn Salamah. Hadith beliau di dalam sahih Muslim telah disampaikan oleh Al-Nadr ibn Shamil. Hadith beliau dari Abu Raji' al-'Ataridi terdapat di dalam kedua sahih. Dia meninggal, semoga Allah merahmati ruhnya, dalam tahun 146 H.

## **73. Al-Fadl ibn Dakin**

Nama beliau yang sebenar adalah 'Amr ibn Hammad ibn Zuhayr al-Malla'i al-Kufi, dan beliau amat terkenal dengan nama Abu Na'im. Beliau adalah penasihat al-Bukhari, sebagaimana yang diakui di dalam buku sahihnya sendiri. Sekumpulan ulama yang elit, seperti Ibn Qutaybah di dalam *Al-Ma'arif*, telah menjumlahkan beliau diantara pemuka Shi'a. Al-Thahbi menyebut beliau di dalam *Al-Mizan* dan berkata: "Saya telah mendengar ibn Ma'in berkata: 'Jika nama seseorang disebutkan di dalam kehadiran Abu Na'im dan dia mengatakan bahawa orang itu adalah baik, maka yakinlah bahawa orang itu adalah Shi'a; sedangkan jika dia melabelkan orang itu sebagai Murji', maka yakinlah bahawa orang itu adalah sunni yang baik.'" Al-Thahbi berkata bahawa kenyataan itu membuktikan bahawa Yahya ibn Ma'in condong kepada mempercayai 'kembali semula'. Ianya juga membuktikan orang itu menganggap al-Fadl sebagai pengikut Shi'a yang kuat.

Di dalam biografi Khalid ibn Mukhlid di dalam *Al-Mizan*, al-Thahbi menyebut dari al-Jawzjani yang berkata bahawa Abu Na'im mengikuti golongan Kufi, i.e. Shi'ism. Untuk menjumlahkan semua fakta yang sebenar, al-Fadl ibn Dakin adalah seorang Shi'a dan tidak pernah dipertikaikan. Namun begitu semua pengarang buku sahih yang enam telah bergantung kepada beliau. Rujuk kepada hadith beliau di dalam sahih Bukhari dari Humam ibn Yahya, 'Abdul-'Aziz ibn Abu Salamah, Zakariyyah ibn Abu Za'idah, Hisham al-Distwa'i, al-A'mash, Misar, al-Thawri, Malik, Ibn 'Ayyinah, Shaybah, dan Zuhayr. Hadith beliau di dalam sahih Muslim yang disampaikan oleh Saif ibn Abu Sulayman, Isma'il ibn Muslim, Abu 'Asim Muhammad ibn Ayyub al-Thaqafi, Abul Amis, Musa ibn 'Ali, Abu Shihab Musa ibn Nafi', Sufyan, Hisham ibn Sa'd, 'Abdul-Wahid ibn Ayman, dan Isra'il. Al-Bukhari menyebut dari beliau secara terus, sedang Muslim menyebut hadith beliau seperti yang disampaikan oleh Hajjaj ibn al-Sha'ir, 'Abd ibn Hamid, Ibn Abu Shaybah, Abu Sa'd al-Ashajj, Ibn Namir, 'Abdullah al-Darmi, Issaq al-Hanzali, dan Zuhayr ibn Harb.

Beliau telah dilahirkan pada tahun 133, dan meninggal di Kufa pada hari khamis malam pada hari terakhir bulan Sha'ban, 210, semasa pemerintahan al-Mu'tasim. Ibn Sa'd menyebut beliau pada muka surat 279, Vol. 6, dari buku *Tabaqat*, mengatakan beliau sebagai yang dipercayai, jujur, dan seorang yang telah banyak menyampaikan hadith dan yang mengesahkannya."

## **74. Fadil ibn Marzuq al-Aghar al-Ruwasi al-Kufi, Abu 'Abdul-Rahman**

Al-Thahbi menyebut beliau di dalam *Mizan* dan menerangkan beliau sebagai seorang Shi'a yang amat terkenal, menyebut dari Sufyan ibn 'Ayyinah dan Ibn Ma'in yang mengesahkan fakta ini. Dia menyebut Ibn 'Adi sebagai berkata bahawa dia berharap semoga tidak ada apa-apa kesalahan terhadap hadith yang disampaikan beliau,



kemudian dia menyebut dari al-Haytham ibn Jamil sebagai berkata bahawa dia suatu ketika menyebut Fadl ibn Marzuq dan menerangkan, beliau sebagai 'seorang dari Imam petunjuk.'

Di dalam sahihnya, Muslim bergantung kepada penyampaian hadith dari Fadil yang berkaitan dengan solat seperti yang disampaikan oleh Shaiq ibn 'Uqbah, dan berkenaan dengan *zakat* oleh 'Adi ibn Thabit. Hadith beliau yang mengatakan berkenaan dengan zakat seperti yang dirakamkan oleh Muslim telah disampaikan oleh Yahya ibn Adam dan Abu Usamah. Didalam Sunan, hadith beliau telah disebutkan oleh Waki', Yazid, Abu Na'im, 'Ali ibn al-Ja'd dan ramai yang lain. Zayd ibn al-Habab yang sebenarnya telah berdusta mengenai apa yang dikatakan dari hadith beliau pada mengatakan perlantikan 'Ali (as) sebagai Amr oleh Rasul [saw]. Dia meninggal, semoga Allah merahmatinya, di dalam tahun 158.

#### **75. Fitr ibn Khalifah al-Hannat al-Kufi**

'Abdullah ibn Ahmed suatu ketika bertanya kepada bapanya mengenai Fitr ibn Khalifah. Dia menjawab, "Beliau adalah penyampai hadith yang sahih. Hadith beliau membayangkan atituit orang yang bertanggung jawab, tetapi beliau juga seorang pengikut Shi'a." 'Abbas telah menyebut dari Ibn Ma'in yang berkata bahawa Fitr ibn Khalifah adalah seorang Shi'a yang dipercayai. Ahmed berkata: "Fitr ibn Khalifah telah dipercayai oleh Yahya, tetapi beliau seorang pelampau Khashbi." Mungkin atas sebab ini, Abu Bakr ibn 'Ayyash telah berkata, "Saya tidaklah meninggalkan tradisi yang disampaikan oleh Fitr ibn Khalifah melainkan kerana beliau dari golongan yang tidak baik," iaitu bukan terdapat apa-apa kesalahan, melainkan dia seorang Shi'a.

Al-Jawzjani berkata: "Fitr ibn Khalifah telah menyimpang dari laluan." Ketika dia sakit, dia telah didengar oleh Ja'fer al-Ahmar sebagai berkata: "Tidak ada yang lebih mengembirakan saya dari mengetahui bahawa setiap rambut yang ada pada badan saya terdapat malaikat yang memuji Allah awj bagi pihak diri saya kerana cinta saya terhadap ahlul bayt [as]." Fitr ibn Khalifah menyampaikan hadith dari Abul-Tufayl, Abu Wa'il, dan Mujahid. Hadith beliau telah disebutkan oleh Usamah, Yahya ibn Adam, Qabisah dan yang lainnya dari kaliber yang sama. Ahmed dan yang lainnya telah mempercayai beliau. Murrah telah mengatakan yang berikut ini mengenai beliau, "Beliau adalah seorang penyampai hadith yang bertanggung jawab, yang telah menghafal semua yang disampaiannya dengan cara ingatan." Ibn Sa'd berkata, "Beliau adalah Insha-Allah dipercayai." Al-Thahbi membincangkan beliau di dalam Mizan, menyatakan pandangan para ulama, seperti yang dituliskan diatas mengenai dengan kerekternya. Ibn Sa'd telah menyebut perkara yang sama pada muka surat 253, Vol. 6, dari *Tabaqat*.

Apabila Qutaybah menyebut para Shi'a yang terkenal di dalam *Ma'arif*, dia menyenaraikan Fitr ibn Khalifah diantaranya. Al-Bukhari telah menyebutkan hadith Fitr seperti yang disampaikan oleh Mujahid. Al-Thawri telah menyebut hadith Fitr yang mengatakan dengan kesopanan seperti yang dirakamkan di dalam kerja al-Bukhari. Pengarang dari keempat sunan, dan juga yang lain, semuanya telah menyebutkan hadith dari Fitr. Dia meninggal, semoga Allah merahmati ruhnya, di dalam tahun 153 H.

#### **76. Malik ibn Isma'il ibn Ziyad ibn Dirham Abu Hasan al-Kufi al-Hindi**

Beliau adalah seorang dari penasihat Bukhari seperti yang dinyatakan di dalam sahihnya. Ibn Sa'd menyebut darinya pada muka surat 282, Vol. 6, dari buku *Tabaqat*. Dia mengakhiri dengan mengatakan bahawa "Abu Ghassan adalah dipercayai, jujur, dan pengikut Shi'a yang kuat." Al-Thahbi menyebut beliau di dalam *Mizan*, yang membuktikan beliau boleh dipercayai dan bermaruah, menyatakan bahawa beliau telah mempelajari golongan Shi'a dari gurunya al-Hasan ibn Salih, dan bahawa Ibn Ma'in telah mengatakan bahawa tiada siapa di Kufa yang lebih tepat pada menyampaikan hadith dari Abu Ghassan, dan bahawa Abu Satim telah berkata: "Pada bila-bila masa saya melihat kepada beliau, dia kelihatan seakan baru sahaja meninggalkan kuburannya, dengan dua tanda sujud yang terdapat pada dahinya."

Al-Bukhari telah menyebutkan dari beliau secara terus di dalam banyak bab pada sahihnya. Muslim telah menyebut hadith beliau pada hukuman jenayah di dalam buku sahihnya seperti yang disampaikan oleh Harun ibn 'Abdullah. Mereka yang menyampaikan hadith beliau di dalam Bukhari adalah: Ibn 'Aynah, 'Abdul-Aziz ibn Abu Salamah, dan Isra'il. Keduanya al-Bukhari dan Muslim menyebut hadith beliau dari Zuhayr ibn Mu'awiyah. Dia meninggal, semoga Allah merahmati beliau, di Kufa pada tahun 219.

#### **77. Muhammad ibn Khazim**

Beliau amat dikenali sebagai Abu Mu'awiyah al-Darir al-Tamimi al-Kufi. Al-Thahbi menyebut beliau dengan berkata, "Muhammad ibn Khazim al-Darir adalah disahkan benar; saya tidak menjumpai sama sekali hadith beliau yang lemah, saya akan bincangkan mengenai beliau dalam bab kunyat." Apabila pengarang menyebut beliau pada bab yang diperkatakan, dia menyatakan: "Abu Mu'awiyah al-Darir adalah seorang yang amat terkenal dan seorang Imam hadith yang berkepercayaan," dan dia terus mengatakan: "Al-Hakim telah mengatakan bahawa kedua shaykh bergantung kepada penyampaiannya, dan beliau amat terkenal sebagai pelampau Shi'a."

Kesemua enam pengarang buku sahih telah bergantung pada penyampaiannya. Al-Thahbi telah menandakan nama beliau dengan 'A' untuk menunjukkan bahawa semua ahli tradisional bergantung kepada penyampaiannya. Rujuk kepada hadith beliau di dalam sahih Bukhari dan Muslim dari al-A'mash dan Hisham ibn 'Urwah. Sahih Muslim mengandungi hadith yang lain yang dia sampaikan melalui penyampai lain yang dipercayai. Di dalam sahih Bukhari, hadith beliau telah disampaikan oleh 'Ali ibn al-Madini, Muhammad ibn Salam, Yusuf ibn 'Isa, Qutaybah, dan Musaddad. Di dalam sahih Muslim, beliau telah disebutkan oleh Sa'd al-Wasiti, Sa'd ibn Mansur, 'Amr al-Naqid, Ahmed ibn Sinan, Ibn Namir, Issaq al-Hanzali, Abu Bakr ibn Abu Shaybah, Abu Karib, Yahya ibn Yahya, dan Zuhayr. Musa al-Zaman telah menyampaikan hadith beliau di

dalam kedua sahih. Muhammad ibn Khazim telah dilahirkan pada 113, dan dia meninggal pada tahun 195; semoga Allah merahmati beliau

#### **78. Muhammad ibn `Abdullah al-Dabi al-Tahani al-Nisaburi, Abu `Abdullah al-Hakim**

Beliau adalah seorang Imam yang *huffaz*, yang telah menghafal keseluruhan al-Quran dan hadith secara ingatan, dan telah mengarang lebih kurang seribu buku. Beliau telah menjelajah keseluruhan pelusuk untuk mencari ilmu dan mempelajari hadith dari lebih kurang 2 000 orang guru. Beliau boleh dibandingkan dengan ulama yang amat terkenal dimasa beliau seperti al-Sa`luki. Imam ibn Furk dan para Imam yang lain menganggap status beliau lebih utama dari kedudukan mereka. Mereka menghargai beliau dan juga sumbangannya; mereka memuji nama dan reputasi beliau, dengan tidak meragui kepakaran beliau sama sekali. Kesemua ulama sunni yang tidak dapat mencapai setaraf beliau telah merasa cemburu terhadap beliau. Beliau adalah wira Shi'a, pemelihara syariat Islam.

Pengarang *Al-Mizan* menyampaikan biografi beliau dan menerangkan sebagai, 'Imam yang berkepercayaan dan seorang Shi'a yang terkenal.' Dia menyebutkan dari Ibn Tahir sebagai berkata: "Saya bertanya Abu Isma'il `Abdullah al-Ansari mengenai al-Hakim Abu Abdullah. Dia berkata: `Beliau seorang Imam Hadith, seorang Rafidi yang durjana.'" Al-Thahbi telah menyatakan beberapa kenyataan beliau yang menarik, seperti katanya bahawa Dia yang pilihan [sawab] telah dilahirkan siap berkhata, dengan senyuman pada wajah baginda, dan bahawa `Ali (as) adalah seorang wasi. Pengarang menambah yang berikut: "Beliau adalah seorang yang dipercayai dan berpengetahuan pada apa yang disampaikannya dan telah diterima oleh semua, itu adalah satu fakta yang sebenar." Beliau telah dilahirkan pada bulan Rabi' al-Awwal tahun 321, dan meninggal dalam bulan Safar tahun 405, semoga Allah merahmati ruh beliau.

#### **79. Muhammad ibn `Ubaydullah ibn Abu Rafi' al-Madani**

Beliau, Abu `Ubaydullah, saudara beliau al-Fadl dan `Abdullah anak lelaki `Ubaydullah, datuk beliau Abu Rafi', bapa saudara beliau Rafi', al-Hasan, al-Mughirah, `Ali, dan anak-anak lelaki mereka dan juga cucu-cucu mereka, semuanya adalah diantara keturunan Shi'a yang baik. Buku-buku yang mereka karang, mengesahkan betapa dalam penglibatan mereka di dalam Shi'a, seperti yang kami sebutkan di dalam seksen 2, Bab 12, dari buku kami *Al-Fusul al-Muhimmah*.

Ibn `Uday menyebut Muhammad ibn `Ubaydullah ibn Abu Rafi' al-Madani, dengan menambah, pada penghujung biografinya di dalam *Mizan*, bahawa beliau adalah diantara Kufi Shi'as. Apabila al-Thahbi menyatakan biografinya di dalam bukunya *Mizan*, dia menandakan dengan TQ sebagai petunjuk, pengarang sunan mana yang menyebut hadith dari beliau (i.e. Tirmithi and Dar Qutni). Dia juga menyebut bahawa beliau menyebutkan hadith dari bapa dan datuknya, dan bahawa Mandil dan `Ali ibn Hashim menyebutkan hadith beliau. Hadith beliau juga disebutkan oleh Haban ibn `Ali, Yahya ibn Ya'li dan lainnya. Muhammad ibn `Ubaydullah ibn Abu Rafi' al-Madani mungkin juga telah menyampaikan hadith dari saudaranya `Abdullah ibn `Ubaydullah yang telah terkenal sebagai tradisionis oleh para penyelidik hadith. Al-Tabarani di dalam *Al-Mu`jam al-Kabir* telah bergantung kepada penyampaian Muhammad ibn `Ubaydullah ibn Abu Rafi' al-Madani yang menyebutkan dari bapa dan datuknya dengan berkata bahawa Rasul Allah [sawab] telah berkata kepada `Ali (as), "Yang pertama memasuki syurga adalah saya dan kamu, kemudian al-Hasan dan al-Husayn, dengan keturunan kita dibelakang, dan Shi'a kita dikanan dan kiri kita."

#### **80. Muhammad ibn Fudayl ibn Ghazwan Abu `Abdul-Rahman al-Kufi**

Ibn Qutaybah telah menjumlahkan beliau diantara pemuka Shi'a di dalam hasil kerjanya *Al-Ma`arif*, dan Ibn Sa'd telah menyebut beliau pada muka surat 271, Vol. 6, dari *Tabaqat*, dengan mengatakan, "Beliau adalah jujur dan tradisionis yang dipercayai, telah menyampaikan banyak hadith; beliau juga seorang Shi'a, dan sebahagian ulama [atas sebab ini] telah tidak bergantung pada penyampaian beliau." Al-Thahbi telah menyebut beliau di dalam bab yang mengandungi sebab yang telah diketahui umum, iaitu reputasi bapanya pada penghujung bukunya *Mizan*, menerangkan dia sebagai seorang Shi'a yang jujur. Dia juga menyebut beliau di dalam bab yang mengandungi nama pertama mereka adalah Muhammad, telah menerangkan bahawa beliau adalah 'seorang yang benar dan terkenal' dengan menambah bahawa Ahmed telah menerangkan, beliau sebagai seorang Shi'a yang mana hadithnya adalah sahih, dan bahawa Abu Dawud telah menerangkan beliau, sebagai seorang Shi'a di dalam preffession [kepercayaan](!), dengan menambah bahawa beliau seorang yang berpengetahuan dan juga penyampai hadith, bahawa beliau mempelajari al-Quran dari Hamzah, dan bahawa beliau telah mengarang banyak buku, Ibn Ma'in telah mempercayai beliau dan Ahmed berkata baik mengenai beliau. Al-Nisa'i telah berkata bahawa tiada sebarang kesalahan dengan hadith beliau.

Pengarang dari enam buku sahih, dan juga yang lainnya, telah bergantung pada penyampaian beliau. Rujuklah kepada hadith beliau di dalam Bukhari seperti yang disampaikan oleh Muhammad ibn Namir, Ishaq al-Hanzali, Ibn Abu Shaybah, Muhammad ibn Salam, Qutaybah, `Umar ibn Maysarah, dan `Amr ibn `Ali. Hadith beliau yang disampaikan di dalam Bukhari adalah oleh `Abdullah ibn `Amir, Abu Karib, Muhammad ibn Tarf, Wasil ibn `Abd al-A'la, Zuhayr, Abu Sa'd al-Ashaji, Muhammad ibn Yazid, Muhammad ibn al-Muthanna, Ahmed al-Waki, dan `Abdul-Aziz ibn `Umar ibn Aban. Beliau meninggal, semoga Allah merahmati beliau, di Kufa pada tahun 194 atau 195 H.

#### **81. Muhammad ibn Muslim ibn al-Ta'ifi**

Beliau adalah seorang sahabat Imam Abu `Abdullah al-Sadiq [as], yang terkenal. Shaykh al-Ta'ifa Abu Ja'fer al-Tusi telah menyebut beliau di dalam buku *Rijal al-Shi'a*, dan al-Hasan ibn `Ali ibn Dawud telah

menjumlahkan beliau di dalam bab, tradisionis yang amat dipercayai di dalam bukunya *Al-Mukhtasar*. Al-Thahbi memuatkan biografinya dan menyebut Yahya ibn Ma'in dan lainnya yang mengatakan bahawa beliau adalah jujur. Dia menambah dengan mengatakan bahawa al-Qa'nabi, Yahya ibn Yahya, dan Qutaybah semuanya telah menyampaikan tradisi beliau, dan bahawa 'Abdul-Rahman ibn Mahdi pernah menyebut Muhammad ibn Muslim ibn al-Ta'ifi dan berkata: "Buku beliau [tradisi] semuanya adalah sahih," dan bahawa Ma'ruf ibn Wasil berkata: "Saya melihat Sufyan al-Thawri yang ketika bersama dengan Muhammad ibn Muslim ibn al-Ta'ifi, sedang mencatatkan hadith beliau." Bahkan mereka yang melebelkan beliau sebagai 'lemah' hanya melakukannya atas dasar bahawa beliau adalah Shi'a, walaupun begitu perjudis mereka tidak merugikan beliau. Hadith beliau dari 'Amr ibn Dinar mengenai wudu' terdapat di dalam sahih Muslim. Menurut dari *Tabaqat* Ibn Sa'd, seperti yang dinyatakan pada muka surat 381, Vol. 5, hadith beliau telah disebutkan oleh Waki' ibn al-Jarrah dan 100 orang yang lainnya. Pada tahun itu, nama beliau Muhammad ibn Muslim ibn Jummaz meninggal di Medina. Ibn Sa'd telah memuatkan kedua biografinya didalam Vol. 5 pada *Tabaqat*.

## **82. Muhammad ibn Musa ibn 'Abdullah al-Qatari al-Madani**

Al-Thahbi telah menyebut beliau di dalam *Mizan*; menyebut dari Abu Hatim yang mengesahkan beliau adalah Shi'a. Dia juga menyebut dari al-Tirmithi yang berkata bahawa beliau adalah dipercayai, dan dia menandakan nama beliau dengan singkatan Muslim dan juga pengarang Sunan sebagai petunjuk terhadap pergantungan mereka kepada penyampaiannya. Rujuklah hadith beliau mengenai makanan di dalam sahih Muslim yang disampaikan dari 'Abdullah ibn 'Abdullah ibn Abu Talha. Beliau juga telah disebutkan oleh al-Maqbari dan sekumpulan yang ternama lainnya. Mereka yang lain yang telah menyebutkan hadith beliau adalah: Ibn Abu Fadik, Ibn Mahdi, Qutaybah, dan lainnya yang sama kaliber.

## **83. Mu'awiyah ibn 'Ammar al-Dihni al-Bajli al-Kufi**

Beliau adalah diantara Shi'a yang sangat dihormati dan disanjung, berkedudukan dan dipercayai. Bapa beliau 'Ammar adalah satu contoh yang baik bagi kesabaran dan keteguhan di dalam memegang prinsip pada keadilan, dia adalah suatu model [contoh] yang Allah telah ketengahkan bagi mereka yang sabar menderita untuk kekal di jalanNya. Orang yang zalim telah melumpuhkan nya [dengan memotong urat dibelakang lutut] kerana menjadi seorang Shi'a, seperti yang kami telah nyatakan diatas, tanpa kejayaan pada memalingkannya, sehinggalah dia meninggalkan dunia ini untuk mendapatkan ganjarannya. Anaknya Mu'awiyah telah diberikan dengan layanan yang sama, dan bapa adalah model bagi anaknya.

Beliau telah bersama dengan Imams al-Sadiq dan al-Kazim [as], dan mempelajari dari mereka dengan banyaknya. Beliau telah mengarang banyak buku – seperti yang ditunjukkan diatas – dan beliau telah disebutkan oleh penyampai Shi'a seperti Ibn Abu 'Umayr dan lainnya. Muslim dan al-Nisa'i telah bergantung pada penyampaiannya. Hadith beliau mengenai Haji telah disebutkan di dalam sahih Muslim oleh al-Zubayr. Di dalam Muslim, beliau telah disebutkan oleh keduanya Yahya ibn Yahya dan Qutaybah. Beliau juga telah menyampaikan hadith yang disebutkan oleh bapanya 'Ammar, dan dari kumpulan ulama yang terkenal dan hadith yang sedemikian terdapat di dalam *musnads* Sunni. Dia meninggal, semoga Allah merahmati beliau, pada tahun 175 H.

## **84. Ma'ruf ibn Kharbuth al-Karkhi[16]**

Al-Thahbi menerangkan beliau di dalam *Mizan* sebagai "Shi'a yang jujur," menandakan nama beliau dengan singkatan nama al-Bukhari, Muslim, dan Abu Dawud untuk menunjukkan bahawa mereka menyebutkan hadith daripada beliau. Dia juga menyebutkan Abul Tufayl berkata bahawa Ma'ruf menyampaikan beberapa hadith beliau. Hadith beliau telah disebutkan oleh 'Asim, Abu Dawud, 'Ubaydullah ibn Musa dan lainnya. Dia juga menyebutkan Abu Hatim sebagai berkata bahawa yang terkemudian mencatatkan hadith beliau.

Ibn Khallikan menyebut beliau di dalam bukunya *Wafiiyyat* dan menerangkan beliau sebagai seorang, orang suruhan 'Ali ibn Musa al-Rida [as], Dia terus memuji beliau, menyebutkan kenyataan yang mana beliau berkata, "Saya telah sampai kepada kehadiran Allah, meninggalkan segala-galanya dibelakang saya, dengan pengecualian terhadap melayani ketua saya 'Ali ibn Musa al-Rida [as].," Apabila Ibn Qutaybah membincangkan beberapa pemuka-pemuka Shi'a di dalam kerjanya *Al-Ma'arif*, dia memasukkan Ma'ruf ibn Kharbuth diantara mereka. Muslim telah bergantung kepada penyampaian Ma'ruf ibn Kharbuth; rujuklah kepada hadith beliau di dalam bab *hajj* di dalam sahihnya dari Abul Tufayl. Dia meninggal di Baghdad pada tahun 200 H.;[17] pusara beliau adalah mausoleum [tempat ziarah]. Sirri al-Saqti adalah seorang dari muridnya.

## **85. Mansur ibn al-Mu'tamir ibn 'Abdullah ibn Rabi'ah al-Salami al-Kufi**

Beliau adalah seorang sahabat kepada Imams al-Baqir and al-Sadiq (as), dan beliau telah menyampaikan hadith daripada mereka, seperti mana pengarang *Muntahal Maqal fi Ahwal al-Rijal* telah nyatakan. Ibn Qutaybah menjumlahkan beliau diantara pemuka Shi'a di dalam bukunya *Al-Ma'arif*. Al-Jawzjani telah menjumlahkan beliau diantara penyampai 'yang mana golongannya tidak disenangi oleh orang-orang yang tertentu, di dalam asas dan juga cabang-cabang agama, disebabkan kerana taat kepada apa yang mereka pelajari dari keturunan Muhammad [as]. Dia berkata: "Diantara penduduk Kufa, terdapat sekumpulan mereka yang mana kepercayaan mereka tidak disenangi, mereka adalah ketua bagi tradisionis Kufa, seperti Abu Ishaq, Mansur, Zubayd al-Yami, al-A'mash dan lain lagi yang terkenal. Manusia telah menerima mereka hanya kerana mereka menyampaikan hadith dengan jujur." [18] Mengapa mereka sangat benci terhadap manusia yang sangat jujur ini? Adakah kerana mereka berpegang kepada 'Dua Perkara yang Berat?' Atau adakah kerana mereka telah menaikki 'Bahtera Keselamatan'? Atau adakah kerana mereka memasuki kota pengetahuan

Nabi melalui pintunya, iaitu Pintu bagi Keampuhan? Atau adakah kerana mereka mencari perlindungan dengan 'Penyelamat bagi seluruh alam ini'? Atau adakah kerana mereka taat kepada wasiat Rasul iaitu berbaik-baik dengan keturunan baginda? Atau kerana hati mereka telah terserah kepada Allah dan tangisan mereka kerana takut kepadaNya, seperti yang telah diketahui mengenai mereka?

Menyebutkan biografi Mansur ibn al-Mu'tamir ibn 'Abdullah ibn Rabi'ah, Ibn Sa'd berkata yang berikut ini mengenai Mansur pada muka surat 235, Vol. 6 dari *Tabaqat*: "Beliau telah menjadi buta kerana terlalu banyak menangis, kerana takut kepada Allah. Beliau selalu membawa sapu tangan kerana hendak mengeringkan air matanya. Sebahagian mereka mengatakan bahawa beliau berpuasa dan beribadah selama 60 tahun." Bolehkan manusia yang berkualiti bergini menjadi beban kepada manusia? Sebenarnya, tidak, tetapi kita telah dijangkiti oleh sebahagian manusia yang tidak tahu apakah pengertian saksama; maka kita adalah milik Allah dan kepadaNya kita kembali.

Di dalam biografi Mansur ibn al-Mu'tamir ibn 'Abdullah ibn Rabi'ah, Ibn Sa'd juga menyebut Hammad ibn Zayd berkata, "Saya telah melihat Mansur di Mekah, dan saya fikir dia tergolong kepada mereka Khashbis, tetapi saya tidak fikir bahawa dia berdusta apabila dia menyebutkan hadith." Lihatlah terhadap pandangan yang merendahkan, dengki, menghina dan permusuhan secara terang yang terdapat pada keterangan itu. Betapa terkejutnya saya apabila saya mempertimbangkan kenyataannya: 'Saya tidak fikir bahawa dia berkata dusta....' Seakan berkata dusta adalah satu amalan bagi mereka yang ikhlas kepada keturunan Muhammad [as]. Seolah-olah Mansur sahaja yang jujur, dan bukannya semua tradisionis Shi'a yang lain. Memberikan panggilan... seolah-olah Nasibis tidak dapat mencari nama yang mana mereka memanggil Shi'as selain dari panggilan yang salah seperti Khashbis, Turabis, Rafidis, etc. Seakan mereka tidak pernah mendengar perintah Allah: "Dan janganlah bertukar-tukar nama yang keji; apakah jenis kefasikkan untuk menggunakan nama yang buruk selepas menerima keimanan (Qur'an, 49:11)." Ibn Qutaybah telah menyebut "Khashbis" di dalam bukunya *Al-Ma'arif* dan berkata: "Ini adalah Rafidis. Ibrahim al-Ashtar bertemu 'Ubaydullah ibn Ziyad di dalam medan pertempuran. Kebanyakan dari orang-orang Ibrahim mempunyai pengadang dari kayu; dari itu mereka telah dilabelkan sebagai 'khashbis,' orang yang mempunyai kaitan dengan pengadang yang disebabkan oleh kebencian." Yang sebenarnya, Shi'a digelar yang sedemikian adalah untuk menghina dan memandang rendah kepada mereka, dan juga pada senjata kayu mereka, yang dengannya mereka dapat memukul Ibn Marjanah, pengasas bagi golongan Nasibis, dari itu dengannya telah dapat membakar semangat golongan yang menyimpang ini, pembunuh bagi keturunan Muhammad [as]. "Allah telah memotong ekor bagi mereka yang melakukan kezaliman, segala puji bagi Allah, Tuhan seluruh alam ini (Qur'an, 6:45)." Dari itu tidak terdapat sebarang celaan kepada panggilan yang mulia ini, tidak juga sebarang kecacatan di dalam persamaan kepada Turabis, dari Abu Turab (Imam 'Ali, as); kami berbangga dengannya.

Kita telah teralih. Marilah kita kembali kepada topik utama, dan mengatakan bahawa ijmak tradisionis telah bergantung kepada Mansur. Atas sebab ini semua pengarang sahih yang enam dan juga yang lainnya telah bergantung kepada penyampaian beliau, setelah mengetahui beliau adalah Shi'a. Rujuklah kepada hadith beliau di dalam Sahih Bukhari dan Muslim dari Abu Wa'il, Abul Duha, Ibrahim al-Nakh'i dan yang terkemuka lainnya. Beliau menyebut dari Shu'bah, al-Thawri, Ibn 'Aynah, Hammad ibn Zayd dan lainnya yang amat terkenal pada penyampaian hadith yang sedemikian. Ibn Sa'd telah berkata bahawa Mansur telah meninggal pada penghujung tahun 132, dan menambah, "Beliau amat dipercayai pada menyampaikan banyak hadith, beliau sangat mulia dan dihormati, semoga Allah merahmati beliau."

#### **86. Al-Minhal ibn 'Amr al-Kufi, seorang *tabi'i***

Beliau seorang Shi'a yang amat terkenal di Kufa. Atas sebab ini, al-Jawzjani telah kategorikan hadith beliau sebagai 'lemah', mengatakan beliau sebagai 'pengikut golongan yang salah'. Ibn Hazm telah berkata buruk mengenai beliau dengan cara yang sama, dan Yahya ibn Sa'd, juga telah merabib-rabitkan [koyak] nama beliau. Ahmed ibn Hanbal mengatakan yang sebaliknya. Dia berkata: "Abu Bishr lebih berharga kepada saya dari pancutan air yang sejuk, dan beliau lebih dipercayai dari yang lainnya."

Selain dari menjadi pengikut Shi'a yang kuat, telah menyatakan secara umum walaupun semasa al-Mukhtar, Beliau tidak diragui oleh ulama mengenai ketepatan hadith yang beliau sampaikan. Beliau disebutkan oleh Shu'bah, al-Mas'udi, al-Hajjaj ibn Arta'ah, dan ramai lagi dari intelektual yang berkaliber. Beliau dipercayai oleh Ibn Ma'in, Ahmed al-'Ijli dan lainnya. Di dalam *Mizan*, al-Thahbi menyebut penilaian mereka kepada beliau seperti yang dituliskan diatas, memberi tanda nama beliau dengan singkatan Bukhari dan Muslim sebagai petunjuk bahawa keduanya menganggap hadith beliau boleh dipercayai. Rujuk kepada hadith beliau di dalam sahih Bukhari dari Sa'id ibn Jubayr. Di dalam sahih Bukhari, di dalam seksen pengarang bagi Tafsir, hadith beliau telah disampaikan oleh Zayd ibn Abu Anisa. Al-Mansur ibn al-Mu'tamir telah menyebut dari beliau di dalam bab para Rasul.

#### **87. Musa ibn Qays al-Hadrami, Abu Muhammad**

Al-'Aqili menerangkan beliau sebagai "pelampau Rafidi." Suatu ketika, Sufyan bertanya beliau mengenai Abu Bakr. Beliau menjawab: "Ali lebih bererti kepada saya." Musa ibn Qays menyampaikan hadith dari Salamah ibn Kahil, Iyad ibn Iyad, berakhir dengan Malik ibn Ja'na yang melaporkan bahawa "Saya mendengar Umm Salamah berkata bahawa 'Ali adalah bersama dengan yang benar; sesiapa yang mengikuti dia adalah pengikut yang benar, dan sesiapa yang meninggalkan dia, pastinya telah meninggalkan yang benar; ini telah ditentukan." Ianya juga telah disampaikan oleh Abu Na'im al-Fadl ibn Dakin dari Musa ibn Qays. Musa ibn Qays telah menyampaikan hadith yang memuji ahlul bayt berjilid-jilid banyaknya sehingga menimbulkan kemarahan al-'Aqili yang berkata kepada beliau apa yang dia telah katakan [yang diatas]. Ibn Ma'in telah

mempercayai dan bergantung kepada beliau. Abu Dawud dan Sa'd ibn Mansur keduanya telah bergantung pada penyampaiannya di dalam sunan mereka. Al-Thahbi telah menulis biografinya di dalam *Mizan*, mengatakan mengenai beliau dengan apa yang telah ditulis diatas. Rujuk kepada hadith beliau di dalam sunan dari Salamah ibn Kahil dan Hajar ibn `Anbasah. Hadith beliau telah disampaikan oleh Dakin, `Ubaydullah ibn Musa dan penyampai lain yang dipercayai. Dia meninggal, semoga Allah merahmati beliau, semasa pemerintahan al-Mansur.

#### **88. Naif ibn al-Harith Abu Dawud al-Nakh'i al-Kufi al-Hamadani al-Subay'i**

Al-`Aqili menerangkan beliau sebagai "pelampau Rafidi." Al-Bukhari berkata: "Manusia berkata keji mengenai beliau [kerana beliau seorang Shi'a]." Sufyan, Hamam, Sharik dan sekumpulan ulama yang terkenal dengan kaliber yang sedemikian semuanya menyebutkan dari beliau. Al-Tirmithi bergantung kepada beliau di dalam sahihnya. Semua pengarang *musnads* telah merakamkan hadith beliau. Rujuk hadith beliau di dalam Tirmithi dan lainnya dari Anas ibn Malik, Ibn `Abbas, `Umar ibn al-Khattab dan Zayd ibn Arqam. Al-Thahbi telah menulis biografinya dan mengatakan apa yang telah dikatakan diatas.

#### **89. Nuh ibn Qays ibn Rabah al-Hadani**

Beliau juga dikenali sebagai al-Tahi al-Basri. Al-Thahbi menyebut beliau di dalam *Mizan*, menerangkan hadith beliau sebagai sahih, dengan menambah bahawa Ahmed dan Ibn Ma'in mempercayai beliau. Dia juga menyebut Abu Dawud sebagai berkata bahawa beliau adalah Shi'a. Al-Nisa'i telah berkata bahawa tiada kesalahan dengan hadith beliau, dan telah meletakkan pada nama beliau singkatan nama Muslim dan pengarang *sunan* sebagai petunjuk bahawa mereka semua menyebut hadith beliau. Di dalam sahih Muslim, hadith beliau mengenai minuman telah disebutkan oleh Ibn `Awn. Hadith beliau pada etika berpakaian terdapat di dalam sahih Muslim juga sama seperti yang disampaikan oleh adiknya Khalid ibn Qays. Di dalam Muslim beliau telah sebutkan oleh Nasr ibn `Ali. Di dalam kerja selain dari Muslim, hadith beliau telah disebutkan oleh al-Ash'ath dan oleh banyak lagi dari kaliber yang sama. Nuh ibn Qays ibn Rabah melaporkan dari Ayyub, `Amr ibn Malik dan sekumpulan manusia yang lain.

#### **90. Harun ibn Sa'd al-`Ijli al-Kufi**

Al-Thahbi menyebut beliau dan meletakkan nama singkatan Muslim pada nama beliau sebagai petunjuk bahawa Muslim menyebut hadith dari beliau, kemudian dia menerangkan beliau sebagai 'benar di dalam haknya' tetapi dia juga memanggil beliau "Rafidi yang dibenci" yang menyebutnya dari `Abbas dari Ibn Ma'in bahawa beliau adalah pelampau Shi'a. Beliau telah mempelajari hadith dari `Abdul-Rahman ibn Abu Sa'id al-Khudri, yang kemudiannya menyebut dari Muhammad ibn Abu Hafs al-`Attar, al-Mas'udi, dan Hasan ibn Hayy. Abu Hatim berkata bahawa tiada ada sebarang kesalahan pada hadith beliau. Saya teringat satu dari hadithnya yang menerangkan api neraka; ianya dirakamkan di dalam sahih Muslim seperti yang disampaikan oleh al-Hasan ibn Salih dari Harun ibn Sa'd al-`Ijli, dari Salman.

#### **91. Hashim ibn al-Barid ibn Zayd Abu `Ali al-Kufi**

Al-Thahbi menyebut beliau dan meletakkan singkatan nama Abu Dawud dan al-Nisa'i pada nama beliau untuk menunjukkan bahawa beliau adalah seorang dari penyampainya, menyebutkan Ibn Ma'in dan yang lainnya pada mengesahkan beliau sebagai yang dipercayai, sebagai tambahan dari testimoni nya sendiri yang mengatakan beliau "Rafidi." Dia menyebutkan Ahmed sebagai berkata bahawa tiada kesalahan dengan hadith beliau. Hashim menyampaikan hadith dari Zayd ibn `Ali dan Muslim al-Batin, dan dia disebutkan oleh al-Kharibi dan anak lelakinya `Ali ibn Hashim, yang mana kami telah rujuk diatas, sebagai tambahan kepada sekumpulan ulama yang terkenal. Hashim taat kepada Shi'ism, dan ini telah diperjelaskan apabila kita bincangkan `Ali ibn Hashim.

#### **92. Hubayrah ibn Maryam al-Himyari**

Beliau adalah seorang dari sahabat Imam `Ali (as), sama setaraf hanya dengan al-Harith di dalam keikhlasan dan persahabatan mereka. Al-Thahbi menyebut beliau dan meletakkan pada nama beliau singkatan nama pengarang sunan sebagai rujukan bahawa beliau adalah seorang penyampai kepada musnad mereka, kemudian dia menyebutkan Ahmed sebagai berkata, "Tiada kesalahan dengan hadith beliau, dan beliau adalah lebih berharga kepada kami dari al-Harith." Al-Thahbi menyebut dari Ibn Kharash menerangkan Hubayrah sebagai 'lemah'; dia pernah menyerang yang luka di Siffin." Al-Jawzjani mengatakan yang berikut mengenai beliau: "Beliau adalah pengikut al-Mukhtar yang akan membunuh mereka yang cedera di dalam peperangan Khazir."

Al-Shahristani, di dalam bukunya *Al-Milal wal Nihal*, telah mengatakan beliau adalah diantara pemuka Shi'a, fakta yang telah dipercayai oleh semua. Hadith beliau dari `Ali (as) tidak dipersoalkan di dalam sunan, dan beliau telah disebutkan oleh keduanya Abu Ishaq dan Au Fakhita."

#### **93. Hisham ibn Ziyad Abul Miqdam al-Basri**

Al-Shahristani telah menulis beliau di dalam *Al-Milal wal Nihal* diantara pemuka shi'a. Al-Thahbi menyebut beliau dua kali: satu pada abjad index, dan satu lagi di dalam bab *kunayat*, meletakkan Q pada nama beliau untuk menunjukkan bahawa Dar Qutni penulis sunan, bergantung kepada penyampaian beliau. Rujuk kepada

hadith beliau di dalam sahih Tirmithi dan hasil kerja-kerja yang lain seperti yang disampaikan dari al-Hasan dan al-Qardi. Beliau telah disebutkan oleh Shayban ibn Farukh, al-Qawariri dan lainnya..

#### **94. Hisham ibn `Ammar ibn Nasr ibn Maysarah, Abu al-Walid**

Beliau juga dikenali sebagai al-Zafri al-Dimashqi. Beliau seorang dari penasihat Bukhari seperti yang nyatakan di dalam sahihnya. Ibn Qutaybah mengatakan bahawa beliau adalah seorang diantara pemuka Shi'a apabila dia menyebutkan beberapa orang dari mereka di dalam bab golongan di dalam bukunya *Al-Ma'arif*. Al-Thahbi menyebut beliau di dalam *Mizan*, menerangkan beliau sebagai "Imam, pemidato, qari Damascus, seorang tradisionis dan juga ulama, seorang jujur yang telah menyampaikan banyak hadith, meskipun beliau mempunyai beberapa [ideologi] yang salah, etc."

Al-Bukhari menyebut beliau secara terus di dalam bab "mereka yang secara suka-rela memberikan tambahan masa untuk membayar balik pinjaman" di dalam bab jual beli pada sahihnya dan di dalam lain bab yang para penyelidik telah terbiasa. Bab yang sedemikan, saya percaya, ada pada bukunya *Al-Maghazi*, bukunya mengenai minuman, dan pada bab sifat-sifat para sahabat Rasul [sawas]. Hisham ibn `Ammar menyampaikan hadith dari Yahya ibn Hamzah, Sadaqah ibn Khalid, `Abdul-Hamid ibn Abul `Ishrin dan lainnya. Pengarang *Al-Mizan* berkata: "Ramai yang menyebut hadith beliau; mereka datang ketempat beliau untuk belajar bagaimana untuk membaca al-Quran dan pada penyampaian hadith. Hadith beliau telah disebutkan oleh al-Walid ibn Muslim, seorang dari penasihatnya, sedang beliau sendiri menyampaikan hadith dari Abu Lahi'ah. `Abdan telah berkata bahawa tiada tradisionis yang serupa dengan beliau didunia ini, sedangkan yang lain mengatakan bahawa Hisham seorang yang bercakap lepas, bijak, mudah untuk difahami dan beliau mempunyai ilmu yang banyak."

Seperti Shi'a yang lain, Hisham ibn `Ammar percaya bahawa gaya bahasa al-Quran hanya diciptakan oleh Allah awj. Apabila Ahmed [ibn Hanbal] mendengar mengenainya, seperti mana yang dinyatakan oleh pengarang *Al-Mizan* di dalam biografi, Hisham ibn `Ammar, dia membalas dengan berkata, "Saya telah mengetahui beliau sebagai perosak, semoga Allah membakar beliau." Ahmed juga telah menjumpai buku yang ditulis oleh Hisham yang mana terdapat syarahan beliau yang berkata: "Pujian bagi Allah yang telah menunjukkan diriNya kepada makhluknya melalui dari apa yang telah dijadikanNya." Ini telah membuat Ahmed menjadi amat marah, sehinggakan dia meminta semua orang yang pernah bersolat dibelakang Hisham supaya mengulangi solat mereka. Ahmed tidak dapat melihat kenyataan Hisham yang jelas pada mengatakan bahawa Allah amat unggul dari boeh dilihat, maha tinggi dari mereka yang bertanya mengenaiNya dengan 'bagaimana' atau 'dimana', mencukupilah dengan kesyukuran dari makhluknya. Kenyataan beliau boleh dibandingkan dengan sesaorng yang mengatakan: Dia telah menunjukkan mukjizatNya didalam semua kejadian yang diciptakanNya," atau ianya mungkin boleh jadi lebih tepat dan sesuai dari yang terkemudian; tetapi para ulama dari kaliber yang sama mengatakan terhadap sesama mereka dibahagian yang mereka suka atau sebaliknya, masing-masing adalah setinggi mana darjah pengetahuan mereka. Hisham ibn `Ammar telah dilahirkan pada tahun 153, dan meninggal pada permulaan Muharram tahun 245 H.; semoga Allah merahmatinya.

#### **95. Hashim ibn Bashir ibn al-Qasim ibn Dinar al-Wasiti, Abu Mu'awiyah**

Tempat lahir beliau adalah Balkh. Datuknya al-Qasim telah berpindah ke Wasit untuk memulakan perniagaan. Ibn Qutaybah menulis beliau di dalam *Al-Ma'arif* diantara pemuka Shi'a. Beliau adalah penasihat Imam Ahmed ibn Hanbal dan semua mereka yang sama kaliber. Al-Thahbi telah menyebut beliau di dalam bukunya *Al-Mizan*, menandakan nama beliau dengan petunjuk bahawa semua pengarang buku enam sahih bergantung kepada penyampaian beliau, dan menerangkan beliau sebagai seorang yang telah menghafal keseluruhan al-Quran. Berkata al-Thahbi: "Beliau adalah seorang ulama yang amat terkenal. Beliau belajar hadith dari al-Zuhri dan Hasan ibn `Abdul-Rahman. Hadith beliau telah disebutkan oleh al-Qattan, Ahmed, Ya'qub al-Dawraqi, dan oleh ramai yang lain."

Rujuklah kepada hadith beliau di dalam buku sahih Bukhari dan Muslim seperti yang disampaikan oleh Hamid al-Tawil, Isma'il ibn Abu Khalid, Abu Ihaq al-Shaybani, dan oleh yang lain. Beliau telah disebutkan di dalam kedua buku oleh `Umer, al-Naqid, `Amr ibn Zararah, dan Sa'id ibn Sulayman. Di dalam Bukhari, hadith beliau telah disebutkan oleh `Amr ibn `Awf, Sa'd ibn al-Nadir, Muhammad ibn Nabahan, `Ali ibn al-Madini, dan Qutaybah. Di dalam Muslim, beliau disebutkan oleh Ahmed ibn Hanbal, Shurayh, Ya'qub al-Dawraqi, `Abdullah ibn Mu'it, Yahya ibn Yahya, Sa'id ibn Mansur, Ibn Abu Shaybah, Isma'il ibn Salim, Muhammad ibn al-Sabah, Dawud ibn Rashid, Ahmed ibn Mani', Yahya ibn Ayyub, Zuhayr ibn Harb, `Uthman ibn Abu Shaybah, `Ali ibn Hajar, dan Yazid ibn Harun. Dia meninggal, semoga Allah merahmati beliau, di Baghdad dalam tahun 183 H. ketika berumur 79.

#### **96. Waki' ibn al-Jarrah ibn Malih ibn `Adi**

*Kunyat* beliau adalah "Abu Sufyan," kerana anak lelaki beliau Sufyan al-Ruwasi al-Kufi. Beliau adalah dari suku kaum Qays Ghilan. Di dalam buku *Ma'arif*, Ibn Qutaybah menjumlahkan beliau diantara pemuka Shi'a. Di dalam bukunya *Tahthib*, Ibn al-Madani telah berkata bahawa Waki' berpegang kepada Shi'ism. Marwan ibn Mu'awiyah tidak pernah meragui bahawa Waki' adalah "Rafidi."

Suatu ketika Yahya ibn Ma'in melawat Marwan dan mendapati dia dengan papan tulis yang menggandongi kenyataan mengenai orang itu dan orang ini. Diantara kandongannya adalah kenyataan yang menerangkan Waki' sebagai Rafidi. Ibn Ma'in berkata kepada Marwan: "Waki' lebih baik dari kamu." "Lebih baik dari saya?!" bentak Marwan. Ibn Ma'in menjawab: "Ya, lebih baik dari kamu." Ibn Ma'in membayangkan bahawa Waki'

telah mengetahui mengenai dialog ini dan dia bertindak dengan mengatakan, "Yahya adalah seorang sahabat kami." Ahmed ibn Hanbal telah ditanya, "Jika terdapat kepincangan di dalam penyampaian hadits diantara Waki' dan Abdul-Rahman ibn Mahdi, hadits siapa yang kamu terima?" Ahmed menjawab bahawa dia sendiri lebih mengutamakan hadits `Abdul-Rahman atas sebab yang dia nyatakan. Diantaranya adalah yang ini: "Abdul-Rahman tidak pernah mengatakan sesuatu yang menghinakan mengenai keturunan kita, tidak seperti Waki' ibn al-Jarrah." Ini telah disokong oleh kenyataan yang dirakamkan oleh al-Thahbi pada penghujung biografi al-Hasan ibn Salih dimana dia mengatakan bahawa Waki' pernah berkata: "Al-Hasan ibn Salih, dalam pandangan saya, adalah seorang Imam hadits." Sebahagian manusia berkata kepada beliau, "Tetapi dia tidak memintakan keamanan Allah untuk `Uthman." Beliau berkata, "Adakah kamu meminta Allah merahmati ruh al-Hajjaj?" ini telah menyamakan `Uthman dengan al-Hajjaj.

Al-Thahbi telah menyebut beliau di dalam *Al-Mizan* dengan menyatakan pandangan yang diatas mengenai beliau. Kesemua pengarang sahih yang enam dan juga yang lainnya telah bergantung pada penyampaian beliau. Rujuk kepada hadits beliau di dalam sahih Bukhari dan Muslim seperti yang disampaikan oleh al-A'mash, al-Thawri, Shu'bah, Isma'il ibn Abu Khalid, dan `Ali ibn al-Mubarak. Beliau telah disebutkan di dalam kedua buku oleh Ishaq al-Hanzali dan Muhammad ibn Namir. Al-Bukhari menyebut hadits beliau seperti yang disampaikan oleh `Abdullah al-Hamidi, Muhammad ibn Salam, Yahya ibn Ja'fer ibn A'yan, Yahya ibn Musa, dan Muhammad ibn Muqatil. Di dalam buku Muslim, beliau telah disebutkan oleh Zuhayr, Ibn Abu Shaybah, Abu Karib, Abu Sa'd al-Ashaji, Nasr ibn `Ali, Sa'd ibn Azhar, Ibn Abu `Umer, `Ali ibn Kashram, `Uthman ibn Abu Shaybah, dan Qutaybah ibn Sa'd. Dia meninggal, semoga Allah merahmati ruhnyanya, di Firdaus apabila beliau di dalam kumpulan kafilah yang pulang dari haji, dalam bulan Muharram tahun 197 H. ketika berumur 68.

### **97. Yahya ibn al-Jazzar al-`Arni al-Kufi**

Beliau adalah seorang sahabat Amirul Mukminin [as]. Al-Thahbi menyebut beliau di dalam *Al-Mizan* dan menandakan nama beliau untuk menunjukkan bahawa Muslim dan pengarang sunan bergantung kepada penyampaian beliau, pengarang menerangkan bahawa beliau adalah seorang yang jujur dan dipercayai, menyebut dari al-Hakam ibn Atbah yang berkata bahawa Yahya ibn al-Jazzar adalah "pelampau" dalam pandangan Shi'anya. Ibn Sa'd telah menyebut beliau pada muka surat 206, Vol. 6, dari bukunya *Tabaqat* dengan berkata: "Yahya ibn al-Jazzar patuh kepada Shi'ism, dan beliau adalah pelampau pada melakukannya; bahkan ramai yang telah berkata bahawa beliau amat dipercayai, dan beliau banyak menyampaikan hadits."

Saya telah melihat bagaimana sahih Muslim telah menggandungi satu hadits mengenai ibadah yang beliau telah sampaikan dari `Ali, dan yang lain lagi mengenai iman yang disampaikan dari `Abdul-Rahman ibn Abu Layla. Al-Hakam ibn `Ubayda dan al-Hasan al-`Urfi telah menyebutkan hadits beliau di dalam Muslim dan lainnya.

### **98. Yahya ibn Sa'id al-Qattan**

*Kunyat* beliau adalah "Abu Sa'id." Beliau adalah hamba kepada Banu Tamim al-Basri, dan beliau adalah tradisionis yang amat terkenal pada masa itu. Qutaybah telah menjumlahkan beliau diantara pemuka Shi'a di dalam *Ma'arif*. Pengarang dari enam sahih dan yang lainnya telah bergantung pada penyampaian beliau. Hadits beliau dari Hisham ibn `Urwah, Hamid al-Tawil, Yahya ibn Sa'id al-Ansari dan lainnya berdiri teguh di dalam Bukhari, Musaddad, `Ali ibn al-Madini dan Bayan ibn `Amr. Di dalam buku Muslim hadits beliau telah disampaikan oleh Muhammad ibn Hatim, Muhammad ibn Khalad al-Bahili, Abu Kamil Fadl ibn Husayn al-Jahdari, Muhammad al-Muqaddimi, `Abdullah ibn Hashim, Abu Bakr ibn Abu Shaybah, `Abdullah ibn Sa'd, Ahmed ibn Hanbal, Ya'qub al-Dawraqi, Ahmed ibn `Abdah, `Amr ibn `Ali, dan `Abdul-Rahman ibn Bishr. Dia meninggal, semoga Allah merahmati ruhnyanya, dalam tahun 198 H. ketika berumur 78.

### **99. Yazid ibn Ziyad al-Kufi, Abu `Abdullah**

Beliau adalah hamba kepada Banu Hashim. Al-Thahbi menyebut beliau di dalam *Al-Mizan*, meletakkan pada nama beliau singkatan nama Muslim dan empat pengarang sunan untuk menunjukkan bahawa mereka semua menyebutkan hadits dari beliau. Dia menyebutkan bahawa Abu Fadl berkata: "Yazid ibn Ziyad adalah seorang Imam Shi'a yang terkemuka" Al-Thahbi telah mengakui bahawa beliau adalah seorang ulama Kufa yang amat terkenal. Walaupun dengan semua ini, ramai yang telah menyerang beliau, persediaan menentang beliau dengan segala cara pada penghinaan dan tuduhan disebabkan bahawa, bergantung dari Abu Barzah atau mungkin Abu Bardah, beliau telah menyampaikan satu hadits yang mengatakan yang berikut: "Kami berada bersama Rasul [sawas] apabila telah kedengaran nyanyian. Kemudian `Amr ibn al-`Aas dan Mu'ayyah datang dengan sambil menyanyi. Rasul [sawas] berkata: `Wahai Tuhan yang Perkasa! Libatkanlah kedua orang ini di dalam permusuhan, dan balingkan mereka kedalam api neraka.'" Rujuk kepada hadits beliau mengenai minuman di dalam sahih Muslim dari `Abdul-Rahman ibn Abu Layla seperti yang disampaikan dari Sufyan ibn `Aynah. Dia meninggal, semoga Allah merahmati beliau, dalam tahun 136 ketika berumur lebih kurang 90 tahun.

### **100. Abu `Abdullah al-Jadali**

Al-Thahbi telah menyebut beliau di dalam bab *kunyat*, meletakkan pada nama beliau "DT" untuk menunjukkan bahawa beliau adalah diantara yang dipercayai oleh keduanya Dawud dan Tirmithi di dalam buku sahih mereka, kemudian dia menerangkan bahawa beliau adalah seorang "Shi'a." Dia menyebutkan dari al-Jawzjani yang berkata bahawa beliau adalah pembawa panji-panji al-Mukhtar. Dia juga menyebutkan dari Ahmed yang

menerangkan beliau sebagai yang boleh dipercayai." Al-Shahristani telah menjumlahkan beliau sebagai diantara pemuka Shi'a di dalam bukunya *Al-Milal wal Nihal*. Ibn Qutaybah telah menjumlahkan beliau diantara penganut kuat "Rafidis" di dalam bukunya *Al-Ma'arif*. Rujuk kepada hadith beliau di dalam buku sahih keduanya Tirmithi dan Abu Dawud dan juga buku *musnads* sunni yang lain.

Ibn Sa'd menyebut beliau pada muka surat 159, Vol. 6, dari buku *Tabaqat* dimana dia berkata bahawa, "Abu 'Abdullah al-Jadali seorang penganut kuat Shi'a. Sebahagian mengatakan beliau mengetuai pasukan polis al-Mukhtar, dan bahawa beliau telah dihantar kepada 'Abdullah ibn al-Zubayr bersama dengan 800 orang untuk menghapuskan mereka dan menyokong Muhammad ibn al-Hanafiyyah terhadap perancangan Ibn al-Zubayr." Yang sebenarnya Ibn al-Zubayr telah mengenakan kepongan kepada rumah Ibn al-Hanafiyyah dan Banu Hashim, mengelilingi rumah mereka dengan kayu api di dalam persediaan untuk membakar mereka hidup-hidup, kerana mereka tidak mahu memberikan bai'ah kepadanya, tetapi Abu 'Abdullah al-Jadali telah menyelamatkan mereka dari bencana tersebut; semoga Allah memberikan ganjaran kepada beliau dari apa yang telah dilakukan untuk ahli rumah Rasul [as]

Sebanyak ini telah mengakhiri apa yang kami telah dapat mengatakan di dalam keadaan tergesa-gesa, 100 wira Shi'a, yang mana penyampaian hadith mereka telah dipercayai oleh sunni. Mereka ini adalah pemelihara pengetahuan ummah. Melalui mereka, sunnah Rasul telah dikekalkan, dan mereka telah dicari oleh pengarang buku sahih dan musnad. Kami telah sebutkan mereka dengan nama-nama mereka, dan menyatakan teks sunni yang telah mengesahkan mereka sebagai Shi'a, dan terus juga terima penyampaiannya, seperti yang kamu telah minta. Saya fikir mereka yang menimbulkan bantahan akan melihat kesilapan mereka pada mengatakan bahawa sunni tidak bergantung pada penyampaian hadith dari Shi'a. Mereka akan mengetahui bahawa kriteria penyampaian hadith adalah kejujuran dan tepat, tidak kira dari golongan mana mereka datang, Sunni ataupun Shi'a. Jika segala hadith yang disampaikan oleh Shi'a semuanya ditolak, maka sebahagian besar dari sunnah Rasul [sawas] akan hilang, seperti al-Thahbi sendiri telah mengakui ketika menyampaikan biografi Aban ibn Taghlib di dalam bukunya *Al-Mizan*. Tidak ada testimoni yang lebih baik dari itu.

Kamu, semoga Allah menjadikan kemenangan kepada yang benar melalui diri kamu, telah tahu bahawa terdapat beberapa orang dari keturunan Shi'a, selain dari mereka yang telah dinyatakan diatas, dimana jumlah mereka berlipat kali ganda dari yang seratus ini, yang mana sunni telah bergantung kepada penyampaian hadith dari mereka. Terdapat mereka 'yang lain', golongan ini mempunyai kaliber yang lebih tinggi; mereka menyampaikan hadith yang lebih sahih, dan yang mempunyai lebih pengetahuan. Dan diri mereka lebih hampir kepada era Rasul [sawas], dengan senioriti pada memeluk kepercayaan Shi'a. Mereka adalah sahabat Shi'a rasul [sawas], semoga Allah meridhai mereka semua. Kami telah memperkatakan dengan nama mereka yang mulia pada penghujung kerja kami dari *Al-Fusul al-Muhimmah*. Terdapat juga mereka diantara tabi'in yang dipercayai yang mana penyampaian hadith mereka telah diterima. Setiap seorang dari mereka adalah jujur dan telah menghafal keseluruhan al-Quran, dan hujah-hujah mereka bernas dan tidak dapat dibangkang. Diantara mereka yang sedemikian, terdapat mereka yang telah syahid ketika menyokong peperangan sampingan dan utama, Peperangan Unta, Siffin, Al-Nahrawan, yang berlaku di Hijaz begitu juga di Yemen, ketika Bisr ibn Arta'ah menyerang mereka, ketika permusuhan al-Hadrami yang telah dihantar ke Basrah oleh Mu'awiyah. Mereka juga termasuk yang syahid pada Peperangan Taff bersama dengan Ketua Remaja Disyurga [Imam Husayn ibn 'Ali, as], dan mereka yang telah syahid bersama dengan cucunya Zayd, dan ramai lagi yang terpaksa menghadapi bermacam-macam kezaliman dan tuduhan, di dalam membalas terhadap pembunuhan beramai-ramai kepada keturunan Muhammad [as]. Diantara mereka ada yang dibunuh hanya kerana berpegang teguh kepada kepercayaan mereka. Yang lainnya secara kejam telah diusir dari tempat kediaman mereka, dan mereka yang telah memilih kepada *taqiyya*, takut akan keselamatan nyawa mereka atau disebabkan kerana fizikal yang lemah, seperti al-Ahnaf ibn Qays, al-Asbagh ibn Nabatah, Yahya ibn Ya'mur; beliau inilah yang pertama menggunakan titik kepada huruf abjad Arab, al-Khalil ibn Ahmed al-Farahidi, yang menemui perundangan kepada nahu Arab dan penelitiannya, Ma'ath ibn Muslim al-Harra, yang meletakkan asas kepada sains ta'arif di dalam bahasa Arab, dan ramai lagi yang lain, jika biografi mereka sepenuhnya hendak dituliskan, ianya akan memerlukan jilid-jilid buku yang tebal.

Kita ketepikan kebencian Nasibis terhadap manusia ini melalui cara mereka menyerang dengan mengatakan hadith manusia-manusia ini sebagai 'lemah', dan mereka memamah nama-nama manusia mulia ini, dari itu telah merugikan mereka dengan pengetahuan yang berfaedah darinya. Terdapat ratusan Shi'a yang berkepercayaan yang telah menghafal hadith, umpama rumah-api untuk petunjuk yang telah diabaikan oleh sunni. Untuk manusia ini, Shi'a telah mengadakan angka-angka petunjuk dan bibliografi yang menggandungi cerita-cerita mereka. Kerja-kerja ini telah membuktikan sejauh mana khidmat manusia ini terhadap agama dan syariah. Sesiapa yang menyelidiki manusia ini, akan mendapati golongan mereka adalah model terhadap kejujuran, kebenaran, wara', zuhud, ibadah, dan keikhlasan dalam membawa ummah hampir kepada Allah awj, kepada RasulNya [sawas], kepada kitabNya dan juga kepada para Imam kaum Muslim, begitu juga kepada orang awamnya. Kita berdoa kepada Allah untuk membolehkan kami dan juga diri kamu untuk mendapat manfaat dari rahmatNya; Dia yang maha pemurah.

Yang ikhlas,  
'Sh'

[1] Surat ini telah menjadi amat panjang kerana topiknyanya memerlukan ianya menjadi yang sedemikian. Ulama tidak akan bosan dengan panjangnya, disebabkan oleh kandongannya yang memuatkan faedah yang tidak ternilai dan yang dicari oleh penyelidik dan pengkritik. Selain dari yang itu, biarlah mereka yang bosan



membaca sebahagian darinya, dan biarlah mereka menilai yang lainnya dengan saksama, kemudian beralihlah kepada surat yang ke 17, surat selepas ini. Kerana takut membosankan kamu dengan surat yang panjang ini, kami telah menahan dari memuatkan lis-lis buku yang mengandungi maklumat yang berharga dan juga menarik.

[2] Setelah menyebutkan Isma'il ibn 'Abbad, al-Thahbi terkeluar dari caranya yang biasa pada menentukan di dalam bukunya *Al-Mizan*, menyenaraikan beliau sebelum Isma'il ibn Aban al-Ghanawi dan Isma'il ibn Aban al-Azdi. Yang sebenarnya dia telah membuat kesalahan yang besar terhadap dirinya sendiri, dengan mengeneipkan segala hak yang asas.

[3] Kollar yang diletakkan pada leher anjing; maksudnya disini adalah waktu untuknya pergi telah tiba apabila tali telah di ikatkan pada lehernya.

[4] Lihat muka surat 196 versi pendek bagi *Al-Jami' Baynal 'Ilmi wa Fad'ilih* oleh ulama sekarang Shaykh Ahmed ibn 'Umer al-Muhammasani al-Beirut.

[5] Rujuk pada muka surat 199 dari ringkasannya di dalam buku yang ditulis oleh seorang ulama Shaykh Ahmed ibn 'Umer al-Muhammasani al-Beirut.

[6] Ibn 'Adi menyebut rantaian penyampai termasuk al-Husayn ibn 'Ali al-Sukuni al-Kufi, Muhammad ibn al-Hasan al-Sukuni, Salih ibn al-Aswad, al-A'mash, dan 'Atiyyah, mengatakan bahawa Jarir telah ditanya suatu ketika: "Bagaimana kedudukan status 'Ali's diantara kalangan kamu?" Jarir menjawab: "Beliau adalah manusia yang terbaik" Ini telah disebutkan oleh Muhammad Ahmed al-Thahbi di dalam biografi Salih ibn Abul-Aswad di dalam *Al-Mizan*. Walaupun dengan al-Thahbi seorang fanatik yang ekstrem, apa yang dapat disebutkan didalam komennya kepada hadith ini adalah kenyataannya: "Dia mungkin bermaksud semasa hidupnya dia ['Ali]."

[7] Kenyataan dia "Betapa agungnya, 'Ali," walaupun satu pujian, tidak membawa apa-apa kebaikan kepada kedudukan status Imam [as], walaupun datang dari seorang pengikutnya. Penolakan Sharik terhadap pujian yang begitu lemah dan ancaman kemarahan beliau adalah menurut pada norma tradisi diperbolehkan. Terdapat perbezaan diantara kenyataan Omayyad durjana yang membayangkan "Betapa agungnya, 'Ali," setelah mendengarkan kemuliaan-kemuliaan 'Ali yang tak terucapkan, begitu juga dengan ayat-ayat dari al-Quran.

[8] Beliau juga seorang dari mereka yang ditugaskan untuk memerangi petualang seperti mana Ibn Hajar katakan ketika kita membincangkan Sihan ibn Sawhan di dalam bahagian 1 dari bukunya *Al-Isabah*.

[9] Telah dikatakan kepada al-Sha'bi, seperti yang disebutkan di dalam biografi Rashid al-Hijri di dalam buku al-Thahbi *Al-Mizan*, "Apa kenanya dengan kamu? Mengapa kamu mencari kesalahan dengan sahabat 'Ali? Tidakkah kamu belajar apa yang kamu telah belajar dari mana-mana mereka?" Dia bertanya: "Dari siapa?" Mereka menjawab: "Dari al-Harith dan Sa'sa'ah." Dia berkata: "Berkenaan dengan Sa'sa'ah, beliau adalah, pemedato yang fasih, dan saya belajar darinya bagaimana hendak menyampaikan syarahan, dan sebenarnya al-Harith adalah pakar dalam bidang mathematics, dan dari dia saya pelajari yang sama."

[10] Mencukupi untuk kamu pada pengesahan bukti kepada fakta, apa yang disebutkan oleh Ibn Hajar di dalam biografi nya di bahagian 3 dari bukunya *Isabah*, Vol. 2, muka surat 241.

[11] Ya, beliau telah dipersetujui oleh mereka yang adil, dan mereka telah memuatkan di dalam sahih mereka dengan kepuasan. Mereka yang menentangannya adalah Nasibis dan Kharijites. Ini termasuk apa yang disampaikan oleh Ahmed ibn al-Azhar, yang telah diterima sebuah suara sebagai penyampai hadith yang dipercayai, dengan berkata: "'Abdel-Razzaq telah mengajarkan kepada saya beberapa hadith yang pilihan yang mana beliau telah mengetahuinya melalui rantaian penyampai yang termasuk Mu'ammarr, al-Zuhri, dan 'Ubaydullah dan berakhir dengan Ibn 'Abbas yang mengatakan bahawa Rasul Allah [sawas] memandang sekali kepada 'Ali dan berkata: 'Kamu adalah ketua pada kehidupan ini, dan ketua pada kehidupan yang mendatang; sesiapa yang mencintai kamu mencintai saya, dan sesiapa yang membenci kamu membenci saya; mereka yang kamu cinta dicintai Allah, dan mereka yang kamu tidak suka telah dibenci oleh Allah; malang bagi mereka yang membenci kamu.'" Ini telah disebutkan oleh al-Hakim pada muka surat 128, Vol. 3, dari bukunya *Al-Mustadrak*, diikuti oleh komen pengarang: "Ini adalah hadith yang sahih menurut pengesahan dari kedua shaykh." Diantara lain adalah apa 'Abdel-Razzaq telah sampaikan dari Mu'ammarr, dari Ibn Najih, dari Mujahid, dari Ibn 'Abbas yang berkata bahawa Fatima (as) pernah berkata: "Wahai Rasul Allah! Kamu telah mengahwinkan saya kepada pemberi nafkah yang tidak mempunyai wang." Dia berkata: "Tidakkah kamu merasa gembira bahawa Allah telah melihat kepada penduduk dunia dan telah memilih diantara mereka dua orang, dan Dia menjadikan seorang darinya bapa kamu dan yang lainnya suami kamu?" Hadith ini telah disebutkan oleh al-Hakim pada muka surat 129, Vol. 3, dari bukunya *Al-Mustadrak* melalui Sarih ibn Yunus, Abu Hafs, al-A'mash, Abu Salih, sehinggalah kepada Abu Hurayrah.

[12] Allah melarang bahawa mereka yang mempunyai perasaan benci, hanya Mu'awiyah dan kumpulannya yang zalim yang mempunyai perasaan yang sedemikian. Diantara kebencian yang sedemikian yang disampaikan oleh 'Abdel-Razzaq melalui rantaian penyampai yang termasuk juga: Ibn 'Aynah, 'Ali ibn Zayd ibn Jath'an, Abu Nadrah, sehinggalah kepada Abu Sa'd yang menyebutkan dari Rasul [sawas] yang berkata: "Jika kamu melihat Mu'awiyah duduk diatas mimbar saya, bunuhlah dia."

[13] Sebab untuk ini adalah yang sebenarnya bahawa beliau [as] meninggal pada tahun 148 ketika berumur 65.

[14] Pemergian Imam al-Jawad [as] berlaku pada tahun 220; beliau berusia 25 tahun. Mereka telah melakukan kesilapan, mereka yang mengatakan bahawa 'Abdel-Razzaq menyampaikan hadith dari al-Baqir, kerana al-Baqir [as] wafat pada tahun 114 ketika berumur 57 tahun, 12 tahun sebelum 'Abdel-Razzaq dilahirkan.

[15] Ini boleh diambil dari biographi datuknya Sa'd ibn Janadah di dalam bahagian 1 dari *Al-Isabah*.

[16] Sebahagian mengatakan "Ibn Fayruz," yang lain mengatakan "Ibn Fayruzan," sedang yang lain lagi memanggil dia "Ibn `Ali."

[17] Sebahagian mengatakan dalam tahun 201, sedang yang lain mengatakan pada tahun 204.

[18] Seperti di dalam biografi Zubayd al-Yami di dalam *Al-Mizan*. Kami telah menyebutkan kenyataan ini dari al-Jawzjani ketika membincangkan biografi-biografi Zubayd, al-A' mash, dan Abu Ishaq, dan kami muatkan komen yang berharga mengenai mereka.

## SURAT 17

1] MENGHARGAI SENTIMEN PEMBINCANG

2] TERIMA, TIDAK ADA BANTAHAN JIKA AHLEL SUNNAH BERGANTUNG PADA PENYAMPAIAN SHI'A

3] KEPERCAYAANNYA KEPADA KEAJAIPAN AHL AL-BAYT

4] DILEMMA UNTUK BERTOLAK-ANSUR PERKARA YANG DIATAS DENGAN APA YANG DILAKUKAN OLEH AHL AL-QIBLA

**Thul-Hijjah 3, 1329 H.**

1] Saya bersumpah demi mata mu, bahawa saya belum pernah melihat sesiapa yang lebih berhati mulia, cepat di dalam menangani sesuatu tajuk, tekun, berpandangan dalam, bernas dalam penghujahan, jelas dalam pembuktian, selain dari kamu. Surat kamu telah sampai seperti berarusnya air terjun, dan penjelasan kamu telah mengawal segala pancaindera dan sentimen saya. Surat kamu yang terakhir telah memulas leher manusia [untuk melihat kembali kearah yang betul], dan menghancurkan kepala kepalsuan.

2] Sunni tidak lagi punya sebarang alasan untuk tidak bergantung kepada saudaranya Shi'a, jika ianya jujur. Pandangan kamu dalam perkara ini amatlah jelas, dan bahawa penentang kamu tidak lebih dari fanatik yang tidak diterima. Hujah mereka bahawa adalah salah untuk bergantung kepada Shi'a bertentangan dengan apa yang dilakukan, dan apa yang mereka lakukan sebenarnya bertentangan dengan hujah-hujah mereka. Hujah dan amalan mereka tidak berlumba di dalam satu arena yang sama, tidak juga mereka menuju kematlamat yang satu, disebabkan oleh pergeseran diantara mereka yang menyebabkan mereka untuk terus bergeseran. Atas sebab ini, hujah mereka telah terbukti salah, sedangkan kamu kekal mantap. Dalam masa yang begitu singkat, kamu telah menghasilkan, apa yang saya anggap sebagai satu penulisan yang mana tajuknya adalah, 'Perawi Shi'a Pada Menyokong Perawi Sunni,' mungkin agak sesuai. Objektif sebenar kami bukanlah untuk mempertahankan golongan ini atau itu; atau menang berhujah, bahkan saya berharap ianya akan insya Allah, membawa pembaharuan yang cemerlang di dalam dunia Islam.

3] Kami percaya di dalam mukjizat Allah, yang terdapat pada ketua kami Amirul Mukminin, dan pada mereka Ahlul al-Bayt [as], lebih dari apa yang kamu katakan.

4] Persoalannya sekarang, mengapa manusia ahl al-qibla berpaling dari mengikuti laluan para Imam Ahl al-Bayt [as]? Mengapa manusia tidak menyembah Allah melalui konsep *usul* dan *furu'* Ahl al-Bayt? Mengapa manusia tidak mengambil kata-kata Ahl al-Bayt sebagai muktamad di dalam perkara yang pertikaikan? Mengapa ulama ummah tidak menyelidik pandangan Ahl al-Bayt? Mengapa manusia sebaliknya menentang ideologi Ahl al-Bayt? Ulama ummah selalunya, dari anak kepada bapa, saya merujuk kepada manusia-manusia tertentu, selain dari Ahl al-Bayt, tidak dinafikan telah melakukan itu [menentang Ahl al-Bayt]. Jika ayat-ayat al-kitab dan juga teks sunnah adalah seperti apa yang kamu katakan, Ahl al-Qibla tentunya tidak berpaling dari Imam Ahl al-Bayt, tidak juga manusia akan menerima sebarang pilihan yang lain darinya. Tetapi manusia tidak faham pada ayat-ayat al-kitab dan teks sunnah, selain daripada sanjungan kepada Ahl al-Bayt [inilah yang difahami manusia dari isi kandungan teks]., dan pada perlunya mencintai dan menghormati mereka [itu sahaja]. Manusia yang terdahulu [ulama ummah] lebih dekat kepada kebenaran dan lebih memahami akan maksud sunnah dan ayat-ayat al-kitab [dan ikuti petunjuk mereka [6:90] Wassalam.

Yang ikhlas,  
'S'

## SURAT 18

1] UCAPAN PENGHARGAAN KEMBALI

2] KESILAPAN PEMBINCANG DI DALAM MENILAI SECARA UMUM MENGENAI AHL AL-QIBLA

3] AHLI POLITIK UMMHAHLAH YANG BERPALING DARI AHL AL-BAYT

4] PARA IMAM AHL AL-BAYT [TIDAK DIPERSOALKAN] TIDAKLAH LEBIH RENDAH DARI YANG LAINNYA

## 5] HAKIM YANG JUJUR DARI MAHKAMAH MANA YANG MENGATAKAN PENGIKUTNYA 'SESAT'?

### Thul-Hijjah 4, 1329 H.

1] Terima kasih kerana memandang tinggi kepada saya yang da'if ini, dan saya menghargai sanjungan kamu terhadap kandungan isi surat saya; dari itu saya merasa rendah hati dengan sanjungan yang sedemikian dan saya tunduk diketulusan budi pada menghormati kebesaran dan martabatnya

2] Tetapi saya meminta kamu untuk memikirkan semula apa yang kamu telah katakan mengenai manusia yang berpaling dari Ahl al-Bayt, mengatakan manusia secara umum semuanya Ahl al-Qibla. Saya ingatkan kamu bahawa separuh dari Ahl al-Qibla adalah Shi'a Muhammad [sawas] yang belum lagi berpaling dan tidak akan berpaling dari para Imam Ahl al-Bayt dari segi keimanan pada asas dan juga cabangnya. Ini adalah pandangan mereka bahawa mengikuti golongan Ahl al-Bayt [as] adalah satu dari arahan yang wajib yang ditekankan di dalam al-Quran dan juga sunnah; maka mereka menyembah Allah awj pada setiap waktu dan dimana saja. Inilah petunjuk dari generasi mereka begitu juga dari keturunan baginda semenjak dari Rasul Allah [sawas] wafat.

3] Manusia yang telah berpaling dari kepercayaan Ahl al-Bayt, di dalam perkara yang berkaitan pada asas dan cabang agama adalah ahli politik ummah, manusia inilah yang mengawal arah haluan agama, disebabkan berpalingnya manusia ini dari cara penggantian Rasul [sawas], menukarkan penggantian itu dengan cara pilihanraya; walaupun manusia ini telah tahu dengan pasti bahawa kedudukan itu telah diperuntukkan kepada Amirul Mukminin 'Ali ibn Abu Talib [as]. Manusia ini telah melihat bahawa Arab tidak akan menerima penggantian yang sedemikian jika ianya terhad kepada satu dinasti; dari itu manusia ini telah mula mentafsirkan teks [ayat al-Quran], merampas kuasa melalui pilihanraya supaya setiap orang dari manusia-manusia boleh menikmati kedudukan tersebut sekarang ataupun kemudiannya. Maka ianya bermula dikala ini dan diketika itulah. Manusia ini telah mengorbankan segala kaedah dan kekuatannya untuk mengekalkan dan terus menyokong prinsip ini, serta menghapuskan segala aliran dan pandangan yang berbeza. Keazaman inilah yang telah memaksa manusia ini supaya berpaling dari kepercayaan Ahl al-Bayt. Manusia ini mula mentafsirkan ayat al-Quran atau sunnah untuk bermaksud perlunya pada mengikuti konsep tersebut. Jika manusia ini telah tunduk kepada bukti yang jelas, dan merujuk orang-orang elit dan orang-orang awam kepada Ahl al-Bayt di dalam perkara yang berkaitan dengan asas dan cabang agama, maka manusia ini tidak punya pilihan selain dari mematuhi kepada prinsip Ahl al-Bayt. Maka akan jadilah manusia ini diantara penyeru kepada Ahl al-Bayt yang terkemuka. Tetapi ini tidak sealiran dengan kehendak, perancangan dan politik manusia ini. Sesiapa yang melihat dengan teliti dalam perkara ini akan mendapati bahawa berpaling dari Imam Ahl al-Bayt dan golongannya adalah seperti berpaling dari pemerintahan mereka [as], yang hanya setanding sahaja kepada Rasul Allah [sawas], dan bahawa terjemahan terhadap hujah mengenai kepimpinan mereka yang khusus telah digunakan setelah terjemahan hujah mengenai kepimpinan mereka secara umum, jika tidak, tiada siapa yang akan berpaling dari mereka.

4] Tinggalkan teks dan hujah-hujah mereka ditepi, dan lihatlah kepada mereka [Ahl al-Bayt] sedang kita juga lihat pada yang terdahulu [para Imam sunni], adakah kamu dapati mereka [Ahl al-Bayt], di dalam pengetahuan, amalan, atau ibadah, kurang dari Imam al-Ash'ari, atau Imam yang empat, atau mana-mana yang lainnya? Dan jika jawapannya Tidak, jadi mengapa yang lain mesti diikuti? Kepimpinan hendaklah diberikan kepada mereka yang paling berkeelayakan.

5] Hakim jujur yang mana telah menentukan bahawa manusia yang berpegang kepada tali mereka [as] dan mengikuti jejak langkah mereka [as] adalah sesat?

Sunni telah melampaui pada memberikan hukuman tersebut, dan keaman bersama kamu.

Yang ikhlas,  
'Sh'

## SURAT 19

- 1] TIDAK ADA HAKIM YANG JUJUR MENGATAKAN PENGIKUT AHL AL-BAYT SESAT
- 2] MENGIKUTI GOLONGAN MEREKA ADALAH MENJALANKAN TANGGONG JAWAB
- 3] BOLEHLAH DIKATAKAN BAHAWA MEREKA MEMPUNYAI KEUTAMAAN UNTUK MEMIMPIN
- 4] MEMINTA TEKS YANG BERKAITAN DENGAN KHALIFA

### Thul-Hijjah 5, 1329 H.

1] Tidak; hakim yang jujur tidak akan melebelkan orang yang berpegang pada tali Ahl al-Bayt, yang mengikuti jejak langkah mereka, sebagai 'sesat', tidak juga Ahl al-Bayt, lebih rendah dari lain-lain Imam.

2] Taat kepada golongan mereka [Ahl al-Bayt] adalah wajib, dan meyakinkan pada diri, sama seperti taat kepada mana-mana empat golongan yang lain; tidak ada keraguan mengenainya.

3] Bolehlah dikatakan bahawa 12 Imam kamu adalah lebih utama untuk diikuti dari keempat-empat Imam atau yang lainnya, kerana kesemuanya [as] mengikuti satu golongan yang mereka telah teliti, bersetuju dan sepakat.

Sebaliknya, Imam yang empat perbezaan diantara mereka terdapat di dalam semua perkara perundangan, meninggalkan puncanya sebagai eksklusif, tidak diperiksa. Telah diketahui umum bahawa jika seseorang meneliti sesuatu, usahanya tidak setaraf dengan Imam yang 12. Ini adalah jelas bagi setiap orang yang mempunyai minda yang sihat, dan ianya tidak meninggalkan sebarang hujah bagi orang yang zalim. Ya, Nasibis mungkin mempertikai rujukan golongan kamu kepada Imam Ahl al-Bayt, dan saya mungkin, dilain waktu, meminta kamu membuktikan kesalahan Nasibis.

4] Untuk kali ini, saya meminta kamu untuk meneruskan pada menunjukkan apa yang kamu kata sebagai kenyataan menamakan 'Ali ibn Abu Talib [as] sebagai pengganti kepada Rasul [sawas]. Hasilkan hujah kamu dari rujukan sunni, dan keamanan bersama kamu.

Yang ikhlas,  
'S'

## SURAT 20

1] RUJUKAN UMUM KEPADA TEKS [NAS]

2] RUJUKAN, MEMBERI PERINGATAN KEPADA AHLI TERDEKAT [KERABAT]

3] PERAWI SUNNI TERHADAP HADITH INI

### Thul-Hijjah 9, 1329 H.

1] Sesiapa yang mengetahui biografi Rasul [sawas], terutama menyelidiki terhadap keperibadian baginda ketika meletakkan asas kepada kerajaan Islam dan sistem perundangannya, mendirikan asas-asasnya, mengeluarkan perundangan dan menguruskan segala urusannya bagi pihak Allah awj....., akan mendapati 'Ali [as] wazir bagi Rasul [sawas], penyokong yang menentang musuhnya, pemelihara pengetahuannya, pewaris bagi kerajaannya, penggantinya, dan yang berkuasa selepasnya. Sesiapa yang mempelajari kenyataan-kenyataan dan tindakan Rasul [sawas], ketika ditempatkan di rumah atau diperjalanan, akan dapati kenyataan baginda [sawas] berturutan dalam keadaan sebegini dari mula baginda memulakan seruan sehinggalah baginda wafat.

2] Rujuklah kepada kenyataan pada permulaan dakwah, sebelum Islam disebarkan di Mekah secara terbuka, apabila Allah awj mewahyukan kepada baginda ayat: 'Dan berilah peringatan keluarga terdekat [26:214] Baginda mempelawa mereka ke rumah bapa saudaranya Abu Talib. Mereka semua lebih kurang 40 orang. Diantara mereka adalah bapa saudaranya Abu Talib, al-Hamzah, al-Abbas dan Abu Lahab. Hadith mengenai perkara ini telah disampaikan oleh sunni secara turutan. Pada penghujung kenyataan baginda kepada mereka, Rasul Allah [sawas] berkata: 'Wahai keturunan Abdul-Muttlib! Saya bersumpah dengan Tuhan bahawa setahu saya tidak ada orang muda diantara kaum Arab yang telah membawa sesuatu kepada orangnya yang lebih baik dari apa yang saya bawakan kepada kamu. Saya bawakan untuk kamu yang terbaik dalam hidup ini, dan untuk kehidupan yang akan datang, dan Tuhan telah memerintahkan saya untuk mengajak kamu kepadaNya. Dari itu, siapakah diantara kamu yang akan menyokong saya dalam perkara ini dan menjadi saudara saya, pelaksana wasiat saya dan pengganti saya?'

Kesemua yang mendengar, dengan pengecualian 'Ali, yang termuda diantara mereka, mendiadakan diri. "Ali bertindak dengan mengatakan: 'Saya, Wahai Rasul Allah, bersedia menjadi wazir kamu dalam perkara ini.' Rasul Allah [sawas] kemudian memegang 'Ali pada lehernya dan berkata: 'Ini adalah saudara saya, pelaksana wasiat dan wazir saya, dari itu dengarkanlah dia dan patuhlah kepadanya.' Mereka yang hadir tertawa dan terus mengatakan kepada Abu Talib, 'Allah telah memerintahkan kamu supaya dengar kepada anak kamu dan taat kepadanya!'

3] Kebanyakan dari mereka yang telah mempelajari tradisi Rasul secara hafalan dan telah menyampaikan hadith dengan tepat seperti yang diatas. Diantara mereka adalah: Ibn Ishaq, Ibn Jarir, Ibn Abu Hatim, Ibn Mardawayh, Abu Na'im, al-Bayhaqi di dalam bukunya *Al-Dala'il*, keduanya al-Tha'labi dan al-Tabari di dalam tafsiran pada Surat al Shu'ara' di dalam buku mereka *Al-Tafsir al-Kabir*, di Vol. 2 dari buku al-Tabari *Tarikh al-Umam wal Muluk*. Ibn al-Athir telah menyampaikannya sebagai fakta yang tidak boleh dipertikaikan di dalam Vol. 2 dari bukunya *Al-Kamil* apabila dia menyebutkan bagaimana Allah awj mengarahkan RasulNya untuk menyampaikan dakwahnya secara umum [terbuka], Abul-Fida dalam Vol. 1 dari buku *Tarikh* ketika membincangkan siapakah yang pertama pada memeluk Islam, Imam Abu Ja'fer al-Iskafi al-Mu'tazili di dalam bukunya *Naqd al-Uthmaniyyah* menyatakan ketepatannya.[1] al-Halabi di dalam bab pada tempat persembunyian Rasul di rumah Arqam di dalam bukunya yang terkenal *Sirah*. [2]

Di dalam kontek yang sama, dengan perkataannya yang seakan serupa, hadith ini telah disampaikan oleh ramai ahli-ahli hadith dan kebanyakan dari penyampai hadith sunni yang dipercayai seperti al-Tahawi, Diya' al-Maqdisi di dalam bukunya *Mukhtara*, dan Sa'id ibn Mansur di dalam *Sunan*. Rujuklah kepada apa yang Ibn Hanbal telah rakamkan dari hadith 'Ali's pada muka surat 111 dan 159 dari Vol. 1 buku *Musnad*. Dia juga menunjukkan pada permulaan muka surat 331 dari Vol. 1 pada *Musnad*, kepada hadith yang sangat penting [bererti] dari Ibn 'Abbas menggandongi 10 kerekteristik [sifat keutamaan] yang mana 'Ali membezakan dirinya dari manusia lainnya. Hadith ini juga telah diterbitkan di dalam Nisa'i, dari Ibn 'Abbas, pada muka surat 6 dari bukunya *Khasa'is al-'Alawiyah*, dan pada muka surat 132, Vol. 3, dari buku Hakim, *Mustadrak*. Al-Thahbi telah menyebutkan di dalam bukunya *Talkhis*, bersumpah tentang sahihnya. Rujuk kepada Vol. 6 dari *Kanz al-'Ummal* yang menggandongi semuanya secara khusus [mendalam][3] Rujuk juga kepada *Muntakhabul Kanz* yang disebutkan di nota kaki oleh Musnad Imam Ahmed; rujuk kepada notakaki pada muka surat 41 dan 43 pada Vol. 5 dari buku tersebut untuk semuanya secara khusus. Ini, kami percaya mencukupi untuk memberikan bukti yang nyata, dan keamanan dengan kamu.

Yang ikhlas,  
Sh

[1] Seperti pada muka surat 263, Vol. 3, dari *Sharh Nahjul Balaghah* oleh Ibn Abul Hadid, edisi Egyptian. Seperti juga bukunya *Naqd al-'Uthmaniyya*, adalah sebuah buku yang unik, perlu diberikan perhatian bagi mereka yang mencari kebenaran. Pada muka surat 257 dan muka surat seterusnya sehingga muka surat 281, Vol. 3, dari *Sharh*, pada penghujung komen di dalam rumusan syarahan "*qasi'a*".

[2] Rujuk pada muka surat 4 dari bab tersebut, atau kepada muka surat 381 dari jilid pertama pada *Al-Sira al-Halabiyya*. Ibn Taymiyyah amat tidak adil sekali, dan penilaiannya adalah disebabkan oleh kefanatikan yang telah diketahui umum. Hadith ini telah disebutkan oleh seorang sosiologis Mesir Muhammad Hasanayn Haykal; rujuk kepada ruangan kedua muka surat 5 dari penambahan pada isu 2751 di dalam surat khabar *Al-Siyasa* bertarikh Thul-Qi'da 12, 1350, dan kamu akan menjumpainya disana, diterangkan secara mendalam. Jika kamu rujuk kepada ruangan 4 pada muka surat 6 dari penambahan kepada isu 2785 di dalam suratkhbar yang sama, kamu akan dapati pengarangnya menyebutkan hadith ini dari Muslim's: *sahih*, Ahmed's: *musnad*, 'Abdullah ibn Ahmed's: *Ziyadat al-Musnad*, Ibn Hajar al-Haithami's: *Jami'ul Fara'id*, Ibn Qutaybah's: *'Uyun al-Akhhbar*, Ahmed ibn 'Abd Rabbih's: *Al-'Iqd al-Farid*, 'Amr ibn Bahr al-Jahiz di dalam penulisannya mengenai keturunan Hashim, dan Imam Abu Ishaq al-Tha'labi's: *Tafsir*. Hadith ini juga disebutkan oleh pengarang British Georges di dalam bukunya yang terkenal *A Treatise on Islam*, diterjemahkan kedalam bahasa Arab oleh seorang atheis dari keturunan Protestant yang digelar dirinya sebagai Hashim al-'Arabi. Kamu boleh juga menjumpai hadith ini pada muka surat 79 pada buku treatise versi Arabic, edisi ke 6. Disebabkan oleh terlalu terkenal hadith ini dapat menikmati, dari beberapa penulis yang bukan Arab telah memuatkannya kedalam buku-buku mereka, terutama dalam bahasa Perancis, Inggeris dan Jerman. Di dalam bukunya *Heroes and Hero Worship*, Thomas Carlyle menyebutnya secara ringkas.

[3] Rujuk kepada hadith 6008 pada muka surat 392, dan kamu akan menjumpai ianya disebutkan dari Ibn Jarir, sedangkan hadith 1045 pada muka surat 396 telah disebutkan dari Ahmed's: *Musnad* dan dari al-Dia al-Maqdisi's: *Al-Mukhtara*, dan dari al-Tahawi. Ibn Jarir telah mengesahkannya. Juga rujuk kepada hadith 6056 pada muka 397 dan kamu akan dapati ianya disebutkan dari Ibn Ishaq, Ibn Jarir, Ibn Abu Hatim, Ibn Mardawayh, Abu Na'im, al-Bayhaqi pada bahagian cabang agama, dan di dalam *Dala'il*, dan hadith 6102 pada muka surat 401 dan kamu akan menjumpainya disebut dari Ibn Mardawayh, dan hadith 6155 pada muka surat 408, kamu akan dapatinnya disebut dari Ahmed's: *Musnad* dan dari Ibn Jarir dari *Al-Diya fil Mukhtara*. Sesiapa yang menyelidiki *Kanz al-'Ummal* akan dapati hadith ini di dalam beberapa tempat dikeseluruhan buku tersebut. Jika kamu melihat pada muka surat 255, Vol. 3, dari *Sharh Nahjul Balaghah* oleh seorang Mu'tazilite Imam Ibn Abul-Hadid, atau pada penghujung penerangan dari syarahan "*qasi'a*" di dalamnya kamu akan menjumpai hadith ini dengan lengkap.

## SURAT 21

### KERAGUAN TIMBUL MENGENAI KESAHIHAN HADITH

#### Thul-Hijjah 10, 1329 H.

Penentang kamu dengan kuat meragui kesahihan hadith ini. Yang pertamanya, kerana kedua Shaykh tidak menuliskan kedalam buku sahih mereka, dan tidak juga pengarang-pengarang buku sahih yang lain. Saya tidak fikir hadith ini telah disampaikan oleh mana-mana perawi hadith sunni yang dipercayai, dan saya tidak fikir juga bahawa kamu menganggapnya sahih, dan keamanan bersama kamu.

Yang Ikhlas,  
'S'

## SURAT 22

- 1] MEMBUKTIKAN SAHIHNYA TEKS
- 2] MENGAPA KEDUA SHAYKH TIDAK MENYAMPAIKANNYA
- 3] SESIAPA YANG MENGENALI KEDUA SHAYKH INI TAHU MENGAPA

**Thul-Hijjah 12, 1329**

1] Jika saya tidak pasti ianya diterima oleh sunni, saya tentu tidak menyebutnya kepada kamu. Bahkan Ibn Jarir dan Imam Abu Ja'fer al-Iskafi telah menerimanya sebagai sahih.[1] Beberapa pengkritik yang lain juga telah menganggapnya sebagai sahih. Adalah mencukupi pada membuktikan terhadap kesahihannya kepada fakta bahawa ianya telah disampaikan oleh perawi yang dipercayai terhadap ketepatannya, dan pengarang buku-buku sahih tidak pernah meragui mereka. Rujuk kepada muka surat 111, Vol. 1, dari Ahmed's: *Musnad*, dimana kamu akan membaca hadith ini seperti yang disampaikan oleh Aswad ibn `Amir[2] dari Sharik,[3] al-A`mash,[4] Minhal,[5] `Abbad ibn `Abdullah al-Asadi,[6] dari `Ali (as) secara tertibnya [kronologi]. Setiap seorang dari mereka di dalam rantai penyampai tersebut adalah seorang perawi dengan sendirinya, dan mereka semua adalah trdisisionis yang dipercayai menurut testimoni dari para pengarang buku sahih, dan tidak dipertikaikan. Al-Qaysarani telah menyebut mereka di dalam bukunya *Al-Jami` Bayna Rijal al-Sahihain*. Tidak ada keraguan bahawa hadith ini adalah sahih, dan perawinya telah menyampaikan dari beberapa cara, setiap satu darinya menyokong yang lain.

2] Sebab mengapa kedua Shaykh [Bukhari dan Muslim], dan yang serupa dengan mereka, tidak menyebutkan hadith ini adalah disebabkan kepada fakta bahawa ianya tidak sealiran dengan pandangan peribadi mereka, mengenai isu pengganti. Ini lah sebabnya maka mereka telah menolak banyak teks-teks yang sahih, kerana dikhuatiri Shi'a akan menggunakannya sebagai hujah; dari itu mereka menyembunyikan kebenaran dengan penuh pengetahuan. Terdapat banyak shaykh-shaykh sunni, semoga Allah mengampunkan mereka, yang telah menyembunyikan teks yang sedemikian, dan mereka mempunyai cara tersendiri untuk menyembunyikan teks sejarah yang telah diketahui umum, ini telah dituliskan oleh al-Hafiz ibn Hajar di dalam bukunya *Fath Al-Barari*. Al-Bukhari telah menyediakan satu Bab khas untuk tajuk ini, pada penghujung bab mengenai ilmu "Al-`Ilm," di dalam Vol. 1, muka surat 25, dari sahihnya, subtajuk "Bab terhadap mereka yang menerima pengetahuan dari sekelompok manusia dan tidak dari sekelompok yang lainnya."

3] Sesiapa yang mengetahui cara al-Bukhari berfikir, atitiut nya terhadap Amirul Mukminin [as], dan terhadap Ahl al-Bayt, akan mengetahui bahawa pena Bukhari akan berhenti pada menulis teks-teks yang menyebutkan kemuliaan mereka, dan dakwatnya akan kering sebelum dapat menyebut semula sifat-sifat mereka. Tidaklah memeranjatkan untuk melihat dia menolak hadith ini, begitu juga yang lainnya yang sama seperti dirinya, dari itu kami berlindung dengan Allah awj, dan keamanan bersama kamu.

Yang ikhlas,  
'Sh'

[1] Rujuk kepada hadith 6045 dari hadith yang dijumlahkan di dalam *Kanz al-`Ummal*, muka surat 396, Vol. 6, dimana kamu akan dapati rujukan yang dibuat kepada Ibn Jarir, pengesahan kepada hadith ini. Jika kamu rujuk kepada *Muntakhab al-Kanz*, pada permulaan nota kaki dimuka surat 44, Vol. 5, dari Ahmed: *Musnad*, kamu akan dapati rujukan kepada Ibn Jarir, pengesahan terhadap hadith ini. Mengenai Abu Ja'fer al-Iskafi, dia telah menilai dengan teliti ketepatan hadith ini di dalam bukunya *Naqd al-`Uthmaniyya*; maka rujuklah kepada teks dimuka surat 263, Vol. 3 dari *Sharh Nahjul Balaghah oleh* al-Hadid, edisi Mesir.

[2] Kedua al-Bukhari dan Muslim telah bergantung kepada beliau di dalam sahih mereka. Mereka berdua telah mempelajari hadith dari Shu`bah, dan Bukhari telah mempelajarinya dari `Abdul-`Aziz ibn Abu Salamah, sedang Muslim telah belajar hadith dari Zuhayr ibn Mu`awiyah dan Hammad ibn Salamah. Hadith beliau telah disampaikan di dalam Bukhari oleh Muhammad ibn Hatim ibn Bazi`. Di dalam sahih Muslim beliau telah disebutkan oleh Harun ibn `Abdullah seorang ahli kritik, dan oleh Abu Shaybah and Zuhayr.

[3] Muslim telah bergantung kepada penyampaianya di dalam sahihnya, seperti kami terangkan apabila kita bincangkan beliau di dalam surat 16.

[4] Kedua Bukhari dan Muslim bergantung kepada penyampaian beliau di dalam sahih mereka, seperti kami sebutkan dalam surat 16.

[5] Al-Bukhari telah bergantung kepada beliau, seperti kami sebutkan dalam surat 16..

[6] Nama penuh beliau adalah `Abbad ibn `Abdullah ibn al-Zubayr ibn al-Awwam al-Qarashi al-Asadi. Al-Bukhari and Muslim bergantung kepada penyampaian beliau di dalam sahih mereka. Dia telah mendengar hadith dari Asma' dan `Ayesha anak perempuan Abu Bakr. Dia telah disebutkan di dalam kedua sahih oleh Ibn Abu Malka, Muhammad ibn Ja`fer ibn al-Zubayr, dan Hisham ibn `Umer.

## SURAT 23

- 1] YAKIN AKAN KESAHIHAN HADITH
- 2] DIRAGUKAN, BERASAS PADA TIADA TURUTAN PENYAMPAI
- 3] RUJUKAN PADA PENGGANTIAN TERHAD
- 4] PENOLAKKANNYA

### Thul-Hijjah 14, 1329 H.

1) Sebenarnya saya telah membaca hadith itu pada muka surat 111 dari jilid 1 dalam Ahmed: *Musnad* dan memastikan ianya dari punca yang diterima dan saya dapati mereka adalah penyampai hadith yang amat dipercayai. Kemudian saya menyelidik dari mana beliau menyampaikan hadith ini, dan saya dapati ianya berturutan: setiap seorang dari mereka menyokong pada yang lain, dari itu saya telah berpuas hati untuk mempercayai isi kandungannya.

2) Kamu tidak boleh bergantung pada hadith yang sahih di dalam perkara yang menyentuh isu penggantian, melainkan jika ianya telah disampaikan secara berulang [*mutawatir*], kerana penggantian, menurut dari filosofi Shi'a, adalah satu dari asas agama, dan hadith ini tidak boleh dianggap sebagai "*mutawatir*" (disampaikan secara turutan) dan, dari itu tidak boleh diterima.

3) Ianya bolehlah dikatakan bahawa `Ali adalah pengganti Rasul [sawas] dikalangan ahli rumahnya sahaja; dari itu manakah teks [nas] yang mengatakan terhadap penggantinya kepada manusia umum?

4) Hadith ini boleh juga dibatalkan, kerana Rasul [sawas] tidak mendedahkan kepada umum pada menyokong isi kandungannya. Disebabkan ini, maka para sahabat tidak mendapati sebarang sebab untuk tidak memberikan bai'ah kepada tiga khalifa yang benar [khalifa rashidin], semoga Allah merasa senang dengan mereka.

Yang ikhlas,  
'S'

## SURAT 24

- 1] MENGAPA BERGANTUNG KEPADA HADITH INI
- 2] PENGGANTIAN TERHAD DITOLAK SEBULAT SUARA [IJMAK]
- 3] PEMBATALAN ADALAH MUSTAHIL

### Thul-Hijjah 15, 1329 H.

1) Sunnis telah bergantung pada setiap hadith yang betul untuk memperbolehkan konsep mereka terhadap penggantian, sama ada ianya *mutawatir* ataupun tidak. Kami bergantung kepada kesahihan hadith ini di dalam hujah kami terhadap mereka, hanya kerana mereka sendiri telah mengesahkan kesahihan hadith ini, dari itu, telah mengikatkan diri mereka kepada apa yang mereka anggap sebagai perlu diikat. Pembuktian kami mengenai penggantian, dari sudut pandangan kami bergantung kepada turutannya dari punca kami sendiri, sebagaimana semuanya telah mengetahui.

2) Tuntutan bahawa `Ali adalah pengganti Rasul [sawas] hanya kepada ahli rumahnya adalah ditolak, disebabkan kepada fakta bahawa sesiapa yang mempercayai bahawa `Ali adalah pengganti Rasul Allah [sawas] di dalam rumahnya, juga telah mempercayai bahawa beliau adalah pengganti dikalangan manusia umum, dan sesiapa yang menafikan penggantinya terhadap manusia umum juga telah menafikan beliau sebagai pengganti di dalam ahli keluarganya. Tidak ada cara untuk memisahkan satu dengan yang lainnya; jadi mengapa menimbulkan filosofi yang jalannya bertentangan dengan ijmak semua Muslim?

3) Saya tidak boleh mengabaikan kenyataan kamu bahawa hadith ini telah dibatalkan, itu adalah bertentangan dengan logik [alasan] dan juga syariah, oleh kerana untuk membatalkan sesuatu, satu kenyataan hendaklah dibuat sebelum kesan bagi perlaksanaannya menjadi nyata, sebagaimana telah jelas bagi setiap orang. Satu-satunya alasan untuk membatalkannya disini adalah kenyataan bahawa Rasul [sawas] kononnya dengan sengaja telah menahan diri dari menjelaskan kepada manusia umum akan intisari maksud hadith ini. Sedangkan Hadith ini dengan sendirinya telah membuktikan bahawa baginda [sawas] tidak menahan diri dari menyatakannya; bahkan teks pada maksud yang sama telah disampaikan secara berulang kali, dan ianya telah

menyokong satu dengan yang lainnya. Jika kita katakan bahawa tidak ada teks dengan maksud yang sama selepas hadith ini, jadi bagaimana ianya dibuktikan bahawa Rasul [sawas] telah mengubah fikiran atau menahan dari ianya dilaksanakan? 'Mereka tidak mengikuti selain dari kehendak dan nafsu mereka, setelah petunjuk dari Tuhan telah sampai kepada mereka' [53:23]," dan keamanan bersama kamu.

Yang ikhlas,  
'Sh'

## SURAT 25

- 1] KEPERCAYAANNYA KEPADA TEKS
- 2] MEMINTA LEBIH BANYAK TEKS

**Thul-Hijjah 16, 1329 H.**

1) Saya percaya kepada Yang Esa yang telah menjadikan kamu untuk menghapuskan kegelapan [kejahilan], menjelaskan kepada yang disangsikan, serta telah menjadikan kamu satu dari tanda dan lambang pada kewujudanNya.

2) Semoga Allah merahmati bapa kamu, berilah kepada kami lebih banyak lagi dari teks yang sedemikian, dan keamanan bersama kamu.

Yang ikhlas,  
'S'

## SURAT 26

- 1] TEKS YANG JELAS MENYATAKAN 10 KEUTAMAAN YANG DIMILIKI OLEH ALI SAHAJA
- 2] MENGAPA BERGANTUNG KEPADANYA

**Thul-Hijjah 17, 1329 H.**

1) Mencukupi bagi kamu, selain dari hadith 'Ahli Rumah', apa yang Imam Ahmed telah nyatakan di dalam Vol. 1 dari bukunya *Al-Mustadrak*, dan al-Thahbi di dalam Ringkasannya, bahawa keduanya telah mengesahkan kesahihannya, begitu juga pengarang sunan yang lain telah menerimanya secara umum. Mereka semuanya menyebutkan `Umer ibn Maymun sebagai berkata: "Saya sedang duduk di dalam kumpulan Ibn `Abbas apabila 9 orang datang kepada dia dan berkata `Wahai Ibn `Abbas! Sama ada kamu kemari dan berdebat dengan kami atau katakan kepada manusia ini bahawa kamu mahukan perdebatan secara sulit.' Penglihatan dia masih belum hilang lagi diketika itu. Dia berkata: `Biarlah saya pergi berdebat dengan kamu.' Maka mereka mula bercakap, tetapi saya tidak pasti apa yang mereka perkatakan. Kemudian dia bangun, dengan marah dia berkata: `Mereka sedang berdebat mengenai seorang yang mempunyai 10 keutamaan yang tidak dimiliki oleh sesiapa yang lain. Mereka sedang berbalah mengenai seorang yang mana Rasul [sawas] telah berkata, 'Saya akan menghantar seorang yang Allah tidak akan hinakan, seorang yang mencintai Allah dan Rasulnya [sawas], dan yang telah dicintai oleh keduanya,' maka setiap seorang dari mereka membayangkan bahawa penghormatan itu adalah milik mereka. Rasul [sawas] bertanya mengenai `Ali. Apabila beliau [as] sampai kepada baginda [sawas] dengan mata yang bengkak kerana sakit mata, baginda [sawas] meniup kepada matanya, mengibarkan panji-panji sebanyak tiga kali dan kemudian memberikan kepada beliau [as]. "Ali kembali dengan membawa kemenangan bersama dengan Safiyya bint Huyay [al-Akhtab] diantara tawannya." Ibn `Abbas meneruskan kata-katanya, "Kemudian Rasul Allah [sawas] menghantar seseorang dengan Surah al-Tawbah, tetapi baginda terpaksa menghantar `Ali mendapatkan orang itu dan untuk melaksanakan tanggung jawab tersebut, dengan berkata: `Tiada siapa yang boleh melaksanakannya melainkan seorang yang dari saya, dan saya darinya.'" Ibn `Abbas juga berkata, "Rasul Allah [sawas], dengan `Ali duduk disebelah baginda, bertanya kepada sepupu-sepupunya: Siapakan diantara kamu memilih untuk menjadi *wali* saya di dalam kehidupan ini dan kehidupan yang akan datang?' Mereka semua menolak, tetapi Ali berkata: `Saya suka untuk menjadi *wali* kamu di dalam kehidupan ini dan juga kehidupan yang akan datang,' dimana baginda [sawas] bertindak dengan berkata: `Sebenarnya kamulah *wali* ku di dunia ini dan juga diakhirat.'" Ibn `Abbas terus berkata bahawa `Ali adalah manusia pertama yang menerima Islam selepas khadijah, dan bahawa Rasul Allah [sawas] mengambil jubahnya dan menyelimuti `Ali, Fatima, Hasan dan Husayn, kemudian membaca ayat yang berbunyi: "Allah berhasrat untuk mengeluarkan kekotoran dari kamu, wahai Ahl al-Bayt [Ahli Rumah saya] dan mensucikan kamu dengan kesucian yang sempurna (33:33)." Dia juga berkata: "'Ali menjual jiwanya. Beliau memakai pakaian Rasul Allah [sawas] dan tidur diatas katil baginda ketika kaum musyirik cuba untuk membunuh baginda," sehingga dia berkata: "Rasul Allah [sawas] pergi ke Tabuk pada satu ekspedisi bersama ramai manusia. `Ali bertanya kepada baginda: `Bolehkah saya bersama kamu?' Rasul Allah [sawas] telah menolak, penolakkan ini telah membuat `Ali menangis. Rasul [sawas] kemudian bertanya kepada beliau [as]: `Tidakkah ianya mengembirakan kamu, bahawa kedudukan kamu kepada saya adalah sama seperti Harun kepada Musa, melainkan tidak ada Nabi selepas saya? Adalah tidak wajar bagi



saya untuk meninggalkan tempat ini sebelum melantik wazir saya. Rasul Allah [sawas] juga telah mengatakan yang berikut ini kepada beliau: 'Kamu adalah wali bagi setiap lelaki dan wanita beriman.'

Ibn 'Abbas telah berkata: "Rasul Allah telah menutupkan semua pintu yang menuju ke masjid baginda melainkan pintu rumah 'Ali, yang akan masuk ke masjid ketika hendak keluar dari rumahnya walaupun di dalam keadaan *janaba*. Rasul Allah [sawas] juga telah berkata: 'Sesiapa yang menerima saya sebagai *wali*, hendaklah mereka mengambil 'Ali sebagai *wali* juga' Yang sebenarnya al-Hakim telah menyatakan punca dari mana dia menyebutkan hadith ini, komennya dengan berkata, "Ini adalah hadith yang sahih menurut dari *isnad*, tetapi kedua shaykhs tidak menyampaikan hadith berbentuk ini." Al-Thahbi telah menyebutkan di dalam bukunya *Talkhis* dan menerangkan, ini adalah hadith yang sahih.

2) Jelas dan bukti yang tidak boleh disangkal, telah menunjukkan kepada fakta bahawa 'Ali adalah wazir Rasul [sawas]. Tidak terlihatkah oleh kamu bagaimana Rasul [sawas] telah menamakan beliau sebagai wali didunia ini dan juga diakhirat, dari itu baginda telah mengutamakan beliau dari saudara-saudaranya yang lain, dan bagaimana baginda menganggap kedudukan beliau sama seperti status Harun kepada Musa, tanpa sebarang pengecualian selain dari keNabian, suatu pengecualian yang telah membayangkannya secara umum?

Kamu juga tahu bahawa apa yang membezakan Harun dari Musa adalah beliau selalunya menjadi wazir kepada Musa, beliau terlibat sama dengan pengkhabaran saudaranya, sebagai penggantinya, dan penguatkuasaan Musa kepada orang-orangnya supaya patuh kepada Harun, seperti kenyataannya, yang mana rujukannya terdapat di dalam al-Quran [20:29-31] yang dengan jelas telah mengatakan: 'Dan jadikan saudara saya Harun, dari diantara ahl al-bayt saya, menjadi wazir saya, untuk menyokong saya dan mengambil bahagian di dalam urusan saya,' dan kenyataannya: 'Menjadi wakil diantara ummah saya, memperbaiki mereka, dan tidak mengikuti jalan mereka yang zalim [7:142], dan Allah menjawab: 'Wahai Musa! Doa kamu telah dikabulkan [20:36]." Menurut dari teks ini, 'Ali adalah wazir Rasul [sawas] diantara ummahnya, wazirnya diantara kerabatnya, sekutunya di dalam segala tugas – tidak di dalam ke Rasulan – penggantinya, yang terbaik diantara ummahnya, dan yang paling berharga terhadap kepimpinan ketika hidup mahu pun mati. Manusia hendaklah patuh kepada beliau ketika era Rasul sebagai wazirnya, sama seperti orang-orang Harun, hendaklah patuh kepada Harun ketika hidupnya Musa.

Sesiapa yang memahami hadith mengenai status kedudukan akan terus mempertimbangkan pengertiannya yang mendalam dengan tidak memberikan sedikitpun keraguan pada isi maksud teksnya. Rasul Allah [sawas] telah menjadikannya amat jelas apabila baginda berkata: "Adalah tidak wajar untuk saya meninggalkan tempat ini sebelum saya melantik kamu sebagai wazir saya." Ini adalah teks yang jelas mengenai penggantian baginda; malah, ianya juga telah menyatakan bahawa jika Rasul [sawas] telah pergi dengan tidak melaksanakannya, baginda telah melakukan sesuatu yang tidak patut baginda lakukan. Ini hanyalah kerana baginda telah diarahkan oleh Yang Maha Berkuasa untuk melantik beliau sebagai penggantinya menurut kepada maksud ayat "Wahai Rasul sampaikanlah apa yang telah diwahyukan kepada kamu dari Tuhan mu, dan jika kamu tidak melakukannya maka kamu tidak menyampaikan pengkhabaranNya sama sekali (5:67)." Sesiapa yang meneliti rangkap ayat ini "Maka kamu tidak menyampaikan pengkhabaranNya sama sekali," kemudian teliti pula kenyataan Rasul: "Adalah tidak wajar untuk saya meninggalkan tempat ini sebelum saya melantik kamu sebagai wazir saya," akan mendapati keduanya menuju kepada matlamat yang sama, seperti yang kita boleh lihat. Kita juga janganlah lupa hadith nabi yang mengatakan: "Kamu adalah *wali* bagi setiap yang beriman selepas saya." Ini adalah rujukan yang jelas kepada fakta bahawa beliau adalah wali Rasul [sawas] dan yang akan mengambil tempat baginda, seperti al-Kumait, semoga Allah merahmati ruhnya, telah menegaskan apabila dia berkata: "Seorang wazir, yang paling wara, dan seorang pengajar!" Dan keamanan bersama kamu.

Yang ikhlas,  
'Sh'

## SURAT 27

### MENIMBULKAN KERAGUAN MENGENAI STATUS HADITH

#### Thul-Hijjah 18, 1329 H.

"Status hadith" adalah sahih dan amat terkenal, tetapi al-Amidi, yang mengesah dan memastikan hadith-hadith, dan juga yang dianggap sebagai seorang sarjana sains usul, telah meragui punca dan perawi hadith tersebut. Penentang kamu mungkin memegang pada pandangan al-Amidi; dari itu bagaimana kamu hendak membuktikannya salah? Dan keamanan bersama kamu.

Yang ikhlas,  
'S'

## SURAT 28

- 1] STATUS HADITH BERDIRI DIATAS TAPAK YANG KUKUH
- 2] BUKTI YANG MEMPERKUKUH
- 3] PENYAMPAINYA ADALAH SUNNI
- 4] MENGAPA AL-AMIDI MERAGUINYA

**Thul-Hijjah 19, 1329 H.**

1) Al-Amidi telah tidak menzalimi sesiapa melainkan kepada dirinya sendiri dengan mengadakan keraguan mengenai kesahihan hadith ini, kerana ianya adalah sunan yang paling tepat, tradisi yang paling utuh.

2) Tidak ada siapa yang pernah meragukan ketepatannya, tidak juga terdapat sesiapa yang berani berhujah mengenai asasnya. Bahkan al-Thahbi, penyampai yang amat perjudis, telah mengakui ketepatannya di dalam bukunya *Talkhis Al-Mustadrak*.<sup>[1]</sup> Ibn Hajar al-Haithami, walaupun dengan pandangannya yang amat bertentangan, ini telah termaktub di dalam *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*, telah menyebutkan hadith ini di dalam Bab mengenai "Al-Shubuhah," dengan kenyataan dari penyampai hadith yang terawal pada mengesahkan tepatnya hadith ini; maka rujuklah kepada buku itu. Jika hadith ini tidak tepat, al-Bukhari tentu tidak memasukkan ke dalam bukunya, walaupun beliau seorang yang perjudis apabila hendak menyebutkan tentang kemuliaan 'Ali atau mereka dari Ahl al-Bayt [as]

Mu'awiyah adalah ketua kumpulan mereka yang zalim. Dia amat memusuhi Amirul Mukminin [as], menentang beliau, mengutuk beliau dari atas mimbar ummah Islam dan mengarahkan manusia untuk melakukan yang sedemikian. Bahkan dengan permusuhannya yang begitu keji, dia tidak pernah meragui hadith terhadap status kedudukan. Tidak juga Sa'd ibn Abu Waqqas telah berlebih-lebihan apabila dia, menurut dari Muslim, telah ditanyakan oleh Mu'awiyah, mengapa dia keberatan untuk menolak "Abu Turab;" dia menjawab kepadanya dengan berkata:<sup>[2]</sup> "Saya teringat 3 hadith Rasul Allah [sawas] yang mana saya sendiri telah mendengarnya, disebabkan saya tidak akan mengutuk beliau. Jika saya milikki satu dari kemuliaan beliau yang eksklusif ini, ianya amatlah berharga bagi saya dari sekumpulan ternakan unta merah yang pilihan. Saya telah mendengar Rasul Allah [sawas], diketika itu bersama beberapa orang yang telah melibatkan diri di dalam kempen ekspedisi baginda, berkata kepada 'Ali: 'Tidaklah kamu gembira bahawa kedudukan kamu kepada saya adalah sama seperti kedudukan Harun kepada Musa, melainkan tiada Nabi selepas saya?'<sup>[3]</sup> Mu'awiyah telah terdiam, dan dia tidak boleh mengatakan apa-apa untuk memaksa Sa'd.

Sebagai tambahan kepada itu semua, Mu'awiyah sendiri telah menyampaikan hadith yang sama. Ibn Hajar berkata di dalam bukunya *Al-Sawa'iq Al-Muhriqa*:<sup>[4]</sup> "Ahmed telah berkata bahawa seorang telah bertanya kepada Mu'awiyah, dan jawabannya adalah: 'Ajukan soalan kamu kepada 'Ali kerana beliau lebih berpengetahuan.' Bahkan orang itu berkata: 'Jawapan kamu kepada perkara ini lebih berharga kepada saya dari jawapan 'Ali.' Mu'awiyah menjadi marah, dan dia berkata: 'Kenyataan yang amat keji yang kamu telah lafazkan! Kamu membenci seorang yang Rasul Allah [sawas] pernah lantakkan [suap] dengan pengetahuan? Bahkan Muawiyah juga memberitahu dia bahawa status beliau [as] kepada baginda [sawas] adalah seperti kedudukan Harun kepada Musa melainkan tidak ada Nabi selepas baginda? Setiap kali 'Umer meragui mengenai sesuatu perkara, dia akan meminta nasihat 'Ali ....'"<sup>[5]</sup> Secara ringkas, hadith status kedudukan telah dianggap, menurut dari ijmak semua Muslim, tidak kira dari mana-mana golongan dan kecenderongan, adalah sahih.

3) Kedua pengarang *Al-Jami' Bayna al-Sahih al-Sitta* dan *Al-Jami' Bayna Rijal al-Sahihain* telah menyebutkan, dan ianya telah di masukkan kedalam sahih Bukhari, Bab: Peperangan Tabuk. Di dalam sahih Muslim pada Bab: Kemuliaan 'Ali's; di dalam Bab mengenai sifat-sifat sahabat rasul di dalam sunan Ibn Majah; dan di dalam Bab: Kemuliaan 'Ali di dalam Hakim; *Al-Mustadrak*. Imam Ahmed Ibn Hanbal telah menyebutkan di dalam buku *Musnad* dari beberapa perawi. Ibn 'Abbas, Asma' bint 'Amis, Abu Sa'd al-Khudri, Mu'awiyah ibn Abu Sufyan,<sup>[6]</sup> dan ramai lagi para sahabat, semuanya telah menyampaikan seperti yang dirakamkan di dalam *musnad*. Al-Tabrani telah menyebutnya seperti yang disampaikan oleh Asma' bint 'Amis, Umm Salamah, Habis ibn Janadah, Ibn 'Umer, 'Ali ibn Abu Talib (as),<sup>[7]</sup> dan ramai lagi. Al-Bazzaz telah menulisnya di dalam buku *Musnad*,<sup>[8]</sup> dan begitu juga al-Tirmithi di dalam buku *Sahih*<sup>[9]</sup> bergantung dari penyampaian Abu Sa'id al-Khudri. Di dalam *Al-Isti'ab*, pada Bab mengenai 'Ali, pengarang menyebutkan Ibn 'Abdul Birr sebagai berkata, kemudian dia memberi komen: "Ini adalah satu dari hadith yang amat tepat dan dipercayai yang menyebutkan mengenai Rasul [sawas] oleh Sa'd ibn Abu Waqqas." Rujukan Sa'd adalah banyak dan telah diperhitungkan satu persatu oleh Abu Khaythamah dan yang lainnya. Ibn 'Abbas, Abu Sa'id al-Khudri, Umm Salamah, Asma' bint Amis, Jabir ibn 'Abdullah, dan beberapa ahli tradisionis yang lain telah menyampaikannya. "Yang sebenarnya, sesiapa yang menyelidik Peperangan Tabuk dan merujuk kepada buku tradisi dan biografi akan menjumpai mereka menyebut hadith ini. Mereka yang telah menulis biografi 'Ali, diantara senarai pengarang-pengarang lama dan moden, tidak kira dari mana-mana kecenderongan dan golongan, semuanya telah

menyebutkan hadits ini. Ianya juga telah disebutkan oleh sesiapa yang menulis mengenai kemuliaan Ahl al Bayt, para-para Imam diantara para sahabat Rasul [sawas] seperti Ahmed ibn Hanbal, dan yang lainnya, yang sebelum dan selepas waktu hidupnya. Hadith ini telah diterima oleh semua generasi Muslim terdahulu.

4) Tidak ada sebab untuk mempelajari keraguan yang disebarkan oleh al-Amidi mengenai hadits ini di dalam buku *Musnad nya*, oleh kerana dia tidak tahu apa-apa mengenai sains tradisi, dan pengetahuannya mengenai *musnads* dan *perawi* adalah umpama pengetahuan manusia awam yang tidak berpelajaran, yang tidak memahami maksud hadits. Bahkan yang sebenarnya, pengetahuan dia yang mendalam di dalam sains usul adalah penyebabnya dia telah jatuh ke dalam dilemma yang sedemikian. Menurut kepada keperluan usul, dia telah melihat bahawa hadits itu betul yang mana dia tidak dapat untuk menyisihkan melainkan dengan meragui Isnadnya, dengan ini pada fikirannya adalah mungkin. Yang sebenarnya itu adalah kehendaknya yang tidak tercapai, dan keamanan bersama kamu.

Yang ikhlas,  
'Sh'

[1] Surat No. 26 mengandungi penerimaan kesahihannya.

[2] Ini berlaku di dalam seksen mengenai dengan kemuliaan `Ali di permulaan muka surat 324, Vol. 2, dari buku *Sahih nya*.

[3] Al-Hakim, juga menyebut pada permulaan muka surat 109, Vol. 3, dari bukunya *Al-Mustadrak*, mengesahkan kesahihannya disebabkan telah diterima oleh Muslim.

[4] Ini berlaku di dalam *maqsad* kelima dari buku *Al-Maqasid* apabila pengarang membincangkan ayat 14 di dalam seksen 11, muka surat 107, dari *Al-Sawa`iq al-Muhriqa*.

[5] Dia mengatakan bahawa yang lain juga telah menyebutnya, dan bahawa sebahagian telah menambah kepadanya 'Bangun; semoga Allah tidak mengizinkan kamu untuk berdiri, ' dan namanya telah dihapuskan dari dalam *diwan*, sehingga keakhir sebutan pada muka surat 107 dari bukunya *Al-Sawa`iq al-Muhriqa*. Ini membuktikan bahawa sekumpulan dari trdisionis yang terakhir selain dari Ahmed telah menyebutkan hadits status kedudukan dari Mu`awiyah.

[6] Seperti yang kami sebutkan pada permulaan surat ini, menyebutkan *maqsad* kelima dari *Maqasid* pada ayat 14 dari ayat-ayat yang dibincangkan di dalam Bab 11, *Al-Sawa`iq al-Muhriqa*, muka surat 107.

[7] Seperti yang Ibn Hajar terangkan di dalam hadits pertama dari 40 hadits yang dia bincangkan di dalam seksen dua Bab: 9 muka surat 72 dari buku *Al-Sawa`iq al-Muhriqa*. Al-Sayyuti telah menyebut yang berikut ketika membincangkan `Ali (as) di dalam bab khalifatul rashidin: "Al-Tabrani telah menyebutkan hadits ini dari semua perawi tersebut, menambah kepadanya Asma' bint Qays."

[8] Al-Sayyuti menunjukan ketika membincangkan `Ali (as) di dalam Bab: Para khalifa pada muka surat 65.

[9] Seperti tertulis pada hadits 2504 dari hadits-hadith *Kanz al-'Ummal*, muka surat 152, jilid 6.

## SURAT 29

1) PERCAYA TERHADAP HUJAH MENGENAI SANAD HADITH

2) MERAGUI KEGUNAANNYA PADA UMUM

3) MERAGUI HADITH SEBAGAI YANG MEMPERKUKUHKAN.

**Thul-Hijjah 20, 1329 H.**

1) Segala yang kamu telah nyatakan mengenai kesahihan kedudukan hadits status tidak disangsikan. Al-Amidi telah terjerumus kearah yang telah membuktikan betapa jauhnya dia dari sains hadits dan ahli-ahli tradisionis. Saya telah menyusahkan kamu dengan menyebutkan pandangannya di dalam menjelaskan apa yang telah pun jelas. Ini adalah kesalahan saya yang mana saya meminta kemaafan, yang mana amat mudah untuk kamu berikan.

2) Saya kini mendapat tahu bahawa terdapat yang lain, selain dari al-Amidi diantara penentang yang telah mengatakan bahawa tidak terdapat bukti bahawa hadits status kedudukan mempunyai sifat kegunaan secara umum, dan bahawa ianya terhad kepada konteksnya tersendiri. Mereka menyokong pandangan ini dengan teks hadits itu sendiri, yang mengatakan bahawa kenyataan Rasul [sawas] adalah disebabkan pada konteks masa, iaitu, apabila beliau ditinggalkan di Madina ketika Peperangan Tabuk. Imam [as] bertanya baginda: "Mengapa kamu tinggal saya bersama wanita dan kanak-kanak?" Jawapan baginda [sawas] adalah: "Tidakkah kamu gembira bahawa status kamu kepada saya adalah sama seperti Harun kepada Musa, melainkan tidak ada Nabi selepas saya?" seakan-akan baginda [sawas] menjelaskan bahawa kedudukan beliau [as] kepada baginda [sawas] adalah seperti Harun kepada Musa ketika Musa meninggalkan Harun untuk mewakilinya diantara ummahnya apabila dia meninggalkan mereka untuk pergi ke Gunung Tur [Gunung Sinai]. Intipati kenyataan Rasul [sawas] adalah seumpama: "Kamu kepada saya, semasa Peperangan Tabuk ini, adalah seperti Harun kepada Musa yang harus pergi untuk berkomunikasi dengan Tuhannya."

3) Para penentang mungkin juga akan berkata bahawa hadits ini bukan satu bukti yang memperkukuhkan, walaupun jika dimengertikan sebagai umum, kerana hadits terhad tidak boleh digunakan untuk pengertian umum dan keamanan bersama kamu.

Yang ikhlas,  
'S'

## SURAT 30

- 1] ARAB MENGANGGAPNYA UMUM
- 2] MENOLAK KENYATAAN IANYA TERHAD
- 3] MENOLAK APLIKASI [KEGUNAANNYA] YANG IANYA TIDAK MENGUKUHKAN.

**Thul-Hijjah 22, 1329 H.**

1] Kami ingin merujuk hujah mereka yang mengatakan hadith ini kurang bersifat umum kepada orang-orang Arab yang mahir dengan bahasa dan nahu bahasa mereka sendiri. Kamu juga adalah seorang penguasa Arab, yang mana pandangan kamu adalah mutlak dan tidak dipertikaikan. Adakah kamu lihat umat Arab meragui pengertian sifat umum pada hadith status kedudukan ini? Saya tidak fikir begitu. Kamu lebih tinggi dari itu. Orang yang berkedudukan seperti kamu tentu tidak meragui maksud umum pada penambahan golongan jenis dalam tatabahasa dan pada cara pengertian dan pemakaiannya. Jika kamu sebagai contoh, berkata: "Saya telah berikan kepada kamu kuasa kehakiman saya," adakah kuasa kamu hanya terhad kepada beberapa perkara sahaja atau bahkan yang sebaliknya? Atau kenyataan kamu bermaksud umum iaitu pengertian termasuk segalanya? Kepujian bagi Allah! Kamu tentu tidak melihatnya selain dari yang umum, dan pengertiannya merangkumi semua! Jika seorang pemimpin Muslim berkata kepada seorang dari rakyatnya: "Saya telah melantik kamu sebagai wazir saya diatas semua manusia," atau "memberi kamu status saya, atau kedudukan diatas mereka, atau memberi kamu harta saya," adakah terfikir di minda kamu sesuatu yang lain dari pengertian umum dari kenyataan yang sedemikian? Atau adakah penyampainya bermaksud untuk memilih satu perkara dari perkara-perkara yang lain? Jika dia berkata kepada seorang menteri: "Kamu boleh menikmati semasa hidup saya kedudukan yang Umer nikmati semasa hidupnya Abu Bakr, tetapi kamu bukan sahabat saya," adakah kenyataan ini dilihat, menurut kaedah umum, telah menunjukkan kepada beberapa keadaan tertentu sahaja tetapi tidak kepada semua keadaan? Saya tidak melihat kamu akan mengatakan penerimaan maksud yang lain dari maksudnya yang umum, dan saya tidak ragu bahawa kamu akan menterjemahkan kenyataan Rasul [sawas]: "Status kamu kepada saya adalah sama seperti Harun kepada Musa" kepada petunjuk bersifat umum pada penggunaan, dengan mengikuti garis tunjuk teks yang sama di dalam bahasa Arab dan norma percakapannya, terutama apabila dikatakan 'melainkan ke Nabian', maka dengan itu telah menjadikannya termasuk kepada pengertian yang lebih menjelaskan. Kamu dikelilingi oleh orang-orang Arab, tanyalah mereka jika kamu berhajat.

2) Mengenai dengan kenyataan penentang yang mengatakan bahawa hadith ini terhad kepada konteksnya [keadaan tertentu] telah ditolak atas dua sebab:

Pertama, hadith itu sendiri bersifat umum sebagaimana yang kamu ketahui. Andaikan 'jika kita kata yang ianya bersifat tertentu' ianya tidak juga menafikan sifatnya yang umum, kerana sesiapa yang membuat andaian tentu tidak menghadkan andaianya kepada satu kemungkinan sahaja. Katakan, jika seorang itu di dalam keadaan *najasa* (berhadass) memegang Surah al-Kursi sebagai contoh, dan kamu katakan kepadanya: "Sesiapa di dalam keadaan *najasa* [berhadass] tidak boleh memegang al-Quran," adakah kenyataan kamu terhad kepada Surah al-Kursi sahaja, atau ianya bersifat umum mengenai keseluruhan al-Quran? Saya tidak dapat membayangkan bahawa seseorang akan memahami yang ianya terhad khusus kepada Surah al-Kursi sahaja. Jika seorang doktor melihat pesakitnya makan buah kurma dan telah melarangnya dari makan segala yang manis, adakah larangan hanya dikatakan kepada buah kurma sahaja atau ianya bersifat umum iaitu termasuk semua yang manis? Saya tidak menganggap mereka yang mengatakan maksud hadith itu adalah terhad sebagai seorang yang patuh kepada konsep umum kepada asas bahasa, bahkan dia adalah terjauh dari nahunya, jauh dari penerimaan akal [logik], dan makhluk yang asing dari dunia kita ini. Begitulah juga dengan orang yang mengatakan hadith status kedudukan hanya digunakan khas ketika Peperangan Tabuk sahaja, tidak ada perbezaan bagi kedua kes itu.

Kedua, hadith ini telah tidak diperjelaskan oleh Rasul [sawas] ketika meninggalkan 'Ali [as] sebagai wakilnya di Madina semasa Peperangan Tabuk, jika tidak, pasti penentang mempunyai hujah untuk mengatakan tentang penggunaannya yang terhad. Buku sahih kami adalah berturutan melalui para Imam dari keturunan Rasul [as] yang telah membuktikan bahawa hadith ini telah diperkatakan pada keadaan yang lain yang mana para penyelidik boleh rujuk. Sunan dari sunni menjadi saksi kepada fakta ini, seperti yang diketahui oleh para penyelidik. Kami katakan bahawa kata-kata dari hadith ini telah mengesahkan kepada fakta bahawa tuntutan yang mengatakan yang ianya telah dikatakan hanya pada ketika Peperangan Tabuk adalah tidak berasas, seperti yang telah diketahui.

3) Mereka katakan bahawa sifat umum yang tertentu tidak boleh memperkukuhkan yang lain adalah suatu kesilapan yang nyata dan kesalahan yang serius. Tiada siapa yang mengatakan sedemikian, melainkan seperti seorang yang menghadapi sesuatu duduk perkara yang seumpama dia menunggang binatang yang buta dimalam yang gelap. Kami berlindung dengan Allah dari kejahatan, dan kami bersyukur kepadaNya diatas kesihatan diri. Mengkhususkan pada yang umum tidak mengenyepikannya dari dipergunakan sebagai kenyataan kepada yang lain selagi perkara yang khusus itu tidak umum, terutama jika ianya berkaitan dengan

hadith ini. Jika seorang tuan memberitahu orang suruhannya: "Layanlah dengan baik setiap orang yang datang melawat saya kecuali Zayd." Jika orang suruhan itu hanya melayani Zayd sahaja dengan baik, dia bukan sahaja telah melanggar perintah tuannya dan telah membuat kesalahan, malah menurut dari pengadilan bagi semua orang yang berakal, dia juga perlu diberikan hukuman yang setimpal dengan kesalahannya. Orang yang berakal tentu tidak akan mendengar sebarang alasan darinya, jika dia memberinya; pasti tidak, bahkan alasan yang diberi itu kelihatan pada mereka lebih hina dari kesalahan itu sendiri. Kerana telah jelas pengertiannya secara umum, dan juga yang dikhususkan, dan mengenai yang lain juga, sebagaimana yang telah diketahui. Kamu lebih arif, bahawa Muslims telah selalu menggunakan sebagai bukti pengkhususan yang umum tanpa sebarang pengecualian. Mereka yang terdahulu diantara para sahabat dan tabi'in, begitu juga mereka yang mengikuti yang terkemudiannya dan begitulah seterusnya sehingga kehari ini, terutama para Imam dari keturunan Rasul [as] dan juga para para Imam yang lainnya dikalangan Muslim telah melakukan yang sama juga. Ini adalah suatu perkara yang tidak perlu pada menimbulkan sebarang keraguan. Mencukupi sebagai bukti apa yang keempat Imam dan para Mujtahid telah katakan di dalam bab pada memahami cabang-cabang perundangan agama sebagai bukti kepada setiap penjelasan beliau. Roda pengetahuan telah berputar dengan mengambil fakta dari penjelasan yang umum. Tidak terdapat sesuatu yang umum yang tidak mempunyai ruang untuk yang khusus. Jika sifat umum ini diketepikan maka akan bergegarlah pintu pengetahuan. Kami meminta perlindungan dengan Allah, dan keamanan bersama kamu.

Yang ikhlas,  
'Sh'

### **SURAT 31**

MEMINTA PUNCA HADITH INI

**Thul-Hijjah 22, 1329 H.**

Kamu tidak memberikan sebarang bukti yang menunjukkan kepada hadith ini telah dikatakan pada ketika yang lain dari Tabuk. Saya sangat berharap dapat dimaklumkan dengan punca asalnya; dari itu tolonglah bawa saya kesana, dan keamanan bersama kamu.

Yang ikhlas,  
'S'

### **SURAT 32**

- 1] DIANTARA PUNCANYA: LAWATAN RASUL KEPADA UMM SALIM
- 2] KES ANAK PEREMPUAN HAMZAH
- 3] BERSANDAR KEPADA 'ALI
- 4] PERSAUDARAAN PERTAMA
- 5] PERSAUDARAAN KEDUA
- 6] PENUTUPAN PINTU
- 7] RASUL MEMBANDINGKAN 'ALI DAN HARUN KEPADA DUA BINTANG

**Thul-Hijjah 24, 1329 H.**

1) Satu dari puncanya adalah perbualan Rasul [sawas] dengan Umm Salim,[1] seorang wanita yang mempunyai banyak pencapaian, seorang wanita yang bijak yang telah dapat menikmati status yang utama dengan Rasul Allah [sawas], disebabkan beliau adalah diantara orang yang mula-mula memeluk Islam, dan juga keikhlasan beliau, serta khidmat dan pengorbanan beliau untuk Islam. Rasul [sawas] selalu menziarahi beliau dan berkata-kata dengan beliau dirumahnya. Suatu hari, baginda [sawas] berkata kepadanya: "Wahai Umm Salim (ibu kepada Salim)! Daging `Ali adalah daging saya, dan darah beliau adalah darah saya; beliau kepada saya adalah seperti Harun kepada Musa." [2] Telah nyata bahawa hadith ini adalah sebahagian dari hadith yang panjang yang telah diperkatakan untuk tujuan pada menyampaikan perkara yang benar dan nasihat, demi kerana Allah, supaya dengannya dapat menerangkan status wazir baginda, orang yang akan mengambil tempat baginda [tanggung jawab] apabila baginda [sawas] telah pergi [wafat]; dan ini tidak boleh dihadkan pada Peperangan Tabuk.

2) Hadith yang sama telah diperkatakan di dalam kes anak perempuan Hamzah yang mana mengenainya `Ali, Ja'fer dan Zayd perebutkan [untuk memelihara]. Rasul Allah [sawas] kemudian berkata: "Wahai `Ali! Kamu kepada saya adalah seperti Harun kepada Musa, dst."

3) Satu lagi insiden berlaku apabila Abu Bakr, `Umer, dan Abu `Ubaydah ibn al-Jarrah berada di dalam kumpulan Rasul [sawas] yang sedang bersandar kepada `Ali. Rasul [sawas] menepuk-nepuk bahu `Ali dan

berkata: "Wahai `Ali! Kamu adalah yang paling kuat diantara Mukmin di dalam beriman, yang pertama memeluk Islam, dan status kamu kepada saya adalah sama seperti Harun kepada Musa."[3]

4) Hadith yang disampaikan ketika persaudaraan pertama juga telah memuatkan teks ini. Ianya telah dilakukan di Makah sebelum penghijrahan, apabila Rasul Allah [saw] menyempurnakan ikatan persaudaraan diantara Muhajirin khususnya.

5) Pada peristiwa persaudaraan kedua, ketika di Madina, lima bulan selepas penghijrahan, Rasul [saw] telah menyempurnakan ikatan persaudaraan diantara Muhajirin dan Ansar. Di dalam kedua-dua kejadian, Baginda [saw] memilih `Ali sebagai saudaranya,[4] dengan itu telah mengutamakan beliau dari yang lain, dengan berkata kepada beliau: "Kamu kepada saya adalah seperti Harun kepada Musa melainkan tidak ada Nabi selepas saya." Sebutan seumpama ini telah disampaikan berturutan. Rujuk kepada apa yang dikatakan oleh yang lain mengenai Persaudaraan Pertama seperti hadith yang disampaikan oleh Zayd ibn Abu `Awfah. Imam Ahmed ibn Hanbal telah menuliskan di dalam bukunya *Manaqib `Ali*, Ibn `Asakir di dalam bukunya *Tarikh*,[5] al-Baghwi dan al-Tabrani di dalam buku mereka *Mujma`*s, al-Barudi di dalam bukunya *Al-Ma`rifah*, oleh Ibn `Adi[6] dan lainnya.

Hadith yang sedang diperkatakan ini panjang juga, dan ia menggandungi garis panduan bagaimana hendak menyempurnakan persaudaraan. Ianya berakhir dengan: "`Ali berkata: `Wahai Rasul Allah! Jiwa saya telah mati, dan tulang belakang saya telah patah, setelah melihat apa yang telah kamu lakukan kepada para sahabat kamu, sedangkan saya ditinggalkan sendirian. Jika ini adalah tanda kemarahan kamu dengan saya, maka saya mengadu hanya kepada kamu dan kepada kamu saya meminta maaf.' Rasul Allah berkata: `Saya bersumpah dengan Dia, yang telah menghantar saya untuk menyampaikan yang benar mengenai diriNya, saya tidak meninggalkan kamu melainkan khas untuk diri saya. Kamu kepada saya adalah seperti Harun kepada Musa, melainkan tidak ada Nabi selepas saya. Kamu adalah saudara, perwaris dan juga sahabat saya.' `Ali (as) bertanya kepada baginda: `Apa yang saya warisi dari kamu?' Baginda [saw] menjawab: `Apa sahaja Nabi yang sebelum saya tinggalkan untuk mereka yang mewarisinya: Kitab dari Tuhan mereka, dan sunnah dari Nabi mereka. Kamu akan menjadi sahabat saya di dalam rumah saya di syurga bersama dengan anak perempuan saya Fatima. Kamu adalah saudara dan juga sahabat saya.' Kemudian baginda [saw] membacakan ayat ini: `Mereka adalah bersaudara, duduk bersenang-senang, berhadap-hadapan... ' [15:47] merujuk kepada persaudaraan, yang mana hati mereka telah dicantumkan di dalam kecintaan dan saling berpandangan dengan kasih sayang dan keikhlasan.

Rujuk juga kepada peristiwa Persaudaraan Kedua. Al-Tabrani, di dalam buku *Al-Tafsir Al-Kabir*, menyebutkan dari Ibn `Abbas menyampaikan satu hadith yang mengatakan bahawa Rasul Allah [saw] berkata kepada `Ali (as): "Adakah kamu marah kerana saya telah mengadakan persaudaraan diantara Ansar dan Muhajirin dan tidak memilihkan untuk kamu seorang saudara diantara mereka? Tidakkah kamu gembira bahawa status kamu kepada saya sama seperti kedudukan Harun kepada Musa melainkan tidak ada Nabi selepas saya?"[7]

6) Hadith yang sama juga telah diperkatakan apabila pintu rumah para sahabat yang menghadap ke masjid Nabi di Madina telah diarahkan supaya ditutup melainkan pintu rumah `Ali. Jabir ibn `Abdullah menyebut bahawa Rasul Allah [saw] sebagai berkata: "Wahai `Ali! Adalah dibolehkan untuk kamu melakukan di dalam masjid ini apa sahaja yang di bolehkan kepada saya, dan kamu kepada saya adalah seperti Harun kepada Musa, melainkan tidak ada Nabi selepas saya." Huthayfah ibn `Asid al-Ghifari telah berkata bahawa Rasul [saw], suatu ketika telah memberi khutbah pada peristiwa menutup pintu-pintu tersebut yang mana baginda [saw] telah berkata: "Terdapat sebahagian manusia yang merasa tidak senang kerana saya keluarkan mereka dari masjid tetapi mengekalkan `Ali. Allah awj, mengilhamkan kepada Musa dan saudaranya untuk kekal bersama ummahnya di Mesir dan jadikan tempat kediaman mereka *qibla* dan tempat berdoa serta ibadah," sehinggalah, baginda berkata: "`Ali kepada saya adalah seperti Harun kepada Musa. Dia adalah saudara saya, dan tiada seorang pun yang dibenarkan bersetubuh disini selain dari dia."

Punca hadith ini amatlah banyak, dan semuanya tidak dapat disebutkan di dalam surat yang ringkas seperti ini, malah saya harap apa yang saya telah katakan disini mencukupi untuk membatalkan kenyataan yang mengatakan hadith status kedudukan ini khusus hanya ketika Peperangan Tabuk sahaja. Sebanyak manakah tuntutan yang begini boleh diterima dengan terdapat banyaknya punca hadith ini?

7) Sesiapa yang faham dengan biografi Rasul [saw] akan mendapati baginda mengibaratkan `Ali dan Harun seperti dua bintang yang terang yang telah disusun sama, tiada yang satu berlainan dengan yang lainnya. Ini dengan sendirinya adalah kenyataan kepada umumnya status hadith ini, walaupun begitu umumnya bagi status adalah sesuatu yang datang kepada fikiran tidak kira apa juga alasannya, seperti yang kami telah terangkan diatas, dan keamanan bersama kamu.

Yang ikhlas,,  
'Sh'

[1] Dia adalah anak perempuan Milhan ibn Khalid al-Ansari dan adik Haram ibn Milhan. Bapa dan saudaranya telah syahid di dalam kumpulan Rasul [saw]. Dia mempunyai banyak pencapaian dan bijaksana. Dia telah menyampaikan beberapa hadith dari Rasul [saw], dan dia telah disebutkan oleh anaknya Anas, sebagai tambahan kepada Ibn `Abbas, Zayd ibn Thabit, Abu Salamah ibn `Abdul-Rahman, dan oleh yang lainnya. Dia

telah dianggap di dalam barisan hadapan dari mereka yang menerima dan menyokong agama Islam, dan dia sendiri adalah seorang penyeru kepada Islam. Semasa zaman *jahiliyya*, dia telah menyintai Malik ibn al-Nadar dan darinya dia miliki seorang anak lelaki Anas ibn Malik. Pada permulaan Islam, dia diantara yang mula-mula memeluk Islam, dan mengajak suaminya Malik kepada mempercayai Allah dan RasulNya, tetapi suaminya menolak; maka dia telah meninggalkan suaminya, dan suaminya dengan perasaan marah telah berpindah ke Syria dan mati disana sebagai seorang *kafir*. Dia menasihati anaknya, yang berusia 10 tahun supaya berkhidmat kepada Rasul [sawas], dan Rasul [sawas] menerima dia untuk berkhidmat supaya dapat mengembirakan ibunya. Ramai lelaki Arab yang berketurunan tinggi telah melamar beliau, tetapi beliau selalu mengatakan, 'Saya tidak akan berkahwin melainkan apabila Anas mencapai dewasa,' maka, Anas selalu berkata: "Semoga Allah merahmati ibu saya, yang telah menjaga saya dengan baik." Disebabkan pengaruh dari beliau, Abu Talhah al-Ansari menjadi Muslim. Dia melamar beliau sedang dia masih *kafir*, tetapi beliau menolak lamarannya melainkan dia memeluk Islam; maka dia menerima ajakan kepada memeluk kepercayaan yang baru, dan hantarannya kepada beliau adalah menerima Islam. Beliau mendapat seorang anak darinya, tetapi anak itu jatuh sakit dan meninggal; maka beliau berkata: "Tiada siapa yang boleh menyebutkan kematian anak itu kepada bapanya sebelum saya." Apabila suaminya pulang dan bertanya anakanya, beliau menjawab: "Dia di dalam keadaan amat baik," maka dia menyangka bahawa beliau maksudkan yang anaknya sedang tidur. Beliau menghidangkan makam malam, kemudian mengenakan pakaian yang terindah dengan wangi-wangian, dan dia tidur bersama beliau. Pada keesokan hari beliau berkata kepada suaminya: 'Doakanlah untuk ruh anak kamu.' Abu Talha sampaikan cerita ini kepada Rasul Allah [sawas] yang berkata kepadanya: "Allah telah merahmati kamu malam tadi." Beliau meneruskan dengan mengatakan bahawa baginda [sawas] berdoa kepada Allah untuk memberikan kepada beliau apa yang beliau minta dan bahkan lebih lagi. Pada malam tersebut beliau mengandungkan `Abdullah ibn Abu Talha yang diatasnya Allah telah hujani dengan rahmat. Beliau adalah bapa kepada Ishaq ibn `Abdullah ibn Abu Talha, seorang *faqih*, dan 10 orang dari saudaranya; setiap mereka adalah orang yang berilmu. Umm Salim pernah mengambil bahagian di dalam kempen ketenteraan Rasul [sawas]. Pada hari peperangan Uhud, beliau mempunyai pedang untuk menikam mana-mana musuh yang menghampiri beliau. Beliau telah memberi kepada Islam khidmat yang banyak, dan saya tidak tahu mana-mana wanita selain beliau yang mana Rasul [sawas] datang berziarah kerumah mereka dan beliau akan memberikan baginda [sawas] hadiah. Beliau sedar akan status kedudukan keterunan baginda [as], mengakui akan hak-hak mereka [as]... Semoga Allah menghujani rahmat pilihanNya keatas beliau

[2] Hadith ini, maksud saya Umm Salim, adalah bernombor 2554 di dalam *Kanz al-Ummal* seperti yang disampaikan pada muka surat 154 dari jilid 6. Ianya juga terdapat di dalam *Muntakhab al-Kanz*; maka rujuklah kepada barisan yang akhir di nota kaki pada muka surat 31 pada jilid 5 dari Ahmed: *Musnad*, dimana kamu akan menjumpai disebutkan kata demi kata.

[3] Ini disebutkan oleh al-Hasan ibn Badr, al-Hakim di dalam bab *kunyat*, al-Shirazi di dalam bab nama keluarga, jilid 6, dan oleh Ibn al-Najjar. Ianya adalah hadith 6029 dan juga 6032 yang diberi no di dalam *Kanz al-Ummal*, muka surat 395.

[4] Membincangkan biografi `Ali (as) di dalam bukunya *Isti'ab*, Ibn `Abd al-Birr menerangkan beliau sebagai: "Dia dijadikan saudara dengan Rasul Allah [sawas] diantara Muhajirin, kemudian diantara Muhajirin dengan Ansar. Di dalam setiap peristiwa ini, baginda [sawas] berkata kepada `Ali (as): 'Kamu adalah saudara saya di kehidupan ini dan di kehidupan akhirat,' kemudian beginda menjadikan persaudaraan diantara dirinya dan `Ali (as)." Peristiwa ini secara khusus ada di dalam buku tradisi dan sejarah. Untuk secara khusus pada Persaudaraan Pertama, rujuk kepada muka surat 26, Vol. 2, dari *Al-Sira al-Halabiyya*, dan di Persaudaraan Kedua pada muka surat 120, Vol. 2, juga dari *Al-Sira al-Halabiyya*, di mana kamu akan dapati bagaimana Rasul [sawas] telah mengutamakan `Ali (as) diantara yang lain di dalam kedua-dua peristiwa itu. Di dalam *Al-Sira al-Dahlaniyya*, secara khusus keadaan persaudaraan pertama dan juga yang kedua adalah sama dengan apa yang diterbitkan di dalam *Al-Sira al-Halabiyya*. Pengarang juga mengatakan bahawa persaudaraan kedua berlaku lima bulan selepas penghijrahan

[5] Ini telah disebutkan dari Ahmed dan Ibn `Asakir oleh sekumpulan perawi yang dipercayai seperti al-Muttaqi al-Hindi; maka rujuklah kepada hadith 918 dari buku *Kanz al-Ummal* pada permulaan muka surat 40 dari jilid 5. Ianya juga disebutkan pada muka surat 390, Vol. 6, dari buku Ahmed: *Manaqib `Ali*, hadith no 4972.

[6] Ini disebutkan dari Imam tersebut oleh sekumpulan penyampai yang dipercayai seperti al-Muttaqi al-Hindi pada permulaan muka surat 41, Vol. 5, dari buku *Kanz al-Ummal*, nombor hadith 919.

[7] Ini telah disebutkan oleh al-Muttaqi al-Hindi di dalam *Kanz al-Ummal* dan *Al-Muntakhab*; maka rujuklah kepada *Muntakhab* di nota kaki pada muka surat 31 dari jilid 5 mengenai Ahmed: *Musnad*, dan kamu akan menjumpai seperti mana yang telah diperkatakan, sebagaimana yang kami telah sebutkan disini. Ianya tidak susah untuk memesongkan intisari rangkap 'Kamu telah memarahkan `Ali [as] [membuat `Ali marah] dan memahami maksud persahabatan, belas kasihan, dan cinta kepada kasih sayang dan bapa yang baik kepada anaknya. Jika kamu hairan bagaimana `Ali boleh mempunyai sedikit keraguan pada kali kedua dia telah ditinggalkan, walaupun pada kali pertama beliau mempunyai keraguan juga, kemudian dia mengerti bahawa Rasul [sawas] telah meninggalkan beliau untuk dirinya dan mengapa dia tidak menganggap insiden kedua dengan cahaya [sama seperti] dari yang pertama. Jawapannya adalah insiden kedua tidak boleh dibandingkan dengan insiden pertama, kerana yang pertama adalah mengenai Muhajirin khususnya, maka perbandingan tidak menghalang Rasul [sawas] dari menjadikan persaudaraannya dengan `Ali [as], sebaliknya di dalam persaudaraan kedua adalah diantara Muhajirin dan Ansar. Seorang Muhajirin di dalam keadaan kedua akan disatukan dalam persaudaraan kepada Ansar dan begitulah sebaliknya. Oleh kerana Rasul [sawas] dan juga

wasi adalah Muhajirin, maka penerimaannya pada keadaan kedua adalah bahawa mereka tidak akan menjadi saudara; maka pada sangka `Ali bahawa saudaranya adalah seorang Ansar juga, sama seperti yang lain pada cara perbandingan. Apabila Rasul Allah [sawas] tidak mengikatkan persaudaraan diantara beliau dengan Ansar, keraguan telah bermain difikiran beliau, tetapi Allah dan RasulNya telah menekankan keutamaan kepada beliau, dan begitulah jadinya; beliau dan Rasul Allah [sawas] menjadi saudara, bertentangan dengan norma yang biasa diantara semua Muhajirin dan Ansar pada masa dan tempat itu

### **SURAT 33**

**BILAKAN `ALI DAN HARUN DIIBARATKAN SEPERTI DUA BINTANG?**

**Thul-Hijjah 25, 1329 H.**

lanya belum diperjelaskan lagi apa yang kamu katakan bahawa baginda [sawas] pernah mengibaratkan `Ali dan Harun seperti dua bintang yang sama; bilakah baginda [sawas] melakukannya?

Yang ikhlas,  
'S'

### **SURAT 34**

- 1] PADA PERISTIWA SHABAR, SHUBAYT DAN MUSHBIR
- 2] PADA PERISTIWA PERSAUDARAAN
- 3] PADA PERISTIWA PENUTUPAN PINTU

**Thul-Hijjah 27, 1329 H.**

Selidiklah biografi Rasul [sawas] dan kamu akan dapati baginda mengibaratkan `Ali and Harun seperti dua bintang ditengah-tengah dada langit, kedudukan mata pada muka, tiada perbezaan pada diri mereka di dalam umat masing-masing.

1) Adakah kamu lihat bagaimana baginda [sawas], telah menekankan bahawa `Ali hendaklah menamakan anak-anaknya sama seperti yang dilakukan oleh Harun, memanggil mereka Hasan, Husayn, dan Muhsin? Beliau (as) telah berkata: "Saya telah menamakan mereka seperti anak-anak Harun: Shabar, Shubayr, dan Mushbir,"[1] bertujuan untuk menunjukkan persamaan diantara diri beliau dengan Harun iaitu persamaan yang menyeluruh di dalam semua segi dan aspek

2) Atas sebab yang sama, `Ali telah memuliakan saudaranya dan mengutamakan baginda dari semua yang lain, maka telah tercapai matlamat persamaan umum bagi kedua-dua Harun; kepada saudara masing-masing, dengan memastikan tiada perbezaan diantara mereka. Baginda [sawas] mengujudkan persaudaraan diantara para sahabatnya, seperti yang tersebut diatas, menjadikan pada insiden pertama Abu Bakr bersaudara kepada `Umer, dan `Uthman bersaudara kepada `Abdul-Rahman ibn `Awf. Di dalam persaudaraan kedua, Abu Bakr menjadi saudara kepada Kharijah ibn Zayd, dan `Umer adalah saudara kepada `Atban ibn Malik. Bahkan pada kedua-dua peristiwa, `Ali telah dijadikan saudara oleh Rasul Allah [sawas] seperti mana yang kamu telah ketahui.

Tidak terdapat ruang untuk menyebutkan semua teks yang telah disahkan, yang telah disebutkan oleh Ibn `Abbas, Ibn `Umer, Zayd ibn Arqam, Zayd ibn Abu `Awfah, Anas ibn Malik, Huthayfah ibn al-Yemani, Makhdud ibn Yazid, `Umer ibn al-Khattab, al-Bara' ibn `Azib, `Ali ibn Abu Talib, dan lainnya yang telah menyampaikan hadith ini seperti yang disebutkan. Rasul Allah [sawas] juga telah berkata kepada `Ali: "Kamu adalah saudara saya di dalam kehidupan ini dan di kehidupan akhirat."[2] Di dalam surat no. 20 kami telah menyatakan bagaimana baginda [sawas] telah memegang `Ali pada lehernya dengan berkata: "Ini adalah saudara, wazir dan pengganti saya diantara kamu dari itu dengarkan kata-katanya dan patuhlah kepadanya." Baginda [sawas] keluar untuk berjumpa dengan para sahabatnya dengan senyum yang lebar pada wajahnya. `Abdul-Rahman ibn `Awf bertanya kepada baginda; apa yang mengembirakan baginda sangat. Baginda menjawab: "lanya disebabkan oleh satu berita baik yang saya baru terima dari Tuhan saya mengenai saudara dan juga sepupu saya, dan juga mengenai anak perempuan saya. Yang Maha Berkuasa telah memilih `Ali sebagai suami kepada Fatima." Apabila ketua semua wanita di dunia ini telah dikahwinkan kepada ketua keturunan Rasul [as], Rasul [sawas] berkata: "Wahai Umm Ayman! Bawakan saudara saya." Umm Ayman bertanya: "Beliau adalah saudara kamu, dan kamu masih juga mahu mengahwinkan beliau kepada anak perempuan kamu?!" Baginda berkata: "Ya, begitulah sebenarnya, Umm Ayman." Dia memanggil `Ali masuk[3]

Kerap juga, Rasul [sawas] menunjukkan kepada `Ali dan berkata: "Ini adalah saudara, sepupu, anak menantu dan bapa kepada keturunan saya."[4] Suatu ketika baginda berkata kepada beliau: "Kamu adalah saudara dan sahabat saya." Dalam peristiwa yang lain, baginda berkata kepada beliau: "Kamu adalah saudara, sahabat dan teman saya disurga." Baginda pada suatu ketika berkata kepada beliau mengenai perkara diantara beliau,



saudaranya Ja'fer, dan Zayd ibn Harithah, dengan berkata: "Wahai 'Ali! Kamu sebenarnya adalah saudara dan bapa kepada keturunan saya. Kamu adalah daripada saya dan saya daripada kamu."[5] Baginda telah membuat perjanjian dengan beliau suatu ketika dengan berkata: "Kamu adalah saudara, dan wazir saya, kamu cukupkan agama saya, memenuhi janji-janji saya, membayar hutang bagi pihak saya dan memberi ketenangan pada fikiran saya."[6] Apabila kematian menghampiri baginda, semoga kedua ibu bapa saya di korbakan untuk baginda, baginda berkata: "Bawakan saudara saya." Mereka memanggil 'Ali masuk. Baginda berkata kepada beliau: "rapat kepada saya." 'Ali (as) melakukannya. Baginda terus membisik kedalam telinga beliau sehingga ruhnyanya yang suci meninggalkan jasadnya. Bahkan 'Ali dapat menampung sedikit dari air liur baginda.[7]

Rasul Allah [sawas] telah juga berkata: "Telah tertulis di pintu syurga: 'Tidak ada Tuhan melainkan Allah, Muhammad adalah Rasul Allah, 'Ali adalah saudara Rasul Allah.'"[8] Apabila Rasul meninggalkan 'Ali tidur dikatilnya sedang musuh diluar merancang untuk membunuh baginda, Allah awj telah berkata kepada Jibril dan Mikail, kataNya: "Aku telah jadikan ikatan persaudaraan diantara kamu berdua dan telah menjadikan jangka hayat seorang dari kamu lebih panjang dari yang lain. Siapakah diantara kamu yang berhasrat untuk menjadikan jangka hayat yang seorang itu lebih panjang dari dirinya? Setiap mereka memegang pada hayatnya sebagai yang amat berharga. Allah awj berkata: "Mengapa kamu tidak boleh menjadi seperti 'Ali ibn Abu Talib, diantara beliau dengan Muhammad (sawas) Aku telah adakan ikatan persaudaraan, dan beliau telah memilih untuk tidur di katil Muhammad, menawarkan diri untuk dikorbankan sebagai ganti diri saudaranya? Pergi turun kebumi dan selamatkan beliau dari musuhnya." Mereka berdua turun. Jibril berada dibahagian kepala 'Ali sedang Mikail berada dibahagian kakinya. Jibril berkata: "Tahniah! Tahniah! Siapakah yang boleh menjadi seperti kamu, Wahai anak Abu Talib? Bahkan Allah merasa bangga mengenai kamu kepada para MalaikatNya!" Mengenai insiden itu, ayat "Dan terdapat diantara manusia yang telah menjualkan nyawa mereka untuk kesenangan Allah (Qur'an, 2:207)" telah diwahyukan.[9]

'Ali sendiri telah disebutkan sebagai berkata: "Saya adalah hamba Allah dan saudara kepada RasulNya. Saya yang amat kuat pada mempercayai Rasul. Tiada siapa yang boleh mengatakan begitu, melainkan dia pendusta."[10] Beliau juga telah berkata: "Demi Allah! Saya adalah saudara dan juga *walinya*, sepupu dan juga pewaris bagi pengetahuannya; siapakah yang lebih mulia dari saya?"[11] Pada hari Syura, beliau berkata kepada 'Uthman, 'Abdul-Rahman, Sa'd, dan al-Zubayr: "Adakah kamu tahu sesiapa diantara umat Muslim selain dari diri saya yang mana Rasul Allah telah mengujutkan persaudaraan?" Mereka menjawab: "Kami menjadi saksi, tiada."[12] Apabila 'Ali berdiri untuk bertarung dengan al-Walid semasa peperangan Badr, al-Walid bertanya kepada beliau: "Siapakah kamu?" 'Ali menjawab: "Saya adalah hamba Allah dan saudara kepada RasulNya."[13] Apabila 'Umer menjadi khalifa 'Ali bertanya kepadanya:[14] "Katakan jika beberapa orang Israel datang kepada kamu dan seorang dari mereka mengatakan kepada kamu bahawa dia adalah sepupu Musa, adalah dia menerima layanan yang lebih baik dari yang lain?" 'Umer menjawab: "Ya, sebenarnya." 'Ali berkata: "Saya, demi Allah, adalah saudara kepada Rasul Allah dan juga sepupunya." 'Umer membuka selendangnya dan membentangkannya untuk 'Ali duduk, dengan berkata: "Demi Allah, kamu janganlah duduk dimana-mana selain dari diatas selendang saya sehinggalah seorang dari kita berlalu pergi." 'Ali lakukan itu sedang 'Umer merasa gembira dapat melakukan kehormatan untuk saudara dan sepupu Rasul Allah selama mereka ada bersama.

3) Wah, nampaknya saya telah tidak dapat mengawal pena saya. Rasul [sawas] mengarahkan semua pintu rumah para sahabat yang menghala ke masjid hendaklah ditutup terus, sebagai satu langkah untuk mengekalkan kesucian masjid dari *janaba* atau *najasa*, tetapi baginda membenarkan pintu rumah 'Ali terus dibuka, membenarkan beliau melintasi masjid walaupun di dalam keadaan *janaba*, sama seperti yang dilakukan oleh Harun, maka telah memberikan satu lagi bukti pada kedudukan yang sama bagi kedua manusia ini, di dalam agama dan umat masing-masing. Ibn 'Abbas telah berkata: "Rasul Allah [sawas] telah mengarahkan semua pintu rumah para sahabat ditutup melainkan pintu rumah 'Ali, yang biasa masuk ke masjid walau sedang di dalam keadaan *janaba*, kerana tiada jalan lain untuk keluar."[15] 'Umer ibn al-Khattab telah menyampaikan sebuah hadith yang sahih yang mana telah dihasilkan semula di dalam kedua buku sahih yang mana dia berkata:[16] "'Ali ibn Abu Talib telah dianugerahkan dengan 3 tanda kemuliaan, jika saya dapat satu darinya, ianya amat berharga bagi saya dari semua unta merah [dijajahan Arab]: Isteri beliau Fatima anak perempuan Rasul Allah, kediaman beliau di masjid, jiran kepada Rasul Allah dan merasa aman di dalamnya, dan pembawa panji-panji semasa Peperangan Khayber."

Sa'id ibn Malik, telah disebutkan di dalam hadith yang sahih, pernah menyatakan beberapa kemuliaan 'Ali yang unik, seperti katanya: "Rasul Allah telah mengeluarkan semua orang dari masjid, termasuk bapa saudaranya al-'Abbas dan lainnya. Al-'Abbas bertanya baginda: 'Mengapa kamu mengeluarkan kami dan mengekalkan 'Ali?' Baginda [sawas] menjawab: 'Bukan saya yang mengeluarkan kamu dan mengekalkan 'Ali. Ianya adalah Allah yang telah mengeluarkan kamu dan mengekalkan beliau.'"[17] Zayd ibn Arqam telah berkata: "Beberapa para sahabat Rasul Allah [sawas] pernah mempunyai pintu rumah mereka menghala ke masjid. Rasul Allah [sawas] kemudian berkata: 'Tutup semua pintu ini melainkan pintu 'Ali.' Sebahagian manusia tidak menyukainya, dan mereka telah memperkatakannya. Maka, Rasul Allah [sawas] berdiri pada suatu hari, setelah memuji Allah kemudian berkata: 'Saya telah mengarahkan pintu-pintu ini supaya ditutup melainkan pintu 'Ali, dan sebahagian dari kamu tidak menyukainya. Saya tidak menutup atau membuka pintu, tidak juga memberikan arahan, melainkan setelah diarahkan oleh Tuhan saya untuk melakukannya.'"[18]

Menyebutkan dari Ibn 'Abbas, Al-Tabrani telah mengatakan bahawa Rasul Allah [sawas] berdiri dan berkata: "Saya tidak mengeluarkan kamu dari tindakan keinginan saya sendiri, tidak juga saya membenarkan pintu

untuk dibuka diatas pilihan saya. Saya hanya mengikuti apa yang disampaikan dari Tuhan saya." [19] Dan Rasul Allah berkata kepada Ali (as): "Wahai Ali! Tidak dibolehkan untuk sesiapa selain dari diri kamu untuk berada di dalam masjid sedang di dalam keadaan *janaba*." [20] Sa'd ibn Abu Waqqas, al-Bara' ibn 'Azib, Ibn 'Abbas, Ibn 'Umer, dan Huthayfah ibn al-Yemani, semuanya telah katakan: "Rasul Allah [saw] suatu ketika telah keluar ke masjid dan berkata: 'Allah telah mengilhamkan kepada NabiNya Musa untuk mendirikan sebuah masjid yang suci yang mana tiada siapa melainkan Musa dan Harun tinggal di dalamnya. Allah telah mewahyukan kepada saya untuk mendirikan sebuah masjid yang suci dimana hanya saya dan saudara saya 'Ali dibenarkan tidur di dalamnya.'" [21]

Tidak ada ruang disini untuk menyatakan semua teks yang telah disahkan, dan yang telah disampaikan oleh Ibn 'Abbas, Abu Sa'id al-Khudri, Zayd ibn Arqam, sahabat dari kaum Khath'am, Asma' bint 'Amis, Umm Salamah, Huthayfah ibn Asid, Sa'd ibn Abu Waqqas, al-Bara' ibn 'Azib, 'Ali ibn Abu Talib, 'Umer, 'Abdullah ibn 'Umer, Abu Tharr al-Ghifari, Abul Tufail, Buraydah al-Aslami, Abu Rafi', hamba Rasul Allah yang dibebaskan, Jabir ibn 'Abdullah al-Ansari, dan lainnya, semua mereka telah menyampaikan hadith yang sama. Telah diketahui umum bahawa Rasul Allah [saw] telah berdoa kepada Allah dengan berkata: "Wahai Tuhan! Saudara saya Musa telah memohon kepada Mu dengan berkata: 'Tuhan! Lapangkanlah dada ku, lepaskanlah ikatan pada lidah ku, supaya manusia dapat memahami percakapan ku, dan jadikan saudara saya Harun sebagai wazir saya dari diantara ahli rumah saya untuk menyokong dan membantu di dalam tugas-tugas saya,' dan Kamu, Tuhan, telah menjawab: 'Kami akan menyokong kamu melalui saudara kamu dan berikan keatas kamu penguasaan yang besar (28:35).' Tuhan! Saya adalah hamba Mu, Muhammad; dari itu, saya bermohon kepada Mu untuk melapangkan dada saya, untuk menjadikan kefahaman kepada saya mudah hendak dilaksanakan dan untuk menjadikan 'Ali saudara saya, dari diantara ahli rumah saya.'" [22]

Begitu juga Al-Bazzaz telah menunjukkan bahawa Rasul Allah [saw] mengambil tangan Ali dan berkata: "Musa telah meminta kepada Tuhan untuk mensucikan masjidnya melalui Harun, dan saya telah meminta kepada Tuhan untuk mensucikan masjid saya melalui kamu." Baginda kemudian menghantar seorang pesuruh kepada Abu Bakr mengarahnya supaya menutup pintu rumahnya yang menghala ke masjid, dan Abu Bakr melaksanakannya tanda hormat terhadap perintah Rasul. Kemudian baginda menghantar pesuruh yang lain kepada 'Umer untuk melakukan yang sama, dan yang lain lagi kepada al-'Abbas dengan maksud tujuan yang sama. Kemudian baginda [saw] berkata: "Bukanlah saya yang menutupkan pintu rumah kamu, tidak juga saya yang membiarkan pintu rumah 'Ali terbuka dengan kehendak saya, bahkan ianya adalah Allah yang telah membuka pintu beliau dan menutup pintu kamu."

Sebanyak ini telah mencukupi untuk membuktikan persamaan diantara 'Ali dan Harun di dalam semua segi dan keadaan, dan keamanan bersama kamu.

Yang ikhlas,  
'Sh'

[1] Ini telah disebutkan oleh tradisionis menurut dari punca kesahihan tradisi Rasul Allah [saw]. Rujuk kepada muka surat 265 dan 168, Vol. 3, dari *Al-Mustadrak*, dan kamu akan dapati teks hadith ini dikatakan sebagai sahih menurut pengesahan dari kedua shaykh. Imam Ahmed juga telah menyebutkan dari hadith 'Ali pada muka surat 98, Vol. 1, dari *Musnad*. Ibn 'Abdel-Birr, juga menyebut biografi cucu Rasul, al-Hasan (as) dari *Isti'ab*, dan bahkan al-Thahbi menyebutkannya di dalam *Talkhis*, mengatakannya sebagai sahih, walaupun dia yang begitu sangat fanatik dan telah menyimpang dari Harun umat ini, dan dari Shabar dan Shubayrnya. Ianya juga telah disebut oleh al-Baghwi di dalam *Mu'jam*, dan 'Abdul-Ghani dari *Idah*, seperti juga yang dirakamkan pada muka surat 115 dari *Al-Sawaiq al-Muhriqa*, dari Salman yang mana teksnya hampir sama, dan juga dari Ibn 'Asakir.

[2] Al-Hakim telah menyebutnya pada muka surat 14, Vol. 3, dari *Al-Mustadrak* seperti yang disampaikan oleh Ibn 'Umer dari dua punca yang sahih dan disahkan oleh kedua shaykh. Al-Thahbi juga telah menyebutnya di dalam *Talkhis*, mengatakannya sebagai sahih. Al-Tirmithi, juga telah menyebutnya sama seperti yang disebutkan oleh Ibn Hajar pada muka surat 72 dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*; maka rujuklah kepada hadith ke 7 dari yang disebutkan pada seksen 2 Bab 9 dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*. Semua yang telah membincangkan hadith persaudaraan diantara para penulis tradisi dan rekod sejarah telah menerimanya tanpa sebarang penghujahan

[3] Ini telah disebutkan oleh al-Hakim pada muka surat 159, Vol. 3, dari *Al-Mustadrak*. Al-Thahbi, juga telah menyebutnya di dalam *Talkhis*, dan menerimanya sebagai sahih. Ibn Hajar menyalinnya di dalam bab 11 dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*. Semua mereka yang menulis mengenai perkahwinan al-Zahra' (as) telah menyebutnya tanpa pengecualian.

[4] Ini telah dimasukkan oleh al-Shirazi di dalam Bab nama keluarga, dan oleh Ibn al-Najjar yang menyebutnya dari Ibn 'Umer. Al-Muttaqi al-Hindi telah menyampaikannya di dalam *Kanz al-'Ummal* dan *Al-Muntakhab* yang mana dia telah lampirkan kepada notakaki dari buku *Musnad*; maka rujuklah kepada baris 2 pada notakaki pada muka surat 32 dari jilid 5.

[5] Al-Hakim menyebutnya pada muka surat 217, Vol. 3, dari *Mustadrak*, kesahihan bagi penyampainya telah disahkan oleh Muslim. Al-Thahbi telah mengatakan yang sama di dalam *Talkhis*.

[6] Al-Tabrani telah menyebutnya di dalam *Al-Kabir* dari Ibn 'Umer, dan ianya telah disampaikan oleh al-Muttaqi al-Hindi di dalam *Kanz al-'Ummal* begitu juga di dalam *Al-Muntakhab*; maka rujuklah kepada *Al-Muntakhab* untuk melihat apa yang tertulis pada nota kaki di muka surat 32, Vol. 5, dari *Musnad*.

- [7] Ini telah disebutkan oleh Ibn Sa'd pada muka surat 51, Bahagian 2, Vol. 2, dari *Tabaqat*, dan juga pada muka surat 55, Vol. 4, dari *Kanz al-'Ummal*.
- [8] Ini telah disebutkan oleh al-Tabrani di dalam *Al-Awsat*, oleh al-Khatib di dalam *Al-Muttafaq wal-Muftaraq*, dan ianya disampaikan oleh pengarang *Kanz al-'Ummal*; maka rujuklah pada *Al-Muntakhab* dan lihat pada kandungan notakaki di muka surat 35, Vol. 5, dari Ahmed: *Musnad*. Ianya juga telah disampaikan oleh Ibn 'Asakir di dalam notakaki di muka surat 46.
- [9] Ini telah disebutkan oleh pengarang buku-buku tradisi di dalam hasil kerja mereka, dan telah dirujuk secara ringkas oleh Imam Fakhrul-Din al-Razi ketika dia menghuraikan ayat Surah al-Baqara, pada muka surat 189, Vol. 2, dari *Al-Tafsir al-Kabir*.
- [10] Ini telah disebutkan oleh al-Nisa'i di dalam *Al-Khasa'is al-'Alawiyya*, dan oleh al-Hakim pada permulaan muka surat 112, Vol. 3, dari *Al-Mustadrak*, oleh Abu Shaybah dan Ibn Abu 'Asim di dalam *Al-Sunnah*, dan oleh Abu Na'im di dalam *Al-Ma'rifa*. Ianya juga disampaikan oleh al-Muttaqi al-Hindi di dalam *Kanz al-'Ummal* dan *Muntakhab al-Kanz*. Rujuk kepada *Al-Muntakhab* dan baca apa Ahmed telah tuliskan di dalam notakaki di muka surat 40, Vol. 5, dari *Musnad*.
- [11] Rujuk pada muka surat 126, Vol. 3, dari *Al-Mustadrak*. Ianya disebutkan oleh al-Thahbi di dalam *Talkhis*, dimana pengarangnya tidak mempertikaikan kesahihannya sama sekali.
- [12] Ini telah disebutkan oleh Ibn 'Abd al-Birr di dalam biografi 'Ali di dalam *Isti'ab*, sebagai tambahan kepada banyak penyampai lain yang dipercayai.
- [13] Ini telah disebutkan oleh Ibn Sa'd ketika membincangkan kempen ketenteraan Badr di dalam *Tabaqat*, muka surat 15, bahagian 1, Vol. 2.
- [14] Seperti Dar Qutni menyebut di dalam *maqsad* ke lima dari *Maqasid* pada ayat yang menyuruh melakukan kebaikan kepada kerabat Rasul, dan di dalam ayat 14 dari yang dijumlahkan oleh Ibn Hajar di dalam bahagian 11 dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*; maka rujuklah pada muka surat 107 dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*.
- [15] Hadith ini agak panjang, dan ia menggandongi 10 kemuliaan 'Ali yang eksklusif, dan kami telah menyebutnya di dalam surat No. 26.
- [16] Ianya terdapat pada muka surat 125, Vol. 3, dari *Al-Mustadrak*. Ia telah disebutkan oleh Abu Ya'li, seperti yang dinyatakan di dalam bahagian 3, Bab 9, dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*; maka rujuklah kepada muka surat 76 dari buku itu. Ianya telah disebutkan dalam pengertian ini dengan perkataan yang hampir sama oleh Ahmed ibn Hanbal ketika menyebutkan hadith oleh 'Umer dan anaknya 'Abdullah, dan oleh ramai lagi tradisionis yang dipercayai melalui beberapa punca.
- [17] Seperti yang dinyatakan pada permulaan muka surat 17, Vol. 3, dari *Al-Mustadrak*. Hadith ini telah dimasukkan dalam buku tradisi sunni, dan ianya telah disebutkan oleh penyampai sunni yang dipercayai.
- [18] Seperti yang disebutkan mengenainya oleh Ahmed pada muka surat 369, Vol. 4, dari *Musnad*. Ianya juga disebutkan oleh al-Diya seperti yang dinyatakan di dalam *Kanz al-'Ummal* dan di dalam *Muntakhab*; maka rujuklah pada *Al-Muntakhab* untuk melihat kandungannya di dalam notakaki di muka surat 29 dari jilid 5 di dalam *Musnad*.
- [19] Sebagaimana dia disebutkan oleh al-Muttaqi al-Hindi pada penghujung notakaki dimuka surat yang dirujuk diatas
- [20] Seperti yang disebutkan oleh al-Tirmithi di dalam sahihnya dan disebutkan semula oleh al-Muttaqi al-Hindi seperti yang kami telah katakan ketika merujuk kepada bukunya *Muntakhab*. Ianya juga disebutkan oleh al-Bazzaz dari Sa'd, seperti yang dinyatakan di dalam hadith 13 dari hadith-hadith yang Hajar sebutkan di dalam seksen 2, Bab 9, dari bukunya *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*; maka rujuklah pada muka surat 73.
- [21] Seperti yang disebutkan oleh 'Ali ibn Muhammad al-Khatib, seorang *faqih* Shafi'i yang lebih dikenali sebagai Ibn al-Maghazli, di dalam bukunya *Al-Manaqib* dari beberapa punca, dan disampaikan oleh penyelidik yang dipercayai al-Balkhi di dalam bab 17 dari buku *Yanabi' al-Mawaddah*.
- [22] Ini telah disebutkan oleh Imam Abu Ishaq al-Tha'labi dari Abu Tharr al-Ghifari di dalam penterjemahannya pada ayat Surah al-Ma'ida: "Sesungguhnya, wali kamu adalah Allah, RasulNya, dan yang Beriman," di dalam *Al-Tafsir al-Kabir*, sama seperti yang disampaikan dari Imam Ahmed: *Musnad* oleh para penyelidik Balkhi.

## SURAT 35

### MEMINTA TEKS YANG SELEBIHNYA

#### Thul-Hijjah 27, 1329 H.

Semoga Allah memberi ganjaran kepada bapa kamu! Betapa lancar dan meyakinkan hujah-hujah kamu! Tolonglah teruskan di dalam menyatakan teks yang selebihnya, teks yang jelas telah disampaikan secara turutan (*mutawatir*), Wassalamo Alaikom.

Yang ikhlas,  
'S'

## SURAT 36

- 1] HADITH OLEH IBN ABBAS
- 2] HADITH 'UMRAN
- 3] HADITH BURAYDAH
- 4] HADITH PADA MENYEBUT 10 SIFAT EKSklusif [UNTUK 'ALI]

- 5] HADITH 'ALI
- 6] HADITH WAHAB
- 7] HADITH IBN ABU 'ASIM

#### Thul-Hijjah 29, 1329 H.

1) Rujuk kepada apa Abu Dawud al-Tayalisi telah sampaikan, seperti mana yang tercatat di dalam Bab membincangkan 'Ali dari buku *Isti'ab* melalui penyampaian dari Ibn 'Abbas yang disebutkan sebagai berkata: "Rasul Allah [sawas] telah berkata kepada 'Ali ibn Abu Talib: Kamulah sahaja selepas saya sebagai *wali* bagi setiap Mukmin." [1]

2) Hadith sahih yang lain telah disampaikan oleh 'Umar ibn al-Khattab yang berkata: "Rasul Allah [sawas] telah mengerahkan satu pasukan tentera dibawah pemerintahan 'Ali ibn Abu Talib yang telah memilih, bahagian khumnya, seorang hamba wanita untuk dirinya, dan manusia telah mengkritik beliau. Empat orang telah bersumpah hendak mengadu mengenainya kepada Rasul Allah [sawas]. Apabila mereka sampai kepada Nabi, seorang dari mereka bangun dan berkata: 'Wahai Rasul Allah! Telahkah kamu lihat bagaimana 'Ali telah melakukan begini dan begini?' Nabi [sawas] telah memalingkan muka darinya. Yang kedua berdiri dan mengatakan yang sama, dan Nabi [sawas] tidak mengindahkannya juga. Yang ketiga berdiri dan mengulangi apa yang diperkatakan oleh rakannya yang terdahulu, dan dia juga telah tidak dihiraukan. Orang yang keempat berdiri dan mengatakan yang sama seperti dikatakan oleh rakannya. Di kala itulah baru Rasul Allah [sawas] berpaling mengadap mereka dengan kemarahan terpancar dimata baginda dan berkata: 'Apa yang kamu mahu dari 'Ali? 'Ali adalah dari saya dan saya dari beliau, dan selepas saya hanya beliau *mawla* terhadap semua yang beriman.'" [2]

3) Juga rujuk kepada hadith Buraydah yang disebutkan perkataan demi perkataan pada muka surat 356 dari jilid 5 di dalam *Musnad* Ahmed. Dia berkata: Rasul Allah menghantar dua pasukan tentera ke Yemen. Satu darinya dipimpin oleh 'Ali ibn Abu Talib (as), dan yang lain oleh Khalid ibn al-Walid. Baginda mengarahkan kepada mereka bahawa: 'Apabila pasukan kamu disatukan, maka 'Ali menjadi ketua keseluruhannya. [3] Tetapi apabila kamu berpisah, maka setiap kamu adalah ketua bagi pasukan kamu.' Maka kami berperang dengan Banu Zubaydah, dan 'Ali memilih dari tawanan, seorang hamba wanita untuk dirinya, maka Khalid dan saya mengutus surat kepada Rasul Allah [sawas] untuk memberitahu baginda insiden ini. Apabila saya sampai kepada Rasul Allah [sawas] dan surat itu dibacakan kepada baginda, saya melihat kemarahan dimata baginda; dari itu, saya merayu kepada baginda dengan berkata: 'Inilah tempat bagi orang yang mencari perlindungan; kamu telah menghantar saya bersama seorang pemimpin dan mengarahkan saya untuk patuh kepadanya, dan hanya itu yang saya telah lakukan.' Rasul Allah [sawas] berkata: 'Jangan sekali-kali berkomplot menentang 'Ali, kerana beliau adalah dari saya, dan saya dari beliau dan beliau adalah *wali* kamu selepas saya.'" [4]

Al-Nisa'i telah menyebutkan kata-kata Rasul [sawas] secara tepat pada muka surat 17 dari bukunya *Al-Khasa'is al-'Alawiyyah*: "Wahai Buraydah! Janganlah cuba untuk membuat saya membenci 'Ali, kerana 'Ali dari saya, dan saya dari beliau, dan beliau adalah *wali* kamu selepas saya." Jarir, juga menyebut kenyataan Buraydah dengan tepat iaitu: "Muka Rasul menjadi merah kerana marah, dan baginda berkata: 'Kepada sesiapa sahaja saya adalah *mawla*, 'Ali adalah *mawla* dia;' dari itu, saya telah melupakan kemarahan saya terhadap 'Ali dan saya mengatakan bahawa saya tidak akan berkata-kata yang tidak baik terhadap 'Ali lagi.'" [5] Al-Tabrani, juga telah menyebutkan hadith ini secara mendalam. Diantara apa yang dia sampaikan adalah bahawa apabila Buraydah kembali dari Yemen dan memasuki masjid, dia dapati sekumpulan manusia berdiri berhampiran bilik Rasul [sawas]. Apabila terlihat dia, mereka datang memberikan ucapan kepadanya, dan bertanya apakah berita yang dibawa untuk mereka. Dia berkata: "Berita baik. Allah telah memberikan kemenangan keatas Muslims." Mereka bertanya kepada dia: "Dari itu apa yang membawa kamu kemari?" Dia menjawab: "Satu insiden, seorang hamba wanita yang 'Ali pilih sebagai bahagian dari khumnya, dan saya datang kemari untuk memberitahu kepada Rasul mengenainya." Mereka berkata: "Beritahu baginda mengenainya, ya beritahu baginda, supaya baginda akan berubah hati mengenai 'Ali," sedang baginda Rasul [sawas] berdiri mendengarkan perbualan mereka dari dalam biliknya. Baginda, dengan itu telah keluar dan berkata dengan perasaan marah: "Apakah halnya dengan mereka yang mempunyai perasaan dengki terhadap 'Ali? Sesiapa yang membenci 'Ali telah membenci saya juga, dan sesiapa yang menolak 'Ali menolak saya. 'Ali adalah dari saya dan saya dari beliau; beliau telah dijadikan dari acuan saya, dan acuan saya adalah acuan Ibrahim, malah saya lebih utama dari Ibrahim, [6] dari satu keturunan kesatu keturunan yang lain, dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui. Wahai Buraydah! Tidakkah kamu mengetahui bahawa bahagian 'Ali adalah lebih banyak lagi dari hanya seorang hamba wanita yang diambilnya, dan bahawa beliau adalah *wali* kamu selepas saya" [7] – Tidak terdapat sebarang keraguan mengenai kesahihan hadith ini, dan penyampainya banyak, dan semuanya dipercayai.

4) Sama seperti yang telah disampaikan, adalah apa yang dikatakan oleh al-Hakim dan disampaikan dari Ibn 'Abbas yang mengatakan satu hadith khas yang mempunyai pengaruh dan amat bererti. Di dalamnya dia menyatakan 10 sifat khusus bagi 'Ali, dan dia menyebutkan Rasul Allah [sawas] berkata kepada 'Ali: "Kamu adalah *wali* bagi setiap yang beriman selepas saya." [8]

5) Begitu juga di dalam hadith yang lain, baginda [sawas] telah berkata, "Wahai `Ali! Saya telah berdoa kepada Allah untuk memberikan kepada saya 5 perkara mengenai kamu, dan Dia telah memberikan 4 dan menolak yang kelima." Baginda meneruskan berkata: "Dia telah memberikan kepada saya bahawa kamu adalah *wali* bagi yang beriman selepas saya." [9]

6) Hadith yang sama telah disampaikan oleh Ibn al-Sakan dari Wahab ibn Hamzah dan telah disebutkan di dalam biografi Wahab di dalam buku *Isti'ab* iaitu: "Saya berjalan satu ketika bersama `Ali dan saya dapati beliau begitu dingin terhadap saya; dari itu saya bercadang untuk mengadu mengenai beliau kepada Rasul apabila kami pulang. Maka saya menyatakan mengenai beliau kepada Rasul Allah [sawas] dan saya katakan yang buruk mengenainya, dimana baginda [sawas] berkata: `Jangan katakan yang begitu mengenai `Ali, kerana beliau adalah *wali* kamu selepas saya.'" Al-Tabrani, di dalam bukunya *Al-Mujma` al-Kabir*, menyebutkan kenyataan Wahab dengan sedikit perubahan pada perkataannya iaitu: "Jangan mengatakan itu mengenai `Ali, kerana beliau adalah pemimpin kamu yang paling layak selepas saya." [10]

7) Ibn Abu `Asim telah menyebut hadith `Ali dari Rasul melalui rantai penyampai iaitu: "Tidakkah saya mempunyai lebih kuasa diatas yang beriman dari diri mereka sendiri?" Manusia menjawab dengan positif. Rasul [sawas] kemudian berkata: "Kepada sesiapa saya adalah *walinya*, `Ali adalah *walinya*;" [11] dan buku sahih kami dalam perkara ini adalah *mutawatir* dari para Imam keturunan yang suci(as).

Sebanyak ini telah mencukupi untuk membuktikan maksud kami, walaupun *ayat al-wilayat* sahaja telah mencukupi untuk menyokong tuntutan kami, dan segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, Wassalamo Alaikom.

Yang ikhlas,  
'Sh'

[1] Ini telah disebutkan oleh Abu Dawud dan pengarang buku tradisi yang lain dari Abu `Awanah al-Waddah ibn `Abdullah al-Yashkuri melalui rantai penyampai: Abu Balj Yahya ibn Salim al-Fizari, `Amr ibn Maymun al-`Awdi, berakhir dengan Ibn `Abbas. Mereka yang menyampaikan tradisi ini adalah semuanya penyampai dengan sendirinya, dan kedua shaykh bergantung pada penyampaian mereka di dalam sahih masing-masing dengan pengecualian Yahya ibn Salim yang mana mereka tidak sebutkan, malah pengkritik dan penilai yang asal semuanya telah mengatakan beliau adalah dipercayai dan bahawa beliau terlalu kerap menyebutkan nama Allah. Al-Thahbi, ketika menyebut biografi beliau di dalam *Al-Mizan*, menyebut Ibn Ma'in, al-Nisa'i, Dar Qutni, Muhammad ibn Sa'id, Abu Hatim, dan ramai yang lain semuanya mengesahkan kepada fakta bahawa beliau adalah penyampai yang dipercayai.

[2] Ini telah disebutkan oleh ramai pengarang buku tradisi seperti Imam al-Nisa'i di dalam *Al-Khasa'is al-Alawiyya*, Ahmed ibn Hanbal (semasa menyebut hadith `Umaran pada permulaan muka surat 438, Vol. 4, dari *Musnad*), al-Hakim pada muka surat 111, Vol. 3, dari *Al-Mustadrak*, al-Thahbi di dalam *Talkhis al-Mustadrak*, percaya kesahihannya sebab telah disahkan oleh Muslim. Ianya telah disebutkan oleh Ibn Abu Shaybah dan Ibn Jarir, dan hadith yang keduanya sebutkan, telah disahkan oleh al-Muttaqi al-Hindi pada permulaan muka surat 400, Vol. 6, dari *Kanz al-Ummal*. Ianya juga disebut oleh al-Tirmithi dari punca yang dipercayai seperti yang disebut oleh al-`Asqalani ketika membincangkan biografi `Ali di dalam buku *Al-Isabah*. Ulama Mu'tazilite telah menyebutkan pada muka surat 450, Vol. 2, dari *Sharh Nahjul Balaghah*, ulasannya: "Ini telah disampaikan oleh Abu `Abdullah Ahmed [ibn Hanbal] di dalam buku *Musnad* pada lebih dari satu tempat." Dia juga menyampaikannya di dalam buku *Fada'il `Ali* [kemuliaan Ali], dan ianya juga telah disampaikan oleh kebanyakan tradisionis.

[3] Rasul Allah [sawas] semasa hayat baginda, tidak pernah meminta sesiapa mengeluarkan arahan kepada `Ali; sebaliknya, baginda memberikan kepada beliau tanggung jawab pada mengarahkan manusia yang lain. Abu Bakr dan Umer adalah askar biasa di dalam pasukan Usamah, berkhidmat di bawah panji-panji yang diikatkan untuknya oleh Rasul Allah [sawas] yang mengarahnya untuk memerintah ekspedisi Mu'ta. Baginda sendiri senaraikan kedua mereka [Abu Bakr dan Umer], menurut ijmak penulis tarikh sejarah, dan baginda juga menjadikan mereka askar dibawah pemerintahan Ibn al-`As. Fakta ini telah dinyatakan oleh al-Hakim pada muka surat 43, Vol. 3, dari *Al-Mustadrak*, dan telah dikatakan oleh al-Thahbi di dalam *Talkhis al-Mustadrak*, dan percaya pada kesahihan hadith ini. Mengenai `Ali sendiri, beliau tidak pernah menerima arahan, tidak juga menjadi orang bawahan sesiapa selain dari Rasul sendiri semenjak dari permulaan penyampaian baginda sehinggalah wafatnya.

[4] Ini telah disebutkan oleh Ahmed pada muka surat 356 dari `Abdullah ibn Buraydah yang menyebutkan dari bapanya. Pada muka surat 347, Vol. 5, dari *Musnad*, bergantung pada rantai penyampai, termasuk Sa'id ibn Jubayr dan Ibn `Abbas, dia menyebut Buraydah sebagai berkata: "Saya mengambil bahagian di dalam kempen `Ali menentang Yemen, dan saya rasakan bahawa attitiut beliau terhadap saya adalah dingin. Apabila saya berjumpa dengan Rasul Allah dan menyebut mengenai `Ali, saya memperkecilkan beliau. Setelah melakukan itu, saya melihat wajah Rasul Allah [sawas] bertukar warna, dan baginda berkata kepada saya: `Wahai Buraydah! Tidakkah saya mempunyai lebih kuasa diatas diri mereka yang beriman dari diri mereka sendiri?' Saya menjawab: `Ya sebenarnya Rasul Allah.' Dia berkata: `Kepada sesiapa saya adalah *mawlanya*, `Ali adalah juga *mawlanya*.'" Ini telah disebutkan oleh al-Hakim pada muka surat 110, Vol. 3, dari *Al-Mustadrak*, sebagai tambahan kepada banyak lagi tradisionis. Ianya sebagaimana yang kamu boleh lihat amat jelas pada

pengertiannya kerana apabila ianya dimulakan dengan satu soalan "Tidakkah saya mempunyai lebih kuasa pada diri mereka yang beriman dari diri mereka sendiri?" baginda menjadi saksi pada pengertian "mawla" di dalam hadith ini yang bermaksud "orang yang awla, i.e. paling berhak untuk memerintah" mereka, seperti yang diketahui. Yang sama kepada hadith ini adalah apa yang disebutkan oleh ramai tradisionis seperti Imam Ahmed pada penghujung muka surat 483, Vol. 3, dari *Musnad*, dari Amr ibn Shas al-Aslami, seorang dari mereka yang hadir di Hudaibiya, yang menyebutkan hadith yang sama dengan tambahan: "Saya bersama `Ali ke Yemen, dan beliau begitu dingin terhadap saya semasa diperjalanan, sehinggakan saya menyembunyikan perasaan marah saya kepada beliau. Apabila saya telah pulang, saya mengadu mengenainya di masjid sehingga berita itu sampai kepengetahuan Rasul Allah [sawas]. Saya memasuki masjid satu petang, dan Rasul Allah [sawas] ada disana bersama ramai para sahabat. Sebaik sahaja baginda melihat saya, baginda terus merenong saya sehingga saya duduk. Baginda berkata kepada saya: `Wahai `Amr! Demi Allah kamu telah melukakan saya.' Saya berkata: `Saya berlindung dengan Allah dari melukakan kamu, Wahai Rasul Allah!' Baginda berkata: `Ya; sesiapa yang melukakan `Ali melukakan saya juga.'"

[5] Seperti yang dia disebutkan oleh al-Muttaqi al-Hindi pada muka surat 398, Vol. 6, dari *Kanz al-`Ummal*. Dia juga disebutkan di dalam *Muntakhab al-Kanz*.

[6] Apabila baginda memberitahu bahawa `Ali telah dijadikan dari acuan baginda [sawas], maka dengan itu telah menjadikan baginda lebih utama dari beliau, baginda berkata: "Dan saya telah dijadikan dari acuan Ibrahim," janganlah tersalah fikir bahawa Ibrahim lebih utama dari baginda, yang mana bertentangan dengan perkara sebenar.

[7] Ibn Jarir telah menyebut hadith ini dari al-Tabrani yang telah menulisnya pada muka surat 103 dari buku *Al-Sawa`iq al-Muhriqa* ketika membincangkan *maqsad* kedua dari ayat 14 yang dia bincangkan di dalam bab 11 dari *Al-Sawa`iq al-Muhriqa*. Tetapi apabila dia sampai kepada kenyataan "Tidakkah kamu mengetahui bahawa bahagian `Ali adalah lebih dari seorang hamba wanita sahaja?" penanya telah terhenti, dan dia tidak berdaya untuk menyudahkan hadith itu keseluruhannya! Ini tidaklah dihairankan, datang dari dirinya dan yang serupa dengannya, dan kepujian bagi Allah diatas kesihatan kita.

[8] Ini telah disebutkan oleh al-Hakim pada permulaan muka surat 134, Vol. 3, dari *Al-Mustadrak*, al-Thahbi di dalam *Talkhis al-Mustadrak*, dan percaya akan kesahihannya, al-Nisa'i pada muka surat 6 dari *Al-Khasa'is al-`Alawiyya*, dan Imam Ahmed pada muka surat 331, Vol. 1, dari *Musnad*. Kami telah sebutkan pada permulaan surat 26.

[9] Hadith ini bernombr 6048 diantara yang disebutkan di dalam *Kanz al-`Ummal*, di muka surat 396, Vol. 6.

[10] Hadith ini bernombr 2579 diantara yang disebutkan di dalam *Kanz al-`Ummal*, di muka surat 155, Vol. 6.

[11] Ini telah disampaikan oleh al-Muttaqi al-Hindi dari Ibn Abu `Asim pada muka surat 397, Vol. 6, dari *Kanz al-`Ummal*.

## SURAT 37

'WALI' ADALAH BAHASA BAGI MELAMBANGKAN, JADI DIMANAKAH TEKS NYA?

**Thul-Hijjah 29, 1329 H.**

Perkataan "wali" adalah lambang yang sama diantara penyokong dan rakan, yang dikasehi dan saudara ipar, pengikut, sekutu dan jiran tetangga. Sesiapa yang berkuasa pada mengurus perkara tersebut adalah "wali." Hadith yang kamu telah sebutkan mungkin bererti: `Ali adalah penyokong kamu, atau rakan, atau yang dikasehi, selepas Nabi, maka manakah teks yang kamu katakan?

Yang ikhlas,  
S

## SURAT 38

1] MENERANGKAN PENGERTIAN 'WALI'

2] MEMBUKTIKAN PENGERTIAN YANG SEBALIKNYA

**Thul-Hijjah 30, 1329 H.**

1) Kamu telah menunjukkan, ketika menerangkan maksud perkataan "wali," bahawa sesiapa yang berkuasa kepada orang lain telah menjadi wali bagi orang tersebut. Inilah, yang sebenarnya, pengertian bagi 'wali' sejauh mana yang dimaksudkan oleh hadith-hadith ini. Begitulah juga yang dapat difahamkan oleh minda. Pengertiannya adalah sama dengan mengatakan "Wali kepada kanak-kanak adalah keduanya, bapa dan datuk sebelah bapa, dari itu dia telah diberikan kebawah penjagaan salah seorang dari mereka, dengannya dia dibawah penjagaan pentadbir yang sah." Ini menunjukkan bahawa orang-orang inilah yang berkuasa diatas penjagaannya dan mentadbir urusan dia bagi pihak dirinya.

2) Bukti-bukti yang menerangkan kepada maksud pengertian di dalam perkataan yang dilindungi bagi mereka yang berhati-hati. Kenyataan baginda [sawas], 'Dan beliau adalah 'wali' kamu selepas saya' dengan jelas menghadkan 'wilayat' kepada beliau dan beliau sahaja. Ini telah memberi mandat supaya menggunakan maksud yang kita telah berikan kepada perkataan ini, iaitu pengertian yang tidak sealiran dengan interpretasi yang selain darinya. Penyokong, dikasehi, persahabatan dan yang seumpamanya tidak terhad kepada satu orang, 'dan yang beriman lelaki dan perempuan adalah 'wali' diantara satu sama lain.' Apakah keutamaan yang ada, selain dari apa yang kami telah tunjukkan, bolehkan Rasul [sawas] telah menekankan di dalam hadith ini mengenai saudaranya dan juga 'wali', jika sekiranya kita katakan maksud perkataan 'wali' adalah sesuatu yang lain, berbeza dari apa yang kami tunjukkan diatas? Apakah perkara tersembunyi yang Rasul [sawas] berhasrat hendak mendedahkan melalui perantaraan hadith yang sedemikian ini jika maksud perkataan 'wali' adalah penyokong, dikasihi atau yang serupa dengannya? Rasul Allah [sawas] lebih tinggi dari menjelaskan sesuatu yang telah jelas atau menunjukkan kepada sesuatu yang semua mereka telah tahu. Kebijaksanaan baginda amatlah luas, baginda adalah yang ma'sum, pengkhabaran baginda adalah muktamad dan adalah ianya lebih dari apa yang difikirkan oleh sebahagian manusia. Bahkan hadith ini juga, jelas pada mengatakan bahawa 'wilayat' telah diberikan kepada 'Ali selepas Rasul Allah [sawas]. Ini juga memerlukan kepada menggunakan maksud yang sama seperti yang kami telah utarakan. Ianya tidak dapat memberikan maksud kepada penyokong, yang dikasihi dsb, oleh kerana tidak diragukan bahawa 'Ali telah diketahui disokong, dikasihi dan juga rakan oleh semua Muslim; disebabkan kerana beliau telah dibesarkan dipangkuan Rasul, terhadap sumbangan beliau di dalam membantu menyampaikan pengkhabaran sehinggalah baginda wafat. Dari itu menyokong, kaseh dan rakan terhadap Muslim tidaklah terhad kepada 'Ali seorang sahaja selepas Rasul Allah [sawas] sebagaimana yang kita telah ketahui.

Mencukupi buat kamu pengakuan kepada pengertian ini, apa Imam Ahmed telah katakan pada muka surat 347 dari Vol. 5 dari *Musnadnya* melalui laluan penyampai yang betul yang menyebutkan dari Sa'id ibn Jubayr yang menyebutkan dari Ibn 'Abbas yang mengatakan Buraydah sebagai berkata: "Saya mengambil bahagian di dalam serangan 'Ali terhadap Yemen, dan saya dapati beliau begitu dingin terhadap saya; maka apabila saya berjumpa dengan Rasul Allah [sawas], saya menyebutkan mengenai 'Ali dan memperkecilkan beliau; yang mana saya lihat wajah Rasul berubah warna, dan baginda tanya kepada saya: 'Wahai Buraydah! Tidakkah saya mempunyai lebih kuasa diatas mereka yang beriman dari diri mereka sendiri?' Saya menjawab: 'Ya, sesungguhnya, Wahai Rasul Allah'. Baginda [sawas] kemudian berkata: 'Kepada sesiapa yang saya adalah mawlanaya, 'Ali, juga adalah mawlanaya.'" Hadith ini juga telah disebutkan oleh al-Hakim pada muka surat 110, Vol. 3, dari bukunya *Mustadrak*, di mana dia menganggapnya sebagai sahih bergantung diatas pengesahan Muslim. Al-Thahbi telah menyebutnya di dalam buku Talkhis, menganggapnya sebagai sahih diatas sebab yang sama iaitu Muslim juga telah menganggapnya sebagai sahih. Kamu sendiri tahu intipati pada soalan pengenalan "Tidakkah saya mempunyai lebih kuasa keatas diri mereka yang beriman dari diri mereka sendiri?" telah membawa pengertian yang menyokong pada apa yang kami telah katakan. Sesiapa yang meneliti hadith-hadith ini, dan juga perkara yang bersangkutan dengannya, tentu tidak akan meragui pada apa yang kami telah katakan, dan sanjungan bagi Allah.

Yang ikhlas  
Sh

## SURAT 39

### MEMINTA AYAT WILAYAT

### Thul-Hijjah 30, 1329

Saya mengakui bahawa kamu amat yakin didalam kepercayaan kamu, ikhlas di dalam menyampaikannya, hebat dan tiada tandingan di dalam menghadapi penentangan, tidak terkalah dimedan perjuangan. Saya

seorang yang mempercayai ahadith menurut pada cara yang kamu telah sampaikan. Jika tidaklah kerana wajib bagi saya untuk mempercayai para sahabat, saya tentunya telah menerima kenyataan kamu, tetapi di dalam mengikuti jejak langkah warisan kami terdahulu yang cemerlang adalah wajib untuk menerima kata-kata yang dimengertikan [difahamkan] oleh para sahabat, semoga Allah merasa senang dengan mereka. Tetapi kamu tidak memberikan kepada kami ayat yang jelas, kepada apa yang kamu maksudkan dipenghujung surat No. 36, yang menyokong pandangan kamu mengenai penterjemahan hadith-hadith ini. Bacakanlah untuk kami supaya kami dapat memahami maksudnya dengan keizinan Allah awj, Wassalam.

Yang ikhlas,  
S

## SURAT 40

- 1] AYAT WILAYAT DAN DIWAHYUKAN PADA PENGHORMATAN 'ALI
- 2] MENGAPA IANYA DIWAHYUKAN
- 3] MENGAPA MENGGUNAKANNYA SEBAGAI KENYATAAN

### Muharram 2, 1320 H.

1) Ya, sebenarnya, saya suka untuk membacakan kepada kamu satu dari ayat Allah awj yang sempurna di dalam kitabNya yang membezakan yang benar dan yang batil. Ianya adalah ayat dari Surah al Ma'ida [1] 'Hanya Allah *wali* kamu dan RasulNya dan mereka yang beriman, mereka yang mengerjakan solat dan memberi zakat ketika rukuk. Dan sesiapa mengambil Allah sebagai *wali*, RasulNya, dan yang beriman, mereka sesungguhnya adalah parti Allah, merekalah yang akan mendapat kemenangan.' [5:55-56] Tidak ada siapa yang meragui fakta ini bahawa ayat ini telah diwahyukan di dalam menghormati 'Ali yang memberikan chin-chinnya di jalan Allah ketika beliau sedang mengerjakan solat.

2) Buku-buku sahih telah menyampaikan secara turutan, melalui penyampaian dari para Imam, diantara keturunan yang disucikan, telah mengatakan bahawa ianya telah diwahyukan di dalam penghormatan kepada 'Ali apabila beliau, bersedekah, dengan memberikan chin-chinnya ketika rukuk di dalam solat. Rujuklah kepada apa yang telah diperkatakan dalam hal ini oleh yang lain seperti Ibn Salam yang menyebutkan hadith dari Rasul [sawas]. Rujuklah kepadanya seperti yang diterbitkan di dalam sahih Nisa'i, atau di dalam *Al-Jami Bayna al-Sihah al-Sittah*, di dalam bab berkaitan dengan penterjemahan pada Surah al Ma'ida. Begitu juga rujuk kepada hadith Ibn 'Abbas yang telah menerangkan maksud ayat-ayat ini di dalam buku Imam al-Wahidi: *Asbab al-Nuzul*. Al-Khatib telah menuliskannya di dalam *Al-Muttafaq*. [2] Juga rujuk kepada hadith 'Ali di dalam *musnads* dari Ibn Mardawayh dan Abul-Shaykh. Jika kamu berhajat rujuklah di dalam *Kanz al-'Ummal*.

Ianya diwahyukan pada penghormatan 'Ali adalah perkara yang telah diterima oleh ijmak para ulama penafsiran al-Quran. Penerimaan yang sedemikian telah disahkan oleh ramai ulama sunni seperti Imam al-Qawshaji di dalam bab pada Imami di dalam buku *Sharh al Tajrid*. Bab 18 dari *Ghayat al-Maram* termasuk satu hadith yang disampaikan melalui Sunnis mengatakan apa yang kami perkatkan. Jika tidaklah kerana saya hendak meringkaskannya, dan hanya sebagai tambahan kepada fakta bahawa isu ini amatlah jelas, sejelas matahari ditengah hari, saya pasti akan menyebutkan untuk kamu banyak lagi ulasan yang terdapat di dalam tarikh sejarah yang sahih, tetapi segala puji bagi Allah kerana perkara ini tidak mempunyai sebarang keraguan. Walaupun begitu, kami tidak akan membiarkan surat ini tanpa beberapa hadith yang telah disampaikan oleh majoriti Muslim.

Mencukupilah bagi kami apa Imam Abu Ishaq Ahmed ibn Ibrahim al-Nisaburi al-Tha'labi [3] telah katakan di dalam buku *Al-Tafsir al-Kabir*. Apabila penulisnya sampai kepada ayat ini, dia menyebutkan dari Abu Tharr al-Ghifari sebagai berkata: "Saya telah mendengar Rasul Allah [sawas] dengan telinga ini – semoga saya menjadi pekak jika saya berdusta – dan melihat baginda dengan mata ini – semoga saya buta jika saya berbohong – berkata: 'Ali adalah ketua bagi mereka yang wara', dan penghapus yang musyrik, sesiapa yang menyokong beliau disokong oleh Allah, dan sesiapa yang meninggalkan beliau telah ditinggalkan oleh Allah.' Sesungguhnya saya telah berdoa suatu ketika bersama di dalam kumpulan Rasul Allah [sawas] apabila seorang peminta sedekah masuk kedalam masjid dan tiada siapa memberikan kepada dia apa-apa. 'Ali sedang mengerjakan rukuk di dalam solat apabila beliau mengisyratkan kepadanya supaya mengambil cin-cin beliau. Sipeminta sedekah datang lalu mengambilnya dari jari 'Ali, dimana kemudiannya Rasul Allah [sawas], memohon kepada Allah awj, dan berdoa kepadaNya bagi pihak 'Ali dengan berkata: 'Tuhan! Saudara saya Musa telah berdoa kepada Kamu dengan berkata: Tuhan! Lapangkanlah dada ku, permudahkanlah urusan ku bagi ku, dan lepaskanlah ikatan dilidah ku supaya manusia boleh memahami ku, dan berilah kepada ku seorang wazir dari kerabat ku, saudaraku Harun, untuk menyokong usaha ku dan sekutu di dalam apa yang aku laksanakan, supaya kami berdua dapat memuji Kamu dengan banyak dan menyebut nama Mu selalu; Sesungguhnya Engkau maha Melihat (Qur'an, 20:25-35);-Kemudiannya, Kamu mengilhamkan kepadanya: 'Sesungguhnya doa kamu telah diperkenankan, Wahai Musa!' (Qur'an, 20:36). Tuhan! Saya adalah hamba Mu dan juga Rasul; dari itu lapangkanlah dadaku, permudahkan urusan ku untuk ku, dan berilah kepada ku seorang wazir dari kerabat ku, 'Ali, untuk menyokong usaha ku'. Demi Allah, Rasul Allah [sawas] belumpun selesai mengucapkan doanya, Jibril telah tiba membawa kepada beliau ayat ini: 'Hanya Allah *wali* kamu dan



RasulNya dan mereka yang beriman, mereka yang mengerjakan solat dan memberi zakat ketika rukuk. Dan sesiapa mengambil Allah sebagai *wali*, RasulNya, dan yang beriman, mereka sesungguhnya adalah parti Allah, merekalah yang akan mendapat kemenangan.' [5:55-56]

3) Kamu, semoga Allah menyokong yang benar melalui diri kamu, tahu akan maksud perkataan 'wali' di dalam konteks yang sedemikian, 'seorang yang mempunyai keutamaan di dalam mengurus pada urusan sesaorang' Kami katakan "Orang itu adalah wali bagi kanak-kanak itu." Pengarang kamus telah menjelaskan bahawa sesiapa yang berkuasa diatas urusan sesaorang, dia adalah wali baginya. Dari itu maksud ayat tersebut adalah umpama Allah berkata bahawa "Dia yang berkuasa di dalam urusan kamu dan bahkan mempunyai keutamaan keatas nyawa kamu di dalam berurusan dengan kamu adalah: Allah awj, RasulNya, dan `Ali," kerana di dalam diri `Ali sahaja terdapat semua kualiti ini dicantumkan: beriman, mengerjakan solat, dan memberi *zakat* walaupun ketika rukuk di dalam solat, dan untuk beliaulah yang ayat ini telah diwahyukan. Allah awj di dalam ayat itu telah mengkhususkan *wilayat* untuk Dirinya dan untuk keduanya Rasul dan *wasil Nya* dalam cara yang sama. *Wilayat* bagi Allah awj adalah umum dan termaktub. Begitu juga *wilayat* rasul dan juga *wali nya*; ia membawa maksud yang sama. Ianya tidak mungkin boleh digunakan di dalam kontek yang bererti 'penyokong, dikasihi dsb' kerana untuk menghadkan [penggunaan] yang sedemikian adalah tidak berasas seperti apa yang jelas terlihat. Saya percaya bahawa ini adalah perkara yang agak jelas, dan pujian bagi Allah tuhan sekalian alam.

Yang ikhlas,  
Sh

[1] Itulah sebabnya mengapa orang di Syria memanggil Shi'a "mutawali," disebabkan mereka mengambil Allah sebagai *mawla*, RasulNya, dan mereka yang benar-benar beriman, iaitu, mereka dimana penghormatan yang sama telah diberikan oleh ayat ini. Dalam bahasa "mutawali" adalah satu, dan "mutawla" adalah yang ramai. Mereka digelar demikian disebabkan mereka menerima *wilayat* bagi `Ali and Ahl al-Bayt (as).

[2] Ini hadith number 5991 yang disebutkan di dalam *Kanz al-Ummal* pada muka surat 391, Vol. 6.

[3] Dia meninggal di dalam tahun 337. Ibn Khallikan menyebut beliau di dalam *Wafiyat al-A'yan* sebagai berkata: "Beliau adalah penyampai yang unik dimasa beliau di dalam bidang sains penafsiran; dia menulis buku *Al-Tafsir al-Kabir*, yang mempunyai banyak kelebihan dari semua buku tafsir yang lain, dan terus mengatakan: 'Beliau telah disebutkan oleh `Abdul-Ghafir ibn Isma'il al-Farisi di dalam bukunya *Siyaq Nisabur*, di mana pengarangnya telah memuji beliau sebagai 'tepat pada menyampaikan dan dipercayai.'"

## SURAT 41

'MUKMIN' ADALAH RAMAI; MENGAPA MENGGUNAKANNYA SEBAGAI SATU?

**Muharram 3, 1330 H**

Ia boleh dikatakan di dalam menolak pada bantahan kamu bahawa rangkap "Mukmin yang mendirikan solat dan mengeluarkan *zakat* (walaupun) ketika sedang rukuk (di dalam solat)" telah digunakan untuk maksud ramai; maka mengapa ianya digunakan kepada Imam, yang seorang, semoga Allah memuliakan wajahnya? Apakah jawapan kamu jika ditanya dengan soalan ini?

Yang ikhlas,  
S

## SURAT 42

1] ARAB MENYEBUT SATU DALAM BENTUK RAMAI

2] PENGESAHANNYA

3] MENYEBUT DARI IMAM AL-TIBRISI

4] MENYEBUT DARI AL-ZAMAKHSHARI

5] APA YANG SAYA TELAH KATAKAN

**Muharram 4, 1330 H**

1) Jawapan kepada soalan kamu adalah bahawa Arab menggunakan istilah ramai ketika mengatakan sesaorang adalah disebabkan kesan kesopanan yang dihasilkannya.

2) Pengesahan terhadap fakta ini adalah apa yang Allah awj katakan dalam Surah Al-i-`Imran:

Mereka yang kepadanya sebahagian manusia berkata: "Satu pasukan tentera yang besar telah digerakkan untuk menentang kamu; maka takutlah kepada mereka," bahkan ianya menambahkan keimanan mereka, dan mereka berkata: "Mencukupi Allah untuk kami, dan kepadaNya kami bergantung sepenuhnya (Qur'an, 3:173)

Orang yang dimaksudkan di dalam ayat Al-i-`Imran ini tidak lain dari Na'im ibn Mas'ud al-Ashja'i, menurut dari pengertian para ulama tafsir, tradisionis, dan ahli tarikh sejarah. Malah Allah telah menggunakan untuk dia, dirinya yang hanya seorang, dalam bentuk ramai sekadar untuk menunjukkan tanda hormat kepada mereka yang tidak mahu mendengarkan kata-katanya dan tidak juga mengindahkan seruannya pada meninggalkan jihad. Abu Sufyan telah memberikan kepadanya 10 ekor unta supaya mematahkan semangat dan menakutkan Muslim mengenai kekuatan kaum musyrik, dan itulah yang dia telah lakukan. Diantara kenyataannya diketika itu adalah: "Manusia telah mengumpulkan pasukan yang kuat untuk menentang kamu; maka takutlah untuk nyawa kamu sendiri." Ramai Muslim yang tidak suka rancangan untuk menentang pasukan musuh yang kuat disebabkan dari kenyataannya, tetapi Rasul Allah [sawas] telah keluar bersama 70 orang dari pasukan berkuda untuk menentang musyrik, dan kesemuanya mereka kembali dari medan perang dengan selamat, dan dimana ayat ini telah diwahyukan pada memuji 70 orang yang beriman itu, yang telah keluar bersama Rasul Allah [sawas]; tidak memperdulikan dia yang berhasrat untuk mematahkan semangat mereka.

Di dalam menggunakan perkataan 'manusia' untuk seorang individu, secara bersopan dan bermatlamat, Allah telah memuji 70 orang yang telah keluar bersama Rasul. Ini pasti fasih dan lancar bunyinya bila digunakan begitu; dan adalah terlebih baik dari dikatakan: "Mereka yang kepadanya sesaorang telah berkata bahawa satu pasukan tentera yang besar telah digerakkan... dst," seperti yang diketahui. Terdapat banyak lagi di dalam al-Quran pengertian yang sama dengan yang ini, begitu juga kepada bahasa Arab secara keseluruhannya. Allah awj berkata: "Wahai kamu yang beriman! Ingatlah rahmat Allah diatas kamu apabila sebilangan manusia bertujuan untuk meletakkan tangan mereka yang zalim keatas kamu, dan Dia memelihara kamu dari bencana itu." Yang sebenarnya, orang yang bertujuan untuk meletakkan tangannya yang jahat keatas mereka dan mencederakan mereka adalah seorang dari kaum Muharib bernama Ghawrath – yang lain mengatakan ianya adalah `Amr ibn Jahsh dari Banu al Nadir – yang telah mengeluarkan pedang dan mengibas-gibasnya dengan bertujuan untuk memukulkannya kepada Rasul [sawas], tetapi Allah awj telah mengagalkan rancangannya, menurut dari apa yang disampaikan dari insiden tersebut yang dirakamkan oleh tradisionis, pengarang tarikh sejarah dan juga ulama tafsir, dan seperti yang disampaikan oleh Ibn Hisham di dalam kempen "That al Riq'a" di dalam Vol. 3 dari bukunya yang berjudul *Sirah*. Allah telah menggunakan kata ramai 'manusia' untuk dia yang seorang ini untuk menyatakan rahmatnya, Yang Esa, kepada komuniti Muslim dengan jelasnya akan keselamatan Rasul [sawas]. Di dalam ayat Mubahala, Dia telah menggunakan kedua bentuk tata bahasa, seorang dan ramai kepada 'anak-anak'; 'wanita-wanita' dan 'diri-diri' kepada keduanya, Hasanain, Fatima, dan terutama sekali `Ali, hanya untuk menghormati terhadap kedudukan mereka yang tinggi [as]. Contoh pada penggunaan dalam bentuk ramai untuk individu bila mana perlu, adalah banyak dan tidak terkira serta semuanya membuktikan pada lesen menggunakan jamak ramai ketika bermaksud diri yang seorang dimana terdapat kesan sebutan yang lancar, fasih dan bersopan.

3) Di dalam penafsirannya pada ayat ini, di dalam *Mujma'ul Bayan fi Tafsir al-Qur'an*, Imam al-Tibrisi mengulas pada penggunaan bentuk ramai untuk merujuk kepada Amirul Mukminin [as] sebagai satu tanda penghormatan dan kemuliaan, dengan mengatakan bahawa pengarang kamus telah menerangkan yang seorang menggunakan jamak ramai adalah untuk menunjukkan tanda penghormatan dan kemuliaan. Dia berkata: "Penggunaan sedemikian telah diketahui semua di dalam tata bahasa untuk memerlukan pada pembuktian."

4) Di dalam bukunya *Kashshaf*, al-Zamakhshari menunjukkan satu lagi petunjuk yang baik apabila dia mengatakan: "Jika kamu hairan bagaimana ianya boleh menjadi tepat untuk menggunakan jamak ramai kepada `Ali [as], saya akan katakan kepada kamu bahawa beliau telah disebutkan dalam bentuk jamak walaupun beliau hanya seorang, supaya manusia akan mencontohi beliau dan mendapatkan ganjaran seperti juga, dan supaya Allah boleh menunjukkan kepada fakta bahawa atitiut orang beriman adalah seperti beliau, iaitu, senantiasa bersedia untuk melakukan kebenaran, kebajikan dan ikhlas pada menjaga mereka yang memerlukan [miskin], sehinggakan di dalam melakukan sesuatu yang tidak boleh dilengahkan, seperti solat, tidak dapat melambatkan diri mereka dari melaksanakan kebajikan kepada awam, menunggu sehingga mereka selesai solat. "

5) Saya secara peribadi mempunyai lebih banyak pandangan yang jauh lebih baik dan tepat. Apabila Allah awj menggunakan jamak dari tata bahasa yang berbentuk seorang, seperti yang dilakukan oleh orang ramai, maka mereka yang membencikan `Ali begitu juga kesemua mereka yang cemburu dan bersaing dengan Banu Hashim tidak akan tertahan untuk mendengar dalam bentuk seorang, kerana mereka tidak boleh lagi untuk menyembunyikan kebenaran atau melarutkannya di dalam air. Disebabkan kerana terdesak, mereka mungkin melakukan sesuatu yang akan merosakkan Islam. Besar kemungkinan atas sebab ini maka ayat itu telah diwahyukan dalam bentuk jamak walaupun ditujukan untuk seorang: supaya dapat menjauhi dari menjatuhkan maruah manusia-manusia itu. Ayat-ayat terutama selepas yang ini terdapat dalam berbagai-bagai bentuk dan status, beransur-ansur pada menyediakan mereka untuk *wilayat*, sehinggalah Allah sempurnakan agamaNya

dan mencukupkan rahmatNya, seperti yang selalunya dilakukan baginda [sawas], dan itu adalah cara yang bijak untuk menjayakan yang jika tidak adalah sesuatu yang sukar untuk dilaksanakan. Jika ayat itu datang dalam bentuk seorang, manusia-manusia itu [yang hasad] akan menutupkan telinga mereka dengan jari, meyelubongkan diri mereka dengan pakaian dan menjadi dengil, sombong dan jahat. Ini adalah kebijaksanaan ilahi yang jelas kelihatan di dalam kesemua ayat-ayat di dalam al-Quran yang telah diwahyukan untuk menunjukkan sifat Amirul Mukminin dan mereka diantara Ahli al-Bayt yang disucikan, sebagaimana yang telah diketahui. Kami telah terangkan kenyataan ini dan memberikan bukti yang kukuh dan penerangan yang jelas di dalam buku kami *Sabil al-Muminin* dan *Tanzil al-Ayat*, dan sanjungan kepada Allah atas petunjuk dan sokonganNya. Wassalam

Yang ikhlas,  
Sh

## SURAT 43

KONTEK [MAKSUD] MENUNJUKKAN 'YANG DICINTAI' ATAU YANG SERUPA

### Muharram 4, 1330 H

Semoga Allah merahmati bapa kamu! Sebenarnya kamu telah menghapuskan kekeliruan saya dan telah menyelesaikan keraguan saya, sehingga yang benar menjadi jelas. Tidak ada yang tinggal untuk diperkatakan selain dari fakta bahawa kontek [maksud] ayat yang diperkatakan menunjukkan pada larangan untuk mengambil yang kafir sebagai wali. Ayat yang terdahulu dan yang kemudian memberi kenyataan kepada fakta ini, dan telah menyokong pada intipati penerimaan perkataan 'wali', di dalam ayat ini adalah penyokong, yang dicintai, rakan, atau yang serupa dengannya; maka apakah jawapan kamu? Tolonglah berikan jawapannya, Wassalam.

Yang ikhlas,  
S

## SURAT 44

- 1] KONTEK TIDAK MENUNJUKKAN KEPADA 'PENYOKONG' ATAU YANG SERUPA
- 2] KONTEK TIDAK LEBIH MEMPENGARUHI DARI BUKTI

### Muharram 5, 1330 H

1) Ini adalah jawapan saya: Ayat ini, jika kita teliti, dengan melihat pada ayat yang mendahuluinya, yang menghalang dari mengambil orang kafir sebagai wali, tidak menunjukkan pengertian yang sebaliknya pada memuji Amirul Mukminin atau mengusulkan beliau sebagai pemimpin dan Imam, dengan mengugut penentang dengan kekuatannya, atau memberi amaran kepada mereka akan hukuman dari beliau. Inilah pengertiannya, kerana di dalam ayat yang terdahulu, jika dan bila kamu teliti secara berasingan, Allah awj berkata: "Wahai kamu yang beriman! Jika sesiapa dari kamu yang meninggalkan agamanya, maka Allah akan mendatangkan orang yang Dia cintai dan yang mencintai Dia, berlemah lembut dengan yang Mukmin dan keras terhadap yang kafir, berjuang di dalam jalanNya, dan tidak gentar pada sesiapa di dalam melakukannya. Ini sebenarnya adalah kurniaan dari Allah, Dia memberikan kepada sesiapa yang dihajatiNya, dan Allah Maha Mengetahui (Qur'an, 5:54)."[1] Ayat ini telah diwahyukan bagi pihak Amirul Mukminin [as], memberi amaran kepada yang lain akan kekuatannya dan juga pengikutnya, seperti Amirul Mukminin sendiri telah katakan ketika Peperangan Unta dan telah dikatakan juga oleh Imam al-Baqir dan al-Sadiq.

Pengertian yang sama telah digunakan oleh al-Tha'labi di dalam *Tafsir al-Qur'an*. Ianya juga telah disampaikan oleh pengarang *Muj'maul Bayan fi Tafsir al-Qur'an* dari `Ammar, Huthayfah, dan Ibn `Abbas. Ianya telah diterjemahkan dalam bentuk ini menurut pengertian Shi'a yang telah disampaikan secara turutan dari Para Imam keturunan yang disucikan [as]. Maka ayat wilayah telah diturunkan setelah diberikan bayangan akan wilayah beliau dan merujuk kepada perlunya menerima beliau sebagai Imam. Maka konteksnya telah menjadi penjelasan kepada bayangan tersebut, dan juga penghuraian terhadap bayangan yang mendahuluinya pada menggambarkan kerajaan beliau; maka bagaimana boleh dikatakan bahawa ayat ini telah diwahyukan di dalam kontek [pengertian] melarang mengambil orang kafir sebagai wali?

2) Rasul Allah [sawas], sendiri telah menyamakan status Imam diantara keturunan baginda yang suci sama dengan al-Quran, mengatakan bahawa keduanya tidak akan saling berpisah dari satu dengan yang lain, dan bahawa mereka [para Imam] sama pentingnya dengan kitab Allah itu sendiri, melalui mereka yang benar boleh dibezakan dari yang batil. Kepada mereka, ayat ini sebagai bukti telah disampaikan secara berturutan. Maksud yang mereka selalu gunakan pada perkataam "wali" adalah yang mana konteksnya sama seperti yang saya katakan diatas; dari itu kontek tidak membawa sebarang pengaruh jika kamu gunakan untuk menentang teks

mereka [as],[2] kerana semua Muslims setuju mengenai kegunaan kontek sebagai hujah yang sesuai. Apabila kontek dan pembuktian saling bertentangan, mereka hendaklah meninggalkan pengertian kontek dan akur pada keputusan pembuktian. Ini disebabkan kepada fakta bahawa maksud bagi kontek ayat ini tidak boleh dipegangi, oleh kerana Kitab Allah sendiri telah tidak disusun dengan cara susunan yang betul sebagaimana ianya disampaikan. Dengan yang sedemikian, terdapat beberapa ayat yang memberikan maksud yang bertentangan dengan konteknya sendiri. Ambil sebagai contoh, Ayat pada Mensucikan. Pada kenyataannya bahawa Bab dimana terdapatnya ayat ini, telah memperkatakan mengenai wanita adalah jelas, tetapi telah menghadkan penerimaannya kepada 5 individu [lelaki dan wanita] yang telah diselimuti dengan selimut sahaja. Secara umum, untuk mentafsirkan sesuatu ayat dengan cara yang bertentangan dengan konteknya sendiri, tidak akan menyalahi aspek keajaibannya dengan apa cara sekalipun, ianya tidak juga merosakkan kelancaran sebutan, dan tidak mengapa untuk merujuk kepadanya apabila dikehendaki pembuktian yang tidak dapat disangkal. Wassalamo Alaikom.

Yang ikhlas,  
Sh

[1] Ini mempunyai maksud yang sama dengan hadith Rasul Allah [sawas] yang berkata: "Kamu, kaum Quraysh, tidak akan berhenti berperang sehingga Allah menghantar kepada kamu seorang yang keikhlasan imannya telah diuji oleh Allah, untuk memukul leher kamu dengan pedangnya, sedangkan kamu lari dalam ketakutan seperti binatang ternakan." Abu Bakr bertanya: "Adakah saya, Wahai Rasul Allah?" Baginda menjawab: "Tidak." `Umer bertanya: "Adakah saya, Wahai Rasul Allah?" Baginda menjawab: "Tidak; Tetapi dia adalah yang membaiki kasut." Penyampainya terus berkata: "Ketika itu ada ditangan `Ali kasut Rasul yang sedang dibaiki untuknya [sawas]." Hadith ini telah dirakamkan oleh ramai pengarang buku tradisi, dan ianya adalah hadith no 610 pada permulaan muka surat 393, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal*. Juga yang sama dengannya adalah kata baginda [sawas], "Diantara kamu terdapat seorang yang akan berperang untuk menguatkuasakan al-Quran sama seperti saya berperang ketika al-Quran diwahyukan." Abu Bakr bertanya: "Adakah saya orangnya?" Baginda menjawab: "Tidak." `Umer bertanya yang sama juga, dan Rasul [sawas] menjawab: "Tidak, tetapi dia adalah seorang yang berada di dalam membaiki kasut," yang mana `Ali keluar dari bilik membawa kasut baginda setelah selesai membaikinya. Hadith ini telah disebutkan oleh Imam Ahmed ibn Hanbal di dalam *Musnad* seperti yang disampaikan oleh Abu Sa'id, dan ianya disampaikan oleh al-Hakim di dalam *Al-Mustadrak*, Abu Ya'li di dalam *Musnad*, dan oleh ramai lagi pengarang tradisi. Al-Muttaqi al-Hindi menyebutnya dari mereka pada muka surat 55 jilid ke 6 dari bukunya.

[2] Apakah pengaruh yang ada pada tafsiran dzahir [terjemahan] jika ianya bertentangan dengan intipati pengertian teks keseluruhannya?

## SURAT 45

BERPEGANG KEPADA PENTAFSIRAN, MENGIKUTI JEJAK MEREKA YANG TERDAHULU, TIDAK BOLEH DIELAKKAN

**Muharram 6, 1330 H**

Jika tidaklah disebabkan kedudukan khalifa bagi khalifatul rashidin, yang benar tanpa sebarang keraguan, kami tentu tidak punya pilihan selain dari menerima pandangan kamu dan mentafsir ayat itu menurut pada penilaian kamu, tetapi untuk meragui kedudukan khalifa mereka, semoga Allah meridhai mereka, adalah diluar persoalan. Dari itu berpegang kepada penterjemahan, adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan, oleh kerana kami telah mempercayai kepada mereka begitu juga pada orang yang telah memberikan sumpah setia [bai'ah] kepada mereka, Wassalam.

Yang ikhlas,  
S

## SURAT 46

1] MEMPERCAYAI KEPADA WARISAN TERDAHULU TIDAK MEMERLUKAN PENTAFSIRAN

2] PENTAFSIRAN ADALAH MUSTAHIL

**Muharram 6, 1330 H**

Tiga khalifa rashidin, semoga Allah senang dengan mereka, adalah sebenarnya subjek penyelidikan dan perdebatan; untuk menggunakan kedudukan khalifa yang sedmikian pada menolak hujah kami, adalah ditolak sama sekali.

1) Untuk mempercayai khalifa tersebut, begitu juga kepada orang yang memberikan bai'ah kepada mereka, tidak memerlukan kepada penafsiran hujah-hujah. Di dalam mengesahkan kedudukan khalifa mereka, kamu sendiri berpegang kepada penafsiran, sebagaimana kami akan jelaskan jika perlu.

2) Penafsiran tek [nas] seperti yang kami katakan kepada kamu adalah mustahil; begitu juga dengan kes yang belum kami sebutkan lagi, seperti hadith Ghadir dan juga pada Wasiat, terutama apabila disokong oleh tradisi yang tidak dipertikaikan yang saling menyokong; dengan yang terkemudian adalah mencukupi dengan sendirinya pada memerlukan sebarang rujukan kepada tek yang jelas. Sesiapa yang telah mengetahui sendiri dengan yang terkemudian akan mendapati pengakuannya tidak dipertikaikan dan keputusannya tidak boleh dibantah, Wassalam.

Yang ikhlas,  
Sh

## SURAT 47

MEMINTA TRADISI [HADITH] PENGESAHAN

**Muharram 7, 1330 H**

Saya harap kamu telah menyatakan tradisi tersebut yang menyokong teks sedemikian dan dengannya telah melengkapkan penyelidikan kamu, Wassalam.

Yang ikhlas,  
S

## SURAT 48

EMPAT PULUH HADITH YANG MENYOKONG TEKS [NAS]

**Muharram 8, 1330 H**

Pertimbangkan 40 hadith yang menyokong sedemikian:

1) Pertimbangkan kenyataan Rasul Allah [sawas], ketika memegang leher 'Ali, "Inilah Imam mereka yang beriman, penghapus jahiliah; kejayaan bagi sesiapa yang menyokong beliau, dan diabai oleh Allah sesiapa yang menolak beliau." Baginda [sawas] meninggikan suaranya ketika mengatakan rangkap terakhir. Ini telah dituliskan oleh al-Hakim seperti yang disampaikan oleh Jabir pada muka surat 129, Vol. 3, dari *Al-Mustadrak*, [1] dimana ulasan pengarang dengan mengatakan: "Inilah satu-satunya hadith yang mana kesahihannya menjadi bukti oleh rantaian penyampainya sendiri, walaupun kedua pengarang [buku sahih] tidak merakamkannya."

2) Pertimbang kenyataan baginda [sawas], "Telah disampaikan kepada saya bahawa 'Ali mempunyai 3 kemuliaan yang eksklusif: bahawa beliau adalah ketua para Muslim, Imam bagi mereka yang beriman, dan pemimpin bagi mereka yang dahinya memancarkan tanda keimanan." Ini telah ditulis oleh al-Hakim pada permulaan muka surat 138, Vol. 3, dari *Mustadrak* [2] di mana ulasan pengarangnya: "*Ini satu-satunya hadith dimana ketepatannya dibuktikan oleh rantaian penyampainya, walaupun pengarang buku sahih tidak merakamkannya.*"

3) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Telah disampaikan kepada saya bahawa 'Ali adalah ketua para Muslims, *wali* pada yang wara', dan pemimpin pada mereka yang dahinya memancarkan tanda keimanan." Ianya telah dirakamkan oleh Ibn al-Najjar [3] dan ramai lagi pengarang buku tradisi.

4) Pertimbangkan kenyataannya [sawas] kepada 'Ali: "Selamat datang ketua para Muslim, Imam bagi yang wara'!" Ianya telah dituliskan oleh Abu Na'im in *Hilyat al-Awliya'*. [4]

5) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Yang pertama melalui pintu ini adalah Imam bagi yang wara', ketua kepada para Muslim, tokoh agama, penutup bagi para *wasīs*, dan pemimpin bagi mereka yang dahinya memancarkan tanda keimanan," yang mana ternyata 'Ali masukinya dan baginda [sawas] berdiri dengan perasaan gembira, memeluk beliau dan menyapu peluhnya dengan berkata: "Kamu akan menunaikan janji-janji saya, sampaikan pengkhabaran saya, dan sesudah saya menjelaskan apa yang dilihat sebagai meragukan." [5]

6) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Allah telah menjanjikan kepada saya bahawa 'Ali adalah panji-panji kebenaran, Imam bagi mereka yang menerima *wilayat* saya, cahaya bagi sesiapa yang patuh kepada saya, dan perkataan yang saya telah mandatkan kepada mereka yang wara'." [6] seperti yang kamu boleh lihat, keenam hadith ini mengandungi teks yang nyata mengenai Imamnya beliau dan kewajipan pada mematuhi beliau [as].

7) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], menunjuk kepada `Ali, "Inilah yang mula-mula percaya kepada saya, yang pertama untuk berjabat tangan dengan saya di hari dibangkitkan, beliaulah sahabat yang terawal dan beliaulah *faruq* [pembeza] bagi ummah ini yang membezakan diantara yang benar dan yang batil, beliau adalah ketua bagi orang yang beriman." [7]

8) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Wahai kamu kumpulan Ansars! Haruskah saya memimpin kamu kepada apa yang, selagi kamu berpegang kepadanya, kamu tidak akan sesat? Ianya adalah `Ali, cintailah beliau seperti kamu mencintai saya, dan hormatilah beliau seperti kamu menghormati saya, kerana Jibril telah mengarahkan saya untuk mengatakan kepada kamu bagi pihak Allah awj." [8]

9) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Saya adalah kota ilmu, dan `Ali adalah pintunya, sesiapa yang berhasrat untuk mendapatkan ilmu, biarlah dia datang melalui pintunya." [9]

10) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Saya adalah rumah ilmu dan `Ali adalah pintunya." [10]

11) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "'Ali adalah pintu kepada pengetahuan saya, orang yang akan menerangkan kepada ummah selepas saya, dengan apa yang saya telah dikirimkan [al-Quran], mencintai beliau adalah tanda keimanan yang tulen, dan membencinya adalah hipokrit." [11]

12) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], kepada `Ali: "Kamu akan menjelaskan kepada ummah saya semua perkara yang mereka berbeza padanya." Ini telah dirakamkan oleh al-Hakim pada muka surat 122, Vol. 3, dari *Mustadrak* [12] seperti yang disampaikan oleh Anas. Pengarang kemudian mengulas: "Ini adalah hadith yang sahih menurut pengesahan dari kedua Shaykhs [Bukhari and Muslim], walaupun mereka tidak menyebutnya sendiri." Yang sebenarnya, sesiapa yang meneliti hadith ini, dan yang lain, yang sama sepertinya akan mengetahui bahawa status `Ali jika dibandingkan kepada Rasul Allah adalah sama seperti status Rasul Allah kepada Allah itu sendiri, kerana Allah berkata kepada RasulNya: "Kami telah hantarkan kepada kamu wahyu kami supaya kamu dapat menjelaskannya untuk mereka semua perkara yang mana mereka pertikaikan, dan sebagai petunjuk dan rahmat begi mereka yang beriman;" sedangkan di dalam hadith ini Rasul Allah [sawas] memberitahu `Ali: "Kamu akan menjelaskan kepada ummah saya semua perkara yang mana mereka berbeza padanya selepas saya."

13) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], seperti yang dirakamkan oleh Ibn al-Sammak dari Abu Bakr, "Status `Ali kepada saya adalah sama seperti saya kepada Tuhan." [13]

14) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], seperti yang dirakamkan oleh al-Dar Qutni di dalam *Al-Afrad* dimana pengarang menyebut dari Ibn `Abbas mengatakan Rasul sebagai berkata: "'Ali ibn Abu Talib adalah umpama pintu keampunan kepada Israel; sesiapa yang memasuki melaluinya menjadi mukmin sebenar dan sesiapa yang keluar darinya menjadi musyrik." [14]

15) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], pada hari `Arafat semasa Hijjatul Wada' [haji perpisahan]: "'Ali adalah sebahagian dari saya, dan saya sebahagian dari `Ali, dan tiada siapa yang membayarkan hutang-hutang saya melainkan `Ali." [15]

"Ianya adalah kenyataan Rasul yang mulia yang diarahkan oleh Dia yang mempunyai `arasy, berkuasa, ditaati: betapa Dia dipercayai! Tidak! Sahabat mu bukanlah gila." (Qur'an, 81:19-22)

"Dia tidak berkata-kata menurut dari kehendaknya; ianya adalah wahyu yang disampaikan." (Qur'an, 53:3-4)

Maka kemanakah kamu hendak pergi? Dan apakah yang akan kamu katakan mengenai hujah yang jelas dan teks yang nyata ini?

Jika kamu teliti sebanyak ini, fikirkanlah kebijaksanaannya disebalik membuat kenyataan yang sedemikian ketika menunaikan haji yang mulia dihadapan para-para saksi, kebenaran akan timbul kepada kamu dengan amat jelas. Dan jika kamu halusai betapa sedikitnya perkataan baginda, dan betapa luas pengertiannya, barulah kamu akan mempunyai pandangan yang tinggi untuk beliau, kerana beliau telah mempelajari dengan banyak serta memahami dengan penyelidikan apa yang beliau telah pelajari. Tidak ada mereka yang lain melainkan `Ali yang layak melaksanakan segala tanggung jawab. Maka tidak hairanlah hanya dia sahaja yang melaksanakan wasiat Rasul, dengan mengambil kedudukannya sebagai pemimpin sebagai wazir dan pengganti, segala puji bagi Allah yang telah memimpin kami kepada segala ini, kerana tanpa pimpinan Allah, kami tentu tidak mendapat petunjuk.

16) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Sesiapa yang taat kepada saya taat kepada Allah, dan sesiapa yang menentang saya telah menentang Allah; dan sesiapa yang taat kepada `Ali taat kepada saya, dan sesiapa yang menentang `Ali telah menentang saya." Ini telah dirakamkan oleh al-Hakim pada muka surat 121, Vol. 3, dari *Mustadrak*, dan oleh al-Thahbi di dalam *Talkhis*. Kedua pengarang telah bergantung kepada kedua shaykh untuk mengesahkan hadith ini.

17) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Wahai `Ali! Sesiapa yang meninggalkan saya telah meninggalkan Allah, dan sesiapa yang meninggalkan kamu telah meninggalkan saya juga." Ini telah

dirakamkan oleh al-Hakim pada muka surat 124, Vol. 3, di dalam *Sahih*, dimana dia mengulas dengan berkata: "Hadith ini sahih melalui *isnad*, walaupun kedua shaykh tidak menuliskannya."

18) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], seperti yang disampaikan oleh Umm Salamah, "Sesiapa yang menolak 'Ali menolak saya juga," yang telah dirakamkan oleh al-Hakim pada permulaan muka surat 121, Vol. 3, dari *Al-Mustadrak* seperti yang telah disahkan oleh kedua shaykh, dan ianya telah disampaikan oleh al-Thahbi di dalam *Talkhis* dimana pengarang telah mengesahkan kesahihannya. Ianya dirakamkan oleh Ahmed diantara hadith yang disampaikan oleh Umm Salamah pada muka surat 323, Vol. 6, dari *Musnad*, dan oleh al-Nisa'i pada muka surat 17 dari *Al-Khasa'is al-Alawiyya*, sebagai tambahan kepada banyak lagi tradisionis. Maka kenyataan Rasul Allah [sawas] seperti yang dituliskan diantara hadith yang disampaikan oleh 'Amr ibn Shash iaitu: "Sesiapa yang menyakiti 'Ali telah menyakiti saya juga." [16]

19) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Sesiapa yang mencintai 'Ali telah mencintai saya juga; dan sesiapa yang membenci 'Ali telah membenci saya juga." Hadith ini telah dirakamkan oleh al-Hakim yang mengatakan ianya adalah sahih pada muka surat 130, Vol. 3, dari *Al-Mustadrak*, dan ianya telah disampaikan oleh al-Thahbi di dalam *Talkhis* di mana dia mengaku rujukan kepada kesahihannya atas sebab yang sama. Beginilah bunyinya kenyataan 'Ali: [17] "Saya bersumpah dengan yang Esa, yang membelah bijian [supaya pokok akan tumbuh darinya] dan menjadikan angin dari yang tiada, Rasul yang ummi telah menjanjikan kepada saya bahawa tiada siapa yang mencintai saya melainkan yang benar-benar beriman, dan tiada yang membenci saya melainkan yang hipokrit."

20) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Wahai 'Ali! Kamu adalah pemimpin didunia ini dan juga akhirat, sesiapa yang mencintai kamu telah mencintai saya, dan sesiapa yang mencintai saya telah dicintai oleh Allah; musuh kamu adalah musuh saya; malang bagi mereka yang membenci kamu selepas saya." Ini telah dirakamkan oleh al-Hakim pada permulaan muka surat 128, Vol. 3, dari *Al-Mustadrak*, dan kesahihannya telah disahkan oleh kedua shaykh. [20]

21) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Wahai 'Ali! Berita gembira bagi mereka yang mencintai dan percaya kepada kamu, dan malang bagi sesiapa yang membenci dan berdusta mengenai kamu." Ini telah dirakamkan oleh al-Hakim pada muka surat 135, Vol. 3, dari *Al-Mustadrak*, di mana dia mengulas dengan berkata: "Hadith ini adalah sahih dengan cara sampaianya yang berturutan [melalui *isnad*, berturutan disampaikan] Kedua shaykh tidak merakamkannya."

22) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Sesiapa yang berhasrat untuk hidup seperti saya dan mati seperti saya serta tinggal ditaman syurga yang berkekalan, yang telah dijanjikan kepada saya oleh tuhan saya, biarlah dia menerima 'Ali sebagai walinya, dan sudah pasti beliau tidak akan membiarkan kamu tanpa petunjuk, dan tidak juga beliau membawa kamu kepada kesesatan."

23) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Saya menyuruh sesiapa yang percaya dan yakin kepada saya hendaklah senantiasa ingat akan *wilayat* 'Ali ibn Abu Talib, kerana sesiapa yang menerima beliau sebagai *wali* telah menerima saya sebagai yang demikian, dan sesiapa yang menerima saya sebagai *wali* sesungguhnya telah menerima Allah sebagai yang demikian; dan sesiapa yang mencintai beliau telah mencintai saya, dan sesiapa yang mencintai saya telah mencintai Allah; dan sesiapa yang benci kepada beliau, benci kepada saya juga, dan sesiapa yang membenci saya telah benci kepada Allah awj."

24) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Sesiapa yang suka untuk hidup seperti saya dan mati seperti saya serta tinggal disyurga Eden, yang didirikan untuk saya oleh Tuhan saya, maka hendaklah dia mengambil 'Ali sebagai *wali* selepas saya, dan hendaklah dia menerima penguasaan sesiapa yang 'Ali lantik, dan hendaklah dia mencontohi keturunan saya selepas saya, kerana mereka adalah anak-anak saya: mereka telah dijadikan dari acuan saya dan dirahmati dengan kefahaman dan pengetahuan saya; dari itu malang bagi mereka yang mengabaikan mereka diantara ummah saya, yang telah memutuskan ikatan dengan mereka, semoga Allah tidak memberikan mereka syafaat saya."

25) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Sesiapa yang cinta untuk hidup seperti saya dan mati seperti saya serta masuk ketaman syurga yang tuhan telah janjikan kepada saya, taman yang kekal, maka hendaklah dia mengambil 'Ali dan keturunannya selepas saya sebagai walinya, kerana mereka tidak akan membiarkan kamu tanpa petunjuk, tidak juga mereka menyeret kamu kepada kesesatan." [21]

26) Pada permulaan muka surat 156, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal*, al-Daylami menyebutkan dari Ammar sebagai berkata bahawa Rasul Allah [sawas] memberitahu 'Ammar yang berikut: "Wahai Ammar! Jika kamu melihat 'Ali berjalan disatu laluan sedangkan manusia berjalan pada laluan yang lain, berjalanlah bersama 'Ali dan tinggalkan manusia, kerana beliau tidak akan membawa kamu kepada kebinasaan, dan tidak juga beliau mengeluarkan kamu dari petunjuk yang benar."

27) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], menurut dari satu hadith yang disampaikan oleh Abu Bakr, "Tangan saya dan tangan `Ali adalah sama apabila ianya mengenai keadilan." Ini adalah hadith 2539 dirakamkan di muka surat 153, Vol. 6, dari *Kanz al-Ummal*.

28) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Wahai Fatima! Tidakkah kamu gembira bahawa Allah awi telah melihat kepada penduduk dunia dan memilih diantara mereka dua lelaki: seorang darinya adalah bapa kamu, dan yang seorang lagi suami kamu?"[22]

29) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Saya yang memberi peringatan, dan `Ali adalah petunjuk; melalui kamu, Wahai `Ali, petunjuk akan didapati selepas saya." Ini telah dirakamkan oleh al-Daylami, yang menyebutnya dari Ibn `Abbas, dan ianya hadith 2631 pada muka surat 157, Vol. 6, dari *Kanz al-Ummal*.

30) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Wahai `Ali! Tiada siapa yang dibenarkan untuk kekal di dalam keadaan *janaba* [*hadath besar*] selain kamu dan saya."[23] Sama juga seperti hadith yang dirakamkan oleh al-Tabrani seperti yang disebutkan oleh Ibn Hajar di dalam bukunya *Al-Sawa`iq al-Muhriqa* seperti yang dibacakan oleh Umm Salamah, al-Bazzar, dan Sa'd; maka rujuklah kepada hadith 13 dari *Al-Arba`in al-Nawawiyya* yang mana dia menyebut di dalam bab 9. Yang terkemudian menyebutkan Rasul Allah [sawas] sebagai berkata: "Tiada siapa yang dibenarkan di dalam keadaan *janaba* berada di dalam masjid ini melainkan saya dan `Ali."

31) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Saya dan yang ini (dimaksudkan `Ali) adalah bukti bagi ummah saya pada hari pengadilan." Ini telah dirakamkan oleh al-Khatib seperti yang disampaikan oleh Anas. Bagaimana boleh bapa kepada al-Hassan (as) menjadi Bukti sama seperti Rasul [sawas], jika beliau bukannya wazir atau pengganti baginda?

32) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Telah dituliskan dipintu syurga: `Tidak ada tuhan melainkan Allah, Muhammad adalah Rasul Allah, `Ali adalah saudara Rasul Allah.'"[24]

33) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Telah ditulis dikaki al-Kursi: `Tidak ada tuhan melainkan Allah, Muhammad adalah Rasul Allah, Saya (Tuhan) telah menyokong baginda (Muhammad) melalui `Ali."

34) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Sesiapa yang berhasrat untuk melihat keazaman Nuh, pengetahuan Adam, kasihnya Ibrahim, kebijaksanaan Musa, kezuhudan Isa, maka biarlah mereka melihat kepada `Ali." Ini telah dirakamkan oleh al-Bayhaqi di dalam buku sahihnya dan oleh Imam Ahmed ibn Hanbal di dalam buku *Musnad*. [25]

35) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Wahai `Ali! Terdapat persamaan di dalam diri kamu pada Isa [as] yang telah dibenci oleh kaum Israel, sehinggakan mereka mengadakan keraguan terhadap kehormatan ibunya, dan dicintai oleh yang kristian sehinggakan mereka berikan kepadanya status yang bukan miliknya."

36) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Yang pertama (diantara yang beriman) adalah 3 orang: Joshua anak lelaki Nun [dari kaum Ephraim - tr.] orang yang pertama percaya kepada Musa, seorang beriman yang dikatakan dalam surah Yasin [Bab 36 al-Quran] adalah yang pertama untuk percaya kepada Isa, dan `Ali ibn Abu Talib yang pertama percaya kepada Muhammad (sawas)."[26]

37) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Yang pertama di dalam mengatakan (pada kebenaran Rasul) adalah 3 orang: Habib al-Najjar, seorang yang beriman yang disebutkan dalam surah Yasin, yang mengatakan: `Wahai kaum ku! Ikutlah rasul Allah;` Izekiel [yang mana namanya bererti 'Kekuatan Tuhan' - tr.], seorang yang beriman dari keluarga Firaun, yang mengatakan: `Adakah kamu bertujuan untuk membunuh sesaorang kerana hanya dia mengatakan Tuhannya adalah Allah?,' dan `Ali ibn Abu Talib, yang lebih utama dari mereka semua." [27]

38) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], kepada `Ali: "Ummah ini akan menentang kamu; kamu akan hidup di dalam berpegang teguh kepada agama saya dan akan dibunuh kerana menjaganya, sesiapa yang mencintai kamu mencintai saya juga, dan sesiapa yang membenci kamu membenci saya juga, dan ini [janggut `Ali] akan dibasahi oleh darah dari yang ini [kepala `Ali]".[28] `Ali (as) sendiri telah berkata: "Satu dari ramalan Rasul adalah ummah ini akan menentang saya setelah wafatnya baginda." Ibn Abbas telah menyebutkan dari Rasul Allah [sawas] yang memberitahu `Ali, "Kamu pasti akan menghadapi penderitaan yang amat sangat selepas saya;"[29] `Ali bertanya: "Adakah saya mampu mengekalkan keimanan saya?" dan Rasul Allah [sawas] menjawab dengan mengesahkan [positif].

39) Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Diantara kamu terdapat seorang yang akan berperang untuk penafsirannya (Qur'an) seperti mana saya berperang pada penyampaianannya." Mereka yang hadir merasa gembira. Diantara mereka terdapat Abu Bakr dan `Umer. Abu Bakr bertanya: "Adakah saya?" dan jawapan Rasul adalah negatif. `Umer bertanya: "Adakah saya?" dan Rasul [sawas] menjawab: "Tidak, tetapi dia adalah yang membaiki kasut," `Ali yang dimaksudkannya; dari itu kami pergi menziarah `Ali untuk menyampaikan berita baik ini kepada beliau, tetapi beliau tidak mengangkat kepalanya langsung, seolah-olah dia telah



mendengarnya dari Rasul Allah [sawas]."[30] Maksud yang sama adalah hadith yang disampaikan oleh Abu Ayyub al-Ansari semasa pemerintahan khalifa Umer. Menurut al-Hakim, yang bergantung pada dua rujukan yang mana dia telah tunjukan dimuka surat 139 dan muka surat yang disebelahnya, Vol. 3, dari *Mustadrak*, `Umer telah berkata bahawa Rasul Allah [sawas] memerintahkan mereka yang berpaling dari iman, dan mereka yang menentang hendaklah diperangi. Ibn `Asakir, seperti yng ditunjukkan di dalam hadith 2588 pada muka surat 155, Vol. 6 dari *Kanz al-'Ummal*, menyatakan bahawa `Ammar ibn Yasir telah berkata bahawa Rasul Allah [sawas] telah berkata, "Wahai `Ali! Kumpulan yang zalim akan menentang kamu; Tetapi kamu di jalan yang benar; sesiapa yang menahan diri dari menyokong kamu tidak daripada saya." Abu Tharr al-Ghifari, seperti yang al-Daylami telah sebutkan pada penghujung muka surat 155, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal*, telah menyebut Rasul Allah [sawas] sebagai berkata: "Saya bersumpah dengan Dia yang nyawa saya ada ditanganNya bahawa diantara kamu terdapat seorang yang akan berperang untuk penafsiran al-Quran sama seperti saya berperang pada penyampaianNya." Muhammad ibn `Ubaydullah ibn Abu Rafi`, seperti ditunjukkan oleh al-Tabrani di dalam *Mujma` al-Kabir* dan menyatakan pada muka surat 155, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal*, telah menyebut dari bapanya dan dari datuknya Abu Rafi` berkata bahawa Rasul Allah [sawas] telah berkata kepadanya: "Wahai Abu Rafi`! Sekumpulan manusia akan menentang `Ali selepas saya; Allah telah menjadikan mandat untuk mereka berperang. Sesiapa yang tidak dapat memerangi mereka dengan tangannya, hendaklah dia memeranginya dengan lidah; jika dia tidak berdaya untuk melakukan, maka dengan hatinya." Al-Akhdar al-Ansari[31] telah menyebut Rasul Allah [sawas] berkata: "Saya berperang untuk penyampaian al-Quran, sedang `Ali berperang pada penafsirannya."

40) Baginda [sawas] telah berkata: "Wahai `Ali! Saya lebih utama dari kamu disebabkan saya seorang Rasul, sedangkan kamu lebih utama dari yang lain disebabkan oleh 7 kemuliaan: Kamu adalah yang pertama diantara mereka yang beriman kepada Allah, yang paling benar dalam memenuhi janji-janji Allah, yang paling taat pada perintah Allah, yang paling saksama, yang paling adil di dalam menangani manusia umum, yang berpandangan jauh di dalam semua isu, dan yang menikmati kedudukan status yang tertinggi pada pandangan Allah." Abu Sa'id al-Khudri menyebutkan Rasul Allah [sawas] sebagai berkata: "Wahai `Ali! Kamu miliki 7 kualiti yang mana mengenainya tiada siapa yang dapat mempertikaikannya dengan kamu: Kamu adalah yang pertama, benar-benar beriman dengan Allah, yang paling benar di dalam memenuhi janji-janji Allah, yang paling taat kepada perintah Allah, yang paling kasih kepada manusia awam, yang paling berpengetahuan di dalam semua perkara dan yang paling tinggi diantara mereka pada kedudukan status."[32]

Tidak terdapat tempat untuk menyebutkan semua tradisi yang sedemikian yang mana secara keseluruhan menyokong satu dengan yang lain dan semuanya menunjukkan kepada satu pengertian, dan ianya adalah: `Ali hanya yang kedua pada Rasul Allah [sawas] di dalam pengurusan terhadap ummah ini, dan bahawa beliau adalah seiringan hanya kepada Rasul Allah [sawas] di dalam memimpinnya. Tradisi ini menyampaikan maksud yang sedemikian, walaupun teks nya tidak disampaikan secara turutan, dan sebanyak ini mencukupilah sebagai bukti yang tidak diragukan, Wassalam.

Yang ikhlas,  
Sh

[1] Ini adalah hadith number 2527 yang disebutkan di dalam *Kanz al-'Ummal*, muka surat 153, Vol. 6, dan ianya telah disebutkan oleh al-Tha'labi dari Abu Tharr apabila pengarang cuba mentafsir ayat *wilayat* di dalam bukunya *Al-Tafsir al-Kabir*.

[2] Ianya disebutkan oleh al-Barudi, Ibn Qani`, Abu Na'im, dan al-Bazzar. Ianya hadith 2628 yang disebutkan di dalam *Kanz al-'Ummal*, pada muka surat 157, Vol. 6.

[3] Ianya hadith 2630 yang disebutkan di dalam *Kanz al-'Ummal*, pada muka surat 157, Vol. 6.

[4] Ianya bahan berita no. 11 yang disebutkan oleh Ibn Abul Hadid pada muka surat 450, Vol. 2, dari of *Sharh Nahjul Balaghah*, dan ianya adalah hadith number 2627 yang disebutkan di dalam *Kanz al-'Ummal*, pada muka surat 157, Vol. 6.

[5] Ini disebutkan oleh Abu Na'im di dalam *Hilyat al-Awliya'* dari Anas dan disampaikan dengan khusus oleh Ibn Abul Hadid pada muka surat 450, Vol. 2, dari *Sharh Nahjul Balaghah*; maka rujuklah pada bahan berita 9 pada muka surat tersebut

[6] Ini disebutkan oleh Abu Na'im di dalam bukunya *Hilyat al-Awliya'* dari satu hadith yang disampaikan oleh Abu Barzah al-Aslami dan Anas ibn Malik, dan ianya telah disampaikan oleh ulama Mu'tazilite pada muka surat 449, Vol. 2, dari *Sharh Nahjul Balaghah*; maka rujuklah pada berita ketiga pada muka surat tersebut.

[7] Ini telah disebutkan oleh al-Tabrani di dalam bukunya *Kabir* dari hadith yang disebutkan oleh Salman dan Abu Tharr. Ianya telah disebutkan oleh al-Bayhaqi di dalam *Sunan*, dan oleh Ibn `Uday di dalam bukunya *Al-Kamil*; ianya juga hadith number 2608 yang dituliskan di dalam *Kanz al-'Ummal*, Vol. 6, muka surat 156.

[8] Ini telah disebutkan oleh al-Tabrani di dalam *Kabir*, dan ianya hadith number 2625 yang dituliskan di dalam *Kanz al-'Ummal*, Vol. 6, muka surat 157, dan berita ke 10 pada muka surat 450, Vol. 2, dari *Sharh Nahjul Balaghah* oleh Ibn Abul Hadid; maka lihat dan tengoklah bagaimana dia telah menjadikan petunjuk yang sebenar bagi mereka, dengan berpegang kepada `Ali; dari itu mereka yang tidak melakukannya sudah pasti akan sesat. Lihat bagaimana dia telah mengarahkan mereka pada mencintai beliau seperti mana mereka mencintai Rasul [sawas]. Ini hanyalah kerana beliau adalah sebagai pengganti, orang yang akan memimpin selepas baginda. Jika kamu pertimbangkan ayat, "Jibril telah mengarahkan saya untuk memberitahu kamu sedemikian," maka kebenaran menjadi jelas bagi kamu.

[9] Ini telah disebutkan oleh al-Tabrani di dalam *Kabir* dari Ibn `Abbas seperti yang dinyatakan pada muka surat 107 dari *Al-Jami` al-Saghir* oleh Sayyuti. Ianya juga disebutkan oleh al-Hakim di dalam *Manaqib `Ali*, muka surat 226, Vol. 3 dari buku sahihnya *Mustadrak* dari dua punca: satu darinya adalah Ibn `Abbas dari dua punca yang sahih, dan yang satu lagi dari Jabir ibn `Abdullah al-Ansari. Dia telah kemukakan bukti yang sah bagi kesahihannya. Imam Ahmed ibn Hanbal ibn al-Siddiq al-Magharibi, dari Cairo, telah mengkhususkan sebuah buku hanya untuk membuktikan kesahihan hadith ini, dan dia telah penuhkan buku ini dengan maklumat dan memberikan tajuknya sebagai *Fath al-Malak al-`Ali Bisihhati Hadith Babul `Ilm `Ali*, dicetak di Mesir, di percetakan Islam. Ianya perlu mendapat perhatian dari para penyelidik, kerana ia mengandungi maklumat yang berharga. Pandangan puak Nasibis dan yang sepertinya tidak berharga jika dibandingkan dengan hadith ini yang telah digunakan secara umum sebagai peribahasa yang popular disemua lapisan masyarakat, umum dan elit, dikota dan juga didesa. Malah kami juga telah mempertimbangkan kritikan mereka, dan kami dapati ianya hanya disebabkan oleh kenyataan sentimen, kurang pembuktian, penuh dengan kefanatikan yang melampau seperti yang di istiharkan oleh al-Hafiz Salahud-Din al-`Ala'i apabila dia menyebutkan tuduhan yang palsu dari al-Thahbi dan yang lainnya; yang telah menuduh bahawa ianya tidak betul. Komen dia berbunyi: "Mereka tidak memberikan sebarang bukti terhadap kenyataan mereka melainkan ianya telah diubah suai supaya tidak dapat dituduhkan kepada meeka."

[10] Ini disebutkan oleh al-Tirmithi di dalam *Sahih*, sebagai tambahan kepada Ibn Jarir, dan dari mereka, ianya disebutkan oleh beberapa penyampai seperti al-Muttaqi al-Hindi pada muka surat 401, Vol. 6, dari *Kanz al-`Ummal*, di mana dia menyebut Ibn Jarir sebagai berkata: "Ini adalah tradisi yang mana kesahihannya telah dipastikan." Ianya juga telah disebutkan dari al-Tirmithi oleh Jalalud-Din al-Sayyuti ketika membincangkan "hamza" di dalam tata bahasa di dalam bukunya *Jami` al-Jawami`* dan *Al-Jami` al-Saghir*; maka rujuklah pada muka surat 170, Vol. 1, dari *Al-Jami` al-Saghir*.

[11] Ini telah disebutkan oleh al-Daylami dari hadith Abu Tharr seperti yang disampaikan pada muka surat 156, Vol. 6, dari *Kanz al-`Ummal*

[12] Ibid.

[13] Ini telah disebutkan oleh Ibn Hajar di dalam *maqsad* kelima dari *maqasid* pada bab 14 dari yang dibincangkan di dalam bab 11 dari *Al-Sawa`iq al-Muhriqa*; maka rujuklah pada muka surat 106 pada yang sama.

[14] Ini hadith number 2528 diantara yang dituliskan di dalam *Kanz al-`Ummal*, ms 153, Vol. 6.

[15] Ini telah disebutkan oleh Ibn Majah di dalam Bab kemuliaan sahabat Rasul pada muka surat 92, Vol. 1, dari *Sunan*, oleh al-Tirmithi dan al-Nisa'i di dalam buku sahih mereka, dan ianya hadith number 2531 diantara yang ditulis di dalam *Kanz al-`Ummal*, ms 153, Vol. 6. Ianya juga disebutkan oleh Imam Ahmed pada ms 164, Vol. 4, dari *Musnad*, hadith yang disampaikan dari beberapa punca hadith yang sahih oleh Janadah. Mencukupilah bagi kamu fakta bahawa ianya telah disebutkan dari rangkaian penyampai yang termasuk: Yahya ibn Adam, Isra'il ibn Yunus dan datuknya Abu Ishaq al-Subay'i yang menyebutkan dari Habashi. Kesemua mereka adalah penyampai yang dipercayai oleh kedua shaykh di dalam buku sahih masing-masing. Sesiapa yang mempelajari hadith ini di dalam Musnad Ahmed akan mengetahui bahawa ianya telah diperkatakan ketika Haji Perpindahan yang mana dalam waktu yang singkat sebelum Rasul [sawas] wafat, meninggalkan dunia ini. Sebelum itu baginda, [sawas] telah menghantar Abu Bakr untuk membacakan 10 ayat dari Surah Bara'a kepada penduduk Mekah, kemudian baginda, menurut dari Imam Ahmed pada muka surat 151, Vol. 1, dari buku *Musnad*, berkata kepada beliau: "Pergi dapatkan Abu Bakr sebelum dia melaksanakan tugasnya, dan apabila kamu bertemu dengannya, ambillah pengkhabaran itu darinya dan bawalah sendiri kepada penduduk Mekah dan bacakan kepada mereka." `Ali bertemu Abu Bakr di Juhfa dan mengambil papan tulis itu darinya. Abu Bakr pulang semula kepada Rasul [sawas] dan bertanya kepada baginda: "Wahai Rasul Allah! Adakah kamu mendapat pengkhabaran dari Allah terhadap saya?" Baginda menjawab: "Tidak, tetapi Jibril telah datang dan memberitahu saya bahawa tiada siapa yang boleh membacakan pengkhabaran Allah melainkan saya atau seorang dari keluarga saya." Sebutan yang lain yang dirakamkan oleh Ahmed pada ms 510, Vol. 1, dari buku *Musnad* dari `Ali (as), yang berkata bahawa apabila Rasul menghantar beliau dengan Surah Bara'a, baginda berkata kepada beliau: "Sama ada saya melaksanakannya atau kamu." `Ali berkata: "Jika ianya tidak dapat dielakkan sama sekali maka saya akan pergi." Baginda [sawas] berkata: "Maka berangkatlah, kerana Allah akan menjadikan lidah kamu teguh dan akan memimpin hati kamu."

[16] Kamu tentu telah mengetahui sekarang hadith yang disampaikan oleh `Amr ibn Shash dengan ulasan kami di dalam surat 36.

[17] Seperti yang disebutkan oleh Muslim di dalam bab *iman*, ms 46, Vol. 1, dari *Sahih*. Ibn `Abd al-Birr menerangkan pengertiannya ketika memperkatakan biografi `Ali di dalam *Isti`ab* dari sekumpulan para sahabat. Hadith Buraydah ini telah disebutkan di dalam surat No. 36 diatas. Hadith baginda [sawas], "Wahai Allah! Berbaiklah dengan sesiapa yang baik dengan `Ali, dan bermusuhanlah dengan sesiapa yang menjadikan dirinya musuh kepada `Ali" ianya disampaikan secara turutan (*mutawatir*), seperti yang diakui oleh pengarang *Al-Fatawa al-Hamidiyya* di dalam penulisannya bertajuk "Al-Salat al-Fakhira fil Ahadith al-Mutawatira."

[18] Disampaikan, melalui al-Azhar, oleh `Abdul-Razzaq, Mu`ammar, al-Zuhri, `Ubaydullah, dan Ibn `Abbas, setiap mereka dari yang lainnya, adalah kesemuanya penyampai yang dipercayai. Atas sebab ini al-Hakim, telah meletakkan hadith ini sebagai "*sahih*" kerana telah disahkan oleh kedua shaykh, dengan berkata: "Abul-Azhar, menurut dari persetujuan pandangan mereka, adalah dipercayai, dan jika penyebut dengan sebulat suara bersetuju pada sahihnya satu hadith, maka ianya telah diterima sebagai sahih," kemudian dia meneruskan berkata: "Saya telah mendengar Abu `Abdullah al-Qarashi berkata bahawa dia mendengar Ahmed ibn Yahya al-Halwani sebagai berkata: `Apabila Abul-Azhar datang ke San`a dan mula menyampaikan hadith

ini kepada penduduk Baghdad, Yahya ibn Ma'in menolaknya. Apabila dia membuka tempatnya untuk manusia awam, seperti biasa dia bertanya mengenai penulis Nisaburi yang menyebut, 'Abdul-Razzaq yang menyampaikan hadith yang sedemikian, Abul-Azhar bangun berdiri dan berkata bahawa itu adalah dari dirinya. Yahya ibn Ma'in tertawa pada kenyataan itu, berdiri, dan membawa dia duduk dan bertanya darinya mengenai bagaimana dia secara peribadi hanya seorang sahaja yang mendengar hadith yang sedemikian dari 'Abdul-Razzaq. Saya memberitahunya bahawa saya baru sampai dari San'a, dan apabila saya mengatakan selamat tinggal kepada beliau, dia mengatakan bahawa beliau terutang pada saya satu hadith yang unik yang mana tiada siapa yang pernah mendengarnya, dan demi Allah inilah hadith nya perkataan demi perkataan. Maka Yahya ibn Ma'in percaya kepadanya dan meminta maaf."

[19] Kami telah sebutkan hadith ini di dalam surat No. 10 diatas

[20] Kami telah sebutkan hadith ini juga di dalam surat No. 10; maka rujuklah kepada ulasan kami mengenainya dan mengenai yang mendahuluinya.

[21] Rujuk kepada ulasan kami pada hadith ini dan yang sebelumnya di dalam surat No. 10.

[22] Ini telah disebutkan oleh al-Hakim pada muka surat 129, Vol. 3, dari buku sahihnya *Al-Mustadrak*, dan ianya telah disampaikan oleh beberapa pengarang buku tradisi, semuanya mengesahkan akan kesahihannya.

[23] Rujuk kepada ulasan kami pada hadith ini di dalam surat No. 34, dan juga telitilah buku tradisi yang mana kami telah rujuk.

[24] Ini telah disebutkan oleh al-Tabrani di dalam buku *Awsat*, dan oleh al-Khatib di dalam buku *Al-Muttafaq wal-Muftaraq*, seperti yang dinyatakan pada permulaan muka surat 159, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal*. Kami telah sebutkan di dalam surat No. 34 dan mengulasnya dengan cara yang diharapkan dapat memberi manfaat kepada penyelidik.

[25] Ini telah disampaikan dari kedua mereka Abul-Hadid di dalam bahan berita ke 4, dari beritanya yang mana dia telah rujuk pada muka surat 449, Vol. 2, dari *Sharh Nahjul Balaghah*. Ianya juga disebutkan oleh Imam al-Razi ketika membincangkan maksud ayat Mubahila di dalam tafsirnya *Al-Tafsir al-Kabir*, ms. 288, Vol. 2, mengambil hadith ini sebagai sahih menurut pandangan mereka yang bertindak dengannya begitu juga dengan mereka yang sebaliknya. Hadith ini juga telah disebutkan oleh Ibn Battah dari hadith Ibn 'Abbas, seperti yang dinyatakan di muka surat 34 dari *Fath al-Malik al-'Ali Bisihhati Babil 'Ilm 'Ali* oleh Imam Ahmed ibn al-Sadiq al-Hasani al-Magharibi dari Cairo. Diantara mereka yang mengesahkan bahawa 'Ali adalah seorang yang biasa dengan rahsia semua para Rasul yang dicantumkan pada shaykh bagi semua manusia yang berpengetahuan, iaitu Muhiyud-Din ibn al-'Arabi, seperti yang disebutkan oleh ulama al-Sha'rani di dalam seksen 32 dari bukunya *Al-Yawaqit wal-Jawahir*, ms 172.

[26] Ini telah disebutkan oleh al-Tabrani dan Ibn Mardawayh yang mempercayai pada penyampaian oleh Ibn 'Abbas. Ianya juga disebutkan oleh al-Daylami dari 'Ayesha, dan ianya adalah hadith yang panjang.

[27] Ini telah disampaikan oleh Abu Na'im dan Ibn 'Asakir dari Abu Layla, dan disebutkan juga oleh al-Najjar dari Ibn 'Abbas; maka rujuklah kepada hadith 30 dan 31 pada hadith 40 yang dituliskan oleh Ibn Hajar di dalam bahagian 2, Seksen 9, dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*, pada penghujung muka surat 74 dan muka surat berikutnya.

[28] Ini disebutkan oleh al-Hakim pada muka surat 122, Vol. 3, dari *Al-Mustadrak* dimana pengarangnya telah mengaku ianya adalah sahih. Al-Thahbi menyebutnya di dalam bukunya *Talkhis*, mengesahkan kesahihannya.

[29] Hadith ini, dan yang selepasnya, adalah hadith Ibn 'Abbas, yang disebutkan oleh al-Hakim pada muka surat 140, Vol. 3, dari buku *Mustadrak*, dan al-Thahbi menyebut dia di dalam buku *Talkhis al-Mustadrak*. Kedua pengarang mengaku akan sahihnya hadith ini kerana telah disahkan oleh kedua shaykh.

[30] Ini telah disebutkan oleh by al-Hakim pada muka surat 122, Vol. 3, dari *Al-Mustadrak*, mengatakan bahawa ianya adalah sahih menurut yang disahkan oleh kedua shaykh yang telah menulisnya kedalam buku sahih mereka. Al-Thahbi telah mengaku akan sahihnya atas sebab yang sama apabila dia menyebutnya di dalam buku *Talkhis al-Mustadrak*. Imam Ahmed telah menulisnya dari Abu Sa'id pada muka surat 82 and 33, Vol. 3, dari buku *Musnad*, dan al-Bayhaqi telah menyebutnya di dalam buku *Shu'ab al-Iman*, Sa'id ibn Mansur di dalam buku *Sunan*, Abu Na'im di dalam buku *Hilyat al-Awliya'*, dan Abu Ya'li di dalam buku *Sunan* memberi hadith ini no 2585, ms 155, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal*.

[31] Nama dia adalah Ibn Abul-Akhdar. Ibn al-Sakan menyebut dia dan mengatakan hadith ini bagi pihak dia dari al-Harith ibn Hasirah dari Jabir al-Ju'fi dari Imam al-Baqir dari bapanya Zaynul-'Abidin [as], dari al-Akhdar dari Rasul [sawas]. Ibn al-Sakan berkata: "Dia tidaklah begitu terkenal dikalangan sahabat Rasul, dan tradisinya hendaklah di sahkan." Ini telah disebutkan oleh al-Asqalani di dalam biografi al-Akhdar di dalam buku *Al-Isabah*. Al-Dar Qutni telah menghasilkan hadith ini di dalam buku *Ifrad*, dengan berkata: "Hadith ini telah disampaikan oleh Jabir al-Ju'fi, seorang Rafizi."

[32] Abu Na'im telah menyebutnya diantara tradisi yang disampaikan oleh Ma'ath, begitu juga dengan hadith yang selepasnya, iaitu, yang dari Abu Sa'id, di dalam *Hilyat al-Awliya'*, dan ianya dimuka surat 156, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal*.

## SURAT 49

1] MENGAKU KEMULIAAN 'ALI

2] KEMULIAAN SEDEMIKIAN TIDAK MENGESAHKAN KEDUDUKAN KHALIFA

Muharram 11, 1330 H

1) Imam Abu `Abdullah Ahmed ibn Hanbal telah berkata: "Tiada seorang pun diantara para sahabat Rasul Allah [sawas] yang mempunyai sebanyak kemuliaan seperti yang dipunyai oleh 'Ali ibn Abu Talib." [1] Ibn `Abbas telah berkata, "Tidak ada ayat dari kitab Allah yang diturunkan pada memuliakan sesiapa [selain dari Rasul] sebanyak yang diturunkan pada memuliakan 'Ali." [2] Pada ketika yang lain, dia telah berkata, "Sebanyak 300 ayat dari kitab Allah awj telah diwahyukan pada memuji 'Ali;" bahkan dilain ketika dia telah berkata, [3] "Setiap kali Allah mewahyukan 'Wahai kamu yang beriman...,' 'Ali yang dimaksudkan sebagai putera dan pembesarnya; dan bahkan Allah telah menegur para pengikut Rasul Allah [sawas] pada beberapa peristiwa di dalam kitabNya sedangkan Dia selalu memuji kepada 'Ali." `Abdullah ibn Ayyash ibn Abu Rabi'ah telah berkata, "'Ali memiliki pengetahuan yang amat tajam; beliau adalah yang senior di dalam memeluk Islam; Beliau adalah anak menantu Rasul Allah [sawas] dan beliau adalah faqih bagi sunnah baginda, dan harapan bagi kemenangan semasa di dalam peperangan, dan yang paling pemurah pada memberi." [4] Imam Ahmed ibn Hanbal telah ditanya suatu ketika mengenai 'Ali dan Muawiya; dia berkata: [5] "'Ali pernah mempunyai beberapa orang musuh. Musuh-musuhnya telah mencari pada segala sesuatu untuk menjumpai kesalahan beliau. Setelah tidak menemui apa-apa, mereka pergi kepada seorang [Muawiya] yang telah berperang dan membunuh beliau, dan mereka memuji manusia itu, hanya disebabkan kebencian mereka terhadap beliau." Isma'il seorang kadi, al-Nisa'i, Abu `Ali al-Nisaburi [6] dan ramai lagi telah mengatakan bahawa tiada siapa diantara para sahabat Rasul [sawas], yang telah dipuji sebanyak 'Ali.

2) Tidak ada bantahan pada apa yang kamu katakan, tetapi penghujahan telah timbul jika kamu katakan bahawa Rasul [sawas], semasa hayatnya, telah menjanjikan kepada beliau kedudukan khalifa. Kesemua teks [nas] ini bukanlah bukti yang mengukuhkan pada sokongan tuntutan yang sedemikian; ianya hanya menjelaskan sifat dan kemuliaan Imam, dan jumlah teks [nas] yang sedemikian terdapat lebih banyak lagi. Kami percaya bahawa beliau, semoga Allah merahmati wajahnya, layak kepada kesemuanya malah lebih lagi, dan saya amat pasti kamu telah menjumpai beberapa kali dan sebanyak itu lagi teks yang mengutarakan [cadangan] penamaan beliau sebagai khalifa. Tetapi penamaan tidak sama dengan ikatan perjanjian untuk khalifa, seperti yang kamu tahu, Wassalam.

Yang ikhlas,  
S

[1] Al-Hakim telah sebutkan pada ms 107 di dalam buku *Sahih* dari bukunya *Al-Mustadrak*. Al-Thahbi tidak memberikan sebarang ulasan padanya di dalam buku *Talkhis al-Mustadrak*.

[2] Ibn `Asakir, dan begitu juga ramai yang lain dari pengarang buku tradisi, kesemua mereka telah menyebutnya.

[3] Dari satu hadith yang disebutkan oleh al-Tabrani, Ibn Abu Hatim, dan ramai lagi pengarang buku tradisi. Ianya telah disampaikan oleh Ibn Hajar yang juga menyebutkan 3 hadith yang mendahuluinya didalam seksen 3, bab 9, ms 76 dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*.

[4] Ini telah disebutkan dari Ibn `Ayyash oleh penulis tarikh sejarah dan pengarang sunan, dan ianya terdapat di mana *Al-Sawa'iq al-Muhriqa* telah dirujuk.

[5] Seperti yang disebutkan oleh al-Salafi di dalam *Tayyuriyyat*, dan ianya telah disampaikan oleh Ibn Hajar dimana kami telah tunjukkan tidak lama dahulu ketika merujuk pada *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*.

[6] Ini telah diketahui benar mengenai mereka. Ibn Hajar telah menyalinnya pada permulaan seksen 2, bab 9, ms 72 dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*.

## SURAT 50

MENGAPA TAFSIRKAN TEKS [NAS] BAGI PIHAK DIRINYA SEPERTI PETUNJUK PADA IMAMNYA

### Muharram 13, 1330 H

Sesiapa seperti kamu, yang berfikir dengan mendalam, dikurniakan dengan pandangan yang jauh, yang menguasai punca-punca bahasa dan terbitannya, sedar akan maksud dan penambahannya, memperoleh petunjuk dari Rasul Allah [sawas], mempercayai di dalam kebijaksanaannya dan juga penamat kerasulan, berterima kasih pada tindakan dan juga kenyataan baginda [Dia tidak berkata-kata dari kehendaknya [53:3], sudah pasti tidak akan tersasar dari maksud teks yang demikian, tidak juga pada rumusannya, yang telah dihasilkan dari logik dan akal fikiran, tinggal terus menjadi rahsia pada diri. Adalah tidak mungkin bahawa kamu, seorang penguasa bahasa Arab yang terkenal [iaitu *athbat [7]*] seperti kamu, gagal untuk memahami bahawa teks ini semuanya telah memberikan kepada 'Ali suatu kedudukan yang amat tinggi, yang mana Allah awj dan RasulNya tidak akan berikan, melainkan kepada pengganti terhadap Rasul tersebut, kepadanya yang amat mereka percayai untuk bertanggung jawab diatas urusan agama mereka, dan menjadi penjaga agama yang sedemikian. Jika mereka tidak menunjukkan secara terang yang kedudukan khalifa itu untuk 'Ali, mereka pasti telah membayangkannya, yang membawa kepada pastinya pengertian yang sedemikian. Kewajipan yang sedemikian adalah nyata dari maksudnya yang tepat. Ketua para Rasul [sawas] adalah terlebih mulia dari memberikan kedudukan yang begitu tinggi kepada sesiapa sahaja selain dari penggantinya, wazirnya. Bahkan jika sesiapa meneliti dengan mendalam teks mengenai 'Ali [as] dan dengan berhati-hati dan saksama

memahami akan pengertiannya akan mendapati sebahagian besar menuju pada mengesahkan Imami beliau, menunjukkan padanya dengan kenyataan secara jelas, seperti yang disebutkan terdahulu dan seperti perjanjian pada al-Ghadir, atau perlunya pada kemuliaan, seperti yang disebutkan pada surat No. 48. Ambil sebagai contoh, kenyataan baginda [sawas], "Ali adalah bersama al-Quran dan al-Quran bersama 'Ali, mereka berdua tidak akan berpisah sehingga mereka bertemu dengan saya di tasek [Kawthar],"[8] dan kenyataan baginda [sawas], "Ali kepada saya adalah umpama kepala kepada badan,"[9] dan kenyataan baginda [sawas], menurut dari tradisi yang disampaikan oleh 'Abdul Rahman ibn 'Awf,[10] "Saya bersumpah dengan Dia yang memegang nyawa saya, kamu hendaklah mendirikan solat, membayar zakat, jika tidak saya akan menghantar kepada kamu seorang dari diri saya atau serupa diri saya," Kemudian Rasul [sawas] mengambil tangan 'Ali dan berkata: "Inilah dia" sehingga pada akhirnya, dari banyaknya teks yang serupa itu. Ini dengan jelas adalah satu faedah yang mana saya telah menarik perhatian semua yang mencari kebenaran, yang telah mendedahkan apa yang diragukan, menggali sedalamnya di dalam penyelidikan yang bebas. Baginda [sawas] telah mengikuti apa yang baginda sendiri faham dari segi kewajipan tanggung jawab moral terhadap teks suci tersebut; dengan tidak dipengaruhi oleh emosi dan kecenderungan peribadi, Wassalam.

Yang ikhlas,  
**Sh**

[7] "Athbat" adalah jamak bagi "thabat," dan "asnad" adalah jamak bagi "sanad," dan yang terkemudian bermaksud "hujjah," i.e. bukti atau penguasa.

[8] Ini telah disebutkan oleh al-Hakim pada ms 124, Vol. 3, dari bukunya *Al-Mustadrak*, begitu juga oleh al-Thahbi di dalam bukunya *Talkhis al-Mustadrak*. Kedua pengarang mengesahkan sahihnya hadith ini. Ianya adalah satu dari hadith yang terkenal. Sesiapa yang jahil akan fakta bahawa 'Ali adalah bersama al-Quran dan al-Quran adalah bersama 'Ali, setelah mempelajari tradisi yang sahih mengenai Dua Perkara yang Berat, i.e. Kitab dan 'Itrat (keturunan), dia hendaklah merujuk kepada apa yang kami telah sebutkan dalam hal ini di dalam surat kami No. 8 diatas, dan biarlah dia mengenali akan hak para Imam dari keturunan Rasul, sebagai ketua yang tidak dipertikai dan diragukan.

[9] Ini telah disebutkan oleh al-Khatib di dalam hadith yang disampaikan oleh al-Bara', dan oleh al-Daylami di dalam apa yang disampaikan oleh Ibn 'Abbas. Ianya telah disampaikan oleh Ibn Hajar pada ms 75 dari bukunya *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*; maka rujuk kepada hadith number 35 dari ahadith 40 yang disebutkan di dalam seksen 2, Bab 9 dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*.

[10] Ianya hadith number 6133, ms 405, Vol. 6, di dalam *Kanz al-'Ummal*. Mencukupi bagi kamu bukti bahawa jiwa 'Ali adalah sama dengan jiwa Rasul [sawas] pada pengajian ayat Mubahila menurut kepada penjelasan yang dikatakan oleh al-Razi di dalam bukunya *tafsir* bertajuk *Mafatih al-Ghayb*, ms 488, Vol. 2, dan rujuk juga pada apa yang kami telah sebutkan ketika mengatakan ayat ini.

## **SURAT 51**

**MENYANGKAL HUJAH MELALUI HUJAH YANG SAMA**

**Muharram 14, 1330 H**

Penentang mungkin menolak kenyataan kamu dengan mengatakan teks yang menamakan kemuliaan 3 khalifa rashidin, dan dengan mengatakan teks lain pada memuji generasi dari Muhajirin dan juga Ansar; jadi apa yang akan kamu katakan mengenainya?

Yang ikhlas,  
**S**

## **SURAT 52**

**PENOLAKKAN BANTAHAN PENENTANG**

**Muharram 15, 1330 H**

Kami percaya di dalam kemuliaan semua generasi semenjak dimasa Muhajirin dan Ansar, semoga Allah meridhai mereka dan mereka denganNya, dan ini diluar bilangan atau perhitungan. Ayat tertentu dari al-Quran,

sebagai tambahan kepada beberapa buku sahih sunni, pasti mencukupi untuk kamu pada pengesahan dalam hal ini. Kami telah menelitinya juga. Kami tidak menjumpainya sama sekali, dan Allah maha mengetahui, yang ianya bertentangan dengan teks yang memuji 'Ali [as], atau bahkan di dalam apa cara sekalipun yang boleh membatalkan beliau [dari khalifa]. Ya, penentang kami boleh berdiri sendirian di dalam menyampaikan hadith yang tidak sahih, menurut dari punca kami. Kegunaan mereka pada hadith yang sedemikian untuk menolak pandangan kami adalah ditolak dan tidak boleh diterima oleh pengadil yang tidak berpihak. Tidak terdapat masalah bagi kami untuk mempertimbangkannya secara serius. Tidakkah kamu lihat bagaimana kami tidak berhujah dengan menyebutkan teks yang disampaikan hanya dari punca kami? Sebaliknya, kami asaskan hujah kami dari penyampaian mereka mengenai kejadian seperti insiden Ghadir atau yang seumpamanya. Tetapi kami telah meneliti teks yang mengatakan kemuliaan itu yang dirakamkan oleh punca mereka, dan kami tidak menjumpai sebarang petanda di dalamnya yang menentang khalifa demikian, tidak juga terdapat apa-apa di dalamnya yang mengesyurkan, dan tiada siapa yang bergantung padanya di dalam membuktikan akan sahnya kedudukan tiga khalifa tersebut, Wassalam.

Yang ikhlas,  
Sh

### SURAT 53

#### MEMINTA HADITH BERHUBUNG DENGAN INSIDEN GHADIR

**Muharram 16, 1330 H**

Kamu telah berulang kali merujuk kepada insiden Ghadir. Tolong sampaikan ceritanya dari punca sunni supaya kami dapat melihat kepadanya, Wassalam.

Yang ikhlas,  
S

### SURAT 54

#### PANCARAN HADITH YANG BERKAITAN DENGAN INSIDEN GHADIR

**Muharram 18, 1330 H**

Bergantung pada penerimaan dari penyampai hadith, al-Tabrani dan ramai yang lain [1] telah menyebutkan Zayd ibn Arqam sebagai berkata:

"Rasul Allah [saw] suatu ketika menyampaikan syarahan di Ghadir Khumm dibawah lidungan beberapa pokok dengan berkata, 'Wahai ummah! Kelihatan kepada saya bahawa tidak lama lagi saya akan dipanggil dan akan menjawab panggilan itu.[2] Saya mempunyai tanggung jawab saya[3] dan kamu mempunyai tanggung jawab kamu;[4] dari itu, apa yang akan kamu katakan?' Mereka berkata: 'Kami menjadi saksi bahawa kamu telah menyampaikan pengkhabaran, berjuang dan menasihati [umma]; semoga Allah membalasnya dengan pembalasan yang terbaik dariNya.' Baginda bertanya kepada mereka: 'Tidakkah kamu juga menjadi saksi bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah hamba dan pesuruhNya, bahawa SyurgaNya adalah benar dan NerakaNya adalah benar, dan mati itu benar, dan hidup setelah mati itu benar dan hari kiamat akan tiba dan bahawa Allah akan menghidupkan semula yang mati dari kuburan mereka?' Mereka berkata: 'Ya, sesungguhnya, kami menjadi saksi kepada itu semua.' Baginda berkata: 'Wahai Tuhan bersaksilah bahawa mereka telah mendengarnya.' Kemudian Baginda berkata: 'Wahai ummah! Allah adalah mawla saya, dan saya adalah *mawla* (ketua) bagi yang beriman. Saya mempunyai lebih kuasa diatas diri mereka dari diri mereka sendiri;[5] dari itu, kepada sesiapa saya adalah *mawla* dia, ini ('Ali) adalah *mawla* dia[6] Wahai Tuhan berbaiklah dengan sesiapa yang berbaik dengan beliau, dan jadilah musuh kepada sesiapa yang menjadikan dirinya sebagai musuh beliau.' Kemudian baginda berkata: 'Wahai ummah! Saya akan mendahului kamu, dan kamu akan bersama saya di tasik [Kawthar] yang lebih luas jaraknya dari Basra ke San'a; ianya menggandongi seberapa banyak cawan-cawan perak seperti banyaknya bintang; dan saya bertanya kepada kamu apabila kamu bersama saya mengenai Dua Perkara Penting, bagaimana kamu meneruskan selepas saya di dalam berurusan dengan mereka; Perkara yang terbesar adalah kitab Allah awj, satu dari hujungnya berada ditangan Allah dan yang satu lagi ditangan kamu, maka berpegang teguhlah supaya kamu tidak sesat, dan keimanan kamu tidak akan mengalami perubahan; dan yang lain adalah Ahl al-Bayt saya, kerana yang maha Pemurah lagi maha Mengetahui telah memberitahu saya bahawa mereka berdua tidak akan berpisah sehinggalah mereka bersama dengan saya di Tasik.'"[7]

Di dalam seksen mengenai kemuliaan 'Ali di dala buku *Al-Mustadrak*, pengarang menunjukkan bahawa Zayd ibn Arqam[8] telah disebutkan melalui 2 punca, keduanya telah dikatakan dipercayai oleh kedua shaykh: al-Hakim [adalah satu dari puncanya] berkata bahawa Rasul Allah [saw] sekembalinya dari Haji Perpisahan, baginda berkhemah di Ghadir Khumm dan menyuruh yang beriman untuk membersihkan kawasan dibawah

beberapa pokok yang besar dimana mimbar dari anak-anak unta telah didirikan untuk baginda. Baginda berdiri dan berkata: "Ianya kelihatan seperti saya telah dipanggil dan akan menjawab panggilan itu, dan saya menyuruh kamu untuk memelihara kepada keduanya Kitab Allah dan keturunan saya; lihatlah bagaimana kamu berurusan dengan mereka selepas saya, kerana mereka tidak akan berpisah sehingga mereka bersama dengan saya di Tasik." Kemudian baginda menambah: "Allah awj adalah ketua saya, dan saya adalah ketua bagi semua yang beriman," kemudian baginda mengambil tangan `Ali dan berkata: "Kepada sesiapa sahaja saya telah menjadi ketuanya, maka ini `Ali adalah ketuanya; Wahai tuhan! Berbaik dengan sesiapa yang berbaik dengan beliau, dan jadilah musuh sesiapa yang membenci beliau." Pengarang telah menyebutkan hadith yang panjang ini keseluruhannya. Di dalam bukunya *Talkhis*, al-Thahbi menyebutnya dengan tidak memberikan ulasan padanya. Al-Hakim, juga menyebutnya seperti yang disampaikan oleh Zayd ibn Arqam di dalam *Al-Mustadrak*, mengakui kesahihannya. Walaupun dia tidak disenangi, al-Thahbi mengakui yang sama di dalam bukunya *Talkhis*, padanya kamu boleh rujuk. Imam Ahmed ibn Hanbal telah menyebutkan hadith yang sama seperti yang disampaikan oleh Zayd ibn Arqam iaitu:

"Kami bersama di dalam kumpulan Rasul Allah [sawas], apabila baginda berkhemah disatu lembah yang dipanggil Wadi Khumm, dan baginda memerintah semua supaya berkumpul untuk solat dipanas tengah hari Baginda kemudian memberikan syarahan kepada kami dibawah lindungan kain yang disangkutkan kepada pokok, untuk melindungi baginda dari panas matahari. Baginda berkata: 'Adakah kamu tahu – atau adakah kamu menjadi saksi – bahawa saya mempunyai lebih kuasa diatas nyawa mereka yang beriman dari diri mereka sendiri?' Mereka menjawab: 'Ya sesungguhnya.' Baginda berkata: 'Sesiapa menerima saya sebagai *mawla* dia, `Ali adalah *mawla* dia, Wahai tuhan! Berbaiklah kepada mereka yang berbaik dengan `Ali dan jadilah musuh mereka yang menentang `Ali.'"

Al-Nisa'i menyebut dari Zayd ibn Arqam yang mengatakan bahawa apabila Rasul [sawas] kembali dari haji perpisahan, dan setelah tiba di Ghadir Khumm, baginda memerintahkan tanah dibawah beberapa pohon yang besar dibersihkan. Baginda memberitahu: "Ianya kelihatan seperti saya telah diundang [kepada tuhan saya] dan saya telah menerima undangan itu, dan saya akan tinggalkan bersama kamu Dua Perkara Berat [Penting], satu darinya lebih besar dari yang lain: Kitab Allah dan keturunan saya, Ahlul al-Bayt; maka lihatlah bagaimana kamu menggantikan saya di dalam berurusan dengan kedua mereka, kerana mereka tidak akan berpisah sehingga mereka bersama dengan saya di Tasik." Kemudian baginda menambah: "Allah adalah ketua saya, dan saya adalah ketua (*mawla*) bagi setiap yang beriman." Mengambil tangan `Ali baginda menambah dengan berkata, "Kepada sesiapa saya adalah ketuanya, ini `Ali adalah ketuanya; Wahai tuhan! Berbaiklah dengan mereka yang berbaik dengan beliau, dan jadilah musuh kepada semua yang membenci beliau." Abul-Tufail berkata: "Saya bertanya kepada Zayd: 'Adakah kamu mendengar kata-kata ini dari Rasul Allah [sawas] sendiri?'"[9] Dia menjawab bahawa semua yang hadir disana di bawah pokok yang besar telah melihat Rasul dengan mata mereka sendiri dan mendengarkan baginda dengan telinga mereka sendiri. Hadith ini telah dirakamkan oleh Muslim di dalam bab pada menyebut sifat-sifat `Ali di dalam buku *Sahih* dari beberapa penyampai yang berlainan berakhir dengan Zayd ibn Arqam, tetapi dia meringkaskan dan memotong pendek – dan begitu juga yang dilakukan oleh sebahagian mereka yang lain.

Imam Ahmed telah merakamkan hadith ini dari al-Bara' ibn `Azib[10] dari dua aliran dengan berkata; ianya berbunyi: "Kami berada dengan kumpulan Rasul Allah [sawas] apabila kami berkhemah di Ghadir Khumm. Azan untuk solat jamaah telah dibuat. Kawasan pada dua batang pokok telah dipilih, dan telah disapu bersih. Baginda melakukan solat tengah hari kemudian mengambil tangan `Ali dan bertanya kepada khlayak ramai: 'Tidakkah kamu mengetahui bahawa saya mempunyai lebih kuasa diatas mereka yang beriman dari yang ada pada mereka sendiri?' Mereka menjawab: 'Ya sesungguhnya.' Baginda bertanya: 'Adakah kamu tahu bahawa saya mempunyai lebih kuasa diatas diri mereka yang beriman dari mukmin itu sendiri?' Mereka menjawab dengan mengesahkan, kemudian baginda mengambil tangan `Ali dan berkata: 'Sesiapa yang telah menerima saya sebagai ketuanya, ini `Ali adalah ketuanya; Wahai Tuhan! Berbaiklah dengan mereka yang berbaik dengan beliau, dan jadilah musuh dengan mereka yang memilih untuk menjadi musuh beliau.' Sejurus itu `Umer bertemu dengan beliau dan berkata kepadanya: 'Tahniah kepada kamu, anak kepada Abu Talib! Kamu telah menjadi, diwaktu pagi dan diwaktu petang, ketua bagi setiap mukmin lelaki dan wanita.'"

Al-Nisa'i telah menyebut `Ayisha anak perempuan Sa'd sebagai berkata bahawa dia telah mendengar bapanya berkata: "Saya telah mendengar Rasul Allah [sawas] pada hari di Juhfa, apabila baginda mengambil tangan `Ali dan menyampaikan syarahan, memuji dan menyanjung Allah, kemudian berkata: 'Wahai ummah! Saya adalah *wali* kamu' Mereka berkata: 'Kamu telah mengatakan yang benar.' Kemudian baginda mengangkat tangan `Ali dan berkata: 'Ini adalah wali saya keatas kamu, untuk melaksanakan tanggung jawab terhadap agama bagi pihak diri saya, dan saya menyokong sesiapa yang menyokong beliau dan saya adalah musuh kepada sesiapa yang memilih untuk menjadi musuh beliau.'"

Sa'd juga disebutkan sebagai berkata: "Kami berada bersama kumpulan rasul Allah [sawas]. Apabila kami sampai di Ghadir Khumm, mereka yang mendahului baginda telah kembali untuk bersama baginda, sedang baginda menunggu mereka yang tertinggal dibelakang, sehingga semuanya berkumpul. Kemudian baginda berkata: 'Wahai ummah! Siapakah wali kamu?' Mereka menjawab: 'Allah dan RasulNya.' Kemudian baginda mengambil tangan `Ali menyuruh dia berdiri dan berkata: 'Sesiapa yang telah mengambil Allah dan RasulNya sebagai wali, ini (`Ali) adalah walinya; Wahai tuhan! Berbaiklah dengan mereka yang berbaik dengan beliau dan jadilah musuh mereka yang memilih untuk menjadi musuh beliau.'"

Buku-buku tardisi yang merakamkan insiden ini adalah banyak dan tidak dapat dinyatakan semuanya disini. Semuanya mengandungi teks yang nyata menunjukkan bahawa Ali adalah wazir dan pengganti Rasul [sawas], seperti yang al-Fadl ibn al-Abbas Abu Lahab telah katakan:[11]

Dia yang hendak dikenali sebagai wazir, generasi selepas generasi,  
Selepas Muhammad, adalah `Ali; kerana beliau adalah teman baginda di dalam setiap lokasi.

Yang ikhlas,  
Sh

[1] Banyak penyampai yang terkenal telah mengesahkan kesahihannya, sehinggakan Ibn Hajar mengatakannya juga, menyebutkan dari al-Tabrani dan yang lainnya di dalam *shubha* (tuduhan) no 11 yang dia jelaskan pada ms 25, seksen 5, Bab 1, dari bukunya *Al-Sawa`iq al-Muhriqa*.

[2] Baginda telah memuji jiwanya yang suci hanya untuk menarik perhatian mereka kepada fakta bahawa masa telah tiba untuk menyempurnakan misi baginda, pada perlunya perlantikan terhadap penggantinya, dan bahawa baginda tidak dapat melengahkan lagi, kerana ditakuti baginda akan dipanggil untuk kembali [wafat] sebelum melaksanakan misi baginda yang akan membawa kepada kesempurnaannya, satu misi yang terlalu amat penting untuk ummahnya.

[3] Oleh kerana perlantikan terhadap saudaranya menjadi beban yang berat kepada mereka yang bertanding, cemburu, mengadakan perpecahan dan hipokrit, baginda [sawas] berhasrat, sebelum membuat kenyataan yang sedemikian, pertama sekali meminta maaf kepada mereka dengan harapan bahawa ianya akan menyentuh dan menyatukan hati mereka dan di dalam berterima kasih kepada kenyataan dan tindakan; baginda berkata: "Dan saya bertanggung jawab," supaya dengannya mereka akan mengetahui bahawa baginda menerima perintah, dan bahawa baginda bertanggung jawab pada melaksanakannya, maka baginda terpaksa melakukannya. Imam al-Wahidi, di dalam bukunya *Asbabul Nuzul*, menyebut dari Abu Sa`id al-Khudri sebagai berkata: "Ayat `Wahai Rasul sampaikan apa yang telah diwahyukan kepada kamu dari tuhan mu' telah diwahyukan pada hari Ghadir Khumm pada merujuk kepada `Ali ibn Abu Talib (as)."

[4] Dengan mengatakan "Kamu juga bertanggung jawab," baginda [sawas] mungkin telah menekankan, seperti yang disebutkan oleh al-Daylami dan yang lain di dalam *Al-Sawa`iq al-Muhriqa* dan buku yang lain dari Ibn Sa`id, bahawa kamu hendaklah mengikuti jejak langkah mereka, oleh kerana mereka bertanggung jawab terhadap *wilayat* `Ali. Imam al-Wahidi telah berkata: "Mereka bertanggung jawab terhadap *wilayat* `Ali dan Ahl al-Bayt." Maka tujuan pada mengatakan "dan kamu juga bertanggung jawab" adalah untuk memberi amaran mereka yang mempertikaikan kuasa wali dan wasinya.

[5] Ramai yang telah memikirkan terhadap syarahan ini, dengan memberikan perhatian padanya, dan mereka telah mengetahui bahawa intipatinya tidak lain dari rujukan kepada fakta bahawa wilayat `Ali adalah sama seperti akar umbi kepada keimanan dengan tanggung jawab beliau sendiri sebagai Imam, kerana Rasul [sawas] telah meletakkan pertama soalan: "Adakah kamu menjadi saksi bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah, dan bahawa Muhammad adalah hamba dan RasulNya?" Kemudian baginda berkata: "Waktunya akan tiba, tidak ada keraguan mengenainya, dan Allah pasti akan menghidupkan semula mereka yang ada di dalam kubur," diikuti dengan kenyataan yang di dalamnya baginda menyebut 'wilayat' supaya ianya dapat difahamkan yang terakhir juga sama pentingnya seperti perkara yang baginda telah tanyakan kepada mereka dan yang mana mereka telah persetujui. Ini amat nyata kepada semua yang memahami dan biasa dengan cara dan objektif percakapan.

[6] Kenyataan baginda: "Saya adalah mawla" adalah pengakuan baginda terhadap pentingnya fakta. Maksud "mawla" adalah: seorang yang "awla," status terpenting, terutama. Dari itu maksud kenyataan ini adalah: "Allah lebih utama dari saya, dan saya lebih utama dari yang beriman, dan sesiapa yang menganggap saya lebih utama dari dirinya hendaklah juga menganggap `Ali begitu."

[7] Perkataan hadith ini telah disebutkan oleh al-Tabrani, Ibn Jarir, al-Hakim al-Tirmithi, dari Zayd ibn Arqam. Ianya disampaikan oleh Ibn Hajar dari al-Tabrani dan yang lainnya dengan perkataan yang sama, dengan tidak mempersoalkan kesahihannya, maka rujuklah kepada muka surat 25 dari *Al-Sawa`iq al-Muhriqa*.

[8] Rujuk pada ms 21 dari *Al-Khasa'is al-'Alawiyya*, dimana Rasul [sawas] telah disebutkan sebagai berkata: "Kepada sesiapa sahaja saya adalah wali, ini (`Ali) adalah walinya.

[9] Soalan Abul-Tufayl dengan jelas menunjukkan kehairanannya terhadap ummah ini yang menangani perkara mengenai `Ali, walaupun dengan hadith yang disampaikan dari Rasulnya [sawas] di dalam penghormatan kepada beliau pada hari Ghadir. Seolah-olah meragui kesahihan hadith yang disebutkan, dia meneruskan dengan bertanya kepada Zayd, setelah mendengar dia menyebutkan yang sama, "Adakah kamu mendengarnya dari Rasul Allah?!" Nadanya adalah umpama seorang yang kehairanan, keliru dan ragu. Zayd menjawab bahawa semua individu yang hadir dibawah pokok tersebut, sesungguhnya telah melihat Rasul dengan matanya dan mendengar baginda dengan telinganya sendiri; dari itu, barulah Abul-Tufayl ketahui bahawa perkara itu adalah sama seperti al-Kumait, semoga Allah merahmati ruhnya, berkata:

Pada hari yang *didawh*, ya *dawh* di Ghadir,

Khalifa telah dijadikan untuknya jelas dan nyata

Bahkan saya tidak pernah melihat hari sedemikian

Tidak juga saya melihat yang hak

Di pijak dan dibuang begitu saja

Tetapi ummah telah melelongkannya, dan saya tidak pernah melihat

Yang begitu berharga ketempat lelongan telah pergi...

[10] Ini ada pada ms 281 dari buku *Al-Khasa'is al-'Alawiyya*, di dalam bab memperkatakan status `Ali di dalam pandangan Allah awj, dan juga pada ms 25 di dalam bab arahan untuk menerima *wilayat* beliau dan amaran terhadap bermusuhan dengan beliau.



[11] Ini adalah barisan syair yang telah digubal sebagai jawapan oleh al-Walid ibn `Uqbah ibn Abu Ma`it, disebutkan oleh Muhammad Mahmud al-Rafi`i di dalam pengenalan kepada *Sharh al-Hashimiyyat*, ms 8.

## SURAT 55

MENGAPA MENGGUNAKANNYA SEBAGAI TESTIMONI JIKA TIDAK DISAMPAIKAN SECARA MUTAWATIR [BERTURUTAN]?

**Muharram 19, 1330 H**

Shi'a menggunakan prinsip mutawatir [beturutan] apabila membincangkan Imami, disebabkan kepada fakta, bahawa mereka menganggap penyampaian secara mutawatir adalah satu dari prinsip iman; maka mengapa kamu menyebutkan hadith Ghadir di dalam menyokong hujah kamu, hadith yang sedemikian tidaklah mutawatir menurut pandangan sunni, walaupun kesahihannya telah disahkan di dalam buku-buku sahih mereka?

Yang ikhlas,  
S

## SURAT 56

- 1] HUKUM ALAM MENJADIKAN HADITH al-GHADIR MUTAWATIR
- 2] KEBAJIKAN [RAHMAT] ALLAH
- 3] PERHATIAN RASUL ALLAH [SAWAS]
- 4] PERHATIAN AMIRUL MUKMININ
- 5] PERHATIAN al-HUSAIN
- 6] PERHATIAN IMAM YANG SEMBILAN [AS]
- 7] PERHATIAN SHI'A
- 8] MUTAWATIR MELALUI UMMAH

**Muharram 22, 1330 H**

Cukuplah pada membuktikan penggunaannya sebagai hujah, dengan apa yang kami telah sebutkan di dalam surat 24 diatas.

1) Penyampaian secara mutawatir hadith Ghadir telah terjadi dari hukum alam, yang Allah telah jadikan. Persamaannya adalah seperti, perjanjian bersejarah yang terbesar telah dibuat oleh seorang pemimpin agung dari segala ummah ini, yang telah menyatakan dihadapan ribuan dari warganya, dengan mengambil langkah-langkah yang besar, supaya mereka dapat menyampaikan berita ini kepada negara dan ummah yang lain, terutama sekali jika perjanjian yang sedemikian dapat menikmati perhatian dari keluarga dan penyokongnya di dalam semua generasi yang akan datang, supaya dengan kenyataan yang sedemikian akan mendapat sebaran teramat luas yang mungkin. Bolehkah kenyataan sedemikian, yang begitu amat penting, disampaikan oleh, katakanlah, hanya seorang? Sudah pasti tidak. Beritanya akan tersebar seluas sinaran cahaya matahari pagi, yang menerangi semua tanah dataran dan juga lautan; 'Dan kamu tidak akan dapati sebarang perubahan kepada perintah Allah [33:62]."

2) Hadith al-Ghadir telah memenangi perhatian Allah awj, yang mengilhamkan kepada RasulNya [sawas], dan memasukan ke dalam kitabnya, yang dibacakan oleh Muslim walaupun jauh ditengah malam ataupun diawal pagi hari, dikhalayak ramai atau ditempat persendirian, di dalam doa dan juga solat, dari atas mimbar dan juga yang setinggi menara, telah mengatakan:

"Wahai Rasul! Sampaikan apa yang telah diwahyukan kepada kamu dari tuhan mu, dan jika kamu tidak melakukan, maka kamu tidak menyampaikan pengkhabaranNya sama sekali, dan Allah akan melindungi kamu dari [kejahatan] manusia." (5:67)[1]

Apabila baginda [sawas] menyampaikan pengkhabaran tuhan [iaitu apa yang dibayangkan oleh ayat ini], melantik 'Ali sebagai Imam dan mengamankan kepada beliau dengan kedudukan khalifa, Allah awj telah mewahyukan ayat yang berikut ini:

"Hari ini telah Saya sempurnakan agama kamu [Islam] untuk mu, mencukupkan rahmat Ku keatas mu, dan menerima Islam sebagai agama kamu." (5:3)[2]

Maka, tahniah demi tahniah telah diberikan kepada 'Ali, ini adalah kurniaan Allah, Dia berikan kepada sesiapa yang dikehendakinya. Sesiapa yang meneliti ayat ini, akan tertanam dengan mendalam dijiwanya terhadap kurniaan tuhan yang sedemikian.

3) Jika perhatian tuhan adalah yang sedemikian rupa, maka tidak hairanlah Rasul Allah [sawas] telah menunjukkan perhatian yang lebih mendalam, apabila kematian telah menghampiri baginda, semoga nyawa saya dikorbankan untuk baginda. Pada ketika itulah, menurut dari arahan yang baginda terima dari Allah awj,

baginda bersedia untuk menyatakan wilayat 'Ali semasa menunaikan haji yang mulia, di dalam kehadiran ramai saksi, tanpa merasa puas dengan kenyataan baginda yang terdahulu, seperti peringatan baginda di Mekah, atau diperistiwa yang lain, dengan sebahagian darinya kini kamu telah lebih mengetahui. Maka baginda mempelawa mereka-mereka yang beriman untuk bersama, di dalam mengerjakan haji baginda yang terakhir. Manusia dari segala pelusuk datang menyahut panggilan baginda dan tidak kurang dari 100 000 jemaah haji meninggalkan Madinah bersama baginda.[3] Pada hari berada di Arafat, baginda memberitahu yang hadir bahawa: "Ali adalah dari saya, dan saya adalah dari 'Ali, dan tiada siapa yang boleh menjalankan tanggung jawab [agama saya] bagi pihak diri saya melainkan 'Ali." [4] Dan apabila baginda kembali pulang dari Haji dan tiba dilembah Ghadir Khumm, malaikat Jibril turun kepada baginda dengan membawa "ayat al-tabligh," ayat pada menyampaikan pengkhabaran, dari Tuhan sekalian alam. Serta merta baginda berhenti disitu dan menunggu sehingga mereka yang tertinggal dan mereka yang mendahului dapat berkumpul bersama baginda. Apabila semuanya telah berkumpul, baginda mengerjakan solat fardu kemudian menyampaikan khutbah mengenai Allah awj, dan menekankan betapa pentingnya wilayat 'Ali. Kamu telah pun mendengar siaran berita yang disampaikan, dan apa yang kamu tidak dengar adalah yang lebih tepat dan lebih jelas, bahkan apa yang kamu telah dengar mencukupi bagi kamu. Berita ini telah dibawa bagi pihak baginda Rasul Allah [sawas] oleh orang ramai, kesemua yang ada bersama baginda ketika itu dan telah dianggarkan melebihi 100 000 jemaah dari berbagai tempat.

Perintah Allah awj yang tidak akan mengalami sebarang perubahan di dalam kejadianNya, membolehkan hadith ini disampaikan secara mutawatir walaupun terdapat berbagai halangan untuk menyampaikannya. Bahkan para Imam dari Ahl al-Bayt [as] telah mengikuti cara mereka tersendiri yang bijak pada menyiar dan menyebarkannya.

4) Rujuk pada yang terkemudian, saya cadangkan supaya kamu mempertimbangkan langkah-langkah yang diambil oleh Amirul Mukminin [as], ketika beliau menjadi khalifa, dan telah menggumpulkan manusia ditempat perjumpaan yang lapang, didataran Rahba. Beliau kemudian berkata: "Saya bertanya dengan nama Allah, setiap Muslim yang mendengar apa Rasul Allah [sawas] katakan pada hari Ghadir hendaklah bangun dan katakan apa yang didengarnya. Tiada siapa yang boleh berdiri melainkan mereka-mereka yang melihat Rasul dengan matanya, dan mendengar dengan telinganya sendiri." Tiga puluh sahabat, dua belas darinya mengambil bahagian di dalam Peperangan Badr, telah berdiri dan mengesahkan bahawa Rasul [sawas] memegang tangan 'Ali dan bertanya kepada manusia: "Adakah kamu tahu bahawa saya mempunyai lebih kuasa keatas yang beriman dari diri mereka sendiri?" Mereka menjawab dengan mengiakan. Baginda [sawas] kemudian berkata: "Kepada sesiapa saya adalah mawla, ini ('Ali) adalah *mawla*; Wahai tuhan! Berbaik kepada yang berbaik dengan beliau, dan jadilah musuh pada sesiapa yang memilih untuk menjadi musuhnya." Kamu tahu bahawa menuduh 30 sahabat sebagai pendusta adalah ditolak oleh hujah; dari itu pencapaian pada menyampaikan secara mutawatir melalui pengakuan mereka adalah bukti yang tidak boleh dibantah dan ditolak.

Hadith yang sama telah disampaikan dari mereka 30 sahabat, oleh semua manusia yang hadir di Rahba, dan yang telah menyebarkannya setelah mereka bersurai keseluruhan alam, dengan itu telah memberikan sebaran yang amat luas. Dan tentunya, insiden Rahba berlaku ketika khalifanya Amirul Mukminin [as] yang menerima bai'ah di dalam tahun 35 H. Peristiwa Ghadir berlaku semasa Haji Perpisahan 10 H. Waktu pemisah dari tarikh pertama dengan tarikh kedua adalah 25 tahun, di dalam masa tersebut banyak kejadian telah berlaku, bencana wabak penyakit, peperangan, pembukaan negara baru, dan penaklukan semasa pemerintahan tiga khalifa rashidin. Waktu tersebut, walaupun hanya suku abad, dalam tempuh yang sedemikian singkat, peperangan dan penaklukan, sebagai tambahan kepada wabak penyakit yang melanda, telah menamatkan banyak nyawa mereka-mereka yang telah menjadi saksi peristiwa Ghadir, terutama yang tua dari kalangan sahabat dan begitu juga yang muda yang tidak sabar untuk bertemu tuhan dengan melakukan jihad di jalanNya awj, iaitu di jalan yang ditunjukkan Rasul [sawas] sehinggakan yang terbunuh telah melebihi dari yang hidup. Sebahagian mereka telah tersebar dimuka bumi, dan kebanyakan mereka tidak hadir di Rahba melainkan hanya mereka-mereka yang sentiasa berdamping dengan Amirul Mukminin [as] di Iraq, dan mereka semuanya lelaki. Walaupun begitu 30 sahabat, 12 darinya adalah veteran Peperangan Badr, telah mendengar hadith al-Ghadir dari Rasul Allah [sawas].

Mungkin terdapat juga yang lain, yang benci untuk mengaku, seperti Anas ibn Malik[5] dan lainnya yang telah menerima pembalasan yang setimpal diatas doa Amirul Mukminin [as] kepada Allah supaya menghukum mereka yang menyembunyikan kebenaran, sedang mereka tahu mengenainya. Jika beliau dapat mengumpulkan semua sahabat yang hidup diketika itu, lelaki dan wanita, dan berkata kepada mereka dengan cara yang sama yang beliau gunakan di Rahba, berganda banyaknya yang akan mengaku; dari itu apakah kiranya jika beliau dapat bertanya manusia di Hijaz sebelum masa berlalu begitu lama selepas insiden Ghadir? Fikirkanlah fakta ini dan kamu akan mendapat bukti yang kuat mengesahkan hadith al-Ghadir telah disampaikan secara mutawatir.

Mencukupilah bagi kamu dokumentasi hadith al-Ghadir dari buku-buku tradisi. Ambillah sebagai contoh, apa Imam Ahmed telah sebutkan pada ms 370, Vol 4, dari buku *Musnad* dari Abul Tufayl yang telah berkata: "'Ali telah menggumpulkan manusia di Rahba, kemudian beliau berkata kepada mereka: 'Saya meminta dengan nama Allah supaya setiap Muslim yang mendengar apa yang Rasul Allah [sawas] telah katakan pada hari Ghadir hendaklah mengatakan pengesahannya.' 30 orang berdiri." Abu Na'im telah berkata: "Ramai yang bangun dan mengatakan bagaimana Rasul [sawas] mengambil tangan 'Ali dan bertanya kepada manusia: 'Tahukah kamu bahawa saya mempunyai lebih kuasa diatas diri mereka yang beriman dari diri mereka

sendiri?' Mereka menjawab: 'Kami tahu, Wahai Rasul Allah!' Kemudian baginda berkata: 'Kepada sesiapa saya adalah mawla, ini 'Ali adalah *mawla*; Wahai tuhan! Berbaiklah dengan mereka yang berbaik dengan beliau dan jadilah musuh bagi sesiapa yang menjadikan dirinya musuh beliau.'" Abul-Tufail meneruskan berkata: "Saya meninggalkan tempat itu dengan rasa keciwa (meluat dengan ramainya manusia yang jahil mengenai hadith ini), dan saya bertemu Zayd ibn Arqam dan berkata kepadanya: 'Saya telah mendengar 'Ali berkata demikian dan demikian.' Zayd berkata: 'Maka janganlah menafikan bahawa kamu telah mendengar Rasul Allah [sawas] mengatakan yang demikian mengenai beliau.'"

Kenyataan Zayd diatas dan kenyataan 'Ali dalam hal ini, bolehlah ditambahkan kepada kenyataan 30 sahabat, maka jumlah penyampai kepada hadith ini adalah 32 orang. Imam Ahmed telah merakamkan hadith 'Ali pada ms 119, Vol. 1, dari *Musnad* seperti yang disampaikan oleh Abdul-Rahman ibn Abu Layla. Yang terkemudian berkata: "Saya melihat 'Ali di Rahba meminta manusia untuk mengatakan, tetapi menekankan bahawa hanya yang melihat dan mendengar Rasul [sawas] sahaja yang boleh berdiri dan mengatakan. 12 veteran peperangan Badr, yang saya betul-betul ingat, seakan saya melihat kepada mereka sekarang, telah mengatakannya." Abdul-Rahman menyebutkan yang terkemudian bahawa mereka mendengar Rasul Allah [sawas] bertanya kepada manusia pada hari Ghadir: "Tidakkah saya mempunyai lebih kuasa diatas mereka yang beriman dari diri mereka sendiri, dan isteri-isteri saya adalah ibu-ibu mereka?" Hadirin menjawab: "Sesungguhnya Ya, Rasul Allah!" Kemudian baginda berkata, seperti Abdul-Rahman menyebutkan dari beliau, "Maka sesiapa yang mengambil saya sebagai mawla hendaklah mengambil 'Ali sebagai mawla; Wahai tuhan berbaiklah dengan mereka yang berbaik dengan beliau dan jadilah musuh sesiapa yang memusuhi beliau!"

Sebutan yang lain yang dirakamkan oleh Imam Ahmed pada muka surat yang sama. Ianya menyebut Rasul [sawas] sebagai berkata: "Wahai tuhan! Berbaiklah dengan mereka yang mengambil beliau sebagai wali dan menjadi musuh mereka yang menyakiti beliau; sokonglah sesiapa yang menyokongnya dan abaikan sesiapa yang mengabaikan beliau." Sebutan itu terus mengatakan bahawa dengan pengecualian 3 orang, dari para saksi yang bangun untuk mengesahkan. 'Ali meminta Allah untuk mengutuk mereka yang menyembunyikan kebenaran, dan doa beliau telah dikabulkan. Jika kamu tambahkan 'Ali dan Zayd ibn Arqam kepada yang disebutkan dahulu, 12 yang mengambil bahagian di dalam Peperangan Badr, maka 14 adalah yang jelas bagi jumlah saksi. Dengan menyusur semua tradisi mengenai insiden Rahba, 'Kebijaksanaan 'Ali nampak jelas di dalam menyiarkan hadith al-Ghadir dan menyebarkan untuknya.

5) Ketua para syuhada, Abu Abdullah al-Husain [as], telah meninggalkan untuk kita warisan, pendirian yang tidak boleh dilupakan yang diambilnya ketika pemerintahan Mu'awiyah. Maka pada ketika itulah yang benar menjadi jelas. Ianya adalah sama seperti yang dilakukan oleh 'Ali di Rahba. Semasa musim haji, al-Husain (as), dikelilingi oleh ramai jamaah, telah memuji datuknya, bapa, ibu dan saudaranya dan menyampaikan pidato yang fasih, lancar lagi bijak yang tidak ada sepertinya, dan yang telah menambat hati, dan minda penontonnya. Pidato beliau merangkumi semua aspek, yang mana telah menyedarkan masyarakat, menyusur dan menyelidik sejarah, dan memberikan insiden Ghadir penjelasan yang sepatutnya. Tindakannya telah memberikan hasil yang amat besar dan menjadi seakan sama dengan hadith al-Ghadir di dalam kemasyhuran dan luas sebarannya.

6) Sembilan keturunannya adalah Imam yang ma'sum, telah menggunakan cara mereka tersendiri untuk menyiar dan menyebarkan hadith yang sama. Cara mereka membayangkan kebijaksanaan mereka yang telah difahami oleh semua yang mempunyai fikiran. Mereka menggunakan 18 Dzul Hijjah sebagai jamuan tahunan yang khas untuk saling mengucapkan tahniah, bersuka ria dan merendah diri mencari kepada kedekatan dengan Allah awj, melalui berpuasa, solat dan berdoa. Mereka lakukan lebih dari kebiasaan di dalam melakukan kebajikan, beramal, bersyukur kepada Allah diatas segala rahmat yang dianugerahkan kepada mereka pada hari tersebut dengan kemuliaan teks yang melantik Amirul Mukminin [as] sebagai khalifa, dan janji Ilahi kepada beliau untuk menjadi Imam. Mereka akan menziarah kerabat mereka, memberi dengan lebih murah hati kepada keluarga, ziarah sanak saudara, menjaga jiran tetangga dan mengarahkan pengikut mereka untuk melakukan yang sama.

7) Untuk sebab ini 18 Thul-Hijjah bagi setiap tahun telah diraikan sebagai satu pesta oleh Shi'a di setiap masa dan waktu.[6] Pada hari itu mereka berlumba kemasjid untuk menunaikan solat wajib dan sunnah, membaca al-Quran, dan membaca doa yang terbaik sebagai tanda berterima kasih kepada Allah awj kerana telah menyempurnakan agamaNya dan mencukupkan rahmatNya keatas mereka dengan melantik Amirul Mukminin [as] sebagai Imam [di dalam pengetahuan keagamaan dan juga sekular]. Pada hari itulah mereka saling pergi menziarahi dan saling mengucapkan yang terbaik dengan kegembiraan, mencari kedekatan kepada Allah dengan amalan kabajikan dan kebenaran, dan melalui mengembirakan kerabat dan tetangga. Pada hari itu juga, pada setiap tahun mereka menziarahi pusara Amirul Mukminin [as], dimana tidak kurang dari 100 000 jamaah datang berkunjung dari segala pelusuk. Disana, mereka beribadah kepada Allah pada hari itu dengan cara yang sama para Imam yang disucikan beribadah kepadaNya: melaui berpuasa, doa dan dzikir kepada Allah. Mereka mencari kedekatan kepada Allah dengan amalan kebaikan dan memberi *sadaqat*. Mereka tidak berlalu dari makam yang suci sebelum mengucapkan kata-kata yang dikarangkan oleh sebahagian dari Para Imam mereka. Ianya termasuk mengakui kemuliaan pendirian yang diambil oleh Amirul Mukminin [as], menghormati keberanian dan perjuangan beliau pada meletakkan asas kepada prinsip keimanan, khidmat beliau kepada Ketua segala para Nabi dan Rasul [sawas], dan keutamaan dan kemuliaan beliau, diantaranya adalah kehormatan yang diterimanya dari Rasul pada hari Ghadir. Ini adalah adat kebiasaan bagi shi'a setiap tahun. Pemidato mereka selalu merujuk kepada hadith al-Ghadir, menyebutkan tradisinya dengan tidak perlu

melihat kepadanya dan para penyair mereka telah terbiasa pada mengubah syair pada mengingat di masa silam dan juga di masa sekarang;[7] dari itu, tidak ada cara untuk menimbulkan keraguan mengenai ianya telah disampaikan secara mutawatir dari punca Ahl al-Bayt (as) dan Shi'a mereka. Motif mereka untuk menghafalnya, usaha mereka untuk mengekalkan teksnya, memelihara kesahihannya, menyiar dan menyebarkannya..., semuanya telah menghasilkan pencapaian yang paling dihasrat. Rujuklah kepada kesemua 4 buah buku utama musnad Shi'a, begitu juga rujukan Shi'a yang lain, semuanya mengandungi dokumentasi yang sempurna dan disokong oleh tradisi, dan kamu akan dapati setiap satu darinya menggemakan erti yang sama, dan setiap tradisi menyokong yang lain. Sesiapa yang mempelajari hadith ini akan mendapati ianya adalah mutawatir melalui puncanya yang berharga.

8) Tidak terdapat keraguan mengenainya disampaikan secara mutawatir melalui punca sunni, menurut perundangan alam, seperti mana kamu telah mengetahuinya; "Tidaklah bertukar apa yang dijadikan Allah, ini adalah Petunjuk Sebenar, tetapi ramai manusia tiada mengetahuinya." (Qur'an, 30:30) Pengarang buku *Al-Fatawa al-Hamidiyya*, walaupun amat degil orangnya, mengakui mutawatir [cara sampaianya] hadith ini di dalam penulisan ringkas bukunya berjudul *Al-Salawat al-Fakhira fil Ahadith al-Mutawatira*." Al-Sayyuti dan ulama tafsir lainnya, semua mengakui yang sama. Rujuk kepada Muhammad ibn Jarir al-Tabari, pengarang buku terkenal "Tafsir" dan "Tarikh," Ahmed ibn Muhammad ibn Sa'id ibn Aqdash, Muhammad ibn Ahmed ibn 'Uthman al-Thahbi, semuanya telah menulis kritik pada punca hadith ini. Setiap seorang dari mereka telah menulis sebuah buku pada perkara ini. Ibn Jarir memuatkan di dalam bukunya sebanyak 105 punca untuk hadith ini sahaja.[8] Al-Thahbi, walaupun seorang yang fanatik, telah mengakui kebenaran pada kebanyakan dari puncanya. Di dalam Bab 16 dari *Ghayat al-Maram*, sebanyak 80 hadith disampaikan oleh sunni, mengakui terhadap sahihnya hadith Ghadir. Malah dia tidak menyebutkan al-Tirmithi, al-Nisai, al-Tabrani, al-Bazzar, Abu Ya'li, atau beberapa penyampai yang lain, yang menyampaikan hadith ini. Al-Sayyuti menyebutkan hadith ini ketika membincangkan 'Ali di dalam bukunya *Tarikh al-Khulafa'* yang disampaikan oleh al-Tirmithi, dengan menambah, "Hadith ini juga dirakamkan oleh by Ahmed seperti yang disampaikan oleh 'Ali (as), dan juga oleh Ayyub al-Ansari, Zayd ibn Arqam, 'Umer [ibn al-Khattab], dan Thu Murr. Abu Ya'li menyebutnya dari Abu Hurayrah, al-Tabrani dari Ibn 'Umer dan dari Ibn Abbas seperti yang disampaikan oleh Malik ibn al-Huwayrith, Habshi ibn Janadah, dan Jarir, dan juga oleh Ammarah and Buraydah."

Satu bukti tanda mashornya hadith ini adalah dari fakta bahawa Imam Ahmed merakamkannya di dalam buku *Musnad* dari Riyadh ibn al-Harith seperti yang disampaikan dari dua punca. Ianya mengatakan bahawa sekumpulan manusia datang bertemu 'Ali [as] dan berkata: "Assalamu Alaikum, *mawla kami*." Imam bertanya siapakah mereka, dan mereka menjawab kepada beliau dengan berkata bahawa mereka adalah rakyat beliau. Imam bertanya kepada mereka: "Bagaimana saya boleh menjadi *mawla kamu*, sedang kamu adalah [orang asing] Arab badwi?" Mereka berkata: "Kami telah mendengar Rasul Allah [sawas] pada hari Ghadir berkata: 'Sesiapa saya adalah *mawlanya*, 'Ali adalah *mawlanya*.'" Riyadh berkata bahawa apabila mereka pergi, dia mengikuti mereka dan bertanya kepada mereka, siapakah sebenarnya mereka, dan mereka berkata kepadanya: "Kami adalah sekumpulan Ansar di dalam kumpulan Abu Ayyub al-Ansari." Satu lagi bukti tentang kemashurannya adalah apa yang telah dirakamkan oleh Abu Ishaq al-Tha'labi ketika menerangkan Surah al-Ma'arij di dalam bukunya *Al-Tafsir al-Kabir*, bergantung pada dua punca yang sangat dipercayai, dan mengatakan yang berikut:

Rasul Allah [sawas] mengarahkan manusia pada hari Ghadir supaya berkumpul, kemudian baginda mengambil tangan 'Ali dan berkata: "Sesiapa yang menerima saya sebagai *mawlanya*, 'Ali adalah *mawlanya*." Berita tentang kenyataan ini telah tersebar disegala pelusuk, dan al-Nu'man al-Fahri mendapat tahu mengenai hadith ini. Menunggang untu betinanya, dia pergi bertemu dengan Rasul Allah [sawas]. Setelah turun, dia mengatakan yang berikut kepada Rasul: "Wahai Muhammad! Kamu memerintahkan kami untuk menjadi saksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan bahawa kamu adalah Rasul Allah, dan kami patuh; kemudian kamu mengarahkan kami untuk melakukan solat 5 kali sehari, dan kami setuju; kemudian kamu mengarahkan kami untuk membayar zakat, dan kami setuju; kemudian kamu menyuruh kami berpuasa dibulan Ramadhan dan kami setuju; kemudian kamu menyuruh kami mengerjakan Haji dan kami setuju; kemudian seakan-akan semua ini tidak mencukupi, kamu mengutamakan sepupu kamu dari kami semua dan berkata 'Sesiapa menerima saya sebagai *mawlanya*, 'Ali adalah *mawlanya*;' adakah ini satu dari arahan kamu, atau ianya Allah?" Baginda [sawas] menjawab: "Saya bersumpah dengan tuhan yang Esa, bahawa ini adalah arahan dari Allah awj;" Yang mana al-Harith pergi menuju kearah untanya sambil merungut dengan berkata kepada dirinya: "Wahai tuhan! Jika apa Muhammad (sawas) kata adalah benar, maka jadikahlah hujan batu, atau jadikan bencana menimpa kami." Dia belum sepat sampai kepada untanya Allah telah menyebabkan seketul batu menimpa kepalanya, menembusi badan dan keluar melalui saloran najisnya, meninggalkan dia mati ditempat itu juga. Di dalam merujuk kepada insiden ini Allah awj mewahyukan ayat yang berikut:

"Seorang yang membawa soalan [kepada Rasul] meminta hukuman yang pasti – yang tidak dapat dielakkan oleh mereka yang menolak kebenaran – dari Allah, ....."[9] (Qur'an, 70:1-3)

Inilah caranya tradisi ini disebutkan secara tepat,[10] disudahi. Kesahihannya diterima oleh ramai ulama sunni sebagai satu kenyataan, Wassalam.

Yang ikhlas,  
Sh

[1] Kami tidak pertikaikan ianya diwahyukan di dalam merujuk wilayah 'Ali pada hari Ghadir, dan penyampai kami dari punca keturunan yang disucikan adalah mutawatir. Mencukupi buat kamu untuk rujukan pada penyampaian oleh yang lain, selain dari yang terkemudian apa yang Imam al-Wahid telah sebutkan di dalam penafsiran Surah al-Ma'ida pada ms 150 dari bukunya *Asbabul Nuzul* dari dua punca yang dipercayai: 'Atiyyah dan Abu Sa'id al-Khudri. Pengarangnya berkata: "Ayat ini [iaitu bacaannya: "Wahai Rasul sampaikan apa yang telah diwahyukan kepada kamu dari tuhan mu "] telah diwahyukan pada hari Ghadir merujuk kepada 'Ali ibn Abu Talib (as)." Yang sama juga telah disampaikan oleh al-Hafiz Abu Na'im yang mentafsirkan di dalam bukunya *Nuzul al-Qur'an* bergantung pada dua punca satu darinya adalah Abu Sa'id dan yang lainnya adalah Abu Rafi'. Ianya juga disampaikan oleh Imam Ibrahim ibn Muhammad al-Hamawaini al-Shafi'i di dalam bukunya *Al-Fawa'id* dari beberapa punca berakhir dengan Abu Hurayrah. Ianya telah disebutkan oleh Imam Abu Ishaq al-Tha'labi ketika menjelaskan ayat ini di dalam bukunya *Al-Tafsir al-Kabir* dari dua punca yang dipercayai. Apa yang mengesahkan yang ianya merujuk kepada 'Ali [as] adalah fakta bahawa solat telah didirikan, *zakat* telah dikuatkuasakan, puasa telah dikanunkan [diperundangkan], Haji ke baitullah telah dilakukan, apa yang diperbolehkan [halal] telah diperjelaskan dan juga dengan apa yang diharamkan, Shari'ah telah pun dilaksanakan dan perundangannya telah dikuatkuasakan; dari itu apalagi yang memerlukan bagi Allah untuk menekankan keutamaan selain dari isu khalifa, yang satu ini telah membuatNya menekan kepada Rasul dengan cara yang hampir sama seperti ancaman? Dan mengenai apa, jika bukan khalifa, bolehkah Rasul [sawas] merasakan sesuatu yang buruk akan berlaku jika baginda tidak menyampaikannya, sesuatu yang memerlukan perlindungan dari Allah sendiri terhadap sebarang bencana yang akan berlaku dari pelaksanaan tugas ini?

[2] *Buku sahihs* yang mendokumenkan peristiwa ini bahawa perlunya ayat ini diwahyukan adalah berturutan melalui puncanya dari keturunan yang disucikan [as]. Kami tidak meragui apa yang disampaikan oleh keturunan Muhammad [sawas] walaupun apabila al-Bukhari mengatakan bahawa ayat itu diturunkan pada hari 'Arafat, kerana ahli rumah Rasul tahu apa yang diwahyukan di dalam rumah mereka.

[3] Sayyid Ahmed Zayni Dahlan, di dalam bab Haji perpisahan di dalam bukunya *Al-Sirah al-Nabawiyya* [Biografi Rasul], menulis: "Sembilan puluh ribu – sebahagian mengatakan 124 000, sedang yang lain katakan lebih banyak lagi – yang bersama baginda [sawas] dari Medina, dan ini hanyalah angka kasar jumlah manusia yang bersama baginda," pada penghujung kenyataannya, darinya kamu tahu bahawa mereka yang pulang bersama baginda adalah lebih dari 100 000, dan mereka semua saksi hadith Ghadir.

[4] Kami telah sebutkan hadith ini di dalam surat kami no 48; maka jika kamu rujuk kepadanya kamu akan menjumpai sampian yang tepat no 15 di dalam rujukan yang disebutkan; surat yang sama juga merujuk kepada ulasan padanya dengan cara yang perlu mendapat perhatian para penyelidik.

[5] Beliau [as] berkata kepadanya kemudian: "Mengapa kamu tidak berdiri bersama sahabat Rasul Allah [sawas] yang lain dan mengatakan pada apa yang kamu dengar dari baginda ketika itu?" Dia menjawab: "Wahai Amirul Mukminin! Saya telah menjadi tua, dan saya telah lupa mengenainya." 'Ali (as) berkata: "Jika kamu berdusta, maka Allah akan mengenakan kamu dengan penyakit sopak, yang mana serban kamu tidak dapat melindunginya." Dia tidak sempat berlalu sebelum mukanya dipenuhi dengan tanda-tanda putih sopak, maka dia selalu berkata: "saya telah menjadi bahan terhadap kutukan yang dipinta oleh hamba yang beriman." Insiden ini amat mashor juga, dan kenyataan terhadap kesahihannya terdapat apabila Imam Ahmed ibn Hanbal menyebutnya pada penghujung ms 119, Vol. 1, dari *Musnad*, dengan tambahan: "Mereka semua, melainkan 3 orang, bangun untuk memberikan pengesahan, dan yang tiga itu jatuh kedalam kutukan tersebut."

[6] Ibn al-Athir, ketika mengatakan peristiwa penting yang berlaku di dalam tahun 352 di dalam buku *Kamil*, dia mengatakan yang berikut ini pada ms 181, Vol. 8, dari buku sejarahnya: "Pada 18 Dzul-Hijjah pada tahun itu, Mu'izz al-Dawla mengarahkan perhiasan hendaklah dipasang di Baghdad, lampu hendaklah dinyalakan ditempat kediaman polis, dan segala hiasan hendaklah dipasang; maka tempat-tempat pasar dibuka pada malamnya sama seperti malam aid [raya], dia lakukan itu semua untuk menyambut aid al-Ghadir, Ghadir Khumm. Gendang telah dipalu, terumpet ditiup, ianya perayaan yang tidak boleh dilupakan."

[7] Al-Kumait ibn Zayd telah berkata:

Pada hari *dawh*, hari *dawh* Ghadir,

Dijadikan khalifa jelas untuknya: untuk mereka mematuhi...

Abu Tammam, di dalam syairnya, yang di muatkan di dalam bukunya *diwan*, telah berkata:

Pada hari Ghadir, kebenaran terlihat jelas dan terang;

Terdedah, tanpa tirai dan jerejak besi untuk mengadang;

Rasul Allah berdiri disana sedang mengundang;

Untuk hampir kepada yang adil dan juga benar,

Menunjukkan dengan tangannya, mengenalkan wali;

Dan mawla [kamu]; bahkan lihat apa terjadi pada kamu dan kami!

Baginda bawakan berita kepada manusia dengan begitu fasih,

Sedang mereka datang merunggut, dan pergi merunggut juga,

Bahkan dia jadikan kebenaran terus bersinar,

Sedang mereka merampas hak kamu dan juga teman.

Kamu jadikan suratannya setajam mata pedang:

Dan kuburanlah untuk mereka yang hendak berpegang teguh.....

[8] Pengarang *Ghayat al-Maram* berkata pada penghujung bab 16, ms 89, dari bukunya: "Ibn Jarir telah menyebut hadith Ghadir dari 95 punca di dalam sebuah buku yang ditulis khas atas perkara ini, memanggilnya *Al-Wilayat*, dan Ibn 'Uqdah telah menyebutnya dari 105 punca ditulis dalam sebuah buku yang dikhususkan

dalam perkara ini. Imam Ahmed ibn Muhammad ibn al-Siddiq al-Magharibi telah mengatakan bahawa keduanya al-Thahbi dan Ibn `Uqdah telah mengkhususkan satu buku hanya untuk hadith ini;" maka rujuklah pada syarahan di dalam bukunya yang berharga ini, diberi judul *Fath al-Malik al-`Ali Bisihhati Babil `Ilm `Ali*.

[9] Ini disebutkan dari al-Tha`labi oleh sekumpulan pemuka sunni, seperti ulama al-Shiblinji dari Egypt di dalam biografi `Ali di dalam bukunya *Nurul Absar*; maka kamu boleh rujuk padanya di muka surat 11, jika kamu berhajat

[10] Rujuk kepada apa al-Halabi telah sebutkan dari kata-kata yang berkaitan kepada Haji Perpisahan di dalam bukunya yang dikenali sebagai *Al-Sira al-Halabiyya* dan kamu akan menjumpai hadith ini pada penghujung muka surat 214 dari jilid ke 3.

## SURAT 57

1] PENAFSIRAN HADITH al-GHADIR

2] HUBUNG KAITNYA

**Muharram 25, 1330 H**

1) Mempercayai di dalam kebenaran para sahabat memerlukan pada penafsiran hadith al-Ghadir, sama ada ianya disampaikan secara mutawatir atau tidak. Untuk sebab ini, sunni telah mengatakan bahawa "mawla" membawa kepada beberapa pengertian, yang mana semuanya telah digunakan di dalam al-Quran. Ia mungkin bererti 'berhak,' seperti Allah awj berkata apabila Dia berkata kepada musyrik: 'Tempat kediaman adalah api; ianya adalah mawla kamu,' bererti "Kamu berhak dengan hukuman api." Maksud yang lain adalah 'penyokong,' seperti Allah awj berkata: "Ianya adalah begitu kerana Allah adalah mawla bagi mereka yang beriman, dan yang kafir tidak mempunyai mawla." Ianya juga bererti 'waris,' seperti di dalam kenyataan Allah awj: "Untuk setiap orang, Kami telah adakan *mawali* [*mawlas*] dari warisan orang tua dan juga kerabat," bererti waris. Ianya juga bererti 'kerabat,' seperti dengan jelas telah difahami dari ayat yang berikut dari Allah awj: "Saya takut pada *mawali* selepas saya," bererti kerabat. Ianya juga bererti 'kawan,' seperti ayat ini katakan: "Pada hari itu tidak ada *mawla* yang dapat melakukan apa-apa yang baik untuk menolong *mawlanya*." "Wali" juga bererti seorang yang paling layak untuk mengurus akan urusan orang lain, seperti yang boleh kita katakan: "Encik sekian sekian adalah wali bagi kanak-kanak ini." Ianya juga bermaksud 'penyokong,' dan "yang dikasihi." Sebahagian mereka telah berkata: "Intipati hadith ini boleh jadi `Sesiapa yang saya telah sokong, berbaiklah, atau kasihi' kerana `Ali adalah yang sedemikian, dan maksud ini bersesuaian dengan kehormatan yang dinikmati oleh mereka yang baik terdahulu, dan dengan imami bagi ketiga khalifa, semoga Allah meridhai mereka.

2) Ianya mungkin juga, bahawa sebahagian manusia menganggap hadith ini merujuk kepada `Ali hanya disebabkan kerana seorang dari sahabat `Ali di Yemen telah melihat polisinya yang tidak bertolak ansur di dalam melaksanakan perintah Allah, dari itu dia mengatakan yang buruk mengenai beliau; atas sebab ini, Rasul [sawas] tidak suka terhadap atitiut mereka dan berdiri pada hari Ghadir, memuji Imam dan memuliakan khidmatnya, menarik perhatian kepada kehormatannya dan mempertahankan nama beliau dari mereka yang hendak menghancurkannya. Teks yang digunakan oleh kumpulan ini menunjukkan pada pengertiannya di dalam khutbah ini adalah, Rasul [sawas] memuji `Ali khususnya, dengan berkata: "Sesiapa saya adalah *walinya*, `Ali adalah *walinya*," dan Ahl al-Baytnya secara umum, baginda telah berkata: "saya tinggalkan dengan kamu Dua Perkara Berat: Kitab Allah dan keturunan saya, Ahl al-Bayt;" maka baginda hanya mengesyurkan bahawa mereka hendaklah memuliakan `Ali secara khusus dan keluarganya secara umum. Mereka katakan bahawa kenyataan yang sedemikian tidak juga menyatakan `Ali sebagai pengganti baginda, tidak juga ianya menjelaskan Imami untuk beliau, Wassalam.

Yang ikhlas,  
S

## SURAT 58

1] HADITH al-GHADIR TIDAK BOLEH DITAFSIRKAN

2] DALIH PENAFSIRANNYA ADALAH SPEKULASI DAN MENYIMPANG

**Muharram 27, 1330 H**

1) Bagaimanapun saya dapat merasakan bahawa hati kamu tidak merasa puas dengan apa yang kamu sendiri katakan, dan dengan itu jiwa kamu tidak merasa tenteram! Kamu percaya kepada Rasul Allah [sawas] dan memuji kebijaksanaannya yang cemerlang, ma'sum, penutup bagi para Anbia, yakin bahawa baginda adalah ketua bagi mereka yang bijaksana, dan penamat para Rasul: "Dia tidak berkata-kata dari kehendaknya, ianya tidak lain adalah wahyu yang diwahyukan; dia telah diajari oleh yang Maha Berkuasa (Qur'an, 53:3-5)."

Katakanlah seorang filosofi dari lain agama bertanya kepada kamu mengenai kata-kata hari Ghadir:

"Mengapa baginda [sawas] menahan semua, ribuan para sahabat dari meneruskan perjalanan, mengumpulkan mereka semua di waktu tengah hari tegak pada dataran yang sangat panas? Mengapa baginda memastikan untuk memanggil semula mereka yang terdahulu, dan menanti mereka yang terkemudian? Mengapa baginda berkhemah dengan mereka ditempat yang gersang yang tidak mempunyai air atau tumbuh-tumbuhan? Kemudian mengapa baginda memberitahu kepada mereka mengenai Allah awj ditempat itu dan mengarahkan mereka yang hadir di sana untuk menyebarkan, apabila telah beredar, apa yang mereka telah dengar kepada orang yang tidak mendengarnya, dan mengapa baginda memulakan khutbah dengan memuji diri, sambil berkata: 'Ianya kelihatan seperti pesuruh tuhan saya [malaikat maut Isra'il] akan datang memanggil saya [untuk kembali kepada Nya] dan saya akan patuh pada seruan itu; Saya bertanggung jawab, dan begitu juga kamu,' dan apakah perkhabaran yang Rasul [sawas] diarahkan untuk disampaikan dan ummah diarahkan untuk mematuhi? Mengapa baginda bertanya kepada mereka: 'Tidaklah kamu percaya bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhammad (sawas) adalah hamba dan RasulNya, bahawa syurgaNya adalah benar dan nerakaNya adalah benar, bahawa mati itu adalah benar dan kehidupan setelah mati adalah benar, bahawa kiamat tidak diragui akan tiba, bahawa Allah akan menghidupkan semula semua mereka yang berada di dalam kubur?' dan mereka menjawab dengan mengesahkan? Mengapa sejurus itu baginda mengambil tangan 'Ali, mengangkatnya sehingga uban diketiaknya boleh dilihat, sambil berkata 'Wahai ummah! Allah adalah *mawla* saya, dan saya adalah *mawla* bagi mereka yang beriman;' kemudian mengapa baginda menjelaskan kenyataannya 'Saya adalah *mawla* bagi mereka yang beriman' dengan bertanya kepada mereka: 'Tidaklah saya mempunyai lebih kuasa di atas diri kamu dari diri kamu sendiri?' Kemudian mengapa baginda berkata, setelah membuat penjelasan yang sedemikian, 'Sesiapa telah menerima saya sebagai *mawlanya*, ini ('Ali) adalah *mawlanya*; Wahai tuhan! Berbaiklah dengan sesiapa yang berbaik dengan beliau dan jadilah musuh kepada sesiapa yang menyakiti beliau; sokonglah sesiapa yang menyokong beliau dan khianatilah mereka yang berkhianat kepada beliau,' dan mengapa baginda khusus memilih beliau dan berdoa untuk beliau dengan cara yang sedemikian yang hanya layak untuk Imam yang adil dan pengganti yang benar? Dan mengapa baginda meminta mereka mengesahkan dengan bertanya: 'Tidaklah saya mempunyai lebih kuasa di atas diri kamu dari diri kamu sendiri?' dan mereka menjawab dengan mengesahkan; kemudian baginda berkata: 'Kepada sesiapa sahaja saya adalah *mawlanya*, 'Ali adalah *mawlanya*,' atau 'Kepada sesiapa sahaja saya adalah *walinya*, 'Ali adalah *walinya*, dan mengapa baginda menghubungkan al-Quran kepada keturunan baginda, dengan itu telah menjadikan mereka sebagai contoh untuk mereka yang bijak, supaya diikuti sehingga kehari pengadilan? Mengapa banyak sangat perhatian diberikan Rasul yang begitu bijak? Apakah misi yang memerlukan kepada semua pendahuluan ini, dan apakah objektif yang dikehendaki dari pendirian yang tidak boleh dilupakan? Apakah pengkhawaran yang Allah awj arahkan beliau untuk sampaikan apabila Dia berkata: 'Wahai Rasul! Sampaikan apa yang telah diwahyukan kepada kamu dari Tuhan mu, dan jika kamu tidak melakukan, maka kamu tidak menyampaikan perkhawaranNya [sama sekali], dan Allah akan memelihara kamu dari [kejahatan] manusia (Qur'an, 5:67),' dan misi apakah yang memerlukan penekanan yang amat banyak dari Allah awj, di dalam nada yang hampir kepada ancaman, yang perlu disampaikan? Apakah kejadian yang mengenainya ditakuti oleh Rasul yang akan ada persengketaan jika tidak disampaikan oleh baginda, salah satu dari kenyataan, yang mana memerlukan pertolongan khas dari Allah terhadap bencana dari pihak hipokrit.....?

Saya tanya kepada kamu, dengan nama datuk kamu, jika kamu ditanyakan semua soalan ini, adakah kamu akan menjawab dengan mengatakan bahawa Allah awj, hanya mahu menerangkan kepada umat Muslim bagaimana 'Ali telah menyokong mereka, dan betapa baik beliau kepada mereka?, Saya tidak fikir bahawa kamu akan memberi jawapan yang sedemikian, dan saya tidak fikir kamu akan mentafsir kata-kata Allah, atau kata-kata ketua yang bijaksana, penamat bagi Rasul dan Anbia, begitu. Kamu adalah lebih dari memikirkan bahawa baginda [sawas] telah kehabisan punca dan cara di dalam menerangkan sesuatu yang telah jelas, menurut dari alasan [logik] dan fikiran, yang memerlukan pada penjelasan sedemikian. Tidak ada keraguan bahawa kamu telah melihat tindakan dan kenyataan Rasul [sawas] di dalam cahaya yang lebih baik, iaitu yang tidak diperolok-olokkan oleh penelitian, tidak juga dikritik oleh ahli filosofi atau oleh mereka yang bijak. Tidak ragu juga bahawa kamu menghargai nilai kenyataan dan bertindak baginda dan menganggapnya bijaksana dan ma'sum.

Allah awj telah berkata: "Dia adalah Rasul yang dirahmati dan dianugerahkan dengan kekuatan dari yang mempunyai Arasy, ditaati, berkemampuan dan dipercayai, pastinya teman kamu tidak gila (Qur'an, 81:19-22)." Kamu adalah lebih tinggi dari menuduh baginda dari menjelaskan apa yang sudah pun jelas, atau menghuraikan apa yang telah menjadi pengetahuan umum atau membawa pengenalan yang luar biasa bagi penjelasan pada yang sedemikian atau pengenalan yang tidak punya arah tujuan atau yang tidak bersangkutan. Allah dan Rasulnya adalah lebih mulia dari semua itu. Kamu, semoga Allah menyokong kebenaran melalui diri kamu, tahu apa yang bersesuaian dengan tindakan sebegitu, yang dilakukan ditengah hari yang panas di kawasan itu, sesuatu yang amat bernilai terhadap tindakan dan kenyataan pada hari Ghadir, sesuatu yang tidak kurang dari menyampaikan pengkhawaran Ilahi, dan perlantikan wazir dan penggantinya. Hadith ini disokong dengan bukti, adalah teks yang terang mengenai kedudukan khalifa 'Ali, yang mana orang tidak memerlukan kepada penafsiran, dan tidak terdapat cara untuk memahaminya dengan pengertian yang lain. Ini amat jelas bagi mereka yang "..... dengan mempunyai fikiran, penuh perhatian dan menjadi saksi (Qur'an, 50:37)."

2) Berkenaan dengan dalih yang mereka perkatakan, ianya tidak lain dari spekulasi dan pemalsuan sahaja. Ianya bertujuan untuk memperdaya dan mengelirukan dengan mengadakan tambahan. Rasul [sawas]

menghantar 'Ali ke Yemen dua kali, yang pertama dalam tahun ke 8 H. Di kala itu penyebar fitnah telah menyebarkan fitnah mengenai beliau, dan sebahagian manusia mengadu mengenai beliau kepada Rasul [sawas] sekembali mereka ke Medina. Di ketika itu baginda marah dengan aduan mereka,[1] dan mereka melihat pancaran marah pada wajah baginda; malah mereka tidak menahan diri dari melakukannya lagi. Kali kedua berlaku dalam tahun ke 10 H. Di kala itu Rasul [sawas] membuatkan ikatan pada panji-panji 'Ali, memakaikan topi perisainya dengan tangan baginda sendiri dan berkata: "Majulah dan jangan mengalih pandangan;" yang mana 'Ali (as) telah menuju kearah tujuannya sebagai pemimpin yang mendapat petunjuk dari Allah dari yang lainnya sehingga beliau melaksanakan tanggung jawab yang diamanahkan kepada beliau oleh Rasul Allah [sawas]. Kemudian beliau mengambil bahagian di dalam Haji perpisahan baginda. Dikala itu Baginda menyambutnya dengan mesra dan berkongsi dengan beliau korbannya. Maka dikala itu barulah pembuat fitnah tidak berani untuk membuka mulut mereka, tidak juga mereka yang keji berani menuduhnya beliau dengan apa juga; dari itu bagaimana hadith ini di tujukan sebagai penentangan kepada mereka dari parti yang menentang? Atau bagaimana ianya boleh menjadi jawapan kepada tuduhan mereka, seperti yang dikatakan oleh sebahagian manusia?

Malah hanya sekadar bermusuhan kepada 'Ali tidaklah wajar bagi Rasul untuk mengadakan banyaknya pujian terhadap beliau dengan cara yang telah dilakukan dari mimbar yang didirikan dari pelana unta pada hari Ghadir, melainkan, ampunan Allah, bahawa baginda mengambil risiko dengan tindakan dan kenyataan, serta tanggung jawab dan misi baginda hanya untuk menyenangkan 'Ali. Kebijaksanaanya lebih tinggi dari itu, kerana Allah awj berkata: "Itu adalah kata-kata Rasul yang mulia; ianya bukan kata-kata penyair; sedikit yang percaya; tidak juga ianya kata-kata rahib; sedikit yang mereka ingat; ianya adalah wahyu dari tuhan sekalian alam." (69:40-43)

Jika baginda berhasrat untuk menunjukkan 'khidmat 'Ali, dan untuk membantah mereka yang mempunyai perasaan dengki terhadap beliau, baginda [sawas] hanya perlu mengatakan: "Ini adalah sepupu saya, menantu saya, dan bapa kepada keturunan saya, ketua bagi ahli rumah saya; dari itu jangan pengapakan beliau," atau sesuatu yang seumpamanya yang dapat menunjukkan status dan kemuliaan kedudukan beliau. Tetapi cara hadith ini diberikan perkataan tidak menunjukkan maksud yang selain dari apa yang kami telah katakan. Ianya menunjukkan bukti yang rasional dan perimbangan. Biarlah apa juga alasannya, kenyataan ini amat jelas mengandungi pengertian yang tidak memerlukan persoalan penyebab terhadap?????.

Berkenaan dengan rujukan baginda terhadap ahli rumahnya di dalam hadith al-Ghadir, hanyalah untuk menyokong maksud yang sama yang telah diperkatakan, oleh kerana baginda samakan mereka dengan Kitab Allah, menjadikan mereka contoh untuk semua yang bijak dengan berkata: "Saya tinggalkan bersama kamu ini, yang mana selagi kamu berpegang teguh dengannya, ianya tidak akan menjadikan kamu sesat: Kitab Allah dan keturunan saya, ahli rumah saya." Baginda tidak melakukan itu hanya sekadar mahu ummah sedar bahawa mereka tidak punya sebarang rujukan, dan tidak juga punya tempat bergantung selepas Rasul, selain dari keduanya. Mencukupilah buat kamu, pengesahan mengenai para Imam dari keturunan Rasul yang disucikan [as] adalah bahawa mereka telah disamakan dengan kitab Allah yang mana kesilapan tidak boleh masuk dari depan mahupun belakang. Samalah seperti, tidak mungkin merujuk kepada mana-mana buku yang bertentangan dengan keputusan dari kitab Allah awj, adalah tidak mungkin juga untuk merujuk kepada imam yang berbeza pada keputusan dengan para Imam dari keturunan yang disucikan [as].

Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Mereka tidak akan berpisah sehingga mereka bertemu dengan saya di Tasik;" ini adalah satu bukti bahawa dunia tidak akan sunyi dari seorang Imam keturunan beliau yang sama taraf dengan al-Kitab. Sesiapa yang meneliti hadith ini akan dapati ianya menghadkan kedudukan khalifa kepada para Imam dari keturunan Rasul [sawas] yang disucikan. Ini telah disokong oleh hadith yang disampaikan oleh Zayd ibn Thabit dan disebutkan oleh Ahmed di dalam buku *Musnad* pada permulaan muka surat 122, Vol. 5. Ianya mengatakan bahawa Rasul Allah [sawas] telah berkata: "Saya akan meninggalkan kamu dengan dua pengganti: Kitab Allah, seumpama tali memanjang dari langit sampai kebumi dan ahli rumah saya, kerana mereka tidak akan berpisah sehingga mereka bersama dengan saya di Tasik." Kenyataan yang sedemikian adalah sesungguhnya menunjukkan kepada peralihan kedudukan khalifa kepada para Imam dari keturunan yang disucikan [as]. Kamu tahu bahawa teks yang menekankan mengikuti keturunan Rasul mengatakan mengikuti kepimpinan 'Ali, oleh kerana 'Ali, selepas Rasul [sawas] adalah ketua yang tidak diragui, dan Imam yang dipatuhi dari ahli rumahnya. Dan disebalik hadith al-Ghadir dan yang lain seumpamanya telah mengatakan 'Ali adalah Imam dari ahli rumah Rasul yang status kedudukannya, menurut Allah dan RasulNya adalah sama dengan al-Quran. Dan ianya juga memberikan penambahan kepada personaliti beliau yang agung kerana dengannya beliau menjadi *wali* kepada semua yang mana *wali* mereka tidak lain dari Rasul Allah [sawas], Wassalam.

Yang ikhlas,  
Sh

[1] Kami telah menjelaskan yang sama di dalam surat kami no 36; maka rujuklah dan jangan mengabaikan ulasan kami dalam perkara ini.

## SURAT 59



**Muharram 28, 1330 H**

1) Saya tidak pernah melihat, di masa dahulu atau di kala ini, sesiapa yang begitu lembut pada nadanya, tetapi lebih keras pada penghujahannya dari diri kamu. Kini kebenaran telah menjelaskan dirinya disebabkan dari bukti yang kamu telah berikan, maka tersingkaplah topeng keraguan, dan mendedahkan wajah berseri keyakinan. Tidak lagi kami katakan bahawa pengertian “wali” dan “mawla” di dalam hadith al-Ghadir adalah “pertama” atau bahawa ianya bererti “penyokong” atau yang seumpamanya, dan tidak juga sama dengan orang yang meminta siksaan pasti seperti yang diperkatakan; pandangan kamu mengenai “mawla” berdiri di atas yang kukuh, dan telah diterima.

2) Saya harap kamu bersetuju kepada penafsiran kami terhadap hadith yang diperkatakan, yang telah disahkan oleh sekumpulan ulama, termasuk imam Ibn Hajar di dalam bukunya *Al-Sawa`iq al-Muhriqa*, dan al-Halabi di dalam bukunya *Sirat*. Mereka berhujah bahawa walaupun jika kita bersetuju bahawa beliau (‘Ali) adalah yang paling layak bagi Imami, apa yang dimaksudkan oleh Rasul di sini adalah yang akan datang; jika tidak beliau telah menjadi Imam walau dengan kehadiran Rasul [sawas] [yang mana adalah mustahil, oleh kerana Rasul selagi baginda hidup, bagindalah Imam – tr], dan tiada masalah siapa yang menjadi imam selepas baginda. Ianya seakan Rasul [sawas] berkata: “Ali akan menjadi Imam sebaik sahaja dia menerima bai’ah;” maka, keadaan yang sebegini tidak akan bertentangan dengan keutamaan ketiga-tiga Imam [khalifa yang tiga terdahulu]; ianya telah menyelamatkan kehormatan mereka yang baik terdahulu, semoga Allah merasa senang dengan mereka semua.

Yang ikhlas,  
S

**SURAT 60**

**PENGELAKAN DITOLAK**

**Muharram 30, 1330**

Kamu telah, semoga Allah menyokong kebenaran melalui diri kamu, meminta kami untuk meyakini bahawa intipati hadith al-Ghadir, adalah bahawa ‘Ali yang paling layak bagi Imami, apabila dan jika Muslim memilihnya sebagai yang demikian, dan memberikan bai’ah kepada beliau, maka keutamaan beliau yang mana hadith ini bayangkan adalah untuk masa mendatang, bukannya sejurus selepas. Dalam lain perkataan, keutamaan yang sedemikian akan berlaku apabila dan jika ianya diambil dengan paksaan, bukannya yang berlaku dengan sendirinya, supaya ianya tidak bertentangan dengan kedudukan khalifa dari tiga Imam yang telah mendahului beliau [di dalam memerintah Muslim]. Kami tanyakan kepada kamu dengan cahaya kebenaran, kemuliaan keadilan, kehormatan saksama dan pada logiknya persamaan, jika kamu sendiri telah benar-benar yakin padanya maka kami juga boleh ikut sama dan mengikuti jejak langkah kamu. Adakah kamu sendiri setuju untuk memberikan penjelasan yang sedemikian, atau dikatakan ianya datang dari kamu [penjelasan kamu], supaya kami boleh mengikuti jejak langkah kamu dan buat seperti apa yang kamu lakukan? Saya tidak fikir bahawa kamu telah yakin atau berpuas hati dengan pandangan yang sedemikian. Saya yakin bahawa kamu sendiri merasa hairan dengan sesiapa yang akan menerima tafsiran pada pengertian yang sedemikian untuk hadith ini, sedangkan teksnya tidak langsung membayangkan yang sedemikian, dan tidak juga sesiapa yang boleh memikirkannya pada bermaksud yang sedemikian; pasti tidak, bahkan dengan mengatakan begitu telah mencabar kebijaksanaan dan pertimbangan Rasul [sawas]..., *astaghfir-Allah*. Ianya tidak ketepatan [bersetuju] dengan apa yang telah dilakukan oleh baginda dan tidak juga dengan kenyataan serius yang diucapkan dihari Ghadir, dan tidak juga terhadap bukti yang tidak dapat disangkal yang kami bawakan diatas, dan tidak juga dengan apa yang al-Harith ibn al-Nu`man al-Fahri fahamkan, dan begitu juga dengan apa yang Allah dan RasulNya tekankan, dan begitu juga dengan semua para sahabat.

Bahkan keutamaan tangguhan juga, sebenarnya tidak sesuai dengan pengertian umum hadith ini, kerana ianya dengan nyata tidak mengatakan bahawa ‘Ali [as] tidak harus menjadi mawla pada ketiga khalifa, dan tidak juga mawla kepada sesiapa yang mati ketika berada di dalam era mana-mana satu dari mereka. Ini adalah bertentangan sekali dengan rumusan yang dimengertikan oleh Rasul [sawas] yang bertanya: “Tidakkah saya mempunyai lebih kuasa diatas diri mereka yang beriman dari diri mereka diri?” dan manusia menjawab dengan mengesahkan; kemudian baginda [sawas] berkata: “Kepada sesiapa saya adalah *mawla* (i.e. ketua bagi setiap seorang individu Muslim, tanpa sebarang pengecualian), ‘Ali adalah *mawlanya*.” Maka, seperti yang kamu boleh lihat, tiada siapa yang dikecualikan [selain dari, diri Rasul [sawas] sendiri-tr.]; yang ditekankan di dalam

kenyataan ini; adalah `Ali sesungguhnya *mawla* tanpa sebarang penghujahan. Keduanya Abu Bakr dan `Umer, setelah mendengar perkataan Rasul [sawas] pada hari Ghadir, telah berkata kepada `Ali:[1] "Kamu telah, Wahai anak Abu Talib, menjadi *mawla* bagi setiap mukmin lelaki dan wanita," maka dengan itu telah mengakui bahawa beliau telah menjadi ketua bagi setiap mukmin lelaki dan wanita, penggunaannya secara umum kepada semua mukmin lelaki dan wanita semenjak matahari terbenam pada hari Ghadir.

Suatu ketika `Umer telah ditanya: "Tingkah laku kamu dengan `Ali adalah berlainan dari para sahabat Rasul [sawas] yang lainnya." `Umer menjawab dengan berkata: "Mengapa; dia adalah *mawla* saya," seperti yang disebutkan oleh Dar Qutni pada muka surat 36 dari *Al-Sawa`iq al-Muhriqa*. Maka dia mengaku bahawa `Ali adalah ketuanya, dan beliau (Ali) belum dipilih untuk menjadi khalifa lagi, dan tidak juga beliau menerima sebarang bai'ah dari sesiapa. Pertimbangkan kenyataannya (`Umer) yang membuktikan bahawa `Ali adalah *mawlanya* dan juga *mawla* bagi setiap mukmin lelaki dan wanita pada ketika itu, tidak untuk masa yang mendatang, oleh kerana Rasul Allah [sawas] bagi pihak Allah awj, menyampaikan perkara yang sama pada hari Ghadir. Suatu ketika `Umer meminta `Ali untuk menjadi penimbang tara di dalam kes yang dibawa kehadapannya, melibatkan dua orang badwi yang bertelagah. Seorang dari mereka bertanya: "Adakah orang ini (`Ali) akan mengadili diantara kami?" `Umer terus sahaja melompat dengan marah, memegang lelaki itu pada lehernya dan berkata kepadanya: "Malang bagi kamu! Tahukah kamu siapa lelaki itu? Dia adalah *mawla* kamu, *mawla* saya, dan maula semua yang beriman; sesiapa yang menolaknya sebagai mawla sudah pastinya bukan seorang Muslim," seperti yang dituliskan pada penghujung Bab 11 dari buku Ibn Hajar *Al-Sawa`iq al-Muhriqa*. Hanya sebilangan mereka sahaja yang merakamkan insiden ini.

Kamu, semoga Allah menyokong kebenaran melalui diri kamu, sedar akan fakta bahawa, jika filosofi [maksud] Ibn Hajar dan penyokongnya diterima mengenai hadith Ghadir, maka Rasul Allah [sawas] telah dibuktikan sebagai telah mengubahsuai misi dan juga tanggung jawabnya – kami mencari perlindungan dengan Allah terhadap pemikiran yang sedemikian – telah melakukan yang bukan-bukan di dalam percakapan dan perbuatannya – Allah maha Tinggi dari membiarkan RasulNya melakukan yang sebegitu – dengan tanpa mempunyai sebarang sebab, menurut dari filosofi sedemikian; di dalam keadaan yang begitu teruk [panas terik dengan tiada perlindungan] selain dari membuat kenyataan bahawa setelah `Ali dilantik sebagai khalifa, beliaulah yang paling layak untuk kedudukan tersebut; bahawa sebaliknya teori itu mengatakan, tiada siapa yang boleh memonopolinya, kerana `Ali dan lain-lain para sahabat, dan juga Muslim secara umumnya, dalam keadaan yang sedemikian adalah sama. Apakah sifat-sifat yang Rasul [sawas] maksudkan diketika itu, khusus untuk `Ali, dan `Ali sahaja, dari diantara semua yang lain, yang telah terkenal dengan sejarah mereka di dalam berkhidmat untuk Islam, jika filosofi sedemikian, wahai Muslim, dibuktikan sebagai betul?

Terhadap kata-kata mereka bahawa jika `Ali mempunyai keutamaan mengenai Imami dan ianya bukan untuk diwaktu yang mendatang, beliau tentu telah menjadi Imam walaupun dengan kehadiran Rasul Allah [sawas]; Kami katakan bahawa kenyataan sedemikian adalah amat pelik; ianya seakan hendak menghapuskan yang benar, dan tidak terdapat sebarang perbandingan terhadap gambarannya yang amat jauh salahnya lagi mengelirukan; dengan mengabaikan semua perjanjian dari para Rasul, khalifa, raja-raja dan putera-putera kepada penggantinya. Ianya juga telah melupakan maksud pengertian hadith: "kamu kepada saya adalah seperti Harun kepada Musa melainkan tidak ada Rasul selepas saya." Ianya satu percubaan untuk melupakan kenyataan baginda [sawas] di dalam hadith yang berkaitan dengan kerabatnya apabila baginda memperingatkan mereka dengan berkata, "Dari itu, dengarlah kepada beliau [Ali] dan patuhilah kepadanya" dan banyak lagi teks yang lain pada pengertian yang sama. Walaupun jika kita katakan bahawa disebabkan oleh adanya Rasul Allah [sawas], keutamaan `Ali pada Imami tidaklah boleh dilaksanakan diketika itu, maka sudah pasti ianya boleh dilaksanakan setelah wafatnya baginda, mengikut perundangan yang diterima pakai oleh semua pada pengertian penafsiran kenyataan, kebenaran yang sebenarnya di dapati dari pengertian yang paling hampir. Terhadap kehormatan mereka yang baik terdahulu [tiga khalifa yang pertama], ianya telah terselamat tanpa memaksakan pada penafsiran yang sedemikian seperti yang kami akan terangkan jika perlu, Wassalam.

Yang ikhlas,  
Sh

[1] Ini telah disebutkan oleh Dar Qutni, seperti yang ditunjukkan pada penghujung seksen 5, Bab 1, dari buku *Al-Sawa`iq al-Muhriqa* oleh Ibn Hajar; maka rujuklah kepada muka surat 26. Ianya juga disebutkan oleh ramai para tradisionis, setiap mereka dari puncanya sendiri, dan di dalam buku tradisi mereka. Ahmed telah menyebut sesuatu yang seakan sama dari `Umer dari satu hadith yang disebutkan oleh al-Bara' ibn `Azib pada ms 281, Vol. 4, dari buku *Musnad*, yang mana kami telah sebutkan di dalam surat No. 54 diatas

## SURAT 61

MEMINTA TEKS YANG DISAMPAIKAN OLEH PUNCA SHI'A

**Safar 1, 1330 H**

Selagi kehormatan dan kemuliaan mereka yang baik terdahulu terpelihara, maka tidak ada salahnya mempertimbangkan kesemua hadith mengenai para Imam [as], hadith yang kamu telah rujuk, termasuklah

hadith al-Ghadir atau yang mana sahaja; tanpa perlukan kepada penafsiran. Kamu juga mungkin tahu hadith-hadith yang lain yang berkaitan dengan perkara ini yang mana sunni tidak tahu, maka saya meminta kamu sampaikan hadith-hadith tersebut supaya kami dapat belajar dengannya? Wassalam.

Yang benar,  
S

## SURAT 62

### 40 HADITH

#### Safar 2, 1330 H

Ya, kami akan sebutkan kepada kamu hadith yang disampaikan secara mutawatir yang sunni tidak tahu. Ini telah disebutkan oleh ahli dari keturunan Muhammad [sawas] yang suci, darinya kami sebutkan 40:[1]

1) Al-Saduq Muhammad ibn `Ali ibn al-Husayn ibn Babawayh al-Qummi telah menuliskan di dalam bukunya *Ikmal ad-Din wa Itmam al-Ni'mah*, seperti yang disampaikan oleh `Abdul-Rahman ibn Samrah, satu hadith yang tertentu dimana Rasul Allah [sawas] berkata kepada `Abdul-Rahman iaitu: "O Abu Samrah! Jika pandangan berbeza dan pendapat berlainan, maka rujuklah kepada `Ali ibn Abu Talib, kerana beliau adalah Imam ummah saya, dan pengganti saya kepada mereka selepas saya."

2) Di dalam rujukan yang sama, i.e. the *Ikmal*, al-Saduq menyebut Ibn `Abbas menyampaikan satu hadith yang mana Rasul Allah [sawas] berkata: "Allah awj, memerhati dengan teliti kepada penduduk dunia dan memilih saya diantara mereka untuk menjadi Rasul, kemudian Dia melihat sekali lagi dan memilih `Ali sebagai Imam dan mengarahkan saya untuk mengambil beliau sebagai saudara, dan melantik beliau sebagai wali dan wazir."

3) Al-Saduq, juga di dalam buku *Ikmal*, menyusur satu hadith sampai kepada Imam al-Sadiq (as) yang menyebutkan dari bapa dan keturunannya mengatakan Rasul Allah [sawas] telah berkata: "Jibril telah mengatakan kepada saya bahawa Allah awj telah berkata: `Sesiapa yang telah mengetahui bahawa Saya adalah Tuhan yang tiada sekutu bagi Saya, dan bahawa Muhammad adalah hamba dan juga Rasul Saya, bahawa `Ali ibn Abu Talib adalah pengganti Muhammad, dan bahawa para Imam dari keturunannya adalah hujah-hujah Saya, dari itu Saya akan mengizinkan dia memasuki syurga melalui rahmat Saya."

4) Al-Saduq, juga di dalam *Ikmal*, menyusur hadith yang lain sampai kepada Imam al-Sadiq (as) yang menyebutkan dari bapa dan datuknya yang mengatakan bahawa Rasul Allah [sawas] berkata: "Para Imam selepas saya adalah 12: Pertama adalah `Ali dan yang akhir adalah al-Qa'im [al-Mahdi]; mereka adalah pengganti saya dan yang melaksanakan wasiat saya."

5) Al-Saduq, juga di dalam *Ikmal*, menyusur satu lagi hadith sampai kepada al-Asbagh ibn Nabatah yang berkata bahawa Amirul Mukminin `Ali ibn Abu Talib (as) datang menghampirinya, tangan beliau di dalam tangan anaknya al-Hasan, dan beliau berkata: "Rasul Allah suatu ketika datang kepada kami dan tangan baginda di dalam tangan saya seperti ini, baginda berkata: 'Kejadian yang terbaik selepas saya, dan juga ketua mereka, adalah saudara saya ini, yang menjadi Imam bagi setiap Muslim, putera bagi setiap yang beriman selepas saya.'"

6) Al-Saduq, juga di dalam *Ikmal*, menyusur satu hadith sampai kepada Imam al-Rida (as) yang menyebut dari keturunannya yang mengatakan Rasul Allah [sawas] sebagai berkata: "Sesiapa yang suka berpegang kepada agama saya dan menaiki bahtera keselamatan selepas saya, biarlah dia mencontohi `Ali ibn Abu Talib, kerana beliaulah yang melaksanakan wasiat saya, dan wazir saya kepada ummah ketika saya hidup dan selepas wafatnya saya."

7) Al-Saduq, juga di dalam *Ikmal*, mengatakan satu lagi hadith Rasul Allah [sawas] disusur kepada Imam al-Rida (as) yang menyebutkan dari keturunannya yang mengatakan bahawa Rasul Allah [sawas] suatu ketika berkata: "Saya dan `Ali adalah bapa kepada ummah ini; sesiapa yang benar-benar mengenali kami juga telah mengenali Allah, dan sesiapa yang menafikan kami juga telah menafikan Allah awj. Dan dari keturunan `Ali adalah cucu saya al-Hasan dan al-Husayn, ketua remaja di Syurga, dan dari keturunan al-Husayn akan ada sembilan: sesiapa patuh kepada mereka telah patuh kepada saya, dan sesiapa yang engkar kepada mereka telah engkar kepada saya; yang kesembilan diantaranya adalah Qa'im dan Mahdi mereka."

8) Al-Saduq, juga di dalam *Ikmal*, menyusur satu lagi hadith melalui isnad kepada Imam al-Hasan al-`Askari (as) yang menyebutkan dari keturunannya sehingga kepada Rasul Allah [sawas] yang berkata kepada Ibn Mas'ud iaitu: "O Ibn Mas'ud! `Ali ibn Abu Talib adalah Imam kamu selepas saya; Beliau adalah pengganti saya keatas kamu."

9) Menyebut satu hadits yang disampaikan oleh Salman, al-Saduq, juga di dalam *Ikmal*, berkata bahwa suatu ketika Salman menziarahi Rasul Allah [sawas] dan mendapati al-Husayn ibn `Ali (as) duduk dipangkuan baginda, dan Rasul sedang menciumnya dan berkata: "Kamu adalah ketua, anak seorang ketua, seorang Imam dan anak seorang Imam, saudara seorang Imam, bapa para Imam, dan kamu adalah hujah Allah, anak kepada HujahNya, dan bapa kepada sembilan Hujah dari keturunan kamu, dan yang kesembilannya adalah Qa'im mereka."

10) Al-Saduq, juga di dalam *Ikmal*, menyebutkan hadits yang lain disusur juga kepada Salman yang menyebutkan hadits panjang oleh Rasul Allah [sawas] yang mana baginda berkata: "Wahai Fatima! Tidakkah kamu mengetahui bahwa kita adalah Ahl al-Bayt? Allah telah menjadikan akhirat kepada kita lebih berharga dari kehidupan ini, dan Allah awj, telah melihat kepada penduduk dunia dan memilih saya diantara kejadianNya; kemudian Dia melihat kali kedua dan memilih suami kamu dan mengilhamkan kepada saya untuk mengahwinkan kamu kepada beliau dan mengambilnya sebagai wali dan wazir, dan untuk menjadikannya sebagai pengganti keatas ummah saya. Maka bapa kamu adalah Rasul yang terbaik, dan suami kamu adalah wasis yang terbaik, dan kamu adalah yang pertama untuk bersama dengan saya."

11) Al-Saduq, juga di dalam *Ikmal*, menyebut hadits yang panjang dan menyebut di dalamnya bahwa di dalam perjumpaan lebih dari 200 orang dari Muhajirin dan Ansar yang sedang menuntut ilmu pengetahuan dan mempelajari perundangan agama [fiqh], dan setiap seorang dari mereka sedang memuji diri, sedang `Ali (as) kekal diam. Mereka bertanya kepada beliau: "Wahai bapa al-Hasan, apa yang menahan kamu dari mengatakan sesuatu?" Sebagai balasan kepada soalan mereka, beliau (as) hanya mengingatkan mereka pada kenyataan yang dibuat oleh Rasul Allah [sawas] yang mana baginda berkata: "'Ali adalah saudara saya, wazir, pewaris, pelaksana wasiat saya, pengganti keatas ummah saya, dan wali bagi setiap yang beriman selepas saya; maka percayalah, ini semua mengenai beliau."

12) Al-Saduq, juga di dalam *Ikmal*, menyebut hadits yang panjang yang disampaikan oleh `Abdullah ibn Ja'fer, al-Hasan, al-Husayn, `Abdullah ibn `Abbas, `Umer ibn Abu Salamah, Usamah ibn Ziyad, Salman, Abu Tharr al-Ghifari, dan al-Miqdad, semuanya mengatakan bahwa mereka mendengar Rasul Allah berkata: "Saya mempunyai lebih kuasa diatas diri mereka yang beriman dari diri mereka sendiri; Saudara saya `Ali mempunyai lebih kuasa diatas diri mereka yang beriman dari diri mereka sendiri."

13) Al-Saduq, juga di dalam *Ikmal ad-Din wa Itmam al-Ni'mah*, menyebutkan dari al-Asbagh ibn Nabatah yang mengatakan dari Ibn `Abbas sebagai berkata bahwa dia mendengar Rasul Allah [sawas] berkata, "Saya, `Ali, al-Hasan, al-Husayn, dan sembilan dari keturunan Husayn adalah disucikan."

14) Al-Saduq telah juga menyebutnya di dalam *Ikmal*, Ibn Abayah ibn Rab'i mengatakan dari Ibn `Abbas yang berkata bahwa Rasul Allah [sawas] telah berkata: "Saya adalah ketua bagi para Rasul, sedang `Ali adalah ketua bagi para wasis."

15) Al-Saduq telah juga menyebutnya di dalam *Ikmal* satu hadits yang disampaikan oleh Imam al-Sadiq (as) melalui *isnad* mengatakan bahwa Rasul Allah [sawas] telah berkata: "Allah awj, telah mengutamakan saya dari semua para Rasul yang lain, dan mengutamakan `Ali dari semua para wasis, dan mengutamakan dari keturunan `Ali, al-Hasan dan al-Husayn, dan memilih dari keturunan al-Husayn wasis yang akan memelihara agama dari diubah oleh pelampau, pendusta yang menyimpang, dan tafsiran yang salah dari mereka yang telah sesat."

16) Al-Saduq, juga di dalam *Ikmal*, telah menyebut `Ali (as) mengatakan Rasul Allah [sawas] sebagai berkata: "Para Imam selepas saya adalah 12: Yang pertama dari mereka adalah `Ali, dan yang akhir adalah al-Qa'im yang mana melalui beliau Allah awj akan membuka timur dan juga barat alam ini." [2]

17) Al-Saduq telah juga menyebut di dalam *Amali* sebuah hadits yang panjang yang disampaikan oleh `Ali (as) yang mana Rasul Allah [sawas] telah berkata, "'Ali adalah dari saya, dan saya dari `Ali yang telah dijadikan dari acuan saya; beliau menyelesaikan pertelingkahan manusia mengenai sunnah saya; beliau adalah Amirul Mukminin, ketua yang paling utama diantara semua manusia, dan wasis yang terbaik."

18) Al-Saduq, juga di dalam bukunya *Amali*, telah menyebutkan satu lagi hadits yang panjang yang disampaikan oleh `Ali (as) yang mana Rasul Allah [sawas] telah berkata: "'Ali adalah Amirul Mukmin menurut dari Wilayat Allah awj, yang mana Dia mengikat ikatan pada `ArasyNya dan meminta malaikat menjadi saksiNya; `Ali adalah wazir Allah dan bukti [Hujjatullah]; beliau adalah Imam para Muslim."

19) Al-Saduq, juga di dalam bukunya *Amali*, telah menyebut Ibn `Abbas mengaitkan bahwa Rasul Allah [sawas] telah berkata: "Wahai `Ali! Kamu adalah Imam bagi mereka yang Muslim, Amirul Mukminin, Ketua yang paling utama dari semua manusia, Hujjah Allah selepas saya, dan ketua bagi semua wasis."

20) Al-Saduq, juga di dalam bukunya *Amali*, telah mengatakan dari Ibn `Abbas yang menyebut dari Rasul Allah [sawas] sebagai berkata: "Wahai `Ali! Kamu adalah pengganti keatas ummah saya, dan kamu kepada saya adalah umpama Seth kepada Adam."

21) Al-Saduq, juga di dalam bukunya *Amali*, telah menyebut Abu Tharr al-Ghifari sebagai berkata, "Kami berada di dalam kumpulan Rasul Allah [sawas] di dalam masjid apabila baginda berkata: `Seorang lelaki akan masuk melalui pintu ini, beliau adalah Amirul Mukminin dan Imam bagi mereka yang Muslim,' yang mana `Ali ibn Abu Talib masuk, dan Rasul Allah [sawas] menyambut beliau, palingkan mukanya kepada kami dan berkata: `Ini adalah Imam kamu selepas saya.'"

22) Di dalam buku *Amali*, al-Saduq telah mengatakan dari Jabir ibn `Abdullah al-Ansari yang menyebutkan dari Rasul Allah [sawas] sebagai berkata: "'Ali ibn Abu Talib adalah yang pertama diantara mereka di dalam menerima Islam dan beliau yang paling terpelajar..... Beliau adalah Imam dan pengganti selepas saya."

23) Di dalam buku *Amali*, al-Saduq telah juga menyebut satu hadith, tepat melalui *isnad* yang disampaikan oleh Ibn `Abbas yang menyebut Rasul Allah [sawas] sebagai berkata: "O ummah! Perkataan siapa yang lebih baik dari Allah? Tuhan kamu awj telah memerintahkan saya untuk melantik 'Ali keatas kamu sebagai Imam yang paling utama, sebagai pengganti dan pelaksana wasiat saya, dan bahawa kamu hendaklah menganggap beliau sebagai saudara dan juga wazir saya."

24) Di dalam buku *Amali*, al-Saduq telah juga menyebut satu hadith, tepat melalui *isnad* yang disampaikan oleh Abu `Ayyash yang berkata: "Rasul Allah [sawas] suatu ketika naik keatas mimbar dan memberikan khutbah yang mana baginda berkata: `Sepupu saya `Ali adalah juga saudara saya, wazir, pengganti dan yang membayar apa yang tertanggung bagi pihak saya.'"[3]

25) Di dalam bukunya *Amali*, al-Saduq telah juga menyebut satu hadith, tepat melalui *isnad* yang disampaikan oleh Amirul Mukminin yang berkata: "Suatu ketika Rasul Allah [sawas] memberikan syarahan yang mana baginda berkata: `O ummah! Bulan Allah telah datang,' dan baginda meneruskan syarahannya pada menyebut kebaikan yang ada pada bulan Ramadan. Saya bertanya: `Wahai Rasul Allah! Apakah amalan yang terbaik di dalam bulan ini?' Baginda menjawab: `Menjauhkan diri dari apa yang Allah telah melarang kamu,' kemudian baginda terus menangis, maka saya bertanya: `Apa yang menyusahkan kamu, Wahai Rasul Allah?' dan baginda menjawab: `Wahai `Ali! Saya bersedih pada perkara terlarang yang dahsyat, yang akan menimpa kamu di dalam bulan yang sama, ' sambil menambah, `Kamu adalah wasi saya, bapa kepada keturunan saya, dan pengganti saya keatas ummah saya semasa hidup dan setelah saya wafat; arahan kamu adalah sama seperti arahan saya, dan begitu juga larangan kamu.'"

26) Di dalam bukunya *Amali*, al-Saduq telah menyebut hadith yang lain yang disampaikan oleh Imam `Ali [as] iaitu: "Rasul Allah [sawas] telah berkata: `Wahai `Ali! Kamu adalah saudara saya dan saya kepada kamu; Saya telah dipilih untuk menjadi Rasul sedang kamu dipilih untuk menjadi Imam, saya menjaga penyampaian [al-Quran] sedang kamu menjaga penguatkuasaannya; kamu adalah bapa kepada ummah ini. Wahai `Ali! Kamu adalah wasi dan pengganti saya, wazir dan pewaris saya, dan bapa kepada keturunan saya.'"

27) Di dalam bukunya *Amali*, al-Saduq telah juga menyebut satu hadith yang mana *isnad*nya adalah sahih seperti yang disampaikan oleh Ibn `Abbas yang berkata: "Ketika Ansar sedang berkumpul di masjid Quba' Rasul Allah [sawas] berkata: `Wahai `Ali! Kamu adalah saudara saya dan saya kepada kamu; kamu adalah pelaksana wasiat dan juga pengganti saya, dan Imam bagi ummah saya selepas saya: Allah akan membantu sesiapa yang membantu kamu, dan Dia akan menjadi musuh bagi sesiapa yang menyakiti kamu.'"

28) Di dalam bukunya *Amali*, al-Saduq telah juga menyebut hadith panjang yang disampaikan oleh Ummu Salamah yang mana Rasul Allah [sawas] berkata kepadanya iaitu: "Wahai Ummu Salamah! Dengar dan bersaksilah: Ini `Ali ibn Abu Talib adalah pelaksana wasiat saya, dia adalah pengganti saya, yang mengadili musuh saya dan yang mengawasi Tasik saya [al-Kawthar]."

29) Di dalam bukunya *Amali*, al-Saduq telah juga menyebut dari Salman al-Farisi yang berkata, "Saya telah mendengar Rasul Allah [sawas] berkata: `O Muhajirin dan Ansar! Haruskan saya membawa kamu kepada yang mana selagi kamu berpegang teguh kepadanya, ia tidak akan membiarkan kamu sesat selepas saya?' Mereka berkata: `Ya wahai Rasul Allah!' Baginda [sawas] berkata: `Ini `Ali adalah saudara saya dan pelaksana wasiat saya, wazir, pewaris dan pengganti saya, beliau adalah Imam kamu; dari itu cintailah beliau sebanyak mana saya mencintai beliau, dan hormatilah beliau sebanyak mana saya menghormatinya, kerana Jibril telah mengarahkan saya untuk mengatakan yang sedemikian kepada kamu.'"

30) Di dalam bukunya *Amali*, al-Saduq telah juga menyebutkan melalui *isnad* satu hadith yang dikatakan oleh Zayd ibn Arqam yang mana Rasul Allah [sawas] telah berkata: 'Haruskan saya membawa kamu kepadanya yang selagi kamu berpegang teguh kepadanya ia akan menyelamatkan kamu dari kebinasaan dan juga sesat? Imam kamu dan juga wali adalah `Ali ibn Abu Talib (as); dari itu sokonglah beliau, dengarkan perundingannya, dan percayalah kepada beliau, kerana Jibril telah mengarahkan saya untuk mengatakan itu kepada kamu.'"

31) Di dalam bukunya *Amali*, al-Saduq telah menyebutkan dari Ibn `Abbas yang menyampaikan satu hadits yang mana Rasul Allah [sawas] berkata: "Allah awj telah mengilhamkan kepada saya: 'Saya telah pilih dari ummah kamu seorang saudara dan pewaris untuk kamu, pengganti dan pelaksana wasiat kamu.' Saya bertanya: 'Wahai Tuhan! Siapakah dia?' Dia menjawab: 'Dia adalah yang mencintai saya dan Saya mencintai beliau....,' sehingga Dia berkata di dalam kenyataannya: 'Ia adalah `Ali ibn Abu Talib.'"

32) Di dalam bukunya *Amali*, al-Saduq telah menyebut dari Ibn `Abbas yang mengatakan satu hadits, yang disampaikan oleh keturunannya dimana Rasul Allah [sawas] berkata: "Semasa *isra'* saya (perjalanan dimalam hari), Tuhan saya awj, telah berjanji kepada saya bahawa `Ali adalah Imam bagi mereka yang wara', ketua yang paling utama dari manusia yang terkenal, dan ketua agama."

34) Di dalam bukunya *Amali*, al-Saduq telah menyebut satu hadits melalui isnad sampai kepada Imam al-Rida (as) yang menyebut dari keturunannya bahawa Rasul Allah [sawas] telah berkata: "'Ali adalah dari saya, dan saya dari `Ali; semoga Allah memerangi mereka yang berperang dengan `Ali; `Ali, sesungguhnya adalah Imam bagi makhluk selepas saya."

35) Abu Ja`fer Muhammad ibn al-Hasan al-Tusi, *shaykh* madhab, di dalam bukunya *Amal* menyebut satu hadits yang disampaikan oleh `Ammar ibn Yasir yang mana Rasul Allah [sawas] telah disebutkan memberitahu `Ali, "Allah telah menghiaskan kamu dengan cara yang paling disukaiNya: melalui kezuhudan yang sampai keperingkat kamu tidak merasai kehilangan apa-apa dari kenikmatan di dalam kehidupan ini dan Dia telah menganugerahkan kepada kamu dengan cinta kepada yang memerlukan [fakir], menjadikan persahabatan mereka disambut oleh kamu; dari itu tahniah kepada sesiapa yang mencintai kamu dan percaya kepada diri kamu, dan malang bagi mereka yang membenci kamu dan membuat dusta mengenai kamu."

36) Di dalam bukunya *Amali*, Shaykh al-Saduq telah juga menyebutkan satu hadits melalui isnad sampai kepada `Ali (as) yang telah berkata ketika bersyarah dimimbar Kufa: "O ummah! Rasul Allah [sawas] memberikan kepada saya 10 sifat yang amat saya hargai dari segalanya yang disinari oleh cahaya matahari: Baginda [sawas] telah berkata kepada saya: 'Wahai `Ali! Kamu adalah saudara saya di dalam kehidupan ini dan di dalam kehidupan akhirat, dan kamu yang paling rapat kepada saya diantara semua kejadian pada hari dibangkitkan; tempat kediaman kamu disurga bertentangan dengan saya; kamu adalah pewaris saya, pelaksana wasiat saya selepas saya, berurusan dengan keduanya musuh dan juga kerabat saya, kamu membela keluarga saya bagi pihak diri saya ketika saya tiada; kamu adalah Imam bagi ummah saya; kamu melaksanakan keadilan diantara pengikut saya; kamu adalah sahabat saya, dan sahabat saya adalah sahabat Allah; musuh kamu adalah musuh saya dan musuh saya sudah pastinya musuh Allah.'"

37) Di dalam buku al-Saduq yang bertajuk *Al-Nusus `ala al-A`Imma*, yang mengandungi teks berkaitan dengan Imam, al-Hasan ibn `Ali (as) telah disebutkan sebagai berkata: "Saya telah mendengar Rasul Allah [sawas] berkata yang berikut kepada bapa saya: 'Dan kamu adalah pewaris ilmu pengetahuan saya, intipati penilaian saya, dan Imam selepas saya.'"

38) Juga di dalam kerjanya yang mengandungi teks mengenai Imam, al-Saduq menyebut dari `Umran ibn Hasin yang berkata: "Saya telah mendengar Rasul Allah [sawas] berkata kepada `Ali, 'Kamu adalah Imam dan pengganti selepas saya.'"

39) Juga di dalam kerjanya yang sama, al-Saduq menyebut dari `Ali (as) yang mengatakan Rasul Allah [sawas] berkata kepadanya: "Wahai `Ali! Kamu adalah *wasi* diatas mereka yang telah mati diantara ahli rumah saya, dan khalifa bagi mereka yang hidup diantara ummah saya."

40) Juga di dalam rujukan yang sama yang dinyatakan diatas, al-Saduq menyebut dari al-Husayn ibn `Ali (as) sebagai berkata: "Apabila Allah mewahyukan ayat ini: 'Dan mereka yang bersaudara diantara satu dengan yang lain adalah saling lebih berhak di dalam kitab Allah,' Saya bertanya kepada Rasul Allah untuk mentafsirkannya, dan baginda berkata: 'Kamu adalah saudara; apabila saya wafat, Bapa kamu `Ali adalah lebih layak kepada saya dan kedudukan saya; apabila bapa kamu meninggal, saudara kamu al-Hasan adalah yang paling layak untuknya; dan jika al-Hasan meninggal, maka kamulah yang paling layak untuk kedudukan beliau.'"

Inilah penamat kepada apa yang kami hendak sebutkan di dalam keadaan yang tergesa. Nisbahnya kepada teks yang selebihnya adalah umpama sekuntum bunga dari keseluruhannya, atau setitik air dari lautan; bahkan sebahagian ini pun sudah mencukupi; pujian kepada Tuhan sekalian alam, Wassalam.

Yang benar,  
Sh

[1] Sebanyak ini telah mencukupi, disebabkan pada fakta bahawa kami telah sampaikan sebahagian hadits dari punca seperti Amirul Mukminin `Ali ibn Abu Talib (as), `Abdullah ibn `Abbas, `Abdullah ibn Mas`ud, `Abdullah

ibn `Umer, Abu Sa`id al-Khudri, Abul-Darda', Abu Hurayrah, Anas ibn Malik, Ma`ath ibn Jabal, yang menyebutkan dari beberapa punca, semuanya mengatakan bahawa Rasul Allah [sawas] telah berkata: "Sesiapa mengajarkan ummah saya 40 hadith berkaitan dengan keagamaannya, Allah akan bangkitkannya pada hari pengadilan di dalam kumpulan faqih dan ulama." Di dalam perkataan yang lain pada hadith yang sama, "Allah akan membangkitkan dia sebagai ulama faqih." Menurut dari Abul-Darda', kenyataan itu dibaca: "Saya akan menjumlahkan dia di dalam syafaat saya pada hari pengadilan, dan dia akan menjadi saksi." Menurut dari Ibn Mas`ud, "Ia akan dikatakan kepadanya: `Masuklah kesyurga dari pintu mana yang kamu suka.'" Menurut dari sampaian `Umer, "... dia akan dijumlahkan bersama para ilmuan, dan dibangkitkan di dalam kumpulan syuhadah." Mencukupi bagi kami di dalam mempelajari 40 hadith ini dan yang lainnya yang terdapat di dalam semua surat kami, kenyataan baginda [sawas], "Allah akan memelihara sesiapa yang mendengar kepada kenyataan saya, memahaminya dan menyampaikan seperti mana yang didengarnya." Dan juga hadith baginda: "Biarlah mereka yang saksi [sunnah saya] sampaikan kepada mereka yang tidak hadir." [2] Hadith ini dan yang sebelumnya terdapat di dalam Bab apa yang telah disampaikan mengenai Rasul [sawas] berkenaan dengan Qa'im, dan bahawa beliau adalah yang ke dua belas dipertalian Imam; ianya adalah Bab 24 dari *Ikmal ad-Din wa Itmam al-Ni'mah*, ms 149-167. [3] Hadith ini bersama dengan yang empat terdahulu, telah disebutkan dari buku al-Saduq *Ghayat al-Maram*. Ini adalah hadith yang panjang, dan kami sebutkan darinya apa yang mengesahkan kepada penghujahan kami. Berkenaan dengan hadith selepasnya, ianya boleh dijumpai di dalam bab 13 dari *Ghayat al-Maram*.

### SURAT 63

- 1] SHI'A TEKS DITOLAK SEBAGAI TESTIMONI
- 2] MENGAPA YANG LAIN MENOLAK DARI MENYEBUTKAN DARI MEREKA?
- 3] MEMINTA TEKS TAMBAHAN

#### Safar 3, 1330 H

- 1) Selagi teks ini tidak disebutkan oleh yang bukan shi'a, sunni tidak terikat untuk menerimanya sebagai testimoni.
- 2) Jika ianya telah disahkan, mengapa tiada yang lain menyebutkannya?
- 3) Biarlah kami rujuk hadith yang hanya disampaikan oleh sunni dalam perkara ini, Wassalam.

Yang ikhlas,  
S

### SURAT 64

- 1] TEKS DIATAS DISEBUTKAN ATAS PERMINTAAN
- 2] SAHIIH MEMBUKTIKAN YANG BERTENTANGAN DENGAN MAJORITI
- 3] TIDAK DISEBUTKAN KERANA TERDAPAT DI DALAM SAHIIH KAMI

#### Safar 4, 1330 H

- 1) Kami telah mengatakan teks tersebut supaya kamu boleh memahaminya dan juga sebagai balasan dari permintaan kamu.
- 2) Testimoni kami yang menentang hujah kamu, adalah dari apa yang telah kami sebutkan dari sahih kamu sendiri.
- 3) Sebab mengapa teks tersebut tidak disebutkan adalah disebabkan perasaan perjudis [memihak], yang kami telah terbiasa dengannya, dari manusia-manusia yang menyimpan dendam kesumat, dan menyembunyikan kebenciannya dari golongan parti Firaun semasa terbitnya fajar Islam, penyembah pihak berkuasa dan pemerintah, yang telah membelanjakan segala-galanya dari kekuatan dan kebendaan untuk menghilangkan sumbangan Ahl al-Bayt dan memadamkan cahaya mereka disetiap benua. Manusia-manusia ini memaksakan orang awam untuk menafikan kemuliaan dan kehormatan melalui kedua-dua cara dan kaedah, pujukan dan

ancaman, pertama melalui kekayaan yang ada, dan melalui kedudukan dan kuasa politik adalah yang kedua. Manusia ini menaburkan pemberiannya kepada orang yang menafikan kemuliaan-kemuliaan ini, menolak, mengusir atau bahkan membunuh orang yang percaya kepada Ahl al-Bayt.

Kamu tahu bahawa teks yang berkaitan dengan Imami, dan janji pada kedudukan khalifa, telah disimpan dengan penuh kebimbangan oleh manusia yang takut bahawa teks yang sedemikian boleh mengancam kedudukannya, atau melemahkan asas kerajaannya. Keselamatan teks ini dari diubah oleh manusia yang sedemikian, atau dari pengikut dan penyokongnya, dan kemampuan teks ini untuk sampai kepada kami melalui banyak punca dan cara, adalah sesungguhnya satu mukjizat yang mengesahkan akan kebenarannya.

Ini disebabkan kepada fakta bahawa manusia yang menafikan status kedudukan Ahl al-Bayt, telah merampas kedudukan yang menjadi hak dan juga anugerah Ilahi kepada mereka, akan menjatuhkan hukuman yang berat terhadap sesiapa yang menunjukkan kecintaannya kepada Ahl al-Bayt. Manusia ini akan mencukur janggut dia, meletakkannya dibelakang keldai dan dipertontonkan dipasar-pasar, dihina, dipukul, dinafikan segala hak kemanusiaan walaupun yang asas; sehinggalah dia kehilangan segala harapan untuk mendapatkan keadilan dari pemerintah yang sedemikian dan akhirnya dia tidak lagi mempunyai kawan dalam masyarakat.[1] Maka jika sesiapa mengatakan yang baik mengenai 'Ali [as], dia akan dinafikan, dan siksaan akan dikenakan kepadanya; serta hartanya dirampas, dan dia akan dihukum. Berapa banyak lidah yang memuji 'Ali [as] yang telah dipotong? Berapa banyak mata yang melihat kepada beliau dengan tanda hormat telah dicungkil keluar? Berapa banyak tangan yang menunjukkan kepada beliau telah dipotong? Berapa banyak kaki yang berjalan menuju kepadanya dengan kecintaan telah dikerat? Berapa banyak kediaman pengikutnya yang telah dibakar? Dan berapa banyak dari keluarga mereka yang telah diusir....?

Diantara penyampai hadith dan 'penyelamat warisan' adalah orang-orang yang menyembah raja-raja yang zalim, dengan pemerintah-pemerintahnya selain dari menyembah Allah awj, dan orang-orang ini mencari usaha untuk berdampingan dengan manusia zalim ini dengan segala kemampuannya di dalam ilmu pengetahuan, maka segalanya telah diubah suai, mengesahkan akan kesahihan yang ini dan menentang kesahihan yang itu, sama seperti ramai yang kita lihat pada hari ini diantara para shaykh, ulama yang digajikan, dan hakim-hakim yang jahat, berlumba-lumba untuk menyenangkan pemerintah dengan mengesahkan polisi mereka, tidak kira sama ada ianya adil ataupun zalim, mengatakan perundangan mereka adalah betul, tidak kira sama ada ianya benar atau menyeleweng, maka dari itu pemerintah tidak perlu meminta keputusan untuk menyokong kumpulannya atau untuk menghukum lawannya, kerana orang-orang ini telah melakukan menurut kehendaknya dan sama seperti yang dikehendaki oleh polisinya, walaupun jika ini bererti menentang al-Kitab dan Sunnah, dari itu telah melanggar pada penerimaan ummah, disebabkan dari kesungguhan untuk mempertahankan kedudukan atau disebabkan keinginan untuk mendapatkan kedudukan yang diidamkan. Betapa jauhnya yang memisahkan diantara ini dan itu! Yang terdahulu tidak memberi nilai langsung terhadap kerajaan ini, sedang yang lain amat memerlukan raja-raja ini, oleh kerana orang-orang ini akan menggunakan mereka untuk menentang Allah dan RasulNya. Atas sebab inilah orang-orang ini menikmati kedudukan yang tinggi bersama raja-raja dan pemerintah, dan kata-katanya mendapat perhatian; dari itu kuasa dan kehormatan dimilikinya, dan orang-orang ini amat fanatik terhadap hadith yang benar jika ianya menunjukkan kepada sifat kemuliaan 'Ali atau Ahl al-Bayt yang lain; maka orang-orang ini akan menolaknya dengan kuat, dan meninggalkannya serta mengatakan penyampainya adalah Rafidi - Rafidi adalah satu kesalahan yang amat berat bagi orang-orang ini di dalam hukumannya. Inilah polisi mereka terhadap hadith yang memuji 'Ali, terutama jika ianya dipandang tinggi oleh shi'a.

Mengenai orang yang memuji-muji [pengampu], ianya mempunyai rakan di kedudukan yang tinggi disetiap negeri; orang ini akan memuji-muji orang yang berkedudukan itu, dan yang mempunyai pengikut dari ulama sekular akan menyebarkan pandangan mereka, dari kalangan orang-orang yang menunjukan zuhud dan wara', diantara ketua-ketua dan pemimpin kaum. Apabila ketua dan pemimpin kaum mendengar apa yang orang wara' itu kata, mengenai penolakannya terhadap hadith yang sahih, ketua dan pemimpin ini akan memegang kata-kata itu seperti ayat yang diwahyukan ilahi, dan akan menyebarkannya kepada manusia awam dan juga yang jahil, maka dia telah menjadi terkenal di dalam setiap negeri dan telah menggunakan kata-katanya sebagai prinsip yang dipegang setiap masa. Terdapat satu lagi kumpulan manusia, pemelihara hadith dikala itu, dan yang telah dipaksakan oleh ketakutan untuk mengabaikan hadith yang memuji 'Ali dan Ahl al-Bayt [as] Jika manusia yang malang ini ditanyakan mengenai apa yang sipenyanjung katakan mengenai penolakan sunan yang betul, mengandungi sumbangan 'Ali dan juga Ahl al-Bayt [as], mereka takut, jika mereka memberitahu manusia awam apa yang mereka tahu, pertelingkahan yang membuta tuli dan pekak akan berlaku [yang sia-sia] dari itu mereka terpaksa, disebabkan takut, mencari perlindungan dengan mengalihkan persoalan, kerana ditakuti akan dimarahi oleh sipenyanjung dan oleh mereka yang turut menyebarkannya dan ditakuti juga dari orang-orang yang akan mengulangi kata-katanya seperti burung kakak tua dikalangan manusia awam dan yang jahil.

Raja dan pemerintah mengarah manusia untuk menolak Amirul Mukminin. Yang berkuasa memaksa yang rendah pada melakukannya dengan pertama, pujukan kepada wang, dan dikala yang lain dengan ancaman tentera, dan janji pembalasan yang kejam, maka ini telah memaksakan manusia untuk memperkecilkan keturunan beliau [as], sehinggakan menggambarkan beliau [as] dengan gambaran yang hina di dalam buku mereka, dan menyampaikan hadith yang mana telinga yang mendengar merasa berdosa, menjadikan kutukan terhadap nama beliau [as] dari mimbar satu tradisi yang diikuti oleh Muslim semasa perayaan kedua-dua eid' dan juga pada khutbah jumaat. Cahaya Allah tidak boleh dipadamkan, dan sumbangan waliNya tidak boleh disembunyikan, jika tidak, tradisi itu tidak akan sampai kepada kami melalui punca dari kedua golongan, tepat dan jelas mengatakan kedudukan khalifa beliau. Tidak ada teks yang lebih mutawatir dari teks yang memuji



beliau, dan saya, demi Allah, hairan dengan keutamaan yang Dia telah anugerahkan kepada `Ali ibn Abu Talib, hambaNya dan saudara kepada RasulNya, bagaimana cahayanya telah menembusi awan kegelapan, dan selamat dari ombak yang dahsyat, kini sinarannya menyinari dunia seumpama matahari tegak!

4) Kamu boleh rujuk, sebagai tambahan kepada semua bukti yang kukuh yang kamu telah dengar, kepada teks warisan, kerana ia dengan sendirinya adalah bukti yang tidak boleh disangkal, Wassalam.

Yang ikhlas,  
Sh

[1] Rujuk pada ms 15, Vol. 3, dari *Sharh Nahjul Balaghah* oleh Ibn Abul-Hadid, dan kamu akan dapati apakah bencana yang telah menimpa Ahl al-Bayt (as) dan Shi`ah mereka pada ketika itu. Imam al-Baqir (as) telah membuat kenyataan mengenai perkara ini yang kepadanya kami penyelidik merujuk.

## SURAT 65

### MEMINTA HADITH YANG BERKAITAN DENGAN WARISAN

#### Safar 5, 1330 H

Tolong sampaikan kepada kami hadith warisan seperti yang disampaikan oleh sunni, Wassalam.

Yang ikhlas,  
S

## SURAT 66

### 'ALI ADALAH PEWARIS RASUL

#### Safar 5, 1330 H

Tidak ada keraguan bahawa Rasul Allah [sawas] telah meninggalkan kepada `Ali dengan warisan ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan sebanyak mana yang diizinkan oleh Allah awj untuk beliau mewarisi dari RasulNya, sehinggakan Rasul Allah [sawas] berkata: 'Saya adalah kota ilmu dan `Ali adalah pintunya; dari itu sesiapa yang ingin mendapatkan ilmu, biarlah dia datang melalui pintu.'"[1]

Baginda [sawas] telah berkata: "Saya adalah setor [gedung] kebijaksanaan, dan `Ali adalah pintunya.... `Ali adalah laluan pada ilmu saya, yang akan mejelaskan selepas saya pengkhabaran yang mana saya dikirimkan, mencintai beliau adalah tanda keimanan yang tulen, dan membencinya adalah hipokrit." Menurut dari Zayd ibn Abu `Awfah, baginda [sawas] telah berkata kepada `Ali iaitu: "Kamu adalah saudara dan pewaris saya;"[2] yang mana `Ali telah bertanya: "Dan apakah yang akan kamu wariskan kepada saya?" Baginda [sawas] menjawab: "Apa sahaja Rasul yang sebelum saya wariskan." Di dalam hadith yang lain, baginda [sawas], menurut Buraydah telah berkata: "Pewaris ilmu saya adalah `Ali."[3] Rujuk juga kepada hadith pada hari memberi peringatan. Semasa hidupnya Rasul Allah [sawas], `Ali [as] pernah berkata: "Demi Allah, saya adalah saudaranya, pengganti dan sepupu, dan pewaris bagi ilmu pengetahuannya, maka siapakah yang lebih utama untuk semua ini selain dari saya?"[4]

Suatu ketika `Ali [as] telah ditanya: "Bagaimana kamu mewarisi sepupu kamu sepatutnya bapa saudara kamu?" Beliau [as] menjawab: "Rasul Allah [sawas] telah mengumpulkan keturunan `Abdul Muttalib, ramai juga, dan setiap seorang dari mereka mempunyai selera yang boleh dikatakan batang pokok boleh dimakan dan minum air yang tidak boleh diminum, dan baginda telah menyediakan untuk mereka satu mudd makanan [lebih kurang satu tiga suku paun]; namun mereka semua makan sehingga kemyang; sedangkan makanan kelihatan seperti tidak disentuh. Kemudian baginda [sawas] berkata: `Wahai keturunan `Abdul-Muttalib! Saya telah dihantar kepada kamu dengan khusus, dan kepada semua manusia umumnya; maka siapakah diantara kamu yang bersumpah menjadi saudara saya, sahabat dan pewaris?' Tiada siapa yang bangun; maka saya bangun walaupun yang paling kecil diantara yang hadir, tetapi baginda [sawas] menyuruh saya duduk. Baginda [sawas] mengulangi kenyataannya kali dua, dan setiap kali hanya saya yang berdiri, dan setiap kali beginda menyuruh saya duduk. Pada kali ketiga, baginda berjabat tangan dengan saya; dari itu saya menjadi pewaris sepupu saya yang sepatutnya adalah bapa saudara saya."[5]

Menurut al-Hakim di dalam bukunya *Al-Mustadrak*,[6] dan al-Thahbi di dalam bukunya *Talkhis*, yang keduanya telah mengaku akan kesahihannya, Qatham ibn al-`Abbas telah ditanya suatu ketika: "Bagaimana `Ali boleh mewarisi Rasul Allah [sawas] sepatutnya kamu sendiri?" Dia menjawab: "Ianya disebabkan beliau adalah yang pertama diantara kami yang mengikuti baginda, dan bersama dengannya lebih dari setiap seorang dari kami." Ianya telah diketahui umum bahawa `Ali, sepatutnya bapa saudaranya al-`Abbas atau mana-mana dari keturunan Hashim, adalah pewaris Rasul Allah [sawas]. Mereka menerimanya sebagai fakta, walaupun mereka telah diberitahu akan sebabnya mengapa warisan yang sedemikian telah peruntukkan kepada `Ali sahaja, iaitu sepupu Rasul, tidak kepada al-`Abbas, bapa saudaranya, atau kepada bapa saudara yang lain atau kerabat Rasul [sawas]. Atas sebab ini, mereka pernah bertanya kepada `Ali (as) suatu ketika dan di ketika yang lain

kepada Qatham, dan yang terkemudian pernah menjawab kepada mereka seperti yang dituliskan diatas, dengan cara yang boleh difahami oleh mereka yang bertanya. Jika tidak, jawabannya adalah bahawa Allah awj, melihat kepada penghuni dunia dan memilih dari diantara mereka Muhammad [sawas] dan meninggikannya sebagai Rasul, kemudian Dia melihat kali kedua dan memilih 'Ali, dan mengilhamkan kepada Rasulnya [sawas] untuk mengambil beliau sebagai pewaris dan pengganti.

Pada ms 125, Vol. 3, dari buku *Al-Mustadrak*, al-Hakim, setelah menyebut Qatham mengatakan yang diatas, berkata: "Hakim bagi para hakim [ketua hakim, atau ketua mufti], Abul-Hasan Muhammad ibn Salih al-Hashimi, telah mengatakan kepada saya bahawa dia pernah mendengar Abu `Umer seorang hakim berkata: `Saya mendengar Isma'il ibn Ishaq seorang hakim, setelah diberitahu apa yang Qatham katakan, telah berkata bahawa seseorang mewarisi yang lain melalui, sama ada pertalian darah atau ketaatan yang ikhlas, dan orang yang berpengetahuan tidak mempertikaikan fakta bahawa [di dalam keadaan yang biasa] sepupu tidak boleh mewarisi jika ada bapa saudaranya [jika bapanya] masih hidup.' Menurut dari penerimaan yang sedemikian, `Ali telah mewarisi pengetahuan Rasul yang sepatutnya diwarisi mereka." Sesungguhnya, rekod peristiwa yang disampaikan secara turutan pada fakta yang demikian, terutama dari punca keturunan yang disucikan, dan mencukupi bagi kami teks wasiat yang jelas sebagai bukti, Wassalam.

Yang ikhlas,  
Sh

[1] Kami telah sebutkan hadith ini dan beberapa yang sebelumnya di dalam surat No. 48 diatas. Rujuk kepada surat itu kepada hadith no 9, 10 dan 11, dan jangan abaikan ulasan kami.

[2] Kami telah sebutkan hadith tersebut di dalam surat No. 32.

[3] Rujuk kepadanya di dalam surat No. 68 diatas

[4] Kenyataan ini adalah tepat perkataan demi perkataan [verbatim] yang telah disahkan ianya sebagai `Ali. Ianya disebutkan oleh al-Hakim pada ms 126, Vol. 3, dari bukunya *Al-Mustadrak* melalui penyampaian yang disahkan oleh al-Bukhari dan Muslim. Al-Thahbi, di dalam bukunya *Talkhis al-Mustadrak*, telah mengatakan yang sama.

[5] Hadith ini berdiri diatas asas yang kukuh, dan ianya adalah hadith yang panjang. Ianya telah disebutkan oleh al-Diya' al-Maqdisi in his *Al-Mukhtara*, dan oleh Ibn Jarir di dalam bukunya *Tahthib al-Athar*. Ianya hadith 6155 pada ms 408, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal*. Ianya juga disebutkan oleh al-Nisa'i pada ms 18 dari bukunya *Al-Khasa'is al-'Alawiyya*, dan ianya disampaikan oleh Ibn Abul-Hadid dari al-Tabari, bukunya *Tarikh* pada penghujung ulasannya bagi syarahan "*qasi`a*", ms 255, Vol. 3, dari *Sharh Nahjul Balaghah*. Rujuk juga pada ms 159, Vol. 1, dari Imam Ahmed ibn Hanbal *Musnad* dimana kamu akan dapati hadith yang sama menyampaikan maksud ini.

[6] Ianya terdapat pada ms 125 dari jilid ketiga. Ianya juga disebut oleh Ibn Abu Shaybah, dan ianya hadith 6084 pada ms 400, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal*.

## SURAT 67

### DIMANAKAH WASIAT RASUL

#### Safar 6, 1330 H

Sunnis tidak tahu dengan sebarang wasiat yang ditinggalkan untuk 'Ali, tidak juga mereka mengetahui akan isi kandongannya; dari itu tolonglah beritahu kami ceritanya, Wassalam.

Yang ikhlas,  
S

## SURAT 68

### TEKS WASIAT

#### Safar 9, 1330 H

1) Teks mengenai wasiat telah disampaikan secara mutawatir melalui para Imam dari keturunan yang disucikan (as); maka rujuklah kepada apa yang telah dikatakan dalam perkara ini oleh yang lain seperti yang dinyatakan di dalam surat no. 20 yang menyebutkan kenyataan Rasul Allah [sawas] yang memegang 'Ali pada lehernya dan berkata: "Ini adalah saudara saya dan juga pengganti; dia akan menggantikan saya di dalam berurusan dengan kamu; dari itu dengarlah kepadanya dan patuhlah kepada dia."

Muhammad ibn Hamid al-Razi menyebutkan Salamah al-Abrash, Ibn Ishaq, Abu Rabi'ah al-Ayadi, Ibn Buraydah, berakhir dengan bapa Buraydah mengatakan Rasul Allah [sawas] sebagai berkata: "Untuk setiap Rasul ada pengganti dan pewaris, pengganti dan pewaris saya adalah `Ali ibn Abu Talib." [1] Di dalam bukunya *Kabir*, dan melalui isnad sampai kepada Salman al-Farisi, al-Tabrani menyebut Salman mengatakan Rasul

Allah [sawas] sebagai berkata: "Pengganti saya, yang saya percayai, orang yang terbaik saya tinggalkan dibelakang saya untuk memenuhi janji-janji saya, dan menguatkuasakan agama saya adalah `Ali ibn Abu Talib (as)."[2] Ini adalah teks yang jelas bahawa beliau adalah pengganti, dan testimoni bahawa beliau adalah yang terbaik selepas Rasul [sawas]. Ianya menggandongi arahan yang wajib bahawa beliau hendaklah menggantikan baginda, dan bahawa ummah hendaklah patuh kepada beliau, sebagaimana ianya jelas pada mereka yang bijak.

Abu Na'im al-Hafiz, di dalam bukunya *Hilyat al-Awliya'*,[3] menyebut Anas sebagai berkata bahawa Rasul Allah [sawas] telah berkata kepadanya: "O Anas! Yang pertama untuk memasuki pintu ini adalah Imam bagi yang wara', ketua bagi Muslim, dan pemimpin agama, penutup bagi pengganti Rasul, dan ketua yang paling wara' dari manusia yang terkenal." Anas berkata bahawa `Ali yang masuk, dan Rasul Allah [sawas] berdiri dengan keriang, memelok `Ali dan berkata kepadanya: "Kamu akan melaksanakan tanggung jawab saya, menyampaikan arahan saya, dan menjelaskan semuanya yang mana mereka akan berselisih selepas saya."

Al-Tabrani, di dalam bukunya *Al-Kabir*, menyebutkan dari Abu Ayyub al-Ansari yang mengatakan Rasul Allah [sawas] berkata kepada Fatima suatu ketika iaitu: "Wahai Fatima! Tidakkah kamu tahu bahawa Allah awj, telah melihat kepada penduduk dunia dan memilih bapa kamu dari diantara mereka dan menghantar beginda sebagai RasulNya, kemudian Dia melihat kali kedua dan memilih suami kamu dan mengilhamkan saya untuk mengahwinkan dia kepada kamu dan melantik dia sebagai pengganti saya?"[4]

Lihatlah bagaimana Allah memilih `Ali (as) dari diantara semua penduduk dunia, sejurus selepas memilih diantara manusia penamat RasulNya [sawas], dan lihat bagaimana pemilihan pengganti dilakukan di dalam urutan yang sama pada pemilihan Rasul. Juga lihat bagaimana Allah mengilhamkan kepada RasulNya untuk melakukan upacara perkahwinan dia dan melantik dia sebagai penggantinya. Lihatlah adakah pengganti Rasul yang lain dari wasis Rasul sendiri. Adakah sesuai untuk menolak ketepi [apabila sampai untuk memilih khalifa] seorang yang terbaik dari hamba-hamba Allah, wasi kepada ketua Para Rasul, dan memilih yang lain dari beliau? Adakah sesuai jika seorang yang lain, selain dari beliau, yang harus memerintah Muslim dan menjadikan beliau seorang dari orang awam dan rakyatnya? Adakah mungkin, dengan alasan pertimbangan kemuliaan, bahawa seorang yang dipilih oleh manusia perlu dipatuhi oleh seorang yang dipilih oleh Allah, sama seperti Dia memilih RasulNya? Bagaimana mungkin bahawa keduanya Allah dan RasulNya memilih beliau sedang kita melantik seorang yang lain? "Tidak ada lelaki dan juga wanita yang beriman, setelah Allah dan RasulNya telah menentukan satu perundangan, harus mengamalkan keputusan sendiri di dalam urusan mereka; dan sesiapa yang menentang Allah dan RasulNya pastinya telah sesat dengan nyata (33:36)."

Cerita yang banyak mengatakan bahawa sejurus sahaja mereka yang hipokrit, dengki dan yang berkepentingan telah mengetahui bahawa Rasul Allah [sawas] akan mengahwinkan anak perempuan baginda Fatima al-Zahra', ketua wanita disurga dan yang hanya sama kepada Mariam (as), kepada `Ali, mereka benar-benar dengki kepada `Ali dan betul-betul memberikan perhatian, terutama setelah ramai dari mereka gagal untuk melamarnya.[5] Mereka mengatakan bahawa itu adalah petunjuk terhadap status kedudukan `Ali; maka tiada siapa yang mempunyai harapan untuk setanding dengan beliau, malah mereka telah merancangkan suatu helah. Mereka menghantar wanita-wanita mereka kepada ketua wanita didunia ini dan cuba untuk memalingkan dia pada menentang `Ali. Diantara apa yang dikatakan kepadanya adalah `Ali miskin dan tidak mempunyai apa-apa dari harta dunia, tetapi dia [as] sedar akan tipu helah dan niat jahat mereka dan begitu juga dengan lelaki mereka. Walaupun dengan semua ini dia [as] tidak menyakiti mereka, sehinggalah kehendak Allah awj terlaksana. Di kala itu barulah dia [as] berhasrat untuk menunjukkan kepada wanita-wanita tersebut status kedudukan yang dinikmati oleh Amirul Mukminin [as] yang mana Allah akan memberi malu kepada musuhnya, dan dia [as] berkata: "Wahai Rasul Allah! Mengapa kamu kahwinkan saya dengan seorang lelaki miskin yang tidak punya wang?" Baginda [sawas] menjawab kepadanya dengan cara yang dikatakan diatas.

Apabila Allah ingin menyebarkan

Kemuliaan yang terlindung dari mata,

Dia memudahkannya kepada yang amat terkenal

Untuk dihajati dan didengki semua.

Al-Khatib menyebutkan dari seorang pengarang yang mana isnadnya telah diterima oleh semua, dan yang amat dihormati iaitu Ibn `Abbas, sebagai berkata: "Apabila Rasul [sawas] melakukan upacara perkahwinan Fatima dan `Ali, Fatima berkata: `Wahai Rasul Allah! Kamu telah kahwinkan saya kepada seorang yang miskin yang tidak mempunyai apa-apa.' Rasul [sawas] berkata kepadanya: `Tidakkah kamu merasa senang bahawa Allah telah memilih dari diantara penduduk dunia dua orang seorang darinya adalah bapa kamu dan yang seorang lagi suami kamu?'"[6] Menyenaikan kemuliaan `Ali, al-Hakim, pada ms 129, Vol. 3, dari bukunya *Al-Mustadrak*, menyebutkan Sarij ibn Yunus yang mengatakan dari Abu Hafs al-Abar, al-A'mash, Abu Salih, dan berakhir dengan Abu Hurayrah yang menyebutkan dari Fatima (as) sebagai berkata: "Wahai Rasul Allah! Mengapa kamu telah kahwinkan saya kepada seorang miskin yang tidak punya wang?" Baginda [sawas] menjawab: "Wahai Fatima! Tidakkah kamu merasa senang bahawa Allah awj, telah melihat kepada penduduk dunia dan memilih dua orang, satu darinya adalah bapa kamu dan yang satu lagi suami kamu?" Ibn `Abbas juga telah disebutkan sebagai berkata bahawa Rasul Allah [sawas] telah berkata yang berikut kepada Fatima: "Tidakkah kamu merasa senang bahawa saya telah kahwinkan kamu kepada seorang yang pertama diantara semua Muslim yang menerima Islam dan yang telah dianugerahkan dengan banyak pengetahuan? Kamu adalah ketua bagi wanita dari ummah saya; tidakkah kamu merasa senang, wahai Fatima, bahawa Allah telah melihat pada manusia di bumi dan telah memilih dua orang dari diantara mereka: seorang darinya adalah bapa kamu dan yang lain adalah suami kamu?"[7]

Rasul Allah [sawas], bila mana ketua wanita di dunia menderita kesusahan, baginda akan mengingatkan dia akan keutamaan Allah dan itu adalah, bapanya Rasulullah, oleh kerana baginda telah mengahwinkan dia kepada yang terbaik dari ummah ini, dari itu telah mententeramkan dia dan menghapuskan dari dadanya apa juga penderitaan yang masa telah bawaikan kepadanya. Mencukupi buat kamu untuk testimoni pada perkara ini apa yang Imam Ahmed telah katakan pada ms 26, Vol. 5, dari buku *Musnad* dimana dia menyebutkan satu hadith yang tertentu yang disampaikan oleh Ma'qil ibn Yasar Yang mana Rasulullah [sawas] telah dikatakan pergi menziarah Fatima (as) apabila dia jatuh sakit dan berkata kepadanya: "Bagaimana kamu rasakan?" Dia menjawab: "Demi Allah, kesedihan saya telah bertambah, kehendak saya semakin buruk, dan penyakit saya telah terlalu lama." Baginda [sawas] berkata kepadanya: "Tidakkah kamu merasa puas bahawa saya telah mengahwinkan kamu kepada yang pertama di antara ummah saya di dalam menerima Islam, yang dianugerahkan dengan lebih pengetahuan, dan yang penuh kasih sayang?" Cerita mengenai isu ini amatlah banyak, dan tidak ada ruang hendak menuliskan semuanya di dalam surat ini, Wassalam.

Yang ikhlas,  
Sh

[1] Al-Thahbi telah menyebutkan hadith ini ketika membincangkan biografi Sharik di dalam bukunya *Mizan al-'itidal*, memalsukannya dan mengatakan bahawa Sharik tidak akan terima pada menyampaikan hadith yang sedemikian. Dia berkata: "Muhammd ibn Hamid al-Razi tidak boleh dipercayai." Jawapan kami terhadap tuduhan dia adalah bahawa Imam Ahmed ibn Hanbal, Imam Abul Qasim al-Baghwi, Imam Ibn Jarir al-Tabari, seorang Imam bagi kritikan dan penilaian Ibn Ma'in, dan yang lain dari kaliber mereka, semua telah mempercayai Muhammad ibn Hamid dan menyampaikan hadithnya, kerana dia adalah penasihat mereka. Penyampai yang dipercayai seperti al-Thahbi mengakui yang sama di dalam biografi Muhammd ibn Hamid di dalam bukunya *Al-Mizan*. Orang itu tidak boleh dituduh dengan Rafidi atau Shi'i, tetapi pengkritik adalah yang terdahulu pada al-Thahbi; maka tidak ada sebab pada memulakan tuduhan yang sedemikian mengenai hadith ini.

[2] Hadith ini yang tepat perkataan demi perkataan no 2570 pada penghujung ms 155, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal*, dan pengarangnya menyebutnya semula di dalam bukunya *Muntakhab al-Kanz*; maka rujuk kepada *Al-Muntakhab*, notakaki pada ms 32, Vol. 5, dari Ahmed: *Musnad*.

[3] Ianya terdapat pada ms 450, Vol. 2, dari *Sharh Nahjul Balaghah*, dan kami telah sebutkan di dalam surat No. 48.

[4] Hadith ini perkataan demi perkataan, begitu juga dengan puncanya dan juga di dalam hadith no 2541 pada ms 143, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal*, dan ianya disebutkan di dalam *Muntakhab al-Kanz* juga; maka rujuklah pada yang terkemudian dan baca nota kaki pada ms 31, Vol. 5, dari Ahmed: *Musnad*.

[5] Ibn Abu Hatim telah menyebut Anas sebagai berkata: "Abu Bakr dan 'Umer melamar Fatima dari Rasulullah, tetapi baginda terus berdiam dan tidak memberitahu mereka apa-apa; maka mereka pergi berjumpa 'Ali untuk memberitahunya." Ianya juga disampaikan dari Ibn Abu Hatim oleh banyak penyampai yang dipercayai seperti Ibn Hajar pada permulaan Bab 11 dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*. Ramai penyampai yang lain telah menyebutkan sesuatu yang sama dengannya dari Ahmed melalui isnad sampai kepada Anas. Abu Dawud al-Sajistani, seperti yang dikatakan oleh Ibn Hajar di dalam bab 11 dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*, ketika membincangkan ayat dua belas, berkata bahawa Abu Bakr melamar Fatima, dan Rasulullah [sawas] menolaknya; kemudian 'Umer melakukan yang sama dan baginda menolaknya juga maka keduanya memberitahu 'Ali mengenainya. 'Ali sendiri telah disebutkan sebagai berkata: "Abu Bakr dan 'Umer melamar Fatima dari Rasulullah [sawas], tetapi baginda menolaknya. 'Umer kemudian berkata: 'kamu, 'Ali, lebih layak untuknya.'" Hadith ini telah disebutkan oleh Ibn Jarir. Al-Dulabi telah menyebutnya, mengesahkan kesahihannya ketika membincangkanketurunan Rasulullah yang suci, dan ianya hadith no 6007 pada ms 392, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal*.

[6] Hadith ini tepat, [*verbatim*], dengan rujukan kepada penyampainya, ianya adalah hadith no 5992 pada muka surat 391, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal*, di mana pengarangnya mengaku penyampainya adalah dipercayai

[7] Hadith ini tepat [*verbatim*], dengan rujukan kepada penyampainya, ianya hadith no 2543 pada ms 153, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal*, dimana pengarangnya menyebut dari Ibn 'Abbas dan Abu Hurayrah. Al-Tabrani, di dalam bukunya *Al-Muttafaq*, telah menyampaikan dari al-Khatib yang menyebutnya dari Ibn 'Abbas; maka rujuklah pada *Al-Muntakhab* dan baca baris pertama dari nota kaki pada ms 39, Vol. 5, dari Ahmed: *Musnad*.

## SURAT 69

### HUJAH DARI PENENTANG WASIAT

#### Safar 10, 1330 H

Mereka yang mengikuti Sunnah dan ijmak menafikan wasiat ini kerana apa yang al-Bukhari telah sampaikan di dalam sahihnya dimana dia menyebutkan dari al-Aswad sebagai berkata, "Ianya telah dikatakan kepada 'Ayesha, semoga Allah merasa senang dengannya, bahawa Rasulullah [sawas] telah membuat wasiat mengenai 'Ali,[1] dan dia menjawab: 'Siapa yang mengatakan sedemikian? Saya telah melihat Rasulullah, ketika saya menyandarkan baginda pada dada saya, apabila dia meminta sebekas air untuk dibawaikan kepadanya; saya tak sempat melihat betapa pantas dia jatuh dan mati; maka bagaimana dia boleh membuat wasiat untuk

'Ali?'"[2] Di dalam rujukan yang sama, pengarang menyebut punca yang lain mengatakan 'Ayesha sebagai berkata, "Rasul Allah menghembuskan nafasnya yang akhir diantara perut dan dagu saya," dan dia kerap disebutkan sebagai berkata, "Dia mati bersandar di dada saya," dan dia mungkin ada berkata: "Dia mati ketika kepalanya diatas peha saya."[3] Maka jika ada wasiat, dia pasti telah mengetahui mengenainya. Di dalam sahih Muslim, pada tajuk wasiat pada muka surat 14, Vol. 2, pengarang telah menyebut 'Ayesha sebagai berkata, "Rasul Allah [sawas] tidak meninggalkan dinar mahu pun dirham, tidak juga unta jantan atau unta betina, tidak juga dia meninggalkan apa-apa wasiat." Di dalam kedua-dua sahih, di dalam tajuk mengenai wasiat, Talhah ibn Masrif telah disebut sebagai berkata, "Saya tanya kepada 'Abdullah ibn Abu 'Awfah: 'Adakah Rasul meninggalkan sebarang wasiat?' Dia menjawab: 'Tidak.' Saya tanya kepada dia: 'Bagaimana dia menyuruh manusia menulis wasiat mereka sedangkan dirinya tidak melakukannya?' Dia menjawab 'Wasiatnya adalah Kitab Allah.'" Oleh kerana hadith ini lebih sahih dari yang kamu telah nyatakan, dan termasuk di dalam kedua-dua sahih, sedangkan yang kamu nyatakan tidak, ianya boleh diketengahkan sebagai hujah yang tidak boleh dipertikaikan, Wassalam.

Yang benar,  
S

[1] Hadith ini telah disebutkan oleh al-Bukhari di dalam tajuknya "Al-Wasaya (wasiat)," ms 83, Vol. 2, dari *Sahih*, dan di dalam bab sakit dan matinya Rasul [sawas], ms 64, Vol. 3, pada buku yang sama. Ianya disebutkan oleh Muslim pada ms 64, Vol. 3, dari *Sahih*, dan juga disebutkan oleh Muslim di dalam tajuk wasiat Rasul pada ms 14, Vol. 2, dari *Sahih*.

[2] Kamu mungkin juga sudah tahu bahawa kedua shaykh dengan sengaja menyatakan hadith ini ketika membincangkan wasiat Rasul kepada 'Ali, bagi mereka yang menyatakan pada ketika itu bahawa Rasul telah meninggalkan wasiat kepada 'Ali masih belum berpisah dari kumpulan ummah. Mereka adalah dari golongan sahabat atau tabiin, yang mempunyai keberanian untuk mendedahkan apa yang akan membuat ibu kaum muslimin tidak senang hati dan akan menentang politik diketika itu; atas sebab ini, dia semoga Allah merasa senang dengannya, telah merasa amat gementar apabila dia mendengar hadith mereka. Reaksi sebegitu boleh dilihat di dalam kenyataannya sendiri ketika menjawab, kenyataannya yang amat lemah ketika menjawab. Imam al-Sindi, di dalam komennya pada hadith ini di dalam sunan al-Nisai, seperti yang terdapat di dalam muka surat 241, Vol. 6 (the Egyptian Press at al-Azhar), telah berkata: "Adalah amat jelas hadith yang sedemikian [oleh ibu kaum muslimin 'Ayesha] tidak menafikan adanya wasiat sebelum dari kenyataan dia, tidak juga ianya membuktikan bahawa baginda [sawas] telah mati serta merta dengan tidak dapat meninggalkan wasiat atau terfikir untuk melakukannya, oleh kerana baginda telah tahu penghujungnya telah sampai walaupun sebelum baginda jatuh sakit, kemudian baginda sakit untuk berhari-hari..., " sehinggalah kepada penghujung kenyataannya. Jika kamu teliti kenyataan ini, kamu akan dapati ianya mempunyai hujah yang kuat juga.

[3] Kenyataannya "Dia mati didada saya," dan "Dia mati diantara perut dan dagu saya," telah dirakamkan di dalam bab mengenai sakit dan matinya [sawas] di dalam sahih al-Bukhari. Mengenai kenyataannya "Dia mati sedang kepalanya pada peha saya," ini terdapat pada bab lain yang mana pengarangnya membincangkan sakit dan matinya tanpa ada bab campuran.

## SURAT 70

- 1] WASIAT TIDAK BOLEH DISANGKAL
- 2] MENGAPA MENAFIKANNYA
- 3] HUJAH PENENTANG TIDAK KUKUH
- 4] AKAL FIKIRAN DAN INTELEK MEMERLUKANNYA

### Safar 11, 1330 H

1) Wasiat Rasul mengenai 'Ali tidak boleh disangkal, kerana tidak ada keraguan bahawa baginda mempercayai beliau, setelah mewariskan kepada beliau ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan baginda, seperti yang dinyatakan di dalam surat 66 diatas, untuk memandikan jasadnya, mengkafankan dan mengkebumikannya,[4] dan membayarkan apa yang tertanggung, melaksanakan janji-janji baginda bagi pihak dirinya, membayar segala hutang-hutang baginda,[5] dan menjelaskan kepada manusia selepas baginda apa sahaja perkara yang mereka pertikaikan mengenai arahan dan perundangan Allah awj.[6] Baginda juga mengamanahkan ummah untuk mengambil 'Ali [as] sebagai pengganti baginda [sawas],[7] saudara,[8] bapa kepada keturunan baginda,[9] wazir baginda,[10] yang dipercayai,[11] pelaksana wasiatnya,[12] wakil baginda,[13] pintu kepada ilmu pengetahuannya, menurut kepada hadith no. 9 dinyatakan di dalam surat 48 diatas, pintu kepada kebijaksanaan baginda, menurut hadith no. 10 dinyatakan di dalam surat 48, pintu keampunan bagi ummahnya, menurut hadith no 14, yang dinyatakan di dalam surat 48 diatas, penjagaan dan bahtera keselamatan, seperti pengakuan dari hadith yang kami sebutkan di dalam surat 8 diatas. Patuh kepada 'Ali adalah sama pentingnya seperti patuh kepada Rasul sendiri: engkar kepada beliau adalah dosa yang sama seperti engkar kepada Rasul menurut hadith no 16 yang dinyatakan di dalam surat 48 dan juga menurut dari yang lain. Mengikuti beliau adalah sama seperti mengikuti Rasul; meninggalkan beliau adalah meninggalkan

Rasul, menurut hadits no 17 yang disebutkan di dalam surat 48 diatas dan menurut dari yang lain, bahawa baginda [sawas] berbaik dengan sesiapa yang berbaik dengan beliau, dan baginda adalah musuh bagi sesiapa yang bermusuhan dengan beliau,[14] sahabat bagi sesiapa yang bersahabat dengan beliau dan musuh bagi sesiapa yang menyakiti beliau;[15] sesiapa yang mencintai beliau dicintai Allah dan RasulNya, dan sesiapa yang membencinya, begitu juga telah membenci kepada Allah dan RasulNya, menurut hadits no 19, 20 dan 21 yang dinyatakan di dalam surat 48 diatas dan juga menurut yang lain. Sesiapa berbaik dengan beliau telah berbaik dengan mereka berdua, dan sesiapa menyakiti beliau sesungguhnya telah menyakiti mereka berdua, menurut dari hadits 23 yang disebutkan di dalam surat yang sama; sesiapa yang mencederakan beliau telah mencederakan mereka juga;[16] sesiapa yang menolak beliau sesungguhnya telah menolak keduanya, Allah dan Rasul [sawas] menurut pada hadits 18 yang dinyatakan pada surat 48 diatas, dan menurut yang lain. Beliau adalah Imam bagi yang beriman dan penghapus bagi yang durjana; sesiapa yang menyokong beliau sesungguhnya telah disokong Ilahi, dan sesiapa yang mengkhianati beliau telah dikhianati oleh Allah, menurut dari hadits pertama yang dinyatakan di dalam surat yang sama dan begitu juga yang lain; Beliau adalah ketua bagi Muslim dan Imam bagi yang beriman, pemimpin bagi yang wara' diantara mereka-mereka yang terkenal, menurut dari hadits 2, 3, 4, dan 5 di dalam surat 48; Beliau adalah panji-panji petunjuk, Imam bagi hamba-hamba Allah, rumah api bagi sesiapa yang mematuhi perintah Allah, Perkataan yang mana Allah telah perintahkan kepada yang wara', menurut pada hadits 6 di dalam surat yang sama dan juga menurut yang lain; beliau adalah Siddiq yang utama, Faruq ummah, ketua bagi yang beriman, menurut dari hadits 7 di dalam surat yang sama dan menurut yang lain. Status beliau adalah seperti Quran yang agung dan Ahl Dzikir.[17] Beliau kepada Rasul adalah sama seperti kedudukan Harun pada perbandingan dengan Musa, seperti yang dijelaskan di dalam surat No. 26, 28, 30, 32, dan 34, dan status Rasul dengan Tuhannya, menurut hadits 13 dari surat 48, dan menurut yang lainnya, dan seperti kedudukan kepala pada badan, menurut pada hadits yang disebutkan pada surat 50 dan pada yang lain, yang mana kami telah rujukan kepada kamu, dengan mengesyorkan supaya kamu melihat kepada ulasan kami. Beliau adalah umpama diri baginda [sawas] menurut dari ayat Mubahala dan kepada hadits yang disebutkan oleh Ibn `Awwf yang disebutkan semula di dalam surat 50. Allah awj telah melihat kepada penduduk dunia dan memilih beliau dari diantara mereka seperti yang jelas di dalam tradisi yang kami telah sebutkan di dalam surat 68. Mencukupi bagi kamu perjanjian pada berdirinya di hari Arafat semasa Haji Perpisahan, bahawa tiada siapa yang boleh melaksanakan tanggung jawab Rasul selain dari Rasul sendiri atau `Ali,[18] sehinggalah sampai kepada penghujung dari yang begitu banyak kemuliaan yang mana tiada siapa yang boleh mengakui selain dari diri seorang wasi, dan juga mereka yang menikmati status tertentu dengan Rasul; dari itu bagaimana seorang yang bijak boleh menafikan wasiat Rasul, atau tidak terlihat olehnya, selain dari mereka yang berkepentingan? Apakah dia wasiat selain dari mengamanahkan sesaorang dengan sesuatu perkara?

2) Mengenai dengan pengikut empat kumpulan [madhab], sesiapa yang menafikan dari diantara mereka, telah melakukannya, disebabkan pada fikiran mereka dengan menerimanya akan merosakkan kesahihan khalifa ketiga-tiga Imam.

3) Kami tidak boleh menerima hujah mereka hanya kerana ianya berasaskan kepada apa yang al-Bukhari dan yang lain katakan. Mereka menyebutkan dari Talhah ibn Masrif sebagai berkata: "Saya tanya `Abdullah ibn Abu `Awwfah: `Adakah Rasul meninggalkan apa-apa wasiat?' Dia menjawab: `Tidak.' Saya bertanya: `Bagaimana baginda mengarah manusia untuk menulis wasiat mereka sedang baginda sendiri tidak melakukannya?' Dia menjawab: `Wasiat baginda adalah kitab Allah.'" Hadith ini tidak disahkan dari punca kami; ianya adalah pemalsuan yang diadakan oleh ahli politik tertentu. Walaupun begitu, *sahih*s dari keturunan yang disucikan adalah *mutawatir* mengenai isu wasiat; maka biarlah segala teks yang bertentangan dengan mereka diabaikan.

4) Malah isu wasiat tidak memerlukan kepada sebarang penghujahan disebabkan oleh alasan [logik] dan akal fikiran.

Jika sesuatu memanjang [dalam masa yang lama], ianya berdiri dengan sendiri – dalam bentuk dan warna; Yang pasti matahari akan menghilangkan semuanya yang palsu.

Mengenai dengan sampaian al-Bukhari dari Ibn Abu `Awwfah yang mengatakan bahawa Rasul [sawas] telah meninggalkan kitab Allah sebagai wasiatnya, adalah satu kenyataan yang ekornya telah dipotong, kerana baginda [sawas], telah mengutarakan kepada ummahnya untuk berpegang kepada Perkara yang Berat serentak, memberi amaran akan bahaya sesat jika tidak melakukannya, memberitahu bahawa mereka tidak akan berpisah sehinggalah mereka bertemu dengan baginda di Tasik. Sahih kami dalam perkara ini telah disampaikan secara turutan [mutawatir] dari punca keturunan yang disucikan; maka rujuklah kepada sahih lain yang kami telah sebutkan di dalam surat No. 8 dan 54, Wassalam.

Yang benar,  
Sh

[4] Pada ms 66, Bahagian 2, Vol. 2, dari buku *Tabaqat*, Ibn Sa'd menyebut `Ali sebagai berkata: "Rasul [sawas] telah mengarahkan bahawa tiada siapa selain dari saya yang boleh memandikan jasadnya." Keduanya Abul Shaykh dan Ibn al-Najjar, seperti yang dinyatakan pada ms 54, Vol. 4, dari *Kanz al-'Ummal*, menyebut `Ali (as) sebagai berkata: "Rasul Allah [sawas] telah mengarah kepada saya dengan berkata: `Apabila saya mati, mandikan saya dan gunakan tujuh bekas air dari kulit.'" Ibn Sa'd, ketika membincangkan memandikan jasad

Rasul [sawas] pada ms 63, Bahagian 2, Vol. 2, dari *Tabaqat*, menyebutkan `Abdul-Wahid ibn Abu `Awanah sebagai berkata bahawa Rasul jatuh sakit sebelum baginda wafat, baginda berkata: "Wahai `Ali! Kamu hendaklah memandikan saya apabila saya meninggal." `Ali berkata: "Saya lakukan, mandikan baginda, dan setiap bahagian dari tubuhnya bertindak pada sentuhan saya." Keduanya al-Hakim, pada ms 59, Vol. 3, dari *Al-Mustadrak*, dan al-Thahbi di dalam *Talkhis*, menyebut `Ali sebagai berkata: "Saya mandikan jasad Rasul Allah, dan saya tunggu untuk melihat kesan kematian diatas tubuh baginda, tetapi saya dapati tiada perubahan: bau tubuh baginda ketika mati sama wanginya seperti bau tubuh baginda ketika hidup." Hadith ini disebutkan oleh Sa'id ibn Mansur di dalam buku tradisinya, oleh al-Marwazi di dalam buku *Jana'iz*, oleh Abu Dawud di dalam bukunya *Marasil*, oleh Ibn Mani', Ibn Abu Shaybah di dalam buku tradisinya, dan ianya hadith number 1094, pada ms 54, Vol. 4, dari *Kanz al-'Ummal*. Al-Bayhaqi, di dalam buku tradisinya, telah menyebut Abdullah ibn al-Harith sebagai berkata: "`Ali memandikan jasad Rasul [sawas] sedang tubuh baginda ditutupi oleh baju baginda," dan ianya number 1104, ms 55, Vol. 4, dari *Kanz al-'Ummal*, dan Ibn `Abbas telah disebutkan sebagai berkata: "`Ali mempunyai 4 kereker yang orang lain tidak ada: Beliau adalah yang pertama untuk bersolat dengan Rasul Allah [sawas]; beliau bersama baginda di dalam semua kempen peperangannya; beliau tinggal bersama baginda apabila semua yang lain lari menyelamatkan diri, dan beliau yang menguruskan permandian jasad baginda dan meletakkannya kedalam kubur." Ini disebutkan oleh Ibn `Abd al-Birr di dalam biografi `Ali dari buku *Isti'ab*, dan oleh al-Hakim pada ms 111, Vol. 3, dari *Al-Mustadrak*. Dia juga menyebut dari Abu Sa'id al-Khudri sebagai berkata bahawa Rasul Allah [sawas] telah berkata kepada `Ali: "Wahai `Ali! Kamulah yang akan memandikan saya, bayarkan hutang saya, dan masukkan saya kedalam kubur." Ini telah disebutkan oleh al-Daylami, juga, dan ianya adalah hadith number 2583, ms 155, Vol. 4, dari *Kanz al-'Ummal*. `Umer telah disebut sebagai berkata bahawa Rasul Allah [sawas] telah berkata kepada `Ali (as) suatu ketika: "Kamu hendaklah memandi dan mengkebumikan saya," menurut dari hadith pada ms 393, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal*. Di nota kaki pada ms 45, Vol. 5, dari Ahmed: *Musnad*, `Ali telah disebutkan sebagai berkata: "Saya telah mendengar Rasul Allah [sawas] berkata: `Saya telah diberikan 5 dari apa yang saya hajati mengenai `Ali, yang mana tidak pernah diberikan kepada mana-mana Rasul sebelum itu mengenai sesiapa sahaja. Yang pertama adalah beliau yang akan membayar hutang-hutang saya dan mengkebumikan jasad saya...,` sehingga selesai dari hadith yang disebut pada permulaan ms 403, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal*. Dan apabila jasad baginda diletakkan pada katil dan manusia berhasrat untuk menunaikan solat jenazah, `Ali berkata: "Tiada siapa boleh menjadi Imam di dalam menunaikan solat tersebut, kerana Rasul Allah adalah Imam kamu ketika hidup dan mati." Manusia masuk kedalam berkumpul dan berdiri menunaikan solat jenazah di dalam barisan tanpa Imam. Mereka akan memulakan *takbir* dan `Ali berdiri hampir dengan tubuh Rasul Allah [sawas] dengan berkata: "Keamanan keatas kamu, Wahai Rasul, serta rahmat dan kesejahteraan Allah; kami menjadi saksi, Wahai Tuhan yang Perkasa, bahawa baginda telah sampaikan apa yang Kamu telah wahyukan kepada baginda, memberikan nasihat kepada ummahnya, dan berjuang di jalan Allah sehingga Dia yang maha Tinggi, yang Esa, meninggikan agamaNya dan misi baginda telah terlaksana. Wahai Tuhan! Masukkanlah kami diantara mereka yang mengikuti apa yang kamu telah wahyukan kepada baginda, jadikan kami kuat di dalam apa yang kami yakini, dan satukan ruh kami di dalam kumpulan baginda," dan manusia akan membalas dengan "Amin, Amin." Ini berterusan sehingga semua lelaki, kemudian wanita, kemudian kanak-kanak, menunaikannya. Hadith ini perkataan demi perkataan [*verbatim*] telah disebutkan oleh Ibn Sa'd di dalam perbincangannya, bagaimana Rasul telah diberikan mandi jenazah di dalam bukunya *Tabaqat*. Yang pertama masuk untuk memberikan penghormatan adalah keturunan Hashim, kemudian *Muhajirun*, kemudian *Ansar*, kemudian yang lainnya. Orang pertama untuk melakukan solat jenazah pada ruhnyanya yang telah pergi adalah `Ali dan al-`Abbas yang berdiri sebelah menyebelah dan melakukan lima *takbirs*.

[5] Kenyataan dalam perkara ini telah disampaikan secara turutan dari keturunan yang suci [as] Mencukupi bagi kamu apa yang disebutkan di dalam *Al-Kabir* oleh al-Tabrani dari Ibn `Umer, dan oleh Abu Ya'li di dalam buku *Musnad* dari `Ali (as). Yang pertama menyebut satu hadith tertentu yang mana Rasul Allah [sawas] telah berkata: "Wahai `Ali! Kamu adalah saudara dan wazir saya, dan kamu akan membayar hutang saya bagi pihak saya, memenuhi janji-janji saya, dan tenangkan jiwa saya." Kamu boleh jumpa hadith ini pada ms 155, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal* yang dinyatakan oleh Ibn `Umer. Pada ms 404, Vol. 6, pada rujukan yang sama, `Ali (as) telah disebut mengatakan yang sama. Ramai telah menyebutkan al-Buwaisiri berkata bahawa penyampai hadith ini semuanya dipercayai. Ibn Mardawayh dan al-Daylami, seperti dinyatakan pada ms 155, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal*, menyebut Salman al-Farisi berkata bahawa Rasul Allah [sawas] telah berkata: "`Ali ibn Abu Talib menunaikan janji-janji saya bagi pihak diri saya, dan beliau membayar hutang-hutang saya." Al-Bazzaz, seperti yang dinyatakan pada ms 153, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal*, menunjukan yang sama. Ianya juga disebut oleh Imam Ahmed ibn Hanbal pada ms 164, Vol. 4, di dalam *Musnad* dari Habashi ibn Janadah yang berkata "Saya telah mendengar Rasul Allah [sawas] berkata: `Tiada siapa membayar hutang saya melainkan saya atau `Ali.'" Ibn Mardawayh, seperti yang dinyatakan pada ms 401, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal*, menyebut `Ali (as) sebagai berkata bahawa apabila ayat "Dan ingatkan kerabat terdekat " telah diwahyukan, Rasul Allah [sawas] berkata: "`Ali membayar hutang-hutang saya, dan menunaikan janji-janji bagi pihak diri saya." Sa'd berkata bahawa pada hari Juhfa, Rasul Allah [sawas], setelah memegang tangan `Ali dan memberi syarahan, memuji dan membesarkan Allah, kemudian baginda berkata: "O ummah! Saya adalah wali kamu." Mereka berkata: "Kamu telah mengatakan yang benar, Wahai Rasul Allah." Kemudian Baginda mengangkat tangan `Ali dan berkata: "Ini telah dipilih untuk menjadi wali saya; beliau akan membayar hutang saya bagi pihak diri saya." Qatdah telah disebutkan sebagai berkata, "`Ali telah melaksanakan selepas Rasul [sawas] beberapa tugas [bagi pihak diri Rasul] satu darinya dikatakan membayar hutang [jumlah hutang] 500 000 dirhams." `Abdul-Razzaq telah ditanya: "Adakah Rasul [sawas] meninggalkan wasiat dalam perkara ini?" Dia menjawab: "Ya;

saya tidak merasa ragu sama sekali bahawa Rasul [sawas] ada meninggalkan wasiat kepada `Ali; jika tidak tiada siapa yang akan membenarkan beliau membayar semua hutang Rasul sendiri." Hadith ini telah disebutkan oleh pengarang *Kanz al-Ummal* pada ms 60, Vol. 4, yang nombornya 1170.

[6] Teks yang sahih semuanya telah mengatakan bahawa baginda [sawas] telah memberi amanah kepada `Ali (as) untuk menjelaskan pada ummahnya apa saja perkara yang meragukan yang mana mereka pertikaikan selepas baginda. Mencukupi buat kamu hadith no. 11 dan 12 yang disebutkan dalam surat No. 48, sebagai tambahan kepada apa yang kami telah sebutkan, begitu juga dengan yang lain yang kami tidak sebutkan kerana ianya telah diketahui umum.

[7] Ini telah diterangkan di dalam surat 36, 40, 54, dan 56 di atas.

[8] Persaudaraan diantara Rasul dan wasinya adalah *mutawatir*, dan mencukupi bagi kamu sebagai bukti terhadap kesahihannya apa yang kami telah sebutkan di dalam surat No. 32 dan 34.

[9] Beliau sebagai bapa kepada keturunan baginda telah difahami. Baginda [sawas] telah berkata kepada `Ali (as): "Kamu adalah saudara saya, dan bapa kepada keturunan saya; kamu akan berperang untuk sunnah saya." Hadith ini telah disebutkan oleh Abu Ya`li di dalam *Musnad*, seperti yang dinyatakan pada ms 404, Vol. 6, dari *Kanz al-Ummal*, dan penyampainya semua dipercayai seperti yang diterima oleh al-Busairi. Ianya juga telah disebutkan di dalam Ahmed: *Manaqib*, seperti yang tersebut pada penghujung seksen 2, bahagian 9, ms 74, dari buku Ibn Hajar *Al-Sawa`iq al-Muhriqa*. Baginda [sawas] juga telah berkata: "Allah telah meletakkan keturunan setiap Rasul pada tempat peranakannya, dan Dia telah meletakkan keturunan saya pada `Ali." Hadith ini telah disebutkan oleh al-Tabrani di dalam *Al-Kabir* seperti yang disampaikan oleh Jabir, dan oleh al-Khatib di dalam *Tarikh* dari Ibn `Abbas. Ianya hadith number 2510, ms 152, Vol. 6, dari *Kanz al-Ummal*. Dan baginda [sawas] telah berkata: "Semua keturunan dari wanita kepunyaan kepada yang lelaki melainkan Fatima, kerana saya adalah wali dan bapa mereka." Ini telah disebutkan oleh al-Tabrani dari al-Zahra' (as) dan terjumlah diantara hadith yang disebutkan oleh Ibn Hajar di dalam seksen 2, bahagian 11, dari *Al-Sawa`iq al-Muhriqa*, ms 112. Ianya juga disebutkan oleh al-Tabrani dari Ibn `Umer seperti yang dirujuk di muka surat yang sama. Al-Hakim menyebut sesuatu yang sama seperti ini dimuka surat 164, Vol. 3, dari *Al-Mustadrak*, dengan menambah: "Penyampai hadith ini boleh dipercayai, walaupun mereka [Bukhari dan Muslim] tidak merakamnya." Baginda [sawas] telah berkata pada satu hadith yang disebutkan oleh al-Hakim di dalam *Al-Mustadrak*, dan al-Thahbi di dalam *Talkhis al-Mustadrak*, keduanya mengesahkan hadith ini sahih disebabkan telah diakui oleh kedua shaykh, 'Mengenai kamu, Wahai `Ali, sesungguhnya kamu adalah saudara saya, dan bapa kepada keturunan saya, kamu adalah dari saya dan saya dari kamu," sehingga ke penghujung lis teks yang sahih.

[10] Rujuklah kepada teks mengenai kerajaan `Ali seperti kenyataan baginda [sawas]: "kamu kepada saya adalah di dalam status yang sama seperti Harun kepada Musa," seperti yang kami terangkan di dalam surat No. 26, dan di dalam yang lain. Dan juga kenyataan baginda [sawas] di dalam hadith memberi peringatan kepada ahl rumah, "Maka siapa diantara kamu yang akan menyokong saya di dalam misi saya?" `Ali menjawab: "Saya wahai Rasul Allah!, yang hendak menjadi penyokong kamu di dalam perkara ini," seperti yang disebutkan di dalam surat No. 20. Semoga Allah memberi ganjaran kepada Imam Abu-Sayri untuk syairnya yang amat menarik yang mana dia berkata:

Dan wazir bagi sepupunya di dalam penuh kemuliaan

Dan di dalam rumah mereka wazir diutamakan

Mendedahkan penutupnya tidakkah penglibatannya bertambah

Seperti mentari, tiada yang melemahkan sinarannya

[11] Penerimaan ummah telah menentukan bahawa terdapat satu ayat di dalam kitab Allah yang menugaskan bukan sesiapa melainkan `Ali sehingga kehari pengadilan. Ianya adalah ayat pada meninggikan [*najwa*] di dalam Surat al-Mujadila. Ini telah dipersetujui oleh kedua, penyokong dan juga penentang beliau yang telah menyebutkan perkara ini, banyak teks yang dikatakan sahih menurut dari kedua shaykh, dan telah diketahui oleh mereka yang wara' begitu juga dengan mereka yang keji. Mencukupi bagi kamu apa yang disebutkan oleh al-Hakim pada ms 482, Vol. 2, dari *Al-Mustadrak*, dan oleh al-Thahbi dari *Talkhis al-Mustadrak*. Rujuk juga pada penafsiran ayat ini seperti yang dirakamkan oleh buku-buku tafsir yang dikarang oleh al-Tha`labi, al-Tabari, al-Sayyuti, al-Zamakhshari, al-Razi, dan yang lainnya. Di dalam surat yang akan datang surat no 74, kamu akan mengetahui dua hadith yang disampaikan oleh Umm Salamah dan `Abdullah ibn `Umer mengenai dialog sulit diantara Rasul [sawas] dengan `Ali [as] sejurus sebelum wafatnya baginda, dan kamu akan mengetahui dengan perbincangan sulit mereka pada Hari Ta'if, dan kenyataan Rasul Allah [sawas] adalah: 'Bukanlah saya yang menaruhkan kepercayaan kepada beliau; ianya adalah Allah yang telah melakukannya," dan juga kepada percakapan sulit mereka semasa waktu kepunyaan `Ayesha; maka fikirkanlah terhadapnya.

[12] Mencukupi buat kamu pada teks yang membuktikan bahawa beliau adalah wali baginda, kenyataan baginda [sawas] disebutkan oleh Ibn `Abbas dan rujuk di dalam surat No. 22: "Kamu adalah wali bagi pihak saya di dalam kehidupan ini dan di kehidupan akhirat." Hadith ini berdiri diatas asas yang kukuh menurut dari apa yang dikehendaki oleh agama Islam; dari itu tiada perlunya untuk mengatakan secara khusus.

[13] Mencukupi buat kamu teks bagi wasiat dari apa yang kamu telah dengar di dalam surat No. 68.

[14] Ini telah disebutkan oleh Imam Ahmed dari hadith Abu Hurayrah pada ms 442, Vol. 2, dari buku *Musnad*. Dia mengatakan bahawa Rasul Allah [sawas] melihat kepada `Ali, Fatima, al-Hasan, and al-Husayn [as], kemudian berkata: "Saya mengistihar perang kepada sesiapa yang menentang kamu, dan berdamai dengan mereka yang berdamai dengan kamu." Di dalam hadith sahih yang lain, baginda [sawas] telah juga berkata apabila baginda menyelimutkan mereka dengan kain, "Saya mengistiharkan perang kepada sesiapa yang berperang dengan mereka, dan berdamai dengan sesiapa yang berdamai kepada mereka." Hadith ini telah



disampaikan oleh Ibn Hajar ketika menjelaskan ayat pertama, yang dia katakan telah diwahyukan pada menghormati mereka di dalam seksen 1, bahagian 11, dari *Al-Sawa'iq al-Muhriqa*, dengan memberikan penjelasan yang mendalam untuk kenyataan baginda [sawas]: "Memerangi 'Ali adalah memerangi saya juga, dan berdamai dengan 'Ali adalah berdamai dengan saya."

[15] Rujuk kepada hadith 20 di dalam surat No. 48. Kenyataan baginda yang berturutan: "Wahai Tuhan! Berbaiklah dengan sesiapa yang berbaik dengan beliau, dan jadilah musuh bagi sesiapa yang menjadikan dirinya sebagai musuh beliau " ini seharusnya, dengan kebesaran Allah, telah mencukupi. Kamu telah dengar dari surat No. 36 kenyataan baginda [sawas] seperti yang disebutkan oleh Buraydah: "Sesiapa yang membenci 'Ali membenci saya juga, dan sesiapa yang meninggalkan 'Ali, meninggalkan saya juga." Hadith *mutawatir* yang lain adalah kenyataan baginda [sawas]: "Tiada siapa yang mencintai beliau ['Ali] melainkan yang beriman, dan tiada siapa yang membenci beliau melainkan yang hipokrit." Ianya adalah, demi Allah, ikatan perjanjian Rasul [sawas] yang Ummi.

[16] Pertimbangkan kenyataan baginda [sawas] yang telah disebutkan oleh 'Umer ibn Shash, "Sesiapa yang melukakan 'Ali, melukakan saya juga," yang mana telah disebutkan oleh Ahmed pada ms 483, Vol. 3, dari *Musnad*, dan oleh al-Hakim pada ms 123, Vol. 3, dari *Al-Mustadrak*, dan oleh al-Thahbi di dalam *Talkhis al-Mustadrak* dimana dia mengesahkan kesahihannya. Al-Bukhari telah menyebutkan di dalam *Tarikh*, Ibn Sa'd di dalam *Tabaqat*, Ibn Abu-Shaybah di dalam *Musnad*, dan al-Tabrani di dalam *Kabir*. Ianya terdapat pada ms 400, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal*.

[17] Pertimbangkan di dalam pengertian ini apa yang kamu dengar di dalam surat No. 8 menyebutkan Sihah al-Thaqalain, kerana ianya menunjukkan kebenaran kepada mereka yang mempunyai mata untuk melihat, dan kamu juga telah mengetahui di dalam surat No. 50 bahawa "'Ali adalah bersama al-Qur'an dan al-Qur'an adalah bersama 'Ali; mereka tidak akan saling berpisah."

[18] Akal fikiran [logik] sahaja telah mengatakan adalah mustahil bahawa Rasul [sawas] akan mengarahkan sesuatu dan dengan tegas memaksakan ummah melakukannya sedangkan dia sendiri sangat-sangat memerlukan untuk bertindak keatasnya. Baginda perlukan wasiat supaya dapat melantik wakilnya, dan pertimbangkan anak yatim yang sangat memerlukan kepada penjaga. Allah maha tinggi dari mengabaikan warisannya yang berharga, yang termasuk perundangan dan perintah Allah, dan Allah maha tinggi dari meninggalkan anak yatim dan janda, yang menjadi penduduk dunia yang bertebaran, bergelut di dalam kegelapan, pergi balik sesuka mereka, tanpa seorang *qayyim* yang melaluinya penghujahan Allah menjadi sempurna terhadap mereka. Bahkan kewarasan fikiran dengan sendiri mengatakan bahawa beginda seharusnya telah meninggalkan wasiat untuk 'Ali (as), oleh kerana kita telah menjumpai, Rasul Allah [sawas] telah mengamanahkan kepada beliau untuk memandikan dan meletakkan wangian, untuk mengkafankan dan kebumikan baginda, kemudian untuk membayar hutang-hutang yang ada dan untuk menenteramkan jiwanya, dan menjelaskan kepada manusia apa yang mereka perbezakan mengenai agama mereka selepas baginda... etc., seperti yang dirujuk pada permulaan surat ini.

## SURAT 71

MENGAPA MONOLAK HADITH UMM MUKMININ DAN YANG TERBAIK DIANTARA ISTERI RASUL?

### Safar 11, 1330 H

Mengapa kamu – semoga Allah mengampunkan kamu – berpaling dari umm mukminin dan isteri Rasul yang terbaik dan menolak hadithnya, meninggalkannya untuk dilupakan, sedangkan kenyataannya adalah muktamad dan penilaiannya adil? Walaupun demikian, kamu bolehlah berikan pandangan kamu untuk kami pertimbangkan, Wassalam.

Yang ikhlas,  
S

## SURAT 72

- 1] DIA BUKANLAH ISTERI RASUL YANG TERBAIK
- 2] TERBAIK ADALAH KHADIJA
- 3] BAYANGAN UMUM SEBAB MENGAPA HADITHNYA DITOLAK

### Safar 12, 1330 H

1) Umm mukminin 'Ayesha menikmati kedudukan status yang khas, dan dia mempunyai sumbangannya yang tersendiri bagi dirinya, tetapi dia bukanlah isteri Rasul yang terbaik. Bagaimana dia boleh menjadi yang terbaik kerana terdapat satu hadith sahih yang menyebutkan dia sebagai berkata, "Rasul Allah [sawas] suatu ketika menyebut Khadija, dan saya membantah dengan berkata: 'Beliau adalah seorang wanita tua, dan begini dan begitu, dan Allah telah memberikan kepada kamu seorang yang lebih baik dari beliau [bererti dirinya]'. Baginda berkata: 'Tidak sama sekali; Allah tidak memberikan kepada saya yang lebih baik dari dirinya; beliau

mempercayai saya apabila manusia menolak saya, dan beliau yakin kepada saya apabila manusia mengatakan saya pendusta, beliau berkongsi hartanya dengan saya apabila manusia menghalang saya, dan Allah merahmati saya dengan anak-anak dengan beliau dan menghalang saya dari anak-anak dari semua yang lain"? `Ayesha juga telah dilaporkan sebagai berkata, "Rasul Allah [sawas] tidak pernah meninggalkan rumah sebelum menyebut Khadija dan memujinya. Satu hari baginda menyebutnya, dan saya merasa cemburu. Saya berkata: `Dia adalah seorang wanita tua, sedang Allah telah merahmati kamu dengan seorang yang lebih baik darinya?' Baginda menjadi amat terluka sehingga rambut baginda yang dihadapan bergoyang dengan kemarahan, kemudian baginda berkata: `Tidak demi Allah! Allah tidak merahmati saya dengan seorang yang lebih baik darinya! Beliau percaya kepada saya apabila manusia tidak; beliau meyakini saya apabila manusia mengatakan saya pendusta; beliau berikan bahagian yang sama dari hartanya kepada saya apabila manusia menghalang saya, dan Allah merahmati saya dengan anak-anak dengannya sedang menghalang saya dari anak-anak dari wanita yang lain.'"[1]

2) Dari itu isteri Rasul yang terbaik adalah Khadija al-Kubra, yang benar pada ummah ini, yang pertama di dalam mempercayai kepada Allah dan kitabNya dan pada menghiburkan RasulNya. Allah telah mengilhamkan RasulNya [sawas] untuk menyampaikan berita gembira kepada beliau bahawa beliau mempunyai di dalam syurga sebuah rumah yang diperbuat dari emas dan perak.[2] dan bahawa beliau adalah yang disayangi Allah. Yang Perkasa berkata kepadanya: "Wanita yang terbaik disyurga adalah Khadija anak perempuan Khuaylid, Fatima anak perempuan Muhammad, Asiya anak perempuan Muzahim, dan Mariam anak perempuan `Umrان (Amram)." Baginda [sawas] telah berkata: "Diantara semua wanita didunia, yang terbaik adalah Khadija anak perempuan Khuaylid, Fatima anak perempuan Muhammad, Asiya anak perempuan Muzahim, dan Mariam anak perempuan `Umrان." Terdapat hadith lain diantara yang paling sahih dan dipercayai mengatakan yang sedemikian.[3]

Ianya juga tidak boleh dikatakan bahawa `Ayesha adalah yang terbaik diantara umm mukminin selain Khadija. Tradisi yang dipercayai dan peristiwa yang telah dirakamkan enggan untuk mengutamakan dari isteri yang lain, seperti yang dilihat oleh mereka yang bijak. Mungkin dia sendiri yang memikirkan bahawa dia terlebih utama dari yang lain, dan Rasul [sawas] tidak setuju dengan cara dia menilai. Perkara yang sama terjadi dengan Safiyya anak perempuan Huyay apabila Rasul Allah [sawas] masuk kebiliknya dan mendapati dia sedang menangis. Baginda bertanya: "Apa yang menyedihkan kamu?" Dia menjawab: "Saya dapat tahu bahawa kedua mereka `Ayesha dan Hafsa berkata yang buruk mengenai saya dan mengatakan bahawa mereka lebih baik dari saya." Baginda [sawas] berkata: "Mengapa kamu tidak katakan kepada mereka: `Bagaimana kamu boleh menjadi lebih baik dari saya, oleh kerana bapa saya adalah Harun, bapa saudara saya adalah Musa, dan suami saya adalah Muhammad?"[4] Sesiapa meneliti umm mukminin `Ayesha di dalam perbuatan dan kenyataannya, akan dapati seperti apa yang kami nyatakan disini.

3) Sebab mengapa kami telah menolak hadith dia mengenai wasiat adalah disebabkan bahawa ianya tidak merupakan sebagai hujah, dan tolong jangan meminta saya memanjangkan maksud ini, Wassalam.

Yang ikhlas,  
Sh

[1] Hadith ini dan yang berikutnya adalah diantara hadith yang khusus disampaikan oleh Sunnis. Rujuk kepadanya di dalam perbincangan Khadija al-Kubra (as) di dalam *Isti`ab*, dan kamu akan menjumpainya seperti yang kami sebutkan disini dengan tepat [*verbatim*.] Ianya telah disebutkan oleh al-Bukhari dan Muslim di dalam sahih mereka dengan perkataan yang hampir sama.

[2] Seperti disampaikan oleh al-Bukhari di dalam Bab cemburunya wanita dan sentimen, pada penghujung tajuk perkahwinan, ms 175, Vol. 3, dari *Sahih*.

[3] Kami telah sebutkan pada perenggan kedua dari kenyataan kami, dan sesiapa yang berhajat untuk menyelidik maka rujuklah kepadanya.

[4] Ini telah disebutkan oleh al-Tirmithi dari Kinanah, hamba kepada umm mukminin Safiyya, dan ianya disampaikan oleh Ibn `Abd al-Birr di dalam biografi Safiyya dari bukunya *Isti`ab*, Ibn Hajar di dalam biografinya dari buku *Al-Isabah*, oleh Shaykh Rashid Rida pada penghujung ms 589, Vol. 12, dari buku *Manar*, sebagai tambahan kepada banyak lagi tradisi yang lain

## SURAT 73

MEMINTA PENJELASAN PADA PENOLAKAN HADITH 'AYESHA

**Safar 13, 1330 H**

Kamu bukan seorang yang memperdaya, menipu atau berpura-pura, tidak juga kamu seorang yang menuduh sesaorang yang lain dengan kepaluan. Kamu lebih dari itu untuk didakwa atau dituduh seperti yang demikian. Saya, pujian bagi Allah, tidak mengkritik mahupun menolak, dan tidak juga saya mencari kesalahan sesaorang atau keburukan; kebenaran adalah yang saya cari. Saya tidak dapat menolak bertanya kepada kamu mengapa

kamu berpaling dari hadithnya [‘Ayesha], dan jawapan kamu yang didokumenkan adalah sesuatu yang tidak dapat dielakan.

Sampaikan penghabaran, dan janganlah risau,

Sejukkanlah mata, dan bergembira.

Hujah yang saya tekankan dalam perkara ini ada terdapat di dalam pengertian pada ayat al-Quran: "Mereka yang menyembunyikan apa yang Kami telah sampaikan dari tanda yang jelas dan petunjuk, setelah Kami jadikannya jelas kepada manusia di dalam kitab: mereka telah dikutuk oleh Allah dan oleh mereka yang mengutuk (2:159)"..., Wassalam.

Yang ikhlas,

S.

## SURAT 74

1] PENJELASAN MENGAPA KAMI MENOLAK HADITH DIA

2] HUJAH PENGESAHAN WASIAT

3] TUNTUTAN DIA BAHAWA RASUL WAFAT DIDADANYA ADALAH DITOLAK

### Safar 15, 1330

1) Kamu telah, semoga Allah membantu kau, mendesak supaya saya menjelaskan, dan kamu tidak memberi saya sebarang pilihan melainkan dari melakukannya. Dari pengetahuan kamu yang luas, kamu tahu dari mana kami datang. Disinilah letaknya permulaan wasiat; disinilah letaknya medan pertemporan teks yang jelas; disinilah letaknya penghapusan khums, warisan, dan kepercayaan; disinilah letaknya penyebab fitnah, disinilah letaknya sebab perselisihan; disinilah letaknya punca perpecahan...[1] Ketika memerangi Amirul Mukminin, dia telah menjelajah segala pelusuk, memimpin pasukan yang besar untuk merampas kerajaan beliau dan menamatkan pemerintahannya.

Apa yang terjadi telah terjadi; Saya bukanlah penyampai padanya;

Maka tinggallah kenangan yang baik, dan jangan tanyakan siapa, bila dan bagaimana.

Untuk berhujah menyokong penafian wasiat untuk ‘Ali dengan menggunakan kenyataan dia, musuhnya yang paling ketat, adalah satu percubaan yang tidak diduga langsung oleh mana-mana orang yang mempunyai fikiran. Dan bukan insiden itu sahaja yang menunjukkan kebencian dia terhadap ‘Ali [as]. Menafikan wasiat kepada ‘Ali mempunyai pengertian yang amat kecil dari Peperangan Unta yang Kecil [2] dan di Peperangan Unta yang Besar benar-benar telah menampakkan niat jahatnya dan pelindungnya telah terbuka. Begitu juga, atitiut dia jelas terlihat walaupun sebelum keluar memerangi beliau, orang yang menjadi wali bagi dirinya, dan wasi Rasulnya, sehinggalah ketika berita kematian beliau sampai kepadanya, yang mana dia sujud untuk bersyukur kepada Tuhan dan mengubah rangkap ini:[3]

Dia meletakkan tongkatnya, gembira dan senang,

Hatinya meriah dan fikirannya lapang;

Seperti musafir pulang, beban terpisah;

Jangan katakan ‘Ayesha, dengan kematian ‘Ali, menjadi gundah.

Jika kamu berhajat, saya boleh sebutkan untuk kamu hadithnya yang membuktikan kepada kamu bahawa dia telah melakukan kesalahan. Dia telah berkata: "Apabila Rasul Allah [sawas] sakitnya semakin tenat, baginda telah keluar dengan mengheret kakinya dipapah oleh dua orang; seorang darinya adalah ‘Abbas ibn ‘Abdul-Muttalib dan seorang lelaki lagi." [4] Penyampai hadith ini mengulas dengan manambah: "Saya memberitahu ‘Abdullah ibn ‘Abbas mengenai apa yang ‘Ayesha telah katakan, dan dia menjawab kepada saya dengan berkata, ‘Tahukah kamu siapa lelaki itu yang mana ‘Ayesha tidak menyebutkan namanya?’ Saya berkata: ‘Tidak.’ Ibn ‘Abbas berkata: ‘Beliau adalah ‘Ali ibn Abu Talib.’" Penyampainya meneruskan pada berkata bahawa ‘Ayesha tidak menghajatkan apa-apa yang baik untuk ‘Ali.[5]

Jika dia tidak menghajatkan apa-apa yang baik kepada sesaorang yang berjalan seiring dengan Rasul Allah [sawas], maka bagaimana kita boleh harapkan dia merasa senang dengan menyebutkan wasiat yang mana di dalamnya mengandungi banyak perkara yang baik untuk ‘Ali? Pada muka surat 113, Vol. 6, dari Musnad, Imam Ahmed menyebutkan ‘Ata’ ibn Yasar sebagai berkata: "Seorang datang dan berkata yang keji mengenai kedua mereka ‘Ali dan Ammar kepada ‘Ayesha yang menjawab dengan berkata, ‘Mengenai dengan ‘Ali, saya tidak ada apa-apa yang hendak saya katakan untuk melindunginya; tetapi mengenai Ammar, saya telah mendengar Rasul Allah [sawas] berkata bahawa apabila Ammar perlu memilih diantara dua pilihan, dia selalu memilih yang lebih berpatutan kepadanya [yang betul].'"

Telah nampakkah kamu?! Umm mukminin memberi amaran terhadap berkomplot menentang Ammar disebabkan kata-kata Rasul Allah [sawas], ‘Apabila Ammar perlu memilih diantara dua pilihan, dia selalu memilih kepada yang lebih munasabah diantaranya," sedang mengabaikan untuk memberi amaran terhadap komplot menentang ‘Ali, saudara dan pengganti kepada Rasul, Harun dan juga yang dipercayai baginda, yang paling adil diantara ummahnya, yang pertama untuk mempercayai penghabarannya, dan yang mempunyai paling banyak kemuliaan...! Seakan dia tidak tahu status beliau pada pandangan Allah awj atau kedudukan

beliau dihati Rasul Allah [sawas], atau status beliau di dalam Islam, usaha beliau yang besar pada penyebarannya, dan sumbangan beliau yang amat banyak. Seakan dia tidak pernah mendengar apa-apa di dalam kitab Allah tidak juga dari sunnah Rasul [sawas] yang memuji kepada beliau, supaya dia boleh meletakkan beliau pada taraf yang sama dengan Ammar!

Demi Allah, akal saya menjadi bingung apabila saya mempertimbangkan kenyataannya: "Saya telah melihat Rasul [sawas], ketika berada didada saya, meminta sebekas air supaya dibawa kepada; saya tidak nampak betapa pantas baginda terkulai dan meninggal; maka bagaimana baginda dapat membuat wasiat untuk 'Ali?" Saya tidak tahu diaspek mana yang saya harus kritik, setelah diteliti dari beberapa sudut. Saya hairan bagaimana seseorang boleh memikirkan bahawa oleh kepada kematiannya berlaku seperti yang dia terangkan, maka baginda tidak dapat meninggalkan wasiat. Adakah dia fikir bahawa wasiat hanya sah ditinggalkan ketika saat-saat kematian?! Pasti Tidak, tetapi inilah alasan mereka yang menentang kepada kebenaran yang nyata, sesiapa sahaja dia itu, sedangkan Allah telah berkata di dalam Al-Quran, berkata kepada RasulNya yang suci, "Ianya telah diperlukan diatas kamu, apabila kematian telah menghampiri untuk meninggalkan sesuatu yang baik, wasiat... [2:180; 5:106]." Pernahkan umm mukminin melihat baginda [sawas] melanggar arahan kitab Allah atau mengabaikan perintahNya? Ampunan Allah. Dia melihat baginda mengikuti segala petunjuk, mematuhi setiap ayat, bersegera untuk mematuhi pada yang disuruh dan juga yang menegah, sehingga ketahap tertinggi pada mematuhi segala perundanganNya. Tidak ada keraguan pada fikiran saya bahawa dia pernah mendengar baginda berkata: "Tidak ada yang beriman yang mengetahui bahawa dia ada meninggalkan sesuatu dibelakangnya harus tidur dua malam tanpa mempunyai wasiatnya ditulis,"[6] atau sesuatu yang seumpamanya, kerana arahan mengenai penulisan wasiat pastinya telah datang dari baginda. Maka tidak sesualah buat diri baginda atau Rasul-rasul yang lain, rahmat Allah kepada mereka semua, untuk mengarahkan sesuatu sedang diri mereka melakukan yang sebaliknya, Allah lebih tinggi dari memilih individu yang sedemikian untuk menyampaikan pengkabarannya.

Mengenai apa yang Muslim dan lainnya telah sebutkan dari `Ayesha yang berkata: "Rasul Allah [sawas] tidak meninggalkan satu dinar mahupun satu dirham, tidak juga unta jantan mahupun unta betina, dan tidak juga baginda meninggalkan apa-apa wasiat," ianya sama seperti hadithnya yang terdahulu. Malah tidaklah benar untuk memikirkan bahawa apa yang dia maksudkan adalah baginda [sawas] tidak meninggalkan wasiat sama sekali, tetapi baginda tidak mempunyai peninggalan harta yang memerlukan kepada wasiat, kerana sesungguhnya baginda tidak meninggalkan apa-apa dari harta dunia, baginda adalah manusia yang paling zuhud. Baginda pergi menemui Tuhan awj, meninggalkan beberapa hutang yang tertangguh,[7] dan beberapa barangan, sebagai tambahan kepada barangan-barangan yang diamanahkan kepada baginda oleh manusia lainnya yang memerlukan kepada wasiat [mengenai kepunyaan siapa barangan itu.] Baginda juga meninggalkan miliknya sesuatu yang akan membantu membayar hutangnya, dan untuk memenuhi janji-janjinya, dan dengan apa yang tinggal yang diperlukan untuk diserahkan kepada warisannya. Bukti untuk itu adalah apa yang Fatima al-Zahra [as] tuntutan dari warisan bapanya.[8]

2) Rasul Allah [sawas] meninggalkan perkara yang memerlukan kepada wasiat, perkara yang tiada manusia lain pernah tinggalkan. Mencukupi bagi kamu bahawa baginda meninggalkan agama Allah yang lurus, yang masih lagi berkembang dan dipermulaan pertumbuhan ini dengan sendirinya memerlukan pada pewaris lebih dari yang dikehendak oleh emas dan perak, rumah atau tanah, ladang dan juga ternakan. Keseluruhan ummah menjadi yatim dan jandanya, mencari perlindungan dengan penggantinya yang mengambil tempat baginda untuk berurusan dengan mereka dan mengurus urusan agama dan sekular. Adalah mustahil bahawa Rasul Allah [sawas] akan mengamanahkan agama Allah, yang masih lagi dalam buaian, kepada kecenderungan dan tanggapan atau meninggalkan keselamatan perundangannya kepada motif dan kepentingan peribadi, tanpa pengganti untuk menjaga urusan agama dan juga sekular, seorang yang boleh baginda percayai untuk mewakili baginda pada ummah. Baginda amat mulia dari meninggalkan yatimnya, yang menduduki kawasan yang luas, menjadi seperti ternakan yang ketakutan di malam musim salji yang hujan, dengan tiada siapa menjaga mereka. Baginda amat mulia dari tidak meninggalkan wasiat terutama setelah menerima arahan mengenainya dari Tuhan dan setelah mengarahkan ummahnya supaya melakukan yang sedemikian. Akal tidak dapat menerima pada tuntutan bahawa tidak ada wasiat yang dibuat, walaupun jika tuntutan itu datangnya dari seorang yang dihormati.

Dipermulaan era Islam, Rasul Allah [sawas], telah membuat wasiat kepada `Ali (as) walaupun sebelum misi baginda berkembang di Mekah, sejurus setelah ayat ini diwahyukan: "Dan ingatkan keluarga terdekat (26:214)," seperti yang kami jelaskan di dalam surat 20. Baginda terus mengulangi wasiatnya berulang kali, menekannya melalui banyak ikatan yang kami telah rujukan. Apabila akhir sekali beliau berhasrat, ketika disaat-saat akhir, semoga saya korbakan kedua orang tua saya untuk baginda, baginda hendak menuliskan wasiatnya untuk `Ali (as) menekankan ikatan janjinya dengan lisan dahulu dalam perkara ini, baginda [sawas] berkata: "Bawakan kepada saya peralatan penulisan, supaya saya dapat menuliskan untuk kamu sesuatu yang akan menyelamatkan kamu dari kesesatan," tetapi mereka bertelagah, sedangkan bertelagah didalam kehadiran Rasul adalah ditegah, dan mereka berkata: "Rasul Allah [sawas] telah meracau."[9] Dikala itu sedarlah baginda [sawas], setelah mereka membuat kenyataan yang demikian, bahawa tidak ada kesan yang akan tinggal dari arahan yang baginda ingin melaksanakan, jika diteruskan juga, tidak lain dari perpecahan yang akan berlaku; dari itu, baginda menyuruh mereka meninggalkan bilik baginda, dengan merasa puas pada ikatan perjanjian secara lisan yang telah dibuat kepada `Ali (as).

Walaupun dengan semua ini, bagaimana pun baginda telah mengutarakan tiga perkara dikala saat baginda akan wafat: bahawa mereka hendaklah memilih `Ali sebagai pengganti; bahawa mereka hendaklah

mengeluarkan yang kafir dari semenanjung Arab; dan mereka hendaklah menghadiahkan perwakilan sama seperti yang dilakukan oleh baginda [sawas] terhadap mereka. Tetapi politik diketika itu telah tidak membenarkan tradisionis untuk menyatakan wasiat yang pertama, bahawa mereka telah melupainya. Al-Bukhari, pada penghujung hadith yang mengadongi tuduhan bahawa Rasul Allah [sawas] telah meracau telah berkata dengan tepat [*verbatim*]: "Dan wasiat baginda [sawas] pada ketika wafatnya baginda mengandongi tiga arahan: untuk mengeluarkan yang kafir dari semenanjung Arab; untuk menghadiahkan perwakilan seperti yang dilakukan oleh baginda kepada mereka..., dan yang ketiga telah terlupa." [10] Inilah caranya Muslim menulis di dalam *Sahih*, dan begitu juga semua penulis sunan dan musnad yang lain.

3) Kata-kata umm mukminin bahawa Rasul Allah [sawas], pergi menemui Tuhan ketika berada didadanya telah ditentang oleh hadith yang sahih yang mengatakan bahawa baginda [sawas] telah berjumpa dengan Tuhan ketika berada di dada saudara dan walinya `Ali ibn Abu Talib (as), menurut dari sahih yang disampaikan secara mutawatir dari para Imam keturunan yang disucikan yang telah disokong oleh sahih dari sunni, seperti yang telah diketahui oleh para penyelidik, Wassalam.

Yang ikhlas,  
Sh

[1] Ini dipersetujui oleh buku tradisi sunni, maka rujuklah kepada sahih al-Bukhari, di dalam bab ahli rumah para isteri nabi, di dalam bukunya perang jihad dan tradisi, ms 125, Vol. 2, dan kamu akan jumpa yang mendalam.

[2] Persengketaan Peperangan Unta yang kecil berlaku di Basra 5 hari sebelum berakhir bulan Rabi'ul-Thani, 36 H., sebelum ketibaan Amirul Mukminin (as) disana, apabila kota tersebut diserang oleh umm mukminin [Ayesha] bersama Talhah dan al-Zubayr. Kerajaan `Ali di Basra pada ketika itu adalah `Uthman ibn Hanif al-Ansari. 40 penyokong `Ali (as) telah dibunuh di dalam masjid, dan 70 yang lain ditempat berasingan. `Uthman ibn Hanif, seorang dari sahabat yang terkemuka telah ditawan, dan mereka hendak membunuhnya tetapi takut akan tindak balas dari saudara Suhayl dan dari Ansar yang lain; maka mereka mencukur janggut, kumis, bulu kening dan kepalanya, mereka memukulnya dan memenjarakannya kemudian mengusir dia dari Basra. Mereka telah diperangi oleh Hakim ibn Jablah, dengan sekumpulan kaumnya `Abd Qays, yang mana dia adalah ketuanya. Hakim adalah seorang yang bijaksana, benar dan dihormati, dan dia telah diikuti oleh sekumpulan kaum Banu Rabi'a yang enggan berhenti berperang sehingga kesemuanya gugur sebagai syahid, termasuk Hakim, dan anaknya yang dihormati, saudaranya yang berani, dan akhirnya Basra jatuh ketangan pihak tentera yang menyerang. Apabila `Ali (as) tiba, beliau terpaksa berhadapan dengan tentera `Ayesha, dan begitulah Peperangan Unta yang Besar berlaku. Secara khusus kedua-dua peperangan telah disimpan di dalam buku sejarah yang ditulis oleh Ibn Jarir, Ibn al-Athir, dan banyak lagi.

[3] Seperti yang disebut oleh buku tarikh yang dipercayai seperti Abul-Faraj al-Asfahani pada penghujung perbincangannya mengenai `Ali di dalam bukunya *Maqatil al-Talibiyyin*.

[4] Seperti yang disebutkan oleh al-Bukhari mengenai dia di dalam seksen Penyakit Rasul [sawas] dan wafatnya dimuka surat 62, Vol. 3, dari *Sahih*.

[5] Kenyataan ini khasnya, i.e. Ibn `Abbas berkata bahawa `Ayesha tidak menghajati apa-apa yang baik buat beliau, telah dikeluarkan oleh al-Bukhari yang telah memberhentikan penyebutannya pada kenyataan terdahulu, mengikut kebiasaannya di dalam situasi sedemikian, tetapi banyak pengarang buku tradisi telah menyebutnya melalui penyampai yang sahih. Pertimbangkan apa yang Ibn Sa'd rakamkan pada ms 29, Seksyen 2, Vol. 2, dari *Tabaqat*, dimana dia menyebut rantai penyampai termasuk Ahmed ibn al-Hajjaj, `Abdullah ibn Mubarak, Younus, Mu`ammar, al-Zuhri, `Ubaydullah ibn Atbah ibn Mas`ud, yang mana punca mereka berakhir kepada Ibn `Abbas. Penyampai hadith ini dianggap sebagai dipercayai menurut ijmak ulama.

[6] Seperti disebutkan oleh al-Bukhari pada permulaan tajuk pada wasiat di dalam sahih ms 83, Vol. 2. Ianya juga disebutkan oleh Muslim di dalam seksen pada merakamkan wasiat Rasul, ms 10, Vol. 2, dari *Sahih*.

[7] Mu`ammar menyebutkan Qatadah sebagai berkata bahawa `Ali (as) telah menguruskan bagi pihak Rasul [sawas], beberapa perkara setelah wafatnya baginda, kebanyakannya adalah hutang yang dianggarkan 500 000 dirham; maka rujuklah kepada hadith ini pada ms 60, Vol. 4, dari *Kanz al-Ummal*, dan ianya hadith 1170 diantara yang kami sampaikan.

[8] Seperti yang disebutkan oleh al-Bukhari pada penghujung bab mengenai kempen Khaybar di dalam sahih, ms 37, Vol. 2.

[9] Ini disebutkan dengan tepat [*verbatim*] oleh Muhammad ibn Isma'il al-Bukhari di dalam seksen bermurah hati kepada perwakilan di dalam bukunya *Al-Jihad wal-Siyar*, ms 118, Vol. 2, dari *Sahih*.

[10] Rujuk kepadanya di dalam bab mengenai memberi hadiah kepada perwakilan pada muka surat 118, Vol. 2, dari *Al-Jihad wal-Siyar*.

## SURAT 75

- 1] UMM MUKMININ TIDAK DIPENGARUHI OLEH PERASAAN
- 2] YANG BAIK DAN BURUK TELAH DITOLAK OLEH AKAL
- 3] MENGAPA MENENTANG KENYATAAN UMM MUKMININ?

## Safar 17, 1330 H

1) Tumpuan penghujahan kamu, mengenai hadith umm mukminin yang menolak wasiat kepada 'Ali berkisar diatas dua perkara:

Yang pertama adalah tuduhan kamu bahawa sifatnya yang tidak memihak kepada Imam telah membuat dia menafikan adanya wasiat tersebut. Penolakan kami adalah, bahawa sesiapa yang tahu dengan cara hidup dia akan menafikan tuduhan bahawa dia tunduk kepada perasaan ketika menyampaikan hadith mengenai Rasul Allah [sawas], atau dia mencari kepentingan yang khusus; dari itu, dia tidak boleh dituduh sedemikian ketika menyebutkan hadith rasul, meskipun jika hadith itu ada berkaitan dengan seseorang yang dia suka atau seseorang yang dia tidak suka. Ampunan Allah bahawa kepentingan menguasai fikirannya sehinggakan dia sanggup berbohong ketika menyebutkan hadith dari Rasul Allah [sawas] serta mengutamakan kepentingan diri dari mengatakan yang sebenar.

2) Yang lainnya adalah, akal sendiri telah menolak tuntutan kami bahawa hadith itu adalah sahih, kerana ianya tidak logik dan tidak juga diterima untuk merumuskan [memutuskan] bahawa Rasul Allah [sawas], akan meninggalkan agama Allah awj, yang masih dalam buaian, sedangkan hamba-hamba Allah baru mengikuti kepercayaan yang baru, dengan tidak membuatkan wasiat yang akan mengarahkan mereka, mengenai dengan urusan mereka. Jawapan kepada hujah kamu adalah, perkara ini kamu telah asaskan pada pertimbangan akal akan baik dan buruknya, dan mereka sunni telah menolaknya, atas sebab menurut dari penilaian mereka akal sama sekali tidak boleh menentukan bahawa sesuatu itu baik atau buruk, mereka percaya bahawa perundangan agama sahaja yang menentukannya. Mereka percaya bahawa apa sahaja yang perundangan katakan baik mereka menerimanya sebagai baik dan apa sahaja perundangan mengatakan sebagai buruk mereka menganggapnya sebagai yang demikian, dan akal tidak boleh disandarkan sama sekali di dalam perkara begini.

3) Mengenai apa yang kamu telah sebutkan pada penghujung surat kamu yang ke 74, mengenai penolakan kamu akan kenyataan umm mukminin bahawa Rasul wafat di dadanya, kami tidak tahu sebarang hadith yang disampaikan oleh sunni yang menolaknya, maka jika kamu tahu ada hadith yang demikian, tolonglah nyatakan, Wassalam.

Yang ikhlas,  
S

## SURAT 76

- 1] DIA TUNDUK KEPADA SENTIMEN
- 2] RASIONALNYA [KEWAJARAN] MENGENAI BAIK DAN BURUK
- 3] MENOLAK KENYATAAN UMM MUKMININ
- 4] MENGUTAMAKAN HADITH UMM SALAMAH DARI HADITH DIA

## Safar 19, 1330 H

1) Kamu telah nyatakan, ketika memperkatakan isu pertama bahawa telah diketahui umum dari cara hidupnya bahawa dia tidak tunduk kepada perasaan, dan bahawa dia tidak mencari kepentingan tertentu. Tolonglah lepaskan diri kamu dari belenggu adat kebiasaan dan sentimen, dan dengan berhati-hati mengkaji penyelidikan pada cara dia menangani orang yang disukai, begitu juga dengan orang yang tidak disukainya, kerana disana kamu akan melihat sentimen dengan amat jelas. Janganlah lupa urusan dia dengan 'Uthman ibn 'Affan, perkataan dan tindakannya,[1] skimnya [perancangannya] yang umum dan yang tersembunyi terhadap 'Ali, Fatima, al-Hasan dan al-Husayn (as), dan kelakuan dia terhadap umm mukminin yang lainnya; nah, bahkan terhadap Rasul Allah [sawas] sendiri; kerana di dalamnya terdapat banyak penjelasan terhadap sentimennya dan juga kepentingan diri.

Mencukupi bagi kamu satu bukti pada apa yang kami telah katakan, pembuktian bagaimana sentimen boleh mengubah sebahagian manusia untuk bertindak liar, mengenai ketua konspirasi dan pembuat fitnah ini disebabkan cemburunya terhadap umm mukminin Maria, [seorang kristian Mesir, isteri baginda] dan anaknya Ibrahim [as], sehingga Allah awj, bersihkan mereka dari tuduhan yang zalim itu melalui tangan Amirul Mukminin [as], dengan cara pembuktian yang nyata dan jelas:[2] "Dan Allah memalingkan orang kafir yang dengki pulang dengan tangan kosong (Qur'an, 33:25)." Jika kamu berhajat, saya akan nyatakan lebih banyak bukti yang menyatakan fakta bahawa, dengan mengikuti sentimennya, dia suatu ketika berkata kepada Rasul Allah [sawas], 'Ianya kelihatan seperti kamu berbau maghafir [bunga kecil berbau amat busuk],'[3] supaya baginda tidak akan makan madu yang disajikan di rumah umm mukminin Zainab bint Jahsh, semoga Allah meridhai beliau. Jika perkara remeh seperti ini membolehkan dia untuk mengatakan kepada Rasul Allah [sawas] dengan cara yang demikian, bagaimana dia boleh dipercayai apabila dia menafikan bahawa baginda [sawas] meninggalkan wasiat untuk 'Ali (as)? Jangan lupa juga dia tunduk kepada sentimen apabila Asma' bint al-Nu'man telah dikahwinkan kepada Rasul Allah [sawas]. Dia berkata kepadanya: "Apabila Rasul [sawas] mengahwini seorang wanita, baginda suka mendengar dia berkata: 'Saya berlindung dengan Allah terhadap

kamu,"[4] bertujuan untuk menggagalkan Rasul [sawas] dari mengahwininya dan menjadikan baginda membencikan wanita yang malang itu, seakan-akan dia membolehkan dirinya mengatakan kenyataan sebegitu kepada Rasul Allah [sawas], selagi kenyataan yang sedemikian berguna untuk tujuannya, walaupun apabila tujuannya adalah keji ataupun yang terlarang. Suatu ketika baginda [sawas] menyuruh dia untuk pergi melihat kepada seorang wanita yang tertentu, dan dia memberitahu baginda yang sebaliknya dari apa yang dia lihat, ini pada mencari kepentingan diri....[5] Suatu ketika lagi dia mengadu kepada bapanya mengenai baginda [sawas], memetik kepada kenyataannya yang berkata, "Janganlah sekarang berat sebelah [memihak],"[6] yang mana bapanya telah menampar dengan kuat sehingga bajunya menjadi basah dengan darah. Suatu ketika lagi apabila dia menjadi marah dengan baginda [sawas], dia berkata: "... dan kamu mengaku yang kamu adalah Rasul Allah...,"[7] sebagai tambahan kepada banyak lagi insiden yang demikian, dimana untuk menyebutnya memerlukan kepada ruang yang banyak, dan apa yang kami telah sebutkan disini adalah mencukupi.

2) Kamu telah katakan, ketika mengulas perkara kedua, bahawa sunni tidak menerima pada apa yang dipanggil pertimbangan rasional [kewajaran] pada yang baik atau yang buruk, dsb. Saya fikir diri kamu sebagai yang lebih tinggi, untuk membuat kenyataan yang sedemikian, iaitu penghujahan orang yang memperdaya yang menafikan walaupun terdapat fakta yang kukuh. Diantara amalan kita, terdapat yang mana kebajikan kita telah pasti, dan ianya terpuji dan mendapat ganjaran disebabkan oleh kemuliaannya, seperti sedekah dan saksama, oleh kerana kita tahu apa dianya [perkara tersebut], dan terdapat juga yang lain yang mana keburukannya kita telah tahu, dan ia perlu pada penolakan dan hukuman, disebabkan oleh keburukannya, seperti kezaliman dan kekerasan, oleh kerana yang buruk itu buruk. Orang yang bijak tahu bahawa terdapat keperluan pada penilaian yang sedemikian, dan yang bijak telah pasti akan perkara ini sebagaimana mereka telah pasti bahawa satu itu adalah setengah dari sepasang. Akal fikiran dengan mudah dapat menentukan perbezaan, diantara layanan kamu terhadap seorang yang baik dengan kamu dari sesaorang yang tidak. Akal fikiran menentukan kebaikan layanan orang yang pertama kepada kamu, dan ianya mendapat sanjungan dari kamu, begitu juga keburukan dari yang kedua, dimana perlu ditolak dan dihukum. Sesiapa yang meragui ini, adalah penentang terhadap akal fikirannya sendiri.

Jika kebaikan dan keburukan dari apa yang kami telah sebutkan adalah perkara bagi kod perundangan agama, maka ianya tidak akan digunakan dan dikuatkuasakan oleh mereka yang menolak semua kod ketuhanan, seperti atheis dan pemerintah sekular. Walaupun mereka menolak agama, mereka masih juga mematuhi keadilan dan kebajikan, memastikan untuknya kepujian dan ganjaran, tanpa meragukan sama sekali keburukan bagi kezaliman atau penindasan, bahkan perlunya pada menafikan amalan yang sedemikian dan menghukum yang melakukannya. Kriteria bagi penilaian mereka tiada lain dari akal; maka janganlah kita perkatakan lagi mengenai mereka yang memperkecilkan akal dan kesedaran, begitu juga mereka yang menafikan segala yang diketahui oleh orang yang bijaksana, lalu mengambil yang sebaliknya dari apa yang dikatakan oleh naluri semula jadi manusia, kejadiannya yang mana Allah awj, telah adakan dan tanamkan di dalam diri hambanya. Dia menjadikan mereka mampu dengannya untuk menyedari akan fakta bahawa ianya dapat dibezakan dari kemampuan akal fikirannya, sama seperti Dia menjadikan mereka dapat mengenali perkara melalui pancaindera dan perasaan. Maka sifat semula jadi manusia memerlukan bahawa mereka harus dapat menilai secara rational keadilan dan yang sepertinya adalah baik, dan kezaliman dan yang seumpamanya adalah buruk, sama seperti mereka dapat membezakan melalui perbezaan rasa diantara manisnya madu dengan pahitnya hempedu, dan melalui deria bau dapat membezakan diantara wanginya kesturi dan busuknya bangkai, dan melalui daya sentuhan mereka dapat bezakan apa itu lembut dan apa itu kasar, dan melalui pancaindera mata mereka dapat membezakan pandangan yang menarik dan yang hodoh, dan melalui pancaindera pendengaran mereka boleh mengatakan perbezaan muzik seruling dengan bunyi keldai. Begitulah kejadian semula jadi yang Allah telah jadikan: "Dia menjadikan manusia dalam bentuk yang mana sesungguhnya tiada siapa dapat mengubahkan kejadianNya, ini adalah agama yang lurus, walaupun ramai manusia yang tidak mengetahuinya (30:30)."

Ash`aris berhasrat untuk memperbesarkan kuasa keimanan di dalam sistem perundangan dan kepada atitiut penyerahan secara total [keseluruhan] kepada pengadilannya; dari itu mereka menafikan penghukuman dari manusia yang bijak dengan mengatakan tidak ada penghukuman selain dari apa yang telah ditetapkan agama. Dari ini mereka menjadi lupa kepada teori rasional yang sempurna yang mengatakan bahawa "Apa sahaja yang diputuskan oleh orang yang bijak adalah keputusan bagi pengubal perundangan," dan telah tidak memperdulikan kepada fakta bahawa dengan melakukan yang sedemikian mereka telah tidak meninggalkan sebarang alasan terhadap diri mereka sendiri, dari itu telah mengenepikan sebarang kriteria [ukuran asas] yang dengannya mereka boleh memastikan kod perundangan atau menolaknya sama sekali. Ini disebabkan kepada fakta, bahawa untuk sampai kepada rumusan yang sedemikian melalui pembuktian perundangan adalah umpama berlari di dalam bulatan, dan tidak ada alasan yang dapat diberikan padanya. Jika tidak ada penerimaan untuk akal [logik], pengesahan tradisi atau hadith yang disampaikan secara mutawatir pasti akan ditolak. Sesungguhnya tidak! Jika tidak terdapat intelek, tiada siapa yang akan menyembah Allah atau tahu mengenaiNya. Penjelasan di dalam perkara ini telah dirakamkan di dalam librari yang mengandongi kerja-kerja dari ulama kami yang terkenal.

3) Mengenai kata-kata umm mukminin bahawa Rasul [sawas] meninggal didadanya, ianya adalah suatu tuntutan yang kami tolak berdasarkan kepada sahih yang dilaporkan secara turutan oleh ahli dari keluarga yang suci [as]. Rujukan kepada apa yang lain katakan seperti yang disebutkan oleh Ibn Sa`d. Dia menyebutkan `Ali (as) sebagai berkata: "Rasul Allah [sawas], semasa sakitnya [yang membawa kepada wafatnya], berkata:

'Bawakan saudara saya,' maka saya datang kepada baginda dan baginda menyuruh saya rapat kepadanya, dan saya lakukan, yang mana baginda telah bersandar kepada saya. Baginda terus bersandar kepada saya dan terus berkata-kata, sehinggalah air ludah baginda jatuh kepada saya, sehinggalah Rasul Allah [saw] menghembuskan nafasnya yang akhir;" seperti yang tertulis pada muka surat 51, bahagian dua, Vol. 2, dari pengarang *Tabaqat*, di dalam seksen mengenai mereka yang mengatakan bahawa Rasul Allah [saw] meninggal di pangkuan 'Ali. Ianya hadith number 1107 pada muka surat 55, Vol. 4, dari *Kanz al-'Ummal*. Abu Na'im di dalam *Hilyat al-Awliya'*, Abu Ahmed al-Fardi di dalam *Naskh*, dan ramai lagi dari pengarang buku tradisi, semuanya telah menyebutkan 'Ali [as] sebagai berkata: "Rasul Allah [saw] mengajarkan kepada saya," bererti semasa baginda sakit, "seribu pintu setiap satu darinya membuka kepada seribu yang lain." Ianya hadith number 6009 yang disebutkan pada penghujung muka surat 392, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal*. Pada bila-bila masa 'Umer ibn al-Khattab telah ditanyakan mengenai apa-apa yang berkaitan dengan perkara ini, dia tidak akan mengatakan apa-apa selain dari: "Tanya 'Ali, hanya dia yang boleh menanganinya."

Jabir ibn 'Abdullah al-Ansari telah disebutkan sebagai berkata bahawa Ka'b al-Ahbar suatu ketika bertanya kepada 'Umer: "Apakah perkataan terakhir Rasul Allah [saw]?" 'Umer menjawab: "Tanya kepada 'Ali." Ka'b melakukannya, dan 'Ali (as) berkata: "Saya biarkan Rasul Allah [saw] menyandarkan kepalanya pada rusuk saya sehingga akhirnya baginda mengucapkan: 'Solat! [i.e. kekalkan solat] solat!'" Ka'b berkata: "Ini sesungguhnya adalah seruan semua para Rasul, atas tujuan ini mereka dikirimkan." Kemudian Ka'b bertanya kepada 'Umer siapa yang memandikan jasad baginda, dan jawapannya sekali lagi: "Tanya 'Ali." Apabila Ka'b bertanya kepada 'Ali (as), 'Ali menjawab bahawa adalah beliau yang melakukannya, seperti yang dikatakan oleh Ibn Sa'd pada muka surat 51, bahagian dua, Vol. 2, dari *Tabaqat*, dan ianya hadith 1106 dari *Kanz al-'Ummal* disebutkan pada ms 55, Vol. 4. Ibn 'Abbas suatu ketika telah ditanya: "Adakah kamu lihat apabila Rasul Allah [saw] wafat, adakah kepala baginda diatas peha sesiapa?" Dia menjawab: "Baginda wafat bersandar pada dada 'Ali." Telah dikatakan kepadanya bahawa 'Urwah menyampaikan tradisi dari 'Ayesha yang berkata bahawa baginda [saw] wafat bersandar pada dadanya, dan Ibn 'Abbas menafikannya, ditanyakan kepada orang yang bertanya: "Adakah kamu mempercayainya?! Demi Allah, Rasul Allah [saw] wafat menyandarkan kepalanya di dada 'Ali, dan beliau yang memandikan jasad baginda," seperti yang disebutkan oleh Ibn Sa'd pada muka surat yang sama seperti yang dinyatakan diatas, dan ianya hadith number 1108 dari yang dinyatakan dari *Kanz al-'Ummal*, ms 55, Vol. 4. Ibn Sa'd mengatakan Imam Abu Muhammad 'Ali ibn al-Husayn Zainul-'Abidin (as) sebagai berkata: "Rasul Allah [saw] menghembuskan nafasnya yang terakhir ketika kepalanya berada dipeha 'Ali," seperti yang disebutkan oleh Ibn Sa'd pada ms 51.

Tradisi yang mendokumenkan perkara ini telah disampaikan secara turutan [mutawatir] dari semua Imam keturunan yang suci (as). Ramai yang memilih untuk menyimpang dari jalan mereka telah mengakuinya juga, sehingga Ibn Sa'd telah menyebut dari al-Sha'bi sebagai berkata: "Rasul Allah [saw] wafat ketika kepala baginda dipeha 'Ali; dan 'Ali yang memandikan jasad baginda," seperti yang disebutkan pada muka surat yang dinyatakan diatas dalam *Al-Tabaqat*. Amirul Mukminin [as] pernah mengatakan yang sedemikian kepada umum, dari itu kamu boleh merujuk kenyataan beliau di dalam satu dari syarahan beliau dimana beliau berkata: "Pemeliharaan hadith diantara para sahabat Rasul Allah [saw], tahu benar saya tidak akan teragak-agak untuk melaksanakan arahan Allah, atau keberatan untuk mengerjakan perintah RasulNya, tidak juga untuk satu jam. Saya, dengan kebesaran Allah, di dalam banyak peristiwa telah mempertaruhkan nyawa saya untuk mempertahankan baginda, di dalam situasi dimana wira akan berundur dan kaki menjadi perlahan, dan baginda [saw] telah menghembuskan nafasnya yang terakhir ketika kepalanya bersandar didada saya, dan bahkan air ludahnya ada ditangan saya, yang mana saya sapukan ke muka saya. Saya memandikan jasadnya, malaikat membantu saya, dan rumah dan halamannya menjadi riuh dengan turun dan naiknya para malaikat..., dan saya tidak putus-putus mendengarkan bacaan doa mereka untuk baginda, sehinggalah kami mengkebumikan baginda; dari itu siapakah yang lebih layak kepada baginda ketika hidup dan matinya selain dari saya?" seperti yang dikatakan pada penutup muka surat 196, Vol. 2, dari *Nahjul Balaghah*, dan pada ms 590, Vol. 2, dari Ibn al-Hadid: *Sharh Nahjul Balaghah*.

Begitu juga di dalam percakapannya apabila beliau [as] mengkebumikan Ketua bagi semua wanita [as]. Beliau berkata:

"Keamanan keatas kamu, Rasul Allah, dari saya dan anak perempuan kamu, yang telah datang kini untuk menjadi jiran kamu, tergesa-gesa untuk bersama dengan kamu... Kesabaran saya, wahai Rasul Allah, mengenai kematian dia yang menjadi pilihan kamu telah tiba, dan penghibur hati saya sudah tiada. Sungguh dalam penderitaan saya untuk berpisah dengan kamu, dan besar bencananya, dan puncak penderitaan kamu adalah punca penghibur saya, kerananya saya baringkan kamu di dalam kuburan kamu, setelah ruh kamu meninggalkan jasad dan sedang bersandar di dada saya, dari itu kita adalah kepunyaan Tuhan dan kepadaNya kita kembali," sehingga kepenghujung kenyataan beliau pada ms 207, Vol. 2, dari *Nahjul Balaghah*, dan pada ms 590, Vol. 2, dari *Sharh Nahjul Balaghah* oleh Ibn Abul Hadid. Umm Salamah telah juga menyatakan satu hadith sahih yang mengatakan: "Demi yang Satu, denganNya saya bersumpah, 'Ali yang paling rapat kepada Rasul Allah [saw] ketika baginda wafat. Kami [beliau dan Ali] menziarah baginda suatu tengah hari, dan baginda dengan gembira dan berulang kali mengatakan: 'Ali telah datang! 'Ali telah datang!' Fatima (as) bertanya sama ada 'Ali telah dihantar untuk sesuatu tugas. Sejurus kemudian, 'Ali datang lagi, dan saya fikir mungkin beliau hendak bersendirian dengan Rasul [saw]; maka kami keluar dan duduk dipintu. Rasul Allah [saw] menundukkan kepala dekat 'Ali dan mula berkata-kata kepada beliau secara sulit, berkata dengan beliau dengan penuh kasih sayang, sehingga baginda berlalu; dari itu 'Ali adalah orang yang terakhir bersama baginda sebelum baginda wafat." [8]

Abdullah ibn 'Umer katakan yang berikut:



"Semasa baginda sakit, Rasul Allah [sawas] meminta supaya dibawakan saudaranya; maka Abu Bakr masuk, tetapi baginda berpaling darinya dan mengulangi permintaannya. Kali ini Uthman dibawa masuk, tetapi baginda berpaling darinya juga. Kemudian 'Ali telah dipanggil untuk mengadap baginda. Rasul [sawas] telah menutupnya dengan baju dan bersandar kepadanya. Apabila beliau keluar dari bilik, manusia bertanya beliau apa yang dikatakan oleh Rasul [sawas] dan beliau menjawab: 'Baginda mengajarkan kepada saya seribu perkata setiap satu darinya membawa kepada seribu yang lain.'"[9]

Kamu tahu hadith ini menggambarkan kelakuan seorang Rasul, sedangkan yang satu lagi menggambarkan seorang yang dikuasai oleh nafsunya. Jika seorang pengembala meninggal didada isterinya, diantara dagu dan perutnya atau dipehanya..., pasti dia telah cuai didalam memerhatikan keatas gembalaannya, dia pasti akan dilebelkan sebagai cuai dan tidak bertanggung jawab. Semoga Allah mengampunkan umm mukminin. Saya harap bahwa dia, ketika menafikan wasiat kepada 'Ali, telah mengatakan penafian itu kepada ayahnya sahaja, yang mana dia fikirkan lebih layak kepada wasiat yang sedemikian, tetapi bapanya telah berada didalam pasukan tentera yang ditubuhkan oleh Rasul Allah [sawas] sendiri, dibawah pengawasannya, dia berada di dalam tentera Usamah yang berkhemah di Jurf. Bagaimanapun, tuntutan bahawa baginda [sawas] wafat dipangkuannya telah dikatakan oleh tiada yang lain dari 'Ayesha sendiri, sedangkan tuntutan wafatnya baginda, semoga saya korbakan kedua orang tua saya untuk baginda, telah disampaikan melalui 'Ali (as), Ibn 'Abbas, Umm Salamah, 'Abdullah ibn 'Umer, al-Sha'bi, 'Ali ibn al-Husayn (as), dan semua para Imam dari keturunan yang suci [as], dari itu telah menjadikan ianya lebih dipercayai dan lebih sesuai dengan personaliti Rasul Allah [sawas].

4) Jika hadith 'Ayesha telah disangkal oleh hadith Umm Salamah sahaja, hadith Umm Salamah telah lebih diutamakan diatas hadithnya atas banyak sebab selain dari yang disebutkan diatas, Wassalam.

Yang ikhlas,  
Sh

[1] Rujuk kepada ms 77, Vol. 2, dari *Sharh Nahjul Balaghah* oleh ulama Mu'tazilite, dan ms 457 dan muka surat yang seterusnya dari jilid yang sama, dan kamu akan menemui kelakuannya terhadap Uthman, 'Ali dan Fatima yang menggambarkan sentimennya dalam bentuk yang amat jelas.

[2] Sesiapa yang berhasrat untuk mengetahui dengan lebih mendalam akan bencana ini hendaklah menyelidik biografi Umm Mukminin Mary [atau Mariyya, berbangsa Copt [keristian Mesir], isteri Rasul [sawas]], keamanan keatas beliau, pada ms 39, Vol. 4, dari al-Hakim: *Al-Mustadrak*, atau dari *Talkhis* oleh al-Thahbi.

[3] Dari apa yang al-Bukhari telah sebutkan di dalam penerangannya pada surah al-Tahrim di dalam sahihnya, pada ms 136, jilid 3; maka rujuklah kepadanya dan akan terperanjat. Terdapat beberapa hadith yang disebutkan dari 'Umer mengatakan bahawa dua wanita berkonspirasi terhadap Rasul Allah [sawas], mereka adalah 'Ayesha dan Hafsa. Terdapat hadith yang panjang berkaitan dengan isu ini.

[4] Seperti yang disebutkan oleh al-Hakim di dalam biografi Asma' di dalam *Sahih Al-Mustadrak*, ms 37, Vol. 4, dan disebutkan oleh Ibn Sa'd yang membincangkan biografinya pada ms 104, Vol. 8, dari bukunya *Tabaqat*, dan insiden ini diketahui umum. Ianya juga disebutkan di dalam biografi Asma' oleh kedua pengarang buku *Isti'ab* dan *Al-Isabah*, dan ianya disebutkan oleh Ibn Jarir dan lainnya.

[5] Insiden ini secara khusus telah disimpan di dalam buku-buku tradisi dan sejarah, maka rujuklah dimuka surat 294, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal*, atau ms 115, Vol. 8, dari buku Ibn Sa'd: *Tabaqat*, dimana dia juga mengatakan biografi Sharaf anak perempuan Khalifah.

[6] Isu ini telah disebutkan oleh pengarang buku tradisi dan sejarah; maka rujuklah kepada hadith number 1020 dari yang disampaikan di dalam *Kanz al-'Ummal*, ms 116, Vol. 7, dan ianya disebutkan oleh al-Ghazali di dalam seksen 3 dari tajuk berkenaan perkahwinan dimuka surat 35, Vol. 2, dari *Ihya'ul-'Ulum*. Ianya juga disebut di dalam seksen 94 dari bukunya *Mukashafatul Qulub*, pada penghujung ms 238.

[7] Seperti yang disebutkan oleh al-Ghazali di dalam kedua seksen pada buku yang dinyatakan diatas.

[8] Hadith ini disebutkan oleh al-Hakim pada permulaan ms 139, Vol. 3, dari sahihnya *Al-Mustadrak*, diakhiri dengan ulasan: "Hadith ini sahih, tetapi mereka [Bukhari and Muslim] tidak menuliskannya." Al-Thahbi, juga, telah mengakui ianya adalah sahih apabila dia menyebutnya di dalam *Talkhis al-Mustadrak*. Ianya juga disebutkan oleh Ibn Abu Shaybah di dalam sunannya, dan ianya hadith number 6096, ms 400, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal*.

[9] Ini disebutkan oleh Abu Ya'li melalui rantaian penyampai termasuk Kamil ibn Talha, Ibn Lahi'ah, Hay ibn 'Abdul-Maghafiri, Abu 'Abdul-Rahman al-Habli, berakhir dengan 'Abdullah ibn 'Umer. Ianya disebutkan oleh Abu Na'im di dalam *Hilyat al-Awliya'*, oleh Abu Ahmed al-Fardi di dalam versinya sendiri dimuka surat 392, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal*. Al-Tabrani, di dalam buku *Al-Tafsir al-Kabir*, telah mengatakan bahawa apabila kempen Ta'if sedang hendak dilaksanakan, Rasul [sawas] mengambil masanya pada menyatakan sesuatu yang sulit kepada 'Ali, sehinggakan bahawa apabila Abu Bakr melintasi mereka, dia berkata: "Wahai Rasul Allah! Perbicaraan kamu yang sulit dengan 'Ali telah berlalu begitu lama." Baginda [sawas] berkata: "Bukanlah saya yang mempercayakan kepadanya, ianya adalah Allah..." Ini hadith number 6075, ms 399, Vol. 6, dari *Kanz al-'Ummal*. Baginda biasa duduk bersama dengan 'Ali (as) dan mengamankan kepadanya. Suatu ketika 'Ayesha masuk dan dapati mereka sedang dalam perbincangan yang sulit. Dia berkata: "Wahai 'Ali! Saya menghabiskan satu hari dari sembilan [di dalam bersama dengan suami saya]; maka, mengapa tidak kamu anak Abu Talib, meninggalkan saya sendirian pada hari itu?" Wajah Rasul [sawas] serta merta

menunjukkan kemerahan tanda marah. Rujuk kepada insiden ini pada permulaan ms 78, Vol. 2, dari *Sharh Nahjul Balaghah* oleh al-Hamidi.

## SURAT 77

### MENGAPA MENGUTAMAKAN HADITH UMM SALAMAH DARI AYESHA?

#### Safar 20, 1330 H

Seakan keutamaan kamu terhadap hadith Umm Salamah dari hadith `Ayesha, semoga Allah meridhai mereka, menurut dari apa yang kamu katakan, tidak mencukupi, kamu melangkah setapak kehadapan untuk menyatakan bahawa alasan untuk keutamaan itu ada lebih dari apa yang kamu telah berikan. Apakah sebab-sebab itu? Nyatakanlah, semoga Allah ampunkan kamu, tidak kira berapa banyaknya, dan jangan tinggalkan satu pun, kerana tujuan kami adalah menyelidik dan belajar, Wassalam.

Yang ikhlas,  
S

## SURAT 78

### LEBIH BANYAK ALASAN UNTK MENGUTAMAKAN HADITH UMM SALAMAH

#### Safar 22, 1330 H

Bukan sahaja wanita ini Umm Salamah meyakini sepenuh hati kepada Kitab Allah, yang membezakan diantara yang benar dengan yang salah dan menyuruh bertaubat kepada Allah awj, seperti yang dinyatakan oleh al-Quran,[1] beliau tidak dimarahi di dalam al-Quran kerana degil kepada Rasul tidak juga kerana sokongan beliau kepada musuh wasinya,[2] tidak juga Allah, Jibril, yang benar-benar beriman, dan para malaikat, semua berpihak kepada Rasul menentang dia, tidak juga Allah mengancam untuk menceraikannya dan menggantikan kepada Rasulnya dengan isteri yang lebih baik dari dia,[3] tidak juga Dia membawakan contoh bagi isteri Nuh dan Lut sebagai yang sama dengan kategorinya,[4] tidak juga dia cuba membuat Rasul mengharamkan sesuatu keatas dirinya yang mana Allah telah halalkan padanya,[5] tidak juga Rasul [sawas] ketika bersyarah menunjuk kepada kediamannya dengan berkata: "Disitulah terdapat perselisihan, perpecahan, dan pertengkaran.....; dari sanalah taduk syaitan akan keluar,"[6] tidak juga kelakuannya membolehkan dia meluruskan kakinya dihadapan Rasul yang sedang bersolat, dengan itu telah menunjukkan tanda tidak hormat kepada baginda dan juga kepada solat, dengan tidak menggerakkan kakinya dari tempat sujud sehingga baginda mengerakkannya supaya dialihkan, maka barulah dia mengalihkan, sehinggalah baginda berdiri dari sujud, maka dia akan meletakkan kakinya semula...![7]

Beginilah dirinya. Seolah dia tidak melanggar susila dengan membangkitkan semangat rakyat menentang `Uthman, memanggil dia "Na`thal," berkata, disebutkan secara tepat [*verbatim*], "*Uqtulu Na`thal faqad kafar!*" ("Bunuh Na`thal, kerana dia telah bertukar menjadi *kafir*."[8] Seolah dia tidak keluar dari rumahnya, setelah diperintahkan oleh Allah awj untuk tinggal di dalamnya,[9] menunggang untanya yang bernama `Askar dan memandu pasukan tentera,[10] menurun bukit atau mendaki gunung. Malah dia tidak tunduk kepada nasihat tetapi berkeras pada memimpin tentera yang dia tubuhkan untuk menentang Imam.[11] Kenyataannya bahawa Rasul Allah [sawas] mati di dadanya, dari itu samalah tarafnya dengan kenyataannya yang mengatakan Rasul Allah [sawas] melihat beberapa orang Sudan bermain di masjid dengan tombak dan perisainya, dan baginda dikatakan bertanya kepada dia sama ada dia suka untuk melihat permainan mereka, yang mana pada ajakan baginda dia menjawab dengan positif. `Ayesha meneruskan dengan berkata: "Dia membiarkan saya berdiri dibelakangnya, dan pipi saya dipipinya, dan berkata: `Wahai anak Arfada, teruskan!'" dikatakan baginda menggalakan mereka untuk terus bermain supaya wanita yang berkuasa ini dapat berhibur, sehinggalah dia bertanya sama ada dia merasa cukup. Setelah mengatakan "Ya," baginda menyuruh dia pergi [12] Dan adalah sama dengan cerita yang dia sampaikan yang mana dia berkata: "Rasul Allah [sawas] masuk, suatu ketika apabila saya mempunyai dua jariyah sedang menyanyi untuk saya dengan riangnya. Baginda berbaring dikatilnya. Abu Bakr masuk dan marah kepada saya dengan berkata: `Adakah saya mendengar seruling syaitan dimainkan dikehadiran Rasul Allah?!' Rasul Allah [sawas] mendapatkan dia dan memberitahunya untuk membiarkan mereka."[13]

Yang sama lagi dengannya cerita yang lain. Dia berkata: "Rasul berlumba dengan dia dan dia mengalahkan baginda. Kami terus melakukan bertahun-tahun lamanya di masa itu saya telah bertambah berat, dan apabila baginda mengalahkan saya, baginda berkata: `Ini [permainan lumba lari] membatalkan yang itu!'" seperti yang disebutkan oleh Imam Ahmed di dalam hadith `Ayesha dimuka surat 39, Vol. 6, dari Musnad. Atau seperti kenyataannya: "Saya biasa bermain dengan kanak-kanak perempuan, dan sebahagian dari mereka adalah kawan saya yang akan datang untuk bermain dengan saya, dan Rasul Allah akan mempelawa mereka masuk supaya saya dapat bermain dengan mereka," yang disebutkan oleh Imam Ahmed ketika membincangkan

`Ayesha pada ms 75, Vol. 6, dari Musnad. Atau seperti ceritanya yang lain yang disebutkan oleh Ibn Abu Shaybah, dan ianya adalah hadith number 1017 dari hadith yang disampaikan oleh Ibn Abu Shaybah di dalam Vol 7 dari *Kanz al-Ummal*: "Saya telah mendapat 7 kemuliaan yang tidak ada wanita lain, selain dari Mariam anak perempuan `Umrān, telah dianugerahkan dengannya: Malaikat yang membawa wahyu turun dalam bentuk diri saya; Rasul Allah mengahwini saya sebagai seorang anak dara yang mana belum ada lelaki yang menyentuh saya; wahyu turun kepada baginda sedang baginda bersama dengan saya [bersetubuh], baginda mencintai saya lebih dari mana-mana wanita yang lain; beberapa ayat al-Quran telah diwahyukan bagi pihak diri saya yang hampir menyebabkan ummah akan binasa; saya melihat Jibril sedangkan para isteri Rasul yang lain tidak dapat melihatnya melainkan saya; dan baginda menghembuskan nafasnya yang terakhir di dalam rumah saya ketika tiada siapa ada disana melainkan saya dan malaikat maut." [14] Hadith lain yang dia telah sampaikan lebih khusus dengan kemuliaannya, semuanya jatuh kedalam corak yang sama.

Mengenai Umm Salamah, mencukupi buat dirinya kemuliaan pada mentaati walinya dan juga wasi Rasulnya. Dia amat terkenal dengan pendiriannya yang ringkas dan jelas dan mempunyai intelek yang tinggi, keimanan yang kuat, cadangan beliau pada Hari Hudaibiya telah menunjukkan betapa tajamnya intelektual beliau, pertimbangan yang bijak; dan kedudukannya yang tinggi; semoga rahmat Allah keatasnya, Wassalam.

Yang ikhlas,  
Sh

[1] Ini adalah rujukan kepada ayat yang berikut di dalam Surah al-Tahrim: "Jika kamu berdua bertaubat, maka hati kamu hendaklah berserah kepada Allah."

[2] Keingkarannya kepada wazir adalah jelas dengan penafiannya terhadap wujudnya wasiat Rasul [sawas] untuk beliau, dan dengan menyimpan dendam terhadapnya sepanjang hayat beliau. Mengenai kedegilan kepada Rasul [sawas]; Allah telah berpihak dengan RasulNya menentang dia, ini telah dibuktikan dengan ayat: "Jika mereka menjadi degil kepada dia, maka [mencukupi bagi dia] Allah adalah mawlnya, begitu juga Jibril dan yang beriman diantara yang mukmin dan bahkan para malaikat menyokong dia (Qur'an, 66:4)."

[3] Hadith ini dan yang selepasnya, adalah rujukan kepada ayat "ianya mungkin jika dia menceraikan kamu, tuhanNya akan merahmati dia dengan isteri-isteri yang lebih baik dari kamu, berserah kepada Allah, dengan benar-benar percaya kepadaNya."

[4] Ini adalah rujukan kepada kenyataan Allah awj: "Allah telah menunjukan kepada mereka yang tidak percaya contoh para isteri Nuh dan Lut," sehingga kepenghujung Bab.

[5] Ini adalah rujukan kepada ayat: "Wahai Rasul! Mengapa kamu jadikan haram apa yang Allah telah jadikan halal bagi kamu, mencari untuk menyenangkan isteri kamu (Qur'an, 66:1)?"

[6] Ini telah disebutkan oleh al-Bukhari di dalam seksen yang berkaitan dengan cerita apa yang terjadi di dalam rumah para isteri Rasul di dalam huraianNya pada isu perang jihad dan biografi Rasul; di dalam sahihNya. Ianya juga pada muka surat 125, jilid 2, di dalam bab perundangan khums dan cara pembayarannya, perkataannya di dalam sahih Muslim adalah seperti berikut: "Rasul Allah keluar dari rumah `Ayesha's dan berkata: `Tanduk syaitan akan keluar dari tempat ini;"" maka rujuk kepada ms 503 dari jilidnya yang kedua [Teks Arab yang asal].

[7] Rujuk kepada sahih Bukhari di dalam seksen yang berkaitan dengan apakah perbuatan yang diperbolehkan ketika melakukan shalat, ms 143, Vol. 1.

[8] Dia mencemoahkan `Uthman dan menolak kebanyakan dari tindakannya, memanggilnya dengan nama-nama yang buruk, dan kenyataannya: "Bunuh Na`thal, kerana dia telah bertukar menjadi kafir," ini telah tidak diabaikan oleh mana-mana buku yang mengandongi peristiwa dan kejadian yang demikian. Mencukupi bagi kamu apa yang terdapat di dalam buku sejarah oleh Ibn Jarir, Ibn al-Athir, dan oleh yang lainnya. Sebahagian individu menolak keperibadiannya dan mengubah syair di dalam perkara ini seperti berikut:

Kamu memulakan sesuatu dan merancang,

Seperti angin bertiup dan hujan mengairi;

Kamu memerintah mereka supaya membunuh Imam,

Mengatakan dia berpaling dari Islam...

Sehingga penghujung ayat tersebut yang telah disebutkan di dalam muka surat 80, Vol. 3, dari Ibn al-Athir's *Al-Kamil*, setelah rujukan dibuat bagaimana bermulanya Peperangan Unta.

[9] Itu, apabila Allah awj berkata: "Dan tinggal di rumah kamu, dan jangan menghiasi diri kamu seperti yang kamu lakukan dizaman *jahiliyya* (Qur'an, 33:33)."

[10] Unta yang `Ayesha tunggangi semasa peristiwa Basra dipanggil `Askar. Ia telah dibawakan kepadanya oleh Ya`li ibn Umayyah, dan ianya adalah seekor unta jantan yang besar. Apabila dia melihatnya, dia amat gembira, tetapi apabila dia tahu bahawa namanya adalah `Askar, dia menukar fikiran dan berkata: "Pulangkan, kerana saya tidak memerlukanNya." Dia mengatakan bahawa Rasul Allah [sawas] telah memberitahunya akan nama yang sedemikian dan telah melarang dari menunggangnya, maka mereka menukar tempat duduknya dan membawa unta itu semula kepadanya dengan berkata: "Kami telah dapatkan sesekor lagi buat kamu, yang lebih besar dan lebih kuat." Maka dia amat gembira dengannya. Insiden ini telah disebutkan oleh beberapa penulis sejarah dan biografi; maka rujuklah pada muka surat 80, Vol. 2, dari *Sharh Nahjul Balaghah* oleh ulama Mu'tazilite.

[11] Hadith ini dalam perkara tersebut amat terkenal; dan ianya adalah satu tanda kebenaran Rasul dan keajaipan di dalam. Ianya telah diringkaskan oleh Imam Ahmed ibn Hanbal ketika menyebut hadith `Ayesha di dalam *Musnad*, ms 52 dan 97, Vol. 6. Hakim lakukan yang sama juga, menyebutnya pada ms 120, Vol. 3, dari

buku sahihnya Mustadrak, dan al-Thahbi mengesahkan yang sama apabila dia menyebutnya di dalam buku *Talkhis al-Mustadrak*.

[12] Hadith ini mengenainya tidak diragukan. Ianya telah disebutkan oleh kedua shaykh di dalam sahih mereka; maka, kamu boleh rujuk di dalam sahih Bukhari, di permulaan seksen kedua *'lids*, ms 116, Vol. 1, dan rujuk kepada sahih Muslim, di dalam seksen sukan yang dibolehkan ketika perayaan eid, ms 327, Vol. 1. Juga rujuk kepada Ahmed: *Musnad*, ms 57, Vol. 6.

[13] Ini telah disebutkan oleh al-Bukhari, Muslim, dan Imam Ahmed dari hadith `Ayesha yang kami rujukan pada nota kaki diatas.

[14] Ianya telah dipersetujui oleh semua bahawa baginda [sawas] wafat dikehadiran `Ali [as], dan bahawa `Ali [as] merawat dan menolong baginda; maka bagaimana ianya boleh dikatakan dengan tepat bahawa ketika baginda wafat, tiada siapa disamping baginda melainkan `Ayesha dan malaikat maut? Dimanakah `Ali [as] dan `Abbas diketika itu? Dan dimanakah Fatima (as) dan Safiyya? Atau dimanakah para isteri Rasul dan semua keturunan Hashim? Bagaimana mereka boleh meninggalkan baginda sedirian sahaja bersama `Ayesha? Adalah amat jelas bahawa Mariam [as] juga sebenar tidak mempunyai satu pun dari 7 sifat kemuliaan yang dikatakan dimiliki oleh dirinya; dari itu apakah intipati yang dia gunakan pada menggunakan Mariam sebagai yang terkecuali sahaja?

## SURAT 79

### IJMAK MENGESAHKAN KEDUDUKAN KHALIFA AL-SIDDIQ

#### Safar 23, 1330 H

Jika apa yang kamu telah katakan mengenai ikatan perjanjian dan wasiat, begitu juga dengan teks yang jelas, telah dibuktikan benar, dari itu apa yang dapat kamu katakan mengenai persetujuan ummah untuk melantik [Abu Bakr] al-Siddiq? Penerimaannya adalah bukti yang tidak boleh disangsikan, yang mengesahkan kenyataan baginda [sawas]: "Persetujuan ummah saya tidak pernah berlaku mengenai apa-apa yang salah," dan kenyataan baginda [sawas], "Kata-kata ummah saya tidak pernah menyesatkan;" dari itu, apa yang akan kamu katakan mengenainya?

Yang ikhlas,  
S

## SURAT 80

### TIDAK ADA IJMAK

#### Safar 25, 1330 H

Kami katakan bahawa pengertian terhadap kenyataan baginda [sawas]: "Persepakatan ummah saya tidak akan berlaku mengenai apa-apa yang salah," dan "Pernyataan ummah saya tidak pernah menyesatkan," adalah bahawa baginda [sawas] menafikan akan adanya kesilapan, atau kesesatan, pada isu berkenaan yang mana ummah telah putuskan; dari itu ummah akan dapat persetujuan pengesahan sebulat suara di dalam isu tersebut. Inilah yang dimaksudkan oleh tradisi itu, dan bukan yang lain. Berkenaan dengan perkara yang telah dipertimbangkan oleh satu kumpulan individu dari ummah dan memutuskan untuk melaksanakannya, serta dengan jayanya kumpulan ini telah memaksakan, bahkan kepada mereka yang mempunyai hak bersuara, maka pelaksanaan seperti ini tidak membuktikan pengesahan ijmak semuanya. Sumpah kesetiaan [bai'ah] yang diambil di saqifa bukanlah satu isu mengenai perundingan; bahkan ianya adalah sesuatu yang dilaksanakan oleh khalifa kedua dan Abu Ubaydah dan sekumpulan rakan-rakan mereka, kemudian mereka memerangkap secara mengejut, orang yang sebenarnya mempunyai hak berkuasa [untuk melakukan dan membatalkan], dengan dibantu oleh situasi diketika itu. Dari itu kumpulan ini telah berjaya mendapatkan apa yang mereka idamkan. Abu Bakr sendiri mengatakan bahawa sumpah setia yang diterimanya telah dilakukan dengan tidak mengikuti perundingan mahu pun kebijaksanaan. Dia mengatakan itu ketika memberi syarahan pada permulaan khalifanya, dimana dia meminta maaf kepada umum dengan berkata: "Bai'ah yang saya terima adalah satu tindakan yang terburu-buru dari kejahatan yang mana Allah telah menyelamatkan kita, kerana terdapat situasi akan adanya perpecahan." [1] `Umer mengatakan fakta yang sama dihadapan ramai saksi apabila dia memberi khutbah dari mimbar dimasjid Rasul suatu Jumaat, dipenghujung pemerintahannya, khutbah itu yang mana isi beritanya telah tersebar luas.. Al-Bukhari telah menulis di dalam sahihnya, [2] dan saya hendak menyebutkan untuk kamu disini secara tepat [*verbatim*]:

"Telah sampai kepada pengetahuan saya bahawa seseorang [3] telah berkata bahawa jika `Umer mati, dia kan memberikan bai'ah kepada si fulan-dan-si fulan; dari itu janganlah sesiapa ragu-ragu dari mengatakan bahawa bai'ah kepada Abu Bakr adalah satu kesilapan yang telah terjadi, kerana itulah yang sebenarnya, malah Allah telah menyelamatkan kita dari akibatnya... Sesiapa yang memberikan bai'ah dahulu sebelum berunding dengan yang lain, telah melakukannya disebabkan takut akan dibunuh jika dia tidak melakukan, maka dari itu dia tidak

perlu melakukannya sama sekali [dan sebaliknya menerima kematian]...[4] Satu dari pengkhobaran yang tersebar mengenai kami apabila Allah mengambil RasulNya [sawas] dari kita adalah Ansar telah berbeza dengan kami dalam pandangan mereka; mereka semua berkumpul di saqifa Bani Sa'idah; selain mereka, 'Ali (as) dan al-Zubayr, dan pengikut mereka, berbeza juga..."

Dia terus menunjukkan apa yang berlaku di saqifa, perselisihan dan perbezaan pendapat, suara yang timbul disebabkan perihatin terhadap keselamatan agama, dsb. Dibawah keadaan yang sedemikian 'Umer memberi bai'ah kepada Abu Bakr.

Ianya adalah satu fakta yang telah diketahui umum oleh mereka yang menyelidik, peristiwa yang telah menghalang ahli bayt keluarga nabi [as], pemelihara pengkhobaran [wahyu], dari menghadiri upacara bai'ah. Mereka berada dirumah 'Ali bersama dengan Salman, Abu Tharr al-Ghifari, al-Miqdad ibn al-Aswad al-Kindi, 'Ammar ibn Yasir, al-Zubayr ibn al-Awwam, Khuzaymah ibn Thabit, Abu ibn Ka'b, Farwah ibn 'Amr ibn Wadqah al-Ansari, al-Bara' ibn 'Azib, Khalid ibn Sa'd ibn al-'As al-Amawi, dan ramai yang lain lagi. Maka bagaimana boleh dikatakan ijmak, walaupun sebenarnya kesemua mereka ini, termasuk keturunan Muhammad [as], yang kepada ummah seperti kepala kepada badan, mata kepada muka, keturunan Rasul Allah [sawas] dan pemelihara pengetahuan baginda, yang disamakan hanya kepada Kitab Allah, bahtera bagi keselamatan ummah, dan pintu kepada keselamatan mereka, penyelamat ummah dari kesesatan, dan panji-panji petunjuk mereka, seperti yang kami telah buktikan diatas..., [5] tidak menghidirinya? Tetapi urusan mereka tidak memerlukan sebarang bukti jika diteliti dengan jelas.

Keduanya Bukhari dan Muslim, [6] di dalam sahih mereka, sebagai tambahan kepada ramai lagi tradisionis dan ahli sejarah yang terkenal semuanya telah membuktikan kepada fakta bahawa 'Ali [as] tidak mengambil bahagian di dalam proses bai'ah, dan bahawa dia tidak berbaik dan berdamai melainkan selepas ketua wanita di dunia [as] pergi untuk bersama dengan bapanya [sawas] [disyurga], enam bulan selepas baginda, disebabkan oleh kepentingan Islam umumnya dari keadaan yang kritikal diketika itu. Pengakuan kepada fakta ini datang dari 'Ayesha sendiri yang berkata: "Al-Zahra' (as) memulaukan Abu Bakr dan tidak berkata-kata kepadanya setelah peninggalan bapanya [sawas] sehinggalah beliau meninggal, dan apabila 'Ali (as) berdamai dengan mereka, beliau menuduh mereka merampas haknya dari kedudukan sebagai khalifa." Hadith ini sebagaimana yang kamu boleh lihat, tidak menyebutkan apa-apa mengenai bai'ahnya kepada mereka. Lihatlah bagaimana kenyataannya boleh menggerakkan pemikiran sesiapa apabila dia berkata kepada Abu Bakr iaitu:

Jika kamu berhujah dengan mereka, mengatakan kekerabatan,

Dari itu yang lain lebih dekat kepada Rasul dan lebih berhak;

Dan jika melalui perundingan kamu mengambil kuasa,

Bagaimana boleh terjadi apabila mereka ahli penasihat tidak ada bersama?! [7]

Al-'Abbas ibn 'Abdul-Muttalib telah menggunakan hujah yang sama dengan Abu Bakr, seperti Ibn Qutaybah membincangkannya pada muka surat 16 dari bukunya *Al-Imama wal Siyasa*, dia memberitahunya: "Jika kamu meminta apa yang kamu minta melalui pertalian persaudaraan kepada Rasul Allah [sawas], dari itu kamu telah merampas hak kami. Jika kamu telah meminta disebabkan kedudukan kamu diantara Muslim, maka kedudukan kami lebih terhormat dari kamu. Jika urusan ini selesai apabila yang beriman merasa puas dengannya, dari itu ianya tidak akan terjadi selagi kami tidak merasa senang dengannya."

Dari itu dimanakah ijmak yang kamu katakan itu, setelah mendengar apa yang dikatakan oleh bapa saudara Rasul Allah [sawas], yang seumpama seperti bapanya, dan sebagai tambahan kepada kenyataan sepupunya, saudara, dan pelaksana wasiatnya, begitu juka kenyataan dari semua ahli Bayt dan juga kerabat mereka?

Yang ikhlas,  
Sh

[1] Ini disebutkan oleh Abu Bakr Ahmed ibn 'Abdul-'Aziz al-Jawhari di dalam bukunya *Al-Saqifa* dan oleh Ibn Abul-Hadid pada ms 132, Vol. 1, dari *Sharh Nahjul Balaghah*.

[2] Rujuk kepada *sahih*, Bab merejam wanita yang mengandung dari penzinaan jika dia berkahwin, ms 119, Vol. 4. Ianya juga disebutkan oleh beberapa pengarang buku tradisi dan sejarah seperti Ibn Jarir dan al-Tabari yang membincangkan peristiwa ditahun ke 11 di dalam *tarikh* [buku sejarah] mereka masing-masing, dan ianya disampaikan oleh Ibn Abul-Hadid pada ms 122, Vol. 1, dari *Sharh Nahjul Balaghah*.

[3] Orang yang membuat kenyataan itu ialah Ibn al-Zubayr, dan kenyataannya adalah: "Demi Allah! Sebaik sahaja 'Umer mati, Saya akan bai'ah kepada 'Ali, kerana bai'ah kepada Abu Bakr adalah kesilapan ummah yang telah berlalu dengan selamat." Maka 'Umer menjadi amat marah, dan dia memberikan khutbah demikian. Ini telah dikatakan oleh ramai dari mereka yang mengulas pada al-Bukhari. Rujuk kepada penjelasan hadith ini di dalam sahih al-Qastalani, ms 352, Vol. 11, dan kamu akan menjumpai pengarangnya menyebutkan al-Balathiri mengatakan yang berkaitan dengan panggilan keluarga, telah mengakui akan sahihnya hadith ini menurut dari pengesahan kedua shaykh.

[4] Di dalam ulasannya kepada hadith ini, Ibn al-Athir telah mengatakan bahawa intisari kenyataan ini adalah bahawa mereka takut akan dibunuh. Dari itu pengertian seluruh hadith adalah seumpama: "Bai'ah hendaklah hasil dari perundingan dan ijmak; maka jika dua orang berpisah dari kumpulan, dan seorang dari mereka memberikan bai'ah kepada yang lain, dari itu keduanya telah berpisah dari kumpulan ijmak. Jika seorang menerima bai'ah, maka dia bukan dari dalam kumpulan; bahkan mereka berdua hendaklah dipisahkan dari kumpulan yang bersetuju untuk memperkenalkan Imam mereka daripada yang lainnya. Jika tidak, kalau seorang dari mereka menerima bai'ah, setelah melakukan perbuatan yang keji yang menyebabkan kumpulan itu menolak dia, dari itu tidak ada jaminan bahawa kedua orang itu tidak akan dibunuh." Ini adalah satu dari

perundangan yang dikatakan oleh 'Umer yang telah meluluskan perundangan yang sedemikian keatas dirinya rakan-rakannya dan sama juga pada yang lain. Terdahulu dari syarahan ini, dia telah mengatakan yang berikut: "Memberikan bai'ah kepada Abu Bakr adalah kesilapan terhadap kejahatan yang mana Allah telah melindungi kita; maka kamu hendaklah bunuh sesiapa yang mengulanginya." Kenyataan ini menjadi amat terkenal, dan ramai penyampai peristiwa sejarah telah menyampaikannya, termasuk ulama Ibn Abul-Hadid pada muka surat 123, Vol. 1, dari *Sharh Nahjul Balaghah*.

[5] Rujuk kepada surat No. 6 dan muka surat yang berikutnya sehingga kepenghujung surat No. 12, dan kamu akan tahu kehormatan yang diberikan kepada Ahl al-Bayt [as].

[6] Rujuk kepada sahih al-Bukhari, dan baca baris terakhir pada Bab kempen Khaybar pada muka surat 39, Vol. 3. Juga rujuk sahih Muslim, dalam Bab Kenyataan Rasul: "Kami tidak tinggalkan dibelakang kami apa-apa, dari apa sahaja yang kami tinggalkan ianya adalah sedekah," di dalam buku Perang Jihad dan biografi, pada muka surat 72, Vol. 2, dan kamu akan jumpa perkara tersebut seperti yang kami katakan dengan khusus.

[7] Kedua rangkap syair ini telah dituliskan di dalam *Nahjul Balaghah*. Ibn Abul-Hadid telah mengatakan demikian ketika menerangkannya di dalam *Sharh Nahjul Balaghah*, ms 319, Vol. 4, telah menambah, "Kenyataan ini ditujukan kepada Abu Bakr, kerana Abu Bakr berhujah dengan Ansar di *saqifa*, dengan berkata: 'Kami adalah dari keturunan Rasul Allah [sawas] dan pelindung baginda;' maka, apabila dia berhujah mengenai bai'ah, mengatakan bahawa ianya telah dilakukan oleh mereka yang ada hak untuk bersuara, 'Ali (as) berkata: 'Menegenai hujah kamu dengan Ansar mengatakan bahawa kamu tergulung dari keturunan Rasul Allah [sawas] dan kami dari golongan kerabatnya, yang lain lebih dekat pertaliannya kepada baginda daripada kamu; mengenai dengan hujah kamu yang telah dilantik dan bahawa perhimpunan telah merasa senang dengan kamu, terdapat ramai sahabat yang tidak hadir disana; maka bagaimana ianya boleh dikatakan ijmak?' " Shaykh Muhammad 'Abdoh telah membuat dua ulasan pada rangkap ini, meringkaskan apa yang Ibn Abul-Hadid telah katakan ketika menjelaskannya.

## SURAT 81

### IJMAK TERCAPAI APABILA HILANGNYA PERSELISIHAN

#### Safar 28, 1330 H

Sunnis tidak menafikan fakta bahawa bai'ah tidak diambil secara perundingan atau pertimbangan yang serius. Bahkan, mereka mengaku bahawa ianya telah berlaku dengan pantas dan tidak diduga. Mereka tidak menolak telah melakukan apa yang bertentangan dengan hasrat Ansar dan pilihan mereka, iaitu Sa'd, dan juga dalam menentang keturunan Hashim dan pengikut mereka dari Muhajirun dan Ansar yang bersama Imam (as) di dalam pemulauan. Tetapi mereka berkata bahawa kedudukan khalifa akhirnya ditauliahkan kepada Abu Bakr yang telah diterima oleh setiap orang sebagai Imam; maka hilang perselisihan, permusuhan terhenti, dan setiap orang bertekad untuk menyokong al-Siddiq dan bersedia memberikan utuknya nasihat secara sulit dan secara umum; makanya mereka berjuang di dalam peperangannya; mereka menyokongnya apabila dia membuat perjanjian kedamaian, dan mereka juga laksanakan perintahnya. Tiada siapa yang berbeza dalam perkara ini, dari itu ijmak keseluruhan telah tercapai, dan perlantikan khalifa telah terlaksana, pujian bagi Allah yang telah menyatu padukan mereka setelah berselisih, dan menyatu padukan hati mereka setelah berpecah, Wassalam.

Yang ikhlas,  
S

## SURAT 82

### IJMAK TIDAK TERCAPAI, PERSELISIHAN TIDAK TERHAPUS

#### Safar 30, 1330 H

Penyatuan mereka di dalam menyokong al-Siddiq, dan persediaan memberikan kepadanya nasihat secara sulit dan juga secara umum, adalah satu perkara; pengesahan perlantikan kedudukan khalifa melalui ijmak [penerimaan ramai] adalah perkara yang lain. Ianya tidak bersangkutan jika dipertimbangkan dengan akal atau pun tradisi, kerana 'Ali dan semua Imam yang ma'sum dari keturunan baginda [as] mempunyai polisi yang telah diketahui semua di dalam menyokong pihak berkuasa Islam; ianya adalah sama seperti kita semua menyembah Allah. Saya nyatakan disini sebagai menjawab apa yang kamu telah katakan. Ini boleh dijumlahkan sebagai: Mereka percaya bahawa Ummah Muslim tidak akan dapat naik ketahap cemerlang melainkan melalui keadaan yang menyatukan penduduknya, memperbaiki segala keretakan di dalam strukturnya, mengawal sempadannya, dan keselamatan pada rakyatnya. Kerajaan yang sedemikian tidak boleh wujud melainkan rakyat menyokongnya dengan nyawa dan harta benda. Jika berkemungkinan bagi kerajaan yang sedemikian dipimpin oleh pemimpin yang sah, di dalam pengertian sebenar, kerajaan Rasul Allah, maka orang itu hendaklah dilantik untuk memikul tanggung jawab itu, selain dari yang lain. Tetapi jika ianya menjadi mustahil, dan kerajaan telah dirampas oleh yang lain, dari itu ummah hendaklah menyokong di dalam setiap isu

yang mana kehormatan dan berkuasanya Islam bergantung kepadanya; dan begitu juga dengan keselamatan sempadan bagi kerajaan Islam, dan keselamatan negara.

Tidak dibolehkan untuk memecah-belahkan Muslim atau mengadakan permusuhan diantara mereka dengan menentang dia; sebaliknya ummah hendaklah melayaninya, walaupun jika dia seorang hamba dengan anggotanya telah dipotong, seperti layanan yang diberikan kepada khalifa, memberikan kepadanya khiraj [cukai tanah], zakat ternakan dan yang lain lagi. Dia mempunyai hak untuk mengambil darinya, melalui jual, beli, begitu juga dengan pemindahan hak milik harta, seperti anugerah, pemberian dan sebagainya.

Tidak ada keraguan mengenai menghilangkan prasangka dari diri yang membayar, apa yang diwajibkan kepadanya, seakan dia membayar kepada Imam sebenar, khalifa yang sah. Inilah jalan 'Ali dan Imam yang disucikan dari keturunan Rasul [as]. Rasul Allah telah berkata: "Akan terdapat selepas saya keadaan menyeleweng dan tidak disenangi," seperti terdapat di dalam satu hadith yang disampaikan oleh 'Abdullah ibn Mas'ud yang telah disebutkan oleh Muslim pada ms 118, Vol. 2, di dalam *Sahih*, dan oleh ramai lagi pengarang sahih dan sunan. Manusia bertanya kepada baginda [sawas]: "Wahai Rasul Allah! Apa yang kamu perintahkan kepada kami, untuk lakukan jika kami menyaksikan perkara ini berlaku?" Baginda [sawas] menjawab: "Lakukan apa yang wajib bagi kamu, dan berdoa kepada Allah untuk mendapatkan apa yang menjadi hak kepada kamu." Abu Tharr al-Ghifari, semoga Allah meridhai beliau, juga telah disebutkan oleh Muslim di dalam Vol. 2 dari sahihnya sebagai berkata, "Sahabat saya Rasul Allah [sawas] menasihatkan saya untuk mendengar dan mematuhi walaupun [pemerintah saya] seorang hamba yang anggotanya telah dipotong." Salamah al-Ju'fi telah disebutkan oleh Muslim dan juga yang lain, bertanya kepada Rasul Allah [sawas]: "Wahai Rasul Allah! Diandaikan kami diperintah oleh mereka yang meminta kami melakukan tanggung jawab kami kepada mereka sedang mereka enggan memberikan akan hak kami, apakah nasihat kamu untuk kami lakukan?" Baginda menjawab dengan berkata, "Dengarkan dan patuh, kerana mereka akan menanggung dosa mereka, dan kamu akan menanggung dosa kamu." Di dalam satu hadith tertentu yang disebutkan oleh Muslim pada ms 120, Vol. 2, dari sahihnya, yang disampaikan oleh semua pengarang buku tradisi, Huthayfah al-Yemani, semoga Allah meridhainya, menyebut Rasul [sawas] sebagai berkata: "Akan terdapat pemerintah selepas saya yang tidak akan memimpin kearah pimpinan saya; tidak juga mengikuti sunnah saya; dan terdapat diantara mereka, manusia yang hatinya sama seperti syaitan yang dalam bentuk manusia." Huthayfah bertanya kepada baginda [sawas]: "Apa yang perlu saya lakukan ketika itu, wahai Rasul Allah, jika saya menyaksikannya?" Baginda menjawab: "Kamu hendaklah mendengar kepada pemerintah dan patuh kepadanya, jika dia memukul belakang kamu dan merampas harta kamu, kamu masih juga tiada pilihan melainkan mendengar dan patuh." Yang sama dengan hadith ini adalah hadith yang disampaikan oleh Umm Salamah iaitu: "Terdapat pemimpin yang zalim keatas kamu, dan kamu sama ada mengakui kezaliman mereka atau menafikannya. Mereka yang mengakui akan dianggap sebagai tidak bersalah, sedang mereka yang menafikan akan terselamat dari siksaan." [1] Mereka bertanya kepada baginda [sawas]: "Tidakkah kami seharusnya memerangi mereka?" Baginda menjawab: "Tidak, selagi mereka mengerjakan solat."

*Sahihs* adalah mutawatir di dalam menyampaikan hadith yang disebutkan diatas, terutama melalui keturunan yang suci (as). Atas sebab ini, yang terkemudian kekal bersabar seperti mereka melihat kepada yang menyakitkan mata, dan mereka terus membisu, bertindak diatas perintah yang suci dan yang lainnya dimana mereka terikat. Mereka diarahkan supaya tekun walaupun dalam penderitaan, sebagaimana mereka dipaksa untuk mengabaikan sakitnya mata, demi memelihara penyatuan ummah dan memastikannya kukuh. Mereka patuh kepada intipati teks ini ketika berurusan dengan pemimpin yang diamanahkan untuk menguruskan urusan Muslim. Sedang mereka sedar akan fakta bahawa mereka sendiri yang lebih layak pada kedudukan tersebut, mereka telah rasai akan pahitnya hempedu, mengharapakan pemimpin ini dapat memandu ummah disuatu hari kejalan yang lurus. Dengan perlantikan individu sedemikian ketempat berkuasa adalah lebih menyakitkan dari dilukai dengan pedang, malah mereka bersabar kerana memenuhi ikatan, melaksanakan tanggung jawab, dan menjalankan tugas mereka di dalam syariah sebanyak mungkin, memilih – ketika menentang pemerintah sedemikian – untuk lebih mengutamakan yang amat baik dari yang lebih baik. Atas sebab ini Amirul Mukminin [as] mencuba sedaya upaya untuk memberikan pandangan kepada semua ketiga-tiga khalifa, menyibukkan dirinya dengan memberi mereka nasihat.

Sesiapa yang membuat dirinya faham dengan polisi beliau semasa zaman mereka, akan mengetahui bahawa beliau, setelah kehilangan semua harapan untuk mendapatkan haknya yang sah, pengganti kepada Rasul Allah [sawas], dengan rela memilih menyendiri, memilih untuk membuat tempat perlindungan dengan mereka yang berkuasa. Beliau tidak memerangi mereka ketika melihat kedudukan yang dijanjikan kepadanya di dalam gengaman mereka, tidak juga beliau menentang mereka secara terbuka. Beliau melakukan ini semua hanya untuk mengekalkan perpaduan ummah dan menyelamatkan agama, selalu meletakkan kepentingan agama dahulu [di dalam fikirannya], mengutamakan kehidupan akhirat kepada yang ini. Beliau menanggung azab yang tiada siapa pernah menanggungnya. Beliau menanggung azab dari dua bencana: kedudukan khalifa di dalam teks nya bersungguh-sungguh merayu kepada beliau dengan suara yang menawan hati disatu pihak, dan disatu pihak yang lain, tekanan terhadap perselisihan telah memberinya amaran terhadap kemungkinan adanya rampasan kuasa disemenanjung Arab. Terdapat juga kemungkinan bahaya puak badwi Arab meninggalkan agama mereka, dari itu telah menghancurkan agama Islam. Agama juga diancam oleh hipokrit di Madina, yang mana hipokrit mereka memang tertanam dalam, dan telah dibantu oleh hipokrit badwi disekeliling mereka, menurut dari teks Kitab yang suci. Hipokrit badwi lebih hina dari hipokrit yang pertama, bahawa adalah lebih baik mereka tidak tahu akan hadnya apa yang Allah telah wahyukan kepada RasulNya [sawas].

Dengan kehilangan Rasul [sawas] telah memberikan satu keyakinan kepada beliau, dan Muslim sebaliknya di dalam bencana ini telah menjadi seperti ternakan yang ketakutan di malam musim sejuk, dikelilingi oleh

serigala dan binatang ganas. Sedangkan rakan mereka aktif di dalam percubaan untuk menghapuskan agama dan menghancurkan Muslim; Romans, Kisras dan yang lain sedang menunggu-nunggu, sehingga kepenghujung lis [senarai] dari yang begitu ramai yang menaruh dendam kepada Muhammad [sawas], keturunan Muhammad dan sahabat Muhammad. Kumpulan ini menaruh dendam dan merasa dengki terhadap pengkhabaran Islam; mereka berhasrat untuk meruntuhkan tapak asasnya, dan menghancurkan kekuatannya. Di dalam usaha begini, mereka akan bersegera, setelah melihat peluang keemasan dengan perginya Rasul kepada Rakannya Yang Maha Agung. Peluang telah masak sekarang untuk mereka menggunakan keadaan kucar kacir ini, sebelum Islam pulih semula kekuatan dan persatuannya. Diketika itu Amirul Mukmin [as] sedar akan kedua-dua bahaya, dan adalah lumrah bahawa beliau akan menggorbankan haknya supaya dapat mengekalkan agama Islam, dari itu telah mengutamakan kepentingan umum dari kepentingan diri sendiri.

Beginilah tamatnya kekacauan itu, dan perselisihan diantara beliau dengan Abu Bakr tertangguh, kerana tiada yang beliau takuti selain dari perpecahan Muslim, dan menjadi perhatiannya adalah bahawa Muslim yang terus berkuasa. Maka beliau, semua ahl Baytnya, penyokong mereka dari Muhajir dan Ansar, kekal bersabar berdiam diri dari apa yang mereka lihat yang menyakitkan mata. Ucapannya selepas wafatnya Rasul Allah [sawas] adalah amat jujur di dalam membayangkan atitiutnya, dan laporan yang berkaitan telah disampaikan secara mutawatir melalui para Imam keturunan yang disucikan [as].

Tetapi ketua Ansar, Sa'd ibn `Abadah, tidak pernah berbaik dengan kedua-dua khalifa, dan dia tidak pernah dilihat dikhalayak umum bersama dengan kedua-duanya semasa sambutan 'aidil, atau pada solat Jumaat, dan tidak pernah tunduk kepada pandangan mereka, tidak juga patuh kepada arahan mereka, sehinggalah dia dibunuh di Huran, semasa pemerintahan khalifa kedua, dan pembunuhnya telah mengatakan bahawa dia telah dibunuh oleh jinn. Dia telah membuat kenyataan yang tidak boleh dilupakan semasa peristiwa saqifa, tetapi kami lihat tidak ada perlunya untuk dituliskan disini.[2]

Mengenai sahabatnya seperti Haban ibn al-Munthir[3] dan Ansar yang lain, mereka tuduk dengan terpaksa, mengalah kepada kekerasan; dari itu adakah kamu menganggap tindakan yang diasaskan dari ketakutan kepada pedang atau dibakar kedalam api [4] sebagai percaya di dalam memberikan taat setia [bai'ah]? Atau adakah testimoni begini dikatakan 'ijmak' yang digunakan di dalam kenyataan Rasul [sawas] yang berkata "Ummah saya tidak akan melakukan kesalahan di dalam ijmak pendapat"? Tolong nyatakan keputusan kamu, semoga Allah membalas kamu, Wassalam.

Yang ikhals,  
Sh

[1] Hadith ini disebut oleh Muslim pada ms 122, Vol. 2, dari *Sahih*. Maksud rangkap katanya [sawas] "Sesiapa yang mengetahuinya tidak berdosa" adalah sesiapa yang tahu akan kejinya dan mengenal pasti yang sedemikian dan ada laluan yang membawanya jauh dari kesalahan tersebut, dan siksaan yang menukar dengan tangan atau lidahnya, tetapi jika dia tidak mampu, maka biarlah dia membencinya di dalam hati.

[2] Sa'd ibn `Abadah, bapa Thabit, adalah salah seorang yang hadir pada memberikan bai'ah di `Aqaba. Dia juga yang bertempur di dalam Peperangan Badr dan peperangan yang lain. Dia adalah ketua al-Khazraj dan perwakilannya, seorang yang pemurah dan ketua di kalangan Ansar. Kenyataannya yang kami telah rujuk, telah memenuhi buku-buku biografi dan sejarah. Mencukupi buat kamu apa Ibn Qutaybah telah katakan di dalam bukunya pada Imami dan Politik, Ibn Jarir al-Tabari di dalam *Tarikh*, Ibn al-Athir di dalam *Al-Kamil*, Abu Bakr Ahmed ibn `Abdul`Aiz al-Jawhari di dalam bukunya *Al-Saqifa*, dan lainnya.

[3] Habab adalah seorang dari ketua Ansar dan wira peperangan Badr dan Uhud, seorang yang berani dan rekod yang baik. Dialah orangnya yang mengatakan: "Saya adalah sekuat dan sekukuh tiang yang mana unta bergesel kepadanya, buah manis yang sangat dihajati. Saya adalah anak singa di dalam kawasanya; demi Allah, jika kamu berhajat, kita akan memulakan semula peperangan yang akan menghancurkan walaupun orang yang muda." Dia mengatakan kenyataan lain yang lebih keras, dan kami fikir adalah lebih baik tidak menyebutkannya disini..

[4] Ancaman mereka kepada `Ali untuk membakar rumahnya telah dibuktikan oleh *tawatur* yang sempurna. Pertimbangkan apa Imam Ibn Qutaybah telah katakan pada permulaan dari Bab Imami dan Politik, Imam al-Tabari di dalam dua tempat dimana dia membincangkan peristiwa di dalam tahun 11 A.H. di dalam bukunya yang terkenal *Tarikh*, Ibn `Abd Rabbih al-Maliki di dalam hadithnya mengenai *saqifa* seperti yang disebutkan di dalam Vol. 1, ms 134, dari *Sharh Nahjul Balaghah* oleh al-Hamidi al-Hadidi, al-Mas`udi di dalam *Muruj al-Thahab* menyebutkan `Urwah ibn al-Zubayr apabila dia meminta maaf bagi pihak saudaranya `Abdullah yang hampir sahaja membakar rumah-rumah keturunan Hashim kerana mereka memulaukan bai'ah kepadanya, al-Shahristani yang menyebutkan al-Nizam ketika membincangkan kumpulan Nizami di dalam bukunya *Al-Milal wal-Nihal*. Abu Mikhnaf telah mengkhaskan kata-kata yang berkaitan kepada saqifa sebuah buku yang mana dia mengatakan secara khusus apa yang kami katakan secara ringkas, tidak perlulah disebutkan betapa terkenal dan *tawatur*nya hadith ini, sebagai tambahan rangkap syair oleh al-Hafiz Ibrahim yang terkenal sebagai "'Syair Umeri":

Kenyataan `Umer kepada `Ali; fikirkanlah sejenak;

Pendengarnya mulia, yang dihormati berbicara, dan dengarkanlah:

'Haruskah saya membakar rumahmu dan menjadikannya longgokkan abu

Haruskah kamu memilih untuk berdegil dan tidak bersumpah

Sumpah ketaatan, walaupun jika dan ianya seketika

Anak perempuan Pilihan ada di dalamnya?



Tidak ada yang lain Abu Hafs lah pembicara  
Berkata kepada wira Adnan dan pemelihara.....

Begitulah mereka melayan Imam (as), tanpa persetujuan beliau, ijmak menurut pandangan kami tidak punya ikatan; dari itu kami tanyakan kepada semua yang mempunyai fikiran, bagaimana ijmak mereka boleh diikatkan kepada kami, jika perkara itu adalah yang dikatakan?

### **SURAT 83**

**BOLEHKAH KAMU KOMPROMI KETEPATAN TEKS DENGAN BENARNYA PARA SAHABAT?**

**Rabi`ul-Awwal 2, 1330 H**

Mereka yang diberikan dengan pandangan dan pemahaman yang tajam menganggap para sahabat sebagai terjauh dari melakukan sesuatu yang bertentangan dari kehendak Rasul [sawas] di dalam apa sahaja yang di suruh dan yang ditegah, tidak juga mereka membolehkan sesuatu dari polisi yang demikian. Dari itu, mereka tidak pernah mendengar teks mengenai Imam, sekali, dua kali atau tiga kali, kemudian menyimpang darinya. Dan bagaimana kamu menerangkan sahabat yang sedemikian sebagai benar jika mereka telah mendengar teks mengenai beliau kemudian tidak mematuhi? Saya tidak fikir bahawa kamu boleh kompromi kedua keadaan [yang bertentangan], Wassalam.

Yang ikhlas,  
S

### **SURAT 84**

- 1] KOMPROMI KETEPATAN TEKS DENGAN BENARNYA MEREKA
- 2] RASIONALNYA IMAM PADA TIDAK MENUNTUT HAK

**Rabi`ul-Awwal 5, 1330 H**

1) Tradisi warisan kami, yang telah ditinggalkan kepada kami oleh para sahabat tersebut, menunjukkan bahawa mereka patuh kepada semua teks selagi ianya berkaitan dengan agama, perkara yang berkaitan dengan alam akhirat, seperti hadith baginda [sawas] mengenai wajib puasa di bulan Ramadan tidak dibulan yang lain, mengadap hanya kepada kiblat semasa mengerjakan solat wajib, jumlah solat wajib sehari semalam, jumlah rakaat di dalam setiap solat, begitu juga bagaimana untuk melakukannya, hadith baginda bahawa pekerjaan tawaf keliling Kabah adalah tujuh kali, dan hadith-hadith yang sedemikian bertujuan untuk mendapatkan ganjaran ilahi di dalam kehidupan yang akan datang.

Mengenai teks baginda [sawas] yang berurusan dengan perkara politik, seperti penggantian, kerajaan, pentadbiran, perundangan, serangan dsb, mereka tidak melihat itu sebagai perlu untuk diikuti atau perlu patuh kepadanya di dalam apa juga keadaan; bahkan mereka membenarkan diri mereka untuk mengamalkan langkah penyelidikan, kebijaksanaan dan ijtihad. Jika mereka lihat, pada penentangan terhadap teks yang demikian boleh mencapainya tujuan mereka, atau berfaedah kepada kekuasaan mereka, mereka akan menentang. Mereka mungkin juga mencari keridhaan Rasul dengan melakukan begitu. Mereka telah yakin bahawa Arab tidak akan menerima pemerintahan 'Ali tidak juga mengikuti teks dalam perkara itu, oleh kerana itu beliau [as] telah menekan mereka dengan banyak ketika menguatkuasakan kehendak Allah dalam perkara ini, menumpahkan darah mereka dengan pedang beliau ketika menyebarkan kata-kata Allah, membukakan semua topeng mereka ketika mempertahankan yang benar, sehinggakan kehendak Allah menjadi yang berkuasa walaupun dibenci oleh setiap yang kafir. Maka, mereka telah tidak patuh kepadanya dengan rela, tidak juga mereka mengikuti teks yang sedemikian melainkan dengan paksaan; setelah dikatakan beliaulah yang menumpahkan semua darah di dalam jalan Islam semasa hidupnya baginda Rasul [sawas], menurut dari adat terhadap pembalasan di dalam keadaan yang sedemikian, maka mereka melihat beliau sebagai satu-satunya calon yang keatasnya mereka perlu membalas dendam, terutama, ketika membalas dendam biasanya dilakukan kepada yang terbaik diantara puak musuhnya dan pilihan bagi kaum tersebut. Mereka tahu bahawa beliau adalah yang terbaik diantara Bani Hashim, selepas Rasul Allah [sawas], tanpa sebarang keraguan dan pertikaian. Atas sebab ini, Arab menunggu peluang untuk menghapuskan beliau; mereka mencari peluang untuk berurusan dengannya, dan mereka menyimpan dendam yang mendalam terhadap beliau [as] dan keturunannya, sehingga mereka menguasai keatasnya dengan cara yang telah diketahui umum, dan kehinaan malunya telah memenuhi bumi dan langit..

Terdapat sebab yang lain: Khususnya Quraysh, dan Arab secara amnya pernah mengkritik kekuatan 'Ali di dalam berurusan dengan musuh Allah, caranya yang hebat di dalam menanggapi mereka yang melampaui batasan Allah atau menghalalkan apa yang Dia haramkan. Mereka takut dia menegakkan yang benar dan melarang yang salah, mereka takut keadilannya di dalam berurusan dengan manusia dan persamaannya di dalam setiap isu awam. Tiada siapa yang boleh mengharap konsesi, tidak juga kompromi dari diri beliau. Yang kuat dan perkasa adalah lemah sehingga dia melaksanakan keadilan keatas mereka, dan yang lemah

dan tertindas adalah kuat dan dihormati apabila beliau memberikan kepada mereka apa yang menjadi hak mereka. Maka bagaimana Arab boleh secara rela menyerah kepada seseorang yang begitu, sedangkan, 'Mereka yang mula-mula tidak percaya dan hipokrit, sehinggalah bahawa mereka tidak perlu tahu sebanyak mana yang Allah telah wahyukan kepada RasulNya (Qur'an, 9:97)," dan "Diantara penduduk Medina terdapat mereka yang amat degil di dalam hipokritnya, kamu [Wahai rasul Muhammad] tidak mengenali mereka; kami kenal mereka (Qur'an, 9:101), dan diantara mereka terdapat orang yang tidak keberatan untuk melakukan apa sahaja yang tidak terfikir oleh manusia.

Masih terdapat lagi sebab yang lain. Quraysh khasnya dan Arab amnya, pernah dengki kepada beliau kerana keutamaan yang dianugerahkan Allah kepadanya. Beliau telah ditinggikan oleh Allah, Rasulnya dan mereka yang bijaksana, kepada kedudukan status yang dimuliakan disebabkan oleh pengetahuan dan keberaniannya; yang utama tidak akan sampai kedarjahnya, yang layak keberatan untuk cuba bertanding dengannya. Beliau melalui keberanian dan mulia sifatnya, telah memenangi status dari Allah dan RasulNya yang telah dihajati oleh mereka yang berhasrat, dan penghormatan yang tidak tercapai oleh mereka yang kuat keinginan. Atas sebab ini cemburu memenuhi hati sihipokrit. Yang benci, yang tidak berterima kasih, dan hipokrit yang tiada tandingan, sebagai tambahan kepada yang pandai mengambil kesempatan, kesemuanya bersetuju untuk tidak melaksanakan tanggung jawab mereka kepada beliau; dari itu mereka telah meninggalkan teks dibelakang mereka, mengharap supaya dapat dilupakan.

Itulah apa ianya, saya tidak akan membincangkan pandangannya;

Dari itu, layanilah fikiran yang baik, jangan tanyakan mengenai beritanya.

Juga, Quraysh dan semua Arab yang lain, pada masa itu telah berhasrat pada menguasai politik untuk kaum mereka masing-masing, dan keazaman mereka bertambah kuat dikala itu. Atas sebab ini mereka membuat keputusan untuk mengenyahkan perjanjian dan bertekad untuk mengabaikan wasiat. Maka mereka semua bertolong-tolongan untuk melupakan teks, bersumpah untuk tidak menyebutkannya sama sekali. Mereka semua bersetuju untuk mengalihkan kedudukan khalifa, semenjak dari permulaannya lagi, dari calonnya yang sah, yang telah dilantik pada kedudukan itu oleh Rasul mereka, dan menukarkannya kepada melalui pilihan dan pilihanraya, supaya setiap orang dari golongan mereka mendapat peluang untuk mendudukinya, walaupun selepas menunggu. Jika mereka telah mengikuti teks dan menjadikan 'Ali sebagai pengganti Rasul Allah [sawas], kedudukan khalifa tidak akan keluar dari keturunan beliau yang disucikan, oleh kerana baginda [sawas] telah samakan keturunannya pada Hari Ghadir, begitu juga pada peristiwa yang lain, sama kepada Kitab Allah yang sempurna, menerangkan bahawa mereka sebagai model kepada yang bijak sehinggalah kepada hari pengadilan. Arab tidak dapat menerima kedudukan khalifa dikhaskan kepada satu dinasti tertentu, terutama semua kaumnya berhasrat untuk mendapatkan kedudukan itu, dan ini telah diusahakan oleh semua yang menghajati kedudukan itu untuk kaum mereka.

Sesungguhnya ia telah layu, lemah dan malap:

Kerangka yang tidak diinginkan oleh yang tidak punya apa-apa.

Juga sesiapa yang mengetahui sejarah Quraysh dan Arab pada permulaan Islam akan mengetahui bahawa mereka tidak tunduk kepada Rasul Bani Hashim melainkan setelah dihancurkan, lemah tiada kekuatan; dari itu bagaimana mereka boleh bersetuju bahawa keturunan Hashim harus monopoli keduanya Rasul dan khalifa? 'Umer ibn al-Khattab suatu ketika berkata kepada Ibn 'Abbas di dalam dialog diantara mereka: "Quraysh benci keduanya Rasul dan khalifa harus diperuntukan kepada kalangan kamu kerana takut kamu akan menindas manusia lain."[1]

2) Maka mereka yang baik terdahulu tidak boleh memaksa orang-orang itu untuk menguatkuasakan pengertian teks kerana takut orang itu akan memberontak jika mereka lakukan, dan di dalam memahami akibat yang dahsyat jika melanggar isu yang berkenaan. Hipokrit telah timbul dengan serta merta setelah wafatnya Rasul Allah [sawas], dan kekuatan hipokrit bertambah kuat dengan kehilangan yang sedemikian. Jiwa hitam mereka yang fasik menjadi bertambah gelap, asas agama telah menjadi lemah, dan hati Muslim telah menjadi malap, sehinggalah mereka menjadi seperti ternakan yang ketakutan di malam dingin, dikelilingi oleh serigala dan binatang buas. Satu kumpulan diantara kaum Arab berpaling, sedang yang lain berfikir untuk mengikutinya, seperti yang kami jelaskan di dalam surat No. 82 diatas. Di dalam keadaan demikian, 'Ali takut akan akibat yang dahsyat dari tindakannya menyegera perkara hak, jika beliau berhasrat untuk bertindak, setelah beliau benar-benar mengetahui akan perasaan manusia, seperti yang kami telah nyatakan, dengan hipokrit yang setiasa menunggu dengan menggigit jari kemarahan, dan yang berpaling tadah seperti yang kami telah jelaskan, dan ummah kafir [roman dan parsi] adalah seperti yang kami telah tunjukkan dahulu. Ansars telah berbeza dan berpaling dari Muhajirun, dengan berkata, "Biarlah kami pilih pemimpin kami dan kamu pilih pemimpin kamu, dsb." Keperihatinan beliau terhadap agama telah membuat beliau menahan diri dari menuntut kedudukan khalifa untuk dirinya dan mengabaikan beberapa perkara tertentu, telah diketahui bahawa menuntut hak dibawah keadaan sedemikian akan membahayakan ummah dan mengancam keselamatan agama, maka beliau memilih untuk menahan diri hanya diatas keutamaan Islam dan itu adalah untuk kepentingan umum, dan untuk kebaikan dimasa yang akan datang dari yang ada sekarang [diketika itu].

Dari itu beliau telah tinggal di rumah, enggan memberikan bai'ah sehingga beliau dipaksa meninggalkannya, secara diam beliau menguatkuasakan haknya, dengan diam mencabar mereka yang menolak beliau. Jika beliau bersegera memberikan bai'ah, beliau tentu tidak punya hujah atau alasan, tetapi beliau, dengan melakukan begitu, telah menyelamatkan keduanya, agama dan hak beliau untuk memerintah mereka yang beriman, dengan itu telah membuktikan apa yang terkandung di dalam fikiran beliau; kasih sayang beliau, kesabarannya dan kepentingan umum dari dirinya. Mana-mana jiwa yang memberikan sedemikian banyak

ketika menghadapi banyak bencana telah pasti akan diberikan ganjaran oleh Allah dengan ganjaran ilahi. Tujuan beliau adalah sesungguhnya mencari keridhaan Allah pada masa itu dan pada masa yang akan datang. Berkenaan dengan tiga khalifa dan penyokong mereka, mereka telah mentafsirkan teks mengenai penggantian dengan cara yang mana kami telah tunjukkan diatas. Ini tidak menghairankan kami sama sekali, setelah kami mengetahui bagaimana mereka mentafsir dan memahami teks Rasul [sawas] yang lain, mengenai isu seperti penggantian, kerajaan, pentadbiran, perundangan dsb. Mereka mungkin tidak menganggapnya sebagai isu agama; maka mudahlah bagi mereka untuk menentangnya. Apabila akhirnya mereka berkuasa, mereka terus berkekalan mengabaikan teks yang demikian, berjanji akan menghukum sesiapa yang menyebutnya atau membayangkan kepada mereka. Apabila mereka telah berjaya di dalam menguat kuasakan pemerintahan, dengan penyebaran bagi agama Islam, penaklukan negara lain, dan mendapatkan kekayaan dan juga kuasa, mereka tidak menjadi keji dari keinginan diri sendiri, dan itu, telah meninggikan mereka dan memenangi penghormatan rakyat, kepercayaan dan cinta rakyat. Manusia mengikuti jejak mereka pada melupakan teks, dan apabila Banu Omayyah mengganti mereka, objektif yang terakhir ini [Banu Omayyah] adalah untuk menghapus dan menamatkan ahl al-Bayt Rasul. Walaupun dengan semua ini, sebilangan kecil teks yang benar telah sampai kepada kami dan telah diselamatkan di dalam buku-buku tradisi yang sah; ini mencukupi sebagai bukti, pujian bagi Allah, Wassalam.

Yang ikhlas,  
Sh

[1] Ini telah disebutkan oleh Ibn Abul-Hadid pada ms 107, Vol. 3, dari *Sharh Nahjul Balaghah*, ketika membincangkan satu isu yang layak mendapat perhatian dari para penyelidik yang mana dibincangkan juga oleh Ibn al-Athir pada penghujung dari biografi `Umer pada ms 24, Vol. 3, dari bukunya *Al-Kamil* sebelum membincangkan cerita 'perundingan.'

## SURAT 85

MEMINTA CERITAKAN PERISTIWA DIMANA MEREKA TIDAK MENGIKUTI TEKS HADITH

**Rabi`ul-Awwal 7, 1330 H**

Saya telah menerima surat kamu yang terakhir dan dapati ianya amat menakjubkan di dalam membuktikan sesuatu itu berkemungkinan, apa yang mulanya kami fikirkan sebagai mustahil, sungguh mengagumkan cara kamu memaparkan bayangan gambaran dengan amat jelas; maka pujian bagi yang Maha Esa, di mana telah memudahkan untuk kamu, walaupun pada contoh gambaran yang paling kompleks, menganugerahkan keatas kamu kemudahan kepada penjelasan, sehingga kamu telah mencapai apa yang tidak tercapai dengan segala cara dan memperoleh apa yang tidak didapati oleh mereka yang sangat berhajat. Kami fikir bahawa penyebabnya tidak ada kaitan dengan apa yang di bayangkan oleh teks sahih, dan bahawa tidak terdapat cara yang jelas untuk membuktikan bahawa mereka telah menyimpang darinya. Bahkan saya harap kamu telah menceritakan peristiwa dimana mereka tidak mengikuti teks yang jelas, supaya yang benar menjadi nyata, dan jalan petunjuk nampak jelas dengan sendirinya. Dari itu saya meminta kepada kamu untuk menjelaskan perkara ini, dengan cahaya tradisi yang terang dan diketahui umum, menelan apa sahaja yang tertulis di dalam buku sejarah mengenai cara mereka berfikir. Wassalamo Alaikom.

Yang ikhlas,  
S

## SURAT 86

- 1] BENCANA HARI KHAMIS
- 2] SEBAB MENGAPA RASUL MEMBATALKAN ARAHANNYA KEMUDIAN

**Rabi`ul-Awwal 8, 1330 H**

1) Insiden dimana mereka tidak mengikuti teks hadith adalah banyak. Ambil sebagai contoh, bencana di hari Khamis, insiden yang paling terkenal dan yang paling dibenci diantara mereka. Ianya disampaikan oleh semua pengarang sahih dan sunan, dan telah di dokumenkan oleh semua tradisionis dan ahli sejarah. Mencukupi bagi kamu apa al-Bukhari, di dalam seksen pada memperkatakan kenyataan Rasul [sawas] yang sedang sakit: "Pergi jauh dari saya," pada ms 5, Vol. 4, dari *Sahih*, dimana pengarang bergantung pada penyampaian `Ubaydullah ibn Abdullah ibn `Utbah ibn Mas`ud yang menyebutkan dari Ibn `Abbas sebagai berkata bahawa apabila kematian menghampiri Rasul Allah [sawas], rumah baginda penuh dengan manusia termasuk `Umer ibn al-Khattab. Rasul Allah [sawas] berkata: "Biar saya tuliskan untuk kamu sesuatu yang akan selamanya menyelamatkan kamu dari kesesatan selepas saya." `Umer berkata: "Rasul sedang mengalami kesakitan, dan ada bersama kamu al-Quran; maka Kitab Allah mencukupi bagi kami." Mereka yang hadir disana telah

berbalah diantara mereka, dan perbalahan mereka bertukar menjadi pertengkaran. Sebahagian mereka berkata: "Mari rapat kepada baginda supaya baginda dapat menuliskan sesuatu untuk kamu yang akan menyelamatkan kamu dari kesesatan selepas baginda," sedangkan yang lain mengulangi apa `Umer telah katakan. Apabila perbalahan dan pertengkaran memuncak di dalam kehadiran Rasul [sawas], baginda berkata kepada mereka: "Pergi jauh dari saya." Ibn `Abbas selalu berkata: "Bencana, bencana sebenar, adalah apa yang menyebabkan Rasul Allah [sawas] membatalkan dari menulis apa yang baginda hendak tuliskan, disebabkan dari perbalahan dan pertengkaran mereka."

Tidak terdapat perselisihan mengenai kesahihan hadith ini, tidak juga peristiwa dimana ia diucapkan. Al-Bukhari menyebutnya di dalam huraian pada ilmu pengetahuan di muka surat 22, Vol. 1, dari hasil kerjanya, dan terdapat juga ditempat-tempat yang lain dimana para penyelidik telah mengetahuinya. Dia menyebutnya di beberapa tempat di dalam sahihnya. Muslim, juga menyebutnya pada penghujung wasiat Rasul [sawas] di dalam buku sahihnya di muka surat 14, Vol. 2. Ahmed menyebutkan hadith Ibn `Abbas di dalam Musnad. Rujuk pada ms 325 dari jilidnya yang pertama. Ianya telah disampaikan oleh semua pengarang tradisi dan buku sejarah, setiap penulis menyuntingnya tetapi masih mengekalkan intipatinya, mengulangi fakta bahawa Rasul [sawas] telah disebutkan sebagai "meracau" atau "terganggu fikiran" Tetapi mereka juga mengatakan bahawa `Umer telah berkata: "Rasul [sawas] sedang mengalami kesakitan" hanya untuk memperelokkan kenyataan, dan mengurangkan sentimen mereka yang mendapatinya sebagai satu penghinaan. Untuk menyokong fakta ini, apa yang Abu Bakr Ahmed ibn `Abdul-`Aziz al-Jawhari telah katakan di dalam bukunya yang bertajuk *Al-Saqifah*, bergantung dari penyampaian Ibn `Abbas dan menyebutkannya sebagai berkata, "Apabila kematian menghampiri Rasul Allah [sawas], terdapat manusia hadir di dalam rumah baginda diantara mereka adalah `Umer ibn al-Khattab seorang darinya. Rasul Allah [sawas] berkata: `Bawakan saya dakwat dan tempat tulis supaya saya dapat menuliskan kepada kamu sesuatu yang akan menyelamatkan kamu dari kesesatan selepas saya.' Mereka yang hadir di rumah baginda berbeza diantara mereka dan bertengkar, sebahagiannya berkata `Marilah rapat dan lihat apa yang Rasul tuliskan untuk kamu,' sedang yang lain mengulangi apa yang `Umer telah katakan. Apabila perbalahan dan pertengkaran bertambah, Rasul Allah [sawas], menjadi marah dan berkata: `Pergi jauh dari saya,' seperti yang tertulis dimuka surat 20, Vol. 2, dari *Sharh Nahjul Balaghah* oleh ulama Mu`azilite [Ibn Abul Hadid].

Seperti yang kamu lihat dari cerita ini, ianya amat jelas di dalam menunjukkan bahawa beberapa individu melaporkan pengetahuan terhadap penentangan `Umer, tidak secara tepat [*verbatim*]. Ini juga membuktikan bahawa tradisionis yang tidak berhasrat untuk menyatakan nama orang yang menentang, telah sebaliknya menyebutkan kenyataan itu dengan tepat [*verbatim*]. Di dalam Bab pada memberikan hadiah kepada perwakilan, di dalam bukunya *Al-Jihad wal Siyar*, ms 118, Vol. 2, al-Bukhari berkata:

"Qabsah menyampaikan tradisi kepada kami dari Ibn `Aynah, Salman al-Ahwal, dan Sa`id ibn Jubayr, semuanya secara turutan menyebutkan Ibn `Abbas sebagai berkata: `Pada hari Khamis – Apakah hari; Hari Khamis itu...,' dan beliau mula menangis sehingga air matanya membasahi batu, kemudian beliau mula berkata, "...kesakitan Rasul Allah bertambah pada hari Khamis itu; maka baginda mengarahkan kami untuk membawa peralatan tulisan supaya baginda dapat menuliskan untuk kami sesuatu yang dengannya kita akan terselamat dari sesat selepas baginda, tetapi manusia berbalah, setelah mengetahui bahawa tiada siapa boleh berbalah dikehadiran mana-mana Rasul, dan mereka berkata: `Rasul Allah telah meracau.' Baginda [sawas] kemudian berkata: `Tinggalkan saya, kerana sakit yang saya deritai lebih tertanggung dari apa yang kamu katakan kepada saya,' dan baginda meninggalkan di dalam wasiatnya sebelum baginda wafat tiga perkara: mengeluarkan segala musyrik dari tanah Arab, untuk memberi hadiah kepada perwakilan dengan cara yang sama baginda [sawas] pernah menghadihkan kepada mereka,' dan saya terlupa yang ketiga." [1]

Hadith yang sama juga diceritakan oleh Muslim pada penghujung Bab yang berkaitan dengan wasiat di dalam buku sahihnya, dan oleh Ahmed di dalam hadith Ibn `Abbas pada muka surat 222, Vol. 1, dari hasil kerjanya, dan oleh semua tradisionis yang lain. Di dalam Bab wasiat di dalam sahihnya, Muslim menyebut Sa`id ibn Jubayr pada satu tempat, dan Ibn `Abbas di tempat yang lain, sebagai berkata, "Khamis itu, O apakah hari; hari Khamis itu...," dan air matanya terus mengalir, ianya kelihatan seperti mutiara yang tersusun, kemudian dia terus berkata: "Rasul Allah [sawas] berkata: `Bawakan saya tempat tulis dan bekas dakwat,' atau bekas tulis dan sedikit dakwat, `supaya saya dapat menuliskan untuk kamu sesuatu dimana kamu tidak akan sesat,' maka sebahagian dari manusia berkata: `Rasul Allah telah meracau.'" [2]

Sesiapa yang menyelidik insiden yang keji ini di dalam buku-buku sahih akan mendapati bahawa orang pertama untuk mengatakan bahawa Rasul Allah meracau adalah sesungguhnya `Umer, dan sebahagian dari mereka yang hadir disana kemudian mengikut jejaknya. Di dalam hadith yang pertama, kamu telah dengar Ibn `Abbas berkata:[3] "Mereka yang hadir di rumah baginda berbeza diantara mereka dan berbalah, sebahagian mengatakan `Marilah rapat dan lihat apa yang Rasul tuliskan untuk kamu,' sedangkan yang lain mengulangi apa yang `Umer telah katakan," i.e. "Rasul Allah telah meracau." Di dalam tradisi yang lain oleh al-Tabrani, di dalam *Awsat*, dan pada ms 138, Vol. 3, dari *Kanz al-Ummal*, `Umer telah disebutkan sebagai berkata: "Apabila Rasul jatuh sakit, baginda berkata: `Bawakan kepada saya papan tulis dan bekas dakwat, supaya saya dapat menuliskan untuk kamu sesuatu yang mana selepasnya kamu tidak akan sesat,' maka wanita disebalik tirai berkata: `Tidakkah kamu mendengar apa yang Rasul Allah [sawas] telah katakan?'" `Umer terus berkata: "Saya katakan kepada mereka: `Kamu adalah seperti wanita yang menyanjung Yusof; apabila Rasul Allah jatuh sakit, kamu perahkan mata kamu, dan apabila baginda sihat, kamu panjat tengkoknya!" Dia meneruskan katanya: "Rasul Allah kemudian berkata: `Tinggalkan saya, kerana mereka itu lebih baik dari kamu."

Kamu boleh lihat bahawa mereka tidak pernah melaksanakan pengertian hadith ini. Jika mereka telah melakukannya, mereka telah terselamat dari kesesatan. Kami harap mereka telah berhenti daripada menjadi

degil dan tidak menjawab kepada baginda dengan mengatakan: "Kitab Allah mencukupi bagi kami," seakan baginda tidak tahu status kedudukan kitab Allah diantara mereka, ataupun mereka lebih mengetahui dari baginda mengenai sifat-sifat dan manfaatnya. Kami harap mereka telah merasa puas dengan semua itu, selain dari mengejutkan baginda dengan kenyataan mereka yang keji: "Rasul Allah telah meracau," ketika baginda sedang menanggung kesakitan kematian. Apakah jenis ucapan selamat tinggal untuk Rasul Allah (sawas)! Mereka tidak mematuhi arahan Rasul disebabkan mereka telah merasa puas dengan kitab Allah seperti yang mereka katakan, seolah mereka tidak pernah membaca ayat: "Apa sahaja yang Rasul berikan kepada kamu, ambillah, dan tinggalkan apa sahaja baginda melarang kamu darinya, patuhlah kepada baginda (Qur'an, 59:7)." Mereka katakan: "Rasul Allah telah meracau," seolah mereka tidak pernah membaca ayat: "Ianya adalah perkataan pesuruh yang mulia, yang diberi kuasa oleh yang mempunyai 'Arasy, keamanan kepada mereka yang patuh kepadanya; sesungguhnya sahabat kamu tidak gila (Qur'an, 81:19-22)," dan kenyataanNya awj, "Ianya adalah perkataan pesuruh yang mulia, bukan penyair, sedikit yang kamu percayai, tidak juga kata-kata rahib, sedikit yang kamu ingat; ianya adalah wahyu dari Tuhan sekalian alam (Qur'an, 69:40-43)," dan kenyataanNya awj, "Sahabat kamu tidaklah sesat, tidak juga dia mengikuti kehendaknya, dia tidak menyebutkan dari kehendaknya; ianya adalah apa yang telah disampaikan kepadanya dari wahyu; dia telah diajarkan oleh yang maha Berkuasa (Qur'an, 53:2-5)," sebagai tambahan kepada banyak lagi ayat seperti itu yang penuh dengan hikmah ilahi, semuanya mengesahkan mengenai baginda yang terpelihara dari meracau. Bahkan akal sendiri mengesahkan kepada perkara yang sedemikian, tetapi mereka sedar kepada fakta bahawa baginda, Rasul Allah [sawas] berhasrat untuk memperkukuhkan ikatan kedudukan khalifa, dan menekankan bahawa ianya dimonopoli oleh 'Ali seorang khasnya, dan para Imam diantara keturunannya yang disucikan secara amnya; maka mereka telah menjadi batu penghalang untuk baginda [sawas] melakukannya; seperti yang diakui oleh khalifa kedua sendiri di dalam perbualannya secara sulit yang dilangsungkan dengan Ibn `Abbas...! Ianya terdapat pada baris 27, ms 114, Vol. 3, dari *Sharh Nahjul Balaghah* oleh Ibn Abul Hadid. Jika kamu pertimbangkan kenyataan baginda [sawas], "Bawakan saya papan tulis dan bekas dakwat, supaya saya tuliskan untuk kamu sesuatu yang mana kamu tidak akan sesat selepas saya," dan kenyataan baginda [sawas] di dalam hadith Dua Perkara Berat: "Saya tinggalkan dengan kamu, yang mana selagi kamu berpegang teguh, ianya tidak akan membiarkan kamu sesat: Kitab Allah dan keturunan saya, Ahl al-Bayt," dengannya kamu akan mengetahui tujuan kedua hadith adalah sama, dan bahawa baginda [sawas] berhasrat, walaupun ketika sakit, hendak menuliskan untuk mereka secara khusus arahan yang membayangkan di dalam hadith Dua Perkara Berat [*al thaqalain*].

2) Baginda [sawas] membatalkan arahan kepada mereka disebabkan oleh kenyataan mereka yang mana telah memeranjatkan baginda, ini telah memaksa baginda untuk bertukar fikiran, oleh kerana setelah menyebutkan yang sedemikian tentu tidak ada kesan untuk baginda menulisnya selain dari perselisihan dan perpecahan, dan membuat mereka berhujah sama ada baginda benar-benar meracau – ampunan Allah – atau tidak, sama seperti yang mereka telah lakukan dikehadiran baginda dan ketika baginda masih boleh melihat semuanya, sehinggakan baginda tidak dapat mengatakan apa-apa kepada mereka selain dari menyuruh mereka pergi, seperti yang kamu telah dengar. Jika baginda berkeras untuk menulisnya, mereka akan terus berpegang kepada kenyataan mereka, bahawa ianya telah dituliskan ketika meracau – ampunan Allah – dan memenuhi buku mereka dengan tuduhan yang sedemikian, hanya untuk menolak penulisannya dan menggunakannya sebagai alasan untuk tidak melaksanakan.

Atas sebab ini, kebijaksanaan baginda mengatakan bahawa baginda [sawas] harus melupakan mengenai penulisan yang sedemikian kerana takut kepada mereka yang menentang kehendak baginda, dan pengikut mereka akan membuka pintu kepada keraguan mengenai ke Rasulan itu sendiri, kami berlindung dengan Allah, dan meminta pertolongan denganNya. Baginda [sawas] melihat bagaimana 'Ali [as] dan pengikutnya telah mengikuti pengertian tulisan yang sedemikian, sama ada baginda telah menulisnya atau pun tidak, sedangkan yang lain tidak akan mengikutinya walaupun jika dituliskan. Dari itu kebijaksanaan memerlukan kepada meninggalkan penulisan, oleh kerana ianya tidak mempunyai kesan sama sekali diatas penentangan yang timbul dari perselisihan, seperti yang dilihat, Wassalam.

Yang ikhlas,  
Sh

[1] Yang ketiga tidak lain dari perkara yang Rasul [sawas] berhasrat untuk menulisnya supaya dapat menyelamatkan mereka dari kesesatan, tetapi politik telah memaksakan tradisionis untuk 'lupa' padanya, seperti yang mufti Hanafi dari Sur, Hajj Dawud al-Dadah, terangkan.

[2] Hadith ini disebutkan secara tepat [*verbatim*] oleh Ahmed ms 355, Vol. 1, dari *Musnad*, sebagai tambahan kepada banyak lagi pengarang buku tradisi yang dipercayai.

[3] Ini adalah yang al-Bukhari telah sebutkan dari `Ubaydullah ibn `Abdullah ibn `Utbah ibn Mas`ud dari Ibn `Abbas, dan ianya juga disebutkan oleh Muslim dan lainnya.

## SURAT 87

MEMBELA DAN MEMBINCANG BENCANA

Apabila baginda, [sawas] mengarahkan mereka untuk membawa kertas kosong dan bekas dakwat, baginda tidak bermaksud untuk menulis apa-apa yang tertentu, baginda hanya bermaksud untuk menduga mereka, itu sahaja. Dari itu Allah memimpin al-Faruq, dari diantara semua para sahabat yang lain, untuk melarang mereka dari membawanya kepada baginda. Penentangan yang sedemikian, hendaklah dianggap seperti yang dipersetujui oleh ilahi, dan dijumlahkan diantara kuasa luar biasa yang dianugerahkan ilahi kepadanya, semoga Allah merasa senang dengannya. Ini adalah hujah dari kebanyakan pesonaliti yang terkemuka. Tetapi kenyataan baginda [sawas], "... kamu tidak akan sesat," menolak hujah yang sedemikian jika prinsip saksama hendak digunakan, kerana arahan itu jelas yang bermaksud "Jika kamu bawakan kertas kosong dan bekas dakwat, dan jika saya tuliskan untuk kamu sesuatu, maka kamu tidak akan sesat selepas itu." Adalah jelas, dan bahawa mentafsirkan arahan yang demikian sebagai petunjuk untuk menduga adalah satu pendustaan yang nyata yang mana tidak terdapat pada para Rasul, terutama, dimana membawakan kertas kosong dan bekas dakwat adalah lebih layak kepada mereka yang menerima perintah dari baginda yang mencari sebab untuk demikian; dari itu alasan lain diperlukan.

Apa yang boleh dikatakan adalah bahawa isu itu bukan pelawaan kepada parti, maka sesiapa yang menolaknya boleh dipersalahkan, tetapi ianya adalah isu perundingan. Mereka selalu meminta nasihat dia [Umer], keamanan baginya, di dalam beberapa perkara. Dan Umer tahu bahawa jauh di dalam hatinya dia telah berjaya di dalam membuat pilihan, apa yang terbaik untuk kepentingan Muslim, dan bahawa ianya telah diilhamkan oleh Allah awj. Dia hanya berhasrat untuk tidak membiarkan Rasul membebaskan dirinya dengan kepayahan dari menulis sesuatu di dalam keadaan baginda yang tenat; dan dia, keamanan untuknya, berfikir adalah lebih baik untuk tidak membawakan kertas kosong dan bekas dakwat. Dia juga mungkin takut bahawa Rasul mungkin tulis perkara yang agak mustahil untuk manusia malakukan, dari itu telah menyebabkan mereka boleh dihukum, oleh kerana perkara yang sedemikian akan menjadi teks dimana prinsip ijtihad tidak boleh digunakan. Atau dia mungkin takut bahawa hipokrit akan mengadakan keraguan mengenai kesahihannya kerana penulisan yang sedemikian telah dilakukan semasa beliau di bawah pengaruh kesakitan, dari itu telah menyebabkan perselisihan; maka dia berkata: "Kitab Allah mencukupi bagi kami," menyokong ayat Allah awj: "Kami telah tidak tinggalkan apa-apa (tanpa menjelaskannya) di dalam kitab (Qur'an, 6:38)" dan juga "Hari ini Aku cukupkan agama untuk kamu (Qur'an, 5:4)," dari keperihatinannya terhadap ummah dari sesat setelah Allah mencukupkan agamaNya dan menyempurnakan rahmatnya.

Begitulah jawapan mereka. Kata-kata baginda "... kamu tidak akan sesat" menunjukkan keazaman dan atitiut yang positif. Usaha untuk memberikan keselamatan dari kesesatan, pada bila-bila masa sahaja yang boleh dan tanpa sebarang keraguan, adalah mesti. Kekeciwaan baginda kepada mereka dengan memberitahu supaya meninggalkan dirinya oleh kerana mereka tidak melaksanakan arahnya adalah satu lagi bukti bahawa perkara ini adalah reaksi dari perundingan.

Dari itu jika kamu katakan ianya adalah mesti, Rasul [sawas], tentu tidak membatalkannya, hanya kerana mereka membantah, sama seperti baginda tidak berhenti menyampaikan agama hanya disebabkan oleh penentangan dari yang kafir..., jika kamu katakan semua ini, maka kami akan katakan bahawa jika isunya begitu, maka arahan telah dilaksanakan, kerana itu telah menunjukkan bahawa menulis perkara itu tidaklah wajib kepada Rasul [sawas]. Ini pastinya, tidaklah pula mengatakan bahawa mereka tidak perlu membawakan kepada baginda kertas dan bekas dakwat apabila baginda mengarahkan mereka, setelah menerangkan kepada mereka bahawa faedahnya termasuk keselamatan untuk mereka dari kesesatan dan punca petunjuk yang berterusan. Titik utama adalah bahawa mereka yang menerima perintah baginda hendaklah mematuhi, terutama apabila faedahnya adalah pada yang menerima arahan, dan itu adalah sebab bagi kenyataan ini, tidak pada pelaksanaan.

Bahkan mungkin juga ianya wajib atas diri baginda, dan kewajipan yang sedemikian telah dibatalkan disebabkan oleh kedegilan mereka dan kata-kata mereka bahawa baginda berkata yang bukan-bukan, kerana penulisan yang demikian akan menyebabkan perselisihan, seperti yang kamu dengan bijak telah jelaskan.

Mungkin juga sebahagian manusia akan mengatakan bahawa Umer, semoga Allah merasa senang dengannya, tidak mengertikan maksud dari kenyataan Rasul yang telah membayangkan bahawa penulisan yang sedemikian akan menghasilkan keselamatan bagi setiap seorang dari ummah ini dari kesesatan, sehinggakan bahawa tiada siapa dari ummah ini yang akan sesat. Sebaliknya dia memahami "... kamu tidak akan sesat" untuk bermaksud "... kamu tidak akan bersetuju [sepakat] kesemua kamu untuk menjalani laluan yang sesat. Itulah sebabnya maka dia tidak menemui sebarang alasan, mengapa Rasul hendak menulis sesuatu lagi, fikirnya bahawa niat Rasul hanyalah sebagai memberikan pencegahan tambahan dalam perkara itu, oleh kerana baginda telah diketahui sebagai yang penuh dengan kebajikan dan kasih sayang.

Ini semua yang telah dikatakan di dalam maksud untuk mencari sebab kepada kejadian itu. Sesiapa yang menelitinya akan pasti, di dalam fikiran mereka bahawa ianya jauh dari rasional, atas sebab yang mudah difahami bahawa kenyataan baginda [sawas], "... kamu tidak akan sesat" menunjukkan bahawa perkara itu memerlukan perhatian yang wajar, seperti yang kami telah katakan, dan kekeciwaan baginda kepada mereka adalah bukti bahawa mereka menjadi alpa mengenai satu dari kewajipan mereka. Dari itu ianya lebih sesuai untuk dikatakan insiden yang sedemikian berlaku apabila mereka, sesungguhnya telah berkelakuan dengan yang bertentangan dari kebiasaan, sama seperti kesilapan mereka pada yang lalu, dan ini adalah satu kesalahan yang tidak sama sekali dari keperibadian mereka, dan kami tidak tahu betapa tepatnya keseluruhan cerita yang sedemikian. Allahlah pembimbing kejalan yang lurus, Wassalamo Alaikom.

## SURAT 88

### ALASAN DITOLAK

#### Rabi`ul-Awwal 11, 1330 H

Sesiapa yang berfikir wajar seharusnya telah mengalah kepada kenyataan yang nyata dan mengatakan apa yang sebenar. Terdapat pandangan lain untuk menolak hujah itu yang mana saya berhasrat hendak membentangkan kepada kamu, supaya keputusan yang terakhir semuanya terpulanglah ke atas diri kamu.

Alasan mereka yang pertama, mengatakan bahawa baginda [sawas], setelah mengarahkan mereka untuk membawa bekas dakwat, sebenarnya baginda tidak bermaksud untuk menulis apa-apa tetapi sekadar untuk menduga mereka, itu sahaja. Kami katakan, sebagai tambahan kepada apa yang kamu sendiri telah katakan, bahawa insiden ini berlaku sejurus sebelum wafatnya baginda, seperti yang dikatakan oleh hadith itu. Sudah pasti baginda [sawas] tidak ada masa lagi untuk menduga, tetapi hanya mempunyai sedikit masa yang tinggal untuk memberikan peringatan terakhir dan pesanan, masa untuk membuat wasiat yang mengandungi perkara penting, sedikit nasihat yang amat berguna untuk ummah. Sesiapa yang menghampiri kematian sudah tentu tidak lagi menduga dan bergurau; dia pastinya mengambil berat mengenai urusan dirinya dan juga dengan urusan kerabatnya, terutama jika dia seorang Rasul.

Jika baginda, sepanjang hidupnya, tidak punya masa yang cukup untuk menduga mereka, bagaimana baginda boleh mendapatkan masa untuk melakukan itu disaat baginda akan mati? Kenyataan baginda [sawas], yang menyuruh mereka pergi dari dirinya apabila mereka berbalah dan bertengkar dihadapannya, ini satu petunjuk terhadap kekecewaan baginda kepada mereka. Jika mereka yang menentang baginda adalah betul, baginda tentu berterima kasih terhadap penentangan mereka dan menunjukkan kegembiraannya diketika itu. Sesiapa yang mengkaji tradisi [hadith] ini, terutama kata-kata mereka yang mengatakan bahawa Rasul Allah telah meracau, akan benar-benar mengetahui bahawa mereka sedar akan niat baginda [sawas] untuk melakukan sesuatu yang mereka amat benci; dari itu mereka telah memeranjatkan baginda dengan kenyataan yang sedemikian, dan mereka berkeras dengan membuat riuh, bertengkar dan berbalah, seperti yang telah diketahui. Tangisan Ibn `Abbas dan dia melebelkan insiden itu sebagai bencana yang dahsyat telah menolak hujah itu..

Mereka yang mencarikan alasan dengan berhujah bahawa `Umer telah diilhamkan oleh ilahi di dalam mempertimbangkan kepentingan ummah Muslim, bahawa dia bertindak setelah diilhamkan oleh Allah, ini adalah cakap kosong, dan hujah mereka ditolak terus dari untuk diperbincangkan; kerana mereka mengatakan bahawa `Umer, bukannya Rasul Allah [sawas] yang dijalan yang lurus di dalam insiden ini, dan apa yang dikatakan sebagai 'ilhamnya' adalah lebih tepat dari 'wahyu' yang diterima baginda Rasul [sawas], yang benar lagi dipercayai, yang baginda telah sebutkan.

Mereka katakan bahawa ini bermaksud untuk melepaskan Rasul [sawas] dari beban menulis ketika baginda merasa sakit. Kamu, semoga Allah menyokong kebenaran melalui diri kamu, mengetahui bahawa menulis perkara demikian akan membawa ketenangan fikiran, kedamaian dan kegembiraan mata Rasul Allah. Baginda akan merasa gembira untuk memastikan keselamatan ummahnya, dari kesesatan. Arahannya hendaklah dipatuhi, itu kehendak ilahi, dan ketika baginda masih ada bersama. Baginda, yang lebih berharga dari kedua ibubapa kami, berhajat untuk mendapatkan kertas dan bekas dakwat, baginda mengeluarkan perintah dan tiada siapa yang sepatutnya boleh menentang kehendak baginda; "Dan tidaklah patut yang beriman lelaki tidak juga yang beriman wanita mempunyai sebarang hak, apabila Allah dan RasulNya telah memutuskan sesuatu perkara, untuk mereka mengikuti pandangan mereka, dan barang siapa yang mendurhakai Allah dan RasulNya adalah pasti telah sesat dengan nyata (Qur'an, 33:36)."

Bahkan penentangan mereka ini adalah suatu perkara yang amat nyata, dan onah [kekacauan] mereka, pertengkaran dan perbalahan dihadapan baginda [sawas], ini semua, pada diri baginda lebih menyakitkan dari menulis apa yang dihajatnya supaya dengan itu dapat menyelamatkan ummahnya dari kesesatan. Bagaimana seseorang yang merasa kasihan dengan baginda kerana kesakitan pada menuliskan sesuatu telah menentang baginda dan memeranjatkan baginda dengan mengatakan bahawa baginda telah meracau?

Mereka mengatakan bahawa `Umer fikir untuk tidak membawakan kertas dan bekas dakwat adalah bijak. Ini adalah kenyataan yang paling aneh. Bagaimana ianya boleh menjadi lebih bijak apabila Rasul [sawas] sendiri yang memerintahkannya supaya barang itu dibawa? Adakah `Umer fikir bahawa sesuatu yang diarahkan oleh Rasul Allah [sawas] adalah lebih baik jika ditinggalkan?

Bahkan lebih pelik lagi di dalam hujah mereka bahawa `Umer takut bahawa Rasul [sawas] akan menulis sesuatu yang mustahil untuk dilakukan dan sesiapa yang meninggalkannya akan dikenakan hukuman. Bagaimana ianya boleh ditakuti setelah terdapat pada kenyataan baginda [sawas] "... kamu tidak akan sesat"? Adakah mereka yang berhujah itu fikir bahawa penilaian `Umer terhadap akibatnya adalah lebih tepat dari diri Rasul itu sendiri, dan bahawa dia lebih berhati-hati mengenai dan mencintai ummah ini dari diri Rasul [sawas] sendiri? Pastinya tidak.

Mereka juga mengatakan bahawa `Umer takut hipokrit akan mengadakan keraguan mengenai kesahihan tulisan yang demikian, kerana ianya telah dituliskan semasa baginda kesakitan, dan itu akan menyebabkan

perselisihan. Kamu, semoga Allah menyokong kebenaran melalui diri kamu, telah mengetahui bahawa andaian yang sedemikian adalah mustahil oleh kerana Rasul [sawas] telah mengatakan: "... kamu tidak akan sesat," dari itu dengan jelas telah mengatakan bahawa penulisan demikian akan memberi mereka keselamatan dari kesesatan; maka bagaimana akan adanya sebab untuk perselisihan, hanya kerana hipokrit mengadakan keraguan terhadap kesahihannya? Jika dia [Umer] benar-benar takut hipokrit akan menaburkan keraguan mengenai kesahihan apa yang akan dituliskan Rasul [sawas], mengapa pula dia yang menanamkan benih keraguan itu sendiri apabila dia membantah dan menentang dan bahkan mengatakan Rasul telah mengatakan yang bukan-bukan?

Mengenai dengan pentafsiran mereka pada ayat yang dibacakan di dalam menyokong kenyataan 'Umer: "Kitab Allah mencukupi bagi kami," ayat seperti: "Kami tidak tinggalkan apa-apa tanpa penerangan di dalam kitab (Qur'an, 6:38)," dan "Hari ini Aku telah cukupkan kamu agama kamu (Qur'an, 5:4)," ianya suatu kekeliruan, kerana kedua-dua ayat itu tidak mengatakan terselamat dari kesesatan, tidak juga ayat itu menjamin petunjuk bagi ummah; maka bagaimanakah dengan bergantung kepada ayat ini telah membolehkan kita meninggalkan pelaksanaan teks, yang mana penulisan terhadapnya adalah yang dihajati oleh Rasul [sawas] untuk dirakamkan? Jika dengan adanya al-Quran telah boleh membawa keselamatan dari kesesatan, dari itu kesesatan mahupun perselisihan, yang mana untuk menghapuskannya kini sudah agak mustahil, pasti tidak pernah berlaku.[1]

Di dalam hujah mereka yang terakhir, mereka mengatakan bahawa 'Umer tidak memahami yang tradisi ini membayangkan bahawa penulisan yang sedemikian akan menyebabkan keselamatan bagi setiap seorang dari ummah dari kesesatan, dan bahawa dia memahami yang ianya setelah dituliskan akan menyelamatkan mereka dari kesalahan di dalam ijmak mereka. Mereka mengatakan bahawa 'Umer [ra], telah mengetahui kesalahan di dalam ijmak tidak akan berlaku, walaupun jika penulisan sedemikian dilaksanakan atau pun tidak, dan atas sebab ini dia menentang penulisan itu.

Selain dari apa yang kamu telah katakan, kami menambah bahawa 'Umer tidak kurang tahap pemahamannya, dan dia tidak buta terhadap implikasi hadith tersebut, yang telah difahami oleh semua manusia. Orang kota dan juga badwi faham akan niat Rasul [sawas] bahawa ianya adalah arahan yang lengkap untuk keselamatan setiap individu dari kesesatan... hanya jika ianya dituliskan. Inilah maksud yang semua orang fahamkan dari tradisi ini. 'Umer sesungguhnya telah tahu bahawa Rasul Allah [sawas] tidak risau mengenai ummahnya membuat kesalahan di dalam pandangan ijmak mereka; oleh kerana dia [Umer], telah mendengar baginda [sawas] berkata: "Ijmak ummah saya tidak di dalam kesesatan mahupun di dalam kesalahan," dan kenyataan baginda [sawas]: "Satu kumpulan dari ummah saya akan selalu berdiri menentang apa yang adil," dan dia tahu akan ayat yang mengatakan: "Allah telah berjanji kepada mereka yang beriman di antara kamu dan yang melakukan amal kebajikan bahawa Dia akan menjadikan mereka berkuasa di dunia ini sama seperti yang Dia jadikan orang sebelum kamu berkuasa, dan dia akan memperkukuhkan asas agama yang Dia telah ridhai, dan Dia akan menukarkan ketakutan mereka dengan keselamatan; mereka akan menyembahKu, dengan tidak menyekutukan apa-apa kepada Aku (Qur'an, 24:55)," sebagai tambahan kepada banyak lagi teks yang sedemikian di dalam Kitab dan sunnah. Semuanya jelas dalam membayangkan bahawa TIDAK semua ummah akan salah di dalam pandangan ijmak mereka; maka tidak boleh diterima, setelah terdapat semua ini, bahawa 'Umer atau sesiapa yang akan memahami bahawa apabila Rasul [sawas] meminta kertas dan bekas dakwat, baginda khawatir mengenai ummahnya tersalah di dalam pandangan ijmak mereka. Apa yang 'Umer faham dari hadith ini, itulah yang difahami oleh orang lain, bukan pada apa yang bertentangan dengan sunnah yang sahih, mahupun ayat al-Quran yang sempurna. Tetapi kekeciwaan Rasul [sawas] adalah jelas apabila baginda menyuruh mereka pergi jauh darinya, dan ianya membuktikan bahawa apa yang mereka tolak adalah sesungguhnya perintah yang wajib. Jika bantahan 'Umer adalah disebabkan dari salah faham terhadap hadith ini, seperti yang mereka katakan, maka Rasul [sawas] telah menolong dia di dalam memperjelaskan bantahan dia kepada baginda [sawas]. Tidak, bahkan jika Rasul [sawas] sendiri yakin yang baginda boleh meyakinkan mereka untuk melaksanakan arahnya, pasti baginda tidak akan mengarahkan mereka keluar. Sekali lagi, tangisan Ibn 'Abbas dan penderitaannya yang tulen telah memberikan penolakan yang kuat terhadap kenyataan yang sedemikian.

Keadilan enggan memberikan sebab dan alasan untuk mereka yang telah mengizinkan bencana sedemikian untuk berlaku. Jika ianya, seperti apa yang kamu katakan satu kesilapan seperti yang satu lagi sebelum ini, dan kejadian yang jarang berlaku, maka perkara ini masih boleh ditangani, tetapi ini adalah bencana yang dahsyat di dalam abad yang telah mematahkan tulang belakang ummah; dari itu kita adalah kepunyaan Allah dan kepadaNya lah kita kembali.

Yang ikhlas,  
Sh

[1] Kamu, semoga Allah menyokong kebenaran melalui kamu, tahu bahawa Rasul [sawas] tidak berkata: "Saya hendak menulis prinsip," supaya ia boleh dikatakan kepada baginda: "Mencukupi bagi kami Kitab Allah awj." Walaupun jika kita katakan bahawa baginda berhasrat untuk menulis prinsip, besar kemungkinan dengan penulisan itu telah menjadi sebab untuk keselamatan dari kesesatan; dari itu tidak ada sebab untuk menggelak dari teks tersebut dan merasa cukup dengan al-Quran sahaja. Jika teks yang baginda hendak tuliskan hanya untuk menyelamatkan mereka dari kesesatan, adalah tidak wajar untuk mengabaikan dan membuangnya, dan bergantung kepada fakta bahawa kitab Allah mengandungi segalanya. Kamu sedia tahu bagaimana ummah Muslim telah tidak punya pilihan selain dari merujuk kepada sunnah yang suci walaupun terdapat kitab Allah



awj yang mengandongi segalanya, dan terpelihara kesuciannya, namun untuk melahirkan perundangan darinya adalah diluar kemampuan manusia biasa. Jika kitab Allah tidak memerlukan untuk kita merujuk kepada penerangan baginda, seperti yang telah dilakukannya, dari itu Allah tentu tidak mengarahkan baginda [sawas] supaya menjelaskan kepada manusia apabila Dia berkata: "Kami telah wahyukan kepada kamu kitab supaya kamu boleh menjelaskan kepada manusia apa yang telah disampaikan untuk mereka."

## **SURAT 89**

- 1] MENGAKUI KEPALSUAN ALASAN TERSEBUT
- 2] MEMINTA CERITA INSIDEN YANG LAIN

**Rabi`ul-Awwal 14, 1330 H**

- 1) Kamu telah menutup jalan pada cara yang memperbolehkan alasan yang palsu.
- 2) Dari itu teruskanlah, dan sampaikan semua insiden yang mana mereka menggunakan pertimbangan mereka mengenai dengan hadith Rasul [sawas], Wassalam.

Yang ikhlas,  
S

## **SURAT 90**

**REGIMEN USAMAH**

**Rabi`l-Awwal 17, 1330 H**

Jika kamu betul-betul telah mengikuti yang benar, tidak takut kepada sebarang kecaman, maka kamu adalah matlamat sasaran dan objektif sebenar. Kamu lebih tinggi dari menjadi keliru mengenai apa yang betul dan apa yang tidak, kamu lebih tinggi dari menyembunyikan yang benar. Kamu adalah lebih dari itu, lebih mulia dan lebih dihormati.

Kamu telah, semoga Allah meninggikan status kehormatan kamu, meminta saya untuk menceritakan semua insiden yang lain di mana mereka mengutamakan untuk mengikuti pandangan mereka dari menyerah kepada perintah ilahi; dari itu pertimbangkan insiden regimen Usamah ibn Zayd ibn Harithah yang dihantar untuk menyerang Roman. Ini adalah regimen terakhir di masa Rasul [sawas]; telah mengambil berat mengenai penubuhannya, mengarahkan para sahabat supaya bersedia untuk berkhidmat di dalamnya, bersungguh-sungguh menggerakkan mereka untuk menyenaraikan diri. Baginda [sawas] sendiri menubuhkan pasukan tentera ini supaya dapat memberikan kepada mereka yang berkhidmat di dalamnya rangsangan moral yang kuat dan memikat jiwa mereka. Baginda tidak meninggalkan walau seorang pun dari pemuka-pemuka di antara Muhajirin mahu pun Ansar, seperti Abu Bakr, `Umer,[1] Abu `Ubaydah, Sa`d, dan mereka yang sama sedarjat, dari berkhidmat di dalam regimen.[2]

lanya berlaku pada 26 Safar, 11H. Pada keesokkan hari, baginda memanggil Usamah dan berkata: "Pergi ketempat di mana bapa kamu telah dibunuh dan biarkan pasukan berkuda kamu menginjak-injakkan kakinya di situ, dan kini saya melantik kamu sebagai pemimpin pasukan ini; dari itu seranglah Ubna [3] pada waktu pagi, bakar kediaman mereka dan pulanglah lebih cepat dari tersebarnya berita perbuatan kamu. Semoga Allah memberikan kamu kemenangan di atas mereka, maka janganlah berlama-lama. Ambillah petunjuk jalan, pergi bersama kamu, hantar yang lain untuk mendapatkan maklumat, dan biarlah peninjau mengiring kamu."

Pada Safar 28, demam baginda bertambah berat, dan baginda mula menderita dari sakit kepala. Pada Safar 29, baginda mendapati mereka enggan untuk berangkat; dari itu baginda telah keluar untuk menggesa mereka supaya berangkat segera. Baginda mengikat bendera untuk Usamah dengan tangannya yang suci supaya dapat menggerakkan jiwa mereka dan merangsangkan semangat. Kemudian baginda berkata: "Pergilah dengan Nama Allah, di dalam jalan Allah dan perangilah mereka yang tidak percaya kepada Allah." Usamah mengambil bendera yang sudah terikat dan menyerahkannya kepada Buraydah, kemudian dia berkhemah di Jurf. Walaupun di sana, mereka masih berlambat-lambat dan tidak juga pergi, walaupun dengan segala kenyataan yang jelas dari baginda [sawas] menggesa mereka untuk memulakan kempen, seperti: "... serang Ubna di waktu pagi," dan "... pulanglah lebih cepat dari tersebarnya berita perbuatan kamu," sebagai tambahan kepada banyak lagi arahan yang mereka tidak pernah patuhi, dengan yang berkaitan regimen. Lebih-lebih lagi, sebahagian dari mereka mula mempersoalkan tentang kebijaksanaan pada memilih Usamah sebagai pemimpinnya, sama seperti mereka mempersoalkan bapa beliau dahulu, dengan membuat beberapa kenyataan pada kesan yang sama, walaupun setelah mereka lihat sendiri Rasul [sawas] memberikan tanggung jawab itu kepada beliau, dan mereka telah mendengar Rasul [sawas] berkata kepada beliau: "Saya melantik kamu sebagai pemimpin pasukan ini," dan mereka melihat baginda mengikat bendera untuk beliau, sebagai simbol yang berkuasa, dengan tangan baginda yang suci, dan semua itu dilakukan oleh baginda [sawas] walaupun baginda demam.

Dengan semua yang di atas itu, masih tidak memberhentikan mereka dari mempunyai keraguan terhadap kebijaksanaan pada memilih beliau sebagai pemimpin regimen, sehinggakan rungutan mereka telah menimbulkan kemarahan kepada Rasul [sawas] yang telah keluar satu hari, kepala baginda berbungkus,[4] di balut dengan blanket, menderita dengan demam, pada hari Sabtu, 10th Rabi'ul-Awwal, dua hari sebelum baginda wafat, dan naik ke atas mimbar. Setelah duduk di atas mimbar baginda [sawas] memuji dan membesarkan Allah, kemudian menurut ijmak ahli sejarah dan ulama, baginda berkata:

"O ummah! Telah sampai kepada pengetahuan saya bahawa sebahagian dari kamu telah merasa resah mengenai perlantikan saya ke atas Usamah [sebagai pemimpin]. Jika kamu mempunyai keraguan mengenai perlantikan beliau, kamu telah melakukan yang sama dahulu apabila saya melantik bapanya, demi Allah dia memang layak untuk kedudukan tersebut, dan begitulah juga anaknya selepas beliau."

Baginda menggesa mereka untuk memulakan perjalanan, dan mereka sebenarnya telah mula mengucapkan selamat tinggal kepada baginda dan pergi untuk bersama pasukan yang berkhemah di al-Jurf, di ketika itu baginda masih lagi menggesa mereka untuk cepat berangkat. Kemudian penyakit baginda bertambah teruk, malah baginda masih mengatakan: "Tentera Usamah! Selesaikan misi tentera Usamah! Hantarkan tentera Usamah!" Baginda terus mengatakan perintah ini walaupun mereka enggan untuk bertindak. Pada 12th Rabi'ul-Awwal, Usamah meninggalkan tempat kediamannya yang sementara di al-Jurf dan menziarahi Rasul [sawas] yang telah memerintahkan beliau untuk memulakan misinya dengan berkata: "Esok, dengan rahmat Allah awj, berangkatlah di waktu pagi," maka dia mengucapkan selamat jalan dan kembali semula kekhemahnya. Dengan di iringi oleh `Umer dan Abu `Ubaydah, beliau kembali semula untuk berjumpa Rasul [sawas]. Ketiga mereka sampai kepada Rasul yang sedang menghembuskan nafasnya yang terakhir. Baginda wafat, semoga nyawa saya dan mereka yang di dunia ini dikorbankan untuk baginda, pada hari yang sama, dan pasukan tentera pulang ke Madina dengan hasrat untuk membatalkan kempen itu sama sekali.

Mereka bincangkan perkara ini dengan Abu Bakr, mendesak dia dengan kuat untuk melaksanakan pendapat mereka, membatalkan kempen, walaupun setelah melihat segala yang Rasul [sawas] telah titik beratkan atas misi tersebut, setelah mendengar kenyataan baginda yang menekankan bahawa mereka hendaklah menghantarkan tentera dengan pantas sehingga pihak musuh tidak sempat untuk mengetahui mengenainya, menghabiskan tenaga untuk menubuhkan pasukan tentera itu sendiri, melantik Usamah sebagai pemimpinnya, dan mengikatkan bendera dengan tangan baginda sendiri dan berkata: "Esok, dengan rahmat Allah awj, bergeraklah diawal pagi esoknya," sehingga baginda wafat, seperti yang kamu telah tahu. Jika tidak kerana pengganti Rasul [sawas] yang baru dilantik, mereka semua telah membuat keputusan untuk membatalkan kempen dan membuka ikatan pada bendera, tetapi khalifa Abu Bakr enggan untuk melakukan, dan apabila mereka melihat dia berhasrat untuk meneruskan misi tersebut, `Umer menemui dia dan meminta bagi pihak Ansar untuk menurunkan Usamah dari jawatan pemimpin pasukan dan melantik orang lain.

Belum lama lagi semenjak mereka menimbulkan kemarahan Rasul [sawas] dan menyakitkan hati baginda dengan ketidak puasan terhadap perlantikan baginda terhadap Usamah sebagai pemimpin regimen, malah semenjak baginda keluar dari rumah atas sebab yang sama, sakit dengan demam, berbungkus, berselimut dalam blanket, tidak dapat bergerak dengan betul, kaki baginda amat sukar untuk membawa diri baginda disebabkan oleh kesakitan yang ditanggung baginda; setelah menaiki mimbar, bernafas dengan berat, melawan kesakitan baginda berkata: "'O ummah! Telah sampai kepada pengetahuan saya bahawa sebahagian dari kamu telah merasa resah mengenai perlantikan saya keatas Usamah [sebagai pemimpin]. Jika kamu mempunyai keraguan mengenai perlantikan beliau, kamu telah melakukan yang sama dahulu apabila saya melantik bapanya, yang mana, demi Allah dia memang layak untuk kedudukan tersebut, dan begitulah juga anaknya selepas beliau." Tidakkah baginda [sawas] telah menekankan dengan bersumpah demi Allah, bahawa mereka hendaklah patuh kepada apa yang diperintahkan. Tetapi mereka tidak. Khalifa Abu Bakr yang baru, enggan tunduk kepada tekanan mereka untuk menurunkan Usamah dari jawatannya. Dia melompat dan memegang janggut `Umer dan berkata: "Semoga ibu kamu kehilangan kamu, dan semoga dia tidak mengaku kamu sebagai anak! Usamah telah dilantik oleh Rasul Allah [sawas] dan kamu masih mahu saya membuang dia?!"[5] Dengan hati yang berat mereka melepaskan regimen Usamah. Jumlah penuh pasukan dia kini tidak lebih dari 3 000, termasuk 1 000 yang berkuda.[6] Ramai dari mereka yang telah di daftarkan sendiri oleh Rasul Allah [sawas] telah menyembunyikan diri. Menurut dari edisi keempat dari buku Shahrastani *Al-Mila' wal Nihal*, di dalam pengenalannya Rasul [sawas] telah berkata: "Berkhidmatlah di dalam pasukan tentera Usamah, semoga Allah mengutuk mereka yang mengelakkan diri."

Kamu juga harus tahu bahawa pada mulanya mereka enggan untuk pergi dengan regimen, kemudian akhirnya mereka mengelakkan diri, hanya untuk memperkukuhkan struktur asas politik mereka, dan mendirikan tapaknya, dengan mengutamakan ini dari melaksanakan perintah Rasul. Mereka lihat bahawa, struktur politik yang sedemikian lebih layak untuk diberikan perhatian dan tumpuan, oleh kerana keengganan mereka untuk berkhidmat tidak akan membatalkan penghantaran tentera, dan tidak juga dengan mengelakkan diri. Mengenai kedudukan khalifa, mereka pasti telah terlepas jika mereka mengambil bahagian di dalam kempen, sebelum wafatnya baginda [sawas]. Baginda [sawas] telah berhasrat untuk mereka meninggalkan kota, supaya dapat membuka jalan bagi penubuhan kedudukan khalifa untuk Amirul Mukminin Ali ibn Abu Talib (as) secara aman dan damai. Maka apabila mereka pulang, kedudukan khalifa telah terbentuk dan diduduki oleh `Ali, dan mereka tidak punya peluang untuk berbalah atau menyoalnya.

Rasul [sawas] telah memilih Usamah, yang berusia 17 tahun,[7] untuk menjadi pemimpin mereka hanya untuk melenturkan tengkuk yang keras dari sebilangan mereka, dan dari kehendak baginda sendiri untuk mengekalkan impian yang lainnya, dan juga untuk menjaga keselamatan terhadap keamanan untuk masa mendatang dari perbalahan yang datang dari mereka yang berhasrat dan berharap, jika sekiranya baginda

telah memilih seorang dari mereka. Tetapi mereka cukup arif untuk menyadari apa yang baginda [sawas] rancangan; dari itu mereka mempersoalkan perlantikan Usamah, enggan untuk bersama dengannya, dan tidak meninggalkan Jurf sehingga ruh baginda [sawas] pulang kepada tuhan. Dikala itulah mereka memutuskan untuk membatalkan kempen dan membuka ikatan bendera pada satu pihak dan membuang Usamah pada pihak yang lain. Lebih-lebih lagi ramai dari mereka lari dari berkhidmat, seperti mana yang kamu telah tahu. Ini adalah lima sebab mengapa mereka tidak bertindak diatas hadith Rasul [sawas], lebih mengutamakan kepentingan politik mereka dan mengikuti pertimbangan mereka dari melaksanakan intipati pengertian hadith baginda [sawas], Wassalam.

Yang ikhlas,  
Sh

[1] Pengarang buku tradisi dan sejarah telah sebulat suara menerima fakta bahawa Abu Bakr dan 'Umer [ra] telah disenaraikan di dalam tentera yang sama, dengan mengatakan fakta tersebut di dalam buku mereka dengan terang, dan inilah satu ketikanya dimana mereka tidak berselisih. Dari itu rujuklah pada mana-mana buku yang mengandungi keterangan mengenai ekspedisi tersebut seperti Ibn Sa'd: *Tabaqat*, buku sejarah oleh al-Tabari dan Ibn al-Athir, *Al-Sira al-Halabiyya*, *Al-Sira al-Dahlaniyya*, dan lainnya, supaya kamu akan mendapatinya sendiri. Apabila al-Halabi membincangkan kempen ini di dalam jilid 3 dari bukunya *Sira* [buku biografi], dia menyebutkan anekdot [cerita pendek mengenai sejarah] yang menarik dimana kami suka hendak menyebutnya disini seperti yang katakan:

Apabila khalifa al-Mehdi memasuki Basra, dia telah terlihat lyas ibn Mu'awiyah, yang amat terkenal dengan ketajaman intelek, diketika itu hanya seorang muda, telah dikelilingi oleh sebanyak 400 orang yang berilmu dan berkedudukan, al-Mehdi bertanya kepada dia: "Dimana janggut! Tidakkah boleh mereka mencari orang tua yang berilmu yang boleh diikuti dari budak belasan tahun ini?" Kemudian al-Mehdi berpaling kepadanya dan bertanya berapakah umur kamu. Dia menjawab: "Saya, semoga Allah memanjangkan kehadiran amirul mukminin diantara kami, sama usianya dengan Usamah ibn Zayd ibn Harithah apabila Rasul [sawas] mengamanahkan kepada beliau untuk memimpin tentera dimana Abu Bakr dan 'Umer berkhidmat." Al-Mehdi berkata: "Hampir kemari, semoga Allah merahmati kamu." Dia diketika itu baru berusia 17 tahun.

[2] 'Umer pernah berkata kepada Usamah: "Rasul Allah [sawas] telah wafat meninggalkan kamu memerintah keatas saya." Dia telah disebutkan oleh sekumpulan ulama yang terkenal seperti al-Halabi ketika membincangkan tentera Usamah di dalam bukunya *Al-Sira al-Halabiyya*, sebagai tambahan kepada ramai lagi tradisionis dan ahli sejarah..

[3] Ianya adalah kawasan di dalam Balqa' diantara 'Ashkelon (sebuah pelabuhan di Barat daya Palestine) dan Ramallah (di Tebing Barat Jordan), berhampiran Mu'ta dimana Zayd ibn Harithah dan Ja'fer ibn Abu Talib, yang mempunyai dua sayap, keamanan bagi mereka, telah syahid.

[4] Setiap tradisionis dan pengarang biografi yang telah menyebut regimen ini telah juga menyebut perasaan sakit hati mereka kepada Rasul [sawas] kerana melantik Usamah sebagai pemimpin keatas mereka, dan bahawa Rasul [sawas] amat marah apabila baginda mengetahui mengenai dendam tersebut, maka baginda [sawas] memberikan *khutba* yang disebutkan terdahulu; maka rujuklah kepada bab regimen Usamah di dalam buku Ibn Sa'd: *Tabaqat*, kedua buku; *Sira* oleh al-Halabi dan al-Dahlani, dan buku lainnya yang memperkatakan tajuk ini.

[5] Ini disebutkan oleh al-Halabi dan al-Dahlani di dalam buku *Sira* mereka masing-masing, dan oleh Ibn Jarir al-Tabari ketika membincangkan peristiwa di dalam tahun ke 11 H di dalam *Tarikh*, sebagai tambahan kepada pengarang buku sejarah yang lain.

[6] Dia menyerang Ubna, membakar kediaman mereka, tebang pokok kurma mereka, pasukan berkudanya menginjak-injak kawasan kediaman mereka, membunuh dan manawan sebahagian mereka. Diantara mereka yang terbunuh adalah pembunuh bapanya. Tidak ada diantara yang Muslim terbunuh; maka pujian bagi Allah, tuhan sekalian alam. Usamah ketika itu menunggang kuda bapanya. Pembawa panji-panji berkata: "Wahai kamu yang disokong ilahi, ambilah nyawa mereka," dia adalah pembawa panji-panji Rasul [sawas] semasa peperangan Badr. Usamah membahagikan kepada dua bahagian dari harta rampasan, satu bahagian kepada pasukan berkuda dan satu bahagian lagi kepada infantri, dia mengambil bahagiannya yang sama.

[7] Ini lebih tepat. Sebahagian mengatakan 18, yang lain mengatakan 19, dan ada lagi yang mengatakan 20, tetapi tiada siapa yang mengatakan lebih dari itu.

## SURAT 91

1] MEMBOLEHKAN TINDAKKAN MEREKA TERHADAP REGIMEN USAMAH

2] TIDAK ADA HADITH YANG MENGUTUK MEREKA YANG MENGELAK DARI BERKHIDMAT

**Rabi' al-Awwal 19, 1330**

1) Ya, Rasul Allah [sawas] telah menggesa mereka untuk bersegera melibatkan diri di dalam kempen Usamah, memerintahkan mereka untuk bergerak cepat, seperti yang kamu telah sebutkan, menekankan perintahnya sehingga baginda [sawas] memberitahu Usamah untuk menyerang Ubna diwaktu pagi, tidak membenarkan dia menunggu sehingga petang, menyuruh dia supaya cepat berangkat, menekankan perintahnya sekali lagi dengan menyuruh dia supaya bersegera. Tetapi baginda [sawas], menurut semua penyampai, penyakitnya telah menjadi lebih tenat dan bernafas dengan berat, sehinggakan mereka menjadi bimbang mengenai baginda dan merasa berat hati untuk meninggalkan baginda di dalam keadaan yang demikian. Mereka tinggal di Jurf,

menunggu untuk mengetahui keadaan kesihatan baginda, disebabkan kerana khuatir terhadap diri baginda dari rasa kecintaan mereka kepadanya. Dari itu mereka telah diberikan alasan untuk menunggu, dan mereka tidak boleh dipersalahkan.

Mengenai dengan mempersoalkan Rasul diatas perlantikan Usamah, selepas baginda wafat, walaupun mereka masih ingat akan kenyataan baginda dan penekanan dengan perkataan dan perbuatan, yang mana mereka telah ketahui, ianya tidak lebih dari bantahan mereka kerana beliau adalah seorang yang muda diantara mereka yang di pertengahan dan lanjut usia. Mereka sudah pasti mendapatinya sukar untuk menerima perintah dari yang muda, dan mereka secara lumrah merasa sakit hati untuk patuh kepada perintahnya. Kebencian mereka terhadap perlantikan ini bukanlah satu bid'ah tetapi hanya disebabkan oleh tabii semula jadi manusia; maka pertimbangkan ini.

Mengenai permintaan mereka selepas wafatnya Rasul Allah [sawas] untuk melepaskan Usamah, ini telah diperbolehkan oleh sebahagian ulama, terdapat diantara mereka yang menjangkakan Siddiq [Abu Bakr] akan bersetuju dengan mereka. Mereka berfikir bahawa dengan melepaskan beliau, pada pandangan mereka, telah mengutamakan kepentingan ummah. Tetapi untuk berlaku saksama, saya sendiri tidak dapat merasionalkan permintaan mereka untuk melepaskan beliau, setelah melihat betapa baginda [sawas] menjadi marah, apabila mereka meminta yang sama, dan baginda telah keluar dalam demam, berbungkus kepala, berselimut dalam blanket, untuk menolak permintaan yang demikian di dalam khutbahnya dari atas mimbar. Mereka mengetahui bahawa insiden yang sedemikian adalah sesungguhnya satu petunjuk di dalam sejarah; maka motif mereka yang sebenar tidak diketahui selain dari Allah.

Mengenai dengan kezaman mereka untuk membatalkan kempen, dan penekanan mereka kepada al-Siddiq untuk melakukannya, walaupun setelah melihat Rasul [sawas] dengan banyaknya menekankan terhadap pemergian beliau, begitu juga dengan berulang kali kenyataan baginda pada maksud yang sedemikian, adalah disebabkan oleh sifat berhati-hati mereka mengenai kota Islam, jika tidak kota akan diserang oleh kaum musyrik yang mengelilinginya apabila ia dikosongkan dari angkatan yang mengawal keselamatannya, ketika pasukan tentera jauh dari situ, terutama yang hipokrit telah timbul sebaik sahaja Rasul Allah [sawas] wafat, dan hasrat Yahudi dan Nasrani telah tumbuh kembali [untuk menghancurkan Islam], dan sekumpulan dari kaum Arab telah berpatah kebelakang [menjadi kafir], sedang yang lain enggan membayar zakat. Para sahabat Rasul Allah [sawas], telah berkata kepada ketua kami al-Siddiq dan memintanya untuk melarang Usamah dari berangkat, tetapi dia enggan dengan berkata: "Adalah lebih baik bagi saya bahawa burung memakan daging saya dari memulakan pemerintahan saya dengan membatalkan perintah dari Rasul Allah [sawas]."

Inilah yang rakan-rakan kami telah katakan mengenai al-Siddiq. Mengenai mereka yang lain, mereka tidak boleh dipersalahkan pada mencuba untuk memberhentikan kempen tersebut oleh kerana objektif mereka tidak lain dari perhatian yang ikhlas terhadap keselamatan ummah dan agama Islam.

Mengenai dengan persoalan mengapa Abu Bakr, `Umer, dan lainnya telah didaftarkan di dalam regimen, dan tertinggal dibelakang apabila Usamah berangkat, hanyalah untuk memperkukuhkan kerajaan Islam, dan menyokong perundangan Muhammad [sawas], serta mengawal keselamatan khalifa, yang telah menjadi penyelamat iman dan agama.

2) Mengenai dengan apa yang kamu telah sebutkan dari buku Shahrastani: *Al-Milal wal Nihal*, kami telah dapati ianya disampaikan dengan tidak mempunyai nama penyampai. Kedua mereka al-Halabi dan Sayyid al-Dahlani, di dalam buku mereka masing-masing, telah berkata bahawa yang sebenarnya tidak terdapat hadith sedemikian yang mempunyai pengertian begitu. Jika kamu, semoga Allah menyelamatkan kamu, boleh menceritakan dari hadith sunni yang menyokongnya, dari itu tunjukkanlah kami kepadanya, Wassalam.

Yang ikhlas,  
S

## SURAT 92

- 1] ALASAN MEREKA TIDAK BERTENTANGAN DENGAN KENYATAAN KAMI
- 2] HADITH AI-SHAHRISTANI TELAH DI DOKUMENKAN

### Rabi` al-Awwal 22, 1330

1) Kamu telah, semoga Allah yang maha berkuasa menyelamatkan kamu, mengakui bahawa mereka telah tertinggal dibelakang dari regimen Usamah dan berada di Jurf, keberatan untuk berangkat, walaupun setelah diperintahkan oleh Rasul Allah [sawas] untuk bersegera dan mempercepatkan kempen. Kamu juga mengakui bahawa mereka, sesungguhnya telah menimbulkan persoalan mengenai kebijaksanaan Rasul Allah [sawas] di dalam melantik Usamah, walaupun setelah mereka melihat dan mendengar dari perbuatan dan perkataan mengenai perlantikan beliau.

Kamu juga seterusnya telah mengakui bahawa mereka, sesungguhnya meminta Abu Bakr untuk melepaskan beliau setelah melihat betapa marahnya Rasul [sawas], apabila baginda melihat mereka mempersoalkan perlantikannya, baginda keluar kepada mereka, demam, berbungkus kepala, berselimut dengan blanket, untuk menyampaikan khutbah dari atas mimbar yang mana baginda menolak rungutan mereka, khutbah yang mana kamu sendiri menerangkan sebagai satu dari peristiwa sejarah yang terkenal, dimana baginda [sawas] menerangkan Usamah adalah layak bagi jawatan tersebut.

Kamu menerima fakta bahawa mereka meminta khalifa untuk membatalkan pemergian regimen yang digerakkan oleh Rasul Allah [sawas], dan membuka ikatan yang di ikatkan oleh tangan baginda yang suci sendiri, walaupun setelah melihat betapa bersungguh-sungguhnya Rasul [sawas] untuk menggerakkan dan mempercepatkannya, sebagai tambahan kepada beberapa kenyataan yang baginda telah ucapkan, kepada perlunya untuk dilaksanakan.

Kamu juga lebih-lebih lagi telah mengaku bahawa sebahagian dari mereka yang telah diperintahkan untuk berkhidmat di dalam pasukan tentera tersebut oleh Rasul [sawas] sendiri, yang telah mengarahkan mereka untuk berkhidmat di bawah pimpinan Usamah telah tertinggal dibelakang. Kamu telah mengakui semua fakta ini yang telah dituliskan di dalam buku-buku sejarah dan perkara yang telah diterima oleh semua ijmak tradisionis dan sejarah; yang mengatakan mereka tidak boleh dipersalahkan terhadap apa yang mereka telah lakukan. Ringkasan alasan mereka, seperti yang kamu telah tuliskan, bahawa mereka telah mengutamakan di dalam perkara tersebut, kepentingan Islam menurut dari sudut pandangan mereka, bukannya menurut dari kenyataan Rasul [sawas] dalam perkara ini. Kami tidak bermaksud, dalam perkara ini untuk menyatakan apa-apa yang lebih dari itu. Dalam lain perkataan, tajuk perbincangan kita adalah, sama ada mereka selalu mengikuti kenyataan Rasul Allah [sawas] atau tidak. Kamu telah memilih yang pertama dan kami telah memilih yang kedua, dan sekarang pengakuan kamu bahawa mereka tidak mengikuti kenyataan yang demikian telah membuktikan pandangan kami. Sama ada mereka diberikan alasan atau tidak ianya adalah diluar tajuk.

Oleh kerana ianya telah terbukti menurut dari pandangan kamu bahawa mereka mengutamakan, di dalam insiden regimen Usamah, kepentingan Islam, mengikuti pandangan mereka dari mengikuti perintah Rasul Allah [sawas] seperti yang tertanam di dalam kenyataan baginda, maka mengapa kamu tidak mengatakan yang sama bahawa mereka mengutamakan, di dalam isu kedudukan khalifa untuk mengikuti sudut pandangan mereka mengenai dengan apa yang baik untuk Islam dari apa yang diucapkan oleh Rasul Allah [sawas] di dalam hadith Ghadir baginda dan yang serupa dengannya? Kamu telah mendapatkan alasan untuk mereka yang menaburkan keraguan mengenai perlawanan Usamah, dengan mengatakan bahawa mereka bertindak disebabkan oleh usianya yang muda dan mereka dipertengahan umur dan juga tua, dan bahawa secara tabii orang tua benci mengambil perintah dari yang muda; maka mengapa kamu tidak gunakan hujah yang sama kepada mereka yang tidak mengikuti teks Ghadir yang melantik 'Ali [as], yang diketika itu muda, untuk memerintah para sahabat yang dipertengahan umur dan juga yang tua, yang telah menganggap beliau sebagai muda apabila Rasul Allah [sawas] wafat, seperti mana mereka menganggap Usamah muda ketika Rasul [sawas] melantik beliau sebagai pemerintah di dalam regimen? Apakah perbezaan yang besar diantara khalifa dengan pemerintah regimen! Jika tabii mereka, enggan menerima seorang pemerintah yang muda di dalam regimen, pasti mereka lebih keras lagi enggan menerima pemerintah seumur hidup, seorang yang muda di dalam semua perkara agama dan juga sekular.

Tetapi hujah kamu bahawa orang tua dan yang dipertengahan umur secara tabii benci menerima arahan dari yang muda adalah ditolak jika kamu menggunakannya secara umum kepada semua, oleh kerana mereka yang keimanannya teguh diantara yang lanjut usia, tidak marah ketika diperintahkan oleh Allah dan RasulNya untuk menerima arahan dari orang muda, atau di dalam apa juga perkara. "Tidak! Demi Tuhan mu, mereka tidak akan benar-benar beriman sehingga mereka menerima sepenuhnya keputusan kamu di dalam semua pertikaian, kemudian mereka tidak merasakan sebarang kesukaran di dalam menerima keputusan kamu, menyerah kepadanya sepenuh hati (Qur'an, 4:65)." "Apa sahaja yang Rasul berikan kepada kamu, terimalah, dan menjauhinya dari apa yang dilarang kamu (Qur'an, 59:7)."

2) Berkenaan dengan al-Shahristani yang membincangkan mereka yang menggelakkan diri dari berkhidmat di dalam tentera Usamah, telah menceritakan cerita mereka sebagai fakta yang telah diterima umum, ianya telah disebutkan di dalam satu hadith yang di dokumenkan oleh Abu Bakr Ahmed ibn 'Abdul-Aziz al-Jawhari di dalam bukunya *Al-Saqifa*, darinya saya sebutkan sebanyak ini secara tepat *[verbatim]* untuk kamu:

"Ahmed ibn Ishaq ibn Salih telah menceritakan satu hadith kepada kami dari Ahmed ibn Siyar dari Sa'd ibn Kathir al-Ansari yang mana mereka menyebut 'Abdullah ibn 'Abdul-Rahman sebagai berkata bahawa apabila Rasul Allah [sawas] jatuh sakit sejurus sebelum wafatnya, baginda melantik Usamah ibn Zayd ibn Harithah untuk memimpin pasukan tentera, kebanyakan mereka dari Muhajirin dan Ansar. Diantara mereka adalah: Abu Bakr, 'Umer, Abu 'Ubaydah ibn al-Jarrah, 'Abdul-Rahman ibn 'Awf, Talhah, dan al-Zubayr, dan memerintahkan beliau untuk menyerang Mu'ta, dimana bapanya telah dibunuh, dan untuk menyerang lembah Palestine. Usamah memperlambatkan, dan begitu juga dengan tentera yang lainnya, dan Rasul Allah [sawas] walaupun sakit terus menekankan bahawa tentera harus segera kesana, sehingga Usamah berkata kepada baginda: 'Wahai Rasul Allah! Adakah kamu mengizinkan saya untuk tinggal disini beberapa hari sehingga Allah menyembuhkan kamu?' Baginda menjawab: 'Pergi dan teruskan, serta disokong dengan rahmat dari Allah.' Dia berkata: 'Wahai Rasul Allah! Jika saya teruskan ketika kamu sakit seperti ini, saya akan pergi dengan hati yang berat dengan kesakitan.' Baginda [sawas] berkata: 'Teruskan menuju kejayaan dengan penuh kesihatan.' Usamah mendesak: 'Tetapi saya benci untuk bertanya kepada pengembara mengenai keadaan kamu.' Baginda berkata: 'Teruskan di dalam menjalankan perintah saya,' Kemudian baginda [sawas] pengsan. Usamah berlalu dan bersedia untuk berangkat. Apabila Rasul Allah [sawas] sedar, baginda terus bertanya mengenai Usamah, dan baginda diberitahu bahawa beliau dan tenteranya sedang bersedia untuk berangkat, dimana baginda terus mengulangi: 'Laksanakan misi Usamah; kutukan Allah keatas sesiapa mengelakkan diri dari perkhidmatannya.' Usamah akhirnya meninggalkan kota, panji-panji diatas kepalanya, dikelilingi oleh para sahabat, sehingga beliau sampai di Jurf. Di dalam kumpulannya adalah Abu Bakr, 'Umer, dan kebanyakan dari Muhajirun dan Ansar seperti Asid ibn Hadr, Bashir ibn Sa'd, dan ramai pemuka-pemuka yang lain.

Kemudian beliau menerima pemberita yang dihantar oleh Umm Ayman yang memberitahunya untuk meneruskan memasuki kekota kerana Rasul [sawas] akan wafat. Dia terus menuju ke Madina dengan panji-panji masih ditangannya. Setelah sampai ketempat kediaman Rasul, dia menegaskan panji-panji dipintu diketika itulah Rasul [sawas] telah wafat."

Ini telah dituliskan oleh sekumpulan ahli sejarah seperti ulama Mu'tazilite, Ibn Abul-Hadid pada penghujung muka surat 20 dan muka surat yang berikutnya di dalam Vol. 2 dari bukunya *Sharh Nahjul Balaghah*, Wassalam.

Yang ikhlas,  
Sh

## SURAT 93

MEMINTA CERITA MENGENAI INSIDEN YANG LAIN

**Rabi' al-Awwal 23, 1330**

Kelihatan kita telah memanjangkan cerita pada regimen Usmah, sama seperti kita telah memanjangkan pada Bencana di Hari Khamis, sehinggalah kebenaran menjadi nyata dari kepalsuan, dan cahaya kenyataan menjadi jelas bagi mereka yang boleh melihat; dari itu biarlah kami dengar mengenai insiden yang lain, Wassalam.

Yang ikhlas,  
S

## SURAT 94

ARAHAN BAGINDA [SAWAS] UNTUK MEMBUNUH YANG BERPALING

**Rabi' al-Awwal 25, 1330**

Untuk memenuhi permintaan kamu adalah apa yang dituliskan oleh sekumpulan ulama ummah dan para Imam, seperti imam Ahmed ibn Hanbal yang menulis pada ms 15, Vol. 3, dari *musnad*, menyebutkan dari Abu Sa'd al-Khudri mengatakan bahawa Abu Bakr suatu ketika datang kepada Rasul Allah [sawas] dan berkata: "Wahai Rasul Allah! Ketika saya melalui satu lembah saya melihat seorang lelaki yang tampan dan berpakaian kemas, sedang bersolat." Rasul [sawas] berkata kepadanya: "Pergi dan bunuh dia." Maka Abu Bakr pergi kesana, dan apabila dia melihat orang itu sedemikian rupa, dia tidak suka untuk membunuhnya; dari itu dia kembali kepada Rasul Allah [sawas] dengan tidak melaksanakan perintahnya. Rasul [sawas] berkata kepada `Umer: "Pergi dan bunuh dia," dan `Umer pergi kesana dan melihat orang itu seperti yang diterangkan oleh Abu Bakr, dan dia juga pulang dengan tidak membunuh lelaki itu dan berkata: "Wahai Rasul Allah! Saya melihat dia sedang mengerjakan solat dengan khusus; maka saya tidak suka untuk membunuhnya." Rasul [sawas] kemudian berkata kepada `Ali: "'Ali, kamu pergi dan bunuh dia," yang mana `Ali pergi ketempat itu dan kembali hanya untuk mengatakan: "Wahai Rasul Allah! Saya tidak menjumpai lelaki itu." Rasul [sawas] kemudian berkata: "Orang itu dan sahabatnya membaca al-Quran hanya untuk menyebutkan perkataannya [hanya untuk menunjuk-nunjuk]; mereka berpisah dari agama sepantas anak panah berpisah dari busurnya, dan mereka tidak akan kembali sehingga anak panah kembali kebusurnya semula. Bunuhlah mereka, kerana mereka adalah yang paling keji diantara semua yang hidup."

Di dalam *Musnad*, Abu Ya'li, telah mengatakan di dalam biografi Thul-Thadya oleh Ibn Hajar di dalam *Isaba*, menyebut Anas ibn Malik sebagai berkata: "Kami selalu mengkagumi kewara'kan dan *ijtihad* seorang lelaki yang hidup dimasa Rasul Allah [sawas], dan kami menyebutkan namanya kepada Rasul Allah [sawas], tetapi baginda tidak mengenalinya. Kami terangkan mengenai dirinya kepada Rasul [sawas], tetapi baginda masih tidak mengenalinya. Sedang kami berkata-kata, dia telah dilihat dan kami tunjukan kepada Rasul, itulah dia. Baginda [sawas] berkata: 'Adakah kamu berkata-kata kepada saya mengenai lelaki yang mana mukanya syaitan telah meletakkan tanda?' Lelaki itu datang dan berdiri dihadapan mereka tanpa memberikan ucapan salam kepada mereka. Rasul Allah [sawas] bertanya kepadanya: 'Saya bertanya kepada kamu dengan Nama Allah, jika kamu telah berkata kepada diri kamu, apabila kamu menghampiri kami bahawa tiada siapa diantara kami yang lebih baik atau lebih utama dari diri kamu?' Lelaki itu menjawab: 'Sesungguhnya, ya benar,' dan lelaki itu masuk untuk mengerjakan solat. Rasul Allah [sawas] bertanya adakah sesiapa yang bersedia untuk membunuh lelaki itu, dan Abu Bakr berkata dia sanggup. Apabila Abu Bakr masuk, dia dapati orang itu sedang mengerjakan solat; maka dia tertanya-tanya bagaimana dia boleh membunuh seseorang yang sedang mengerjakan solat. Apabila Rasul Allah [sawas] bertanya kepadanya apa yang dia telah lakukan, dia menjawab: 'Saya tidak suka untuk membunuhnya ketika dia sedang solat, dan kamu sendiri telah mengarahkan kami untuk tidak membunuh mereka yang sedang bersolat.' Rasul [sawas] bertanya lagi, siapakah yang bersedia untuk membunuh lelaki itu, dan kali ini `Umer menyahut. `Umer masuk dan dapati lelaki itu sedang sujud dan dia berkata kepada dirinya bahawa Abu Bakr lebih baik dari dirinya; dari itu dia pun

keluar. Apabila Rasul Allah [sawas] bertanya kepadanya jika dia telah melaksanakan apa yang dia telah janjikan, dia memberitahu baginda [sawas] bahawa dia dapati lelaki itu meletakkan dahinya ketanah sedang sujud kepada Tuhan. Rasul [sawas] sekali lagi bertanya: 'Siapakah yang boleh membunuh lelaki ini?' 'Ali menjawab dengan kepastian, dan apabila beliau masuk untuk mencari lelaki itu, beliau dapati lelaki itu telah pun pergi, maka dia kembali kepada Rasul Allah [sawas] dan memberitahu baginda bahawa lelaki itu telah pergi. Dikala itu barulah Rasul [sawas] berkata: 'Jika lelaki itu telah dibunuh, tidak ada dua orang dari ummah saya yang akan berselisih diantara satu dengan lain.'"

Insiden ini telah dirakamkan oleh al-Hafiz Muhammad ibn Mûsa al-Shirazi di dalam bukunya yang mana dia mencantumkan *tafasir* oleh Y'aqûb ibn Hayyan, 'Ali ibn Harb, al-Sadi, Mujahid, Qatadah, Waki', dan Ibn Jurayh. Kesahihannya telah diketahui umum oleh tradisionis yang dipercayai seperti Imam Shihabud-Din Ahmed, yang lebih dikenali sebagai 'Abd Rabbih al-Andalusi, yang menyebutnya pada penghujung dari bab bagi mereka yang mengikuti pendapat sendiri di dalam jilid pertama dari bukunya *Al-'Iqd al-Farid*. Pada penghujung insiden ini seperti yang diceritakannya, dia berkata bahawa Rasul Allah [sawas] mengatakan: "Ini adalah tanduk pertama [ dari syaitan] yang keluar dari ummah saya. Jika kamu telah membunuhnya, tidak ada dua orang yang akan berselisih diantara kamu. Bani Israel telah berpecah kepada 72 golongan, dan ummah ini akan berpecah kepada 73 golongan, semuanya, melainkan satu, akan masuk keneraka." [1]

Satu lagi yang hampir sama ceritanya pada insiden ini telah dirakamkan oleh pengarang buku tradisi [2] yang menyebutkan 'Ali (as) sebagai berkata: "Sebahagian orang Quraysh suatu ketika datang kepada Rasul [sawas] dan berkata: 'Wahai Muhammad! Kami adalah jiran dan sekutu kamu, dan sebahagian dari hamba-hamba kami telah datang kepada kamu dengan tanpa niat sebenar untuk mempelajari agama atau perundangan kamu; mereka hanya lari dari kami; maka pulangkanlah mereka kembali kepada kami.' Baginda bertanya kepada pendapat Abu Bakr, dan Abu Bakr berkata: 'Mereka adalah benar pada mengatakan bahawa mereka adalah jiran kamu,' yang mana wajah Rasul [sawas] telah bertukar warna [i.e. menjadi merah dengan marah], dan baginda tanya 'Umer apa fikirannya. 'Umer mengulangi kata-kata Abu Bakr, dan sekali lagi wajahnya bertukar warna dan berkata: 'O kamu orang Quraysh! Demi Allah! Allah akan menghantar kepada kamu seorang lelaki yang hatinya telah diduga oleh Allah, dan dia akan memerangi untuk menyelamatkan agama.' Abu Bakr bertanya adakah dia yang dimaksudkan, dan jawapan baginda adalah negatif. Kemudian 'Umer bertanya adakah dia yang dimaksudkan oleh Rasul [sawas], dan jawapan baginda: 'Tidak, ianya adalah seorang lelaki yang memperbaiki kasut;' Rasul [sawas] telah memberikan kasutnya kepada saya untuk dibaiki," Wassalam.

Yang ikhlas,  
Sh

[1] Perkataan "*firqa*" dan "Shi'ah", jika kamu kira setiap kali, setiap satu darinya diulangi, persamaannya adalah sama, kerana jumlah setiap satu darinya adalah 385, ini telah menjadikan majoriti dari kalangan itu sangat berharap [merekalah yang terlepas].

[2] Seperti Imam Ahmed pada penghujung muka surat 155, Vol. 1, dari *Musnad*, Sa'id ibn Mansûr di dalam *Sunan*, dan Ibn Jarir di dalam *Tahthib al-Athar*, semuanya mengaku akan kesahihannya. Ianya disebut dari kesemua mereka oleh al-Muttaqi al-Hindi pada muka surat 396, Vol. 6, dari buku *Kanz al-'Ummal*.

## SURAT 95

MEMBOLEHKAN PADA TIDAK MEMBUNUH YANG BERPALING

### Rabi' al-Awwal 26, 1330

Mereka [ra] mungkin telah memahami perintah Rasul [sawas] sebagai yang digalakan bahkan bukannya wajib, dan itulah sebabnya mereka tidak membunuh lelaki tersebut. Atau mungkin mereka fikir bahawa membunuh lelaki tersebut adalah untuk ditangani oleh sahabat yang lebih berkeelayakan, oleh kerana mereka yang sedemikian ada hadir disana, dan mereka tidak mengelakkan diri dari melakukannya [pembunuhan tersebut] kerana mereka pasti orang itu tidak dapat melari diri, setelah mereka menahan diri dari membunuh lelaki itu mengenai niat sesiapa sahaja yang akan membunuhnya, Wassalam.

Yang ikhlas,  
S

## SURAT 96

MEMBOLEHKAN DITOLAK

## Rabi` al-Awwal 29, 1330

Perintah itu adalah yang memerlukan pada perlaksanaannya seperti yang diarahkan, maka tiada siapa yang akan memahami dengan pengertian yang lain; dan mengatakan itu sebagai yang digalakan [sunnat], itu tidak dapat dibuktikan oleh sebarang hujah sama sekali. Sebaliknya pembuktian menunjukkan pengertiannya yang sebenar, iaitu sebagai perintah; maka lihatlah dengan teliti kepada tradisi yang sedemikian dan kamu akan dapati apa yang kami katakan adalah benar. Mencukupi bagi kamu kenyataan baginda [sawas]: "Lelaki itu dan orang-orangnya membaca al-Quran hanya menyebutkan perkataannya [untuk menunjuk-nunjuk] sahaja, mereka meninggalkan agama sepantas anak panah meninggalkan busurnya, dan mereka tidak akan kembali sehingga anak panah pulang kebusurnya semula. Bunuhlah mereka, kerana mereka amat keji diantara semua yang hidup," dan juga kenyataan baginda [sawas], "Jika dia dibunuh, tidak ada dua orang dari ummah saya yang akan berselisih diantara mereka." Kenyataan sedemikian tidak diperkatakan melainkan terdapatnya arahan serius yang menekankan betapa pentingnya lelaki itu perlu dibunuh.

Jika kamu rujuk Ahmed: *Musnad*, kamu akan temui perintah untuk membunuh lelaki itu telah ditujukan kepada Abu Bakr khususnya, kemudian kepada `Umer secara khusus juga; dari itu bagaimana perintah tersebut diketepikan?

Bahkan tradisi dengan jelas menunjukkan bahawa para sahabat tersebut mengelakan diri dari membunuh lelaki tersebut, hanya kerana mereka tidak suka untuk melakukannya dengan tidak ada sebab yang lain dari fakta bahawa lelaki itu sedang melakukan solat dan berdoa. Mereka rasa tidak senang walaupun Rasul [sawas] sendiri merasa senang dengan terhapusnya lelaki tersebut. Mereka tidak patuh kepada perintah yang mereka terima dari Rasul [sawas] untuk membunuh lelaki itu. Dari itu insiden ini satu lagi bukti yang mengesahkan kepada fakta bahawa mereka selalu mengutamakan pendapat mereka dari mengikuti perintah Rasul [sawas], Wassalam.

Yang ikhlas,  
Sh

## SURAT 97

MEMINTA DICERITAKAN SEMUA INSIDEN YANG SEDEMIKIAN

## Rabi` al-Awwal 30, 1330 H

Ceritakanlah semua insiden yang sedemikian, tanpa meninggalkan walau satupun darinya, supaya kami tidak perlu untuk memintanya dari kamu lagi, walaupun jika ini bererti surat kamu akan menjadi panjang, Wassalam.

Yang benar,  
S

## SURAT 98

- 1] BUKTI YANG TERANG
- 2] RUJUKAN PADA INSIDEN YANG LAIN

## Rabi` al-Thani 3, 1330 H

1) Pertimbangkan Perjanjian Hdaybiya, Harta rampasan Hunayn, mengambil wang tebusan dari tawanan perang Badr, perintah baginda [sawas] untuk menyembelih beberapa ekor unta apabila terdapat kekurangan makanan yang meruncingkan ketika Peperangan Tabük, sebahagian dari urusan mereka di Uhud dan lembahnya, insiden apabila Abu Hurayrah mula menyampaikan pengkhabaran baik kepada semua yang percaya kepada Allah, insiden pada mengerjakan solat untuk hipokrit; insiden dimana mereka mempersoalkan *sadaqat* dan pertanyaan mereka dengan perbuatan melampau, penafsiran mereka pada ayat berkenaan dengan *khums* dan *zakat*, dua ayat yang memperkatakan *mut'a* [kontrak] perkahwinan, ayat yang berkaitan dengan penceraian tiga kali, penafsiran mereka pada tradisi mengenai solat tambahan di dalam bulan Ramadan, cara dan jumlahnya, cara menyebutkan azan, jumlah takbir semasa solat jenazah..., sehingga kepenghujung lis [senarai] yang terlalu panjang untuk diperkatakan secara mendalam disini. Ditambahkan lagi dengan penentangan mereka mengenai perkara yang berkaitan kepada Hatib ibn Balta`ah, penentangan mereka kepada yang dilakukan oleh Rasul Allah [sawas] terhadap maqam Ibrahim, penambahan sebilangan rumah orang Muslim kepada bangunan masjid, perlaksanaan wang gantian darah Abu Khirash al-Hathli yang perlu dibayar oleh penduduk Yemen, pengusiran Nasr ibn al-Hajjaj al-Salami, hukuman yang dijatuhkan kepada Ja`dah ibn Salam,[1] cara pada mengatorkan *jizya*, perjanjian untuk melakukan *shūra* dengan cara yang baik dan diketahui umum, berkeliling diwaktu malam dan mengintip disiang hari, pampasan di dalam



mengerjakan upacara agama..., sehingga kepenghujung lis adalah terlalu banyak isunya yang mana mereka berazam untuk mendapatkan kuasa dan pengawalan, begitu juga dengan kepentingan khas. Kami telah memperuntukan di dalam buku kami *Sabil al-Mu'minin* [2] bab yang panjang di dalam memperkatakannya.

2) Bahkan terdapat teks lain memperkatakan khas mengenai 'Ali dan keturunan yang disucikan [as] selain dari yang berkaitan dengan kedudukan khalifa, yang mana mereka tidak menghargainya juga; bahkan mereka bertindak dengan yang sebaliknya, seperti yang telah diketahui oleh para penyelidik. Dari itu tidak hairanlah melihat bagaimana mereka menggunakan penilaian mereka untuk mentafsirkan teks berkenaan dengan isu khalifa; lagi pun, bukankah itu satu lagi teks-teks yang mereka tafsirkan mengikut pandangan mereka dan telah mengutamakan pandangan mereka dari bertindak mengikut pengertian teks sebenar? Wassalam.

Yang benar,  
Sh

[1] Rujuk kepada biografi `Umer di dalam buku Ibn Sa`d: *Tabaqat* dan kamu akan lihat bagaimana Ja`dah telah dibunuh dengan tidak ada aduan yang dibawa terhadapnya dan tidak ada juga saksi, selain dari sekeping kertas yang ditulis oleh seorang penyair yang tidak dikenali, menuduh Ja`dah melakukan zina.

[2] Jika kamu tidak berpeluang untuk membaca *Sabil al-Muminin*, cuba jangan terlepas membaca buku *Al-Fusul al-Muhimma*, kerana ia mengandungi faedah yang berharga yang tidak diterdapat di dalam buku-buku yang lain. Kami telah peruntukan satu bab khas untuk mereka yang mentafsirkannya, ianya di dalam bab 8, ms 44 hingga 130 dari edisi kedua, dimana perkara ini diterangkan dengan mendalam

## SURAT 99

- 1] KEUTAMAAN MEREKA ADALAH UNTUK KEPENTINGAN UMUM DI DALAM PERKARA TERSEBUT
- 2] MEMINTA YANG SELEBIHNYA

**Rabi` al-Thani 5, 1330 H.**

1) Sesiapa yang diberikan kebijaksanaan tidak mengesaki niat baik mereka, dan keutamaan mereka adalah kepada kepentingan umum, dari segala pertimbangan yang lain di dalam tindakan mereka terhadap perkara-perkara tersebut. Mereka selalu fikirkan apa yang terbaik untuk ummah ini dan yang paling bagus untuk agamanya, yang terbaik untuk perpaduan; maka mereka tidak boleh dipersalahkan diatas apa sahaja tindakan mereka, walaupun jika mereka menggunakan teks yang tertentu atau menggunakan pertimbangan mereka sendiri mengenai teks tersebut.

2) Kami telah minta kamu menceritakan semua kejadian, tetapi kamu hanya menyatakan sebahagiannya sahaja, mengatakan bahawa terdapat teks mengenai Imam dan keturunannya [as] selain dari yang mengenai kedudukan khalifa yang mana orang terdahulu kami tidak menghargainya. Kami harap kamu dapat menceritakannya dengan mendalam dan supaya kami tidak perlu meminta kepada kamu lagi untuk mengatakannya, Wassalam.

Yang ikhlas,  
S

## SURAT 100

- 1] PEMBINCANGAN MENYIMPANG DARI TAJUK PERKARA
- 2] TINDAKAN ATAS PERMINTAANNYA

**Rabi` al-Thani 8, 1330 H**

1) Kamu telah mengakui tindakan mereka terhadap kejadian yang telah diketahui umum, dan kamu telah percaya kepada apa yang kami telah katakan dahulu; maka segala puji tertentu bagi Allah. Mengenai dengan niat mereka yang baik dan mengutamakan kepentingan umum, penilaian mereka pada apa yang terbaik untuk ummah, di dalam agama dan perpaduan, itu telah terkeluar dari tajuk asal, seperti yang kamu maklum sendiri.

2) Di dalam surat kamu yang terakhir, kamu telah meminta hadits sahih mengenai 'Ali [as] di dalam perkara selain dari Imami yang mana mereka tidak patuhi; malah sesungguhnya mereka tidak memberikan sebarang perhatian. Kamu adalah Imam tradisi dewasa ini; dan lebih mengetahui mengenainya, kamu telah menghabiskan banyak tenaga pada menanganinya secara khusus dari apa yang kami telah nyatakan, dan siapa lagi yang lebih berpengetahuan dari kamu yang telah mengetahui secara mendalam dari apa yang kami telah rujuk? Adakah sesiapa yang setanding kamu atau boleh bersaing dengan kamu mengenai sunnah? Pastinya tidak, malah perkara ini adalah seperti apa yang aksiom katakan: "Betapa sering manusia bertanya mengenai perkara yang mereka telah ketahui?"

Kamu telah sedia mengetahui bahawa terdapat beberapa para sahabat yang benci kepada 'Ali dan menjadi musuh beliau. Mereka meninggalkan beliau, menyakitinya, mengutuk dan menuduh beliau, memerangi beliau,

memukul mukanya dan muka ahl al-bayt dan juga muka-muka pengikutnya dengan pedang, seperti yang telah diketahui dari sejarah mereka yang terdahulu. Rasul Allah [sawas] telah berkata:

- "Sesiapa yang patuh kepada saya telah patuh kepada Allah, dan sesiapa yang engkar kepada saya telah engkar kepada Allah; Sesiapa yang patuh kepada 'Ali telah patuh kepada saya juga."
- "Sesiapa yang meninggalkan saya telah meninggalkan Allah, dan sesiapa yang meninggalkan kamu, wahai 'Ali, telah meninggalkan saya juga."
- "Wahai 'Ali kamu adalah ketua di kehidupan dunia ini, dan di kehidupan akhirat; saya mencintai mereka yang mencintai kamu, dan mereka yang saya cintai telah dicintai oleh Allah, musuh kamu adalah musuh saya, dan musuh saya adalah musuh Allah; malang bagi mereka yang membenci kamu selepas saya."
- "Sesiapa yang menolak 'Ali telah menolak saya juga, dan sesiapa yang menolak saya telah menolak Allah."
- "Sesiapa yang menyakiti 'Ali telah menyakiti saya juga, dan sesiapa yang menyakiti saya telah menyakiti Allah."
- "Sesiapa mencintai 'Ali telah mencintai saya, dan sesiapa membenci 'Ali telah membenci saya."
- "Tiada siapa yang mencintai kamu, wahai 'Ali, melainkan mereka yang beriman, dan tiada siapa yang membenci kamu melainkan hipokrit."
- "Wahai Allah berbaiklah kepada sesiapa yang berbaik dengan beliau, dan jadilah musuh sesiapa yang menjadikan dirinya musuh beliau; sokonglah mereka yang menyokong beliau dan abaikan mereka yang mengabaikan beliau."

Suatu hari baginda [sawas] melihat kepada 'Ali, Fatima, al-Hasan dan al-Husayn (as) dan berkata: "Saya perangi mereka yang memerangi kamu dan saya berdamai dengan mereka yang berdamai dengan kamu." Setelah menyelimutkan mereka dengan blanket, baginda [sawas] berkata: "Saya perangi sesiapa yang memerangi kamu, dan memberikan perlindungan kepada sesiapa yang berdamai dengan kamu; dan saya adalah musuh bagi musuh kamu." Terdapat banyak tradisi yang tidak dilakukan oleh sebilangan para sahabat; bahkan tindakan mereka bertentangan dengan arahnya, di dalam mengutamakan kehendak mereka sendiri oleh kerana mereka mencari kepentingan diri. Sesiapa yang berpandangan tajam, mengetahui bahawa semua hadith yang terkenal di dalam memuji kemuliaan 'Ali – terdapat ratusan jumlahnya, seperti yang diperintahkan untuk menerima pemerintahannya, melarang setiap manusia dari menjadi musuh beliau – semua adalah bukti mengesahkan kedudukannya yang tinggi dan dihormati, dan mulianya disisi Allah dan RasulNya. Kami telah sampaikan sedikit darinya di dalam surat ini, dan apa yang kami tidak sampaikan adalah berlipat kali ganda banyaknya.

Kamu, dengan kebesaran tuhan, adalah diantara mereka yang telah memahami tradisi dan pengertiannya. Pernahkah kamu temui sebarang tradisi yang memerintahkan penentangan dan bermusuhan terhadap beliau [Ali], atau ada tradisi yang tertentu pada menunjukkan, mencederakan beliau, membenci atau menyimpan dendam kepada beliau, atau apa-apa sahaja seperti melukai, menuduh, penolakan kepadanya dari mimbar orang Muslim, atau menjadikan satu tradisi yang diikuti oleh pendakwah, yang menyampaikan di dalam khutbah semasa hari Jumaat dan eid'? Pasti tidak. Tetapi mereka yang melakukan semua perkara ini tidak memperdulikan kepada hadith yang sedemikian walaupun ianya terdapat dengan banyak dan disampaikan secara mutawatir. Hadith ini tidak dapat menghalang mereka dari berkelakuan dengan cara yang dapat memberikan faedah kepada kepentingan politik mereka. Mereka tahu bahawa beliau adalah saudara dan sahabat Rasul [sawas], waris dan kepercayaan, ketua bagi keturunan baginda, Harun baginda keatas ummah, anak menantu baginda di dalam haknya, bapa bagi keturunannya, yang pertama untuk menerima Islam, yang paling ikhlas di dalam beragama, yang paling berpengetahuan, yang paling pantas di dalam melakukan kebajikan, yang amat pengasih, yang amat yakin, paling tekun di jalan Allah, paling berani, paling terhormat, yang mempunyai paling banyak kemuliaan, yang paling berhati-hati di dalam kepentingan Islam, yang paling hampir kepada Rasul Allah, paling hampir kepada petunjuk baginda [sawas], keperibadian, kemuliaan, yang paling menyerupai tingkah lakunya, pertuturannya atau diamnya... tetapi kepentingan peribadi kepada mereka lebih utama dari segala hujah atau pertimbangan; maka mengapa kemudian terperanjat pada pilihan mereka untuk mengikuti pandangan peribadi mereka mengenai Imami dari mengikuti intipati hadith Ghadir, sebagai contoh? Tidakkah hadith Ghadir hanya satu dari beberapa ratus hadith yang mereka lihat dari kaca mata mereka sahaja, mengutamakan pandangan mereka dan mempertimbangkan kepentingan mereka sendiri?

Rasul Allah [sawas] juga telah berkata: "Persamaan Ahl al-Bayt saya diantara kamu adalah seperti bahtera Nuh; sesiapa yang menaikinya terselamat, sesiapa yang tertinggal dibelakang akan karam," dan "Persamaan Ahl al-Bayt saya diantara kamu adalah seperti pintu taubat bani Israel: diampunkan dosa bagi mereka yang memasukinya." Baginda [sawas] juga telah berkata: "Bintang adalah keselamatan penduduk dunia dari karam dan Ahl al-Bayt adalah keselamatan bagi ummah dari perselisihan; dari itu jika ada kaum Arab yang menentang mereka, maka mereka semua akan berselisih diantara mereka dan menjadi parti Iblis (Eblis)," sebagai tambahan kepada banyak lagi yang sedemikian; yang mana semuanya telah diabaikan secara total [keseluruhan] oleh mereka..., Wassalam.

Yang ikhlas,  
Sh

## MENGAPA IMAM TIDAK MEMBACAKAN HADITH KHALIFA DAN WISAYAT PADA HARI SAQIFA?

### Rabi` al-Thani 10, 1330 H

Kebenaran telah memperlihatkan dirinya, pujian bagi Allah, tuhan sekalian alam. Kini tinggal hanya satu isu, yang keadaannya masih tidak jelas, dan diseliputi kegelapan. Tolong sebutkan untuk menyingkap tabir dan menjadikan rahsianya diketahui umum. Adalah menjadi fakta bahawa Imam pada insiden saqifa, tidak membacakan mana-mana teks mengenai khalifa dan wisayat, yang mana kamu telah memberikan banyak tumpuan, kepada al-Siddiq dan yang bai'ah kepadanya; maka, kamu lebih mengerti dengan teks yang demikian dari dia sendiri? Wassalam.

Yang ikhlas,  
S

### SURAT 102

- 1] MENGAPA IMAM MENAHAN DIRI PADA HARI SAQIFA DARI MENYEBUTKAN TEKS DEMIKIAN
- 2] RUJUKAN KEPADA HUJAH BELIAU DAN PENYOKONGNYA WALAUPUN ADA RINTANGAN

### Rabi` al-Thani 11, 1330 H

1) Semua orang tahu bahawa, tidak Imam mahupun sesiapa dari pengikutnya diantara keturunan Hashim dan lainnya yang menyaksikan bai'ah yang sedemikian, dan tidak juga mereka memasuki saqifa diketika itu Mereka telah terganggu darinya dan apa sahaja yang berlaku di dalamnya. Mereka semua tertumpu pada bencana besar yang melanda: wafatnya Rasul Allah [sawas], dan mereka sedang menyediakan persediaan yang sewajarnya untuk jenazah baginda [sawas], dengan tidak menghiraukan pada yang lain. Sejurus selesai mengkebumikan baginda ditempat persemadiannya yang suci, mereka yang disaqifa telah selesai urusan mereka, menjalankan bai'ah, dan membuat simpulan yang kuat pada ikatan mereka, dengan penuh berhati-hati melarang sebarang ucapan dan tindakan yang akan melemahkan bai'ah mereka, dan yang memberi kesan negatif kepada perjanjian mereka atau menimbulkan keresahan pada orang awam; maka dimanakah Imam semasa kejadian saqifa, memberi dan menerima bai'ah kepada al-Siddiq supaya beliau dapat berhujah dengan mereka? Bagaimana beliau atau sesiapa sahaja boleh diharapkan untuk berhujah setelah bai'ah selesai diterima, dan mereka yang boleh berkata-kata [berkuasa] telah mengambil langkah yang perlu? Bolehkah sesiapa dimasa kita sekarang menghadapi pihak berkuasa, mencabut kuasa mereka, dan menghapuskan kerajaan mereka? Bolehkah mereka yang berkuasa tinggalkan orang itu begitu sahaja jika dia cuba untuk melakukan begitu? Mustahil. Dari itu bandingkan yang lampau dengan yang kini, kerana tidak manusia mahupun masa yang banyak berubah.

Bahkan `Ali (as) tidak mengharap hujahnya dengan mereka untuk menghasilkan apa-apa selain dari perbalahan. Beliau memilih untuk melepaskan apa yang menjadi haknya dari mendapatkannya dalam keadaan yang demikian. Beliau khuatir perbalahan yang demikian akan merosakan Islam dan *kalimanya*, seperti yang kami telah terangkan dahulu, dengan mengatakan bahawa beliau telah ditimpa dihari-hari tersebut lebih dari manusia lainnya, oleh dua bencana besar: Pada sebelah tangan, kedudukan khalifa, dengan teks dan wasiatnya, menyeru beliau dan meminta di dalam aduannya yang akan membuat hati terluka berdarah, dan penekanan terhadap perbalahan dari pihak yang lain, mengingatkan beliau akan kebangkitan disemenanjung, kemungkinan pemberontakan Arab yang akan menyapu bersih Islam; mengancamnya bersama hipokrit diantara penduduk Medina yang telah biasa dengan tabiat itu, disokong oleh puak badwi yang menurut teks dari kitab Allah (9:101), adalah hipokrit, tidak, bahkan lebih keji di dalam kekafiran dan hipokrit, sehinggakan adalah lebih baik untuk mereka tidak mengetahui akan batas-batas dari apa yang Allah telah wahyukan kepada RasulNya (9:97). Mereka telah menjadi kuat dengan kehilangan Rasul [sawas] dan Muslim menjadi seperti ternakan yang ketakutan di malam yang sejuk, dikelilingi oleh serigala dan binatang buas. Musaylamah yang penipu, komplot Talhah ibn Khuwaylid, dan ahli sihir, Sajah anak perempuan al-Harath, sebagai tambahan kepada penjenayah dan pengacau, semuanya mencuba sedaya upaya untuk menghapuskan Islam dan menghancurkan Muslim. Ditambah lagi kepada fakta bahawa Romans, pengikut Kisra dan Caesar, selain dari banyak lagi, sedang berkomplot menentang Muslims. Sebagai tambahan lagi kepada semua itu adalah elemen dendam terhadap Muhammad, keturunan dan sahabatnya, dengan penuh perasaan benci terhadap pengkhabaran Islam. Kesemua parti ini berhasrat untuk mencabut keseluruhan asas Islam. Mereka sedang bergiat aktif untuk melakukannya, mempercepatkan langkah, mereka melihat kini angin telah bertiup kearah mereka, dan terdapat peluang dengan disebabkan pemergian Rasul [sawas] menemui sahabatnya yang Agung; maka mereka berhajat untuk menggunakan peluang yang terdapat ini sebelum Islam kembali menjadi kuat dan tersusun semula. `Ali (as) sadar akan kedua-dua bahaya, dan sewajarnya beliau menyerahkan haknya untuk dikorbankan semata-mata untuk keselamatan Muslims.[1]

Tetapi beliau juga hendak mengekalkan haknya, pada kedudukan khalifa dan berhujah dengan mereka yang menjauhkan beliau darinya, dengan cara yang tidak akan merosakan perpaduan Muslims, mahupun menyebabkan perbalahan diantara mereka, tidak juga memberi peluang musuh untuk mengambil kesempatan. Dari itu beliau telah tinggal dirumah sehingga dia merasakan perlu, tidak dipaksa, untuk meninggalkannya. Jika

beliau bersegera kepada mereka, beliau tentu tidak punya hujah, begitu juga dengan pengikutnya tidak mempunyai bukti, tetapi beliau kini telah menyelamatkan keduanya dengan cara mengambil pendirian yang sedemikian, keselamatan kepada agama dan mengekalkan haknya untuk memerintah yang Muslim. Apabila beliau melihat bahawa memelihara Islam dan bertindak balas dengan komplot pihak musuh, bergantung diketika itu pada ketenangan dan keamanan, beliau mengambil jalan tersebut, memilih untuk berdamai dengan mereka yang punya suara, sekadar untuk menyelamatkan ummah; dan dari keperihatinan kepada agama, dengan mengambil berat kepada keutamaan kebaikan yang mendatang dari yang diketika itu, melaksanakan yang perlu dan juga yang sewajarnya, ketika terus juga menentang, kepada apa yang paling penting dari yang penting, oleh kerana keadaan diketika itu tidak mengizinkan pada menggunakan pedang tidak juga tindakan melalui hujah beliau terhadap mereka.

2) Walaupun dengan semua ini, beliau dengan keturunannya [as] sebagai tambahan kepada yang terpelajar dari pengikutnya, akan menggunakan kebijaksanaan apabila menyebutkan wasiat, mengumumkan teks nya yang jelas, seperti yang telah diketahui oleh mereka yang menyelidik, Wassalam.

Yang ikhlas,  
Sh

[1] Beliau [as] telah mengistiharkan demikian di dalam surat yang dikirimkan kepada penduduk Mesir bersama Malik al-Ashtar apabila beliau melantiknya sebagai Gabenor. Beliau mengatakan di dalamnya: "Allah, pujian bagiNya, telah menghantar Muhammad (sawas) sebagai peringatan kepada dunia dan sebagai ketua dari para Rasul. Apabila baginda meninggal dunia, Muslim selepas baginda berbalah sesama sendiri. Demi Allah, saya tidak pernah takut, tidak juga menyangkakan Arab akan mengeluarkan tanggung jawab sedemikian dari rumahnya [sawas], tidak juga mereka menjauhkan saya darinya [kedudukan khalifa] selepas baginda, tetapi yang amat mencemaskan saya adalah penyandaran mereka kepada orang itu untuk memberikan bai'ah kepada dia; maka saya mengawal diri, sehingga saya melihat manusia telah menyimpang dari Islam dan mula mengajak manusia untuk menyapu bersih [melenyapkan] agama Muhammad. Dari itu saya takut jika saya tidak menyokong Islam dan Muslim ketika melihat strukturnya retak atau telah runtuh sebahagiannya, bencana kepada saya lebih besar dari kehilangan kerajaan kamu, yang tidak mempunyai erti selain dari keriangian yang sementara, selepas itu ianya akan lenyap seperti bayangan atau hilang seperti awan dimusim panas;" maka beliau naik dalam keadaan begitu sehingga yang bersalah telah terhapus, dan agama menjadi kukuh dan tenteram. Rujuk pada kenyataan beliau di dalam *Nahjul-Balaghah*.

## **SURAT 103**

MENCARI HUJAH BELIAU DAN PENGIKUTNYA

**Rabi` al-Thani 12, 1330 H**

Bila Imam melakukan itu? Dan bilakah kerabat dan pengikutnya melakukannya? Tolong perkenalkan kepada kami sebahagian daripadanya, Wassalam.

Yang ikhlas,  
S

## **SURAT 104**

1] BEBERAPA INSIDEN APABILA IMAM BERHUJAH  
2] PENGHUJAHAN AL-ZAHRA [AS]

**Rabi` al-Thani 15, 1330 H**

1) Imam secara senyap-senyap mengumumkan teks yang berhubung dengan dirinya, tanpa menggunakannya untuk kepentingan peribadi menentang lawan disebabkan keperihatinan beliau terhadap keselamatan Islam dan memelihara kekuatan Muslim. Beliau selalu mempertahankan pendirian diamnya dan keengganan untuk menuntut haknya, di dalam keadaan sedemikian dengan mengatakan: "Sesaorang tidak dipersalahkan jika dia mengambil masa dalam mendapatkan apa yang menjadi haknya; kesalahan itu terletak kepada orang yang

mengambil apa yang bukan haknya." [1] Beliau selalu menggunakan cara tertentu dengan dimahkotakan kebijaksanaan, jelas di dalam cara beliau menyebarkan teks pada kehormatan dirinya.

Adakah kamu lihat apa yang beliau lakukan di dalam insiden Rahba, apabila beliau mengumpulkan manusia semasa beliau menjadi khalifa untuk meraikan Hari Ghadir? Beliau berkata kepada mereka: "Saya tanyakan kepada setiap Muslim dari kamu yang mendengar Rasul Allah [sawas] berkata pada Hari Ghadir; bangun mengatakan apa yang baginda telah katakan, sila berdiri dan mengaku kepada apa yang dia telah dengar, dan tiada siapa yang boleh berdiri melainkan mereka yang dapat melihat baginda [sawas];" 30 sahabat, termasuk 12 darinya yang mengambil bahagian di dalam Peperangan Badr, mengaku kepada apa yang mereka telah dengar dari hadith Ghadir seperti yang kami telah tunjukkan diatas di dalam surat no 56. Inilah paling minima yang dapat beliau lakukan di dalam keadaan kritikal dketika itu; berikutan dari pembunuhan terhadap Uthman, dan pemberontakan di Basra dan Syria. Ini sesungguhnya adalah kebijaksanaan di dalam publisiti yang sedemikian dikala itu, dan usaha yang amat disanjung di dalam menghidupkan kembali hadith Ghadir yang telah hampir tertanam untuk selamanya! Himpunan manusia di Rahba telah mengingatkan kembali kepada mereka yang menyaksikan himpunan Rasul [sawas] di Hari Ghadir Khumm, telah mengambil `Ali (as) dengan tangan baginda yang suci dan berucap kepada ratusan ribu atau lebih dari ummahnya untuk menyampaikan kepada mereka pengkhabaran bahawa beliau akan menjadi pengganti begini. Dari itu tradisi Ghadir adalah yang paling dipercayai diantara semua tradisi yang disampaikan secara mutawatir; maka lihatlah kebijaksanaan Rasul [sawas] apabila baginda menasihati beliau dihadapan himpunan manusia ramai, dan fikirkan kebijaksanaan wasi pada hari Jumaat itu, apabila beliau meminta mereka untuk mengaku, dari itu telah memperlihatkan kebenaran dengan cara yang senyap seperti yang diperlukan oleh keadaan, dan dengan cara yang aman seperti yang dihajati oleh Imam. Beginilah cara Imam di dalam menyebarkan perjanjian dan mengadakan publisiti untuk hadith. Beliau adalah jenis orang yang akan menarik perhatian manusia yang telah lalai melalui cara yang tidak memerlukan untuk membuat bising atau mengobar-gobarkan perasaan yang tidak baik diantara manusia.

Pertimbangkan apa yang pengarang buku tradisi telah sebutkan dari hadith beliau [as] semasa insiden jamuan yang disediakan oleh Rasul Allah [sawas], di rumah bapa saudaranya, manusia yang paling terhormat diantara penduduk Mekah, apabila baginda memperingatkan kerabatnya. Ini hadith yang suci lagi panjang, manusia telah menganggapnya sebagai satu bukti terhadap kerasulan dan mukjizat bagi Islam, disebabkan telah termasuk di dalamnya mukjizat Rasul yang menjamu ramai manusia dengan makanan yang sedikit. Kami telah menyebutnya di dalam surat no. 20. Ianya berakhir dengan mengatakan bahawa Rasul Allah [sawas] mengambil `Ali (as) dengan lehernya dan berkata: "Ini adalah saudara saya, pelaksana wasiat saya, dan pengganti saya dari itu dengarkanlah dia dan patuhlah kepadanya." Beliau selalu memberitahu bagaimana Rasul Allah [sawas] berkata kepadanya: "Kamu adalah wali bagi setiap yang beriman selepas saya," dan beliau juga kerap menceritakan kenyataan Rasul [sawas]: "Status kamu kepada saya adalah seperti Harun kepada Musa, melainkan tiada Rasul selepas saya," dan mengingati Ghadir Khumm, "Tidakkah saya mempunyai lebih kuasa diatas diri mereka yang beriman dari diri mereka sendiri?" Mereka berkata: "Ya, Sesungguhnya." Baginda kemudian berkata: "Kepada sesiapa saya adalah walinya, Ini (`Ali (as)) adalah walinya," di dalam perkataan Ibn Abu `Ashim, seperti yang kami terangkan pada rumusan surat no. 23, sebagai tambahan kepada banyak lagi teks yang tidak dipertikaikan. Ianya telah diumumkan oleh tradisi yang jujur dan dipercayai. Inilah yang dapat dilakukan di dalam keadaan tersebut. [kebijaksanaan yang bererti; tetapi bagaimana peringatan itu menjadi sia-sia?]

Pada hari Shūra, beliau melepaskan tanggung jawabnya dan mengingatkan yang lain, tidak ditinggalkan satu pun dari sifat atau kemuliaannya, semua digunakan sebagai hujah. Semasa beliau menjadi khalifa, dia selalu mengadu mengenai kezaliman yang telah dilakukan terhadap dirinya, dengan penuh kepedihan beliau menyatakan aduannya dari atas mimbar, dengan berkata: "Demi Allah, orang itu telah memakaikan keatas dirinya, setelah mengetahui kedudukan saya untuk itu adalah umpama paksi pada roda. Dari saya mengalirnya mata air pengetahuan, dan burung tidak terbang lebih tinggi darinya; dari itu saya labuhkan tirai pelindung dan menjauhkan diri darinya. Saya terpaksa memilih diantara berjuang dengan tangan yang kudung, atau bersabar terhadap bencana yang membutuhkan mata dimana orang dewasa menjadi tua dan yang remaja dipenuhi uban, keadaan di mana Mukmin berpeluh sehingga menemui tuhan. Saya memutuskan untuk bersabar adalah lebih bijak; maka saya menjadi sabar ketika melihat yang menyakitkan mata, lidah terikat, melihat warisan saya dgeledah, sehingga akhir syarahan *shaqshaqi*, iaitu *khutba* 3 di dalam *Nahjul Balaghah*, ms 25, Vol. 1. Beliau selalu mengatakan: "Wahai Tuhan! Saya meminta pertolongan Kamu terhadap Quraysh dan mereka yang menyokongnya, kerana mereka memotong daging saya, menghina status saya, dan berbalah dengan saya mengenai milik saya, kemudian mereka berkata: 'Adalah terlebih baik kami mengambilnya dan kamu meninggalkannya.'" Rujuk kepada *khutba* 167 atau ms 103, Vol. 2, dari *Nahjul Balaghah*. Di dalam *khutba* yang sama sesorang berkata kepada beliau: "Kamu kelihatan seperti begitu perihatin terhadap perkara ini." Imam (as) menjawab: "Tidak; Demi Allah kamu lebih mengambil berat mengenainya dari saya. Saya telah menuntut sesuatu yang menjadi hak saya, sedang kamu menghalangnya dari saya untuk mendapatkan hak." Beliau [as] juga telah berkata: "Demi Allah, semenjak dari masa Allah mengambil nyawa Rasul [sawas] sehingga kini, saya selalu ditolak menjauhi dari hak saya, sedang yang lain diutamakan dari saya," seperti di dalam *khutba* 5, ms 36, Vol. 1, dari *Nahjul Balaghah*.

Beliau [as] pernah berkata: "Kami mempunyai hak; jika kami tidak mendapatnya, kami terpaksa menunggang unta tua jika perjalanan itu jauh." [2] Beliau [as] berkata di dalam surat yang dikirimkan kepada saudaranya `Aqil: "Bagi Dia yang memberikan keadilan, semoga membalaskan bagi pihak saya terhadap Quraysh yang telah memisahkan saya dari kerabat dan menolak sokongan dari saudara sebelah ibu saya," seperti yang disebut di

dalam surat 36, ms 67, Vol. 3, dari *Nahjul Balaghah*. Beliau [as] selalu mengatakan: "Saya melihat disekeliling, dan tidak mendapati sebarang sokongan selain dari Ahl al-Bayt saya, yang mana saya utamakan keselamatan mereka dari kematian, mengabaikan kehendak saya, saya terus bersabar, menahan kemarahan saya walaupun lebih pahit dari pohon *Citrullus Colocynthis*," seperti di dalam *khutba* 25, ms 62, Vol. 1, dari *Nahjul Balaghah*.

Sebahagian dari sahabatnya bertanya kepada beliau: "Bagaimana kamu menjauhkan kerabat kamu dari kedudukan itu, setelah mengetahui bahawa kamu lebih berhak kepadanya dari yang lain?" Beliau seperti yang tertulis dimuka surat 79, Vol. 2, dari *Nahjul Balaghah*, kenyataan 157, menjawab: "Wahai teman dari Banu Asad! Kamu telah terganggu dengan perkara yang begitu aneh, sehinggakan kamu telah bertanya soalan dengan janggal. Malah kami telah terpaksa menjawab kepada kamu disebabkan tali persaudaraan, dan kamu mempunyai hak untuk bertanya soalan itu. Kamu telah bertanya, maka ketahuilah bahawa mengenai tekanan beberapa orang kepada kami dalam perkara ini, sedang mereka tahu kami lebih utama di dalam pertalian dari mereka, dan pertalian darah yang lebih kuat kepada Rasul Allah [sawas], ini semua disebabkan oleh tamaknya sebahagian manusia dan disokong oleh yang lain. Kerajaan ini hanya untuk Allah, dan kembalinya juga kepada Dia di hari Pengadilan; dari itu jangan tanya kepada saya mengenai perebutan, kerana itu juga telah diperkatakan di dalam bilik baginda [sawas]..." Beliau [as] juga telah berkata: "Dimanakah mereka yang mengatakan bahawa mereka lebih berilmu dari kami? Mereka berdusta mengenai kami dan secara terang menindas kami walaupun Allah telah meninggikan status kami dan merendahkan mereka, menerima kami dan menolak mereka, mengizinkan kami untuk masuk sedang mereka diusir keluar, dan melalui kami Dia telah mengeluarkan mereka dari kegelapan meraba-raba kepada cahaya petunjuk. Benih Imami telah ditanamkan ketempat peranakan keturunan Hashim dari Quraysh; ini tidak sesuai untuk yang lain, dan kedudukan khalifa adalah sesuai tidak pada yang lain, selain dari kami..." sehingga akhir kenyataan 140, pada ms 36 dan ms berikutnya, Vol. 2, dari *Nahjul Balaghah*.

Pertimbangkan kenyataan beliau di dalam satu dari syarahannya: "Apabila Rasul Allah [sawas] wafat, sebahagian manusia berpatah kebelakang [di dalam perjanjian mereka kepada baginda], bertujuan untuk mengambil beberapa laluan [selain dari laluan yang benar], bergantung kepada pengkhianatan, mengutamakan mereka yang bukan kerabatnya, meninggalkan laluan yang mereka telah diperintahkan supaya boleh menyenangkan baginda, dari itu mereka telah merubahkan batu asas Islam dari tempatnya, menggunakan barangan yang haram di dalam membina strukturnya. Mereka telah masuk ke dalam Islam melalui pintu orang-orang yang telah tunduk kepada keinginannya, telah melampaui di dalam keghairahan mereka, telah mengabaikan seperti yang mabuk, mengikuti sunnah keturunan Firaun, penyembah kehidupan ini, adalah mereka ini yang dengan sengaja telah meninggalkan agama mereka." Rujuk kepada kenyataan ini, yang disebutkan pada permulaan ms 25; ia merumuskan syarahan 2, Vol. 1, dari *Nahjul Balaghah*, yang beliau sampaikan setelah menerima bai'ah, ini adalah satu dari yang terbaik. Di dalamnya beliau berkata: "Tiada siapa boleh dibandingkan dengan keturunan Muhammad [sawas] dari semua ahli dari ummah ini, dan tiada siapa boleh menjadi lebih utama dari mereka yang telah menerima rahmat dariNya. Mereka adalah mercu agama dan tiang keyakinan; melalui mereka yang pelampau kembali menjadi sederhana, dan melalui mereka orang yang telah meninggalkan pengetahuan kembali mempelajarinya; mereka mempunyai ciri-ciri orang yang berhak untuk memimpin, dan di dalam diri mereka terletaknya perjanjian dan warisan. Kini yang hak telah kembali kepada ummah dan dipindahkan semula ketempatnya yang sesuai." Ditambah kepada yang ini dengan kenyataan beliau yang disebutkan dalam kontek syarahan 84, ms 145, Vol. 1, dari *Nahjul Balaghah* yang mana beliau hairan mengenai mereka yang menentang: "Betapa anehnya saya melihat kesalahan kumpulan ini, berselisih di dalam hujah mereka mengenai agama mereka, tiada yang mengikuti langkah Rasul [sawas], tidak juga contoh dari wasi..."

2) Al-Zahra' [as] menyampaikan hujah yang bijak dalam perkara ini. Dua dari kenyataannya telah tersebar luas diantara Ahl al-Bayt (as), sehinggakan mereka menghendaki anak-anak mereka menghafalnya sama seperti mereka menghendaki anak-anak itu menghafal keseluruhan al-Quran. Ia berkaitan dengan mereka 'yang mengubah batu asas agama dari tempatnya,' dan mendirikan di tempat lain. Beliau berkata:

"Begitu berani mereka? Kemana mereka telah pindahkan [khalifa], mereka telah mendirikan di tempat lain selain dari tempat turunnya pengkhawaran, asas tapak kerasulan, tempat dimana ruh yang suci [Jibril] turun, dari dia yang berkuasa mengenai perkara sekular dan juga agama? Ini sesungguhnya adalah kerugian yang nyata. Mengapakah mereka sangat membenci bapa al-Hasan? Demi Allah, mereka benci kekuatan pedangnya, keperkasaan dan kebajikannya, dan usaha gigihnya pada menyokong agama Allah. Demi Allah, jika mereka tunduk kepada pimpinan beliau,[3] beliau telah membawa mereka kejalan yang mudah, tanpa menyakiti sesiapa. Beliau telah membawa mereka kepuncutan air yang melimpahkan kebajikan, menasihati mereka secara sendirian dan secara umum, tidak juga memenuhkan perut beliau dengan rezeki mereka, tidak juga melepaskan dahaga dan kelaparannya dari titik peluh mereka. Pintu rahmat langit dan bumi akan dibuka luas untuk mereka. Dan Allah akan menghukum mereka diatas dosa yang mereka telah lakukan; dari itu kemarilah dan dengarkan cerita ini, dan selagi kamu hidup, merasa hairanlah, dan selagi kamu hairan, insiden ini akan membinggongkan kamu... Kemana mereka telah pergi, dan ikatan yang mana mereka telah berpaut? Betapa kejinya penjaga yang mereka telah pilih, dan betapa kejinya kumpulan mereka! Bagaimana kejamnya kesudahan bagi yang menindas, yang menukarkan ekor dengan tapak kaki, dan menukarkan tongkeng dengan dada! Maka bersihkan hidung mereka yang fikir bahawa mereka telah berjaya; merekalah orangnya yang telah penuhi dunia dengan kekejian tanpa mereka sedari. Malang bagi mereka! Tidakkah dia yang menunjukkan kepada kebenaran lebih layak diikuti dari yang tidak memberi petunjuk? Kenapa dengan kamu semua?

Bagaimana kamu menilai?" [4] sehingga keakhir dari syarahan beliau, inilah spesimen ucapan dari keluarga yang suci dalam perkara ini, dan kamu boleh nilai yang lainnya dengan yang ini, Wassalam.

Yang ikhlas,  
Sh

[1] Kenyataan ini adalah pendek mengenai objektif yang mulia, dan termasuk di dalam *Nahjul Balaghah*. Rujuk kepada ulama Mu'tazilite yang telah katakan ketika menerangkannya di muka surat 324, Vol. 4, dari *Sharh Nahjul Balaghah*.

[2] Kenyataan ini no 21 dari kenyataannya di dalam bab mengenai 'pemilihan permata kebijaksanaan' ms 155, *Nahjul Balaghah*. Sayyid al-Radi telah mengulasnya di dalam ulasannya yang bernilai, dan begitu juga Shaykh Muhammad `Abdoh. Kedua ulasan ini berhak mendapat pemerhatian para ulama.

[3] Tali kendalian telah diberikan kepada beliau oleh Rasul Allah, untuk mentadbir ummah di dalam perkara berkaitan dengan agama dan juga kehidupan seharian. Maksudnya adalah jika mereka semua setuju menyerah kepada kerajaan yang demikian, patuh kepada pemimpin yang demikian, mereka telah di selamatkan dari bencana.

[4] Ini telah disebutkan oleh Abu Bakr Ahmed ibn `Abdul-Aziz al-Jawhari di dalam bukunya *Al-Saqifa dan Fadak*, dari rantai penyampai termasuk Muhammad ibn Zakariyya, Muhammad ibn `Abdul-Rahman al-Muhallabi, `Abdullah ibn Hammad ibn Sulayman yang menyebutkan dari bapanya, `Abdullah ibn al-Hasan yang menyebutkan dari ibunya Fatima bint Husayn, berakhir dengan al-Zahra' [as]. Ianya juga disampaikan oleh Imam Abul-Fadl Ahmed ibn Abu Tahir, yang meninggal pada tahun 280, pada ms 23 dari bukunya *Balaghat al-Nisa'* melalui Harun ibn Muslim ibn Sa'dan, dari al-Hasan ibn Alwan dari Atiyyah al-Awfi yang sampaikan *khutba* dari rantai penyampai termasuk `Abdullah ibn al-Hasan dari ibunya Fatima bint al-Husayn, dari nindanya al-Zahra' [as]. Dari pihak kami yang sampaikan *khutba* dari Suwayd ibn Ghafflah ibn Awsajah al-Ju'fi dari al-Zahra' [as]. Al-Tibrisi telah menyebutkan di dalam bukunya *Al-Ihtijaj*, dan al-Majlisi di dalam bukunya *Biaar al-Anwar*, dan ianya telah disampaikan oleh ramai penyampai yang dipercayai.

## SURAT 105

MEMINTA CERITA INSIDEN DARI PENYAMPAI YANG LAIN

**Rabi` al-Thani 16, 1330 H**

Kami berhasrat untuk melengkapkan dari faedah ini, jika kamu dapat menyebutkan cerita dari yang lain, selain Imam dan al-Zahra', dan dengan itu kamu telah berjasa kepada kami, Wassalam.

Yang ikhlas,  
S

## SURAT 106

- 1] HUJAH IBN ABBAS
- 2] HUJAH AL-HASAN DAN AL-HUSAYN
- 3] HUJAH PARA SAHABAT SHIAH YANG TERKEMUKA
- 4] RUJUKAN MEREKA TERHADAP KEGUNAAN WASIAT SEBAGAI HUJAH

**Rabi` al-Thani 18, 1330 H**

1) Kami mempelawa perhatian kamu kepada dialog diantara Ibn `Abbas dan `Umer, yang mana `Umer di dalam perbualan yang panjang diantara keduanya telah bertanya: "Wahai Ibn `Abbas! Tahukah kamu apa yang memberhentikan kerabat kamu [dari menuntut kedudukan khalifa] selepas Muhammad (sawas)?" Ibn `Abbas menceritakan sebagai berkata: "Saya benci untuk menjawab soalan `Umer, maka saya katakan kepadanya: `Jika saya tidak tahu tentu amirul mukminin [i.e. `Umer] tahu.'" `Umer berkata: "[Sebahagian manusia] benci bahawa keduanya Kerasulan dan Khalifa terbatas dirumah kamu; maka mereka gembira dengan komplot mereka. Quraysh mencarinya untuk diri mereka sendiri, dan berjaya untuk mendapatkannya." Saya berkata: "Wahai amirul mukminin! Adakah kamu mengizinkan saya untuk mengatakan sesuatu dan berjanji untuk mengawal kemarahan kamu?" Dia menjawab dengan ya; dari itu Ibn `Abbas berkata: "Mengenai dengan kenyataan kamu, o amirul mukminin, bahawa Quraysh mencarinya untuk diri mereka sendiri, dan telah berjaya untuk mendapatkannya, saya katakan bahawa jika Quraysh berusaha kepada apa yang Allah telah pilihkan untuk mereka, maka pilihan mereka tidaklah dibantah dan dipersalahkan. Mengenai dengan kenyataan kamu bahawa mereka benci melihat keduanya Kerasulan dan Khalifa di dalam rumah kami, saya katakan bahawa Allah awj, telah menerangkan sebahagian manusia sebagai hasad dengki, katanya, `... begitulah kerana mereka benci kepada apa yang Allah telah wahyukan, maka Dia menjadikan amalan mereka sia-sia.'" [47:9] `Umer kemudian berkata: "Mustahil, wahai Ibn `Abbas, kerana saya dengar perkara mengenai kamu yang mana saya benci untuk mempercayainya jika tidak kedudukan kamu dimata saya menjadi rendah." Saya bertanya: `Apakah dia, o amirul mukminin? Jika ianya benar, ianya tidak akan merendahkan kedudukan saya

dalam pandangan kamu, dan jika ianya tidak, saya mampu untuk mempertahankan diri saya dari tuduhan yang palsu.' `Umer kemudian berkata: `Telah sampai kepengetahuan saya bahawa kamu berkata yang mereka telah menafikan kamu darinya [kedudukan khalifa] disebabkan dengki, penindasan dan kezaliman.' Saya berkata: `Mengenai dengan kenyataan kamu, wahai amirul mukminin, itu adalah penindasan, kemudian ianya telah menjadi jelas kepada mereka yang jahil dan begitu juga kepada mereka yang kasihan. Mengenai dengan kenyataan kamu berkenaan dengan dengki, maka Adam telah didengki, dan kami adalah keturunan beliau yang juga telah didengki.' `Umer kemudian berkata: `Mustahil, mustahil; hati kamu, wahai keturunan Hashim, telah penuh dengan dengki yang tidak mungkin dihilangkan.' Maka saya berkata: `Tunggu dulu, o amirul mukminin, jangan katakan itu kepada hati mereka yang mana Allah telah sucikan dengan kesucian yang sempurna.'"[1]

Dia berhujah dengan beliau di dalam insiden yang lain, dengan bertanya: "Bagaimana kamu meninggalkan sepupu kamu [keadaan dia]?" Ibn `Abbas berkata beliau fikir `Umer maksudkan `Abdullah ibn Ja`fer; maka beliau menjawab: "Saya tinggalkan dia bersama-sama dengan kawan-kawannya." Dia berkata: "Saya tidak maksudkan dia; maksud saya yang teragung diantara kamu, Ahl al-Bayt." Ibn `Abbas berkata: "Saya tinggalkan beliau terusir, mengali parit sambil membaca al-Quran." `Umer berkata: "Wahai `Abdullah! Saya meminta kamu janganlah malu tetapi beritahu saya jika beliau masih lagi mengambil berat mengenai isu khalifa." Dia menjawab ya. Kemudian `Umer bertanya: "Adakah beliau mengatakan bahawa Rasul Allah [sawas] telah memilihnya untuk itu?" Ibn `Abbas menjawab: "Sesungguhnya, ya; lebih-lebih lagi saya tanyakan kepada bapa saya jika ada terdapat kenyataan yang dibuat oleh Rasul Allah mengenai pemilihan beliau untuk khalifa, dan bapa saya memberitahu saya bahawa itu adalah benar." Kemudian `Umer berkata: "Rasul Allah memandang tinggi kepada beliau melalui percakapan dan tindakan dengan cara yang tidak meninggalkan sebarang hujah mahupun alasan untuk sesiapa,[2] dan baginda terus menduga ummah mengenai beliau untuk beberapa waktu:[3] bahkan ketika baginda [sebelum wafatnya baginda], baginda berhasrat untuk menamakan beliau untuk nya, tetapi sayalah yang menahan baginda." [4]

Di dalam dialog ketiga diantara keduanya, `Umer berkata: "O Ibn `Abbas! Saya dapat melihat bagaimana ketidakadilan terhadap kawan kamu [Ali (as)]." Ibn `Abbas berkata: "O amirul mukminin, berikanlah keadilan bagi pihak dirinya." Ibn `Abbas berkata: "Tetapi `Umer menarik tangannya dari saya dan terus berlalu dengan berbisik kepada dirinya sendiri untuk sekian waktu. Kemudian dia berhenti; maka saya bersama dengan dia semula, dan dia berkata kepada saya: `O Ibn `Abbas! Saya tidak fikir orang-orang ini menafikan beliau [kedudukan khalifa] untuk apa-apa sebab selain dari beliau terlalu muda untuk itu.' Saya berkata kepadanya: `Demi Allah, tidak Allah mahupun Rasulnya menganggap beliau sebagai terlalu muda apabila keduanya mengarahkan beliau untuk membawa Surah Bara'a (Qur'an, Chapter 9) dari dia [dari Abu Bakr].' Setelah mendengarkan ini, dia berpaling dari saya dan mula berjalan pantas, maka saya tinggalkan dia sendirian." [5]

Berapa kerapkah `Abdullah ibn `Abbas, yang menjadi penulis bagi ummah Muslim, jurucakap Bani Hashim, sepupu Rasul Allah [sawas] bertemu kesempatan yang sedemikian? Di dalam surat no 26, kamu telah melihat bagaimana beliau berhujah dengan parti yang menindas dengan menyebutkan tradisi yang menjumlahkan 10 kemuliaan `Ali yang khusus. Ini adalah tradisi yang suci dan panjang yang mana di dalamnya dia menyebut Rasul [sawas] bertanya kepada kerabatnya: "Siapa diantara kamu yang akan menjadi penyokong saya dalam perkara yang berkaitan dengan kehidupan didunia ini dan dikehidupan akhirat?" Mereka menolak, tetapi `Ali (as) berkata: "Saya sokong kamu di dalam kehidupan didunia ini dan dikehidupan yang akan datang." Rasul [sawas] kemudian berkata kepada `Ali (as): "Kamu adalah wali saya didunia ini dan diakhirat." Di dalam tradisi yang lain, Ibn `Abbas menceritakan bahawa semasa serangan Tabuk, Rasul Allah [sawas] keluar, diikuti oleh manusia ramai, dan `Ali (as) bertanya kepada baginda: "Bolehkah saya bersama kamu?" Rasul Allah menolak permintaannya; maka, `Ali (as) menangis; dimana Rasul [sawas] berkata kepada beliau: "Tidakkah kamu gembira bahawa status kamu kepada saya seperti Harun kepada Musa, melainkan tidak ada rasul selepas saya? Saya tidak boleh pergi melainkan selepas kamu mewakili semasa ketiadaan saya." Rasul Allah juga telah memberitahu beliau: "Kamu adalah wali bagi setiap yang beriman selepas saya," dan "Sesiapa yang menerima saya sebagai walinya, dari itu `Ali (as) adalah mawlanya."

2) Yang terkemuka diantara keturunan Hashim selalu berhujah yang sama. Suatu ketika al-Hasan ibn `Ali (as) datang kepada Abu Bakr yang telah duduk diatas mimbar Rasul Allah [sawas] dan menyuruh dia turun dari tempat yang mana bapanya lebih layak. Al-Husayn (as) telah dilaporkan telah berkata yang sama kepada `Umer yang telah duduk pada mimbar yang sama.[6]

3) Buku yang ditulis oleh Imami yang memperkatakan tajuk ini, telah menceritakan banyak insiden dimana Hashimi dan pengikut mereka dikalangan sahabat dan tabi'in berhujah yang sama, dan semuanya perlu diperhatikan oleh mereka yang berminat terhadap isi kandongannya. Mencukupi disini untuk menceritakan buku mengenai hujah-hujah oleh Imam al-Tibrisi yang mana dia menyebutkan kenyataan yang dibuat oleh Omayyad Khalid ibn Sa'id ibn al-As,[7] Salman al-Farisi, Abu Tharr al-Ghifari, `Ammar ibn Yasir, al-Miqdad, Buraydah al-Aslami, Abul-Haytham ibn al-Tihan, Sahl dan `Uthman anak lelaki Hanif, Khuzaymah ibn Thabit bagi dua Shahadas, Ubayy ibn Ka'b, Abu Ayyub al-Ansari, dan ramai lagi diantara mereka yang menyelidiki sejarah Ahl al Bayt dan pengikutnya. Malah mereka tidak pernah melepaskan sebarang peluang untuk membuktikan maksud mereka dengan menyebutkan rujukan yang jelas dan yang dibayangkan, yang kukuh atau yang bagus perkataannya, ucapan dan tulisan, puisi dan prosa, menurut dari apa juga keadaannya, walaupun kritikal tapi dibolehkan. [tidak membahayakan diri. Pent].



4) Mereka berulang kali merujuk kepada wasiat, menggunakannya sebagai hujah, seperti yang telah diketahui umum oleh para penyelidik, Wassalam.

Yang ikhlas,  
Sh

- [1] Kami telah menyebutnya secara tepat [*verbatim*] dari *Al-Tarikh al-Kamil* oleh Ibn al-Athir yang telah menulisnya pada penghujung biografi `Umer diantara peristiwa pada tahun 23 H., ms 24, Vol. 3, dan ianya juga disebutkan oleh ulama Mu`tazilite di dalam biografi `Umer juga, ms 107, Vol. 3, dari *Sharh Nahjul Balaghah*
- [2] Dia bermaksud bahawa ucapan Rasul Allah [sawas] memuji `Ali menunjukkan bahawa `Ali menikmati kedudukan yang mulia, jelas diperkatakan oleh `Umer.
- [3] Dia bermaksud bahawa Rasul [sawas], disebabkan dengan memuji `Ali dengan perkataan yang bijaksana, telah menduga ummah untuk melihat jika mereka menerima beliau sebagai pengganti dirinya.
- [4] Ia telah disebutkan oleh Imam Abul-Fadl Ahmed ibn Abu Tahir di dalam bukunya *Tarikh Baghdad*, menunjukkan pencanya yang dipercayai adalah Ibn `Abbas. Ianya juga telah disebutkan oleh ulama Mu`tazilite yang membincangkan `Umer di dalam buku *Sharh Nahjul Balaghah*, ms 97, Vol. 3.
- [5] Dialog ini telah disebutkan oleh pengarang buku biografi di dalam membincangkan `Umer, dan kami telah sebutkan dari *Sharh Nahjul Balaghah* oleh ulama Mu`tazilite; maka rujuk kepada ms 105 dari vol 3.
- [6] Ibn Hajar telah menyebut kedua kes di dalam *maqsad* ke lima, ayat mengarahkan kebajikan kepada kerabat Rasul dan ianya ayat 14, yang diperkatakan di dalam bab 11 dari bukunya *Al-Sawa`iq al-Muhriqa*; maka rujuk kepada ms 160 dari rujukan ini. Al-Dar Qutni telah menyebut kes al-Hasan dengan Abu Bakr, dan Ibn Sa`d telah menyebut kes al-Husayn dengan `Umer di dalam biografi `Umer di dalam bukunya *Tabaqat*.
- [7] Khalid ibn Sa`id ibn al-Ash adalah diantara yang menolak khalifa Abu Bakr; dia enggan selama 3 bulan untuk memberi bai'ah kepadanya, seperti yang disampaikan oleh sekumpulan sunni yang dipercayai seperti Ibn Sa`d di dalam biografi Khalid di dalam buku *Tabaqat*, ms 70, Vol. 4, menambah bahawa apabila Abu Bakr menghantar pasukan ke Syria, dia menyediakan panji-panji untuknya dan datang sendiri kerumahnya, tetapi `Umer berkata kepada Abu Bakr: "Adakah kamu memberi kuasa kepada Khalid setelah mendengar apa yang dia katakan?" Dia terus mencuba sehingga Abu Bakr menghantar Abu `Arwah al-Dawsi dengan berita bahawa "Pengganti Rasul Allah [sawas] meminta kamu memulangkan panji-panji kami." Dia melakukan dengan berkata: "Kerajaan [perlantikan] kamu tidak pernah menyenangkan kami, tidak juga pemecatankan kamu melukakan kami." Setelah mendengar kenyataan yang sedemikian, Abu Bakr datang kepadanya meminta maaf, dan dia bersungguh-sungguh meminta Khalid ibn Sa`id tidak menyebutkan [keburukan] `Umer dikhlayak ramai. Semua penulis yang menyebut insiden kempen ke Syria telah mengatakan juga insiden ini, kerana ianya adalah satu insident yang khusus.

## SURAT 107

BILAKAN MEREKA MENYEBUTKAN WASIAT?

**Rabi` al-Thani 19, 1330 H**

Bilakan mereka menyebutkan wasiat kepada Imam, dan bilakah mereka menggunakannya di dalam hujah mereka? Saya tidak fikir bahawa mereka menyebutnya selain dari dikehadiran Umm Mukminin yang telah menafikannya, seperti yang kami terangkan dahulu, Wassalam.

Yang ikhlas,  
S

## SURAT 108

SARANAN [REKOMEN] SEBAGAI BUKTI

**Rabi` al-Thani 22, 1330 H**

Ya, sesungguhnya, mereka telah menyebutkan. Amirul Mukminin [as] telah menyebutnya ketika berkhutbah dari atas mimbar, dan terdapat di dalam surat no 104 yang menyebutkan teksnya. Sesiapa yang menyebutkan tradisi Ahli Rumah pada hari memberi peringatan telah melakukannya, telah menyebut dari `Ali [as]. Kami juga telah menyebutnya di dalam surat no 20. Ianya mengandungi teks yang jelas menyarankan beliau untuk kedudukan khalifa. Imam Abu Muhammad al-Hasan (as), cucu Rasul [sawas] dan ketua bagi remaja disyurga, memberikan syarahan, apabila bapanya Amirul Mukminin [as] telah dibunuh dimana beliau berkata: "Saya adalah keturunan Rasul [sawas], dan anak kepada wazirnya," seperti yang disebutkan oleh al-Hakim pada ms 172, Vol. 3, dari buku sahihnya *Mustadrak*. Imam Ja`fer al-Sadiq (as), seperti pada ms 254, Vol. 3, dari *Sharh Nahjul Balaghah*, pada penghujung ulasan bagi syarahan *qasi'a*, telah berkata: "Walaupun sebelum

pengkhabaran [Islam] menjadi umum, `Ali (as), ketika berada disamping Rasul Allah [sawas] selalu melihat cahaya dan mendengar suara [para Malaikat]." Dia juga menyebutkan dari baginda [sawas] sebagai berkata: "Jika saya tidak menjadi penutup segala Rasul, kamu [ `Ali (as)] telah dijadikan sekutu di dalam kerasulanku, oleh kerana kamu tidak boleh menjadi rasul, kamu pastinya adalah wasi dan pewaris bagi Rasul," menurut Buraydah. Penggunaan demikian adalah lumrah diantara semua para Imam dari Ahl al-Bayt, dan ianya adalah perlu diantara mereka dan pengikutnya, dari semenjak waktu sahabat hinggalah kehari ini.

Salman al-Farisi telah dilaporkan sebagai berkata bahawa dia mendengar Rasul Allah [sawas] berkata: "Dia yang menjadi wasi saya, kepercayaan saya, yang terbaik saya tinggalkan selepas saya untuk melaksanakan wasiat dan menghapuskan hutang saya adalah `Ali ibn Abu Talib (as)." Abu Ayyüb al-Ansari telah dilaporkan menyampaikan tradisi yang mana dia mengatakan bahawa dia mendengar Rasul Allah [sawas] berkata kepada Fatima [sa]: "Tidakkah kamu tahu bahawa Allah awj, telah memandang kepada penduduk dunia dan memilih bapa kamu untuk RasulNya, kemudian Dia memandang kali kedua dan memilih suami kamu; kemudian Dia mengilhamkan kepada saya untuk mengahwinkan kamu kepadanya dan mengambilnya sebagai wazir saya?" Buraydah telah menceritakan tradisi yang mana dia berkata bahawa dia mendengar Rasul Allah [sawas] berkata: "Bagi setiap Rasul ada wazir dan pewaris, dan wazir dan pewaris saya adalah `Ali ibn Abu Talib (as)," dan kedua hadith dari Abu Ayyüb dan Salman telah disebutkan diatas di dalam surat no. 68. Setiap kali Jabir ibn Yazid al-Ju`fi menceritakan tradisi dari Imam al-Baqir (as), dia akan berkata, seperti yang dinyatakan di dalam biografi Jabir dari buku al-Thahbi: *Al-Mizan*, "*Wasi* dari para *wasis* telah menceritakan satu tradisi kepada saya..., etc." Umm al-Khayr anak perempuan al-Harish al-Bariqi menyampaikan ucapan yang begitu lancar di Siffin menyuruh orang-orang Kufa memerangi Mu`awiyah yang mana dia berkata: "Bersegeralah semoga Allah merahmati kamu pada menyokong Imam yang adil, wasi yang beriman, dan yang paling benar," seperti yang disebutkan oleh Imam Abul-Fadl Ahmed ibn Abu Tahir al-Baghdadi pada ms 41 dari hasil kerjanya *Balaghat al-Nisa'* yang mengatakan puncanya dari al-Sha`bi.

Ini adalah apa yang telah disebutkan oleh orang terdahulu ketika memuji dan menyarankan di dalam syarahan dan ucapan mereka, dan jika sesiapa menyelidik biografi mereka akan mendapati mereka menggunakan gelaran 'wasi' kepada Amirul Mukminin [as] secara bebas seperti mereka memanggil apa sahaja dengan nama yang diberikan untuknya, sehinggakan pengarang buku *Taj al-'Arüs* berkata pada ms 392, Vol. 10, ketika menjelaskan pengertian "*was*": "[disebutkan] seperti *ghani*, *wasi* adalah gelaran bagi `Ali (as), semoga Allah merasa senang dengan beliau."

Mengenai dengan mengatakan tajuk dari puisi mereka, ini tidak dapat disebutkan disini kerana terlalu banyak, tetapi kami sebutkan darinya apa yang berfaedah untuk menunjukkan tujuan kami. `Abdullah ibn `Abbas ibn `Abdul-Muttalib telah menerangkan beliau sebagai:

Wasi Rasul, dari Ahli Rumah yang pilihan;

Wira baginda apabila terdapat cabaran.

Al-Mughirah ibn al-Harith ibn `Abdul-Muttalib telah mengatakan ayat-ayat ini yang mana dia membangkitkan semangat penduduk Iraq untuk memerangi Mu`awiyah di Siffin:

Wasi Rasul Allah adalah ketua kamu,

Anak menantunya, pengembang kitab Allah [Mushaf Sharif].

`Abdullah ibn Abu Sufyan ibn al-Harith ibn `Abdul-Muttalib telah berkata:

Diantara kami `Ali (as), wira Khaybar, sekarang dalam kepayahan,

Juga Wira di Badr, apabila pasukan bertempiran;

Sepupu dan juga, wasi Rasul pilihan,

Maka, dapatkah tercapai statusnya, hanya kepada dia diberikan?

Abul-Haytham ibn al-Tihan, seorang dari wira Badr, mengubah rangkap ini untuk dibacakan semasa Peperangan Unta dalam mana dia berkata:

Wasi adalah Imam kita, dan wali didalam perkataan dan tindakan,

Tidak ada rahsia lagi, apa yang tersembunyi kini telah dinyatakan.

Khuzaymah ibn Thabit, bagi dua *Shahadas*, wira Badr, membacakan rangkap syair yang mana dia juga telah bacakan semasa Peperangan Unta dimana dia berkata:

Wahai wasi Rasul! Telah mengetarkan musuh dalam peperangan,

Dan kabilah telah dihantar untuk memberikan pukulan.

Dia, semoga Allah merasa senang dengannya, telah juga berkata:

O `Ayesha! Tinggalkan `Ali dan nama-nama yang engkau panggikan dia juga,

Kerana apa sahaja yang dipanggikan kepada dia, pastinya dusta;

Dia adalah wasi dari Bani Rasul,

Semua berkata, yang menjadi saksi utama adalah kamu.

`Abdullah ibn Badil ibn Warqa' al-Khuza'i, wira diantara *sahabah*, yang telah syahid di Siffin bersama dengan saudaranya `Abdul-Rahman, mengatakan yang berikut pada insiden Peperangan Unta:

Wahai kaum ku! Apakah bencana dibawa syaitan,

Perangilah musuh, kini kepada wasi Rasul kita berperang.

Diantara rangkap yang diucapkan oleh Amirul Mukminin sendiri di Siffin adalah ini:

Jika Ahmed diberitahu, sesungguhnya wasinya adalah

Bersama dengan yang keji, pasti baginda merasa gundah.

Jarir ibn `Abdullah al-Bijli, seorang sahabat, menghantar rangkap syair kepada Shurhabil ibn al-Samt yang mana dia menyebut `Ali (as) dengan berkata:

Diantara semua ahli dari Bani Rasul,

Dia adalah wasi Rasul,  
 Wira penyelamat diri Rasul,  
 Manusia contoh, dalam keberanian dan kekuatan.  
 `Umer ibn Harithah al-Ansari, di dalam syair memuji Muhammad anak Amirul Mukminin, yang lebih dikenali sebagai Ibn al-Hanafiyya, telah berkata:  
 Seperti wasi, dinamakan dengan nama nabi juga,  
 Warna panji-panjinya adalah merah saga.  
 Apabila manusia memberikan bai'ah kepada `Ali (as) selepas `Uthman, `Abdul-Rahman ibn Ja'il mengatakan rangkap ini:  
 Saya bersumpah kamu telah bai'ah pada yang satu  
 Telah diketahui prihatinnya kepada agama adalah tentu,  
 Disokong Ilahi: mulia dan ma'sum,  
 `Ali, sepupu dan juga wasi Rasul pilihan,  
 Yang pertama mengerjakan solat,  
 Dianugerahi rahmat dan juga wara'.  
 Seorang lelaki dari kaum Azd mengatakan yang berikut semasa Peperangan Unta:  
 Ini adalah `Ali;  
 Seorang wasi Nabi  
 Pada hari dibangkitkan semula;  
 Rasul berkata kepada ummahnya semua:  
 "Ini adalah saudara saya!  
 "Dan pengganti apabila matahari saya tidak bercahaya."  
 Yang bijak patuh dan selalu ingati,  
 Yang keji lupa dan selalu engkari.  
 Semasa peperangan unta, seorang muda dari kaum Zabbah, yang telah dilatih dikem `Ayesha keluar dan berkata:  
 Kami anak-anak Zabbah, musuhnyanya `Ali,  
 Dia yang dikenali sekian lama sebagai wasi,  
 Wira perkasa semasa hayatnya Nabi,  
 Tidakkah kami buta dengan mulianya `Ali,  
 Kami berduka dengan kematian anak `Uthman, *taqi*.  
 Sa'id ibn Qays al-Hamadani, yang berperang dikhemah `Ali, berkata yang berikut pada peperangan unta:  
 Peperangan apakah ini yang menyemarakkan api!  
 Mematahkan lembing setiap wira perkasa, yang berbakti,  
 Beritakan kepada wasi, Qahtan datang dengan semangat waja,  
 Panggilah mereka untuk membantu Hamadan dengan tenaga mereka,  
 Mereka itukan bersaudara,  
 Mereka adalah anak-anaknya juga.  
 Ziyad ibn Labid al-Ansari, seorang dari sahabat `Ali, mengubah rangkap ini semasa peperangan unta:  
 Bagaimana kamu lihat Ansar di dalam peperangan berjuang?  
 Kami adalah manusia tidak pernah takut malah bermati-matian;  
 Di dalam menyokong wasi, kami berani menyerang,  
 Ansar serius, semangat tinggi berjuang.  
 `Ali anak lelaki `Abdul-Muttalib kami sokong  
 Terhadap mereka yang mengenai beliau dusta dan bohong.  
 Beritakan sipendusta betapa murah jiwa mereka,  
 Menuaikan yang malang untuk diri selamanya.  
 Hajar ibn `Adi al-Kindi mengatakan pada peristiwa yang sama:  
 Tuhan! Selamatkan `Ali yang mana tindakannya Kamu rahmati,  
 Yang wara' beriman, pemanggil kepada keEsaan ilahi.  
 Inilah pandangan bukan yang bodoh tidak pula yang tercela,  
 Dia adalah dilhamkan ilahi, petunjuk kita,  
 Selamatkan dia tuhan dan selamatkan panggilan Rasul juga  
 Melalui walinya dan juga wasi bagi setiap satu dan kita semua.  
 `Umer ibn Ahjyah mengubah syair yang memuji kepada al-Hasan, diucapkan selepas yang disampaikan oleh Ibn al-Zubayr, semasa peperangan Unta dengan katanya:  
 Hasan yang baik, seperti bapanya didalam kebajikan dan kemuliaan,  
 Diantara kami, kamu telah mengambil tempat mulia, kedudukan contoh.  
 Kamu telah berucap, dan Allah telah mendedahkan  
 Pendustaan musuh terhadap bapamu telah ternyata  
 Rungutan seperti Ibn al-Zubayr, orang yang tidak bermalu.  
 Tanyakan sibinggung, dan mereka berikan namanya sudahlah tentu,  
 Allah telah berkenan untuk merendahkan dan memalukan dia,  
 Dan meninggikan anak yang pengasih, wasi, sebagai gantinya.  
 Kamu telah pasti pada memilih nabi kamu sendiri,  
 Dan kamu telah juga lantik yang terhormat wasi.

Zajr ibn Qays al-Ju'fi mengubah rangkap ini semasa peperangan unta:

Tuhan sejahterakan Ahmed, Rasul bagi Raja

Yang telah memberikan dia banyak rahmat bahagia,

Selepas Rasul Raja, khalifa kita sebagai ganti,

Orang yang layak berkuasa – wira dalam ucapan dan tindakan pekerti:

Masud saya Ali, Wasi Rasul, pembawa kepada laluan

Semua yang menolak dan tertinggal mendapat kemurkaan Tuhan.

Al-Ash'ath ibn Qays al-Kindi telah berkata:

Telah tiba utusan Imam kepada kami

Bahawa setiap Muslim didalam pasukan Ali bersegera menanti,

Dia adalah utusan bagi wasi, wasi bagi Rasul,

Pertama di dalam kemuliaan, kehormatan dan wara dari setiap beriman yang menyusul.

... dan juga:

Utusan dari Imam kami telah terima

Dari Ali yang mulia, Ali dari Hashim, kaum mulia,

Anak menantu Rasul [sawas], wazirnya juga,

Sebaik manusia diseluruh alam semesta.

Al-Nu'man ibn al-'Ajlan al-Zarqi al-Ansari mengatakan yang berikut ketika peperangan Siffin:

Oleh kerana wasi ketua kita, bagaimana terdapatnya perpecahan?

Tidak! Tidak keanehan, tidak keraguan, janganlah berlambat;

Maka, tinggalkan Mu'awiyah yang sesat dan ikutilah agama

Yang dibawa wasi, dan pujian kepada Allah Tuhan manusia dan jinn semua.

'Abdul-Rahman ibn Thu'ayb al-Aslami telah mengatakan yang berikut di dalam syair mengancam Mu'awiyah dengan tentera Iraq:

Mereka dipimpin oleh tiada yang lain dari wasi

Untuk menghapuskan kesesatan dan yang tidak pasti.[1]

'Abdullah ibn Abu Saufyan ibn al-Harith ibn 'Abdul-Muttalib telah berkata:

Orang yang berkuasa selepas Muhammad adalah 'Ali yang

Pada semua peristiwa mempertahankan, sokong dan berdiri.

Dia adalah wasi Rasul, tidak ada yang baru;

Dia yang utama, pertama bersolat dan memberikan bantuan.

Khuzaymah ibn Thabit, yang dua *shahadas*, telah berkata:

Dia adalah wasi dari semua kaumnya

Wira penyelamatnya semenjak dari mula,

Yang pertama bersolat, mendahului semua manusia

Selain wanita pilihan oleh Dia yang merahmatinya.

Zafar ibn Huthayfah al-Asdi telah berkata:

Kelilingi 'Ali wahai manusia dan sokonglah dia,

Kerana dia adalah wasi dan muslim pertama.[2]

Abul-Aswad al-Du'ali telah berkata:

Saya amat mencintai Muhammad, dan pada saya

Yang amat berharga adalah: 'Abbas, Hamzah, dan juga wasi.

Al-Nu'man ibn 'Ajlan, seorang penyair dan pemuka Ansar, telah mengatakan rangkap ini di dalam syair yang ditujukan kepada Ibn al-'Ash? Yang diceritakan oleh al-Zubayr ibn Bakkar di dalam *Muwaffaqiyyat*. Ianya telah disampaikan oleh ulama Mu'tazilite pada ms 13, Vol. 3, dari *Sharh Nahjul Balaghah*, tetapi Ibn 'Abd al-Birr menyebutkan syair ini, pada mengatakan biografi al-Nu'man di dalam buku *Isti'ab*, dengan meninggalkan nama saksi dari nya ("... dan begitulah mereka lakukan (Qur'an, 27:34)":

Kamu memperkecilkan 'Ali, orang yang paling layak,

Walaupun jika kamu tahu, atau tidak mengetahuinya;

Kerana dia, dibantu oleh Allah, sesungguhnya Dia telah memandunya

Menegah kekejian, penindasan dan tindakan yang salah;

Sepupu dan wasi Rasul pilihan

Pembunuh wira yang sesat lagi kafir.

Al-Fadl ibn al-'Abbas telah mengatakan rangkap ini yang telah disebutkan oleh Ibn al-Athir pada penhujung perbincangannya mengenai 'Uthman, pada ms 43, Vol. 3, dari kerjanya *Al-Tarikh al-Kamil*, mengulas bahawa 'Uthman adalah "manusia yang terbaik selain dari tiga lelaki dari rumah Rasul."

Manusia terbaik dan dari setiap yang beriman

Setelah yang pilihan untuk kerasulan

Adalah wasi menurut manusia yang ingat.

Dan dia yang pertama pada mengerjakan solat

Dan sama sepertinya Rasul;

Pertama di Badr untuk memberikan pukulan maut

Kepada mereka yang melanggar perintah tuhan.

Hassan ibn Thabit telah mengatakan rangkap ini pada memuji Ali bagi pihak Ansar. Ianya telah disebutkan oleh al-Zubayr ibn Bakkar di dalam *Muwaffaqiyyat*, dan dirakamkan oleh Ibn Abul-Hadid pada ms 15, Vol. 2, dari hasil kerjanya *Sharh Nahjul Balaghah*:

Kamulah yang paling taat kepada Rasul diantara kami  
Layak bagi penghargaannya; siapakah yang lebih utama  
Kamulah, siapa lagi? Tidakkah kamu saudaranya  
Di dalam petunjuk yang benar, dan juga wasi,  
Berpengetahuan dengan al-Quran dan lainnya  
Juga ahadith dari nabi yang suci?

Sebahagian penyair mengatakan rangkap ini ditujukan pada al-Hasan ibn `Ali (as), seperti disebutkan oleh Shaykh Muhammad `Ali Hashshu al-Hanafi al-Saydawi di dalam nota kaki pada muka surat 65 dari bukunya *A'thar Thawat al-Siwar*, apabila dia membincangkan keduanya Ghanima anak perempuan `Amir, dan Mu`awiyah, dengan mengatakan bahawa dia membacakan rangkap ini dihadapan Mu`awiyah di dalam kenyataan yang dia buat sebagai jawapan kepadanya:

Manusia yang paling mulia, anak kepada wasi,  
Cucu Rasul, anak kepada Ali.

Umm Sinan anak perempuan Khayth`amah ibn Kharsha'ah al-Mathhaji telah mengatakan rangkap yang berikut dituju dan memuji kepada Ali (as); ianya telah dikatakan oleh Imam Abul-Fadl Ahmed ibn Abu Tahir al-Baghdadi apabila dia membincangkan Umm Sinan pada muka surat 67 dari *Balaghat al-Nisa'*. Ianya juga disebutkan dari Umm Sinan oleh Shaykh Muhammad `Ali Hashshu al-Hanafi al-Saydawi pada penghujung ms 78 dari bukunya *A'thar Thawat al-Siwar*.

Kamu ada diantara kami, selepas Muhammad, pengganti yang dipercayai

Dia memilih kamu, dan dari kepercayaan kamu menjadi penyelamat

Sebanyak ini puisi yang sezaman dengan Amirul Mukminin [as] yang dapat kami sebutkan dalam surat yang pendek ini. Jika kami tuliskan puisi yang digubah selepas beliau, maka kami menjadi pengarang buku yang banyak dan masih meminta maaf kerana kerja yang tidak siap. Malah untuk menyebutkan semua puisi yang sedemikian akan menjadi bosan, dan akan menyebabkan kami menyimpang dari tajuk asal. Dari itu mencukupilah dengan menyebut yang terkenal sahaja, dan biarlah kita nilai yang lain dari apa yang disebutkan disini.

Ini adalah puisi yang terkenal, al-Kumait ibn Ziyad pada memuji keturunan Hashim:

Dia adalah wasi yang menjaga singhsana ummah

Dari runtuh dan berpecah,[3]

Jelmaan yang mulia, suci dan kebaikan,

Selesaikan masalah dengan perintah dan tegas.

Wasi, wali,[4] dan wira

Cekal, berani: bintangnya cerah,

Wasi bagi para wasi, penentuan yang bijak

Di medan petempuran kamu mendengar dalam kesakitan jeritan musuh berteriak.

Kuthayyir ibn `Abdul-Rahman ibn al-Aswad ibn `Amir al-Khuza'i, lebih dikenali sebagai Kuthayyir `Azza, telah berkata:

Wasi pilihan Rasul dan sepupu adalah; dia

Membebaskan yang dalam ikatan, dan menghakimi dengan saksama.

Abu Tammam al-Ta'i telah mengatakan di dalam satu dari puisinya yang iramanya dengan bunyi "r's":[5]

Kamu komplot menentang wasinya dan tertipu dahulu;

Kamu mereka-reka cerita, tidak tercontoh, tidak tertanding dalam helah,

Menentang saudara Rasul, anak menantu, yang mempunyai

Kegemilangan kecemerlangan, sedang keji kamu membuka pintu

Kepada kekejian: terutama dalam persaudaraan, anak menantu....., jangan berkata lagi;

Kepada Rasul dia serupa Harun kepada Musa yang dahulu.....

Du`bal ibn Ali al-Khuza'i telah mengatakan yang berikut di dalam ceritanya Ketua yang syuhadah [Imam Husayn (pbuh)]:

Kepala anak kepada anak perempuan Muhammad dan wasi nya,

Wahai manusia telah tinggi dihujung tombak untuk semua melihat...!

Abul-Tayyib al-Mutanabbi, apabila ditegah pada memuji Ahl al-Bayt, seperti dirakamkan di dalam diwan (koleksi puisi) berkata:

Saya tidak punya alasan untuk meninggalkan pujian terhadap wasi

Cahayanya menerangi, bayangannya melindungi kamu dan kami:

Apabila sesuatu membesar; ia berdiri dengan sendiri,

Sifat cahaya matahari tidak akan lenyap.

Dia juga mengatakan rangkap yang berikut pada memuji Abul-Qasim Tahir ibn al-Husayn ibn Tahir al-`Alawi, seperti yang dirakamkan di dalam diwan:

Dia adalah anak Rasul Allah dan juga wasi,

Sama sahaja mereka apabila saya membanding dan melihat dengan teliti.

Ungkapan seperti ini terlalu banyak, tidak terkira, Wassalam.

Yang ikhlas,  
Sh

[1] Rangkap ini, dan semua rangkap puisi yang terdahulu, telah disebutkan di dalam buku biografi dan cerita sejarah, terutama yang mengenai peperangan unta dan siffin. Ianya telah disebutkan keseluruhnya oleh para penyelidik ulama Ibn Abul-Hadid pada ms 47 dan ms seterusnya hingga kemuka surat 50, Vol. 1, dari *Sharh Nahjul Balaghah*, edisi Egyptian, dimana dia menerangkan *khutba* Amirul Mukminin (as) merujuk kepada keturunan Muhammad (as) dan kepada apa yang mereka kata mengenainya, termasuk yang berikut: "Mereka mempunyai kecemerlangan sebagai ditauliahkan oleh ilahi hak untuk memerintah, dan pada mereka wasiat Rasul terpelihara, dan mereka yang mewarisi warisannya." Setelah menyebutkan ungkapan tersebut secara tepat: Ungkapan itu mengandungi perkataan 'wasiyya' [asiat] adalah banyak, Tetapi kami telah sebutkan disini sebahagiannya dimana terdapat rujukan kepada kedua parti [bermaksud buku Abu Mikhnaf memperkatakan dengan peperangan unta dan buku Nasr ibn Muzahim yang memperkatakan peperangan Siffin]; selain ini rujukannya amat banyak tidak terkira. Kami boleh memenuhi banyak muka surat jika kami tidak takut pada membosankan dan berulang.

[2] Ungkapan Zafr, dan kedua puisi yang digubah oleh Khuzaymah sebelum ini, sebagai tambahan kepada puisi yang digubah oleh Abu Sufyan yang sebelum ini, semuanya telah disampaikan oleh Imam al-Iskafi di dalam bukunya *Naqd al-'Uthmaniyya*, dan telah disampaikan oleh Ibn Abul-Hadid pada penghujung ulasannya bagi *khutbah qasi'a* pada muka surat 258 dan ms seterusnya, Vol. 3, dari *Sharh Nahjul Balaghah*, edisi Egyptian.

[3] Apabila ulama Shaykh Muhammad Mahmüd al-Rafi'i sampai kepada rumusan pada ulasannya pada ayat ini di dalam ulasannya pada ayat yang digubah oleh penyair al-Kumait di dalam memuji keturunan Hashim, dia berkata: "Bererti 'Ali [as], yang dinamakan sebagai wasi kerana Rasul Allah awsa [meninggalkan wasiat] mengenai beliau." Yang sama juga diceritakan oleh Buraydah yang menyebutkan dari bapanya yang berkata Rasul Allah berkata: "Untuk setiap Rasul terdapat wasi, dan 'Ali adalah wasi saya dan pewaris bagi warisan saya." Al-Tirmithi mengatakan bahawa Rasul telah disebutkan sebagai berkata: "Kepada sesiapa saya adalah ketuanya, ini 'Ali adalah ketuanya." Al-Bukhari menyebut Ibn Sa'd berkata bahawa Rasul Allah menuju ke Tabukl meninggalkan 'Ali (as) dibelakang. 'Ali (as) bertanya kepada baginda: "Adakah kamu meninggalkan saya dengan anak-anak dan wanita?" Baginda berkata: "Tidakkah kamu gembira bahawa status kamu kepada saya seperti Harun kepada Musa, melainkan tidak ada Rasul selepas saya?" Ibn Qays al-Raqiyyat telah berkata:

Diantara kami adalah: Ahmed Rasul, yang benar, wara', yang bijaksana;

Dan 'Ali dan Ja'fer dengan dua sayap: Mereka adalah wasi dan orang yang syahid.

Inilah sesuatu yang penyair selalu sebut mengenai 'Ali (as) dengan panjang lebar. Kemudian dia mengesahkan puisi yang kami telah sebutkan pada mulanya oleh Kuthayyir 'Azzah.

[4] Muhammad Mahmüd al-Rafi'i, seorang pengulas, berkata secara tepat [*verbatim*]: "maksud wazir selepas Rasul Allah."

[5] Puisi ini bermula dengan: "Rusa yang membuat debu pasir bersinat seperti bintang," yang terjumlah di dalam *diwan* (koleksi puisi).

## SURAT 109

MENGAPA SEBAHAGIAN FANATIK MEMPERSOALKAN SUMBER PERUNDANGAN SHI'A DARI PARA IMAM AHL AL-BAYT [AS]

**Rabi` al-Thani 23, 1330 H**

Di dalam surat kami no 19, kami telah menunjukan bahawa sebahagian fanatik telah mempersoalkan sumber perundangan, di dalam asas dan cabang agama, dari para Imam Ahl al-Bayt, dan kami berhajat untuk bertanya kepada kamu dalam perkara ini. Sekaranglah masanya untuk bertanya; maka bolehkah kamu tolong jawabkan bagi menolak kenyataan mereka? Wassalam.

Yang benar,  
S

## SURAT 110

1] MADHAB SHIAH SECARA MUTAWATIR BERSUMBER DARI PARA IMAM AHL AL-BAYT

2] KEMAJUAN KAUM SHIAH DI DALAM MERAKAMKAN PENGETAHUAN SEMASA ERA SAHABAT

3] PENGARANG MEREKA ADALAH SEZAMAN DENGAN TABI'IN, DAN PENGIKUTNYA

**Rabi` al-Thani 29, 1330 H**

1) Semua mereka yang dianugerahkan kebijaksanaan dan baik pertimbangan telah mengetahui dengan pasti bahawa sumber bagi asas dan cabang kepercayaan Shiah Imami adalah dari datuk nenek dan keturunan mereka, berkesudahan kepada keturunan yang disucikan. Dari itu pandangan mereka telah didapati dari para

Imam keturunan yang disucikan di dalam asas dan cabang agama, begitu juga dengan segala keputusan yang dicapai adalah dari mempelajari al-Kitab dan sunnah, atau di dalam apa juga perkara yang berkaitan kepadanya atau kepada semua cabang sains agama. Mereka tidak bergantung pemahaman mereka di dalam agama kepada sesiapa selain dari keturunan tersebut, dan mereka merujuk tidak kepada yang lain melainkan keturunan yang disucikan itu sahaja. Mereka menyembah Allah awj, dan mencari kedekatan kepadaNya, pujian untukNya, melalui agama para Imams dari Ahl al-Bayt, tanpa melihat sebarang penyimpangan darinya, tidak juga memerlukan pada pengganti. Ini telah menjadi polisi bagi keturunan mereka yang baik semenjak dari masa Amirul Mukminin, al-Hasan, al-Husayn, dan 9 Imam dari keturunan al-Husayn (as) sehinggalah sekarang. Mereka yang telah mempelajari asas dan cabang agama dari Ahl al-Bayt adalah sebilangan shiah yang dipercayai, dan jumlah orang yang belajar kepada mereka adalah ramai. Jumlah mereka yang terkenal dengan wara', pemeriksa dan membaiki adalah lebih dari turutan. Mereka telah menceritakan ini semua kepada orang yang menggantikan diri mereka melalui tawatur, dan juga yang selepas mereka itu maka ianya akan menceritakan kepada yang lain lagi, dan begitulah seterusnya. Beginilah kedudukan perkaranya bagi setiap generasi, sehinggalah sampai kepada kami, ianya seterang cahaya matahari ditengah hari, tanpa sebarang awan pelindung.[1]

Kami sekarang, di dalam memahami asas dan cabang agama, adalah pengikut para Imam dari keturunan Rasul [sawas]. Kami telah menyebutkan dari keturunan kami, yang kesemuanya telah menyebutkan dari mereka [as]. Beginilah kesahnya di dalam semua generasi, sehinggalah sampai kemasa Naqis, 'Askaris, Rizas, Jawads, Kazims, Sadiqs, 'Abidins, Baqirs, kedua cucu Rasul [sawas], keamanan keatas mereka semua, dan akhirnya Amirul Mukminin [as], ini tidak termasuk keturunan shiah yang sentiasa ada bersama para Imam Ahl al-Bayt (as), mempelajari perundangan agama daripada mereka, menyebutkan dari mereka ketika membincangkan pengetahuan Islam.

Tidak ada tempat disini untuk menjumlahkan mereka semua dan membacakan senarai nama-nama mereka. Mencukupi buat kamu apa yang telah dituliskan oleh pena ulama mereka yang terkenal dari hasil kerja yang menarik, yang mana senarainya tidak dapat dimuatkan di dalam penyampaian ini. Mereka mengambil semua sumber dari cahaya Imam petunjuk, keturunan Muhammad [as] menyebutnya dari lautan ilmu para Imam, mendengarnya terus dari Imam-imam tersebut. Mereka ini adalah penulis ilmu dan kebijaksanaan para Imam. Hasil kerja mereka telah dikarangkan semasa hayat Imam yang disucikan, dan hasil kerja yang sedemikian menjadi rujukan kepada semua shiah yang menggantikan mereka. Melalui mereka kecemerlangan golongan Ahl al-Bayt nyata diatas semua golongan Islam yang lain.

Kami tidak tahu mana-mana pengikut dari keempat Imam sunni, sebagai contoh, yang mengarangkan buku semasa hidupnya Imam mereka. Bahkan manusia mengarang banyak hasil kerja yang berkaitan dengan agama selepas para Imam itu telah meninggalkan dunia, bilakah masanya telah diputuskan bahawa taqlid hendaklah terhad kepada golongan mereka sahaja? Semasa hidup mereka, imam ini sama sahaja seperti ahli perundang atau tradisionis agama yang lain yang sezaman dengannya, tidak menikmati sebarang keistimewaan dari yang lain yang sama setaraf dengan mereka; dari itu tiada siapa diantara mereka yang sezaman dengannya yang berminat untuk berusaha merakamkan ucapan mereka seperti yang dilakukan oleh shiah di dalam merakamkan kenyataan dari para Imam yang ma'sum [as]. Semenjak dari permulaan golongan Shi'ah, tiada siapa dibenarkan untuk merujuk di dalam perkara agama kepada yang lain dari para Imam [as]. Atas sebab ini, usaha yang sedemikian tidak dapat dielakkan, dan Imam [as] menjadi punca utama bagi pengajian agama. Banyak usaha dan bahan telah dihabiskan dalam merakamkan kenyataan lisan mereka, dan ramai yang telah menghabiskan bahan yang ada di dalam melaksanakan tugas sedemikian dengan cara yang tiada tandingannya supaya mereka dapat mengekalkan pengetahuan yang mana, menurut golongan tersebut, hanya satu-satunya yang diterima oleh Allah. Buku-buku yang telah dikarangkan semasa hidup Imam al-Sadiq (as) sahaja berjumlah 400 buah, yang mengatakan 400 tajuk yang berlainan, di dalamnya mengandungi hukum-hukum agama [fatwa] yang dikeluarkan oleh al-Sadiq (as) semasa hidupnya. Anak murid [pengikut] al-Sadiq (as) telah menulis berlipat kali ganda jumlah itu, seperti yang kamu akan dengar tidak lama lagi, Insha-Allah.

Mengenai keempat Imam sunni, tiada siapa yang melihat kepada mereka seperti shiah memandang kepada Imam Ahl al-Bayt. Tidak; mereka tidak mempunyai pengikut semasa hidupnya. Semasa hidup, mereka tidak menikmati status yang telah diberikan kepada mereka, seperti setelah mereka mati; ini yang dikatakan oleh Ibn Khaldun al-'Arabi di dalam bab yang dia peruntukan pada sains fiqh di dalam pengenalan yang terkenal, dan ini adalah satu fakta yang telah diakui oleh ramai ulama yang terkenal dari golongan mereka. Walaupun dengan terdapatnya semua ini, kami tidak meragui bahawa pengikut mereka tidak mengikuti sesiapa yang lain selain darinya, kerana ikutan mereka sesungguhnya adalah pandangan pengikut Imam, yang dikatakan sebagai yang dipercayai di dalam memperkatakan urusan mereka di setiap generasi. Mereka merakamkan di dalam buku mereka kerana pengikutlah yang lebih mengetahui golongan mereka sendiri, sama seperti shiah lebih mengetahui golongan para Imam [as] mereka, yang menyembah Allah menurut seperti yang diperintahkan, dipercayai bahawa ini sahaja caranya untuk mendekatkan diri kepada Dia.

2) Para penyelidik tidak teragak-agak menerima fakta bahawa shiah yang mula-mula merakamkan cabang-cabang pengetahuan lebih dari yang lain. Sesungguhnya tiada siapa di dalam abad pertama Islam selain 'Ali [as] dan mereka yang dianugerahkan dengan pengetahuan diantara shiahnya yang melakukan itu. Sebab-sebab untuk itu bolehlah dikatakan berpunca dari perbezaan pendapat diantara para sahabat di dalam membenarkan atau melarang untuk menulis ilmu pengetahuan. Menurut dari al-'Asqalani di dalam pengenalan bukunya *Fath al-Malik al-'Ali Bisihhati Babil 'Ilm 'Ali*, dan menurut dari yang lainnya, 'Umer ibn al-Khattab dan

sebahagian sahabat yang lain tidak suka pada pendapat itu kerana takut hadith mungkin akan bercampur dengan al-Kitab, bertentangan dengan keizinan yang diberikan oleh `Ali (as), dan selepas beliau al-Hasan al-Mujtaba (as), cucu Rasul [sawas], dan sekumpulan sahabat yang lain, kepada penulisan yang sedemikian. Diketika itu, Ibn Jurayh pengarang buku pertama di Mekah yang mengatakan berkenaan warisan dimana dia menyebut dari Mujahid dan `Ata'. Al-Ghazali mengatakan itu adalah buku pertama yang dikarang di dalam Islam. Perkara yang sebenarnya adalah, itu buku yang pertama dikarang oleh yang bukan shiah di dalam Islam. Selepas itu, Mu`ammar ibn Rashid, dari San'a, Yemen, menulis bukunya, kemudian Malik mengarang bukunya *Mawti'*. Pengenalan pada buku *Fath al-Malik al-`Ali Bisihhati Babil `Ilm* `Ali mengatakan bahawa al-Rabi` ibn Sabih adalah yang pertama untuk menyusun maklumat, dan bahawa dia hidup dipenghujung era tabi'in. Bagaimana pun pendapat ijmak adalah, sunni tidak mengarang sebuah buku pun di dalam abad pertama Islam.

Mengenai `Ali dan shiahnya, mereka menghabiskan usaha dan masa untuk matlamat ini di dalam abad pertama Islam. Penulisan pertama Amirul Mukminin adalah kitab Allah awj. Setelah selesai mengerjakan apa yang perlu pada persiapan untuk pemergian Rasul [sawas] dari dunia ini, `Ali (as) memutuskan untuk tidak berdandan melainkan untuk mendirikan solat atau menyusun al-Qur'an. Dari itu, beliau telah, menyusunnya secara teratur di dalam turutan seperti mana ianya diwahyukan. Beliau menunjukkan pengertiannya yang umum dan khusus, yang mutlak dan yang terhad [muqayyad], yang sempurna dan yang rupa seakan sama [mutasyabih], pembatalan [nasikh] dan apa yang membatalkan [yang mansukhkan], penekanan dan pelonggaran, perundangan dan arahan, menunjukkan pada peristiwa yang memerlukan kepada turunnya ayat yang sempurna itu, menjelaskan apa yang mungkin meragukan sebilangan manusia yang lain. Ibn Sirin selalu akan berkata: "Jika kamu begitu bertuah untuk mendapatkan buku itu, maka kamu akan dapati ianya penuh dengan pengetahuan." Ini telah dikatakan oleh Ibn Hajar di dalam bukunya *Al-Sawa`iq al-Muhriqa*, dan oleh ramai lagi penulis yang terkenal. Beberapa sahabat yang boleh membaca telah bersusah payah untuk menyusun al-Quran tetapi mereka tidak dapat menyusunnya dalam turutan seperti mana ianya diwahyukan, tidak juga mereka dapat menandakan dengan cara seperti yang diterangkan diatas, telah meninggalkan susunan `Ali lebih sebagai susunan dari sebuah tafsiran.

Setelah selesai dengan kerja-kerja dari Kitab yang Esa, beliau mengarang sebuah buku yang diperuntukan kepada ketua wanita sejagat. Ianya telah dikenali oleh anak-anaknya yang disucikan sebagai "Mushaf Fatima," buku Fatima, yang mengandungi pepatah, ungkapan yang bernas dan nasihat, moral, kejadian sejarah dan peristiwa yang unik, dituliskan sebagai penghibur untuk Fatima setelah berduka diatas kehilangan bapanya Rasul [sawas]. Selepas itu beliau mengarang buku yang memperkatakan diat [gantian darah] yang diberi tajuk *Al-Sahifa*. Ianya dirujuk oleh Ibn Sa'd pada penghujung hasil kerjanya bertajuk *Al-Jami'* memberikan kepujian terhadap karangan Amirul Mukminin. Keduanya al-Bukhari dan Muslim mengatakan hasil kerja ini dan menyebutnya di beberapa tempat di dalam sahih mereka. Diantara yang diceritakan, adalah apa yang mereka telah sebutkan dari al-A'mash dari Ibrahim al-Taymi yang menyebutkan dari bapanya yang berkata: "'Ali (as), telah mengatakan kepada saya suatu ketika: 'Kami tidak punya apa-apa buku untuk kamu baca, selain dari kitab Allah, adalah ini *Sahifa*.' Kemudian dia membawanya kepada saya. Ianya mengandungi perkara yang berkaitan dengan luka-luka dan juga gigi unta. Juga diantara isi kandongannya adalah kenyataan yang berbunyi: 'Medina adalah tempat suci dari clr sehingga ke Thawr; sesiapa yang menodainya atau melindungi orang yang menodainya, akan menerima kutukan Allah, para Malaikat dan juga manusia.'" Ini adalah kata-kata al-Bukhari di dalam seksen yang memperkatakan mengenai dosa oleh mereka yang menolak mawalnya, di dalam bab faraidh, ms 111, Vol. 4, dari *Sahih*, dan ianya dirujuk di dalam bab sucinya Medina, apabila membincangkan hal haji pada ms 523, Vol. 1, dari sahih Muslim. Imam Ahmed ibn Hanbal berulang kali merujuk pada cerita mengenai Sahifa di dalam *musnad*. Dia menyebut `Ali (as) pada ms 100, Vol. 1, dari *Musnad*, disampaikan oleh Tariq ibn Shihab yang berkata: "Saya telah menyaksikan `Ali [as] memberitahu manusia dari atas mimbar: 'Demi Allah! Kami tidak punya apa-apa untuk dibaca oleh kamu selain dari Kitab Allah awj, dan ini Sahifa,' yang beliau lekatkan kepada pedangnya, 'Saya telah pelajari kandongannya dari Rasul Allah [sawas].'" Menyebutkan dari `Abdul-Malik, al-Saffar menceritakan: "Abu Ja'fer meminta buku `Ali supaya dibawa kepada saya, dan anaknya Ja'fer membawa sesuatu yang rupanya seperti peha. Diantara isi kandongannya adalah satu ayat yang berbunyi: 'Jika seorang lelaki mati, wanitanya tidak boleh mewarisi harta kediamannya.' Abu Ja'fer berkata: 'Ini demi Allah adalah tulisan tangan `Ali (as) dan yang disebutkan oleh Rasul Allah [sawas].'" Sekumpulan shiah yang sezaman dengan Imam [as] mengikuti jejak langkah Amirul Mukminin [as], sebagai pengarang kepada beberapa buah buku. Diantara pengarang tersebut adalah: Salman al-Farisi dan Abu Tharr al-Ghifari, seperti yang disebutkan oleh Ibn Shahr Ashub yang mengatakan: "Pengarang yang pertama di dalam Islam adalah `Ali ibn Abu Talib (as), kemudian Salman al-Farisi, kemudian Abu Tharr."

Diantara yang kemudiannya adalah Abu Rafi', hamba yang dibebaskan oleh Rasul Allah [sawas], bendahari *baytul-mal* [bendahari kerajaan] semasa pemerintahan Amirul Mukminin [as]. Dia adalah diantara pengikutnya yang elit mencari pentunjuk darinya. Dia menulis buku mengenai tradisi, perundangan dan lain-lain perkara, yang disusunnya, kebanyakan dari hadith 'Ali. Ia menikmati status yang dihormati di dalam keturunan kami, yang telah menggunakan dia sebagai sebutan dan sampaian. Diantara mereka adalah `Ali ibn Abu Rafi', menurut dari biografinya di dalam Isaba, telah dilahirkan semasa hidupnya Rasul Allah [sawas] yang telah menamakannya `Ali. Dia pengarang buku sains fiqh menurut dari pengajaran Ahl al-Bayt [as], dan bukunya telah dipandang tinggi, serta dirujuk oleh shiah kepadanya. Musa ibn `Abdullah ibn al-Hasan telah berkata: "Seorang lelaki bertanya mengenai *tashahhud* dari bapa saya. Bapa menyuruh saya mengambilkan buku yang ditulis oleh Abu Rafi'. Dia mengambilnya dan membacakan kepada kami."



Pengarang buku *Rawdat al-Jannat* merumuskan perbincangannya dengan mengatakan bahawa itu adalah buku pertama yang memperkatakan ilmu fiqh yang ditulis oleh Shi'ah, tetapi dia, semoga Allah mengampuninya, pasti telah salah. Diantara mereka adalah 'Ubaydullah ibn Abu Rafi', penulis dan pengikut 'Ali (as), yang belajar dari Rasul [sawas] dan menceritakan kepada Ja'fer kata-kata baginda [sawas]: "Bentuk kamu dan kelakuan adalah sama seperti saya." Ini telah disebutkan oleh sekumpulan ulama, termasuk Ahmed ibn Hanbal di dalam *Musnad*. Ibn Hajar telah mengatakan di dalam bahagian 1 dari bukunya *Isaba* dibawah tajuk "'Ubaydullah ibn Aslam." Nama bapa kepada Rabi' adalah Aslam. 'Ubaydullah adalah pengarang buku yang memperkatakan mengenai sahabat yang berperang di peperangan Siffin dipihak 'Ali, yang mana Ibn Hajar telah menyebutnya secara meluas di dalam bukunya *Isaba*;<sup>[2]</sup> maka kamu boleh merujuk kepadanya. Juga diantara mereka adalah Rabi'ah ibn Sam' yang menulis buku berkenaan dengan *zakat* ternakan bersumber dari hadith Rasul [sawas] yang disampaikan oleh 'Ali (as). Mereka termasuk 'Abdullah ibn al-Hurr al-Farisi yang menyampaikan cahaya hadith, semua yang dilaporkan oleh 'Ali (as) dari Rasul Allah [sawas], Dan diantara mereka adalah al-Asbagh ibn Nabatah, sahabat dan pengikut Amirul Mukminin [as] yang menyebutkan pesanan Imam kepada panglima perangnya Malik al-Ashtar dan wasiatnya kepada anak lelaki beliau Muhammad. Keduanya telah dirakamkan oleh rakan kami di dalam buku sahih mereka terus dari 'Ali. Diantara mereka adalah Salim ibn Qays al-Hilali, sahabat 'Ali (as), yang telah menyebutkan hadith beliau dan juga dari Salman. Dia menulis buku mengenai Imami yang telah dinyatakan oleh Imam Muhammad ibn Ibrahim al-Nu'mani di dalam bukunya *Al-Ghayba*, dia berkata: "Tidak ada diantara semua ulama Shi'ah dan penyampai hadith dari Imam, yang berselisih dengan fakta bahawa buku yang ditulis oleh Salim ibn Qays al-Hilali adalah hasil kerja bibliografi yang utama berkenaan dengan *usul* [asas perundangan] yang disampaikan oleh ulama dan tradisionis dari Ahl al-Bayt, dan satu dari yang terawal dalam perkara tersebut. Ini adalah satu dari punca utama yang mana menjadi rujukan shiah; yang padanya mereka bergantung." Dikalangan kami juga telah merakamkan nama-nama dan hasil kerja mereka yang sama kaliber diantara keturunan yang baik yang telah mengarangkan buku-buku, sebagai tambahan kepada indek dan biografi yang mana setiap pengarang akan rujuk.

3) Mengenai dengan pengarang diantara orang terdahulu kami yang tergulung di dalam generasi kedua, i.e. itu adalah tabi'in, surat ini tidak dapat memperjelaskan mereka, dan yang terbaik dapat dilakukan adalah untuk mengenali mereka, kerja-kerja dan punca mereka secara mendalam, untuk itu rujukan kepada bibliografi dan biografi yang disusun oleh ulama kami.<sup>[3]</sup>

Di dalam kelas ini, yang cahaya Ahl al-Bayt (as) bersinar terang, sebelum itu telah dilindungi awan penindasan dari mereka yang zalim. Bencana ath-Taff telah mendedahkan musuh-musuh keturunan Muhammad (sawas), dan telah membuat mereka dipandang rendah oleh manusia yang bijak. Ini juga telah memberikan perhatian kepada kekejaman yang ditujukan kepada Ahl al-Bayt (as) semenjak kehilangan Rasul Allah [sawas]. Implikasinya yang dahsyat telah memaksa manusia untuk melihat kepada apakah sebab-sebabnya dan memaksa mereka untuk menyelidiki akan puncanya. Maka tahulah mereka akan benih dan akar umbi terhadap bencana. Diantara mereka yang dirahmati dengan kesedaran telah bangun untuk mempertahankan status Ahl al-Bayt (as) dan menyokong mereka [Imams], kerana naluri manusia telah dijadikan untuk membantu yang dianiaya dan membenci pada yang melakukan kesalahan. Muslim, selepas bencana tersebut, telah memasuki era yang baru dimana mereka bersegera untuk membantu Imam 'Ali ibn al-Husayn Zaynul-'Abidin (as), merujuk kepada beliau di dalam pencarian mereka terhadap jawapan mengenai asas dan cabang agama, dan kepada semua pengetahuan Islam yang bersumber dari al-Kitab dan sunnah. Setelah beliau wafat, mereka mula merujuk kepada anaknya Imam Abu Ja'fer al-Baqir (as). Pengikut dari kedua Imams, i.e. Zaynul-'Abidin dan al-Baqir (as), diantara Imami yang terdahulu, telah menulis banyak buku, tetapi ulama yang mana nama mereka ada tertulis di dalam buku biografi adalah lebih kurang 4 000 wira, dan hasil kerja mereka berjumlah lebih kurang 10 000 atau lebih yang telah diceritakan oleh kawan—kawan kami di setiap generasi yang menyebutkan mereka dari punca yang dipercayai. Sekumpulan yang elit dari kumpulan wira tersebut dapat berkhidmat untuk mereka berdua, sedang yang lain berkhidmat kepada Imam al-Sadiq [as], dan amat bertuah bahawa sejumlah besar dari mereka telah mencapai matlamat tujuan mereka pada mendapatkan pengetahuan yang sahih.

Diantara yang terkemudian adalah Abu Sa'id Aban ibn Taghlib ibn Rabah al-Jariri, qari membaca al-Quran yang terkenal, tradisionis, ahli perkataan dan bahasa, seorang dari ulama yang paling dipercayai. Dia adalah sezaman dengan tiga Imam, yang dari mereka [as] dia menyebarkan ilmu pengetahuan dan juga tradisi dengan banyaknya. Mencukupi bagi kamu akan fakta bahawa dia menceritakan dari al-Sadiq (as) sahaja 30 000 ahadith, seperti yang dikatakan oleh al-Mirza Muhammad di dalam biografi Aban di dalam kerjanya *Manhaj al-Maqal* yang mana dia menyebut Aban ibn 'Uthman menyebutkan dari al-Sadiq [as]. Dia menikmati penghormatan dan sanjungan mereka [as]. Al-Baqir [as] berkata kepadanya ketika mereka berdua dikota suci Medina, "Ambil tempat kamu di masjid, dan berikan keputusan kamu kepada manusia, kerana saya suka manusia melihat orang dari shiah saya seperti kamu." Al-Sadiq (as) berkata kepadanya suatu ketika: "Berhujahlah dengan penduduk Medina, kerana saya suka melihat orang seperti kamu diantara penyampai dan sahabat saya." Setiap kali dia menziarah ke Medina, manusia datang kepada dia dengan banyaknya dan menyediakan tempat untuk dia duduk dimana Rasul [sawas] biasa duduk. Al-Sadiq (as) berkata kepada Salim ibn Abu Habbah: "Ziarah Aban ibn Taghlib, kerana dia telah pelajari banyak hadith dari saya, dan apa sahaja yang dia ceritakan kepada kamu, kamu hendaklah ceritakannya juga." Dia [as] telah berkata kepada Aban ibn 'Uthman: "Aban ibn Taghlib telah menceritakan 30 000 hadith dari saya; maka sebutkanlah yang sama dari dia." Setiap kali Aban ibn Taghlib menziarah al-Sadiq (as), Imam akan memeluknya, menjabat tangannya, dan

memintakan sandaran untuk dia bersandar, dan dia [as] akan memberikan sepenuh perhatian. Apabila berita kematiannya sampai kepada Imam [as], dia berkata: "Demi Allah! Hati saya pedih diatas kematian Aban." Dia mati dalam tahun 141 H. Aban telah menceritakan tradisi dari Anas ibn Malik, al-A'mash, Muhammad ibn al-Munkadir, Sammak ibn Harb, Ibrahim al-Nakh'i, Fudayl ibn 'Umer, dan al-Hakam. Dia telah dipercayai oleh Muslim dan semua pengarang buku tradisi yang empat, seperti yang kami jelaskan ketika membincangkan dia di dalam surat no. 16.

Aban tidak rugi jika al-Bukhari enggan bergantung pada penyampaian, menjadi kegembiraan bagi dirinya bahawa orang ini tidak bergantung pada penyampaian dari para Imam Ahl al-Bayt (as) juga, seperti al-Sadiq, al-Kazim, al-Rida, al-Jawad, al-Taqi, dan al-Hasan al-'Askari al-Zaki, keamanan untuk mereka semua. Bukhari tidak menganggap orang-orang ini sebagai yang dipercayai; tidak, bahkan dia tidak bergantung pada penyampaian cucu Rasul [saw] yang pertama juga [ketua remaja disyurga]! Sebaliknya, dia bergantung pada orang seperti Marwan ibn al-Hakam, 'Umar ibn Hattan, 'Ikremah al-Barbari dan yang serupa mereka; dari itu kita adalah kepunyaan Allah dan kepadaNya kita kembali.

Aban telah menulis banyak buku yang menarik. Satu darinya adalah *Tafsir Gharib al-Qur'an* [Tasir apa yang diluar kebiasaan di dalam al-Quran], kandongannya kebanyakan puisi Arab yang mengesahkan kebenaran di dalam wahyu yang sempurna. Kemudian, 'Abdul-Rahman ibn Muhammad al-Azdi al-Kufi mencantumkan kandungan buku Aban dengan kandungan buku Muhammad ibn al-Sa'ib al-Kalbi dan Ibn Rawaq 'Atiyah ibn al-Harith dan menerbitkannya dalam satu jilid, dengan memaparkan pandangan mereka yang berbeza, begitu juga yang mereka setuju sesamanya. Dia adakalanya menyebutkan Aban sendirian, dan adakalanya bersama dengan pandangan 'Abdul-Rahman. Rakan kami telah menyebutkan kedua buku ini melalui beberapa punca yang dipercayai. Aban telah mengarang buku yang memperkatakan kecemerlangan moral, dan satu berkenaan peperangan Siffin, dan dia telah mengarang satu dari buku rujukan utama yang mana Imami bergantung padanya bagi sumber perundangan. Kesemua bukunya telah dilaporkan dengan rujukan kepada karangannya. Secara khusus terdapat di dalam bibliografi bukunya.

Diantara mereka juga adalah Abu Hamzah al-Thamali ibn Dinar, penyampai yang dipercayai dan yang terkemuka diantara orang yang terdahulu. Sumber pengetahuannya adalah dari tiga Imam: al-Sadiq (as), al-Baqir, and Zaynul-'Abidin, keamanan kepada mereka. Dia berdamping rapat dengan mereka [as], dan memenangi kehormatan dari mereka. Al-Sadiq (as) memuji dia dengan berkata: "Di dalam umur seperti dia, Abu Hamzah adalah seperti Luqman pada masanya." Dia telah menulis sebuah buku tafsiran al-Quran, dan saya lihat imam al-Tibrisi menyebutkan dia di dalam tafsirnya *Mujma'ul Bayan fi Tafsir al-Qur'an*. [5] Dia juga menulis sebuah buku bagi hadith yang unik, sebuah lagi mengenai zuhud, dan penulisan mengenai hak [6] yang disampaikan dari Imam Zaynul-'Abidin 'Ali ibn al-Husayn yang darinya dia menyampaikan doanya yang dibacakan pada awal pagi yang akan menyinar dengan lebih terang dari matahari dan bulan. Dia juga menceritakan dari Anas dan al-Sha'bi. Dia kemudiannya disebutkan pula oleh Waki', Abu Na'im, dan kumpulan dari kelas dia, yang juga rakan kami, dan dari yang lain, seperti yang kami katakan di dalam biografinya di dalam surat no 16.

Terdapat orang mulia yang lainnya, yang tidak hidup untuk berjumpa Imam Zaynul-'Abidin, tetapi memenangi kehormatan untuk berkhidmat yang keduanya al-Baqirs [as].

Diantara mereka adalah: Abul-Qasim Bard ibn Mu'awiyah al-'Ajli, Abu Basir al-Asghar Layth ibn Murad al-Bakhtari al-Muradi, Abul Hassan Zararah ibn 'Ayan, Abu Ja'fer Muhammad ibn Muslim ibn Rabah al-Kufi al-Ta'ifi al-Thaqafi, dan ramai lagi panji-panji petunjuk dan rumah api yang menyinari di dalam kegelapan. Untuk menghuraikan mengenai mereka adalah mustahil disini.

Mengenai empat orang ini, sesungguhnya mereka telah mencapai kedudukan yang khas dan memenangi hadiah istimewa dan kedudukan yang mulia. Apabila Imam al-Sadiq (as) menyebut mereka suatu ketika dia [as] berkata: "Saya tidak menjumpai sesiapa yang terus menghidupkan nama kami seperti Zararah, Abu Basir Layth, Muhammad ibn Muslim, dan Burayd; tanpa mereka, tiada siapa yang dapat mempelajari ilmu dengan banyak." Kemudian dia menambah: "Mereka adalah penjaga agama yang telah diamanahkan oleh bapa saya untuk menjaga apa yang Allah telah perintahkan sebagai diizinkan atau ditegah. Mereka adalah yang pertama mencari kumpulan kami di dalam kehidupan ini, dan mereka akan menjadi yang mula-mula untuk bersama kami diakhirat." Suatu ketika dia [as] membaca: "Sampaikan berita gembira kepada mereka yang berdoa untuk mendapatkan syurga Kami (Qur'an, 22:34)," dan dia ikuti dari bacaan itu dengan menyebutkan nama mereka berempat, dan menambah di dalam kenyataan yang panjang pada memuji mereka, "Bapa saya telah dikatakan mempercayai mereka untuk menjaga perkara yang Allah izin dan yang ditegah, dan mereka adalah pemelihara ilmu pengetahuan beliau; hari ini mereka adalah kepercayaan saya, dan sahabat setia bapa saya, mereka adalah bintang bagi shiah saya yang hidup dan yang mati; melalui mereka Allah telah menghapuskan segala bid'ah. Mereka menyelamatkan agama ini dari pendustaan dan pengubahsuaian, dan dari penafsiran yang melampau," sebagai tambahan kepada kepujian yang lain dimana dia [as] telah memuji mereka diatas sumbangan, penghormatan, kemuliaan, dan khidmat yang setia dimana dia [as] tidak dapat untuk menyebutkan. Walaupun dengan semua ini, mereka telah dituduh oleh musuh Ahl al-Bayt (as) dengan setiap tuduhan palsu yang mungkin, seperti yang kami telah jelaskan di dalam hasil kerja kami *Mukhtasar al-Kalam fi Mu'allifi al-Shi'ah min Sadr al-Islam*. Ini tidak dapat menafikan status kedudukan mereka yang mulia, dan kecemerlangan diminta Allah, RasulNya dan juga yang beriman. Mereka yang hasad kepada Rasul [saw] hanya telah meninggalkan lagi kemuliaan status Rasul tersebut, tanpa memberi kesan kepada kanun perundangan mereka, selain dari mendedahkannya lagi kepada mereka yang mengenali dan yang mengikut kebenaran, menjadikan ia diterima oleh mereka yang dianugerahkan dengan kebijaksanaan.

Semasa hidupnya al-Sadiq (as) pengetahuan telah disebarkan dengan meluas seperti yang tidak pernah terjadi sebelumnya, dan shiah dari bapa-bapanya terdahulu yang sebelumnya bergegas kepadanya dari segala pelusuk. Dia [as] menyambut mereka dengan mesra, membuat mereka merasa seperti di rumah sendiri, berusaha pada mengajarkan mereka dan menjelaskan kepada mereka akan rahsia pengetahuan, butiran kebijaksanaan dan perkara semula jadi alam seperti yang diakui oleh Abul-Fath al-Shahristani di dalam bukunya *Al-Milal wal Nihal*. Apabila dia menyebut al-Sadiq (as), dia mengulas: "Beliau adalah seorang yang benar-benar memahami agama, dianugerahkan dengan kebijaksanaan yang sempurna, zuhud dan dapat menahan kehendak naluri." [7] Dia telah juga mengatakan mengenainya [as]: "Beliau tinggal di Medina untuk beberapa waktu pada mengajarkan Shi'ah dari golongannya pengetahuan agama, mencurahkan rahsia pengetahuan kepada mereka yang taat kepadanya. Kemudian dia pergi ke Iraq dan tinggal disana untuk beberapa waktu, dikala itu beliau secara umum tidak mengkritik dan tidak juga menyokong pemerintah... Sesiapa yang lemas di dalam pengetahuan tidak pernah berhasrat untuk melihat pantai, dan sesiapa yang sampai kekemuncak kebenaran tidak pernah takut jatuh," sehingga kepenghujung kenyataannya; "Dan kebenaran menjadikan dirinya nyata kepada mereka yang mempunyai akal yang seimbang, dan kepada mereka yang berazam."

Sejumlah besar sahabat al-Sadiq (as) mencapai kemuncak kebijaksanaan, dan mereka menjadi pemimpin yang beriman, lampu di dalam kegelapan, lautan pengetahuan, bintang petunjuk. Diantara mereka yang nama dan sejarah hidupnya telah tercatat di dalam buku biografi adalah 4 000 orang dari Iraq, Hijaz, Iran, dan Syria. Mereka adalah pengarang kerja-kerja yang terkenal dan diketahui oleh ulama Imami. Diantaranya adalah 400 buku bagi asas perundangan yang telah disebutkan terdahulu yang mengatakan mengenai 400 perkara, semuanya telah ditulis semasa dan bersumber dari keputusan al-Sadiq (as). Ianya dikatakan amat berharga untuk keduanya, pengetahuan teori dan juga amalan, sehinggakan sekumpulan ulama ummah dan wakil para Imam telah meringkaskan isi kandongannya di dalam buku yang khas untuk memudahkan bagi pemahaman para pelajar dan menjadikan ianya mudah untuk didapati. Yang terbaik dari susunan yang sedemikian adalah empat buku yang telah menjadi punca utama untuk rujukan Imami kepada akar dan cabang agama mereka. Mereka telah merujuk kepadanya semenjak dari abad pertama Islam dan ini adalah: *Al-Kafi*, *Al-Tahtib*, *Al-Istibsar*, dan *Man la Yahdaruhul Faqih*. Semuanya telah disampaikan secara mutawatir, dan kesahihan isi kandongannya tidak pernah diragui. *Al-Kafi* adalah yang tertua diantaranya, teragung, terbaik dan paling sahih. Ia mengandungi 16 199 hadith dan termasuk semua terdapat di dalam enam buku sahih [al-Sihah al-sitta dari Sunnis], seperti yang diakui oleh al-Shahid di dalam *Al-Thikra*, dan oleh ramai ulama yang terkenal.

Husham ibn al-Hakam, seorang dari sahabat al-Sadiq (as) dan al-Kazim (as), telah mengarang beberapa buah buku, 99 darinya telah menjadi terkenal. Ia telah diceritakan oleh rakan-rakan kami dan telah menyebutnya, secara khusus, dan terdapat di dalam buku kami *Mukhtasar al-Kalam fi Muallifi al-Shi'ah min Sadr al-Islam*. Kesemua buku itu amat menarik, amat nyata isi kandongannya dan bersinarnya hujah-hujah mereka. Ia memperkatakan mengenai akar dan cabang agama, dengan *tawhid* dan filosofi yang rasional; mereka menentang yang atheis, menyimpang, zindik, qadariah, jabariah, dan mereka yang melampau di dalam kepercayaan mereka kepada Ali (as) dan Ahl al-Bayt (as). Mereka juga menentang Kharijites dan Nasibis, mereka yang menafikan bahawa wasiat [oleh Rasul] telah dibuat mengenai Ali (as), mereka yang menghalang laluan untuk mendapatkan kedudukan khalifa, dan mereka yang mengatakan bahawa seorang yang lain perlu dilantik sebagai khalifa sebelum Ali (as), sebagai tambahan kepada tajuk-tajuk yang lain.

Di dalam abad kedua, Husham adalah orang yang paling berpengetahuan di dalam sains pidato, kebijaksanaan ilmu agama, dan semua seni sains yang rasional dan perimbangan. Dia amat terkenal dalam bidang *fiqh* dan hadith, melepasi setiap orang di dalam tafsir dan di dalam semua pengetahuan. Dialah yang membincangkan konsep Imami dan menyediakan golongan ini melalui pemerhatian. Dia menyebutkan al-Sadiq (as) dan al-Kazim, dan dia menikmati status yang khas di dalam pandangan mereka [as] yang tidak dapat diterangkan. Dia mendapat sanjung yang tinggi dari mereka [as] sehingga menaikkan status kedudukan dia sampai kesyurga. Dia pada mulanya seorang berfahaman Jehmi, kemudian dia bertemu al-Sadiq (as) dan dapat melihat cahaya petunjuk melaluinya, maka dia masuk kumpulan Imam, kemudian dia mengikuti al-Kazim dan mendahului semua pengikut dari kedua Imam. Mereka yang berhasrat untuk memadamkan cahaya Allah, disebabkan dengki kepada Ahl al-Bayt (as), dan dari sebab kebencian, telah menuduh dirinya sebagai telah berkata bahawa Allah awj mempunyai bentuk fizikal dan tuduhan serius yang lain. Kami lebih faham akan golongan agamanya. Kami miliki laporan mengenai cara hidup dan cara dia berucap. Dia telah menulis buku mempertahankan golongan kami seperti yang dirujuk diatas; maka tidak ada dari apa yang diperkatakannya yang telah diketahui oleh yang lain dan tidak diketahui oleh kami, oleh kerana dia adalah dari orang terdahulu kami, sedangkan yang mengkritik tidak tahu golongan dan citarasa dia. Apa al-Shahristani telah sebut di dalam buku *Al-Milal wal-Nihal* dari ucapan Husham tidak menunjukkan kepercayaannya di dalam bentuk fizikal tuhan. Biar kami sebutkan untuk kamu apa yang dia sebutkan darinya:

"Husham ibn al-Hakam telah mempelajari *usul* dengan mendalam. Kita janganlah lupa hujahnya dengan Mu'tazilites, kerana dia adalah diatas dari apa yang dituduh oleh penentangannya, dan dibawah persamaan pada apa yang dia hujahkan, kerana dia berhujah dengan al-'Allaf katanya: 'Kamu katakan bahawa yang Menjadikan adalah yang mengetahui, dan pengetahuanNya adalah sifatnya sendiri; maka Dia menjadi yang berpengetahuan tetapi berbeza dari dunia [yang dijadikan]; jadi mengapa kamu tidak katakan dia mempunyai bentuk yang berbeza dari bentuk yang lainnya?'"

Ianya bukan satu rahsia bahawa kenyataannya, jika benar, hanya membuktikan bahawa dia menentang pandangan al-'Allaf. Tidak semua orang yang berhujah mengenai sesuatu adalah yang mempercayainya, mungkin tujuannya untuk menduga kepercayaan al-'Allaf dan untuk menapis pengetahuannya seperti al-

Shahristani sarankan dengan berkata: "Orang ini lebih tinggi dari apa yang dituduh oleh penentangannya dan dibawah persamaan pada apa yang diujarkannya." Jika kita katakan bahawa telah terbukti bahawa Husham mempercayai yang sedemikian, ini mungkin sebelum dia berjumpa dengan petunjuk yang sebenar, [melalui Imam al-Sadiq [as]]. Kamu telah mengetahui bahawa dia pernah mempercayai di dalam Jehmis, kemudian melihat cahaya petunjuk melalui keturunan Muhammad [as] dan menjadi Imam bagi mereka yang mengikuti Para Imam [as]. Tiada siapa diantara orang terdahulu kami telah menjumpai bukti apa yang penentangannya katakan kepada dirinya, malah kami jumpai beberapa usul apa yang mereka katakan kepada Zararah ibn `Ayan, Muhammad ibn Muslim, Mu'min al-Taq, dan yang setaraf dengan mereka. Kami menemui ini disebabkan kepada fakta bahawa kami tidak mengabaikan usaha pada menyelidiki setiap tuduhan, dan kami dapati bahawa ianya tidak berasas, tidak lain dari kezaliman dan kebencian, berkomplot dan tuduhan yang palsu; "Janganlah fikir bahawa Allah lalai dari apa yang dilakukan oleh mereka yang zalim."

Mengenai dengan apa yang dikatakan al-Shahristani terhadap kepercayaan Husham kepada Ali (as) seperti Allah, ini adalah suatu yang melucukan dan boleh menyebabkan wanita berduka kerana kematian anaknya tertawa. Husham lebih tinggi dari dongeng dan tahyul yang sedemikian. Kenyataan Husham memperkatakan *tawhid* dengan menyuruh untuk membesarkan Allah, lebih dari mengatakan Allah mempunyai bentuk fizikal dalam apa bentuk sekali pun, dan kesucianNya lebih tinggi dari apa yang diperkatakan oleh sijahil. Kenyataannya berkenaan dengan Imami dan wisayat menunjukkan dia mengutamakan Rasul Allah [sawas] keatas `Ali [as]. Dia mengatakan bahawa Ali (as) hanya ahli di dalam ummah Rasul dan warganya, wazir dan penggantinya, dan bahawa dia adalah hamba Allah yang telah dianiaya dan diketepikan dan tidak mampu untuk mendapatkan apa yang menjadi hak kepadanya, telah dipaksa untuk tunduk kepada kuasa lawannya, berterusan takut terhadap keselamatan dirinya, yang tidak punya penyokong mahupun penolong; maka bagaimana al-Shahristani boleh berkata: "Husham ibn al-Hakam telah mempelajari *usul* dengan mendalam. Kita janganlah lupa hujahnya dengan Mu'tazilites, kerana orang ini lebih tinggi dari apa yang dituduh oleh penentangannya, dan dibawah persamaan pada apa yang diujarkannya, kerana dia berhujah dengan al-`Allaf dengan berkata: `Kamu katakan bahawa yang Menjadikan adalah yang mengetahui, dan pengetahuanNya adalah sifatnya sendiri; maka Dia menjadi yang berpengetahuan dan berbeza dari dunia [yang dijadikan]; jadi mengapa kamu tidak katakan dia mempunyai bentuk yang berbeza dari bentuk yang lainnya?" Dia kemudian mensifatkan kepada Ali (as) dengan mengatakan bahawa dia adalah Allah awj! Tidakkah ini jelas bertentangan? Adakah wajar untuk Husham, walaupun mempunyai ilmu dan sumbangan yang banyak, sehinggakan dongeng sebegini dikatakan kepadanya? Pasti tidak. Tetapi orang-orang ini berkeras untuk menuduhnya disebabkan oleh kedengkian dan kebencian mereka terhadap Ahl al-Bayt (as) dan orang yang mengikuti pandangan mereka; maka kita adalah hak Allah dan kepadaNya kita kembali.

Pengarang berkembang semasa hidupnya Imams al-Kazim, al-Rida, al-Jawad, al-Hadi, al-Hasan al-Zaki al-`Askari, keamanan kepada mereka, dengan cara yang tidak pernah berlaku dahulu, dan tradisionis menyebutkan dari mereka dan Imam yang lain, telah berkembang luas disegala pelusuk, mencuba segala daya untuk mendapatkan ilmu, di dalam mencari segala rahsianya, meneliti setiap isu, memeriksa setiap fakta, dan berusaha pada merekodkan setiap seni dan bahan pengetahuan yang dikumpul.

Al-Muhaqqiq, di dalam bukunya *Al-Mu'tabar*, berkata: "Diantara murid al-Jawad [as] terdapat manusia yang mulia seperti al-Husayn ibn Sa'id dan saudaranya al-Hasan, dan juga Ahmed ibn Muhammad ibn Abu Nasr al-Bazanti, Ahmed ibn Muhammad ibn Khalid al-Barqi, Shathan, Abul-Fadl al-`Ami, Ayyub ibn Nuh, Ahmed ibn Muhammad ibn `gsa dan yang lainnya yang mana lis mereka amat panjang... Buku mereka hingga kini masih dalam peredaran di dalam kalangan sahabat, ini menunjukkan pengetahuan mereka yang dalam."

Mencukupi untuk kamu kepada fakta bahawa buku al-Barqi melebihi seratus buah, dan al-Bazanti telah mengarang bukunya yang terkenal *Jami' al Bazanti*, sedangkan al-Husayn ibn Sa'id telah menulis 30 buah buku. Adalah tidak mungkin di dalam surat begini untuk menyatakan apa yang telah ditulis oleh para pelajar dari keenam Imam, keturunan dari Imam al-Sadiq [as], tetapi saya rujukan kepada kamu biografi dan bibliografi yang ada, maka bacalah mengenai biografi Muhammad ibn Sinan, `Ali ibn Mahziyar, al-Hasan ibn Mahbub, al-Hasan ibn Muhammad ibn Sam`ah, Safwan ibn Yahya, `Ali ibn Yaqtin, `Ali ibn Fadal, `Abdul-Rahman ibn Najran, al-Fadl ibn Shathan (yang telah mengarang 200 buku), Muhammad ibn Mas'ud al-Ayyashi (telah menulis lebih dari 200 tajuk), Muhammad ibn `Umayr, Ahmed ibn Muhammad ibn `gsa (yang telah menyebutkan 100 dari sahabat al-Sadiq (as)), Muhammad ibn `Ali ibn Mahbub, Talhah ibn Talhah ibn Zayd, `Ammar ibn Musa al-Sabati, `Ali ibn al-Nu'man, al-Husayn ibn `Abdullah, Ahmed ibn `Abdullah ibn Mahran yang lebih dikenali sebagai Ibn Khaniba, Sadfah ibn al-Munthir al-Qummi, `Ubaydullah ibn `Ali al-Halabi yang membawa bukunya kepada al-Sadiq [as] untuk disunting dan disahkan, yang mana beliau menghargainya dan berkata: "Adakah kamu lihat mereka ini yang mempunyai buku seperti yang ini." Abu `Amr seorang tabib, `Abdullah ibn Sa'id yang membawa bukunya kepada Abul-Hasan al-Rida [as] atas tujuan yang sama, dan Yunus ibn `Abdul-Rahman yang membawa bukunya kepada Imam Abu Muhammad al-Hasan al-Zaki al-`Askari. Sesiapa yang menyelidik biografi pengikut keturunan Muhammad [sawas], dan menyelidik mereka yang bersama dengan 9 para Imam dari keturunan al-Husayn, yang mengambil kerja-kerja mereka sezaman dengan Imam tertentu, dan untuk diteliti semula oleh Para Imam yang darinya mereka telah sebutkan, dan menyebarkan hadith dari keturunan Muhammad disetiap cabang dan akar umbi agama....., akan mendapati ribuan orang yang sedemikian. Kemudian jika dia telah memahami dengan ilmu sains disetiap darjah, seperti yang diturunkan dari semenjak masa 9 Imam yang ma'sum [as] sehingga kehari ini, dia pasti akan percaya diketika itu bahawa golongan para Imam ini adalah mutawatir [disampaikan secara turutan], dengan itu telah menghapuskan segala keraguan mengenai fakta bahawa penyembahan kami kepada Allah awj di dalam asas dan cabang agama adalah bersumber dari Ahli Rumah Rasul [as]. Tiada siapa meragui fakta ini melainkan

orang yang sombong dan perjudis atau benar-benar jahil, dari itu, segala puji bagi Allah yang telah membimbing kami kepada yang ini, kerana tanpa pimpinan dariNya, kami tentu tidak mendapat petunjuk; Wassalam.

Yang ikhlas,  
Sh

- [1] *Al-Huda*, majalah Iraqi, menyebutkan surat ini dan menerbitkannya dalam bentuk siri dan jilidnya yang pertama dan kedua di dalam ruang yang ditanda tangani oleh pengarangnya yang rendah hati.
- [2] Rujuk kepada biografi Jubayr ibn al-Habab ibn al-Munthir di dalam bahagian 1 dari *Al-Isabah*.
- [3] Itu adalah seperti indek al-Najashi, Shaykh Abu `Ali's *Muntahal Maqal fi Ahwalir Rijal*, Mirza Muhammad: *Minhajul Maqal fi Tahqiqi Ahwalir Rijal*, dan banyak lagi buku lain yang memperkatakan dengan cabang ilmu ini, dan ianya adalah banyak.
- [4] Ditunjukkan oleh ramai ahli dalam jurusan tersebut seperti Shaykh al-Baha'i di dalam *Wajiza*, dan ramai lagi dari personaliti yang terkenal.
- [5] Rujuk kepada al-Tibrisi: *Mujma`Bayan fi Tafsiril Qur'an* di dalam seksen yang memperkatakan tentang penafsiran pada ayat yang bacaanya: "Katakan: `Saya tidak meminta apa-apa ganjaran untuknya selain dari berkasih sayang kepada kerabat saya'" di dalam Surah al-Shūra, dan kamu akan dapatnya menyebutkan tafsir Abu Hamzah.
- [6] Rakan kami telah menyampaikan kesemua buku Abu Hamzah, memberi dia kepujian untuk semua ceritanya, dan secara khusus di dalam buku mereka. Penguasa terkemuka kami Sayyid Sadr ad-Din al-Mūsawi telah meringkaskan *Risalat al-Huqūq* dan telah menerbitkannya supaya dapat dihafalkan oleh remaja Muslim, dan beliau telah melaksanakan kerja itu dengan baik, semoga Allah membolehkan Muslim menikmati hasil keperihatinan beliau dan betapa besarnya usaha beliau.
- [7] Dia melakukan itu apabila dia menyebut Baqiriyya dan Ja`fariyya diantara golongan Shi`ah di dalam bukunya *Al-Milal wal-Nihal*.

## SURAT 111

### BERKEYAKINAN

#### Jamadi al-Awal 1, 1330 H

Saya menjadi saksi bahawa kamu, di dalam asas dan cabang agama, adalah pengikut dari keturunan Rasul. Kamu telah menjelaskan perkara ini dan menjadikannya nyata, menyingkap segala yang terlindung darinya; maka untuk meragui kamu adalah kegilaan, dan untuk tidak mempercayai kamu adalah sesat. Saya telah meneliti surat kamu dan mendapatinya amat menyenangkan. Saya telah menelitinya dan dengan itu dapat menghirup haruman ilahi yang menyegarkan. Sebelum mengenali kamu, saya selalu menjadi keliru dengan kepercayaan kamu disebabkan apa yang saya dengar dari kenyataan pembuat fitnah; sekarang saya dapati ianya adalah lampu yang menghapuskan kegelapan, dan saya tinggalkan kamu sebagai pemenang yang berjaya; dari itu betapa besarnya rahmat Allah yang telah dianugerahkan kepada saya, dan betapa besarnya faedah kamu kepada saya! Pujian bagi Allah tuhan sekalian alam, Wassalamo Alaikom.

Yang ikhlas,  
S

## SURAT 112

### PENGHARGAAN

#### Jamadi al-Awal 2, 1330

Saya menjadi saksi bahawa sekarang kamu telah faham dengan perkara tersebut, dan mampu menanganinya. Kamu telah melebihi dari yang lain di dalam memahami dan menyelidikinya secara halus, menelitinya dengan berhati-hati, dan memusingkan dan memandangnya pada segala sudut, memahami intipati implikasinya, mencari sifat dan semula jadinya, tanpa dibuaikan oleh semangat kebangsaan atau kepentingan peribadi. Dari itu sifat ikhsan kamu tidak dapat digugat tidak juga minda kamu dapat ditundukan. Kamu telah memperkatakan dengan mendalam; dan menyelidik dengan ikhsan adalah lebih menyenangkan, dengan minda yang mempunyai ruang yang lebih luas dari dunia ini, dengan secara terpeinchi menilaikan duduk perkara, serta mengeneipkan pandangan kawan dan taulan, sehinggalah apa yang tersembunyi kini telah timbul, kebenaran telah menampakkan dirinya, dan cahaya pagi telah terbit kepada semua yang boleh melihat; dari itu segala puji bagi Allah yang telah memimpin kami kepada agamaNya, dan telah berjaya mencapai apa yang Dia arahkan

kita untuk mencapainya pada jalanNya: Jalan Yang Benar, dan selawat dan salam kepada Muhammad dan ahli Muhammad, dengan salam yang banyak.

Yang ikhlas,  
*Sh*